

# *Bebunga Eden*

*Keharuman Syurgawi Bagi Jiwa Wanita*

Bebunga Eden (Kasih Syurgawi Bagi Jiwa Wanita)

hakcipta@ 2013 Tan Hwee Yong

Penulis: Tan Hwee Yong

Pelukis kulit: XXXXX

Ayat-ayat Alkitab diambil daripada Alkitab yang diterbitkan oleh Lembaga Alkitab Indonesia 2010, dan ejaan diubahsuai dengan Bahasa Malaysia. Hakcipta dilindungi undang-undang.

Diterbitkan oleh  
Upstream Publishing  
C703 Block C  
Perdana Condo  
PJU 8/1  
Damansara Perdana  
47820 Petaling Jaya  
Selangor

Dicetakkan oleh

ISBN:

# *Prakata*

Teresa Avila, penulis terkenal mengibaratkan jiwa kita bagai berlian dalam istana dalaman yang perlu disirami kehadiran Raja kita. Sedihnya, seringkali kita mementingkan istana luaran dan melalaikan berlian berharga ini. Buku “Bebunga Eden” bertujuan menolong wanita menyiram berlian kita dengan memetik bebunga rohani yang bermekar indah di bawah sinaran firman Allah.

Jiwa wanita yang disirami persahabatan intim bersama Allah bagai Taman Firdaus bagi Allah. Teresa mengajak kita ke “bilik dalaman” dan Andrew Murray memanggil kita ke “Bilik Di Atas” untuk bersekutu dengan Raja atas segala raja. Di istana-Nya tersedia hidangan mewah bagi jiwa kita namun banyak orang berada di luar istana. Jangan lupa menarik diri ke taman bunga bersama kekasih jiwamu, Tuhan Yesus dan merenungi firman-Nya.

Jiwa wanita yang dihujani kehadiran Tuhan bagai negeri yang dihujani dan dipelihara Allah dan berbunga mawar bermekar lebat. “Seperti bunga mawar ia akan berbunga lebat, akan bersorak sorak, ya bersorak-sorak dan bersorak-sorai... (Yesaya 35:2a).

Dengan rendah hati, wanita yang mencintai Allah berkata, “Apabila Engkau memberikannya mereka memugutnya; apabila Engkau membuka tangan-Mu, mereka kenyang oleh kebaikan” (Mazmur 104:28). Berserulah, “Tuhan Yesus, aku mahu dikenyangkan kasih setia-Mu sehingga bebunga rohaniku diredai-Mu.”

Kami menghulurkan sekalung budi kepada Jeffrey Yeo Peng Huat dan Eileen Tan Huee Leen yang telah menyumbang sebahagian kos penerbitan buku ini.

Tan Hwee Yong



## DICIPTAKAN DALAM GAMBARAN-NYA

Renungan: **Kejadian 1:26-27**

*Maka Allah menciptakan manusia itu menurut gambar-Nya, menurut gambar Allah diciptakan-Nya dia; laki-laki dan perempuan diciptakan-Nya mereka. —Kejadian 1:27*



wanita istimewa, sewaktu Allah menciptakan dunia, Dia menyempurnakan ciptaan-Nya dengan ciptaan Hawa. Hawa diciptakan menurut gambar-Nya untuk memuliakan Allah. Bagi bunga yang mencerminkan kemuliaan demikianlah wanita yang mengasihi Allah (Mazmur 19:2). Matlamat kekasih Allah ini hanya memuliakan-Nya dan menikmati kehadiran-Nya selama-lamanya.

Wanita

bagai bunga  
bermekar kasih ilahi  
beralun langkah  
seiring Roh Kudus

Suaranya

nada penghiburan  
alunan Bapa Syurgawi  
muzik hatinya  
mengalun kemerdekaan-Nya

Perilakunya

kelopak syukur  
diiringi kesetiaan  
penampilannya ceria  
disirami firman Allah

Liriknya

cerminan wajah-Nya  
jejarinya mencipta kelembutan  
kelopak pahit manis tersulam sabar  
beruntai buah-buah Roh Kudus

Bagai bunga

ketika tertiuap badai  
tangainya keteguhan iman  
perasaannya seirama kehendak Sang Pencipta  
beruntai berkat mengharungi ujian

Doa: O Allahku, aku diciptakan untuk memuliakan Engkau  
dan menikmati kehadiran-Mu.

## KARYA MAHIR

Renungan: **Kejadian 2:18-25**

*Manusia itu memberi nama Hawa kepada isterinya,  
sebab dialah yang menjadi ibu semua yang hidup.  
—Kejadian 3:20*

Pernahkah anda melihat pelukis yang sedang mengecat karya agungnya? Kepalanya melenggang ke kiri kanan sambil menghayati lukisannya, suatu karya seni agung. Keindahan seni meresapi sanubarinya. Hasil karya kreatif, lahirlah senyuman Mona Lisa yang seakan-akan tersenyum dari setiap sudut bilik!

O wanita, penciptaan Hawa istimewa kerana Allah tidak mencipta dia daripada debu seperti ciptaan lain. Dia diciptakan daripada tulang dan daging yang hidup. Hawa melambangkan ciptaan Tuhan yang kreatif, cantik dan penuh hikmat. Allah menciptakan Hawa kerana tidak ada ciptaan lain yang boleh menjadi teman dan penolong sesuai bagi Adam. Allah bagai seorang pelukis yang menghayati ciptaan-Nya berkata, "Tidak baik kalau manusia itu seorang diri saja. Aku akan menjadikan penolong baginya, yang sepadan dengan dia" (Kejadian 2:18).

Penolong bukan bererti pasangan kurang penting, sebaliknya dia seseorang yang sangat penting. Ketika kita berkata Allah Penolongku, kita bermakna Dia mampu memahami ciptaan-Nya seraya menghulurkan pertolongan. Allah menciptakan Hawa yang kuat dan yang dapat memahami serta menolong Adam dalam kehidupannya. "Dan daripada rusuk yang diambil TUHAN Allah daripada manusia itu, dibangun-Nyalah seorang perempuan, lalu dibawa-Nya kepada manusia itu" (Kejadian 2:22).

Yang istimewa, ciptaan wanita melambangkan imej Tuhan dalam kemampuan-Nya untuk mencipta dan memelihara. Adam menamakan wanitanya Hawa yang bererti ibu segala yang hidup dengan tepat sekali. Rancangan Tuhan menggambarkan keharmonian, Hawa dan Adam akan terlibat dalam rancangan penciptaan manusia yang selanjutnya. "Allah memberkati mereka, lalu Allah berfirman kepada mereka: 'Beranak cuculah dan bertambah banyak...'" (Kejadian 1:28).

Ingatlah wanita, anda anyaman Allah yang unik, "Sebab Engkaulah yang membentuk buah pinggangku, menenun aku dalam kandungan ibuku" (Mazmur 139:13). Tuhan mencipta anda dalam imej-Nya sehingga anda boleh memancar kasih, kekuatan, kebenaran, keindahan, kasih dan kebijaksanaan-Nya.

---

Doa: Penciptaku, aku bersyukur atas karya agung-Mu,  
aku yang Engkau tenunkan.

## KE ISTANA-NYA

Renungan: **Mazmur 73:25-26**

*Jiwaku hancur kerana merindukan pelataran-pelataran TUHAN,  
hatiku dan dagingku bersorak-sorai kepada Allah yang hidup.*

—Mazmur 84:3

**K**ehadiran Allah yang hidup sering menjadi kerinduan wanita yang mengasihi Allah. Seruan hatinya, “Siapa gerangan ada padaku di syurga selain Engkau? Selain Engkau tidak ada yang kuingini di bumi. Sekalipun dagingku dan hatiku habis lenyap, gunung batuku dan bagianku tetaplah Allah selama-lamanya” (Mazmur 73:25-26).

Wanita yang mengasihi akan Allah sering ke istana-Nya dan mencari wajah-Nya. Dia memahami seruan Pemazmur, “Jiwaku hancur kerana merindukan pelataran-pelataran TUHAN, hatiku dan dagingku bersorak-sorai kepada Allah yang hidup” (Mazmur 84:3). Jiwanya bagai berlian di istana-Nya yang selalu dipelihara dengan indah kerana di sinari-Nya.

Teresa Avila berkata, “Aku mula berfikir jiwa ibarat istana yang dibuat daripada sebiji berlian atau kristal yang sangat bernih, yang mempunyai banyak bilik.” Istana ini mempunyai banyak bilik seperti syurga yang mempunyai banyak rumah. Berlian ini jiwa kita yang berharga namun kita sering mementingkan luaran istana bukan dalaman istana kita. “Nilai-nilai baik apakah yang terselubuk dalam jiwa kita? Siapakah yang tinggal dalamnya atau betapa berharganya-inilah perkara yang jarang kita pertimbangkan dan oleh itu kita jarang mengambil berat memelihara keindahan jiwa dalaman kita. Semua minat kita berpusat pada rangka kasar berlian itu, dan di luar istana, iaitu tubuh kita.”

Teresa mengesyor doa dan meditasi sebagai cara memasuki dalaman istana kita. Mereka yang tidak masuk ke istana dalaman seperti pesakit di tepi kolam dan tidak berdaya masuk ke kolam mukjizat. Kita memiliki begitu banyak keinginan duniawi sehingga kita tidak rela masuk ke dalam kolam itu. Teresa berkata mereka yang hanya berdoa beberapa kali sebulan tidak dapat sampai ke pintu itu. Kalau pun mereka tiba, mereka hanya sampai ke bilik paling rendah yang dikerumuni oleh banyak reptalia sehingga mereka tidak dapat menghargai keindahan istana mahupun kemuliaan Allah. Walaupun mereka diberikan kuasa untuk bersekutu dengan Allah, tidak apa-apa boleh dibuat untuk mereka. Seandainya mereka tidak berusaha memahami keadaan melarat ini dan mencari jawapannya, mereka akan berubah menjadi tiang garam seperti isteri Lot yang menoleh.”

Doa: Allah, satu hal kupinta ialah bersama-Mu sehingga batinku jernih  
bagai kristal bermutu bukan tiang garam.

## HIDANGAN RAJA

Renungan: **Mazmur 22-27; Yesaya 25:6-8**

*"...TUHAN semesta alam akan menyediakan di gunung Sion ini bagi segala bangsa-bangsa suatu perjamuan dengan masakan yang bergemuk, suatu perjamuan dengan anggur tua benar, masakan yang bergemuk dan bersumsum, anggur yang tua yang disaring endapannya. — Yesaya 25:6*

Yesaya menceritakan tentang satu jamuan mewah yang akan datang bersama Raja segala zaman. Hidangan istimewa daripada Sang Raja akan menjamin kita mendapat makanan bersumsum dan minuman paling enak, anggur tua. Hidangan Sang Raja akan menghapuskan ketakutan akan maut dan air mata kerana di hadirat Sang Raja ada sukacita (Yesaya 25:8). Wahai wanita, santapan istana-Nya mewah dan kita harus merindunya sepuas-puasnya sehingga segala penyakit rohani terhapus.

Jonathan Edwards pada tahun 1703 pernah berkhutbah, "Maksud saya ialah kita tidak meletakkan batasan terhadap kelaparan ini. Seseorang boleh memuaskan diri sebanyak disukai mereka; mereka boleh menikmatinya sepuas-puasnya. Mereka tidak hanya menyambut satu kehausan menggebu-gebu, dan kelaparan besar, tetapi juga minum hingga penuh; ini tidak dianggap berlebihan. Mereka harus dan patut mencari segala kekayaan rohani yang boleh diperoleh oleh mereka. Mereka boleh menyenangkan kelaparan mereka akan kesalihan Firman Allah, dan mengejar kelaparan rohani dengan setinggi-tingginya. Mereka boleh menyenangkan kelaparan ini sebanyak mungkin dalam fikiran, meditasi, dan perbuatan mereka. Mereka boleh minum, ya, berenang dalam kesenangan rohani."

"O Tuhan, aku telah mencicipi kebaikan-Mu dan ia telah memuaskan aku dan membuat aku menghaus untuk lebih. Aku begitu menyedari akan keperluanku untuk lebih anugerah-Mu. Aku malu dengan kekurangan kerinduanku, O Allah Tritunggal, aku ingin merindui Engkau, saya haus untuk menjadi lebih haus lagi. Tunjukkan kemuliaan-Mu, aku berdoa kepada Engkau, agar aku mengenal Engkau dengan sesungguhnya. Dalam belas kasihan-Mu mulakan kerja baru dalam aku. Katakanlah kepada jiwaku, "Bangunlah, O kasihku, kekasihku, dan datanglah bersamaku." Kemudian berikan aku rahmat untuk bangkit dan mengikut Engkau dari lembahku yang berjerebu ini di mana aku telah berkeliaran begitu lama. Dalam nama Jesus. Amin" (A.W. Tozer).

Wahai wanita, rindu akan Allah dengan lebih haus lagi kerana kekurangannya membuat kita lemah dalam kehidupan rohani kita. Tanpa kerinduan ini, kegersangan akan mewarni kehidupan kita sehingga kita hidup tanpa pernah mencicipi kemanisan-Nya.

Doa: Allahku, aku ingin berjamu hidangan-Mu yang bersumsum untuk memuaskan jiwaku.

## NIKMATI KOLAM AIR HIDUP

Renungan: **Wahyu 22:1-2**

*Sebab dua kali umat-Ku berbuat jahat: mereka meninggalkan Aku, sumber air yang hidup untuk menggali kolam bagi mereka sendiri. — Yeremia 2:13*

**H**idup tanpa air hidup-Nya digambarkan oleh Pemazmur, “Aku sudah menyerupai burung undan di padang gurun, sudah seperti burung punggok pada reruntuhan” (Mazmur 102:7).

Mereka yang sering ke istananya akan menikmati mata air yang membul terus dari Sumber Air Ilahi tidak menjadi seperti burung undan. Pancutan air mereka deras kerana airnya berlainan kolam galian sendiri. Umat Tuhan pada zaman Yeremia tidak mencari air daripada Allah tetapi membuat kolam sendiri. “Sebab dua kali umat-Ku berbuat jahat: mereka meninggalkan Aku, sumber air yang hidup, untuk menggali kolam bagi mereka sendiri” (Yeremia 2:13).

Yeremia bersabda tentang air ini kepada umat Tuhan yang mencari sumber lain, “Takhta kemuliaan, luhur dari sejak semula, tempat bait kudus kita! Ya Pengharapan Israel, TUHAN, semua orang yang meninggalkan Engkau akan menjadi malu, orang-orang yang menyimpang daripada-Mu akan dilenyapkan di negeri, sebab mereka telah meninggalkan sumber air yang hidup, yakni TUHAN” (Yeremia 17:12-13).

Mereka yang setia berada dalam mata air Tuhan akan diselubungi berkat setiap musim. Bagi mereka yang bersama Raja, musim kering tidak memudaratkan jiwa mereka. “Tanah pasir yang hangat akan menjadi kolam, dan tanah gersang menjadi sumber-sumber air; di tempat serigala berbaring akan tumbuh tebu dan padang” (Yesaya 35:7).

“Dua palung diisi air dengan cara berlainan; satunya datang dari saluran air yang datang dari jauh dari banyak sumber yang memerlukan banyak kemahiran; dengan satu lagi, airnya sudah berada di situ, dan airnya diisi dengan tanpa banyak bising. Lagipula mata airnya berkelimpahan, airnya juga berkelimpahan sehingga suatu sungai besar terwujud. Ia tidak memerlukan kemahiran, dan binaan saluran air tidak perlu diteruskan tetapi airnya terus mengalir daripada sungainya” (Teresa Avila).

John Henry Jowett seorang penulis memberitahu kita, “Kita mempunyai keistimewaan yang sangat tinggi kerana kita minum dari sumber sungai Allah yang melegakan dahaga yang pernah diminum Abram dan Rasul Paulus.”

Doa: Bapa Syurgawi, aku hanya ingin minum dari sungai ilahi dan mengelakkan diri dari meneguk air keruh yang lain.

## RAHSIA TERBESAR BAGI ANDA

Renungan: **Kejadian 15**

*Lalu TUHAN membawa Abram ke luar serta berfirman: "Cuba lihat ke langit, hitunglah bintang-bintang, jika engkau dapat menghitungnya."  
Maka firman-Nya kepadanya: "Demikianlah banyaknya nanti keturunanmu." — Kejadian 15:5*

**K**ekasih Allah, inginkah anda mendengar rahsia-Nya yang terbesar bagi anda? Wanita yang ingin mengetahui rahsia isi hati Allah mengenai dirinya, keluarganya bahkan negaranya mesti meluangkan saat bersama Sang Raja. Allah akan mencurahkan rahsia-Nya kepada anda sehingga anda boleh menurut denyutan hati-Nya.

Allah berbisik dalam telinga Abram bahawa keturunannya akan menjadi sebesar bintang-bintang di langit. "Demikianlah banyaknya nanti keturunanmu" (Kejadian 15:5b). Setelah itu Allah mengikat perjanjian dengan Abram, suatu perjanjian yang luarbiasa mengenai keturunannya. "Pada hari itulah TUHAN mengadakan perjanjian dengan Abram serta berfirman: "Kepada keturunanmulah Kuberikan negeri ini..." (Kejadian 15:18).

Yohanes yang berada di Pulau Patmos bersama Allah juga mengetahui banyak rahsia yang istimewa. Roh Kudus memberitahunya rahsia tentang masa depan umat-Nya dan dunia. "Aku Yohanes, saudara dan sekutumu dalam kesusahan, dalam Kerajaan dan dalam ketekunan menantikan Yesus, berada di pulau yang bernama Patmos oleh kerana firman Allah dan kesaksian yang diberikan oleh Yesus. Pada hari Tuhan aku dikuasai oleh Roh dan aku mendengar dari belakangku suatu suara yang nyaring, seperti bunyi sangkakala..." (Wahyu 1:9).

Mubaligh kepada suku Dusun, Trevor White mendedikasi waktunya di Sekolah Alkitab untuk berdoa, rahsia Allah dinyatakan sewaktu dia membaca Alkitab tentang Allah memanggil Elia ke sungai Kerith untuk minum air; Allah juga mengutus burung gagak untuk memberi dia makanan. Pada permulaan cerita ini, Allah menyuruh Elia pergi ke Timur. Dalam rahsia ibadah Trevor, Allah memanggil dia ke Timur...

Yang diertikan Timur ialah Borneo di mana tinggal suku Dusun yang sangat mengasihi kanak-kanak dan mempercayai Allah yang bernama Kinorohingan. Suku ini mempercayai semua perkataan Kinorohingan yang pernah tertulis sudah lenyap sewaktu pemimpin mereka menyeberangi sungai. Menurut kepercayaan mereka, suatu hari orang lain dari tempat lain akan datang memberi mereka buku itu. Orang itu Asang yang menerima rahsia indah daripada TUHAN!

Doa: Ya Allahku, bisikkan rahsia-Mu, aku menunggu dalam keheningan saat ini di hadirat-Mu.

## BERTEMU DENGAN KEKASIH

Renungan: **Yohanes 17:20-25**

*Dan Aku telah memberikan kepada mereka kemuliaan, yang Engkau berikan kepada-Ku, supaya mereka menjadi satu, sama seperti Kita adalah satu. — Yohanes 17:22*

**H**ampa  
Impian melayang  
Pengharapan pudar  
Keberadaan tidak bererti  
Hanya seperti asap setiap musim

Wahai wanita jika anda merasa sebegini, kekasih jiwa sedang menunggu di istana-Nya, masuklah dan mencari Dia. Kekasih Jiwa tidak mahu kita hidup terpisah daripada-Nya dalam keberadaan yang tak bererti. Waktu bersama Kekasih jiwa sungguh penting kerana kita perlu mencurahkan kasih kita kepada Tuhan.

Perhubungan Tuhan Yesus dan Bapa-Nya sungguh akrab sehingga mereka satu dan tidak boleh dipisahkan. Segala hal dirunding bersama Bapa-Nya. Perhatikan curahan isi hati Tuhan Yesus kepada Bapa-Nya, "... sama seperti kita adalah satu" (Yohanes 17:22). "Aku di dalam mereka dan Engkau di dalam Aku supaya mereka sempurna menjadi satu, agar dunia tahu bahawa Engkau mengasihi mereka, sama seperti Engkau mengasihi aku" (Yohanes 17:23). Tuhan Yesus selalu mencari wajah Bapa-Nya kerana Dia mengasihi Kekasih Jiwa-Nya.

Tuhan Yesus selalu meyakinkan kasih-Nya kepada Kekasih Jiwa-Nya dan Dia menyelami kasih Bapa-Nya. Dia memberitahu Bapa-Nya bahawa sesungguhnya, Dia sudah dikasihi sejak permulaan dunia ini "...Engkau telah mengasihi Aku sebelum dunia dijadikan" (Yohanes 17:24).

Kekasih jiwaku menunggu di istana-Nya  
Di istana indah ini jiwaku disirami  
Di sini aku menatap kemuliaan wajah-Nya  
Aku mencurahkan kasihku dan hatiku  
Aku yakin akan kasih-Nya yang kekal

Kekasih jiwaku menunggu di istana-Nya  
Di istana indah ini kehendakku sepadu-Nya  
Di sini aku dipanggil untuk tinggal dalam-Nya  
Hanya satu hal yang kuperlu  
Aku hanya perlu bersatu dengan-Nya selalu

Doa: Penuhilah jiwaku dengan Kehadiran-Mu O Kekasih Jiwaku,  
aku datang ke istana kasih-Mu.

## BUNGA YANG BERMEKAR DALAM KEGELAPAN

Renungan: **Mazmur 100**

*Beribadahlah kepada TUHAN dengan sukacita, datanglah ke hadapan-Nya dengan sorak sorai! —Mazmur 100:2*



S. Lewis dalam renungan Mazmurnya berkata, “Hanya dalam proses disembah, baru Allah menyatakan kehadiran-Nya kepada manusia.”

Christina Tsai yang dijangkiti penyakit malaria tidak dapat bergerak dan tidak boleh terdedah kepada mentari. Selama hampir 50 tahun, dia tinggal dalam bilik gelap di Amerika namun keterbatasan ini tidak memutuskan persahabatannya dengan Allah. Bagai bunga teratai dalam kolam gelap, dia bertumbuh dalam kerohaniannya kerana kerinduannya akan Allah.

Dia menghibur mereka yang melawatnya kerana dari kegelapan bilik ini mereka menghayati sinaran mentari ilahi. Pengunjungnya duduk di kerusi tadika kecil untuk mendengar ajarannya. Selain itu, dengan pena dan kebenaran firman Tuhan, dia menulis buku-buku: *Ulat Sutera yang Berkepala Besar*, *Dua Beruang*, dan juga 56 renungan singkat. Semua karya ini dituliskan di suasana gelap dan bukan di tepi tasik indah.

Semua ini terjadi kerana Christian Tsai yang digelar permaisuri bilik gelap tetap membuat biliknya tempat ibadah. “... membuat tempat kudus bagi-Ku, supaya Aku akan diam di tengah-tengah mereka” (Keluaran 25:8). Ruth Bell Graham berkata, “Untuk Christina Tsai, Allah telah memberi katilnya sebagai mazbah dan biliknya yang gelap sebagai bengkel.”

Datanglah dengan kasih murni kepada Tuhan Yesus dalam keadaan apa pun, dan dengan penuh keyakinan. Sinaran Mentari akan mencerahkan hidupmu. Berdoalah, “Aku mengikuti keharuman aroma-Mu Tuhan, Engkau menarik aku dengan keharuman diri-Mu sendiri, dan dengan begitu dalamnya ke arah Engkau sendiri” (Madame Guyon).

O Tuhan Yesus  
 Aku ingin bermekar  
 Seperti bunga yang terkecil  
 Aku membuka kelopakku  
 Biarlah sinaran-Mu  
 Mengharum hidupku  
 Biarlah hatiku menjadi mazbah-Mu  
 Dinyalakan setiap saat bagi-Mu  
 Oleh daya kasih-Mu kepadaku

Doa: Allah, aku ingin memancarkan kemuliaan-Mu biarpun dalam keadaan susah dan gelap.

## TUNJUKKAN KEMULIAAN-MU

Renungan: **Keluaran 33:13-23**

*Tetapi jawabnya: "Perlihatkanlah kiranya kemuliaan-Mu kepadaku."  
—Keluaran 33:18*

Rindu akan Tuhan menjadi ciri unggul para tokoh hebat baik dalam Alkitab mahupun dalam sejarah gereja. A.W. Tozer dalam bukunya *"The Pursuit of God"* berkata, "Allah ialah peribadi; sifat-Nya begitu dalam dan berkuasa, Dia berfikir, berkemahuan, menikmati, merasa, merindui dan menderita seperti peribadi yang lain... Dia berkomunikasi dengan kita melalui minda, kehendak dan perasaan kita... Tatkala kita mendekati lelaki dan wanita zaman lampau, kita akan merasa kehangatan kerinduan mereka akan Tuhan. Mereka menangis kepada-Nya, berdoa dan mencari-Nya siang dan malam pada setiap musim. Apabila mereka menemui-Nya, O betapa manis kerana pencarian mereka begitu lama..."

Musa rindu melihat kemuliaan Tuhan dan mengenal TUHAN dengan lebih jelas lagi. Mengetahui TUHAN tidak cukup, dia mencurahkan kerinduannya untuk mengetahui kemuliaan-Nya. Keakraban Musa dengan TUHAN boleh dilihat dengan cara dia bercakap dengan TUHAN. "Dan TUHAN berbicara kepada Musa dengan berhadapan muka seperti seorang berbicara kepada temannya..." (Keluaran 33: 11a).

Kerinduannya semakin mendesak sehingga dia memohon lebih kasih karunia-Nya. "Maka sekarang, jika aku kiranya mendapat kasih karunia di hadapan-Mu, beritahulah kiranya jalan-Mu kepadaku, sehingga aku mengenal Engkau, supaya aku tetap mendapat kasih karunia di hadapan-Mu. Ingatlah, bahawa bangsa ini umat-Mu" (Keluaran 33:13).

Musa memohon agar dia dapat melihat kemuliaan Allah, "Perlihatkanlah kiranya kemuliaan-Mu kepadaku" (Keluaran 33:18). Allah memahami kerinduan dan perasaan Musa yang tidak lelah bertemu dengan dia. "Aku akan melewatkan segenap kegemilangan-Ku dari depanmu dan menyerukan nama TUHAN di depanmu: Aku akan memberi kasih karunia kepada siapa yang Kuberi kasih karunia dan mengasihani siapa yang Kukasihani" (Keluaran 33:19).

Bapa gereja awal, Francis Assisi yang rindu akan Tuhan telah memancarkan kemuliaan-Nya. Francis berdoa sepanjang malam, dia berseru, "Tuhanku, segenapku." Dia terus mengulangi, "Tuhanku, segenapku, Tuhanku, segenapku." Kawannya Bernard yang curi-curi mendengar doa Francis yang berlarutan sepanjang malam baru memahami sumber ketenangan dan kedamaian Santo Francis.

Doa: Ya Allah, satu-satu hal yang aku ingini ialah mengenal Tuhan Yesus yang indah.

## PANGLIMA BALATENTERA

Renungan: **Yosua 5:13-15**

*Dan Panglima Balatentera TUHAN itu berkata kepada Yosua, "Tanggalkan kasutmu dari kakimu, sebab tempat engkau berdiri itu kudus." Dan Yosua berbuat demikian. —Yosua 5:15*

**W**anita berharga, bergembiralah kerana kita memiliki Panglima Balatentera Tuhan! Augustine dari Hippo berkata, "Berhati-hatilah agar anda tidak menangisi kekurangan sendiri, anda diperintah untuk menaruh iman anda kepada Allah dan bukan kepada diri sendiri."

Dalam Kitab Bilangan 13:16, Allah menukarkan nama Hosea bin Nun kepada Yosua. Hoshea bererti "dia yang menyelamatkan" tetapi Yosua bererti "Tuhan yang menyelamatkan." Allah ingin Yosua menyedari bahawa sekalipun dia dipilih sebagai panglima umat Tuhan untuk mengetuai umat Allah memasuki Tanah Perjanjian, yang berperang ialah Panglima Balatentera.

Ketika Yosua berdekatan kota Yerikho, Panglima Kudus muncul dengan pedangnya. Dia bersabda, "... akulah Panglima Balatentera Tuhan. Sekarang aku datang, "Lalu sujudlah Yosua dengan mukanya ke tanah, menyembah dan berkata kepadanya: "Apakah yang akan dikatakan tuanku kepada hambanya ini? Dan Panglima Balatentera Tuhan itu berkata, "Tanggalkan kasutmu dari kakimu, sebab tempat engkau berdiri itu kudus. Dan Yosua berbuat demikian" (Yosua 5:13-15).

Sebaliknya, pahlawan lain yang bernama Eleazar berperang dengan orang Filistin sehingga tangannya lesu dan melekat pada pedangnya; dia tidak mengandalkan Panglima Balatentera Tuhan! (2 Samuel 23:10). Semuanya dilakukan dengan kekuatan sendiri dan bukan dengan yang Maha Kuasa.

"Tuhan akan berperang bagi anda, dan anda harus bertenang. Layangkan pandangan kepada-Nya, anda yang sedikit iman, biarlah keraguan berhenti. Perang ini milik Allah; Dia berkarya dengan cara ajaib, bukan dengan kekuatan mahupun kuasa, tetapi lihat Roh-Nya bergerak. Kita hanya hamba-hamba yang tidak layak. Apabila tugas kita sudah ditunaikan, kita hanya menunggu kemenangan-Nya, jangan takut, tenanglah dan percayalah" (Ruth Bell Graham).

Fred Smith berkata bahawa keberadaan kita adalah saluran bagi kuasa Allah yang mengalir dan kita bukan sumbernya. "Jika saya tidak bercampur tangan dan membiarkan Tuhan bekerja melalui aku; aku seperti saluran... saluran tidak pernah lelah. Jika saya menjadi pamnya dan juga saluran, saya akan diperas lebih daripada apa yang kumiliki."

Doa: Aku mengakui bahawa Engkaulah Panglima semua peperangan rohaniku dan bukan aku sendiri.

## KEINDAHAN BATIN

Renungan: **Amsal 25:4**

*Kemolekan adalah bohong dan kecantikan adalah sia-sia,  
tetapi isteri yang takut akan TUHAN dipuji-puji.  
—Amsal 31:30*

Setelah mendaki tujuh jam di Tembok Besar, aku bersama kawan-kawanku bersantai seraya menghayati keindahan matahari terbenam. Angin sepoi membuat dinihari dingin dan langit sudah nampak merah bercampuran oren. Gunung-ganang kelihatan bagai wanita-wanita yang berbaring tenang.

Wanita yang dikasihi, keindahan batin akibat sinaran Mentari Ilahi memberi kita keindahan bagai alam ketika matahari terbenam. Wanita yang memupuk keindahan Tuhan dalam proses bermekar keindahan-Nya. “Dan kita semua mencerminkan kemuliaan Tuhan dengan muka yang tidak berselubung. Dan kerana kemuliaan itu datangnya dari Tuhan yang adalah roh, maka kita diubah menjadi serupa dengan gambar-Nya, dalam kemuliaan yang semakin besar” (2 Korintus 3:18).

Sehelai kain yang ditenun memerlukan waktu dan kemahiran penenunnya. Baju orang Iban dan Lun Bawang mengambil waktu untuk mencorak keindahan yang unik. Butangnya, ribonnya, dan benang-benangnya memberi keindahan luarbiasa. Demikian juga, wanita perlu berusaha mengesamping waktu untuk merenungi firman Tuhan dan berdoa sehingga jiwa terbentuk indah oleh Tuhan.

Keindahan rohani daripada seorang ibu yang mengalir kepada anak-anaknya membawa pengaruh besar. Susanna Wesley, ibu kepada tokoh-tokoh terkenal seperti Charles dan Yohanes Wesley ialah wanita yang kaya dengan keindahan rohani. Susanna yang mengalir kecantikan rohani akan mengumpulkan anak-anaknya untuk beribadah bahkan dia menulis renungan Alkitab bagi anak-anaknya. Ketekunannya merenungi firman Tuhan dan berdoa ialah aspek keindahan yang tidak pernah diabaikan.

“Kita tidak mempunyai jalan singkat untuk mengalami kehidupan rohani. Pokok oak tidak bertumbuh hanya lepas semalam saja tetapi mengambil berabad-abad. Pembentukan sifat Kristus dalam diri kita mengambil sepanjang kehidupan kita dan hanya disiplin rohani dapat menolong kita dalam proses ini. Hal ini menjadi inti kepentingan, Tuhan Yesus juga menerapkannya. Yesus sering ke tempat yang sunyi untuk berdoa dan pengajaran-Nya membuktikan bahawa Dia mengambil daripada kekayaan kitab-kitab” (Brian G. Hedges). Wahai wanita, jika anda bejana yang belum terukir corak indahnya, serahkan diri anda dalam tangan Pengukir yang sabar.

Doa: Bapa Syurgawi, aku menunggu di hadirat-Mu untuk diilhami  
keindahan-Mu dalam jiwaku.

## SUARA PERDANA HATI WANITA

Renungan: **Maitus 3:13-17**

*Lalu terdengarlah suara dari syurga yang mengatakan:  
 “Inilah Anak-Ku yang Kukasihi, kepada-Nyalah Aku berkenan.”  
 —Matius 3:17*

Suara perdana “Inilah Anak-Ku yang Kukasihi, kepada-Nyalah Aku berkenan” mengalir terus dalam Tuhan Yesus sewaktu Dia berada di dunia. Penolakan, penghinaan mahupun kemiskinan tidak menghempaskan-Nya ke jurang kekecewaan kerana dalam telinga-Nya terngiang-ngiang, “Inilah Anak-Ku yang Kukasihi, kepada-Nyalah Aku berkenan.” Suara-suara sumbang tidak pernah dibiarkan-Nya bertandang untuk mengusut perasaan dan misi-Nya.

Sewaktu Tuhan Yesus menjaki dunia ini, Dia tahu Dialah Anak Allah yang dikasihi oleh Allah. Dia tidak perlu membuktikan kehebatan-Nya kepada sesiapaupun biarpun raja, imam, orang Farisi yang terpelajar mahupun iblis. Suara Perdana Bapa-Nya menghanyutkan segala arus dalam suara sumbang. Ketika iblis menyuruh Yesus menukarkan batu menjadi roti; menjatuhkan diri dari tempat tinggi; meraih semua kekayaan dunia ini semata-mata membuktikan kehebatan Diri-Nya, Tuhan Yesus tidak berminat.

Wanita, suara perdana apakah yang mengalir dalam batin anda? Dalam masyarakat kuno China, wanita dianggap berharga kalau melahirkan anak lelaki. Kelahiran seorang bayi lelaki dirayakan lebih meriah berbanding kelahiran seorang bayi perempuan. Suara perdana yang sumbang wanita pada zaman kuno di negara China ialah “Aku hanya seorang perempuan, kelas kedua.” Dalam kerajaan Allah, kelahiran seorang anak perempuan juga dirayakan dengan meriah kerana kita diciptakan dalam gambaran Allah seperti Adam.

Suara perdana Bapa Syurgawi bahawa kita adalah anak yang dikasihi-Nya memberi ketenangan. “Hati yang tenang menyegarkan tubuh, tetapi iri hati membusukkan tulang” (Amsal 14:30). Mereka bukan wanita yang sering cemburu akan kebolehan orang lain, atau perlu membuktikan kepandaian sendiri. Cacian, kedinginan sikap orang, pengkhianatan mahupun penderaan yang pernah dialaminya tidak menghanyutkannya. Kasih Allah Bapa telah menyembuhkan semuanya.

Wahai wanita berserulah, “O biar aku mendengar suara-Mu, dalam nada yang jelas dan tenang, jauh daripada suara sumbang yang lain. O Penjaga jiwaku, aku adalah anak-Mu yang Engkau kasihi.”

Doa: Allah Bapa, biar suara perdana-Mu “Awak anak Aku yang Aku kasihi”  
 membul dalam jiwaku.

## BERDIAM DI HADIRAT-NYA

Renungan: **Mazmur 16:7-9**

*Tetapi TUHAN ada di dalam bait-Nya yang kudus. Berdiam dirilah di hadapan-Nya, ya segenap bumi! —Habakuk 2:20*

Sewaktu ayahku memberi aku kaktus dalam pasu, dia memberi satu nasihat yang berharga. “Tidak lama lagi beberapa kaktus kecil akan bertumbuh di sekelilingnya. Awak mesti memindahkannya ke dalam beberapa pasu bunga supaya semuanya boleh bertumbuh sihat. Demikian juga, anak-anak Tuhan memerlukan ruangan sendiri untuk berdiam di hadirat Allah dan bertumbuh.

Manusia suka bersama  
 Berjoget bersama  
 Berseimbang bersama  
 Membeli belah bersama  
 Minum teh tarik bersama  
 Mengadun kuih dodol bersama

Berserulah...

Tuhan segala ciptaan  
 Ini takhta hatiku  
 Pusat segalanya  
 Aku mahu menyendiri mencari wajah-Mu  
 Nyalakan takhtaku dengan kehangatan kasih-Mu  
 Aku tidak mampu menyalanya sendiri  
 Aku mencari Engkau lagi

Santo Benedict percaya bahawa kesunyian sebagai gaya kehidupan sangat kita perlukan. Dia berkata hanya apabila hati manusia bertenang, barulah dia dapat mendengar suara yang kecil itu. Selain itu, dia berkata kalau seseorang bercakap sewaktu dia sepatut berdiam, sikap ini boleh mengalihkan perhatiannya daripada Allah serta membawanya ke perjalanan yang mengarah tumpuan kepada diri sendiri.

Walau bagaimanapun penulis Graham Kendrick berpendapat, “Untuk beribadah kepada Allah, ia harus dilakukan dengan kehangatan hati yang membara, sama ada dalam cara yang lama atau cara yang baru, dalam kesunyian mahupun dalam sorakan, dalam keheningan atau berdansa.” Wahai wanita, saat menyendiri bersama Allah di taman persahabatan dan penghiburan-Nya tidak dapat digantikan oleh aktiviti lain.

Doa: Aku menyambut Engkau, Juruselamat yang manis, dalam keheningan dan kesunyian saat ini.

## KASIH ALLAH

Renungan: **Efesus 3:18-21**

*Aku berdoa, supaya kamu bersama-sama dengan segala orang Kudus dapat memahami, betapa lebarnya dan panjangnya dan tingginya dan dalamnya kasih Kristus.*

—Efesus 3:18

Kasih Allah menjangkau hingga ke bintang tertinggi dan menjamah kuda laut di gua gelap dalam lautan. Wanita, kita boleh merasa kasih Allah tetapi kita tidak dapat menyelami keagungan-Nya seperti waktu kita berusaha membayangkan keagungan ciptaan lautan dan berjutaan binatang dalamnya. Kita boleh menghargai bimbingan Allah namun kebijaksanaan-Nya tak dapat kita selami.

Kitab lepas kitab dalam Alkitab menggambarkan kasih Allah yang ajaib. Panjangnya kasih Allah bermula sejak Adam dan Hawa jatuh ke dalam dosa dan menjangkau hingga akhir zaman. Tangan Maha Kasih terulur kepada manusia sebelum tirai ditutupkan dan sangkakala berbunyi. Kasih Allah yang begitu tinggi sehingga ia membawa Tuhan Yesus dari syurga ke bumi untuk berjalan di kalangan manusia, dan untuk mati bagi dosa kita.

Wahai wanita, Rasul Paulus menasihati agar kita memahami kasih Tuhan yang ajaib. “Aku berdoa, supaya kamu bersama-sama dengan segala orang kudus dapat memahami, betapa lebarnya dan panjangnya dan tingginya dan dalamnya kasih Kristus, dan dapat mengenal kasih itu, sekalipun ia melampaui segala pengetahuan. Aku berdoa, supaya kamu dipenuhi di dalam seluruh kepenuhan Allah” (Efesus 3:18-19).

Allah dapat melakukan jauh lebih banyak dan besar dalam diri kerana kebaratan, ketinggian, dan kedalaman kasih-Nya yang tiada batas. “Bagi Dialah yang dapat melakukan jauh lebih banyak daripada yang kita doakan atau fikirkan seperti yang ternyata dari kuasa yang bekerja di dalam kita” (Efesus 3:20).

“Seringkali iman kita terikat pada pemahaman dunia dan kita berkesulitan mempercayai Allah boleh melakukan sesuatu yang minda kita tidak dapat menjelaskannya. Hanya sewaktu kita meluangkan waktu memuja Allah, memusatkan renungan kita kepada sifat Allah-khususnya keagungan-Nya dan kasih-Nya-sehingga iman kita mulai meningkat” (David Watson).

Wahai wanita yang dikasihi, tinggal dalam kasih-Nya selalu dan mempersembahkan diri kita kepada-Nya seperti Dia yang memberi Diri-Nya sebagai korban kita.

Doa: Kasih-Mu begitu tinggi, lebar dan dalam, aku memohon Engkau memenuhi aku dengan kasih-Mu.

## KASIH BAPA SYURGAWI

Renungan: **Lukas 15:11-32**

*Maka bangkitlah dia dan pergi kepada bapanya. Ketika dia masih jauh, ayahnya telah melihatnya, lalu bergerak hatinya oleh belas kasihan.*

*Ayahnya itu berlari mendapatkan dia lalu merangkul dan mencium dia. —Lukas 15:20*

Menghayati lukisan Eugene Burnand yang berjudul “Anak Yang Sesat” menarik aku menghargai kasih Bapa Syurgawi. Suasana sekitar anak dan bapa muram tetapi kasih Bapa Syurgawi menyerikan saat itu. Lukisan ini mengingatkan saya bahawa perjalanan manusia di dunia dingin tanpa saat pelukan antara anak sesat dengan Bapa Syurgawi.

Pelukisnya menggambarkan jubah bapanya besar sehingga menutupi tubuh anaknya dengan hangat. Anak ini banyak menderita kerana telah menjadi penjaga babi sewaktu merantau. Wanita, tanpa pemulihan perhubungan dengan Bapa Syurgawi, kita tinggal dalam serba kekurangan. Kita perlu kembali kepada pelukan Bapa Syurgawi dan perlindungan jubah-Nya yang hangat.

Mata Bapa Syurgawi yang penuh kerinduan selalu melayang ke jendela sambil menunggu kepulangan anak sesat. Kerinduan Allah Bapa agar anak sesat kembali ke pelukan-Nya telah menyebabkan Dia mengutus Anak-Nya yang tunggal ke dunia ini. “Kerana begitu besar kasih Allah akan dunia ini, sehingga Dia telah mengaruniakan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap orang percaya kepada-Nya tidak binasa, melainkan beroleh hidup yang kekal” (Yohanes 3:16).

Kasih Bapa Syurgawi sering diinjak oleh anak-Nya seperti debu walaupun Dia sudah menghulurkan banyak kebaikan dan rahmat terhadapnya. Bapa Syurgawi menanti dengan mata yang penuh kerinduan dan kesabaran yang selalu rela mengampuni anak-Nya yang merantau jauh daripada-Nya, merosakkan imej Tuhan dalamnya, dan hidup bertentangan dengan kesalihan.

Wahai wanita, kasih Allah Bapa tidak pernah bersurut. Pandanglah kepada mata-Nya yang penuh kerinduan dan rasakan dengupan hati-Nya bagi anda setiap saat sewaktu menantikan kepulangan anda. Katakan, “Bapa, aku telah berdosa terhadap syurga dan terhadap bapa, aku tidak layak lagi disebutkan anak bapa” (Lukas 15:21).

Biar jiwamu menerima kasih Bapa dan mengalir dengan kehangatan-Nya selalu dan tidak merantau lagi. Sambutlah kasih Bapa Syurgawi dengan penuh sukacita dan merayakannya bersama semua makhluk syurgawi!

Doa: Bapa Syurgawi, aku ingin kembali kepada kasih-Mu yang memulihkan aku.

## AKU HAMBA-MU

Renungan: **Lukas 1:26-38**

*Kata Maria, “Sesungguhnya aku ini adalah hamba Tuhan:  
jadilah padaku menurut perkataanmu itu.”*

—Lukas 1:38a

**M**aria tidak bertanya kenapa Allah tidak memilih wanita lain menjadi ibu Juruselamat ketika malaikat Allah datang dengan misi mulia ini. Wanita mulia ini tahu kehidupannya bukan miliknya sendiri kerana segenap keberadaannya milik-Nya. Dengan segera, dia mengambil keputusan tepat dan menjawab, “Sesungguhnya aku ini adalah hamba Tuhan: jadilah padamu menurut perkataanmu itu” (Lukas 1:38a).

“Jadilah padaku menurut perkataanmu itu” bukanlah sebutan yang mudah kerana Maria akan menanggung banyak cabaran. Maria tinggal pada zaman pemerintahan Rom yang terdiri daripada raja-raja kejam dan bengis seperti Herodus. Apalagi, pemimpin-pemimpin agama yang tidak bersimpati akan merejam pendosa dengan tanpa belas kasihan, dan jirannya akan mencaci. Bagaimana pula dengan tunangnya, adakah dia akan memutuskan rancangan perkahwinan mereka?

Kepercayaannya akan kebesaran Allah dan ketaatannya terhadap panggilan ini memampukan Maria mengatasi segala cabaran. Pengertian Maria memampukan dia menyanyi, “kerana Yang Maha Kuasa telah melakukan perbuatan-perbuatan besar kepadaku dan nama-Nya adalah kudus” (Lukas 1:49). Maria selalu ingat, “sebab bagi Allah tidak ada yang mustahil” (Lukas 1:37). Kebesaran Allah untuk melakukan segala yang mustahil melenyapkan ketakutan akan ancaman yang dihadapinya.

Sikap Maria yang berpasrah kepada kehendak Allah telah menggenapi nubuat indah yang dijanjikan oleh Yesaya dan nabi-nabi lain. “Sebab seorang anak telah lahir untuk kita, seorang putera telah diberikan untuk kita; lambang pemerintahan ada di atas bahunya, dan namanya disebutkan orang: Penasihat Ajaib, Allah yang Perkasa, Bapa yang Kekal, Raja Damai” (Yesaya 9:5).

Mata Maria tidak hanya melihat kepada kepentingan sendiri tetapi kepentingan panggilan ini. Saat ini bukan wahyu minda sahaja tetapi juga suatu pengertian yang mendalam dalam hati Maria. Maria menyembunyikan semua ini dalam hatinya dan tidak gagal dalam misi menjadi ibu Anak Tunggal Allah yang telah menjelma sebagai manusia, dan yang akan berjalan di tengah-tengah manusia. Kata-kata malaikat selalu diingat Maria, “Jangan takut, hai Maria, sebab engkau beroleh kasih karunia di hadapan Allah.

Doa: Jadikan segala yang Engkau ingini dalam kehidupanku seperti menurut kehendak-Mu.

## JIWA MARIA MEMBESARKAN NAMA TUHAN

Renungan: **Lukas 1:46-55**

*Lalu kata Maria: Jiwaku memuliakan Tuhan, dan hatiku bergembira kerana Allah, Juruselamatku.  
—Lukas 1:46-47*

Alkitab King James Version berkata, “Jiwaku membesarkan Tuhan, dan jiwaku bergembira kerana Allah, Juruselamatku” (Lukas 1:46-47). Sikap Maria yang membesarkan Tuhan mendatangkan terang pengertian dan kegembiraan dalam hatinya. Maria membesarkan Tuhan dalam jiwanya dan merendahkan diri di hadirat Allah yang agung.

Terang pengertian ilahi memenuhi kalbu Maria sehingga dia membesarkan dan memuliakan Tuhan. Dia menyanyi, “sebab Dia telah memperhatikan kerendahan hamba-Nya. Sesungguhnya, mulai dari sekarang segala keturunan akan menyebut aku berbahagia” (Lukas 1:48). Maria memuji kebesaran Allah dan kebaikan-Nya, walaupun dia berasal daripada keluarga miskin, dia telah dipilih untuk tugas mulia ini.

Jiwa Maria membesarkan rahmat Allah yang mengaruniakan Juruselamat kepada manusia. “Dan rahmat-Nya turun temurun atas orang yang takut akan Dia” (Lukas 1:50). Rahmat Allah telah mengaruniakan kepada manusia Juruselamat khususnya mereka yang rela melihat keadaan diri mereka yang berdosa.

Letakkan takhta Tuhan dalam pusat hati anda dan membesarkan-Nya dalam segala sudut hidup anda. “Tempatkan matahari di pusat takhta, dan semua peredaran cakerawala akan mengikut arah-Nya. Letakkan Yesus di takhta hidup anda, dan semua perkara akan beredar dalam harmoni dan damai. Cari dulu kerajaan Tuhan dan semuanya milik anda. Penyerahan ialah syarat yang wajib untuk keadaan yang diberkati. Terang akan menyinari perjalananmu yang sudah tidak bersinar banyak hari. “Bagimu akan ada matahari yang tidak pernah terbenam dan bulan yang tidak surut...” (Yesaya 60:20) (F.B. Meyer).

Biar terang ilahi memberi kita pengertian benar akan karya Allah dalam hidup kita kerana kita membesarkan-Nya. Hanya dengan membesarkan-Nya selalu anda dapat menyanyi lagu pujian yang tepat dalam hidupmu.

Wahai wanita, mereka yang tinggal di bawah naungan Maha Kuasa akan membesarkan-Nya kerana Allah adalah watak dalam segala yang mustahil. “Dia harus semakin bertambah besar dan saya semakin berkurang” (Martin Luther King).

Doa: Allah, biarlah Engkau semakin membesar dalam jiwaku dan karya ajaib-Mu nyata dalam diriku .

## BAHU-NYA

Renungan: **Yesaya 54:5-6**

*Seorang di antara murid Yesus, iaitu murid yang dikasihi-Nya,  
bersandar dekat kepada-Nya, di sebelah kanan-Nya.*

— Yohanes 13:23

Pada musim isteri Johnson menderita barah, bahu Johnson menjadi sumber penghiburan. Saat Clarina melawan sel-sel barah yang menyeksanya tetapi sandaran bahu suaminya memberinya kekuatan jiwa. Demikian juga, kita mempunyai sandaran bahu ilahi untuk penghiburan. Nabi Yesaya mengibaratkan persahabatan umat Tuhan dengan TUHAN bagi mempelai dan pengantin. “Sebab yang menjadi suaminya ialah Dia yang menjadikan engkau, TUHAN semesta alam nama-Nya; yang menjadi Penebusmu ialah yang Maha Kudus, Allah Israel, Dia disebut Allah seluruh bumi” (Yesaya 54:5).

Yohanes bersandar pada bahu Tuhan Yesus untuk nasihat dan penghiburan. Alang indahnnya, dia dapat meluahkan segala yang berada dalam lubuk hatinya kepada Yesus. Bukan Yohanes sahaja, setiap wanita boleh bersandar pada bahu Allah yang berbelas kasihan. Tuhan Yesus yang memberi segalanya termasuk nyawa-Nya bagi kita juga memberi bahu-Nya kepada anda pada saat sengsara.

Berikan segala beban mahupun kekhuatiran anda kepada Allah yang Maha Penyayang. “Tetapi aku, kepada kasih setia-Mu aku percaya, hatiku bersorak-sorak kerana penyelamatan-Mu. Aku mahu menyanyi untuk TUHAN, kerana Dia telah berbuat baik kepadaku” (Mazmur 13:6). Hanyalah kepada Allah, Daud bersandar sewaktu musuh-musuhnya menginjak dia. “Waktu aku takut, aku ini percaya kepada-Mu” (Mazmur 56:4).

Saat peristiwa sekeliling bergelora, biar hatimu dipenuhi oleh damai yang melampaui batas pengertian. “Yang hatinya teguh. Kau jagai dengan damai sejahtera, sebab kepada-Mulah dia percaya” (Yesaya 26:3). Sewaktu anda ketakutan kerana diserang penyakit, sandarlah kepada Gunung Batu Kekal, Allah mengasihi anda selalu. “Percayalah kepada TUHAN selama-lamanya, sebab TUHAN ALLAH adalah gunung batu yang kekal” (Yesaya 26:4).

“O betapa manis berjalan di jalan musafir ini. Bersandar pada bahu yang kekal. O betapa cerah jalanku dari sehari ke sehari. Bersandar pada bahu yang kekal. Apakah yang perlu kutakut? Bersandar pada bahu kekal Yesus...” (Anthony J.Showalter, 1924). “Allah yang abadi adalah tempat perlindungan, dan di bawahmu ada lengan-lengan yang kekal. Dia mengusir musuh daripada depanmu dan berfirman: Punahlah!” (Ulangan 33:27).

Doa: Aku bersyukur atas bahu ilahi yang menjadi sumber penghiburan dan kedamaian dalam setiap bab hidupku.

## IMAGINASI BARU

Renungan: **1 Petrus 1:13; Matius 22:37**

*Jadi akhirnya, saudara-saudara, semua yang benar, semua yang mulia, semua yang adil, semua yang suci, semua yang manis, semua yang sedap didengar, semua yang disebut kebajikan dan patut difikirkanlah semuanya itu. —Filipi 4:8*

Tuhan Yesus bersabda, “Kasihilah Tuhan, Allahmu, dengan segenap hatimu dan dengan segenap jiwamu, dan dengan segenap akal budimu” (Matius 22:37). Perkataan akal budi dalam bahasa Yunani “dionoia” berarti imajinasi. Mengasihi Allah dengan seluruh imajinasi kita memastikan segala yang mulia dan suci mengalir daripadanya.

Rasul Paulus menekankan kepentingan imajinasi dalam ibadah kita. Imajinasi yang menyeleweng memalapkan jiwa dan perhubungan kita. Jawaban Paulus untuk jemaah yang menghadapi konflik, “Jadi akhirnya, saudara-saudara, semua yang benar, semua yang mulia, semua yang adil, semua yang suci, semua yang manis, semua yang sedap didengar, semua yang disebut kebajikan dan patut difikirkanlah semuanya itu” (Filipi 4:8). Jika jemaah Filipi menumpu imajinasi kepada kelemahan sesama, mereka tidak dapat bersatu dalam Allah.

Imajinasi Betty selalu tertumpu kepada kelemahan suaminya. Perasaannya dan tingkah lakunya terhadap suaminya semakin dingin. Tidak lama kemudian, banyak monyet hitam mengusik perasaannya sehingga dia terpaksa berjumpa seorang kaunselor. Sewaktu di bilik kaunseling, kaunselornya mengutip Filipi 4:8 untuk menolong Betty mendatangkan imajinasi yang manis.

“Puan, bolehkah kamu fikirkan satu hal yang elok dan terpuji dalam suaminya?” tanya kaunselornya.

“Ya, dia pandai masak sup ekor, kami sekeluarga sangat menyukai supnya,” kata Betty

“Bagus, bagus, puan, bolehkah kamu kembali ke rumah dan berusaha memikirkan sifat suami yang menyenangkan kamu? Minggu depan, puan boleh menceritakannya kepada saya...fikirkan manis ya,” kata kaunselor itu.

Wanita, “Sebab itu siapkanlah akal budimu, waspadalah dan letakkanlah pengharapanmu seluruhnya atas kasih karunia yang dianugerahkan kepadamu pada waktu pernyataan Yesus Kristus” (1 Petrus 1:13). Kalau imajinasi kita dilemparkan ke dalam air keruh, maka buaya yang berbahaya akan membaham imajinasi kita. Berilah kepada Yesus.

Doa: Allahku, siramilah imajinasiku dengan segala yang manis, terpuji dan yang mendatangkan berkat.

## ULANGI NOTA PERTAMA LAGI

Renungan: **1 Yohanes 2:10-11**

*Barangsiapa mengasihi saudaranya, dia tetap berada di dalam terang, dan di dalam dia tidak ada penyesatan. —1 Yohanes 2:10*

“Ulangi nota pertama lagi,” kata guru saksofon saya. Impian saya untuk bermain saksofon seperti Kenny G. ternyata tidak akan tergapai. Dalam hal iman, kita mungkin bermain banyak nota dan irama indah tetapi kita lupa akan nota utama iaitu kasih.

Kalau kita ingin dikenali sebagai anak Allah dan bukan pendusta, kita mesti bermain nota kasih. Nota kasih sangat dipentingkan oleh Rasul Yohanes. “Jikalau seseorang berkata: “Aku mengasihi Allah,” dan dia membenci saudaranya, maka dia pendusta, kerana barangsiapa tidak mengasihi saudaranya yang dilihatnya, tidak mungkin mengasihi Allah, yang tidak dilihatnya” (1 Yohanes 4:20).

Bukankah corak kuih selalu mengikut acuan-Nya? Kasih Allah menjadi acuan yang diwarisi oleh setiap anak Allah dalam segala selok belok kehidupan. “Kita telah mengenal dan telah percaya akan kasih Allah kepada kita. Allah adalah kasih dan barangsiapa tetap berada di dalam kasih, dia tetap berada dalam Allah dan Allah di dalam dia” (1 Yohanes 4:16).

Nota-nota kasih yang perlu kita ulangi: kesabaran, murah hati, tidak cemburu, tidak memegahkan diri, tidak sombong, tidak melakukan yang tidak sopan, tidak mencari keuntungan diri sendiri, tidak pemaarah, tidak bersukacita kerana ketidakadilan (1 Korintus 13). Semua ini harus dilakukan dengan pertolongan Roh Kudus dan kasih Allah yang memenuhi kita.

Kadangkala nota ini perlu diperhaluskan lagi walaupun kita menduga alunannya sudah indah. Di luar dugaan apabila mak mertua anda berkata masakan anda kurang sedap, nota kasih sudah hilang melayang. Kasih itu irama yang sedang kita pelajari selama kita berada di dunia ini bersama sesama manusia. Anak Tuhan tertentu tetap berada pada nota permulaan walaupun sekian tahun dan yang lain sudah mengalir irama kasih Yesus yang nan merdu. Yang terpenting kita selalu belajar memainkan nota yang tepat walau kadangkala kita gagal.

Wanita, jangan kita dikatakan berpantun kasih di bawah pokok kelapa yang melambai-lambai mesra tetapi sampan kasih tidak pernah meninggalkan sisiran pantai kita? Pengetahuan ilahi hanya terbuka dalam minda tetapi kehidupan yang memancarkan terang ilahi mengalir kasih. “Jiwa tidak memerlukan kuasa lain untuk menariknya kecuali kesungguhan kasih” (Jeanne Guyon).

Doa: O Tuhan Maha Kasih, ajar aku memainkan nota pertama dengan lebih indah lagi.

## CUBALAH NAIKKAN PUJIAN

Renungan: **Mazmur 34:1-6**

*Aku hendak memuji TUHAN pada segala waktu; puji-pujian kepada-Nya tetap di dalam mulutku. —Mazmur 34:2*

Puji-pujian kepada TUHAN tidak hanya mendatangkan perubahan kepada keadaan sekeliling kita tetapi yang terpenting pencerahan suasana jiwa kita. Pemazmur yang menghadapi saat ancaman, cabaran daripada musuh bahkan maut selalu menaikkan puji-pujian kepada TUHAN.

William Law seorang pemikir hebat pada abad 18 pernah mengalami mukjizat sewaktu dia menaikkan puji-pujian kepada TUHAN pada saat dia diselubungi kegelapan. "Pada suatu malam yang gelap, aku sedang bergomol dalam doa kepada TUHAN. Aku tidak mendapat jawabannya. Kemudian aku berpaling kepada pujian. Segera arus surut dan aku mengalami satu ombak mukjizat yang mengagumi aku dan keluargaku."

Naikkan pujian kepada TUHAN sekalipun kenyataan hidup tidak indah dan tidak secerah yang anda harapkan. Anda dicabar oleh ketidakadilan, kesakitan, perasaan terluka, ketidaksetiaan kawan, dan sebagainya. Panorama hidup anda biasanya tidak semesti warna yang anda lihat dengan jendela mata anda.

Buka jendela mata rohani anda dengan selebar-lebarnya dan naikkan pujian kepada TUHAN. Pemazmur yang dianiaya oleh musuh-musuh memuji TUHAN dan melihat pemeliharaan-Nya. Mata rohaninya terbuka setelah dia memasyurkan dan memuliakan nama-Nya. "Malaikat TUHAN berkhemah di sekeliling orang yang takut akan Dia lalu meluputkan mereka" (Mazmur 34:8).

Puji-Pujian segera menolong Pemazmur berpaling dari masalahnya dan memusatkan perhatiannya kepada kebaikan Allah. "Kecaplah dan lihatlah, betapa baiknya TUHAN itu! Berbahagialah orang yang berlindung pada-Nya!" (Mazmur 34:9). Pemeliharaan TUHAN yang tidak pernah gagal juga dilihatnya dengan sudut mata yang kreatif. "Singa-singa muda merana kelaparan, tetapi orang yang mencari TUHAN, tidak kekurangan sesuatu pun yang baik" (Mazmur 34:11).

Wahai wanita, biar cetusan pujian mengalir daripada kita walaupun segalanya terjadi. Biar kita beribadah dan memuji Allah Raja kita, dan bersyukur atas kuasa dan kasih-Nya. Dia Pelindung sejak zaman dahulu hingga sekarang. "Anugerah selalu hadir dalam dia yang sungguh-sungguh bersyukur" (Thomas A. Kempis).

Doa: Sorak pujian dan kesyukuran aku naikkan kepada TUHAN yang melepaskan aku dari segala kegentaran!

## SUNGAI HIDUP

Renungan: **Yehezkiel 47**

*Dia seperti pohon, yang ditanam di tepi aliran air, yang menghasilkan buahnya pada musimnya, dan yang tidak layu daunnya, apa saja yang diperbuatnya berhasil. — Mazmur 1:3*

**W**anita, siapkah anda seperti Yehezkiel dipimpin oleh makhluk syurgawi ke sungai yang membual sehingga anda berenang? Di tepi sungai yang anda renang itu, bertumbuh pepohon buah dan daun yang tidak layu. Di mana sungai itu mengalir, makhluk hidup berkeriapan. Segala sesuatu akan dipulihkan kerana air ilahi yang berbual-bual menggantikan air mati.

Kesuburan sungai rohani kita bergantung pada kerinduan kita akan Allah. Air itu segala sumber kehidupan yang berlimpah ruah. Tuhan Yesus bersabda, “Dan pada hari terakhir, barangsiapa haus, baiklah dia datang kepada-Ku, seperti yang dikatakan oleh Kitab Suci: Dari dalam hatinya akan mengalir aliran-aliran air yang hidup” (Yohanes 7:37).

Kalau air sumber hidup tidak mengalir terus, kita menderita pelbagai penyakit rohani.

Santo Bonaventure mengajak kita berdoa agar Sungai Hidup Mengalir Dalam Diri Kita, “Biarlah hatiku lapar dan bersantapan daripada Engkau; Dia yang malaikat-malaikat rindu lihat, dan biarlah jiwa dalamku dipenuhi dengan kemanisan rasa-Mu; biarlah jiwa haus akan Engkau, pancaran air, pancaran kebijaksanaan dan pengetahuan, pancaran terang kekal, aliran deras nikmat, kepenuhan Bait Allah; biar aku selalu bersama Engkau, mencari Engkau, berlari kepada Engkau, datang kepada Engkau, bermeditasi pada Engkau, bercakap mengenai Engkau, dan melakukan semua ini demi pujian dan kemuliaan Engkau, dengan kerendahan hati dan kebijaksanaan, dengan kasih dan kesukaan, dengan kasih sayang dan secara alamiah, dengan tekun hingga ke akhirnya; Engkau sahaja yang menjadi pengharapanku, seluruh keyakinanku, kekayaanku, kebahagiaanku, nikmatku, sukacitaku, ketenanganku dan rehatku, damaiku, kemanisanku, makananku, kesegaranku, perlindunganku, pertolonganku, kebijaksanaanku, bahagianku, milikku, harta bendaku; dalam-Mu seluruh minda dan hatiku berpaut teguh dan tidak dapat digoyahkan” (Santo Bonaventure).


Wahai wanita, “Pandanglah ke atas, anda yang kering dan layu. Mekarlah dedaun dan bebunga anda untuk menerima air syurgawi” (Charles Spurgeon).

Doa: Sungai hidup, teruslah berbual-bual dalam jiwaku sehingga aku menikmati segala kepenuhan dalam diri-Mu.

## DIA MELEMPARKAN TALI KASIH

Renungan: **Mazmur 23**

*TUHAN adalah gembalaku, takkan kekurangan aku. —Mazmur 23:1*

 ara unik sewaktu menterjemahkan Alkitab Tamil menolong pembaca tuli memahaminya, bahasa isyarat jelas dan gambarannya kreatif. Terjemahan ini juga sungguh menghibur wanita yang memerlukan penghiburan dan bimbingan Sang Gembala sewaktu melewati gunung ganang.

### MAZMUR 23

Bapa Syurgawi agung ialah Ketua Gembalaku.

Aku milik-Nya dan aku hanya mengingini-Nya.

Dia melemparkan tali-Nya, dan nama tali-Nya tali kasih.

Dia membimbing aku ke rumput hijau dan airnya tidak bahaya; aku makan dan berbaring dalam kepuasan.

Kadangkala hatiku sangat lemah dan jatuh tetapi Dia mengangkat aku lagi dan membimbing aku ke jalan yang baik demi nama-Nya yang terindah.

Kadangkala sangat cepat, kadangkala lebih lama, kadangkala sangat lama.

Dia akan membimbing aku ke satu tempat di antara gunung-ganang.

Di sana sangat gelap tetapi aku tidak akan berundur.

Aku tidak takut kerana di antara gunung ganang ini, Ketua Gembala bertemu dengan aku.

Kelaparan yang aku rasa seluruh hidupku dipuaskan-Nya.

Kadangkala Dia membuat tali kasihnya menjadi satu cemeti (cambuk) tetapi kemudian dia memberi tongkak-Nya agar aku dapat bersandar padanya.

Dia menghidangkan meja aku dengan beraneka makanan.

Dia meletakkan tangan-Nya pada kepalaku dan semua kelelahan lenyap.

Dia memenuhi cawan aku sehingga limpah ruah.

Apa yang aku beritahu anda ialah benar.

Jalan-jalan ini jauh di depan.

Kemudian saya akan tinggal bersama-Nya di “Tepee” besar dan berduduk dengan Ketua Gembala selama-lamanya” (Diterjemah dari *The Missionary Review of World*).

Doa: Ketua Gembalaku, hurlurkan tongkat-Mu dan bimbing aku demi nama-Mu yang terindah.

## PERJALANAN KEKUDUSAN

Renungan: **Yohanes 4**

*Tetapi pemugut cukai itu berdiri jauh-jauh, bahkan dia tidak berani menengadah ke langit, melainkan dia memukul diri dan berkata: Ya Allah, kasihanilah aku orang berdosa ini. —Lukas 18:13*

Bayangkan dua peserta akan memulakan perjalanan kekudusan dan seperti perjalanan yang lain, mereka memerlukan titik tolak permulaan. Peserta pertama bermula seperti olahragawan yang meraih rekod cemerlang dan pasti akan menang lagi. Yang kedua, tahu akan kelemahannya, bermulanya dengan penuh kegenteran dan perasaan berhati-hati.

Kebanggaan peserta pertama akan kebaikan sendiri membuatnya terhadap perangkap dosa tetapi peserta kedua dibenarkan Allah. “Aku berkata kepadamu: Orang ini pulang ke rumahnya sebagai orang yang dibenarkan Allah dan orang lain tidak. Sebab barangsiapa meninggikan diri, dia akan direndahkan dan barangsiapa merendahkan diri, dia akan ditinggikan” (Lukas 18:14). Peserta kedua berhati-hati dan tiba ke akhir jalan dengan rekod cemerlang kerana dia bermula dengan kesedaran bahawa hanya Allah boleh.

Peserta kedua menyedari akan keberadaannya yang jauh berbeza daripada Allah yang kudus dan memohon pertolongan dan anugerah-Nya. “Saya yakin bahawa langkah pertama untuk mencapai tingkat kekudusan yang lebih tinggi adalah kesedaran sepenuhnya akan keberadaan dosa yang luarbiasa” (J.C. Ryle). Santo Augustine menjelaskan kesedaran keberadaan ini dengan jelas, “Kita bergementaran kerana dosa kita. Kita tidak suci dan kita diancam oleh ketidaksamaan antara hati kita dan Allah yang suci. Namun pada waktu yang sama kita dinyalakan oleh api Yang Kudus, kerana kita dibentuk untuk kekudusan.”

“Apabila kerohanian dilihat sebagai suatu perjalanan, jalan ke kesempurnaan rohani terletak pada kesetiaan yang semakin meningkat kepada Allah, yang tujuan-Nya membentuk perjalanan kita, yang anugerah-Nya menyelamatkan kita apabila kita berundur, yang kuasa-Nya membebaskan kita daripada kebelengguan perjalanan kita yang lebih awal, yang kehadiran-Nya memperbaharui dan bertemu dengan kita pada setiap belok perjalanan kita. Dengan lain perkataan, kerohanian yang menyeluruh ialah suatu perjalanan yang semakin mendalam dalam respon terhadap pengawalan Allah dalam kehidupan kita dan keberadaan kita” (Robert Mulholland Jr.).

Wanita yang dikasihi, mulalah perjalanan ini hanya dengan anugerah dan kekuatan Allah bukan dengan keyakinan sendiri.

---

Doa: Allahku, aku mengakui bahawa aku tidak memiliki apa-apa yang memampukan aku memenangi perjalanan kekudusan selain Engkau yang mengasihiku.

## BERGELUT DENGAN KHINZIR

Renungan: **Efesus 4:17-32**

*Sebab itu kukatakan dan kutegaskan ini kepadamu di dalam Tuhan: Jangan hidup lagi sama seperti orang yang tidak mengenal Allah dengan fikirannya yang sia-sia. —Efesus 4:17*



George Bernard Shaw berkata, “Aku sudah belajar sejak dahulu kala jangan bergelut dengan babi. Awak akan menjadi kotor, selain itu, babi memang suka akan kekotoran.”

Rasul Paulus memanggil setiap anak Tuhan untuk meninggalkan perkampungan khinzir. “Kamu dahulu sudah mati kerana pelanggaran-pelanggaran dan dosa-dosamu. Kamu hidup di dalamnya, kerana kamu mengikuti jalan dunia ini...” (Efesus 2:2). “Tetapi Allah yang kaya dengan rahmat, oleh kerana kasih-Nya yang besar, yang dilimpahkan-Nya kepada kita, telah menghidupkan kita bersama-sama Kristus, sekalipun kita telah mati oleh kesalahan-kesalahan kita-oleh kasih karunia kamu diselamatkan” (Efesus 2:4). Rahmat dan kasih karunia Allah telah membawa setiap wanita untuk percaya kepada-Nya dan menempuh jalan baru..

Baju yang bersalutan dengan kekotoran perlu kita tanggalkan untuk yang baru. “...dan mengenakan manusia baru, yang telah diciptakan menurut kehendak Allah di dalam kebenaran dan kekudusan yang sesungguhnya” (Efesus 4:24). Rasul Paulus menasihati kita, “Saudara-saudara yang kekasih, kerana kita sekarang memiliki janji-janji itu, marilah kita menyucikan diri kita dari semua pencemaran jasmani dan rohani, dan dengan demikian menyempurnakan kekudusan kita dalam takut akan Allah” (2 Korintus 7:1).

“Sifat resmi lama orang yang percaya tetap jahat dan berdosa hingga ke akhir, dan hanya kalau dia datang setiap hari, kosong dan memerlukan pertolongan, kepada Juruselamat-Nya untuk menerima hidup-Nya dan kekuatan baru dia baru boleh menghasilkan buah-buah kebenaran demi kemuliaan Allah” (Andrew Murray).

“Arahkan kesayangan anda pada kayu salib Kristus. Cara ini sungguh berkesan untuk melawan seluruh karya dosa yang hidup. Rasul Paulus memuliakan dan bersukacita dalam kayu salib Kristus. Hatinya terarah padanya. Ia menyalibkan dunia dan mematikannya, sehingga menjadi sesuatu yang tidak menarik lagi (Galatia 6:14). Umpan dan keseronokan dunia adalah nafsu daging, nafsu mata, dan keangkuhan hidup. Semua ini dosa yang menarik dan melilitkan hati. Kalau hati kita dipenuhi kayu salib Kristus, ia akan menyebabkan kematian dosa dan menghilangkan semua daya tarik, keindahan, keseronokan atau kemanisannya” (John Owen).

Doa: Sucikan aku Tuhan Yesus, aku ingin hidup dalam kekudusan dan tinggalkan perkampungan khinzir.

## DIPATUK ULAR

Renungan: **Yesaya 1:5-6**

*Dari telapak kaki sampai kepala tidak ada yang sihat; bengkak dan bilur dan luka baru, tidak dipijit dan tidak dibalut dan tidak ditaruh minyak. — Yesaya 1:6*

**S**ewaktu aku melayani di Gereja Lutheran, aku terserempak ular kobra beberapa kali. Suatu hari ketika aku sedang mengadakan renungan pagi di taman, tiba-tiba seekor ular kobra mendesis. Kalau aku terpatuk ular kobra ini pasti aku mati tersungkur kerana bisanya.

Demikian juga patukan dosa merebak ke seluruh keberadaan kita sehingga kehidupan kita teracun. Allah dalam firman-Nya menceritakan keadaan umat-Nya yang murtad. “Di mana kamu mahu dipukul lagi, kamu yang bertambah murtad? Seluruh kepala sakit dan seluruh hati lemah lesu. Dari telapak kaki sampai kepala tidak ada yang sihat: bengkak dan bilur dan dan luka baru, tidak dipijit dan tidak dibalut dan tidak ditaruh minyak” (Yesaya 1:5-6).

Dosa seperti racun perlu dikeluarkan tanpa berlengah-lengah, Allah yang berbelas kasihan akan menyembuhkan kita. Allah dalam rahmat dan belas kasihan-Nya bersabda, “Marilah, baiklah kita berperkara, firman Tuhan, sekalipun dosamu merah seperti kirmizi, akan menjadi putih seperti salji, sekalipun berwarna merah seperti kain kesumba, akan menjadi putih seperti bulu domba” (Yesaya 1:18).

Kalau kita pernah suka berdusta, bertaubat kerana iblis berminat mencari teman untuk bersongkol. “Iblislah yang menjadi bapamu dan kamu ingin melakukan keinginan-keinginan bapamu. Ia adalah pembunuh manusia sejak semula dan tidak hidup dalam kebenaran, sebab di dalam dia tidak ada kebenaran. Apabila dia berkata dusta, ia berkata di atas kehendak sendiri, sebab ia adalah pendusta dan bapa segala dusta” (Yohanes 8:44). Segala racun yang tidak kita keluarkan akan menjadi kolam berenang bagi iblis untuk mengeruhkan hidup kita.

Brother Lawrence pernah berkata, “Semua perkara berputar pada penyangkalan semua perkara yang anda sedari tidak membimbing anda kepada Allah.” Keluarkan semua racun dan segera mengamalkan gaya hidup yang penuh dengan pujian, pemujaan dan mengasihi Dia setiap saat.

“Mahu kaubebas dari beban dosa?

Ada kuasa dalam darah-Nya

Bebaskah anda dari nafsu dan keangkuhan?

Ada kuasa dalam darah-Nya.” (Lewis E. Jones, 1936)

Doa: Tuhan, aku rela mengeluarkan semua racun daripada tubuhku dan disucikan seperti salji.

## SURAT DARIPADA IBU HAWA

Renungan: **Kejadian 3: 1-19**

*Manusia itu menjawab: "Perempuan yang kautempatkan di sisiku, dialah yang memberi buah pohon itu kepadaku, maka kumakan."*

—Kejadian 3:12



anita yang kukasihi

Terpegun aku mengenangi saat si licik memperdaya aku dengan mulutnya yang licik. Sedihnya, aku telah membawa aib dan dosa kepada umat manusia kerana tergoda si licik. Sesaat menikmati buah larangan itu telah mendatangkan kesengsaraan yang tak kunjung padam.

Rasa bersalah terpahat dalam hatiku selama-lamanya. Saat aku menyedari aku berdosa, aku menyembunyikan diri daripada Allah. Aku hanya dapat menjawab, "Ketika aku mendengar, bahawa Engkau ada dalam taman ini, aku menjadi takut, kerana aku telanjang, sebab itu aku bersembunyi" (Kejadian 3:10). Aku kehilangan matlamat tertinggi dalam hidupku iaitu memuliakan Allah dan menikmati kehadiran Allah dalam hidupku dan keluargaku.

Setelah memakannya, kami menyedari kami tercemar dosa. Bukankah Alkitab mencatat, "Maka terbukalah mata mereka berdua dan mereka tahu, bahawa mereka telanjang; lalu mereka menyemat daun pohon ara dan membuat cawat" (Kejadian 3:7). Walaupun kami dapat memakai cawat untuk menutupi tubuh kami, tiada cawat yang dapat menutupi hati nurani kami.

Aku dan suamiku bertungkus lumus mencabut lalang yang sering membinasa sayur-sayuran tetapi lalang hati kami sekeluarga susah dicabut. Kain cemburu akan Habel dan selalu merancang yang jahat terhadap adiknya. Kain begitu cemburu akan persembahan Habel yang lebih diperkenan kepada Allah sehingga dia membunuh Habel. Habel sudah meninggal dunia dan Kain pula telah melarikan diri entahlah ke mana.

Allah yang Maha Kasih tetap berbelas kasihan, Dia berjanji akan memberi seorang Anak daripada benih keturunan kami untuk menghancurkan si licik. Allah bersabda, "Aku akan mengadakan permusuhan antara engkau dan perempuan ini, antara keturunanmu dan keturunannya; keturunannya akan meremukkan tumitnya" (Kejadian 3:15).

Elakkan buah larangan yang menawan kerana ia membuahakan kesengsaraan.

Yang ikhlas  
Hawa

Doa: TUHAN, aku ingin memuliakan nama-Mu,  
dan elakkan jerat iblis.

## DOA

Renungan: **Filipi 1:3-5**

*Dan setiap kali aku berdoa untuk kamu semua, aku selalu berdoa dengan sukacita. —Filipi 1:4*

**T**eresa Avila penulis “The Interior Castle” mengibaratkan doa bagai menyirami taman bunga. “Pergilah ke suatu tempat di mana anda boleh melihat langit dan berjalan-jalan santai.” Teresa mengagumi keindahan persahabatan terlebih-lebih lagi persahabatan manusia dengan Allah. Dia berkata, “Tuhan dan jiwa kita saling memahami bagai dua kawan di dunia ini yang saling mengasihi dan saling memahami.”

Doa bagai camar lautan  
Melayang-layang dekat hati  
Membawa tenang dan damai  
Menyembuh duka lara

Doa bagai lautan  
Betapa lebar dan dalam  
Tak dapat diselami  
Memerlukan kesabaran menerokai

Doa bagai lukisan  
Semakin dicat  
Tampak keindahannya  
Jelas tafsirannya dalam jiwa

Doa bagai mendaki Gunung Kinabalu  
Semakin mendaki semakin mencabar  
Hanya yang gigih sampai ke puncak  
Melihat keindahan mentari terbit

Doa bagai menabur benih  
Rajin menabur sekalipun terik  
Sabar menunggu tidak kecewa  
Benih-benih berbuah indah

Doa bagai dansa  
Bergerak seirama dengan Tuhan  
Semakin berdansa semakin indah  
Bergerak sehati sejiwa dengan Tuhan

Doa: Allahku, aku mencintai saat doa yang memanggil aku  
dari kesibukanku ke takhta Bapaku.

## PERANG WAJIB

Renungan: **Roma 8:12-13**

*Tetapi kenakanlah Tuhan Yesus Kristus sebagai perlengkapan senjata terang dan janganlah merawat tubuhmu untuk memuaskan keinginannya. —Roma 13:14*

“Jangan keluar dari rumah sayang, tutup pintu dengan erat. Aku sedang sedang meminjam senapan,” kata suami Rani yang berada di bandar. Pondok Rani di pergunungan Nepal dikerumuni oleh sekawanan harimau yang mengaum ganas. Suami Rani mesti bersenapan untuk membunuh harimau-harimau ini kalau dia tidak ingin dikoyak.

Demikian juga, “Bunuhlah dosa, atau dosa akan membunuh kamu.” Penulis klasik ini berkata, “Anda harus selalu melakukannya selama anda hidup; jangan berehat satu hari pun; selalu membunuh dosa atau dosa akan membunuh anda. Dosa selalu mengetok, selalu bertindak, selalu membentuk, menggoda dan menguji” (John Owen).

Perang melawan dosa tidak pernah berhenti selagi kita masih hidup dan berada di dunia ini. Untuk memenangi perang ini, seorang Kristian harus selalu bersama Kristus dan kuasa Roh Kudus. Hidup dalam kesedaran bahawa anda tidak patut terhutang kepada dosa. Dengan Roh Kudus, bunuhlah kuasa dosa. “Jadi, saudara-saudara, kita adalah orang berhutang, tetapi bukan kepada daging, supaya hidup menurut daging. Sebab, jika kamu hidup menurut daging, kamu akan mati; tetapi oleh Roh kamu mematikan perbuatan-perbuatan tubuhmu, kamu akan hidup” (Roma 8:12-13).

Dosa adalah seperti harimau-harimau di hutan belantara yang akan muncul mengaum dan membunuh. “Demikianlah aku dapati hukum ini: jika aku menghendaki berbuat apa yang baik, yang jahat ada padaku” (Roma 7:21). Bersenjata terang terus untuk membunuhnya. Owen menasihati kita, “Bangkitlah dengan berkuasa dan melawannya apabila ada tanda dosa akan muncul!” Ingat dipenuhi Roh Kudus dan bersenjata firman-Nya (Mazmur 119:9-11).

Waktu anda membunuh dosa dan menanggalkannya, anda juga perlu mengenakan yang baru. “Melawan ketamakan dengan memupuk sikap puas dan kemurahan hati, berilah lebih banyak wang. Berperang dengan keangkuhan dengan melatih kerendahan hati. Cepat mengakui dosa kalau anda bersalah. Bunuh nafsu dengan mengasihi orang lain dengan murni tanpa mementingkan diri. Apabila anda digoda untuk melirik mata kepada seseorang, berpaling dan berdoa untuk mereka. Salibkan sifat mementingkan diri dengan melayani mereka di sekeliling anda” (Brian G. Hedges).

Doa: Tuhan Yesus, dengan kuasa Roh Kudus, saya akan membunuh dosa sebelum dosa membunuh aku.

## CICAK MERAH BESAR

Renungan: **Kolose 3:5-12**

*Kerana itu matikanlah dalam dirimu segala sesuatu yang duniawi, iaitu percabulan, kenajisan, hawa nafsu jahat dan juga keserakahan, yang sama dengan penyembahan berhala. —Kolose 3:5*

**U**ntuk mengenakan manusia baru yang dikaruniakan oleh Allah, anda perlu melepaskan cicak merah yang anda sangat sukai itu.

Dalam buku "The Great Divorce" penulisnya menggambarkan satu fantasi, sebuah bas memuat hantu-hantu neraka yang telah diberikan cuti di tanah perbatasan syurga. Di sini keagungan kemuliaan Allah sudah tampak pada setiap tangkai rumput dan buah-buahan sehingga hantu ini tidak dapat mengangkatnya. Setiap hantu diberikan kesempatan untuk tinggal di sini dan mengembangkan kemampuan menikmati hal-hal Syurga. Namun satu per satu hantu mengambil keputusan pulang ke neraka kerana tidak rela melepaskan nafsu, keinginan, dan dosa yang membelenggu mereka.

Di tengah-tengah mereka ada hantu yang terbelenggu oleh nafsu yang mengambil rupa cicak merak yang duduk di bahunya. Cicak ini berbisik banyak dusta kepada telinganya. Seorang malaikat yang berapi-api telah menawarkan untuk membunuh cicak ini. Hantu itu takut nanti tangan malaikat akan terluka. Dia juga beralasan dengan kematian cicak merah ini, kesejahteraannya akan terpengaruh. Akhirnya, dia bersetuju membunuh cicak merah ini dan berubah menjadi manusia baru yang berterbang ke syurga.

Wahai wanita matikan cicak kesukaan anda agar anda boleh dibebaskan untuk bertumbuh.

"Semakin prinsip kekudusan berada dalam kita, semakin lemah, cacat dan hampir mati dosa kita. Semakin kita hidup dalam tindakan anugerah, semakin lemah dan jarang tindakan dosa. Semakin kita berbuah "buah-buah Roh Kudus" semakin kurang kita mengambil perhatian akan "pekerjaan daging." Kita akan membohong diri kalau kita berfikir dosa dapat dimatikan dalam cara yang lain" (Owen).

"Apabila kita mulai melihat kenajisan dosa dengan lebih jelas, dan begitu dekat dengan kita, dan melekat begitu dekat dengan kita, kita akan dibimbing untuk lebih mempercayai dan mendekati Kristus, untuk minum lebih mendalam daripada kepenuhan-Nya, dan belajar dengan lebih sempurna untuk menjalani hidup yang beriman kepada-Nya seperti Rasul Paulus" (J.C. Ryle).

---

Doa: Bapa Syurgawi, aku meminta kehadiran Roh Kudus dalam hidupku setiap saat sehingga aku berjalan dalam Roh.

## *Berdiam di Hadirat Allah*



*Berdiam di hadirat Allah  
Awak akan tahu  
Ketenangan suci  
Keheningan yang dikarunia-Nya  
Bagi yang menunggu kepada-Nya,  
Mereka akan membawa  
Kehadiran-Nya  
Kehidupan-Nya  
Dan terang-Nya  
Bahkan ke malam yang teramat gelap  
Kehidupan awak di dunia  
Akan memancarkan kasih-Nya  
Bergema pujian-Nya yang mulia  
Dan Dia akan berkarya dengan bebas  
Tujuan-Nya yang tinggi dan suci melalui awak  
Pertama di atas awak tangan kuasa-Nya  
Sehingga dalam kasih-Nya segala sanga ditahirkan  
Dan awak akan menjadi bejana bagi-Nya  
Yang begitu lemah dan kosong  
Namun oleh kerana sentuhan-Nya  
Dicurahkan-Nya ke dalam kekosongan-Mu  
Hidup dan kasih-Nya  
Kini hingga selama-lamanya  
Kuasa Allah akan bergerak  
Dia akan berkarya dalam diri awak  
Berdiri tenang dan lihat  
Kemenangan yang dicapai-Nya bagi awak  
Begitu tenang namun tidak dapat disangkal*



*—Freda Hanbury*

## ROS, BANGUNLAH

Renungan: **Efesus 5:8-14**

*Itulah sebabnya dikatakan: "Bangunlah, hai kamu yang tidur dan bangkitlah dari antara orang mati dan Kristus akan bercahaya atas kamu." —Efesus 5:14*

**W**anita yang masih berjalan dalam kegelapan bagai bunga Ros yang nyenyak dan belum menyambut mentari ilahi.

Doa Wesleyan

Tuhan yang memperbaharui dan menyegarkan, anak-anak-Mu perlu dibangunkan dari tidur kami!

Ketika kulayang pandangan ke duniaku, betapa banyak orang inggal dalam kegelapan, kami tidak sungguh-sungguh hidup, seperti yang Kauingini.

Sesungguhnya kami sudah mati, kesuntukan kuasa menjadi seperti yang Kauciptakan kami, tiada akal budi untuk menggapai impian dan visi Engkau bagi hidup kami. Kami tertidur nyenyak, sungguh nyenyak.

Bangunkan kami, Allah, untuk membezakan apa yang nyata dan yang khayalan. Bantu kami melihat siapa diri kami yang sebenarnya, biar kami tahu siapa yang memiliki kami.

Bantu kami memperoleh kembali identiti kami sebagai putera puteri-Mu. Ciptaan yang mempunyai gambaran-Mu yang tersulam dalam kemanusiaan kami. Yang mengambil bahagian dalam sifat ilahi-Mu, yang diubah dalam batin, dilahirkan kembali, dan diperbaharui oleh kuasa Roh Kudus dalam kehidupan kami.

Biarlah kami mendengar suara kecil-Mu, dihidupkan iman untuk menerima perjanjian kami dalam Kristus. Kepada semua yang bangun dan bangkit, Engkau menjanjikan Terang.

Engkau berjanji untuk tinggal dan mendirikan rumah-Mu dalam hati kami. Engkau menjanjikan pembebasan dari dosa melalui anugerah Roh Kudus-Mu yang datang dalam kehidupan kami.

Isikan kami dengan kasih-Mu. Engkau tidak hanya menjanjikan kekudusan tanpa mengaruniakan kuasa yang membuat kami sungguh-sungguh salih, menarik, penuh kasih dan murni.

Doa: Ya Tuhan, kelopakku memerlukan sinaran kasih daripada terang-Mu.

## BAU HARUM BAGI ALLAH

Renungan: **Efesus 6:18; Yakobus 5:16; Markus 1:35**

*Ketika Dia mengambil gulungan kitab itu, tersungkurlah keempat makhluk dan kedua puluh empat tua-tua itu di hadapan Anak Domba itu, masing-masing memegang satu kecapi dan satu cawan emas, penuh dengan kemenyah: itulah doa orang-orang kudus.*

—Wahyu 5:8

**W**anita suka akan bau yang harum. Pada waktu kita lapar bau harum dari dapur pasti menggembirakan kita. Waktu kita ke Paradigm, kita terhidu bau yang harum, minyak wangi kesukaan kita.

Ketika anda sedang berdoa, Allah terhidu sesuatu yang harum seakan-akan dia terhidu redang di dapur. Aroma doa kita akan naik ke istana-Nya dan kenikmatan aroma yang anda siapkan cukup menarik perhatian-Nya untuk menjawab doa anda. Dia berkenan menjawab doa anda. Aroma dari doa orang benar sungguh berkesan, “Doa orang yang benar, bila dengan yakin didoakan, sangat besar kuasanya” (Yakobus 5:16b).

Keseringan doa anda akan mewangi istana-Nya dengan bau yang harum. Perhatikan betapa seringnya Tuhan Yesus mengundur diri untuk berdoa. “Akan tetapi Dia mengundurkan diri ke tempat-tempat yang sunyi dan berdoa” (Lukas 5:16). Dia sangat suka berdoa dan memang menjadi resmi-Nya menafaskan doa. “Pagi-pagi benar, waktu hari masih gelap, Dia bangun dan pergi ke luar. Dia pergi ke tempat yang sunyi dan berdoa di sana” (Markus 1:35). Dia masih menjadi Pengantara kita, “...Sebab Dia hidup senantiasa untuk menjadi Pengantara kita” (Ibrani 7:25).

Abram berdoa dan menaikkan aroma. Musa berdoa dan menaikkan aroma. Yusuf berdoa dan menaikkan aroma. Elia berdoa dan menaikkan aroma. Daud berdoa dan menaikkan aroma. Maria berdoa dan menaikkan aroma. Paulus berdoa dan menaikkan aroma. Sepanjang sejarah doa umat Allah naik ke istana-Nya bagai aroma dan dijawab dengan ajaib.

Biarlah diri anda dibimbing oleh Roh Kudus untuk menaikkan pelbagai jenis doa. Keharuman doa anda juga mengharumi jiwa anda sewaktu dalam keheningan. “Dan di dalam keheningan ini. Allah mencurahkan kepada anda suatu kasih yang dalam...pengalaman akan kasih seperti itu akan menyerap ke seluruh keberadaan anda. Pengalaman, dan perjumpaan itu tidak dapat dilukiskan. Aku hanya dapat mengatakan bahawa kasih yang dicurahkan Tuhan kepada diri anda yang terdalam itu merupakan permulaan daripada suatu kebahagiaan yang tak terkata” (Madame J. Guyon).

Doa: Allahku, ajarlah aku menafaskan doa dan menaikkan aroma yang harum ke istana-Mu setiap hari kehidupanku.

## AKAUN SIMPANAN PERKAHWINAN

Renungan: **Efesus 3:14-17**

*Nikmatilah hidup dengan isteri yang kaukasih seumur hidupmu yang sia-sia, yang dikaruniakan TUHAN kepadamu di bawah matahari, kerana itulah bahagianmu dalam hidup dan dalam usaha yang engkau lakukan dengan jerih payah di bawah matahari.*

—Pengkhotbah 9:9

Perkahwinan bermula apabila dua insan yang saling mencintai mengikat perjanjian untuk menelusuri liku-liku perjalanan hidup bersama-sama sehayat hidup. Dua insan ini menabur benih kasih, panjang sabar, dan menyirami bebunga perkahwinan mereka. Seorang kaunselor mengibaratkan perkahwinan bagi membuka akaun simpanan bank. Anda berusaha menyimpan lebih banyak dalam akaun simpanan perkahwinan bukan mengeluarkan lebih daripada yang ditabung.

Kalau masalah timbul, isteri tidak akan menyerang keperibadian suami dan mengoyakkannya bagai kain lap. Serangan kata pedih akan membuka banyak kesempatan untuk merangkaikan sarang lelabah rumit yang akan menjebak pasangan dalam kemelut rumahtangga. Berusaha melihat dari kacamata pasangan anda, setiap masalah yang dihadapi bersama-sama akan mengeratkan perhubungan anda.

Sujud sembahlah kepada Allah yang memanggil anda untuk berumahtangga dan menetapkan nama bagi keluargamu. Berdoa agar Tuhan menyelubungi keluarga anda dengan kasih-Nya (Efesus 3:14-17). Selalu berdoa agar kasih Kristus yang tinggi, lebar, dan dalam akan mengikatkan perkahwinan anda. Semakin anda bertumbuh dalam kasih terhadap Tuhan Yesus semakin manislah ikatan kasih anda.

Perkahwinan yang hebat bukanlah kesatuan dua orang yang sempurna wahal ia ikatan dua orang yang tidak sempurna. Dua insan yang memahami perbezaan mereka, dan bersikap rendah hati untuk dibentuk oleh Allah bersama-sama sehingga semakin menyerupai Tuhan Yesus, dan berjalan serentak.

“Untuk menyelesaikan satu masalah dalam perkahwinan, anda perlu berbincang mengenainya, pilihlah waktu dan tempatnya dengan bijak. Tetapi apabila kedua-duanya saling menuduh dan percakapan hanya saling membela diri menjadi corak perbualan, sebenarnya kedua-duanya tidak saling mendengar. Biarlah anda mendengar lebih daripada anda bercakap” (R.C. Sproul).

Doa: Allahku, ajarlah aku menyirami taman perkahwinanku dengan cinta ilahi sehingga saljinnya mencair.

## MENERPA MATA BADAI

Renungan: **Markus 4:35-41**

*Dia pun bangun, menghardik angin itu dan berkata kepada danau itu:  
"Diam! Tenanglah!" Lalu angin itu reda dan danau itu  
menjadi teduh sekali. —Markus 4:39*

**K**ehidupan wanita tidak selalu "dayung sampan, cuacanya terang dan matahari bersinaran terang sepanjang sungai hidup." Sekonyol-konyol ombak menerjang bagai berjutaan harimau yang mengaum. Bolehkah kita tidur tenang dalam dakapan Maha Penyayang sewaktu melalui mata badai? Tunggu dalam dakapan-Nya dengan sabar, "Sebab itu TUHAN menanti-nantikan saatnya hendak menunjukkan kasih-Nya kepada kamu..." (Yesaya 30:18).

Engkau Allah yang tertidur di sampan  
Juga yang menenangkan badai ganas  
Tidak kisah ombak menerjang  
Umbang-ambing perahu aku  
Engkau berada dalam sampanku

Ketika Engkau tidak bersuara  
Ombak mengamuk bagai jutaan harimau liar  
Tidak mungkin perahu akan terbaham  
Engkau berada dalam perahu  
Aku hanya tenang menunggu

Sejenak lagi ombak mereda, pantai bertenang, awam gelap melenyap dan camar-camar laut berterbangan bebas. Dalam keheningan ini, Tuhan akan bersabda jelas.

Kasih-Nya terukir pada ombak  
Ini kebahagiaanku  
Aku damai di telapak tangan-Nya  
Terukir corak-Nya dalam hidupku  
Hanya Dia dalam ombak

"Anda akan mendapati Tuhan Yesus begitu berharga ketika dunia anda bagai padang belantara yang besar. Dia bagai batu yang menjulang lebih tinggi daripada badai. Dia bagai bunga yang bermekar di tengah-tengah keadaan yang gersang dan sepi" (Robert Murray McCheyne). Wahai wanita, tenangkan diri dalam dakapan-Nya yang selamat.

Doa: Allahku yang Maha Kuasa dan Maha Penyayang, aku yakin setiap mata badai akan membawa ukiran indah dalam jiwaku.

## DI SAYAP MAHA KUASA

Renungan: **Ulangan 1: 1-40**

*Kecuali Kaleb bin Yefune. Dialah yang akan melihat negeri itu dan kepadanya dan kepada anak-anaknya akan kuberikan negeri yang diinjaknya itu, kerana dengan sepenuh hati dia mengikuti TUHAN. —Ulangan 1:36*

Untuk maju ke tanah perjanjian dengan bersorak-sorai dalam kemenangan, umat Tuhan perlu duduk di sayap Maha Kuasa. Perjanjian Tuhan dan perintah-Nya untuk menduduki tanah perjanjian begitu jelas. “Ketahuilah TUHAN, Allahmu, telah menyerahkan negeri itu kepadamu. Majulah, dudukilah, seperti yang difirmankan kepadamu oleh TUHAN, Allah nenek moyangmu. Janganlah takut dan janganlah patah hati” (Ulangan 1:21).

Raksasa keraguan dan ketakutan dalam minda menghindari mereka untuk maju selangkah lagi dalam rancangan Allah. Mereka terlalu berhati-hati dan ingin mengutus pengintai-pengintai untuk menyiasat negeri itu terlebih dahulu (Ulangan 1:22). Dengan kewujudan raksasa bayangan dalam minda bercampuran dengan banyak raksasa nyata di tanah itu, semangat mereka terkulai.

Seharusnya mereka beriman dan mengikut perintah Allah kerana Dia akan melangkah di depan mereka. Mata mereka melihat musuh sehingga mereka mencurigai kebaikan Allah dan menuduh Dia membenci mereka, “Kamu menggerutu di dalam khemahmu serta berkata: Kerana Tuhan membenci kita, maka Dia membawa kita keluar dari tanah Mesir untuk menyerahkan kita ke dalam tangan orang Amori, supaya dimusnahkan” (Ulangan 1:27).

Pelajaran iman selama empat puluh tahun tentang kebaikan Tuhan sia-sia belaka kerana ketakutan mereka. Akhirnya, generasi tua tidak dapat masuk ke tanah perjanjian. Hanya mereka yang mengikut Tuhan dengan sepenuh hati tanpa keraguan iaitu generasi muda, dan Yosua dapat menduduki tanah perjanjian. Yang lain, Tuhan menyuruh mereka balikkah, “Tetapi kamu ini, balikkah, berangkatlah, ke padang gurun, ke arah Laut Teberau” (Ulangan 1:40).

“Kita tidak dapat menyangkal ketakutan kerana ketakutan memang sifat resmi kita. Ketakutan itu sebahagian daripada panggilan Yesus untuk menghadapi cabaran. Rasa ketakutan itu tetapi lakukannya juga. Singkapkan ketakutan itu seperti sewaktu anda singkapkan tabir yang menutupi pintu ketika anda masuk ke dalamnya” (Luci Shaw).

---

Doa: Allah Bapa, aku hanya ingin duduk di atas sayap-Mu yang Maha Kuasa sewaktu menempuh perjalanan sulit.

## MENGINGAT JALAN-NYA

Renungan: **Yesaya 64:5; Amsal 4:18**

*Engkau menyongsong mereka yang melakukan yang benar dan yang mengingat jalan yang Kautunjukkan! Sesungguhnya, Engkau ini murka, sebab kami berdosa, terhadap Engkau kami memberontak sejak dahulu kala. — Yesaya 64:5*

**M**emasuki hutan dara dan hutan lipur berbeza pengalamannya kerana hutan lipur disediakan sebagai tempat riadah yang memberi pengalaman teratur. Sebaliknya, pengalaman menjelajahi hutan dara sungguh mencabar: tiba-tiba katak mengguak, tupai melompat dan melirik matanya, dan burung Pitta yang bersayap biru berterbang atas kepalamu, “Amboi, cantiknya!”

Perjalanan hidup kita lebih bagai memasuki hutan dara. Pujilah Tuhan yang memberi kita kesempatan melihat flora fauna. Anda sempat bertemu dengan orang utan yang hampir pupus dan rafflesia yang memberi ilham untuk berjalan lebih lanjut lagi. Namun kadangkala anda tertanya, “Bagaimana aku boleh sampai ke kawasan air terjun Maliau?”

Pengalaman yang kita alami tidak bererti apa-apa kalau kita tidak melihat Tangan bimbingan-Nya. Tanpa mengingat jalan yang pernah ditunjukkan-Nya, kita tidak akan belajar apa-apa dan Dia tidak dapat menyongsong kita ke jalan yang lebih cerah. “Engkau menyongsong mereka yang melakukan yang benar dan mengingat jalan yang Kautunjukkan!” (Yesaya 64:5a).

Tuliskan dalam diari hidupmu, bilakah anda melihat pelangi dan camkan warna saat itu. Camkan sungai keruh dan apa yang anda pelajari dari takungannya. Ingatkah saat anda berseru, “Sekalipun aku berjalan dalam lembah kekelaman, aku tidak takut bahaya, sebab Engkau berserta aku; gada-Mu dan tongkat-Mu, itulah yang menghibur aku” (Mazmur 23:4).

“Betapa bahaya perjalanan musafir  
 Betapa banyak musuhnya!  
 Betapa banyak cara untuk berdosa  
 Tanpa diketahui insan yang hidup sementara  
 Beberapa lubangnya kelihatan tak berbahaya  
 Namun terselindung rawa lumpur  
 Ada, yang berusaha mengelak kualiti mendidih  
 Tetapi lompat ke dalamnya.” (John Bunyan)

Ingatlah segala jalan yang pernah anda lalui agar tidak terjatuh dalam lubang sama.

Doa: Roh Kudus, tolong aku mengingat semua ajaran-Mu di jalan-jalan yang pernah aku tempuh agar aku semakin menyerupai-Mu.

## SUARA DI PADANG GURUN

Renungan: **Mark 1:1-12**

*Ada suara orang yang berseru-seru di padang gurun;  
Persiapkanlah jalan untuk Tuhan, luruskan jalan bagi-Nya.  
—Markus 1:3*

Sebelum ketibaan seorang raja pada zaman dahulu, pembawa berita akan diutus untuk memberitakan kedatangan raja. Seluruh penduduk kota sibuk kerana semua bangunan mesti dicat indah, keselamatan raja mesti dijamin, para pemuzik mesti berlatih untuk mengalu-alukan kedatangan raja. Semua pengemis yang berpakaian compang-camping mesti disorokkan.

Yohanes yang berpakaian jubah bulu unta dan makan belalang serta madu gurun diutus mengalu-alukan kedatangan Tuhan Yesus, Raja atas segala raja. Semua pengemis dan pendosa tidak disorokkan agar mata-Nya yang Maha Suci tidak melihat noda manusia, mereka dikeluarkan. Yang Maha Kudus justru datang bertemu dengan semua kalajenjing, serigala, buaya dan ular.

Kota yang maju tidak semestinya melambangkan manusia semakin baik. Sebaliknya di sinilah tinggal penipu, perogol, pembunuh, peragut beg, pemuang bayi dan penghuni yang bertimbunan tulang-tulang kemunafikan. Pejabat yang tersusun rapi demi melayani sesama manusia tetapi bagi Allah, kapak sudah tersedia pada akar pohon kerana baunya meloyolkan.

Yohanes Pembaptis menyiapkan hati pendosa untuk pertaubatan sempena menyambut kedatangan Raja Syurgawi. Tugasnya memerlukan keberanian untuk menghadap raja tanpa takut kepalanya dipancung. Sewaktu dia melihat banyak orang Farisi dan orang Sarduki, dia menegur dengan suara lantang, "Hai kamu keturunan ular beludak. Siapakah yang mengatakan kepada kamu, bahawa kamu dapat melarikan diri dari murka yang akan datang?" (Matius 3:7).

Pelayanan Yohanes Pembaptis menggenapi yang dinubuatkan nabi Yesaya, "Ada suara yang berseru-seru: Perhatikanlah di padang gurun jalan untuk TUHAN, luruskanlah di padang belantara jalan raya bagi Allah kita!" (Yesaya 40:3).

Wanita, anda merasa seperti suara sepi di tengah-tengah kota moden sewaktu menyampaikan injil tetapi ingat selalu, "...Dan ketahuilah, Aku menyertai kamu senantiasa sampai kepada akhir zaman" (Matius 28:20b). Beritakanlah Juruselamat dan keluarkan semua orang yang perlu bertemu dengan Sang Raja.

Doa: Allahku, biarlah aku setia seperti Yohanes Pembaptis dan menjadi suara-Mu di Malaysia.

## KALUNGAN TERINDAH

Renungan: **1 Petrus 3:1-7**

*Tetapi perhiasanmu ialah manusia batiniah yang tersembunyi dengan perhiasan yang tidak binasa yang berasal dari roh yang lemah lembut dan tenteram, yang sangat berharga di mata Allah.*

—1 Petrus 3:4

Gulaman yang berwarna-warni dan hiasan rambut menceritakan kepentingan kecantikan kepada wanita sepanjang zaman. Namun, “Kita melihat gambaran keindahan Kristus yang tepat kalau kita melihat keindahan dalam jiwa manusia” (Jonathan Edwards).

Wanita yang mengasihi Tuhan memakai kalungan batiniah terindah daripada-Nya. “...tetapi perhiasanmu janganlah secara lahiriah, iaitu dengan mengepang-gepang rambut, memakai perhiasan emas atau dengan mengenakan pakaian yang indah-indah, tetapi perhiasanmu ialah manusia batiniah yang tersembunyi dengan perhiasan yang tidak binasa yang berasal dari roh yang lemah lembut dan tenteram, yang sangat berharga di mata Tuhan” (1 Petrus 3:4).

Dua permata yang berharga di pandangan mata-Nya-ketenangan dan kelemahan lembut. Perhiasan batin ini akan bertahan lama dan tidak akan binasa dengan edaran fesyen. Perempuan yang mengenal Allah tenang kerana pengharapannya datang daripada Allah. Kecantikan ini tidak dapat dihiasi pada luaran sahaja kerana ia berakar daripada-Nya.

Wanita yang tenang menunduk kepada suami mereka tanpa perasaan geram. “Sebab demikianlah caranya perempuan-perempuan kudus dahulu berdandan, iaitu perempuan-perempuan yang menaruh pengharapan kepada Allah; mereka menunduk kepada suaminya” (1 Petrus 3:5). Dia menunduk bukan seperti patung wayang golak yang ditarik tok dalang. Kasih akan Allah dan suaminya menjadi sumber motivasinya untuk menunduk kepada suami.

Wanita

Cerminnya kepenuhan Allah

Berkalung ketenangan Allah

Bercincin kasih setia Allah

Berloket kelembutan-Nya

Bergelang buah-buah Roh Kudus

Beranting perjanjian-Nya

Bertopi perlindungan Allah

Doa: Allahku, hiasilah aku dengan kalungan roh yang lemah lembut dan ketenangan kerana hiasan ini paling indah di mata-Mu.

## HATIKU

Renungan: **Yehezkiel 11:19; Yeremia 31:33; Mazmur 51**

*Korban sembelihan kepada Allah ialah jiwa yang hancur;  
hati yang patah dan remuk tidak akan Kaupandang hina,  
ya Allah. —Mazmur 51:19*

**H**ati kita mungkin sekeras batu atau sebaliknya seanas deruan angin yang mengganas dan yang menghembus ombak.

Raja Daud menyedari dia tidak dapat menakluk hati sendiri sekalipun dia menakluki banyak daerah. “Di sini, suatu daerah yang Raja Daud tidak mampu memerintah sebagai rajanya-daerah hatinya, yang kumaksudkan hati Daud sendiri. Dia mempunyai kuasa menakluk hati orang lain tetapi kalah menawan hati sendiri bagai angin yang tertiuip dari pelbagai arah sejak zaman dahulu saling berlumba menguasai lautan. Masing-masing berjaya, sesaat lautan dihembus oleh kemarahan, sesaat terhembus hembusan yang kotor, sesaat dihembus badai keraguan, sesaat pula ditiupi simpati dan murah hati. Pada sebelah pagi, hati tertangkap sinarannya; pada sebelah tengah hari, ia bersinar terang, dan pada sebelah petang gelap pula. Hati kita bagai hati seorang anak yang diperintah oleh pengaruh saat itu” (George Matheson).

Raja Daud menyedari dia tidak ada cara lain untuk mengawal semua deruan ganas dalam hati-Nya kecuali Tangan Allah. Pengakuan dosa yang terselubuk dalam hatinya membebaskan dia daripada hembusan liar. “Bersihkan aku daripada dosaku dengan hisop, maka aku menjadi tahir, basuhlah aku, maka aku menjadi lebih putih daripada salji” (Mazmur 51:9).

Semua ini bermula dengan penyerahan yang sepenuhnya. Inilah permulaan penaklukan hati- penyerahan hatinya kepada TUHAN yang penuh rahmat dengan sebulatnya untuk ditahirkan. “Allah yang membenci dosa kita adalah seperti pakar pembedah yang membenci barah kerana dia menyayangi pesakitnya” (Peter Kreeft).

Wahai wanita, serahkan hati anda kepada Allah yang mampu memberi roh yang baru dalam batinmu dan menjauhkan daripada anda hati yang keras, dan memberi anda hati yang taat (Yehezkiel 11:19).

Jangan biarkan hati terlibat dalam permainan dan api dosa yang bahaya. “Selidiki aku, O Tuhan, dan kenal hatiku pada hari ini. Uji aku, O Juruselamat, kenal fikiranku, aku berdoa, lihat sama ada jalan yang jahat; sucikan aku dari setiap dosa dan bebaskan aku” (J. Edwin Orr, 1912).

Doa: Allahku, jadikanlah hatiku tahir, ya Allah, dan perbaharuilah  
batinku dengan roh teguh!

## KEINGINAN HATI

Renungan: **Mazmur 37:4; Amsal 3:1**

*Jagalah hatimu dengan segala kewaspadaan, kerana dari situlah terpancar kehidupan. — Amsal 4:23*

**W**ahai wanita, Amsal 4:23 menasihati kita untuk menjaga hati kita dengan segala kewaspadaan kerana dari situlah terpancar kehidupan. Setelah itu, bergembira dalam TUHAN kerana ini satu-satu cara untuk memelihara hati kita. Perkataan “bergembiralah” menurut pemahaman bahasa Ibrani ialah “menjadi lembut dan mudah dilentur.” Bergembira bererti kita menyerahkan diri dan kehidupan kita dengan rendah hati ke dalam tangan Pengukir kita tanpa menuntut keinginan kita.

O wanita, serahkan hati anda untuk menerima sikap dan cara Yesus, dan bukan kepada emas atau pengaruh lain. Kecantikan hati bermula dengan keinginan mengenal Dia dan sifat-Nya serta lebih menyerupai-Nya. Keindahan Ilahi mulai diukirkan dalam jiwa kita apabila keinginan dan kenikmatan hati kita hanya tertumpu kepada TUHAN yang indah.

Keinginan TUHAN akan menjadi keinginan kita dan kita tidak hidup hanya menurut irama keinginan sendiri lagi. Kita belajar menyerahkan keinginan hati kita kepada TUHAN bermula dari hal-hal yang kecil. John Calimacus dalam bukunya “The ladder of Divine Ascent” berkata, “Kalau kita tidak setia dalam hal-hal yang kecil, kita tidak akan setia dalam hal-hal yang besar kerana ia menjadi semakin sulit dikawalkan.”

Penyerahan segenap hati kepada TUHAN mendatangkan kesedaran bahawa TUHAN memiliki tujuan yang lebih indah dalam kehidupan kita. Ibadah tanpa penyerahan yang segenap hati kepada-Nya biasanya cetek. Ia diwarnai dengan keadaan tawar menawar, “Kalau TUHAN memberkati aku barulah aku taat, dan menurut keinginan-Nya.”

Singkirkan keinginan hati yang tidak jujur untuk menyambut keinginan baru (Amsal 23:7). “Kalau anda ingin menjalani kehidupan salih, anda tidak hanya perlu menghentikan dosa, tetapi juga membersihkan hatimu daripada kesayangan terhadap dosa... Jiwa yang diselamatkan daripada dosa, dan masih mempertahankan kesayangannya akan menjejaskan diri. Mereka melakukan kebaikan, tetapi hanya dengan keberatan rohani sehingga semua anugerah tidak ada pada perbuatan baik mereka” (Francis de Sales).

Keinginan TUHAN yang selalu membanjiri hati kita akan melahirkan kesalihan yang ikhlas. “Kalau kesalihan tidak dilahirkan dari yang paling dalam, ia hanya topeng saja” (Jeanne Guyon).

---

Doa: Aku menyerahkan hatiku kepada Engkau, ya TUHAN, agar Engkau membentuknya sejajar dengan keinginan-Mu.

## HATI YANG BERCANGGAH DENGAN ALLAH

Renungan: **Yunus 4:1-11**

*Tetapi firman TUHAN, "Layakkah engkau marah?"  
—Yunus 4:4*

Yunus merenggek kepada Allah, "Jadi sekarang, ya TUHAN, cabutlah kiranya nyawaku, kerana lebih baik aku mati daripada hidup" (Yunus 4:3). Mengapakah Yunus ingin Allah mencabut nyawanya padahal dia baru mengalami kejayaan yang hebat dalam misinya? "Orang Ninewe percaya kepada Allah, lalu mereka mengumumkan puasa dan mereka, baik orang dewasa mahupun anak-anak mengenakan kain kabung" (Yunus 3:5).

Bukankah Yunus berada di ladang misi tepat, saat tepat, dan kehendak Allah tepat? Yunus sudah melakukan kehendak TUHAN namun suasana hati dan kemahuannya terus bercanggah dengan hati-Nya. Perbezaan hatinya dengan hati TUHAN jelas digambarkan dalam Yunus 1. Ketika Allah menyuruh dia ke Niniwe, Yunus berangkat jauh dari sana dan dia menuju ke Tarsis (Yunus 1:1-2).

Kebencian hati Yunus terhadap kekejaman orang Ninewe belum lagi dihapuskan. Orang Niniwe memang terkenal kekejaman mereka. Mereka mengupas kulit mangsa perang, ikat mangsa perang pada gala, dan memenggal kepala mangsa mereka. Mereka melepaskan pasangan pertama yang dilihat mereka bukan atas belas kasihan tetapi agar mereka menjadi saksi tentang kekejaman Niniwe di kota lain. Siapa dapat duga, TUHAN mengasihi mereka sekalipun kejahatan mereka sudah sampai kepada-Nya.

Hati Yunus tidak dapat menyelami kasih TUHAN terhadap orang kejam. Yunus mengutip doanya daripada doa Musa namun dia takut akan kebenarannya (Keluaran 11:6). "Dan berdoa dia kepada TUHAN katanya: "Ya TUHAN, bukan telah kukatakan itu, ketika aku masih di negeriku? Itulah sebabnya, maka aku dahulu melarikan diri ke Tarsis, sebab aku tahu, bahwa Engkaulah Allah yang pengasih dan penyayang, yang panjang sabar dan berlimpah kasih serta yang menyesal kerana malapetaka yang hendak didatangkan-Nya" (Yunus 4:2).

Kuasa dan rahmat Allah yang mendatangkan badai dan meredakan badai tidak mengubah hati Yunus. Kuasa Tuhan yang mendatangkan ikan untuk menelan dan rahmat Allah yang memuntahkannya dari perut ikan, tidak mengubah hati Yunus. Adakah pohon, ulat dan pencurahan hati Allah dapat mengubah hati Yunus?

Doa: Allahku, biarlah hatiku seiring dengan hati-Mu sehingga aku memahami kehendak-Mu dengan pengertian mata hatiku.

## DIA PERCAYA KEPADA TUHAN

Renungan: **2 Raja-Raja 18:5-7**

*Percayalah kepada TUHAN dengan segenap hatimu,  
dan janganlah bersandar kepada pengertianmu sendiri.  
— Amsal 3:5*

Raja Hizkia berpaut sepenuhnya kepada Allah dan seluruh keyakinannya hanya kepada-Nya. Dia tidak bersandar pada kekuatan (1) kuasa lain atau tertarik dengan kekuatan kuda mahupun tentera mereka. Dia menjadi raja yang cukup baik kerana keyakinannya hanya datang daripada Allah, benteng yang kukuh.

Alkitab berkata, “Dia percaya kepada TUHAN, Allah Israel, dan di antara semua raja-raja Yehuda, baik yang sesudah dia mahupun yang sebelumnya, tidak ada lagi yang sama seperti dia. Dia berpaut kepada TUHAN, tidak menyimpang daripada mengikut Dia dan dia berpegang pada perintah-perintah TUHAN yang telah diperintahkan-Nya kepada Musa. Maka TUHAN menyertai dia; ke mana pun juga dia pergi berperang, dia beruntung. Dia memberontak kepada raja Asyur dan tidak lagi takluk kepadanya” (2 Raja-Raja 18: 5-7). Keyakinannya yang tulus hasil kepercayaan kepada Allah dan perintah-Nya.

Keyakinan dan ketenangan dalam hadirat Allah menjamin kejayaan kehidupan kita. Sekalipun kita dikarunia bakat, pengalaman dan kemahiran, yang terpenting adalah Allah. Layangkan pandangan anda kepada Allah sumber segalanya. “Akuilah Dia dalam segala lakumu, maka Dia akan meluruskan jalanmu” (Amsal 3:6).

Sebagai pemimpin agung Israel, Musa berdoa kepada Allah dengan bersungguh-sungguh dan bersandar kepada kasih karunia Allah. “Maka sekarang, jika aku kiranya mendapat kasih karunia di hadapan-Mu, beritahukanlah kiranya jalan-Mu kepadaku, sehingga aku mengenal Engkau, supaya aku mendapat kasih karunia di hadapan-Mu. Ingatlah bahawa bangsa in umat-Mu” (Keluaran 33:13).


Dengan rahmat Allah, banyak tokoh telah bersandar sepenuhnya kepada-Nya. Mereka mendaki gunung-ganang dan mengalami kemenangan bersama-Nya. Mereka bagai rajawali yang membina sarang mereka di pergunungan yang tinggi dan tidak kisah mengharungi sungai deras kerana iman mereka hanya pada TUHAN. Wahai wanita, berpautlah kepada TUHAN untuk kekuatan kehidupan rohani dan kerjaya anda. Pautan yang lain tidak selalu kukuh dan cepat berubah.

Doa: Allahku, aku ingin bertenang dan menantikan Engkau kerana pertolonganku hanya daripada Engkau.

## HATI YANG MENGAMPUNI

Renungan: **Matius 6:12**

*Sabarlah kamu seorang terhadap yang lain, dan ampunilah seorang akan yang lain apabila yang seorang menaruh dendam terhadap yang lain, sama seperti Tuhan telah mengampuni kamu, kamu perbuat jugalah demikian. — Kolose 3:13*

 Corrie Ten Boom telah dipenjarakan bersama keluarganya dalam penjara oleh pihak Nazis. Kakaknya Betsie dan bapanya meninggal dunia kerana diperlakukan dengan kejam. Corrie yang dibebaskan dari kem pertahanan sering berkhotbah tentang pengampunan. Pada suatu hari sesudah dia berkhotbah, seorang askar yang pernah menyiksa adiknya tampil untuk berjabat tangan.

“Aku menampak dia, ya askar yang mengawal kami sewaktu kami di bilik mandi Ravenbruck. Ingatanku mengimbas kepada sekumpulan lelaki yang menghina kami dan pakaian kami yang berselerakan serta wajah kakakku yang pucat. Askar ini berjalan ke arah aku... Dia bersenyum seraya berkata, “Aku bersyukur atas khutbah awak, Fraulein,” katanya. “Bayangkan Dia telah membasuh dosaku!”

Dia menghulurkan tangannya untuk berjabat tangan dengan aku. Aku baru berkhotbah tentang pengampunan di jemaah Bloomendail tetapi tanganku membeku. Perasaan dendam membara dalam diriku. Yesus Kristus sudah mati bagi orang ini, adakah saya meminta lebih daripada ini?

“Tuhan Yesus, saya ingin mengampuni dosanya.” Aku cuba bermekar senyuman dan menghulurkan tanganku, tetapi tidak mampu. Aku tidak dapat merasa apa-apa, tiada sedikit pun kehangatan, atau kemurahan hati. Aku berdoa lagi, “Yesus, sesungguhnya aku tidak dapat mengampuni. Berilah aku pengampunan-Mu.” Sesuatu yang ajaib terjadi kepada aku, dari bahu ke tangan ke lenganku, dan dari tanganku ke tangannya, satu aliran sehingga tercetus rasa kasih yang menakjubkanku sewaktu kami berjabat tangan.”

Wahai wanita, berserulah kepada Allah, “O Allahku, ubahlah hatiku dan lembutkannya dengan pengampunan-Mu terhadapnya. Ubahlah aku sehingga aku boleh mengampuninya seperti cara Engkau mengampuni aku.

Alkitab bersabda... “sama seperti Tuhan telah mengampuni kamu, kamu perbuatlah juga demikian” (Kolose 3:13b). “Tuhan telah memberi kita satu ukuran tinggi sewaktu dia memberi kita kesempatan untuk mengampuni. Syukurilah, Dia memberi kita anugerah dan bimbingan untuk mengikut teladan-Nya mengampuni seperti Dia mengampuni kita” (Ken Sande).

Doa: Allahku, ajarlah aku selalu mengampuni tanpa menghitung kebesaran kesalahan terhadap aku.

## CHARIZOMAI BERERTI MENGAMPUNI

Renungan: **Lukas 7:42-43; 2 Korintus 2:7-10; Efesus 4:32**

*Tetapi hendaklah kamu ramah seorang terhadap lain, penuh kasih mesra dan saling mengampuni, sebagaimana Allah di dalam Kristus telah mengampuni kamu. —Efesus 4:32*

Edward yang baru berperang mulut dengan isterinya mengeluh, “Aku lelah, setiap kali kami ada pergaduhan, Anna kembali ke kubur untuk menggali semua tulang lagi... Setiap kesalahan disimpannya dengan teliti.” Rangkaian perselisihan faham suami isteri semakin sulit kalau ia melilit bagai laman lelabah kerana rekod lama. “Charizomai” dalam bahasa Yunani bererti mengampuni dan ia melibatkan melepaskan segala yang pernah berlaku.

Anna tidak tahu bahawa untuk mengampuni bererti melepaskan segala yang pahit. Dalam penjelasan Tuhan Yesus, pengampunan bererti menghapuskan segala hutang tanpa menuntutnya lagi. Kita mengampuni seperti Tuhan Yesus sudah mengampuni kita, “dan ampunilah kami akan kesalahan kami, seperti kami juga mengampuni orang yang bersalah kepada kami” (Matius 6:12).

Anna seringkali berfikir Edward tidak layak menerima pengampunan atas semuanya ini. Dia tidak menginsafi pengampunan yang diterima daripada Allah sebenarnya tidak layak diterimanya. “Tetapi hendaklah kamu ramah seorang terhadap yang lain, penuh kasih mesra dan saling mengampuni, sebagaimana Allah di dalam Kristus telah mengampuni kamu” (Efesus 4:32).

Mengampuni bererti kita mengambil keputusan untuk tidak mengungkit hal-hal yang lama atau sering membicारा tentangnya. Kita dengan sengaja meninggalkannya dan membuka bab baru dengan orang itu. “Jiwa yang tidak mahu mengampuni adalah pembunuh kehidupan rohani yang utama” (James Coulter).

“Sewaktu saya memanggil anda untuk mengampuni, saya memanggil anda menjadi Kristian” (Martin Luther).

Wahai wanita, seandai Allah menyimpan segala kesalahan kita, apakah yang akan terjadi? “Jika Engkau, ya TUHAN, mengingat-ingat kesalahan-kesalahan, Tuhan, siapakah yang dapat tahan? Tetapi pada-Mu ada pengampunan, supaya Engkau ditakuti orang” (Mazmur 130:3-4). Rasul Paulus juga menasihati kita agar tidak menyimpan kesalahan orang, “Ia (kasih) tidak pemaarah dan tidak menyimpan kesalahan orang lain” (1 Korintus 13:5).

Doa: Bapa syurgawi, aku tidak mahu mengungkit hal-hal lama kerana aku sudah mengampuni orang yang bersalah terhadap aku.

## BERDAMAI

Renungan: **Matius 5:23-24, 18:22**

*Sebab itu, jika engkau mempersembahkan persembahanmu di atas mazbah dan engkau teringat akan sesuatu yang ada di dalam hati saudaramu terhadap engkau, tinggalkan persembahanmu di depan mazbah dan pergilah berdamai dengan saudaramu, lalu kembali untuk mempersembahkan persembahanmu itu.*

—Matius 5:24

Sumi Valeriena menyakiti hatinya. Dengan segera, dia membalasnya dengan kata-kata yang menghina sifat suaminya. Hatinya sudah menjauhkan diri daripada suaminya walaupun dia masih bercakap dengan suaminya. Dia merasa tidak gembira kerana harga dirinya dipermalukan oleh suaminya di depan anak-anaknya. Suaminya yang dapat merasai perubahan diri isterinya juga marah yang menurutnya terlalu peka orangnya.

Wanita yang dikasihi, kita ingin membawa wang, waktu, dan bakat kita kepada mazbah kita tetapi Allah menyuruh kita meninggalkan semuanya ini di mazbah apabila teringat saudara anda bersanggat dengan anda, tinggalkan persembahan anda dan berdamai dengan orang yang kita sakiti terlebih dahulu.

Pada resminya manusia merasa pahit kalau disakiti dengan kata-kata atau tindakan kejam. Kita memikirkan kesalahan orang itu dan betapa ia seharusnya tidak terjadi sedemikian. Wanita, kita gagal melihat tindakan kita yang kesuntukan kesabaran dan kekurangan kasih. Masalahnya bukan siapa yang betul dan siapa yang salah dalam hal ini tetapi tindak balas kita yang kurang menyerupai Kristus. "Keangkuhan hanya menimbulkan pertengkaran, tetapi mereka yang mendengarkan nasihat mempunyai hikmat" (Amsal 13:10).

Allah berkata kasih kita terhadap-Nya palsu kalau kita mengasihi-Nya tetapi membenci saudara atau suami kita. "Jikalau seorang berkata: "Aku mengasihi Allah," dan dia membenci saudaranya, maka dia adalah pendusta, kerana barangsiapa tidak mengasihi saudaranya yang dilihatnya, tidak mungkin mengasihi Allah, yang tidak dilihatnya" (1 Yohanes 4:20-21).

Valeriena menampak sinaran mentari ilahi pada suatu pagi apabila dia beribadah. Segera, Allah menyuruh dia berdamai dengan suaminya. Dia meminta pengampunan atas rasa dendam yang terselubuk dalam hatinya selama dua tahun. Kerendahan hatinya mencair hati suaminya yang agak dingin selama ini dan mereka berdamai dalam kasih ilahi.

Doa: Ya Allah, bintang pagi akan muncul dalam hatiku sewaktu aku berdamai dan mengampuni suami.

## WANITA YANG TIDAK TINGGI HATI

Renungan: **Mazmur 131**

*TUHAN, aku tidak tinggi hati dan tidak memandang dengan sombong; aku tidak mengejar hal-hal yang terlalu besar atau hal-hal yang terlalu ajaib bagiku. —Mazmur 131:1*

Raja Daud berseru, “TUHAN, aku tidak tinggi hati dan tidak memandang dengan sombong; aku tidak mengejar hal-hal yang terlalu besar atau hal-hal yang terlalu ajaib bagiku” (Mazmur 131:1). Doa Raja Daud menggambarkan hatinya yang tidak tercomot keangkuhan. Raja Daud tidak jatuh cinta dengan bayangan sendiri atau menghebohkan pencapaian kerajaannya. Kasih Allah yang memerintah dalam hatinya mengawasi suasana hatinya agar dia selalu rendah hati. “Sesungguhnya aku telah menenangkan dan mententeramkan jiwaku; seperti anak yang telah bercerai susu dengan ibunya, demikianlah jiwaku” (Zabur 131:2).

Raja Daud yang mengasihi Allah boleh memanjat tangga yang tinggi untuk menikmati Allah serta firman-Nya. Pada waktu yang sama, dia boleh berada di bawah tangga dan hidup dalam kerendahan hati di hadirat Allah. Matanya melayang kepada Allah yang bersemayam di syurga sahaja. “Kepada-Mu aku melayangkan mataku, ya Engkau yang bersemayam di syurga” (Mazmur 123:1). Tidak sesaat pun Raja Daud memegahkan kebesaran diri.

Hati Daud merindui Allah dan keindahan-Nya bukan hal-hal ajaib yang lain di dunia. Dalam kerendahan hatinya, dia mengakui TUHANlah yang ajaib dan Maha Besar. Matthew Henry seorang penafsir Alkitab berkata hati yang begini ini ialah bait Allah yang hidup. E.J. Young, penulis lain berkata, “Apabila seorang manusia telah melihat Allah sebagai Yang Maha Besar, tentu saja dia menjadi rendah hati.”

“Tiada sesuatu yang mampu membuat manusia sedar akan kelemahan sendiri selain mengenal siapa Allah. Manusia yang tidak mengerti siapa diri mereka biasanya menganggap diri mereka berkuasa dan tidak sedar akan kelemahan sendiri. Mereka bagai anak kecil yang tidak sedar mereka tidak sekuat orang dewasa. Sebaliknya, manusia yang datang mengenal Allah memiliki pengertian tentang kemiskinan, kelemahan dirinya, serta menyedari bahawa dia hanya makhluk yang tak berdaya. Penglihatan akan keagungan Allah, ketakjutan akan kuasa Allah, dan karya agung-Nya di mana kuasa-Nya yang Maha Kuasa dinyatakan menyedarinya bahawa dia hanya ulat yang miskin dan lemah. Hal ini akan membuat dia menyedari bahawa dirinya memang kurang, dan segala kecukupan berasal daripada Allah” (Jonathan Edwards, 1703-1758).

Doa: Tuhan Yesus, aku ingin menyerahkan hatiku dan berjalan dengan rendah hati di hadirat-Mu.

## WANITA YANG DIPENUHI ROH KUDUS

Renungan: **Galatia 5:13-26**

*Tetapi buah Roh ialah: kasih, sukacita, damai sejahtera, kesabaran, kemurahan, kebaikan, kesetiaan, kelemahlembutan, penguasaan diri.*

*Tidak ada hukum yang menentang hal-hal itu.*

— Galatia 5:22-23

Richard Foster berkata, “Pada zaman ini, syurga dan bumi menantikan kemunculan umat yang dikuasai Tuhan, yang dibimbing oleh Roh, dan dipenuhi oleh Roh Kudus yang limpahan.” Adakah anda rindu menjadi orang itu, yang selalu di penuhi Roh Kudus?

Wanita yang mengasihi Allah rindu menjadi pokok di kebun Allah yang menghasilkan buah-buah Roh Kudus. Theresa Avila berkata mata air ini mengalir dari sumber sejati-Nya bukan dari saluran-saluran fana. Biarlah Roh Kudus yang menjadi sumber itu.

John Stott berkata “Galatia 5:22-23 ialah ayat-ayat Alkitab kesukaan saya. Saya merenungi ayat-ayat ini lebih daripada ayat-ayat lain. Bolehkah saya cadangkan satu latihan rohani yang sangat membantu selama dua bulan? Ulangi ayat-ayat ini kepada diri sendiri setiap hari. Anda akan merasa hairan dengan apa yang boleh terjadi.” Biarlah buah-buah Roh Kudus ini secara sedar hadir dalam segala urusan kehidupanmu.

Mengenai kepenuhan Roh, Ole Hallesby bercerita tentang satu masalah, “Banyak orang percaya berdoa untuk kepenuhan Roh tetapi menerima kepenuhan dosa. Dan mereka tidak melihatnya sebagai jawapan doa mereka.” Mengapakah dia berkata demikian? Ole melihatnya sebagai hati nurani yang lebih peka. Janganlah kecewa kerana Roh Kudus akan selalu berbisik sehingga anda peka dengan setiap kehadiran dosa.

Madame Guyon dalam bukunya “Mengalami Kedalaman Yesus Kristus” menjelaskan bahawa “mengembangkan layar” bererti anda digerakkan oleh Roh-Nya. Anda “memegang kemudi” bererti anda menjaga hati anda agar tidak beralih dari jalurnya. “Memegang kemudi” juga bererti mengarahkan hatimu dengan mantap menurut gerakan Roh Allah. Tebarkan kemudi anda kepada Roh Kudus kalau anda mahu menghasilkan buah-buah Roh Kudus.

“Anda tidak boleh memiliki Roh Kudus dan pada waktu yang sama kasih terhadap diri sendiri, seperti anda ingin kesucian dan dosa pada waktu yang sama” (A.W. Tozer). Serahkan hati anda dengan sepenuhnya untuk mengasihi Roh Kudus dengan segenap hati.

---

Doa: Sirami aku, ya Roh Kudus, aku mahu peka terhadap kehadiran Engkau dan menghasilkan buah-buah Roh Kudus.

## KELOPAK BUNGA

Renungan: **Ulangan 6:4-9**

*...dan haruslah engkau menuliskannya pada tiang pintu rumahmu dan pada pintu gerbangmu. —Ulangan 6:9*

**N**abi Musa mementingkan pengasuhan ibu bapa. “Haruslah juga engkau mengajarkannya berulang-ulang kepada anak-anakmu dan membicarakannya apabila engkau duduk di rumahmu, apabila engkau sedang dalam perjalanan, apabila engkau berbaring dan apabila engkau bangun” (Ulangan 6:7).

Suatu hari seorang kawan kecil saya menulis satu sajak mengenai keterbatasan jasmaninya. Bapanya segera membalas serangkai.

Aku seorang anak kurang upaya  
Tiada aku mengerti  
Karya Allah dalam diriku  
    *Sesungguhnya aku tiada pengetahuan akannya*

Bertahun-tahun  
    *Aku berasa bersendirian*  
Bertahun-tahun aku kecacatan  
    *Dosa apakah yang menyebabkannya*  
Lama aku dalam kegelapan

Bapanya menyahut sajaknya segera agar dia tahu rahmat Allah.

Seorang kurang upaya Engkau bukan  
    *Engkau bagai puteri*  
Dalam pandangan papa mama  
    *Allah telah mencurahkan*  
Rahmat kepada kita sekeluarga  
    *Kebahagiaan, Kemeriahan, dan kasih sayang*

Bersendirian, engkau tidak  
    *Allah dan dakapan keluarga*  
Selalu berdampingan  
    *Selepas kegelapan*  
Pasti hari diterangi cahaya

Wahai wanita, pekakah anda kepada bisikan hati anakmu dan siapkah anda selipkan kebenaran rohani dengan segera.

Doa: Bagai kelopak bunga, anaku akan bermekar di bawah ajaranku,  
    O Tuhan.

## RAHSIA-NYA?

Renungan: **Mark 1:32-39**

*Pagi-pagi benar, waktu hari masih gelap. Dia bangun dan pergi ke luar.  
Dia pergi ke tempat yang sunyi dan berdoa di sana.  
—Markus 1:35*

“Bangkitlah, hai manusia! Buat sejenak, tinggalkanlah pekerjaanmu; lepaskan dirimu dari fikiran runding di hadirat Tuhan. Tinggalkan segala beban kekhuatiranmu, agihkan waktu bagi Allah dan bertenang dalam Dia. Masuk ke ruangan terdalam, tinggalkan segala fikiran kecuali yang mengenai Allah dan hal yang menolong anda mencari Dia. Sekarang bicaralah, hai segenap hatimu! Sekarang bicaralah kepada Allah serta berkatalah: “Aku mencari wajah-Mu; TUHAN, wajah-Mu akan aku cari” (St. Anslem, Proslogium).

Tak mungkin kerana kesibukan anda? Bayangkan ramai orang berbondong-bondong meminta pertolongan Tuhan Yesus. “Semua orang mencari-Nya...” (Markus 1:37). Adakah Yesus tidak ada waktu bersama dengan Bapa-Nya?

“Tolong Yesus, jangan pergi dulu, aku tidak mahu buta selamanya!”

“Yesus, jangan terlalu sibuk singgah ke rumah untuk menikmati buah ara dan delima!”

“Nak, malam ini temani saya ke perkahwinan,” kata ibu-Nya.

Saat bertenang di hadirat Bapa-Nya tetap dipentingkan oleh Tuhan Yesus. Dia tidak mungkin dapat menghadapi pelayanan yang mencabar seperti menjawab kelicikan orang Farisi dan Saduki, mengusir iblis daripada jiwa yang kerasukan mahupun membentuk sifat para murid-Nya kalau Dia tidak pernah masuk ke ruangan bersama Bapa-Nya.

Wanita, cari wajah Bapa Syurgawi, makanlah manna syurgawi selalu, “Inilah roti yang telah turun dari syurga, bukan roti seperti yang dimakan nenek moyangmu dan mereka telah mati. Barangsiapa makan roti ini, dia akan hidup selama-lamanya” (Yohanes 6:58).

Memiliki Allah bererti kita selalu bersama-Nya dan tidak berkeliaran sendiri. “Biarlah hidup anda selalu terjalin dan berhubung dengan Allah agar kuasa-Nya yang ajaib mengalir di tangan anda yang kanan dan kiri. Selalu tinggal dalam keadaan yang berharapan” (Oswald Chambers).

---

Doa: Allahku, aku ingin masuk ke ruangan dalaman-Mu dan mencari wajah-Mu setiap hari.

## KEBAHAGIAAN

Renungan: **Filipi 4:1-4; Tesalonika 5:16-18**

*Mengucap syukurlah dalam segala hal, sebab itulah yang dikehendaki Allah di dalam Kristus Yesus bagi kamu. —1 Tesalonika 5:18*

Seorang penulis pernah berkata, “Mustahil kita memperoleh kebahagiaan dalam diri kita apalagi di tempat lain mahupun daripada orang lain.” Keluhan ini bersumber daripada hati hampa yang tidak berpengharapan apalagi bernada kesyukuran. Sukacita kita tidak bergantung pada cuaca kehidupan kita, tutur kata orang lain mahupun hormon kita.

Bagi Rasul Paulus, kehidupan para pengikutnya dan iman mereka menjadi mahkotanya. Ini bukan disebabkan mereka membahagiakannya sebaliknya, sesetengah pengikut sengaja bersaing sewaktu dia dalam penjara. Rasul Paulus menulis, “Kerana itu, saudara-saudara yang kukasihi, dan kurindukan, sukacitaku dan mahkotaku, berdirilah juga dengan teguh dalam Tuhan, hai saudara-saudaraku yang kekasih” (Filipi 4:1).

Paulus dan Silas berada dalam penjara di Filipi, mereka baru dicambuk dan kaki mereka dirantai, tetapi mereka masih menaikkan pujian kepada Allah. Kalau beberapa di kalangan kita dirantai dalam penjara pasti kita tidak akan menyanyi. Iman yang rela menanggung penderitaan dan selalu bersyukur harus kita sambut sebagai corak kita.

Alkitab memanggil kita untuk bersyukur:

- Kita bersyukur atas kasih-Nya yang tidak pernah gagal. “Bersyukurlah kepada TUHAN sebab Dia baik! Bahawasanya untuk selama-lamanya kasih setia-Nya” (1 Tawarikh 16:34).
- Kita mengagungkan dan memuliakan Allah dengan kesyukuran kita. “Aku akan memuji nama Allah dengan nyanyian dan membesarkan-Nya dengan lafaz kesyukuran” (Zabur 69:30, KSZI).

Alkitab juga mengajar kita bagaimana kita perlu bersyukur kepada Tuhan:

- Kalau kita mahu bersyukur terus, kita perlu dipenuhi dengan Roh Kudus. “...hendaklah kamu penuh dengan Roh. ...Bernyanyi dan bersoraklah bagi Tuhan dengan segenap hati” (Efesus 5:18-19).
- Biarlah damai Kristus memenuhi hati anda. “Biarlah damai Al-Masih menguasai hatimu. Kamu telah dipanggil untuk mendapat damai itu dalam satu tubuh. Kamu haruslah bersyukur” (Kolose 3:16, KSZI).

Gantikan kecenderongan bersungut-sungut atas segala sesuatu dengan kesyukuran atas setiap hal.

Doa: Tuhan Yesus, aku bersyukur bahawa gema syurgawi tidak dapat dipenjarakan oleh tembok penjara.

## WANITA Mencari Keldai, TUHAN Mencari Mereka

Renungan: **1 Samuel 9**

*Ketika Samuel melihat Saul, maka berfirmanlah TUHAN kepadanya:  
"Inilah orang yang Kusebutkan kepadamu itu; orang itu akan memegang tampuk pemerintahan atas umat-Ku. —1 Samuel 9:17*

Beberapa ekor keldai milik bapa Saul hilang dan ini meriuhkan sekeluarganya kerana binatang ini sungguh berharga. Keldai-keldai ini berkemampuan berjalan jauh, rajin mengangkat barang dan manusia. Saul dan kawan-kawannya segera mencari keldai-keldai ini ke Efraim, Sahalim, tanah Benyamin dan Zuf akan tetapi muka mahupun ekornya belum muncul lagi. Akhirnya Saul menasihati, "Mari kita pulang. Nanti ayahku tidak lagi memikirkan keldai-keldai itu, tetapi khuatir mengenai kita" (1 Samuel 9:5).

Allah sedang mencari Saul sedangkan dia sibuk mencari keldai-keldai ayahnya. Allah mempunyai tugas penting bagi Saul. Hal ini sudah diberitahu kepada Samuel. "Besok kira-kira waktu ini: Aku akan menyuruh kepadamu seorang laki-laki dari tanah Benyamin, engkau akan mengurusinya dia menjadi raja atas umat-Ku Israel dan dia akan menyelamatkan umat-Ku dari tangan orang Filistin. Sebab aku telah memperhatikan sengsara umat-Ku itu, kerana teriakannya telah sampai kepada-Ku" (1 Samuel 9:16).

Saul tidak perlu khuatir akan keldai-keldai yang hilang ini kerana binatang-binatang ini akan ditemui. Saul mesti tahu bahawa Allah sedang mencarinya untuk melepaskan umat Allah daripada Filistin. Saul merasa dirinya suku yang terkecil akan tetapi Allah sudah memilihnya untuk tugas penting. "Bukankah aku seorang suku Benyamin, suku yang terkecil di Israel? Dan bukankah kaumku yang paling hina dan segala kaum suku Benyamin? Mengapa bapa berkata demikian kepadaku?" (1 Samuel 9:21).

Wanita sering mencari pelbagai keperluan keluarga. Kita sibuk mencari baju-baju dan makanan yang diperlukan oleh keluarga. Sewaktu kita sedang mencari semua ini, Allah mencari-cari kita untuk tugas penting. Tuhan sedang mencari anda untuk meletakkan landasan kukuh dalam kehidupan anak-anak anda. Perintah ini termuat dalam Mazmur 78:4, "Kami tidak sembunyikan kepada anak-anak mereka, tetapi kami akan ceritakan kepada angkatan yang kemudian puji-pujian kepada TUHAN dan kekuatan-Nya dan perbuatan-perbuatan ajaib yang telah dilakukan-Nya."

Jangan anda sibuk-sibuk dengan bakul dari pasar tetapi lupa dengan landasan iman anak anda.

Doa: Bapa Syurgawi, aku memahami Engkau sedang mencari aku untuk meletakkan landasan iman teguh dalam kehidupan anak saya.

## DIPULIHKAN

Renungan: **Yesaya 43:18-21**

*Lihat, Aku hendak membuat sesuatu yang baru, yang sekarang sudah tumbuh, belumlah kamu mengetahuinya? Ya, Aku hendak membuat jalan di padang gurun dan sungai-sungai di padang belantara. — Yesaya 43:19*

Kasih Allah selalu merancang permulaan baru bagi anak-Nya yang hidup dalam rumput duri. Allah rindu menghapus segala kulit kering kita bagai angin melenyapkan kabut. Allah mengambil langkah pertama tetapi kita mesti bekerjasama dengan Allah, jangan hidup lagi seperti masa lampau. “Firman-Nya: ‘Janganlah ingat-ingat hal-hal yang dahulu, dan janganlah perhatikan hal-hal dari zaman purbakala!’” (Yesaya 43:18).

Sesuatu yang baru yang didatangkan oleh Allah membawa pengharapan baru. Permulaan baru mendatangkan pujian pada bibir kita. “Engkau akan menghiasi dirimu kembali dengan rebana dan akan tampil dalam tari-tarian orang yang bersukaria” (Yeremia 31:4). Walaupun nabi Yeremia dikenali sebagai nabi ratapan, dia tetap memahami sukacita baru yang dijanjikan-Nya apabila umat-Nya kembali dalam pertaubatan.

Permulihan daripada Allah akan menghapuskan semua yang tawar dan mendatangkan keberhasilan yang berkenan kepada-Nya. “Tetapi rawarawanya dan paya-payanya sudah menjadi tawar, itu menjadi tempat mengambil garam” (Yehezkiel 47:11). “Maka penangkap-penangkap ikan penuh sepanjang sepinya mulai dari En-Gendi sampai En-Eglaim; daerah itu menjadi penjemuran pukut dan di sungai itu ada berjenis-jenis ikan, seperti ikan-ikan di laut besar, sangat banyak” (Yehezkiel 47:10).

Jangan membiarkan lalang lama bertumbuh terus menerus untuk mencekik pertumbuhan rohani anda. “Tetapi jikalau tanah itu menghasilkan semak duri dan rumput duri, tidak dia berguna dan sudah dekat pada kutuk; yang berakhir dengan pembakaran” (Ibrani 6:8). Para nabi sering bernubuat tentang hari penghakiman dan penghukuman kepada mereka yang tetap tinggal dalam rumput duri — cabutlah akarnya.

Wahai wanita, marilah kita menyambut pemulihan dan sentuhan Allah yang berbelas kasihan serta menikmati pembaharuan. “Hal ini harus kamu lakukan, kerana kamu mengetahui keadaan sekarang, iaitu bahawa saatnya tiba bagi kamu untuk bangun dari tidur. Sebab sekarang keselamatan sudah lebih dekat bagi kita daripada waktu kita menjadi percaya” (Roma 13:11).

Doa: Allah, aku bersyukur kerana Engkau tidak jemu menyediakan sungai dan jalan yang baru bagiku, aku tidak mahu tinggal dalam rumput duri.

## SIAPA YANG MELAKUKAN SEMUA INI?

Renungan: **Ayub 38:1-38**

*Siapakah yang telah menetapkan ukurannya?  
Bukankah engkau mengetahuinya? Atau siapakah yang  
telah merentang tali pengukur padanya?  
— Ayub 38:5*

Sewaktu anda melihat bumi dan langit, siapakah yang merentang tali pengukurnya? Ya, Allah Ayub. Sewaktu Ayub didera badai hidup, Allah mengajukan satu pertanyaan, “Siapakah yang telah menetapkan ukurannya?...” (Ayub 38:5).

Setelah Ayub menghayati keagungan Allah, bencana yang menyimpannya memperdalamkan pengertiannya akan Allah. Dia berkata, “Aku, tahu bahawa Engkau sanggup melakukan segala sesuatu, dan tidak ada rencana-Mu yang gagal” (Ayub 42:1). Pengakuan Ayub mengundang saat pencerahan jiwa-Nya serta meredakan badai jiwa.

Seorang bapa menceritakan saat pencerahannya sewaktu menderita melalui sepucuk surat. Anaknya, Daud Barker pendiam, suka membaca, dan telah menerima biasiswanya kerana kerja sukarelanya iaitu menyembuh sayap burung rajawali. Daud Barker sungguh mengasihi Tuhan Yesus.

“Sewaktu Daud remaja, aku memarahinya beberapa kali kerana dia terlambat pulang. Dia berdiam sahaja. Hanya setelah edaran waktu aku mengetahui salah seorang kawannya akan segera buta, Daud meluangkan waktu membaca buku kepadanya, dan menghiburnya.

Pada pukul 3:45 Jumaat petang, saya menelefon isteri dan menanyakan adakah harinya ceria. Dia memberitahu saya bahawa Daud telah datang ke tempat kerjanya untuk bersembang selepas bekerja. Saya menelefon Daud dan merancang membeli hadiah bersama-samanya untuk ibunya. Kami bersetuju berjumpa pukul enam. Aku memberitahu dia bahawa “Aku mengasihi dia.” Dia menjawab, “Aku mengasihimu juga ayah.” Empat belas minit kemudian Daud mati dalam kemalangan jalan raya.”

Betapa berharga beberapa minit di telefon. Berapa ayah tidak pernah mendengar perkataan ini? Kita begitu sibuk sehingga kita tidak memberi waktu untuk saat sedemikian... Daud membuat aku mengambil berat dan mengasihi lebih, merenungi lebih dalam lagi, menyelidiki lebih, berdoa lebih lama dan mencari lebih banyak pengertian” (Bapa Daud Barker).

Doa: Allahku, biarlah aku melihat Tangan-Mu yang tetap mendatangkan yang indah saat dihiris kepiluan.

## UDANG GALAH DISAPU

Renungan: **Amos 4:1-3**

*Taruhlah sebuah pisau pada lehermu, bila besar nafsumu!*  
— Amsal 23:2

Tanah di Timur Sungai Galilee terkenal dengan gandum, rerumput hijau dan lembu-lembu gemuk (Ulangan 32:14). Mengapakah Allah memanggil wanita pada waktu itu lembu Basan? Sifat ketamakan kaum wanita Gunung Samaria mendatangkan ketidakadilan. Mereka meminta barang berharga tanpa menghirau pemerasan yang dilakukan suami terhadap orang miskin "...yang memeras orang lemah, yang menginjak orang miskin..." (Amos 4:1).

Kitab Amsal menasihati kita agar jangan tamak. "Taruhlah pisau pada lehermu, bila besar nafsumu!" (Amsal 23:2)

Sifat ketamakan yang ada pada manusia menjadi punca masalah dalam masyarakat. Udang galah disapu dan ikan bilis diberikan kepada orang lain menjadi sifat resmi orang tamak. Bukit bukau digundulkan dan hutan dara dipunahkan sehingga burung todak entah nak tinggal mana.

Ganjaran orang tamak seperti lumayan buat sementara tetapi hati nurani tercemar. Contohnya, hati nurani Yudas tercemar sehingga nasibnya selanjutnya menyedihkan; panggilannya yang terhormat sebagai rasul telah digantikan orang lain. "Yudas ini telah membeli sebidang tanah dengan upah kejahatannya, lalu dia jatuh tertelungkup..." (Kisah Para Rasul 1:18).

"...Berjaga-jagalah dan waspadalah terhadap segala ketamakan, sebab walaupun seorang berlimpah-limpah hartanya, hidupnya tidak tergantung daripada kekayaannya itu" (Lukas 12:15). Tuhan Yesus menjelaskan orang yang mementingkan kekayaan dan tidak kaya di hadapan Allah itu sebagai orang bodoh. "Tetapi firman Allah kepadanya: Hai engkau orang bodoh, pada malam ini juga jiwamu akan diambil daripadamu, dan apa yang telah kau sediakan, untuk siapakah itu nanti? Demikianlah jadinya dengan orang yang mengumpulkan harta bagi dirinya sendiri, jikalau dia tidak kaya di hadapan Allah" (Lukas 12:20-21).

"Keinginan kita selalu bertambah dengan harta kekayaan kita. Pengetahuan bahawa masih yang tidak dapat dinikmati akan merencatkan kemampuan menikmati yang di depan kita" (Samuel Johnson).

---

Doa: Allah, aku ingin menikmati pemberian-Mu dengan sepenuhnya,  
jauhkanlah diriku dari sifat kerakusan.

## DELILAH

Renungan: **Hakim 16:4-22**

*Lalu setelah perempuan itu berhari-hari merengek-rengkek kepadanya dan terus mendesak-desak dia, dia tidak dapat lagi menahan hati, sehingga dia mahu mati rasanya.*

—Hakim-Hakim 16:16

**S**ukakah wanita dengan cerita Simson dan Delilah? Sebenarnya, Simson bertenaga dan kakak, singa pun dihantamnya. Delilah cantik tetapi berhati busuk; dia berpura-pura menjadi kekasih demi membawa seorang jejak ke lembah maut. Kemolekannya cuma kebohongan besar. Bagai labah-labah keji dia menyirat benang sehingga Simson terperangkap di lamannya bagai lalat.

Delilah yang tergiur wang sanggup bermain cinta. Datanglah raja-raja kota orang Filistin kepada perempuan itu: “Cubalah bujuk dia untuk mengetahui kerana apakah kekuatannya demikian besar, dan dengan apakah kami dapat mengalahkannya dia dan mengikat dia untuk menundukkannya. Maka kami masing-masing akan memberikan seribu seratus wang perak kepadamu” (Hakim-Hakim 16:5).

Simson pula sanggup berbuat apa sahaja demi cinta. Dia mencair bagai lilin kalau wanita cantik menampil di depannya. Akibat cinta buta, dia mati walaupun sempat membebaskan orang Israel daripada baham suku Filistin. Cuai sekali, Samson jatuh cinta dengan perempuan dari Sorek tanpa mengetahui latar belakangnya dengan baik.

Cinta buta menumpulkan otak Simson wahal kecerdikannya pernah menolong dia menggunakan binatang untuk melawan orang Filistin. “Maka pergilah Simson, ditangkapnya tiga ratus anjing hutan, diambilnya obor, diikatnya ekor hutan, diambilnya obor, diikatnya ekor dengan ekor dan ditaruhnya sebuah obor di antara tiap-tiap ekor. Kemudian dinyalakannya obor itu dan dilepaskannya anjing-anjing hutan itu ke gandum yang belum dituai...” (Hakim-Hakim 15:5).

Rahsianya terbongkar dan nyawanya tergadai ngeri kerana bujukan Delilah. Dia berkata, “Kepalaku tidak pernah kena pisau cukur, sebab sejak dari kandungan ibuku aku ini seorang nazir Allah. Jika kepalaku dicukur, maka kekuatanku akan lenyap daripadaku, dan sama seperti orang lain” (Hakim-Hakim 16:17). Dakapan wanita ini membawa maut dan penyesalannya terlambat, tenaganya hilang. Awas, musuh pandai memasang perangkap cinta demi menghancurkan masa depan dan iman anda.

Doa: Bapa Syurgawi, aku mahu setia kepada Engkau dan tidak mahu terjebak dalam dakapan cinta buta yang meruntuhkan imanku.

## BEDILAN LETERAN

Renungan: **Yakobus 3:1-12**

*Tetapi tidak seorang pun yang berkuasa menjinakkan lidah;  
ia adalah sesuatu yang buas, yang tak terkuasai,  
dan penuh racun yang mematikan.*

—Yakobus 3:8

**L**intuk mengelak bedilan leteran isterinya, Sokrates menyembunyikan diri di loteng. Saat ini membawa dirinya ke alam falsafah sehingga lahirlah ahli falsafah terkenal. Pada umumnya, wanita yang tidak mengekang lidahnya mendatangkan depresi kepada suami mereka. Suhu suasana keluarga sering dikipaskan kerana dengungan kita.

Sudah berapa kali Gina memekik, “Anak yang tidak berguna!” Anak remajanya berteriak kembali, “Kau ibu yang paling tak berguna...” Perang lidah menyebabkan hati Gina berlumuran keperihan. Datanglah firman-Nya. “Ada orang yang lanceng mulutnya seperti tikaman pedang, tetapi lidah orang bijak mendatangkan kesembuhan” (Amsal 12:18). Sering Gina berdoa untuk pengawalan lidahnya yang mampu bertindak bagai peluru berpandu. Firman-Nya datang lagi, “Dari mulut yang satu keluar berkat dan kutuk. Hal ini, saudara-saudaraku, tidak boleh demikian terjadi” (Yakobus 3:10).

Teguran ini menyebabkan Gina berlutut meminta kekuatan Tuhan Yesus. Gina memohon hikmat hidup salih dan emosi serta lidah yang terkawal. “Kerana kuasa ilahi-Nya telah menganugerahkan kepada kita segala sesuatu yang berguna untuk hidup yang salih oleh pengenalan kita akan Dia, yang sudah memanggil kita oleh kuasa-Nya yang mulia dan ajaib” (1 Petrus 1:3).

Dibawahsinaran kekudusan hadirat Tuhan, dia berubah pembawaannya.

Gina bertaubat dan meminta Roh Kudus untuk memberi buah penguasaan diri, “Tetapi buah Roh ialah: kasih, sukacita, damai sejahtera, kesabaran, kemurahan, kebaikan, kesetiaan, kelemahlembutan, penguasaan diri. Tidak ada hukum yang menentang hal-hal ini” (Galatia 5:22-23).

Doa dan kerelaan menyerahkan lidah kepada Tuhan telah mengubah suasana rumahtangganya. Suasana pejabatnya pun berubah. Kalau selama ini dia dikenali sebagai “lady boss” yang lanceng mulutnya tetapi kini pembawaannya tampak ketenangan. Buah-buah Roh Kudus seperti panjang menderita dan kelemahlembutan sudah berbuah dalam dirinya.

Wahai wanita, tidak bergunalah kalau kita belajar bagaimana berdandan dengan anggun tetapi tidak tahu mengawal lidah kita.

Doa: Tuhan Yesus, aku memohon agar lidahku akan mendatangkan penyembuhan dan hidup bagi orang lain.

## KASIHILAH SUAMIMU

Renungan: **Efesus 5:22-33**

*Apabila kamu menjadi marah, janganlah kamu berbuat dosa: janganlah matahari terbenam, sebelum padam amarahmu. —Efesus 4:26*

**D**r. Paul Stevens dalam bukunya “Married for Good” menasihati pasangan yang berkahwin untuk menjalin komunikasi yang setia. Dia mencadangkan agar setiap pasangan mengajukan beberapa pertanyaan:

1. Bila anda bercakap, adakah anda mencurahkan perasaan anda?
2. Adakah anda bercakap dengan tulus dan kasih?
3. Adakah anda berusaha memenangi satu pertengkaran dengan menyerang kewibawaannya?
4. Apabila anda menghadapi masalah, adakah anda menyerang masalah itu atau menyerang suamimu?
5. Adakah anda menunjukkan keyakinan kepada wawasan dan pandangan suamimu?
6. Adakah anda mendengar maksud yang terselindung dalam perkataannya? Adakah anda memberi keterangan palsu sewaktu kamu mengulangi perkataannya menurut pengertian sendiri?
7. Adakah anda membesar-besarkan apa yang dikatakan oleh suami anda dengan menuduh, “Anda selalu...”

Waktu untuk saling memahami merupakan waktu yang tidak boleh diabaikan. Seringkali anda berkata kepada suami anda, “Itu bukan yang saya katakan, jangan tokok tambah perkataan saya...” Gunakan waktu untuk menjelaskan apa yang dimaksudkan anda dengan baik.

Jangan biarkan anai-anai memakan perhubungan anda dengan membiarkan perselisihan faham membara. Bercakap dengan perkataan tepat memang sulit tetapi tidak mengutarakan perkataan yang menyakiti hati jauh lebih sulit. Ketegangan seharian mungkin menyebabkan kita mudah mencetuskan perkataan yang saling melukai. Rehatlah sebelum bercakap.

Kerendahan hati untuk saling mengakui kesalahan dan berdoa bersama-sama boleh memulihkan perhubungan. Berdoa bersama setiap malam dan saling memahami akan menjauhkan iblis daripada melontarkan belerangnya. “dan janganlah beri kesempatan kepada iblis” (Efesus 4:27). Jangan biarkan isu-isu anda mendidih dalam belanga berkarat selama berbulan-bulan, nanti ia akan menjadi bubur keracunan. Bawakan setiap hal yang perlu dibincangkan bersama-sama juga dalam doa dan pengampunan.

Doa: Allah Maha Penyayang, ajarlah aku mengasihi suamiku dan berusaha berkomunikasi dengan penuh pengertian dan kesabaran.

## KUINGIN MENJADI ANAK SELALU

Renungan: **Lukas 18:15-17**

*Tetapi Yesus memanggil mereka dan berkata: "Biarkanlah anak-anak itu datang kepada-Ku, dan jangan kamu menghalang-halangi mereka sebab orang yang seperti itulah yang empunya Kerajaan Allah. —Lukas 18:16*

Wanita, sikap alamiah anak-anak kita boleh menjadi sumber ilham kita. "Dari mulut bayi-bayi dan anak-anak yang menyusu telah Kauletakkan dasar kekuatan kerana lawan-Mu, untuk membungkamkan musuh dan pendendam" (Mazmur 8:6). Pemazmur menjelaskan bahawa pujian bayi kepada Allah berbeza sekali dengan penceriaan musuh terhadap-Nya.

Anak kecil berseru, "Mak, ada ketam kecil, comelnya!" Cetusan pujian yang ikhlas mudah pada bibir kanak-kanak kerana mereka mengagumi segalanya. Ceritakan bagaimana Musa membelah Laut Teberau atau Goliath dibunuh oleh Daud hanya dengan lima batu kecil, mulut anak-anak tertanga kekaguman. Benarkah kita sudah tidak ada perasaan lansung sewaktu membaca Alkitab? Pernahkah anda bersorak sewaktu membaca bagaimana tembok Yeriko dirobuhkan?

Pernah seorang lelaki yang bernama Federick Buechner menjalani latihan di tentera. Suatu malam yang dingin dan lapar, seorang yang berbelas kasihan melemparkan satu lobak kepadanya namun ia terjatuh dalam tanah liat. Suatu perasaan yang luarbiasa tiba-tiba melintasinya. Dia tidak melihat lobak itu sahaja yang bagus, tetapi juga tanah liatnya, hujan yang rinyai-rinyai, serta kedinginan saat itu. Kegembiraan terhadap ciptaan-Nya terjadi pada saat gelap itu dan kerinduan memuji Allah tiba-tiba datang!

"Kuingin menjadi anak selalu  
 Kuingin persahabatan kekal  
 Dengan titisan hujan, bebunga,  
 serangga dan kepingan salji  
 Kuingin selalu berminat dalam segala sesuatu  
 Dengan minda dan otot yang selalu peka  
 Lupakan segala masalahku dalam sesaat  
 Bintang, lautan, tasik, pepohon, burung-burung,  
 binatang-binatang adalah kawan-kawanku  
 Walau ototku kini kaku, kulitku berkerut  
 Janganlah aku menguap terhadap hidupku." (Toyohiko Kagawa)

Jangan lupa ketawa bersama dengan anak anda dan menghayati keindahan alam bersamanya.

Doa: Bapa Syurgawi, biarlah aku belajar mengagumi keajaiban-Mu daripada kesederhanaan seorang anak yang mengagumi Engkau.

## TIDAK SOPAN MEMBIARKAN SAHABAT

Renungan: **Filipi 4:6-7**

*Dan segala sesuatu yang kamu lakukan dengan perkataan atau perbuatan, lakukanlah semuanya itu dalam nama Tuhan Yesus, sambil mengucap syukur oleh Dia kepada Allah, Bapa kita.*

—Kolose 3:17

**W**ahai wanita, anda mengeluh tugas di dapur terlalu memakan waktu sehingga anda tidak dapat berdoa?

Brother Lawrence yang dilahirkan di Herimemil bekerja di biara sebagai pemasak yang sibuk tetapi semua orang ingin tahu rahsia kehidupan doanya. Pembawaannya yang tenang dan kedamaiannya disebabkan nafas doanya. Ramai orang suka mendapat bimbingan rohani daripadanya kerana banyak yang dapat dipelajari daripadanya khususnya keintiman dengan Tuhan dalam doa.

Brother Lawrence menasihati kita, "Doa seperti yang saya mengesyorkan kepada awak ialah berfikir tentang Allah setiap hari dan malam dalam setiap urusan awak, dan dalam hal yang lain. Dia selalu dekat dengan awak, jangan tinggalkan dia. Awak tidak sopan kalau awak sengaja membiarkan sahabat yang melawat awak bersendirian."

Pengunjung bertanya bagaimana mungkin Brother Lawrence berdoa kalau begitu banyak yang perlu dimasak di dapur dan begitu ramai orang yang memanggilnya.

Brother Lawrence berkata, "Setiap kali saya membalikkan kek yang dimasak dalam periuk saya, saya akan melakukannya demi kasih Allah. Kerja di dapur bukan sekadar masak yang sedap ya...tetapi saat ini boleh juga dijadikan saat beribadah kepada Allah, dan semua aktiviti di dapur mesti didedikasikan kepada Allah."

Pengunjung masih tidak mengerti. Brother Lawrence tersenyum tenang, "Saudara, awak mesti memahami bahawa saat berurusan tidak berbeza dengan saat berdoa. Memang dapur ini sangat bising dan sibuk... kadangkala beberapa orang akan memanggil saya untuk pelbagai hal, saya tetap memiliki ketenangan seperti saat saya berlutut dan berdoa di hadirat-Nya yang penuh dengan berkat."

"Kalau saya tidak ada kerja lagi saya akan merebah di lantai dan menyembah-Nya," ujar Brother Lawrence sambil tersenyum tenang.

Doa: Aku mahu selalu dalam sikap berdoa walaupun sewaktu aku menguruskan urusan harian.

## PENCIPTA BERTEPUK TANGAN

Renungan: **Lukas 21:1-4**

*Maka dipanggil-Nya, murid-murid-Nya dan berkata kepada mereka:  
 “Aku berkata kepadamu, sesungguhnya janda miskin ini memberi  
 lebih banyak daripada semua orang yang memasukkan wang  
 ke dalam peti persembahan.  
 —Markus 12:43*

Empat setengah tan emas hanya sebahagian daripada pemberian Ratu Syeba kepada Raja Sulaiman ketika dia mengunjungi Yerusalem. Selain itu, unta Permaisuri memuat 200 paun hadiah. Dia tahu hanya hadiah yang mahal layak bagi raja yang terkenal ini. Empat puluh lima unta diperlukan untuk mengangkut emas itu dan gerebak itu pun menghadap raja Sulaiman.

Pemberian bernilai kadangkala dianggap sebagai tanda penghargaan kepada penerimanya. Pemberi yang memberi sesuatu yang berharga sering menarik perhatian namun Tuhan Yesus melihat jauh ke dalam lubuk hati. Cara penilaian Tuhan Yesus berbeza daripada manusia yang menilai dari luaran sahaja, atau betapa mahal pemberian seseorang.

Kita tidak menduga Pencipta Dunia akan bertepuk tangan apabila seorang janda miskin menyumbang dua matawang dalam kantung persembahan. Seorang janda yang kehilangan suaminya serta bersat kemiskinan datang menyumbang yang seluruhnya kepada Allah. Dua matawangnya bukan hanya perpuluhannya tetapi semua yang ada pada dirinya. Hidupnya susah tetapi ini tidak mencegahnya daripada memberi apa yang ada padanya kepada Allah. Matanya tetap melayang kepada kerajaan Allah bukan hanya kepada keperluan sendiri.

Suasana hati kita sewaktu kita memberi jauh lebih penting daripada jenis pemberian yang kita berikan kepada Allah. “Hendaklah masing-masing memberikan menurut kerelaan hatinya, jangan dengan sedih hati atau kerana paksaan, sebab Allah mengasihi orang yang memberi dengan sukacita” (2 Korintus 9:7). Cara kita memberi kepada Allah menggambarkan apa maksud wang dalam kehidupan kita.

“Manusia bertanya berapa banyak yang dapat kita berikan, Alkitab bertanya, berapa yang telah kita simpan untuk diri sendiri. Bagi orang yang belum bertaubat, wang dapat memberi kepuasan; bagi orang yang sudah bertaubat, wang hanya berkat pemberian rahmat” (Michael Griffiths).

Doa: Tuhan Yesus yang kukasihi, aku ingin memberi yang terbaik dalam kehidupan aku kepada-Mu.



## *Bersama George Fox*

*Ketika semua pengharapan  
Kepada semua manusia lenyap  
Sehingga aku tiada sesuatu nyata  
Yang dapat menolong aku  
Tiada yang memberitahu aku  
Apa yang harus kuperbuat  
Saat ini ya saat ini  
Aku mendengar satu suara  
Yang berkata  
Hanya ada Satu  
Yesus Kristus  
Yang akan bersabda  
kepada keadaanku  
Dan ketika aku mendengarnya  
Hatiku melonjak gembira*

*—George Fox*



## AKU MINTA RAHMAT-MU

Renungan: **Markus 7:24-30**

*Maka kata Yesus kepada perempuan itu: “Kerana kata-katamu ini, pergilah sekarang sebab setan ini sudah keluar dari anakmu.”*

—Markus 7:29

**W**anita Yunani yang berasal daripada keturunan Siro-Penisia ini terdesak kerana anak perempuannya kerasukan iblis. Dia meminta Tuhan Yesus melepaskan anaknya daripada kerasukan iblis. Yesus berkata kepadanya, “Biarlah anak-anak kenyang dahulu sebab tidak patut mengambil roti yang disediakan bagi anak-anak dan melemparkannya kepada anjing” (Markus 7:27). Perempuan itu menjawab, “Benar, Tuhan. Tetapi anjing yang di bawah meja juga makan remeh-remeh yang dijatuhkan anak-anak” (Markus 7:28).

Sepintas pandangan, Tuhan Yesus seperti membubuh garam pada lukanya jiwa wanita ini. Bukankah dua daripada nenek moyang Tuhan Yesus juga berasal dari Kanaan? (Matius 1-5). Tamar dan Rahab adalah nenek moyang Tuhan Yesus; jadi adakah Dia sedang menghina nenek moyang-Nya?

Tuhan Yesus berhak memanggil sesiapa sahaja demikian kerana kalau kebaikan kita dibandingkan kekudusan-Nya, kita hanya kain lap. Yesaya berkata kita bagai manusia yang bernaah kerana dosa kita. “Dari telapak kaki sampai kepala tidak ada yang sihat: bengkak dan bilur dan luka baru, tidak dipijit dan tidak dibalut dan tidak ditaruh minyak” (Yesaya 1:6). Kita tidak suka mendengar siapa diri kita sebenarnya bukan?

Walau bagaimanapun intipati cerita ini ialah wanita ini tahu mencari rahmat Tuhan Yesus bagi anaknya dengan bersungguh-sungguh. Dia mencari belas kasihan bagi anaknya yang sangat memerlukan kuasa Allah. Dia akan merendahkan diri dan memohon bersungguh-sungguh agar anaknya terlepas daripada ikatan iblis. Tuhan Yesus berkata kepadanya, “Kerana kata-katamu itu, pergilah sekarang sebab setan ini sudah keluar dari anakmu” (Markus 7:29).

Wahai wanita, sungguh-sungguhkah kita mencari rahmat Tuhan Yesus agar anak-anak kita berjalan dalam terang Tuhan dan terlepas daripada perangkap iblis?

“O Tuhan, berilah hikmat-Mu kepada setiap anakku agar mereka berjalan bersama-Mu dan tidak jatuh ke dalam perangkap iblis.”

Doa: Tuhan Yesus, jamah setiap anggota keluargaku sehingga kerohanian mereka diperbaharui lagi.

## TIDAK MENGENANG BUDI

Renungan: **Yesaya 1:1-31**

*Dengarlah, hai langit, dan perhatikanlah, hai bumi, sebab Tuhan berfirman,  
"Aku membesarkan anak-anak dan mengasuhnya, tetapi mereka  
memberontak terhadap Aku." — Yesaya 1:2*

**W**anita yang setia mengasuh anak tentu mengharapkan mereka mengenang budinya kelak. Namun, seringkali kita diingatkan bahawa anak-anak dipinjamkan daripada Tuhan kepada kita untuk dikasihi dan untuk mewarisi khazanah iman kita. Tentu kita akan merasa sayu kalau anak yang kita asuh bersikap dingin sehingga menjenguk kita pun tidak.

Hati Tuhan begitu sedih apabila anak-anak yang dibesarkan-Nya tidak mengenang budi. Dia mengeluh bahawa binatang mengenal tuannya tetapi anak-anak-Nya tidak! Sikap yang tidak mengenang budi dibawa-Nya ke mahkamah syurgawi dan langit, semua makhluk diminta menjadi saksi akan anak-anak yang kurang ajar ini.

Pendengar Yesaya pasti memahami apa yang dikatakan kerana mereka tahu kadangkala lembu atau keldai sangat degil, tetapi binatang-binatang ini tetap tahu makanan datang daripada tuannya, dan akan menunduk. "Lembu mengenal pemiliknya, tetapi Israel tidak, keledai mengenal palungan yang disediakan tuannya, tetapi umat-Ku tidak memahaminya" (Yesaya 1:3). Mereka bukan saja tidak setia kepada-Nya malah sebaliknya mereka bertindak bagai pemberontak (Yesaya 1:2-4).

Sekilas pandang, mereka kelihatan rohani sewaktu membawa persembahan ke mazbah-Nya. Hanya Tuhan dapat melihat hati mereka yang sebenarnya berpura-pura intim dengan-Nya tetapi tangan mereka sangat kotor. Mereka dilambangkan sebagai anak-anak durhaka yang lebih teruk daripada binatang, mangsa yang terluka parah dan berbilur, mereka bernanah tetapi tidak pernah dipijit agar segala yang kotor dapat dikeluarkan (Yesaya 1:5-6).

Allah yang sakit hati tetap seorang Bapa yang selalu bersedia berbincang demi kebaikan anak-anak-Nya. "Marilah, baiklah kita berperkara! Sekalipun dosamu merah seperti kirmizi, akan menjadi seperti salji; sekalipun berwarna merah seperti kain kesumba, akan menjadi putih seperti bulu domba" (Yesaya 1:18). Suara kepedihan-Nya tetap bercampur dengan suara belas kasihan.

Wanita yang peka tidak akan tinggal sebagai anak durhaka selamanya! Mereka yang mendengar suara Tuhan dan bertaubat akan menikmati yang terbaik daripada Allah.

Doa: Allah Bapaku, aku mahu menyenangi hati-Mu dan menurut segala keinginan hati-Mu.

## MARA

Renungan: **Rut 1**

*Tetapi dia berkata kepada mereka, "Janganlah sebutkan aku Naomi; sebutkan aku Mara, sebab yang Maha Kuasa telah melakukan banyak yang pahit kepadaku." — Rut 1:20*

"**K**ami mencelup tangan ke dalam longkang untuk beberapa biji nasi kerana kelaparan," cerita nenekku tentang Perang Dunia Kedua. Setelah Perang Dunia Kedua, nenekku menjadi balu. Bersama enam anak perempuan hingusan, nenek memelihara khinzir dan memugut sayur-sayuran di pasar. Pernahkah anda mendengar cerita "mara" (penderitaan) sedemikian?

Naomi dalam Alkitab juga menderita mara bertubi-tubi. Naomi dan suaminya, Elimelekh dibesarkan di Tanah Perjanjian. Apabila kebuluran terjadi, bersama dua anak lelaki mereka, mereka berpindah ke Bethlehem namun Elimekh meninggal dunia. Tragedi menimpa, selepas sepuluh tahun kedua-dua anak lelaki Naomi meninggal dunia di Moab kerana penyakit.

Naomi merindui kampung halamannya lalu pulang ke Bethlehem. Dia merasa kurang adillah kalau dua menantunya mengikut dia. Naomi menyuruh mereka pulang demi masa depan mereka sendiri. Orpah mencium ibu mertuanya lalu berpisah tetapi Rut merentasi duka lara bersama mertuanya. Sepulang ke kampung, Naomi tidak ingin dipanggil namanya yang bererti kesukaan kerana terlalu banyak kepahitan dialaminya. Nama dan pengalaman penderitaan tidak sepadan.

Naomi pulang ke kampung  
 Sunyi sepi memagut hatinya  
 Tiada irama sukacita  
 Banyak pahit dialaminya  
 Airmatanya mengalir pilu  
 Hatinya tertusuk sembilu  
 Kepahitan terlitupi hatinya  
 Susahnya menguntum senyuman

"Hidup segera beredar, kekayaan melayang, kepopularan (disukai ramai) tidak selamanya, pancaindera semakin merosot, dunia berubah. Hanya Satu yang abadi kepada kita; hanya Satu yang akan memenuhi segala yang kita perlukan" (John Henry Newman). Tanpa diketahui Naomi, Allah tetap Yang Satu baginya dan akan merencanakan sesuatu yang indah.

Doa: Ketika hatiku dilandai mara, aku melihat wajah-Mu dan melangkah dalam penghiburan-Mu.

## CINTA BERPUTIK

Renungan: **Rut 2**

*TUHAN kiranya membalas perbuatanmu itu, dan kepadamu kiranya dikurniakan upahmu sepenuhnya oleh TUHAN, Allah Israel, yang di bawah sayap-Nya engkau datang berlindung.*

—Rut 2:12

Rut tetap mengharungi hidup bersama ibu mertuanya, dia tidak berubah kerana kepahitan. Mencari jejak baru dan membangun mahligai baru tidak dipentingkannya tetapi menjaga Naomilah lebih penting baginya. Perjalanan di depan penuh dengan tanda tanya tetapi Rut tetap setia. Di bawah sayap-Nya, Rut dan Naomi berlindung di tengah-tengah keperihan hidup.

Rut memugut jelai di ladang Boas buat keluarganya (Rut 2:7). Boas jatuh hati dengan keikhlasannya terhadap Allah dan ibu mertuanya. Janda yang mulia ini mempunyai nama baik di kotanya. Dia tetap memuliakan Tuhan dan mengasihi mertuanya sehingga nama baik keluarganya terpelihara. Ibu mertuanya diperlakukan seperti ibu sendiri.

Cinta berputik dalam hati Boas terhadap wanita yang suci ini. Kata-kata berkat yang diutarakan Boas kepada Rut menggambarkan perasaan kagumnya. Boas berkata kepada Rut, “Tuhan kiranya membalas perbuatanmu itu, dan kepadamu dikurniakan upahmu sepenuhnya oleh Tuhan, Allah Israel, yang di bawah sayap-Nya engkau datang berlindung” (Rut 2:12).

Drama kehidupan Rut dan Naomi bermula dengan kegelapan tetapi dengan Allah sumber penghiburan selalu ada. “Tangga hebat mazbah dunia biasanya menelusuri lereng kegelapan kepada Allah” (Alfred, Lord Tennyson).

Perjalanan ini  
 Acapkali dihiasi  
 Bukan bebunga harum  
 Sebaliknya duri tajam  
 Si musafir yang setia  
 Tinggal penuh iman  
 Di bawah sayap-Nya  
 Si musafir bersama-Nya  
 Segera mentari pagi bersinar  
 Mengundang babak baru  
 Babak baru yang indah  
 Dalam kehendak-Nya

Doa: Allahku, aku tidak akan membiarkan keperihan hidup memadamkan kesetiaanku terhadap Engkau atau manusia.

## PENEBUS

Renungan: **Rut 3-4**

*Lalu penebus itu berkata kepada Boas: "Engkau saja yang membelinya." Dan tanggalkannyalah kasutnya."*

—Rut 4:8

Naomi berfikir, "Alang baiknya Rut dijodohkan dengan pemilik ladang yang baik hati itu." Naomi tahu Boas akan menampi jelai di tempat pengirikan kerana malam itu ada angin lalu dia mengatur agar Rut berbaring berdekatan kaki Boas.

Boas terkejut pada tengah-tengah malam, dia menyedari seorang perempuan sedang tidur berdekatan kakinya. Boas bertanya, "Siapakah engkau ini?" Rut berkata kepada Boas, "Aku Rut, hambamu: kembangkanlah kiranya sayapmu melindungi hambamu ini, sebab engkau lah seorang kaum yang wajib melindungi kami" (Rut 3:9). Pada zaman itu tindakan menebarkan satu bahagian pakaian atas seorang perempuan menjadi lambang lamaran perkahwinan.

Boas berkata, "Engkau tidak mengejar-ngejar orang muda, baik yang miskin mahupun yang kaya" (Rut 3:10) kepada Rut. Boas tidak segera bersetuju walaupun hatinya sudah tertambat. Dia menjawab Rut, "Maka sekarang, memang aku seorang kaum yang wajib menebus, tetapi walaupun demikian masih ada lagi seorang penebus, yang lebih dekat daripadaku" (Rut 3:12). Boas banyak mengikut tradisi masa itu dengan berhati-hati.

Boas mencari saudara terdekat untuk membeli sebidang tanah milik anak Naomi. Membeli tanahnya bererti mewarisi Rut juga. Akhirnya saudara itu berkata kepada Boas, "Engkau saja yang membelinya, "lalu menanggal kasutnya (Rut 4:8). Tanggalkan kasut bererti dia melepaskan hak kewajiban saudara mara. "Lalu Boas mengambil Rut dan perempuan itu menjadi isterinya..." (Rut 4:13).

Matamu bagai telaga benang  
 Kolam jiwamu membayangkan kasih  
 Tempat berteduh mertuamu  
 Kau mengirik di ladangku  
 Tanpa kata-kata banyak  
 Engkau sudah kata banyak  
 Wanita yang perlu dilindungi  
 Pertemuan ini berbahagia  
 Bagi aku dan kau adinda

Doa: Allah Maha Penyayang, aku tetap setia mengikuti Engkau  
 tanpa memandang perubahan hidupku.

## NAOMI MENIMANG CUCU

Renungan: **Rut 4:13-22**

*Dan Naomi mengambil anak itu serta meletakkannya pada pangkuannya dan dialah yang mengasuhnya.*

—Rut 4: 16



Saat kelahiran seorang bayi berarti lahirnya nenek!

Pengalaman pertama kali menjadi nenek hampir sama sewaktu kita jatuh cinta. Kita jatuh cinta dengan kelakar cucu yang comel. Bagi cucu, nenek selalu ada waktu lapang untuknya. Kegembiraan seorang cucu sewaktu mengunjungi neneknya pada hujung minggu tak dapat diselami kita.

Naomi yang pernah pulang dengan tangan kosong kini diberkati. Kini, jirannya melihat Naomi diberkati lagi; Rut sudah berkahwin dengan Boas. Mereka bergembira bersama Naomi, “Terpujilah TUHAN, yang telah rela menolong engkau pada hari ini dengan seorang Penebus. Termasyhurlah kiranya anak itu di Israel” (Rut 4:14).

Kemudian, jirannya turut memberi nama kepada cucunya. Cucunya dinamakan Obed. Naomi tidak menduga bahawa apa yang dikatakan oleh jirannya akan digenapi kelak. Cucunya akan menjadi nenek moyang kepada raja Daud yang dikenali sebagai raja yang mengasihi Allah. “Obed memperanakkan Isai dan Isai memperanakkan Daud” (Rut 4:22).

Di luar batas pengetahuannya, daripada keturunannya akan dilahirkan Juruselamat Dunia. Dalam silsilah Yesus Kristus, “Salmon memperanakkan Boas daripada Rahab, Boas memperanakkan Obed daripada Rut, Obed memperanakkan Isai, Isai memperanakkan raja Daud... Yakub memperanakkan Yusuf suami Maria, yang melahirkan Yesus yang disebut Kristus” (Matius 1:1-16). Berkat yang dicurahkan ke Naomi dan Rut yang pernah dirudum kepahitan memang di luar batas pengertiannya.


“Saudara-saudara kekasih, janganlah kamu hairan akan nyala api seksaan yang datang kepadamu sebagai ujian, seolah-olah ada sesuatu yang luar biasa terjadi atas kamu. Sebaliknya, bersukacitalah, sesuai dengan bagian yang kamu dapat dalam penderitaan Kristus, supaya kamu juga boleh bergembira dan bersukacita pada waktu Dia menyatakan kemuliaan-Nya” (1 Petrus 4:12-13). Penderitaan anak TUHAN di dunia yang bermusuhan Juruselamat tidak dapat dibandingkan kemuliaan yang akan datang. Jangan hanya melihat penderitaan yang anda alami tetapi lihat di sebalik tabir-Nya.

Doa: Allah yang kukasihi, terima kasih atas segala berkat yang Engkau curahkan dalam hidupku yang di luar kemampuanku untuk menyelaminya.

## SATU SAHAJA YANG DIPERLUKAN

Renungan: **Lukas 10:38-42**

*Perempuan itu mempunyai seorang saudara yang bernama Maria. Maria ini duduk dekat kaki Tuhan dan terus mendengarkan perkataan-Nya. —Lukas 10:39*

“h, lupa bumbu gulai ayam!” kata Ros sewaktu dia keluar dari pusat beli belah Jaya Grocer. Kesibukan bercampuran kekhuatiran sering mewarnai kehidupan Ros dan kaum Hawa sehingga satu sahaja yang diperlukan selalu dilupakan.

Yesus dan para murid-Nya bertandang ke rumah Maria dan Marta. Aroma dari dapur sungguh harum, maklumlah rempah ratus tak pernah kekurangan dalam dapur Marta. Adiknya, Maria pula begitu rindu akan firman Allah, dia duduk di bawah tapak kaki Yesus. Tetamu Ilahi ini telah mengenyangkan batin Maria dengan sajian berkhasiat sumsum daripada sabda-Nya.

Bayangkan, Marta berdiri di pintu dapur sambil memegang seekor ayam kampung yang berbulu lebat, dan ikan yang belum disiang di dapur. Dengan bernada kesal, dia berkata, “Tuhan, tidakkah Engkau peduli, bahawa saudaraku membiarkan aku melayani seorang diri? Suruhlah dia membantu aku” (Lukas 10:40b). Tuhan Yesus menjawab, “Marta, engkau khuatir dan menyusahkan diri dengan banyak perkara tetapi hanya satu sahaja yang perlu: Maria telah memilih bahagian yang terbaik, yang tidak diambil daripadanya” (Lukas 10:41-42).

Wahai wanita, menyiapkan makanan berkhasiat memang penting tetapi ini tidak boleh dijadikan alasan tidak memilih bahagian Maria. Tuhan Yesus tidak mengatakan tugas Marta di dapur Betani tidak penting tetapi dia tidak boleh mengabaikan sabda Tetamu Ilahi. Sayangnya sungai rohani wanita yang terlalu sibuk gersang. Roti hidup daripada firman Allah tidak pernah dibekali bagi keluarganya, dan anaknya tidak disuap.

“Pecahkan roti hidup kepadaku  
 Tuhan yang kukasihi  
 Seperti Engkau memecahkan roti  
 Di pinggir lautan Galilea  
 Di halaman kudus  
 Aku mencari Engkau  
 Rohku menghauskan Engkau  
 O firman yang hidup.” (William F. Sherwin, 1826)

Doa: O Tuhan, aku datang ke tapak kaki-Mu, berilah roti hidup-Mu untuk mengenyangkan batinku.

## HANYA SESAAT

Renungan: **Ester 4**

*Sebab sekalipun engkau pada saat ini berdiam diri saja, bagi orang Yahudi akan timbul juga pertolongan dan kelepasan daripada pihak lain, dan engkau dengan kaum keluargamu akan binasa. Siapa tahu, mungkin justru untuk saat seperti ini engkau beroleh kedudukan sebagai ratu. — Ester 4:14*

Nyawa segenap umat Tuhan bagai telur pada ujung tanduk setelah Mordekhai enggan bersujud kepada Haman. Iblis melahirkan satu plot kejam. Haman yang panas baran ingin Haman dan seluruh orang Yahudi punah. Dia akan mencanangkan ketidaksetiaan orang Yahudi terhadap perintah raja.

Raja Ahasyweros mencabut cincin meterainya lalu menitah, “Perak itu terserah kepadamu, juga bangsa itu kauperlakukan seperti yang kaupandang baik” (Ester 3:11). Haman merancang agar Mordekhai disulakan sebagai balasan penghinaannya. Kelicikan Haman tidak mungkin melawan kebijaksanaan dan Tangan Tuhan yang arif mengatur segalanya tepat pada waktunya.

Seluruh bangsa berkabung tanpa mengetahui bahawa Allah Maha Esa sudah menempatkan Ratu Ester di sebalik tabir gelap ini. Walaupun Kitab Ester tidak menyebut nama Allah, kita tahu yang menyebabkan raja tidak dapat tidur sehingga dia meminta semua kitab catatan sejarah disemak memang Allah. Dalam catatannya, Mordekhai pernah menyelamatkan nyawanya dan belum diberikan penghormatan (Ester 6:2-3).

Allah hanya memerlukan sesaat saja untuk mengubah nasib umat-Nya yang terancam. Ester yang sangat penting dalam hati Raja Ahasyweros membongkar rancangan jahat Haman. Akhirnya tiang sula Mordekhai menjadi tiang maut Haman, dan Ester dikenangi setiap Perayaan Hari Purim.

Walau dunia dipenuhi iblis  
 Yang siap menggugat kita  
 Kita tidak ketakutan  
 Tuhan menentukan kebenaran-Nya  
 Dia menang dalam diri kita  
 Betapa seram putera kegelapan  
 Kita tidak takut akan dia  
 Kita bertahan walau ia mengamuk  
 Kehancurannya pasti  
 Satu firman kecil akan menggugatnya (Martin Luther)

Doa: Allah Maha Tahu, tolong aku untuk memenangi krisis ini dan membalikkan rancangan musuh.

## BURUNG, GURU BESAR KITA

Renungan: **Lukas 12:22-34; Filipi 4:6-7**

*Janganlah hendaknya kamu khawatir tentang apapun juga, tetapi nyatakanlah dalam segala hal keinginanmu kepada Allah dalam doa dan permohonan dengan ucapan syukur.*

—Filipi 4:6

“**C**iapakah di antara kamu yang kerana kekhuatirannya dapat menambahkan sehasta pada jalan hidupnya?” (Lukas 12:25).

Martin Luther berkata, “Burung boleh menjadi guru besar kita. Kita memang dipermalukan kalau seekor burung pipit boleh menjadi ahli teolog dan pengkhotbah. Kita mempunyai banyak pengkhotbah iaitu burung-burung di langit. Teladan hidup burung ini memalukan kita... apabila kita mendengar burung bulbul, anda sedang mendengar kepada pengkhotbah baik. Burung ini seperti berkata, “Saya lebih suka berada di dapur Allah. Dia telah mencipta syurga dan bumi, dan Dia sendiri pemasak dan penyambut tetamu. Setiap hari Dia memberi makanan berkhasiat kepada banyak burung kecil.”

K.E. Cheney menceritakan, “Suatu hari burung robin berkata kepada burung pipit, ‘Aku ingin tahu kenapa manusia selalu khawatir dan selalu tergesa-gesa.’ Burung pipit berkata kepada burung robin, ‘Aku berfikir mungkin mereka tidak mempunyai Bapa Syurgawi yang mengasihi mereka seperti aku dan awak.’”

Tuhan Yesus mengarahkan pandangan kita kepada burung-burung agar kita belajar pelajaran istimewa daripada ciptaan ini. “Perhatikanlah burung-burung gagak yang tidak menabur dan tidak menuai dan tidak mempunyai gudang atau lumbung, namun demikian diberi makan oleh Allah. Betapa jauhnya kamu melebihi burung-burung itu!” (Lukas 12:24). Kita perlu rajin seperti semut yang bekerja biarpun pada musim dingin namun kita tidak khawatir seperti burung-burung di langit.

Camkan apa yang dikatakan oleh Pemazmur mengenai pemeliharaan Bapa Syurgawi. “Singa-singa muda kelaparan tetapi orang yang mencari TUHAN, tidak kekurangan sesuatu pun yang baik” (Mazmur 34:11).

Luangkan setiap hari sejenak waktu anda untuk menatap bunga dan burung serta merenungi firman-Nya, “Pandanglah burung-burung di langit, yang tidak menabur dan tidak menuai dan tidak mengumpulkan bekal dalam lumbung, namun diberi makan oleh Bapamu yang di syurga. Bukankah kamu jauh melebihi burung-burung itu?” (Matius 6:26).

---

Doa: Segala kekhuatiranku, aku serahkan kepada tangan pemeliharaan-Mu yang selalu memberi aku naungan.

## HAGAR

Renungan: **Kejadian 16**

*Kemudian Hagar menamakan TUHAN yang telah berfirman kepadanya itu dengan sebutan: "Engkaulah El Roi." Sebab katanya: "Bukankah di sini kulihat Dia yang telah melihat aku?"*  
—Kejadian 16:13

Dewaktu Anna memberus gigi, dia mengeluh; stafnya selalu ada masalah sikap. Pertama, Sarina selalu lambat masuk kerja dan pandai mengarang alasan. Maria pandai menjaga tepi kain staf lain dan Larry pula sering pandai bersembang sehingga semua orang terpukau dengan ceritanya.

Masalah sikap memang masalah manusia sejak zaman Abraham.

Masalah sikap muncul dalam diri Hagar apabila dia dikaruniakan bayi lelaki. "Abram menghampiri Hagar, lalu mengandunglah perempuan itu. Ketika Hagar tahu bahawa dia mengandung maka dia memandang rendah akan nyonyanya" (Kejadian 16:4). Perasaan lebih tinggi daripada Sarah tampak dalam tingkah lakunya sehingga Sarah sakit hati. Sarah menyesal menyuruh hambanya untuk melahirkan anak bagi keluarganya.

Sarah menunjukkan belangnya kepada Hagar dan mengadu dengan suaminya. Abraham tidak mahu bercampur tangan dalam urusan dua wanita ini. Sikap kejam muncul dalam Sarah, dia menindas Hagar sehingga dia tidak dapat tahan tinggal serumah. Drama rumahtangga Abram akibat masalah sikap memuncak kerana kekurangan belas kasihan terhadap sesama. Hagar melarikan diri, dia lebih tenang di padang belantara daripada menderita penindasan di rumah.

TUHAN yang Maha Kasih dan berbelas kasihan jelas berbeza dengan manusia. Pencipta mencari Hagar di padang belantara dan menghibur seorang hamba. Dengan lembut, TUHAN menasihati dia untuk kembali kepada Sarah. Di tengah-tengah konflik dan kelemahan sikap manusia, Hagar melihat TUHAN. "Kemudian Hagar menamakan TUHAN yang telah berfirman kepadanya itu dengan sebutan: "Engkaulah El-Roi." Sebab katanya, "Bukankah di sini kulihat Dia yang telah melihat aku?" (Kejadian 16:13).

Wahai wanita, perhatikan masalah sikap kita seperti keangkuhan, kekurangan belas kasihan, dan pandai menindas orang. "Kebenaran yang perlu kita perhatikan ialah keangkuhan mesti mati dalam kita, kalau kita ingin syurga tinggal di dalam kita" (Andrew Murray).

Doa: Allahku, ajarlah aku selalu berbelas kasihan dan tidak membiar keangkuhan dalam hatiku.

## PAKAIAN PUJIAN

Renungan: **1 Tawarikh 16:34; Mazmur 69:31; Kolose 3:16**

*Bersukacitalah senantiasa dalam Tuhan! Sekali lagi kukatakan:  
Bersukacitalah! —Filipi 1:3*

Anne Frank yang mati di khemah pertahanan Nazis sewaktu masih kecil pernah menceritakan perbezaan antara pendapat ibunya dan dirinya terhadap penderitaan dalam diarinya pada 1944, di Amsterdam.

“Aku tidak memikirkan penderitaan sahaja tetapi keindahan sebaliknya. Inilah salah satu hal yang ibu aku dan aku berbeza sama sekali. Nasihat ibu ketika seseorang merasa sedih ialah, ‘Fikirkan semua penderitaan di dunia dan bersyukurlah awak tidak mengalaminya!’ Nasihat aku, ‘Keluurlah, ke padang rerumput, nikmati alam dan mentari, cuba menanggapi kegembiraan dalam dirimu dan dalam Allah. Fikirkan semua keindahan yang masih ada sekelilingmu, dan bergembiralah.’ Aku tidak dapat melihat bagaimana pendapat ibuku itu tepat, kerana bagaimana awak patut bersikap kalau awak yang mengalami penderitaan? Bingung?”

Bagaimana Rasul Paulus bersikap ketika dia menghadapi penderitaan? Rasul Paulus yang dipenjarakan menulis sepucuk surat yang penuh ucapan syukur dan sukacita. Sukacitanya dalam Tuhan tidak ditinggalkan oleh palang-palang penjara. Berkat sukacitanya dicurahkan dalam surat yang ditulis dalam penjara. Kini surat-suratnya menjadi sumber penghiburan kita.

Joni Earekson Tada yang mengalami kecacatan tubuh kadangkala dilanda perasaan gelap memberi kita nasihat baik. “Hari-hari yang kering dan yang berdebu; kedinginan membeku jiwaku. Awan gelap menyelubungi diriku dengan berat dan tidak kira apa pun yang kulakukan, siapa kujumpa, banyak usaha diperlukan.” Lantas, dia menasihati agar kita memakai pakaian pujian. Tuhan Yesus telah mengaruniakan kita pakaian pujian, “untuk mengaruniakan kepada mereka perhiasan kepala ganti abu, minyak untuk pesta ganti kain kabung, nyanyian puji-pujian ganti semangat yang pudar, supaya orang menyebutkan mereka “pohon tarbantin kebenaran,” “tanaman TUHAN” untuk memperlihatkan keagungan-Nya” (Yesaya 61:1-3).

Raja Daud yang dikerumuni oleh musuh-musuh tidak berkata matilah aku kali ini. Dia bersyukur dan mengundang kuasa Tuhan, “Terpujilah TUHAN, seruku; maka aku pun selamat daripada musuhku” (2 Samuel 22:4). Pujian dan ucapan syukurnya menyebabkan TUHAN mengguntur dari langit dan menewaskan musuhnya.

Doa: Allahku, Engkau telah menggantikan kabunganku dengan sorak sorai. Biar aku memperlihatkan kemuliaan-Mu pada saat ini melalui pujianku.

## GOMER

Renungan: **Hosea 3:1-3**

*Marilah kita mengenal dan berusaha sungguh-sungguh mengenal TUHAN, Dia pasti muncul seperti fajar. Dia akan datang kepada kita seperti hujan, seperti hujan pada akhir musim yang mengairi bumi.*

—Hosea 6:3

Kasih setia TUHAN merekah bagai fajar baru bagi yang rela mengenal-Nya bersungguh-sungguh. “Marilah kita mengenal dan berusaha sungguh-sungguh mengenal TUHAN; Dia pasti muncul seperti fajar, Dia akan datang kepada kita seperti hujan, seperti hujan pada akhir musim yang mengairi bumi” (Hosea 6:3).

Sekalipun kasih umat-Nya pada kabut, TUHAN tetap tidak berubah dalam kasih setia-Nya. “Apakah yang akan Kulakukan kepadamu, hai Efraim? Apakah yang akan Kulakukan kepadamu, hai Yehuda. Kasih setiamu seperti kabut pagi, dan seperti embun yang hilang pagi-pagi benar” (Hosea 6:4). Mereka mudah tergoda, “Efraim telah menjadi merpati tolol, tidak berakal, dengan memanggil kepada Mesir, dengan pergi kepada Asyur” (Hosea 7:11).

Gaya kehidupan umat Israel seperti Gomer seorang pelacur yang tidak setia kepada suaminya, Hosea. Umat Israel menipu orang miskin, membunuh dan mencuri dan sering mabuk. “Persepakatan para para pemabuk! Mereka menyerahkan diri habis-habisan kepada persundalan; mereka telah mencintai kehinaan daripada kemasyhuran mereka” (Hosea 4:18).

TUHAN tetap mencari umat-Nya dan ini dilambangkan oleh nabi Hosea. Di tengah-tengah kesedihan Hosea, TUHAN menyuruh dia mencari isterinya dan mengambilnya kembali. Kasih Hosea menggambarkan kasih TUHAN terhadap umat-Nya. Kalau dulu nama anak-anak mereka “Jezreel” (yang terserak); Lo-Ruhamah (Tidak dikasihi); dan Lo-Ammi (bukan umatku) semuanya akan berubah. Kasih TUHAN akan mengubah mereka menjadi “Lo-Ruhamah” kepada Ruhamah (Dikasihi), dan “Lo-Ammi” kepada Ammi (umat-Ku).

Wanita, jangan biarkan hati TUHAN tergores kerana persundalan isterinya.

“Biarlah dengan akal yang gembira,  
Kita memuji Allah kerana Dia baik hati,  
Kerana rahmat-Nya bertahan selama-lamanya  
Selalu setia, selalu pasti.” (John Milton)

Doa: TUHAN, biar aku merekah kasihku kepada-Mu setiap pagi dan bebunga rohani memberi aroma keharuman kepada-Mu.

## SIAPA YANG MENJAMAH JUBAH-KU

Renungan: **Lukas 8:45-48**

*Pada ketika itu juga Yesus mengetahui, bahawa ada tenaga yang keluar daripada diri-Nya, lalu dia berpaling di tengah orang banyak dan bertanya: "Siapa yang menjamah jubah-Ku?"*

—Markus 5:30

"Siapa yang menjamah jubah-Ku?" tanya Tuhan Yesus. Orang ramai berdesak-desak mendekati Tuhan Yesus, akan tetapi Dia peka terhadap satu sentuhan. Sentuhan wanita ini dianggap tercemar oleh masyarakatnya tetapi bagi Tuhan Yesus ini sentuhan iman.

Dalam kebudayaan Yahudi zaman itu, kedatangan haid dianggap cemar apalagi pendarahan yang tidak berhenti. Wanita ini telah banyak menerima aib kerana pendarahannya mengalir terus. "Apabila seorang perempuan mengeluarkan lelehan dan lelehannya itu adalah darah dari auratnya, dia harus tujuh hari lamanya dalam cemar kainnya, dan setiap orang yang kena kepadanya, menjadi najis sampai matahari terbenam" (Imamat 15:19).

Bagi Yesus, sentuhan ini sentuhan wanita yang tinggal dalam kesepian dan kesengsaraan. Pada zaman itu sesiapa yang mendekati wanita ini dianggap najis juga. Kalau mereka duduk kerusinya atau menggunakan katil yang pernah dibaringnya mereka terkena najis. Lagipula semua orang mencurigai wanita ini mempunyai dosa rahsia.

Dalam catatan Talmud, tersedia hampir sebelas cara untuk menyembuh pendarahan jenis ini. Pesakitnya membawa debu telur ayam belanda dalam beg linen pada musim panas, dan beg kain kapas pada musim dingin. Pengubatan lain ialah mencari barli dalam najis keldai betina! Semuanya gagal bagi wanita ini!

Sentuhan Tuhan Yesus mengangkat dia dari lembah penghinaan dan mengubah pandangan masyarakat terhadap dia. Di tengah-tengah orang ramai, Tuhan Yesus menghargai iman wanita ini, "Maka kata-Nya kepada perempuan itu: "Hai anak-Ku, imanmu telah menyelamatkan engkau. Pergilah dengan selamat dan sembuhlah dari penyakitmu!" (Markus 5:34). Sentuhan-Nya mendatangkan keberhargaan dalam dirinya; Tuhan Yesus memanggil dia "anak-Ku." Penerimaan Tuhan Yesus mencairkan musim dingin yang dialami jiwa ini selama dua belas tahun.

Wanita, mungkinah ada wanita lain yang memerlukan sentuhan jubah-Nya? Sediakah anda menolong mereka mengubah musim dingin mereka?

Doa: Yesus, Yesus, dengar doaku dan sentuhlah aku,  
jangan Tuhan lalui aku tanpa berkat-Mu.

## ANYAMAN WANITA

Renungan: **Amsal 31**

*Dia membuat bagi dirinya permadani, lenan halus dan kain ungu pakaiannya. — Amsal 31:22*

Kalung manik, anyaman bakul, dan baju etnik merupakan karya jejari wanita. Kreativiti wanita mendatangkan keistimewaan dan warna kepada dunia kita. Kraftangan ini menyerikan suasana dunia dan menolong mereka mencari sumber kewangan bagi keluarga.

Wanita dalam Amsal 31 menjahit selimut besar daripada kain indah. Ketika kraftangan ini siap, ia terhias di tempat tidur. Selimut warna-warni membawa sukacita kepada keluarganya. Wanita ini mempunyai ciri istimewa yang dalam bahasa Ibrani dipanggil “hachmah.” Dalam Keluaran 31, Bezaleel bin Uri bin Hur mempunyai “hachmah.” Dia dikatakan mempunyai keahlian dalam segala pekerjaan seperti mengasah batu permata supaya ditatah; mengukir kayu dan ukiran lain (Keluaran 31:4-5).

Wanita ini menghargai Allah yang menjadi sumber “hacmahnya” dan berusaha mengeluarkan keseniannya. Dia menguruskan bakat dan kemahiran ini dengan baik dan mendatangkan berkat keindahan. Sering, kalung manik buatan tangan wanita kita juga sering dipakai ke jamuan rasmi. Ukiran wanita juga terhias indah di rumah orang lain yang ingin menikmati keunikan tempatan.

Wanita ini juga disanjung suami kerana tiada kerugian kredit kad. “Hati suaminya percaya kepadanya, suaminya tidak akan kekurangan keuntungan. Dia berbuat baik kepada suaminya dan tidak berbuat jahat sepanjang umurnya” (Amsal 31:11-12). Anaknyanya menyanjungnya kerana dia ibu yang berbuat baik bukan berjudi. “Anak-anaknya bangun, dan menyebutnya berbahagia, pula suaminya memuji dia. Banyak wanita telah berbuat baik, tetapi kau melebihi mereka semua” (Amsal 31:28-29).

Wanita yang sangat dicintai ini tidak membuang waktu bersembang-sembang dan memintal sarang lelabah bagi mangsa mulutnya. “Dia membuka mulutnya dengan hikmat, pengajaran yang lemah lembut ada di lidahnya” (Amsal 31:26). Dia mengajar dengan penuh hikmat kerana dia tahu Hukum Taurat! Yang teristimewa, bukan saja permandani atau bakulnya indah tetapi hatinya selalu hidup dan indah di hadirat Allah yang kekal. “Kemolekan adalah bohong dan kecantikan adalah sia-sia tetapi isteri yang takut akan TUHAN dipuji-puji” (Amsal 31:30).

---

Doa: Allahku, biarlah aku memberkati keluargaku dengan bakat yang Engkau kurniakan kepada aku.

## WANITA DI SUMUR YAKUB

Renungan: **Yohanes 4:1-6**

*Tetapi barangsiapa minum air yang akan Kuberikan kepadanya, dia tidak akan haus untuk selama-lamanya. Sebaliknya air yang akan Kuberikan kepadanya, akan menjadi mata air di dalam dirinya, yang terus menerus memancar sampai kepada hidup yang kekal. — Yohanes 4:14*

Bayangkan kesinisan perempuan Samaria terhadap cinta manusia **B**esewaktu dia menjunjung tempayannya ke sumur Yakub. Kedukaan kehilangan suami tercinta bukan dialaminya sekali tetapi lima kali. Apa daya kalau kelima-lima suaminya mahu bercerai dengannya? Mengikuti hukum Musa, seorang lelaki boleh menceraikan seorang perempuan tetapi perempuan tidak berhak mengambil langkah pertama (Ulangan 24:1).

Orang awam tidak mahu bertemu dengan perempuan ini. Mengapa Tuhan Yesus seorang Yahudi mahu bertemu dengannya apatah meminta air daripadanya. Tuhan Yesus melanggar peraturan orang Yahudi dalam babak pertemuan ini kerana Dia meminta minuman daripada wanita Samaritan terhina yang dianggap berasal daripada bangsa tidak murni. "Masakan Engkau, seorang Yahudi minta minum kepadaku, seorang Samaria?" (Yohanes 4:9b).

Kehausan wanita ini diketahui-Nya dan hanya air hidup yang ditawarkan Yesus boleh melegakan kehausan jiwanya. Tuhan Yesus berkata kepadanya, "Tetapi barangsiapa minum air yang akan Kuberikan kepadanya, dia tidak akan haus untuk selama-lamanya. Sebaliknya air yang akan Kuberikan kepadanya, akan menjadi mata air di dalam dirinya, yang terus menerus memancar sampai kepada hidup yang kekal" (Yohanes 4:14).

Santo Augustine berkata mengenai kehausan manusia hanya wanita ini, "Engkau telah menciptakan kami untuk Engkau sendiri, dan hati kami resah sampai kami menemukan ketenangan dalam Engkau." O wanita, tanpa air hidup ini, jiwa kita akan terus menerus mengejar hal-hal yang tidak dapat mengisi kita.

Raja Daud dalam kegersangan rohani berseru, "Aku menadahkan tanganku kepada-Mu, jiwaku haus kepada-Mu seperti tanah yang tandus. Sela. Jawablah aku dengan segera, ya TUHAN, sudah habis semangatku! Jangan sembunyikan wajah-Mu terhadap aku, sehingga aku seperti mereka yang turun ke liang kubur" (Mazmur 143:6-7).

Doa: O kasih syurgawi yang mengairi tanah gersang, aku memohon pancuran air hidup dalam kehidupanku.

## PERLUKAH ANDA BERCAKAP?

Renungan: **Ayub 4**

*Hai saudara-saudara yang kukasihi, ingatlah hal ini:  
setiap orang hendaklah cepat untuk mendengar, tetapi lambat  
untuk berkata-kata, dan juga lambat untuk marah.*

— Yakobus 1:19

**W**ahai wanita, bagaimana kita menghibur hati kawan yang tertimpa tragedi? Apabila tidak ada sealun perkataan, kita mulai sepatuh dua... tetapi kita merasa seakan-akan kawan kita kurang terhibur. Kita berusaha memberi tafsiran bagi misteri penderitaannya.

Ketika kawan-kawan Ayub mendengar tentang penderitaannya yang begitu dahsyat, mereka ke rumahnya. Mula-mulanya mereka berdiam selama tujuh hari dan tujuh malam. Apabila mereka mula bercakap, justru mereka menggelapkan fikiran Ayub. Elifas menuduh bahawa Ayub tidak sungguh-sungguh hidup benar. "Bukanlah takutmu akan Allah yang menjadi saudaramu, dan kesalihan hidupmu menjadi pengharapanmu? Camkanlah ini: siapa binasa dengan tidak bersalah dan di manakah orang yang jujur dipunahkan?" (Ayub 4:6-7).

Elifas berkata ada suatu sosok seperti roh berbisik-bisik kepadanya. Tentu itu roh jahat yang akan menghancurkan semangat Ayub. Penderitaan Ayub dijelaskannya sebagai penghuni yang mendiami pondok tanah liat yang kemudian roboh dan dia mati bagai gegat kena terpijat! (Ayub 4:19). Kata-kata ini akan menghumban seseorang yang menderita ke dalam jurang depresi.

Penghiburan mereka berubah menjadi penghakiman tajam dan penceraan. "Kerana bukan dari debu terbit bencana dan bukan dari tanah tumbuh kesusahan; melainkan manusia menimbulkan kesusahan bagi dirinya, seperti api berjolak tinggi" (Ayub 5:6,7). Elifas membuat rumusan bahawa Ayub telah menggoreng nasib sendiri dengan dosa sendiri.

Kawan saya Peggy Reekie berlainan pendekatan daripada kawan-kawan Ayub. Hari ini Peggy Reekie bangun awal-awal lagi untuk membuat kuih skon bagi sarapan suaminya dan juga kawannya, Erika, yang baru kemalangan. Peggie sungguh mesra dan suka bercerita tetapi hari ini dia tidak banyak bercakap. Peggy menghiasi bilik kawannya dengan sekuntum bunga harum dalam sebuah pasu kecil dan membuat secawan kopi baginya. Tanpa banyak perkataan, Peggy bagai membawa secercah sinaran suria dan bayu penghiburan ke bilik Erika.

Doa: Tuhan, biar aku menjadi saluran berkat kepada yang menderita,  
biarlah kehadiranmu membawa pengharapan.

## JURUSELAMAT RINDU MELIHAT MATA-NYA

Renungan: **Lukas 13:10-17**

*Tetapi kepala rumah ibadat gusar kerana Yesus menyembuhkan orang pada hari Sabat, lalu berkata kepada orang banyak, "Ada enam hari untuk bekerja, kerana itu datanglah pada salah satu hari itu untuk disembuhkan dan jangan pada hari Sabat.*

—Lukas 13:14

Ketua rumah ibadat dan orang Farisi tidak pernah melihat mata wanita bongkok ini tetapi hal ini remeh saja bagi mereka. Simpati? Jangan diharapkan daripada mereka yang sibuk dengan keagamaan mengambil berat akan manusia. Mencari jarum dalam jerami itu sajalah kepandaian mereka. Wanita ini rindu berjalan tegak dan melihat tanpa perlu memaksa lehernya untuk mendengok.

Kerajinan beragama mereka jelas tidak mengubah perasaan halus mereka; mereka menegur Tuhan Yesus yang menyembuh wanita ini pada hari Sabat. Yang penting bagi mereka bukanlah kesejahteraan wanita ini tetapi pelanggaran Hari Sabat. Tuhan Yesus mengajukan satu pertanyaan: sekiranya keldai mereka jatuh ke longkang adakah mereka akan menyelamatkannya apalagi wanita yang bongkok ini. Bukankah dia juga anak perempuan Abram yang terikat setan selama ini?

Penyembuhan wanita ini bukan hanya diizinkan tetapi sebenarnya harus dilakukan. Kesibukan beragama tidak menjamin kita boleh melihat kebongkokan jiwa anggota saudara-saudari seiman kita.

Wanita, kadangkala kita merasa seperti wanita bongkok ini, segala sesuatu kita tempuh sendiri seakan-akan tidak dipedulikan orang lain. Siapa tahu anda menitis airmata kerana anak remaja anda bersikap liar? Anda mungkin merasa seperti wanita bongkok ini, tetapi saudara-saudara seiman sibuk beragama, dan tidak melihat keadaan anda yang sebenarnya. Kehidupan rohani anda terbongkok, anda tidak pernah melihat mata orang lain dan tidak berani mengaku kebongkokan anda.

Segala kebongkokan jiwaku  
 Kuserahkan kepada Engkau  
 Tegakkan aku  
 Lepaskan ikatanku  
 Sehingga aku melihat wajah-Mu  
 Sejelas dan semurnya  
 O Juruselamatku  
 Aku memohon  
 Sentuhkan kebongkokanku

Doa: Juruselamat jiwaku, aku rindu melihat wajah-Mu,  
 sembuhkan keadaan kebongkokanku.

## HANA

Renungan: **1 Samuel 1:21-28; 1 Samuel 2:11-26**

*Untuk mendapat anak inilah aku berdoa, dan TUHAN telah memberikan kepadaku, apa yang kuminta daripada-Nya.*

—1 Samuel 1:27

Beberapa ibukah akan menulis dalam diarinya, “Maka aku pun menyerahkannya kepada TUHAN; seumur hidup terserahlah dia kiranya kepada TUHAN...” (1 Samuel 1:28). Perasaan ucapan syukur atas berkat seorang cahaya mata menyebabkan Hana menyerahkan anaknya. “Untuk mendapat anak inilah aku berdoa, dan TUHAN telah memberikan kepadaku, apa yang kuminta daripada-Nya” (1 Samuel 1:27).

Di tengah-tengah generasi yang tidak menjunjung TUHAN, Samuel bagai bunga teratai yang bermekar indah di atas air keruh. “Tetapi Samuel yang muda itu, semakin besar dan semakin disukai, baik di hadapan TUHAN mahupun di hadapan manusia” (1 Samuel 2:26). Sikap Hana yang rela menyerahkan anak kepada TUHAN untuk latihan dan disiplin telah mendatangkan perbezaan dalam hidup Samuel.

Kerohanian Samuel berbeza dengan anak-anak imam Eli. “Adapun anak-anak lelaki Eli adalah orang-orang dursila; mereka tidak mengendahkan TUHAN” (1 Samuel 2:13). Eli lemah mendidik anaknya dan tidak menegur mereka yang bersifat rakus. Daging yang dipersembahkan sebagai korban sembelihan dicucuk mereka dengan garpu yang bergigi tiga! Ketika ditegur umat TUHAN, mereka berkata, “Sekarang juga harus kauberikan, kalau tidak, aku akan mengambilnya dengan kekerasan” (1 Samuel 2:16).

Eli hanya bersifat kangkung hanya bertanya anaknya, “Mengapa kamu melakukan hal-hal begitu, sehingga kudengar dari segenap bangsa itu tentang perbuatan yang jahat itu?” (1 Samuel 2:23). Disiplin anaknya tidak terlalu dipentingkannya sekalipun dia imam di bait Tuhan.

Wanita, jangan anggap tugas mendidik anak dalam TUHAN enteng. Sewaktu anda perlu mendisiplin anak, jangan lalai. Samuel bermekar bagai bunga teratai di kolam yang keruh tetapi anak-anak Eli menjadi comot kolam.

Tidak ada ibu bapa yang sengaja melukai seorang anak secara minda, jasmani atau emosi namun seringkali dengan tidak meletakkan batas-batas dan membiarkan anak-anak bertindak sesuka hati mereka, kita membinasa mereka.

Doa: Allahku, ajarlah aku mengasuh anak-anakku dengan kebijaksanaan sehingga mereka boleh memuliakan Allah dalam hidup mereka.

## BUAH ANGGUR MASAM

Renungan: **Yesaya 5:8-23**

*Dia mencangkulnya dan membuang batu-batunya, dan menanamnya dengan pokok anggur pilihan; Dia mendirikan sebuah menara jaga di tengah-tengahnya dan menggali lubang tempat memeras anggur; lalu dinantinya supaya kebun itu menghasilkan buah anggur yang baik, tetapi yang dihasilkannya ialah buah anggur yang asam.*

— Yesaya 5:2

Dalam nyanyian ini, TUHAN digambarkan sebagai kekasih yang memiliki kebun anggur indah di bukit yang subur; kebun-Nya dilengkapi tembok dan tempat pemerasan anggur. Betapa kecewa-Nya sewaktu didapati-Nya pohon anggur-Nya menghasilkan buah-buah asam? (Yesaya 8:1-2).

Anggur pertama melambangkan mereka yang melakukan kecurangan jual beli tanah. “Celakalah mereka yang menyerobot rumah demi rumah dan mengecek ladang demi ladang, sehingga tidak ada lagi tempat bagi orang lain dan hanya kamu sendiri yang tinggal di dalam negeri!” (Yesaya 5:8). Kekayaan tanah orang lain dirampas, dan saku sendiri meleleh.

Anggur kedua melambangkan mereka yang memabukkan diri demi keseronokan sendiri. “Celakalah mereka yang bangun pagi-pagi dan terus mencari minuman keras, dan duduk sampai malam hari, sedang badannya dihangatkan anggur” (Yesaya 5:11). Betapa banyak orang Kristian masih jago dalam seni mencampur minuman keras .

Anggur ketiga melambangkan mereka yang ragu akan Allah. Raja-raja mereka menurut kepandaian sendiri sewaktu menghadapi krisis negara (Yesaya 5:15). Mereka bersandar kepada kekuatan negara lain, perserikatan dengan Mesir atau Asyur bererti penglibatan dalam penyembahan berhala mereka.

Anggur keempat melambangkan mereka yang tidak berpendirian teguh. Bagi mereka semua kebenaran tidak mutlak dan semuanya tergantung pada kesukaan hati (Yesaya 5:20).

Anggur kelima melambangkan mereka yang congkak akan kebolehan diri sendiri. Kebolehan masih dipentingkan orang Kristian, dan bukan kesalihan (Yesaya 5:21). Anggur keenam melambangkan hakim-hakim yang tidak melakukan keadilan di mahkamah sebaliknya mereka melakukan kecurangan (Yesaya 5:23).

Wahai wanita, adakah TUHAN menyanyi “Anggur Amarah” kepada kita pada hari tuaian juga?

Doa: Biarlah aku, O Tuhan yang kukasihi melahirkan buah-buah anggur manis untuk Kekasih kebunku.

## MATAKU SUDAH MELIHAT-NYA

Renungan: **Yesaya 6**

*Lalu kataku: “Celakalah aku! Aku binasa! Sebab aku ini seorang yang najis bibir, dan aku tinggal di tengah-tengah bangsa yang najis bibir, namun matakmu telah melihat Sang Raja, yakni TUHAN semesta alam. — Yesaya 6:5*

**W**anita, terkejutlah kalau Allah datang bukan dengan gema indah tetapi bara yang bertujuan membersihkan bibir kita yang belum tersunat! Ketika Raja Uzziyah meninggal dunia, nabi Yesaya bertemu dengan Raja yang Maha Kudus dan Maha Mulia. Detik penting ini mengubah keberadaan Yesaya dan melayakkan dia untuk melayani TUHAN. Yesaya sedar betapa jauh berbeza dirinya yang berdosa dengan Allah yang Maha Kudus.

Serafim yang berada di takhta TUHAN berseru antara sesama, “Kudus, kudus, kuduslah TUHAN semesta alam, seluruh bumi penuh dengan kemuliaan-Nya!” (Yesaya 6:3). Kekudusan TUHAN telah meyakinkan Yesaya akan keberadaan dirinya yang berdosa. “Celakalah aku! aku binasa. Sebab aku ini seorang yang najis bibir, dan aku tinggal di tengah-tengah bangsa yang najis bibir, namun matakmu telah melihat Sang Raja, yakni TUHAN semesta alam” (Yesaya 6:5).

Keberadaan dosa kita sering tergambar pada bibir kita yang belum tersunat. Janganlah kita membungkus gosip sebagai pokok doa ketika kita di kafe. Biarlah kita menyunat bibir kita yang sudah tercemar. “Sebab tanganmu cemar oleh darah dan jarimu oleh kejahatan; mulutmu mengucapkan dusta, lidahmu menyebut-nyebut kecurangan” (Yesaya 59:3).

Ambillah waktu untuk kudus

Dunia dengan kesibukannya beredar

Luangkan banyak waktu dalam rahsia

Dengan Yesus sahaja

Layangkan pandangan kepada Yesus

Menyerupai-Nya kau akan dibentuk

Sahabat handai akan melihat

Rupa-Nya dalam gerak gerimu (George C. Stebbins, 1846)

“Kekudusan ialah sesuatu tentang gambar dan rupa Kristus yang boleh dilihat oleh orang lain dalam kehidupan peribadi kita, tabiat kita, sifat kita dan tingkah laku kita” (J.C. Ryle).

Doa: Allah Maha Kudus, biarlah hidupku melambangkan kekudusan dan gambaran Kristus.

## O KASIH YANG TIDAK MELEPASKAN AKU

Renungan: **Mazmur 123: 1-2**

*...tetapi setinggi langit di atas bumi, demikian besarnya kasih setia-Nya atas orang yang takut akan Dia. —Mazmur 103:11*



Kasih yang tidak akan melepaskan aku  
 Aku rehatkan jiwaku yang lelah pada-Mu  
 Aku kembalikan hidupku yang kumiliki  
 Agar dalam lautan-Mu yang mendalam  
 Ia mengalir, lebih kaya dan lebih limpah

O terang yang mengikutku sepanjang jalan  
 Aku serahkan nyalaku yang berkedip-kedip  
 Hatiku memperbaharui sinaran pinjaman  
 Agar dalam Suria-Mu  
 Ia bersinar semakin terang dan jelas

O sukacita yang mencari aku di tengah-tengah duka  
 Aku tidak dapat menutup pintu hatiku kepada-Mu  
 Aku menjejaki pelangi sebalik hujan  
 Aku rasa janjinya tidak sia-sia  
 Fajar menyinsing, airmata terhapus

O kayu salib yang angkat kepalaku  
 Aku tidak minta berterbangan daripada-Mu  
 Aku tanggalkan segala kemuliaan hidup  
 Dari tanah bermekar merah  
 Hidup akan kekal selalu (Dr. George Matheson, 1882)

Lagu yang hebat ini dituliskan oleh Dr. George Matheson, pengkhotbah Skotland pada hari perkahwinan adiknya. Tidak lama kemudian, dia akan menjadi buta. Nadanya menggambarkan kesedihan seorang pencinta Tuhan yang sabar menderita dan semakin mencintai Tuhan. Dr. Matheson berkata, "Sesuatu yang terjadi kepada aku yang hanya aku sendiri yang tahu dan yang telah menyebabkan saya menderita. Lagu ini buah penderitaan aku. Lagu ini dituliskan dengan begitu pantas kerana ada suara dalaman bukan diriku yang menulisnya. Aku begitu yakin bahawa rangkapnya diselesaikan hanya dalam lima minit dan tidak perlu diperhaluskan."

Peristiwa pedih dalam hidupnya sebaliknya menolong dia menjejaki pelangi di sebalik kasih-Nya yang semakin manis dan hidup.

Doa: Bapa Penyayang jiwaku, semakin sempurna kasih-Mu aku alami semakin terang pelangi yang aku jejak bersama Engkau.

## HATI YANG BARU

Renungan: **Yehezkiel 16**

*Kamu akan Kuberikan hati yang baru, dan roh yang baru di dalam batinmu dan Aku akan menjauhkan dari tubuhmu hati yang keras dan Kuberikan kepadamu hati yang taat.*

— Yehezkiel 36:26

Sebagai ibu, anda lelah mendisiplin anak-anak yang sering melupakan nasihat anda. Anak-anak remaja anda pula melontarkan serentetan perkataan pedih untuk mencabar anda. Perkataannya yang kurang sopan membuat anda mengamuk sehingga anda menampar anak remaja anda! Anda menangis dalam kesunyian bilik kerana tidak tahu kenapa anda berbuat demikian.

Allah memahami keadaan yang anda alami kerana Dia berkali-kali mendisiplin anak-anak-Nya yang sering melupakan perintah-Nya. Dalam Kitab Yehezkiel 16, Allah mengibaratkan umat Allah sebagai bayi yang terlantar sewaktu dilahirkan. Belas kasihan-Nya tidak membiarkan bayi itu mati, bayi itu dipungut, tali pusatnya dipotong dan diikat. Allah bagai bidan telah menggosok bayi itu dengan garam, bersihkannya dengan air lalu membusuk minyak dan melampininya dengan kain ketat (Yehezkiel 16:4,5).

Cerita ini menggambarkan bangsa Israel sewaktu berada dalam cengkaman kuku Mesir, Allah mebebaskan mereka namun mereka melupakan kebaikan Allah. Setelah umat Allah membesarnya seperti puteri cantik, mereka sengaja memberontak terhadap-Nya. Mereka malah melakukan kejahatan yang melampaui Sodom dan Samaria. “Dan Samaria tidak membuat setengah pun dari dosa-dosamu, bahkan engkau melakukan lebih banyak kekejian daripada mereka berdua, sehingga dengan segala kekejian yang engkau lakukan, engkau membuat kakak-kakakmu perempuan kelihatan benar” (Yehezkiel 16:51).

Nabi Yehezkiel bersabda bahawa hanya hati baru boleh mendatangkan perubahan (Yehezkiel 18:31). Saat perubahan ada pada tangan Maha Kuasa. Di tengah-tengah keluh kesah, Allah bersabda, “Kamu akan Kuberikan hati yang baru, dan roh yang baru dalam batinmu dan Aku akan menjauhkan dari tubuhmu hati yang keras dan Kuberikan kepadamu hati yang taat” (Yehezkiel 36:26).

Berdoalah. Saat perubahan hati dalam anak anda hanya boleh didatangkan oleh tangan Allah dan Roh Kudus-Nya untuk mereka yang anda kasahi. Mintalah kepada rahmat Tuhan bagi anak-anak anda dan memohon Allah memberi mereka hati yang baru.

Doa. Roh Kudus, datanglah perubahan kepada anak-anakku yang memerlukan perubahan.

## GERBANG SYURGA

Renungan: **Kejadian 28:10-22**

*Sesungguhnya Aku menyertai engkau dan Aku akan melindungi engkau, ke mana pun engkau pergi, dan Aku akan membawa engkau kembali ke negeri ini, sebab Aku tidak akan meninggalkan engkau, melainkan tetap melakukan apa yang Kujanjikan kepadamu.*

—Kejadian 28:15

**B**atas waktu penyelesaian kerja ditambah dengan krisis di rumah membuat wanita kerjaya ingin bersayap ke tempat jauh. Pintu gerbang syurga terbuka saat ini, cari wajah-Nya pada saat kelelahan. Jangan jatuh ke lerengan kemuraman yang licin.

Setelah Yakub merampas hak kesulungan daripada abangnya Esau, perasaan takut menghantuinya. Nyawanya diburu oleh abangnya. Esau membara apabila dia tahu Yakub memakai pakaian berbulu untuk menyamarnya lalu merampas hak kesulungannya. Segera ibunya menyuruh dia bersiap dan larilah kepada Laban saudaranya di Haran.

Meninggalkan keluarga ke tempat baru sungguh menakutkan Yakub; Allah tetap menyertainya. Pada malam itu, ketika dalam pelarian, dia bermalam di tempat asing dengan mengalaskan batu sebagai bantalnya. Tentu, Yakub takut kerana bila-bila sahaja binatang liar akan mencengkam dia, atau perampok meragut nyawanya.

Yakub bermimpi satu tangga dari bumi dan ujungnya sampai ke langit; tampaklah malaikat-malaikat naik turun dari tangga itu. Allah menampakkan diri kepada Yakub, "Akulah Tuhan Allah Abraham, nenekmu, dan Allah Ishak; tanah tempat engkau berbaring ini akan Kuberikan kepadamu dan keturunanmu" (Kejadian 28:13). Keesokan pagi, Yakub mengambil alas batu itu dan mendirikan tugu di sana kerana di sini pintu gerbang syurga terbuka sewaktu dia mengalami kesesakan jiwa.

Kupinta roti,

Bapa Syurgawi memberi aku batu.

Dengan lelah aku berbantal batu.

Pintu syurga terbuka

Allah mengutus malaikat-malaikat,

Aku disirami penghiburan.

Kasih melembutkan bantal batuku ketika aku bangun;

Manna berhamburan sekeliling bantalku,

Aku dikuatkan untuk perjalananku.

Doa: Terima kasih Sahabat Ilahiku atas penghiburan pada waktu sedih dan lelah.

## PANCARAN KRISTUS DIPERMULIAKAN

Renungan: **Yohanes 1:1-18**

*Dia datang kepada milik kepunyaan-Nya, tetapi orang-orang  
kepunyaan-Nya itu tidak menerima-Nya.*

—Yohanes 1:11

"Firman itu telah menjadi manusia dan diam di antara kita, dan kita telah melihat kemuliaan-Nya, iaitu kemuliaan yang diberikan kepada-Nya sebagai Anak Tunggal Bapa, penuh kasih karunia dan kebenaran" (Yohanes 1:14). Mustahilkah Allah menjelma dan tinggal di kalangan kita? Jawapan apakah yang dapat kita berikan kepada mereka yang menyangkal Tuhan Yesus pernah menjelma menjadi manusia?

Kalau manusia boleh tinggal di kampung dan memetik petai, mustahilkah Pencipta memetik buah ara? Kalau kita boleh memancing ikan, Pencipta tidak boleh menangkap ikan bersama nelayankah? Anda boleh berjoget and merinjis berkat kepada mempelai yang bersanding, sulitkah Tuhan Yesus menghadiri perkahwinan di Kana? Anda boleh mengadakan jamuan kari ayam, sulitkah Tuhan Yesus yang menikmati santapan di rumah Zakeus? Anda boleh melancong seantero, Allah tidak boleh berjalan di sekitar danau Genesaret? (Lukas 5:1). Manakah terletak kemunasabahnya?

Anda boleh menerima konsep Allah yang mencipta Gunung Ledang dan mengakui Dia Maha Kuasa tetapi anda tidak sanggup menerima fakta bahawa Yang Maha Kuasa boleh dilahirkan sebagai bayi? Kenapa Dia boleh mencipta gunung tidak boleh dilahirkan kepada perawan dan diam dalam kalangan kita sebagai manusia?

Jawapan terbaik yang dapat diberikan oleh wanita yang mengasihi Tuhan ialah kini Tuhan Yesus sudah menjelma dalam hati dan kehidupan kita. Kehidupan wanita rohani memancarkan kemuliaan Anak Tunggal Bapa yang penuh dengan kebenaran dengan kuasa Roh Kudus. Kenyataan yang paling meyakinkan ialah hati dan tingkah laku wanita beriman yang memancarkan Tuhan Yesus yang pernah berjalan di permukaan bumi ini.

"Saya hidup dan mengasihi dalam terang Allah yang istimewa" (Michelangelo).

Wahai wanita, kalau anda bersahabat intim dengan Kristus, kawan-kawan anda akan mengenal Kristus. Kalau Kristus tinggal dalam kita, kolam mata kita, garis muka kita, perkataan kita, belas kasihan kita yang membawa sinaran kehadiran Kristus yang mulia akan hadir di mana kita berada.


Doa: Tuhan Yesus, biarlah hidupku memancarkan Tuhan Yesus  
yang pernah menjelma dan berjalan di dunia,

## CURAHAN HATI

Renungan: **Lukas 7:36-50**

*Sebab itu Aku berkata kepadamu: Dosanya yang banyak itu telah diampuni, sebab dia telah berbuat kasih. Tetapi orang yang sedikit diampuni, sedikit juga dia berbuat kasih.*

—Lukas 7:47

elima, buah ara, buah kurma, susu kental, ikan, roti, dan sup tersaji di meja. Tetamu istimewa, Pencipta langit dan bumi bertandang ke rumah seorang Farisi, Simon. Mereka duduk bersandar di meja dengan siku tangan kiri dan tangan kanan digunakan untuk menyuap diri. Tetamu terhormat duduk di sebelah kiri atau kanan seperti adat waktu itu.

Tuhan Yesus mengibas debu dari kaki-Nya kerana Simon tidak membawa air untuk membasuh kaki tetamunya seperti adat resam. Lantas Tuhan Yesus masuk, Simon tidak menciumnya seperti kebiasaan zaman itu. Simon sudah lupakah sains keramahtamahan adat mereka? Mungkin juga Simon cuma ajak-ajak ayam, dia kurang pasti Tuhan Yesus ialah seorang nabi apalagi Allah.

Ketika mereka mencelup roti ke dalam sup mereka, datanglah seorang wanita. Hati Simon tertanya-tanya, “Eh, kenapa si jijik ini datang?”

Wanita itu menangis-nangis di kaki Yesus lalu mengesat kaki-Nya dengan rambutnya. Kemudian dia mengeluarkan minyak wangi dan meminyaki kaki Tuhan Yesus. Walaupun dia tidak berkata apa-apa dia sudah mencurahkan segala isi hatinya melalui pualam minyak wangi ini. Semua orang tidak memahami saat ini tetapi hanya Yesus dan wanita yang tersentuh jiwanya dapat menghargai saat ini.

Simon tidak membasuh kaki Tuhan Yesus kerana dia belum tersentuh oleh anugerah Tuhan. Simon masih ragu-ragu adakah Yesus seorang nabi, “Jika Dia ini nabi, tentu Dia tahu siapakah dan apakah perempuan yang menjamah-Nya ini: tentu Dia tahu bahawa perempuan itu adalah seorang berdosa” (Lukas 7:39). Simon masih ragu-ragu berbanding dengan jiwa perempuan yang meminyaki kaki-Nya yang sudah tersentuh anugerah besar.

Tuhan Yesus berkata, “Sebab itu Aku berkata kepadamu: Dosanya yang banyak itu telah diampuni, sebab dia telah banyak berbuat kasih. Tetapi orang yang sedikit diampuni, sedikit juga dia berbuat kasih” (Lukas 9:47). Seluruh ruangan rumah Simon sudah diharumi kasih wanita yang bertaubat dan yang mahu memberi yang terbaik kepada Penyelamatnya kerana dia sudah banyak diampuni.

Doa: Untuk segala pengampunan-Mu, Allahku, Engkau layak menerima aroma terharum daripada aku.

## CIUMAN PENGKHIANAT

Renungan: **Yohanes 18:1-11; Kisah Para Rasul 1:16-20**

*Lalu pergilah Yudas kepada imam-imam kepala dan kepada kepala pengawal Bait Allah dan berunding dengan mereka bagaimana dia dapat menyerahkan Yesus kepada mereka. —Lukas 22:4*

**H**entakan sepatu askar terdengar ngeri  
Suasana damai Taman Getsamani berubah  
Malaikat-malaikat menutup mata dengan pilu  
Drama pengkhianatan teramat sedih bermula

Angin dingin menusuk hati semua  
Decing syiling dalam poket gemerincing  
Bekulah hati Yudas tersalut ketamakan  
Pilihannya wang bukan kesetiaan Tuannya

Yudas tidak berani memandang Yesus  
Wajah Juruselamatnya yang penuh kasih sayang  
Ciuman yang paling terkeji dilakukan tanpa perasaan  
Senyuman kejam terukir pada wajah-wajah musuh

Kegelapan menyelubungi jiwa Yudas  
Dengan satu ciuman pengkhianatan  
Dia kehilangan segalanya  
Dia telah menjual harga dan nilai diri

Saat penyesalan menyayat hatinya  
Sampai hati Yudas memberi ciuman palsu  
Seraya membawa askar-askar Rom dan  
Imam-imam Yahudi kepada Tuhan Yesus

Sebidang tanah dibelinya  
Dengan upah kejahatannya  
Hati Yudas selalu tertuduh  
Akhirnya, dia jatuh tertelungkup

Penghormatan rasul  
Tertanggal dari jubahnya  
Perkhemahannya menjadi sunyi  
Tanahnya tiada penghuni

Doa: Ya Tuhan, aku hanya mengasihi Engkau dengan segenap hatiku,  
jiwaku, dan mindaku sampai selama-lamanya.

## IZABEL

Renungan: **1 Raja-Raja 19:1-3**

*...maka Izebel menyuruh seorang suruhan mengatakan kepada Elia:  
 “Beginilah kiranya para allah menghukum aku, bahkan lebih lagi  
 daripada itu, jika besok kira-kira pada waktu ini aku tidak  
 membuat nyawamu sama seperti nyawa salah seorang  
 daripada mereka itu. —1 Raja-Raja 19: 2*

Bagaimana kalau kita berkata di sebalik kemerosotan seorang lelaki mungkin tersembunyi seorang wanita puaka? Di sebalik kekejaman Raja Ahab, jelas perempuan puaka itu Izebel. Kita mungkin berdebat bahawa suami Izebel, Raja Ahab jahat pada resminya. Tetapi, Raja Ahab mungkin dapat berubah menjadi lebih baik kalau dia memperisteri permaisuri yang salih. Permaisurinya yang jahat memahat kejahatan yang lebih mendalam lagi.

Dengan rayuan Izebel, Raja Ahab pun mengambil berhala Baal sebagai dewa penyembahannya dan mengundang murka Allah atas negaranya (1 Raja-Raja 18:16-19).

Dengan ancamannya, permaisuri ini menyebabkan nabi yang berkuasa, nabi Elia berlari lingkar pukang dan menyembunyikan dirinya (1 Raja-Raja 19).

Dengan bisikannya, dia menghasut suaminya mengambil pohon anggur Nabot dan membunuh Nabot walaupun kebun anggur itu pusaka nenek moyangnya Nabot (1 Raja-Raja 21).

Kini, Raja Ahab pandai mengarang cerita, menghasut dan membunuh demi mencari keuntungan sendiri. Baginda tidak takut akan Allah yang mampu membalas setiap hutang darah tepat pada waktunya.

Wahai wanita, selalu ingat akan permaisuri puaka ini dan jauhkan bisikan jahat ke dalam telinga suami. Jadilah isteri yang memberi pengaruh yang salih kepada suami sehingga dia berbuah lebat bagi Kristus. “Isteri yang cakap siapakah akan mendapatkannya? Dia lebih berharga daripada permata” (Amsal 31:10).

Sebut saja nama Izebel, bulu roma penduduk umat Tuhan merinding kerana mereka tahu wanita puaka ini sanggup melakukan apa sahaja. Kekejamannya mampu menamatkan nyawa orang yang berani melawan ketidakadilannya.

Akhirnya, nasibnya seperti Maria Antoinette, permaisuri Perancis yang dipenggal lehernya oleh rakyat lapar pada waktu revolusi Perancis pertama. Allah berkata kepada Ahab dan Izebel bahawa anjing akan menjilat darah mereka apabila mereka tertumpas (1 Raja-Raja 21:19).

Doa: Tuhan Yesus, biarlah aku memberi suamiku pengaruh kudus sehingga dia mendatangkan kemuliaan kepada-Mu.

## DEBORA

Renungan: **Hakim-Hakim 4:1-5:9**

*Lalu berkatalah Debora kepada Barak: "Bersiaplah, sebab inilah harinya TUHAN menyerahkan Sisera ke dalam tanganmu. Bukankah TUHAN telah maju di depan engkau?" Lalu turunlah Barak dari gunung Tabor dan sepuluh ribu orang mengikuti dia.*

—*Hakim-Hakim 4:14*

Panglima tentera Raja Yabin dari Kanaan yang bernama Sisera yang mempunyai sembilan ratus kereta besi mengancam pemusnahan umat Tuhan sehingga mereka takut. Siapa sangka seorang wanita, Debora muncul sebagai pahlawan saat ini. Kebetulan, nama Debora bererti lebah dan dia dikaruniakan tenaga untuk bertindak tangkas sewaktu krisis.

Wanita ini menampilkan iman yang penuh pengharapan. Sebagai hakim, Debora yang disegani, dikunjungi rakyat Israel di bawah pohon kurma iaitu pusat guamannya antara Rama dan Betel. Dia meyakini mereka bahawa TUHAN akan maju berperang dan mereka tidak akan tertelan musuh mereka. Dengan suara yang penuh dengan keyakinan "Majulah! Bergeraklah!" (Hakim-Hakim 4:6).

Iman wanita ini terhadap Panglima Ilahi meningkatkan iman negaranya. Kebijaksanaan wanita berani ini terhadap musuh mereka telah menyebabkan kaum lelaki mengakur. Ketakutan Barak, panglima tentera lelaki melayang dan keberaniannya diteguhkan lagi. Debora yakin TUHAN maju di depan mereka, Barak turut percaya. Akibat iman Debora, musuh mereka dikalahkan seperti yang dinubuatkan Debora bahawa TUHAN mengirim hujan sehingga sungai menghanyutkan tentera musuh mereka (Hakim-Hakim 5:21).

Pemimpin wanita luarbiasa ini memimpin umat Tuhan untuk mewujudkan identiti dan kebudayaan yang memuliakan Tuhan. Wanita, beranikah anda hidup dalam panggilan yang ditetapkan oleh TUHAN dan menggunakan keunggulan peribadi anda serta kuasa Roh Kudus untuk meneguhkan iman saudara seiman lain?

Debora ialah wanita yang penuh pengharapan akan TUHAN dan keberaniannya memampukan dia membimbing bangsanya ke arah kemenangan. Pengharapan ialah keadaan minda wanita Kristian yang sihat. Kalau kita ingin hidup sebagai orang Kristian, kita mesti hidup dengan berpengharapan walaupun keadaan seakan-akan tidak berpengharapan.

Doa: Bapa Syurgawi, teguhkan semangat dan keberanian kami sehingga bangsa kami tidak tewas di tangan musuh.

## RAHSIA KEPEMIMPINAN DEBORA

Renungan: **Hakim-Hakim 5**

*Diberkatilah Yael, isteri Heber, orang Keni itu,  
melebihi perempuan-perempuan lain, diberkati ia melebihi  
perempuan-perempuan yang di dalam khemah.  
—Hakim-Hakim 5:24*

**L**ina terserempak bekas bos wanita di Times Square. Nampaknya dia sudah mengeriting bulu matanya dan bertumit lebih tinggi. Bos perempuan ini banyak pilih kasih sewaktu dia bekerja dengannya. Yang baik dalam pekerjaan dicaci dan yang bermuka talam dipupuknya tepung.

Kepemimpinan Debora berlainan dengan bos Lina. Bos wanita ini memuji Allah dan para pengikut yang berjaya dalam perjuangan. Debora pandai mengarahkan mereka untuk melihat kehebatan Allah sebelum dan sesudah perang. Dia jelas peka terhadap bagaimana Allah melangkah dalam perang. "TUHAN, ketika Engkau bergerak dari Seir, ketika Engkau melangkah maju dari daerah Edom, bergoncanglah bumi, tirislah juga langit; juga awan tiris airnya" (Hakim-Hakim 5:4). Semua gunung bergoncang, bintang, sungai bergerak menurut TUHAN untuk mengalahkan Sisera" (Hakim-Hakim 5:5, 5:20-21).

Bagi yang rela berperang, dia menengan budi mereka. "Kerana pahlawan-pahlawan di Israel siap berperang, kerana bangsa ini menawarkan dirinya dengan sukarela, pujilah Tuhan" (Hakim-Hakim 5:1). Selain itu, Debora memiliki corak komunikasi baik yang dibuktinya dalam Nyanyian Debora. Para pengikutnya yang berbakat diyakinkan, dan yang lemah dikuatkan. Dia memuji Yael, isteri Heber, yang menolong mereka menghapuskan Sisera dengan patoknya (Hakim-Hakim 5:24-26).

Sebaliknya, dia tidak mengabaikan mereka yang perlu ditegur khususnya mereka yang berlipat tangan ketika negara menghadapi krisis. "Mengapa engkau tinggal duduk di antara kandang-kandang sambil mendengarkan seruling pemanggil kawanan? Di pihak pasukan-pasukan suku Ruben" (Hakim-Hakim 5:16).

Debora meraih kehebatan luarbiasa kerana dia tahu bahawa dia pasti gagal kalau Allah yang Maha Kuasa tidak berjalan di depannya, dan pengikut-pengikutnya tidak turut berjuang. Sikap yang selalu bersyukur dan kerelaan memuji kehebatan pengikut-pengikutnya mendatangkan kemenangan luarbiasa.

Doa: Allah yang Maha Adil, aku memohon Engkau mengaruniakan aku kemampuan kepemimpinan untuk membentuk pengikut-pengikutku.

## RAHAB

Renungan: **Yosua 3:3-14**

*Kerana iman maka Rahab, perempuan sundal itu, tidak turut binasa bersama-sama dengan orang-orang durhaka, kerana dia telah menyambut pengintai-pengintai itu dengan baik.*

—Ibrani 11:31

Iman mendatangkan keharuman kepada wanita beriman. Wanita yang kemandulan iman tidak tahu kewangiannya. Cerita Allah berhenti dalam Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru kerana iman hidup tidak pernah dilanjutkan dalam kehidupan kita, dan tiada cerita ajaib untuk saudara mara.

Beginilah penjelasan Yeremia terhadap orang yang beriman. Diberkatilah orang yang mengandalkan TUHAN, yang menaruh harapannya pada TUHAN. Dia akan seperti pohon yang ditanam di tepi air, dan yang tidak mengalaminya datangnya panas terik, dan daunnya tetap hijau, yang tidak kawatir dalam tahun kering, dan yang tidak berhenti menghasilkan buah” (Yeremia 17:5-8). Ketandusan iman pula menyebabkan kita terperangkap dalam pusingan panas terik.

Rahab seorang wanita sundal beriman kepada Allah. Pengakuan imannya menyebabkan dia mengambil risiko menyembunyikan dua pengintip Israel. Seisi keluarganya yang sebesar satu suku diselamatkan akibat tindakannya. Imanya memudahkan pekerjaan pengintai-pengintai yang diutus Yosua.

Rahab menjadi perwira yang disebutkan dalam kitab Ibrani bersama-sama tokoh-tokoh lain. “Kerana iman maka runtuhlah tembok-tembok Yerikho, setelah kota itu dikelilingi tujuh hari lamanya. Kerana iman maka Rahab, perempuan sundal itu, tidak turut binasa bersama-sama dengan orang durhaka, kerana dia telah menyambut pengintai-pengintai itu dengan baik” (Ibrani 11:31).

Imannya mengubah masa depannya sehingga dia berkahwin dengan Salmon, anak Kaleb dan menjadi nenek moyang Boaz, Raja Daud dan kemudian Tuhan Yesus. Iman boleh mendatangkan serentetan cerita ajaib yang akan menjadi khazanah yang diwarisi generasi berikutnya.

Eugene Peterson berkata, “Alkitab begitu jelas bahawa setiap kali wujud satu cerita iman, ia hanya asli tulen. Kepintaran kreatif Allah tidak pernah bersurutan. Setiap hidup bagai layar di mana Allah boleh menggunakan garis-garis dan warna-warna, bayangan atau terang, warna yang lembut atau gelap (untuk melukiskannya).” Wanita biarlah cerita iman hidup kita asli, terang dan hidup!

Doa: Allah yang terpuji, hidupkan imanku sehingga dengan keajaiban imanku kepada Engkau banyak cerita indah dapat bergema.

## *Tinggal Dalam-Nya*

*Untuk tinggal dalam kasih-Nya  
Dalam kasih-Nya  
Yang Maha kuasa  
Yang menyelamatkan  
Yang memuaskan  
Seperti Dia tinggal dalam kasih Bapa-Nya  
Sudah tentu panggilan yang begini agung  
Tidak mungkin usaha sendiri  
Sesungguhnya ia harus seperti Dia  
Hasil hidup yang mengalir dari dalam  
Karya batin dari kasih syurgawi*



*Apa yang perlu kita lakukan  
Ambil waktu dan menatap  
Imej ilahi daripada hidup kasih Kristus  
Jiwa kita perlu berdiam dalam Allah  
Menatap hidup Kristus dalam Bapa-Nya  
Hingga terang dari syurga bersinar  
Dan kita mendengar suara hidup Kekasih  
Berbisik dengan lembut  
Mengajar kita secara intim  
Seperti Dia mengajar para murid-Nya*

*Biar jiwamu bertenang  
Dan mendengar  
Biar semua fikiran bertenang  
Sehingga firman-Nya  
Masuk ke dalam hatimu  
Anakku, Aku mengasihi kau  
Seperti Bapa mengasihi Aku  
Tinggal dalam kasih-Ku  
Seperti Aku tinggal  
Dalam kasih Bapa-Ku  
Hidupmu di dunia  
Harus menjadi sebahagian Aku  
Dalam Bapa-Ku*



*—Andrew Murray*

## YOSABAT

Renungan: **2 Tawarikh 22:10-12, 23**

*Tetapi Yosabat, anak perempuan raja, mengambil Yoas bin Ahazia, menculik dia dari tengah-tengah anak-anak raja yang hendak dibunuh itu, memasukkan dia dengan inang penyusunya ke dalam gudang tempat tidur. Demikianlah Yosabat, anak perempuan Yoram, isteri imam Yoyada, ia adalah saudara perempuan Ahazia-menyembunyikan dia terhadap Atayla, sehingga ia tidak dibunuh Atayla.  
—2 Tawarikh 22:11*

Matanya berbinar kekejaman sewaktu Atayla berjalan di istana. Dia mewarisi kekejaman ibu bapanya, Izebel dan raja Ahab. Mereka tidak kisah menamatkan nyawa orang yang tidak bersalah demi kepentingan sendiri. Atayla yang gila akan mahkota sungguh mengerikan kerana dia ingin menghapuskan keturunan raja Yehuda.

Atayla telah berkahwin dengan raja Yehuda tetapi suaminya mati beberapa tahun selepas perkahwinannya. Takhtanya diberikan kepada puteranya Ahazia namun putera ini dibunuh setelah beberapa bulan oleh Yehu. Kematian suami dan anak Atayla menggugat jaminannya sehingga dia ingin menghapuskan cucu-cucunya agar mahkotanya terjamin. Tindakannya juga salah satu rencana iblis untuk menghapuskan keturunan Yehuda sehingga nubuat bahawa Raja atas segala raja akan datang daripada suku Yehuda akan dibatalkan.

Puji Tuhan, di tengah-tengah istana yang dihuni permaisuri salji ini juga hidup seorang wanita yang mengasihi nyawa dan berani melindungi putera Yoash. Wanita ini yang bernama Yosabat tidak takut dibunuh seperti yang lain yang memberontak. Selama enam tahun, dia menyembunyikan bayi ini di Bait Allah. Ketika Yoash berumur tujuh tahun, suami Yosabat merancang satu penumpasan kuasa dan Yoash dimahkotakan sebagai raja. Atayla mengamuk, berlari ke Bait Allah lalu mengoyak jubahnya seraya berjerit “durhaka!” Dia dijatuhkan hukuman mati kerana kekejamannya.

Atayla dan Yosabat boleh dikatakan dua wanita yang sungguh berani. Atayla menggunakan keberaniannya untuk menandatangani kekejaman sebaliknya keberanian Yosabat menandatangani kemenangan bagi umat Tuhan. Dengan menyelamatkan keturunan raja Yehuda, rancangan Tuhan bahawa Mesias berasal daripada suku Yehuda digenapi.

Aung San Suu Kyi berani menentang kerajaan junta tentera Myanmar yang mengamalkan system diktator. Beliau ditahan dalam rumah selama 15 tahun. Keberaniannya telah memampukan partinya Liga Demokrasi Kebangsaan memenangi 392 daripada 485 kerusi.

Doa: Allahku, biarlah aku menggunakan keberanianku untuk mengembangkan kerajaan Allah dan bukan membinasanya.

## MUSIM-MUSIM HIDUP

Renungan: **Mazmur 62:6-9**

*Dialah yang menyingkapkan hal-hal yang tidak terduga  
dan yang tersembunyi, Dia tahu apa yang ada di dalam gelap  
dan terang ada pada-Nya.*

—Daniel 2:22

**M**usim indah menjelang  
Bunga sakura bermekar  
Banyak rahsia terselindung  
Musim dingin menjelang  
Bunga Sakura berguguran  
Banyak rahsia terselindung

Musim anak hingusan, musim anak remaja bergelora, musim kedewasaan yang mencabar, musim pertengahan umur yang penuh tanda tanya, dan musim lanjut usia yang semakin surut tenaga mewarni kanca kehidupan kita. Setiap musim ada rahsia bagi kita. Wanita yang beriman tahu Bapa Syurgawi tetap memelihara kita kerana Dia tahu apa yang ada dalam gelap mahupun terang (Daniel 2:22).

Wanita, mata Allah tertuju kepada kita dan setiap musim membawa berkat daripada Allah. Sesuatu yang baru muncul dan Allah menyertai setiap langkah baru kita. Allah membimbing wanita jati ke jalan perubahan ini sehingga jiwanya tak tergoncang walaupun airmata merembes apabila dia menyedari suami yang dikasihi kini di syurga.

Pada setiap musim, kita melayang pengharapan kepada TUHAN. Dia membimbing kita ke pelayanan baru dan membawa persahabatan baru dalam kehidupan kita. Bisiklah Dialah Alpha dan Omega, yang pertama dan yang terakhir dalam kehidupan anda. “Tak berkesudahan kasih setia Tuhan, tak habis-habisnya rahmat-Nya, selalu baru tiap pagi; besar kesetiaan-Mu” (Ratapan 3:22-23). Pada setiap musim, anda berserulah, “TUHAN adalah bagianku,” kata jiwaku, oleh sebab itu aku berharap kepada-Nya” (Ratapan 3:24).

Biarlah nyanyian kita bergema setiap musim, “Aku sangat menanti-nantikan TUHAN; lalu Dia menjenguk kepadaku dan mendengar teriakku minta tolong. Dia mengangkat aku dari lubang kebinasaan, dari lumpur rawa; Dia menempatkan kakiku di atas bukit batu. Dia memberikan nyanyian baru dalam mulutku untuk memuji Allah kita. Banyak orang akan melihatnya dan menjadi takut, lalu percaya kepada TUHAN” (Mazmur 40:1-4).

Doa: Allahku, aku berbahagia kerana Engkau menyertai aku pada setiap musim perubahan dalam kehidupanku.

## PERJALANAN MUSAFIR

Renungan: **Mazmur 121:1-8**

*Pertolonganku ialah daripada TUHAN, yang menjadikan langit dan bumi. —Mazmur 121:2*

Mazmur ini diutarakan oleh seorang pengembara yang berada dalam perjalanan ke Yerusalem untuk menunaikan ibadahnya bagi perayaan tertentu. Perjalanan ke Yerusalem seperti perjalanan yang lain di dunia musafir ini terdedah kepada perompak, binatang liar ataupun tanah runtuh. Namun iman si pengembara ini tetap tertumpu kepada TUHAN yang Maha Kuasa, Sang Pencipta yang selalu melindunginya. Seruannya sepanjang jalan ialah “Pertolonganku ialah daripada TUHAN yang menjadikan langit dan bumi!” (Mazmur 121:1-2).

Perjalanan kita ke Kota Indah memang tidak selalu mudah kerana kadangkala akan muncul kepala kalajengking. Kaki kita mungkin terjatoh oleh sesuatu yang anda tidak duga. Wanita, anda mungkin merasa lelah ataupun takut menempuh perjalanan yang selanjutnya. Ingat akan Sang Penciptamu yang tidak lelah menolong anda.

Kuatkan iman dan hatimu, berseru bersama nabi Yesaya, “Arahkanlah matamu ke langit dan lihatlah: siapa yang menciptakan semua bintang itu dan menyuruh segenap tentera mereka keluar, sambil memanggil nama mereka sekaliannya? Satu pun tiada yang tak hadir, oleh sebab Dia Maha Kuasa dan Maha Kuat. Tidakkah kautahu, dan tidakkah kaudengar? TUHAN ialah Allah kekal yang menciptakan bumi dari ujung ke ujung; Dia tidak menjadi lelah dan tidak menjadi lesu, tidak terduga pengertian-Nya” (Yesaya 40:26, 28).

Sebagai musafir dunia ini, sedarlah Sang Pencipta bukan saja yang Maha Kuasa tetapi juga Maha Kasih. Tunggulah di hadirat-Nya dan menantikan Dia dan janganlah berjalan terus tanpa mengendahkan TUHAN. TUHAN yang Maha Kuasa pun mengerti akan kelemahan manusia. “Dia memberi kekuatan kepada yang lelah dan menambah semangat kepada yang tiada berdaya. Orang-orang muda menjadi lelah dan lesu dan teruna-teruna jatuh tersandung, tetapi orang yang menanti-nantikan TUHAN mendapat kekuatan baru; mereka seumpama rajawali yang naik terbang dengan kekuatan sayapnya; mereka berlari dan tidak menjadi lesu, mereka berjalan dan tidak menjadi lelah” (Yesaya 40:29-31).

Sedarlah, “TUHAN akan menjaga keluar masukmu, dari sekarang sampai selama-lamanya” (Mazmur 121:8).

Doa: Penciptaku yang Maha Kuasa dan Maha Kuat, aku selalu melayang pandanganku untuk pertolongan-Mu.

## DIA MEMBUAT KITA KETAWA

Renungan: **Kejadian 18:1-15, 21:1-13**

*Berkatalah Sara “Allah telah membuat aku tertawa: setiap orang yang mendengarnya akan tertawa kerana aku.”*  
— Kejadian 21:6



Gelak tawa kerana sentuhan Allah  
Bukan sejenak pada riak wajah  
Gelak tawa kerana rancangan ilahi Allah  
Menghasilkan buah-buah kekal dalam hidup

Sarai dan Abram tinggal di Ur, pusat perdagangan di Mesopotamia Selatan. Sekalipun Ur tidak lagi berada pada saat kegemilangannya, kapal-kapalnya membawa barang-barang dari Timur untuk bertukaran barang-barang tempatan. Sarai dan Abram tinggal dalam keselesaan tetapi Allah mempunyai rancangan yang berbeza.

Suatu hari, datanglah sabda Tuhan. “Berfirman TUHAN kepada Abram: “Pergilah dari negerimu dan dari rumah bapamu ini ke negeri yang akan Kutunjukkan kepadamu: Aku akan membuat engkau menjadi bangsa yang besar, dan namamu masyhur; dan engkau akan menjadi berkat” (Kejadian 12:1-2). Dewa bulan yang disembah oleh nenek moyang mereka tidak pernah bercakap dengan Abram seperti ini.

Abram menceritakannya kepada Sarai tentang perjanjian Tuhan untuk memberinya keturunan yang banyak. Sarai belum ketawa riang kerana perjanjian Tuhan belum digenapi dan umurnya semakin lanjut, dia mulai mengambil tindakan sendiri. Dia tidak memahami bahawa saat ketawa baginya harus saat pilihan Allah. Dia memilih seorang hamba untuk melahirkan seorang anak. Sarai belum belajar bahawa semua rancangan yang ditentukan oleh Tuhan harus menurut waktu-Nya dan cara-Nya.

Allah berfirman kepada Abram lagi bahawa perjanjian-Nya akan cepat digenapi. Walaupun Abram berkata, “Ah, sekiranya Ishmael diperkenankan hidup di hadapan-Mu!” Allah tetap berpendirian teguh atas perjanjian dan pilihan-Nya. Tuhan berfirman kepada Abram bahawa Dia akan memberkati Ishmael tetapi perjanjian asal-Nya tetap dibuat dengan Ishak, anak perjanjian-Nya. “Tetapi perjanjian-Ku akan Kuadakan dengan Ishak, yang akan dilahirkan Sara bagimu tahun yang akan datang pada waktu seperti ini juga” (Kejadian 17:21).

Allah yang Maha Esa tidak menghapuskan perjanjian-Nya dan saat ketawa yang dirancangan Allah pun digenapi (Kejadian 21:2).

Doa: Tuhan, ajarilah aku untuk menantikan Engkau dan menurut segala perintah-Mu dengan sabar.

## JODOH ISHAK

Renungan: **Kejadian 24:1-16**

*TUHAN, Allah tuanku Abraham, buatlah kiranya tercapai tujuan aku pada hari ini, tunjukkanlah kasih setia-Mu kepada tuanku Abraham. —Kejadian 24:12*

Ishak yang akan mewarisi kekayaan Abraham barangkali seorang bujang yang menawan hati banyak gadis Kanaan. Jodoh Ishak sungguh penting bagi Abraham kerana dia mahu generasi berikutnya menyembah TUHAN. Hamba yang dipertanggungjawabnya mencari isteri Ishak mengambil sumpah. “Supaya aku mengambil sumpahmu demi TUHAN, Allah yang empunya langit dan yang empunya bumi, bahawa engkau tidak akan mengambil untuk anakku seorang isteri daripada antara perempuan Kanaan yang di antaranya aku diam” (Kejadian 24:3).

Eliezer diminta ke Haran, Mesopotamia untuk misi ini (Kejadian 15:2-3). Eliezer ingin Allah mengetahui pencarian ini. “TUHAN, Allah tuanku Abraham, buat kiranya tercapai tujuan aku pada hari ini, tunjukkanlah kasih setia-Mu kepada tuanku Abraham” (Kejadian 24:12). Doa telah mewarnai permulaan perjalanannya untuk mencari seorang isteri bagi Ishak.

Hamba Abraham terus meminta Allah untuk tanda khas dalam pencarian calon isteri Ishak. Dia berdoa, “Kiranya terjadilah begini: anak gadis, kepada siapa aku berkata: Tolong miringkan buyungmu itu, supaya aku minum, dan yang menjawab: Minumlah, dan unta-untamu juga akan kuberi minum—dialah kiranya yang Kau tentukan bagi hamba-Mu, Ishak; maka dengan begitu akan kuketahui, bahawa Engkau telah menunjukkan kasih setia-Mu kepada tuanku ini” (Kejadian 24:14). Hamba yang diutuskan Abraham mementingkan keperibadian baik dan kehendak Allah.

Kandungan doa hamba Abraham penuh hikmat — gadis yang rela memberi minuman kepada sepuluh untanya tentu suka menolong, ramah, dan sihat. Eliezer tidak segera mengambil kesimpulan bahawa inilah jawapan TUHAN (Kejadian 24:21). Setelah itu, dia ingin memastikan gadis ini berasal daripada keluarga yang seiman dengan Abraham.

Dalam urusan mencari pasangan hidup, Allah berkata, “Aku hendak mengajar dan menunjukkan kepadamu jalan yang harus kautempuh; Aku hendak memberi nasihat, mata-Ku tertuju kepadamu” (Mazmur 32:8). Biarlah Allah mengetahui pencarian anda.

Doa: TUHAN, biarlah aku menantikan persetujuan-Mu dalam pemilihan ini,  
“Kehendak-Mu jadilah bukan kehendakku.”

## UNTA-UNTAMU HAUSKAH?

Renungan: **Kejadian 24:16-54**

*Setelah dia selesai memberi hamba itu minum, berkatalah dia:  
‘Baiklah untuk unta-untamu juga aku timba air,  
sampai semua puas minum. —Kejadian 24:19*

Sewaktu saya pulang ke kampung saya, pada suatu petang saya mendengar katak sedang menyanyi. “Cuba dengar nyanyian katak-katak ini, seakan-akan ada pemimpin koir,” kata saya kepada seorang pekerja Indonesia. “Ya madam, menurut penduduk kampung Sulawesi, kalau seekor katak tidak menyanyi irama sama, yang lain akan menendangnya sehingga mati. Wah madam, baru anda peka terhadap nyanyian katak?” kata Oli.

Wanita dikurniakan dengan kepekaan bukan untuk mendengar katak menyanyi melainkan untuk mengambil berat akan keperluan sesama manusia. Kepekaan ini membuatnya singgah sementara untuk mendengar keluhan seorang wanita tua di pasar, bersimpati dengan seorang remaja yang berlari dari rumah, atau memahami seruan anak kecil.

Ribka dalam Perjanjian Lama peka terhadap keperluan orang lain. Sewaktu dia menimba air, dia menyedari ada orang asing dan unta-untanya yang dahaga. Dia tidak hanya mementingkan keperluan air sendiri; segera, dia menimbakan air bagi unta-unta itu. Kepekannya terhadap keperluan orang lain memberi dia kekuatan menimba air bagi sepuluh unta. Dia merasa gembira kalau dia dapat menolong orang tua ini dan unta-unta yang haus. “Minumlah, tuan,” maka segeralah diturunkannya buyungnya itu ke tangannya, serta diberinya dia minum” (Kejadian 24:18).

Kepekaan Ribka telah menolong hamba Abraham memastikan kehendak Allah lalu memilih dia sebagai jodoh bagi Ishak. “Terpujilah TUHAN, Allah tuanku Abraham, yang tidak menarik kembali kasih-Nya dan setia-Nya dari tuanku itu; dan TUHAN telah menuntun aku di jalan ke rumah saudara-saudara tuanku ini!” (Kejadian 24:27). “Lihat, Ribka ada di depanmu, bawalah dia dan pergilah, supaya dia menjadi isteri anak tuanku, seperti yang difirmankan TUHAN” (Kejadian 24:51).

Wanita, karunia kepekaan mendatangkan perbezaan dan berkat dalam kehidupan orang lain mahupun hidup sendiri. Biasanya berkat melayani orang lain lebih dinikmati pemberinya kalau semuanya dilakukan kerana kasih akan Allah.

Doa: Tuhan yang memberi aku karunia kepekaan, tolonglah aku menggunakannya sehingga kerajaan-Mu datang dalam kehidupan orang lain.

## HARUS RIBKHA BERTINDAK UNTUK ALLAH?

Renungan: **Kejadian 27:1-40**

*Kata Yakub kepada ayahnya: "Akulah Esau, anak sulungmu.  
Telah aku lakukan seperti yang bapa katakan kepadaku.  
Bagunlah, duduklah dan makanlah daging buruan  
masakanku ini, agar bapa memberkati aku."  
—Kejadian 27:19*

**W**ahai wanita, serahkanlah anak anda bagai sehelai kertas kosong kepada Allah bagi rancangan-Nya yang terindah.

Sewaktu Ribka mengandung, Allah berfirman kepadanya, "Dua bangsa ada dalam kandunganmu, dan dua suku bangsa yang satu akan lebih kuat daripada yang lain, dan anak yang tua akan menjadi hamba kepada anak yang muda" (Kejadian 26:23). Allah tidak menyuruh Ribka mengatur hak kesulungan antara dua anaknya.

Untuk mengawal segala tindak tanduk, Ribka curi mendengar yang dikatakan Ishak kepada Esau agar jangan-jangan hak kesulungan diberikan kepada Esau. Usaha mendatangkan rancangan Allah dalam kehidupan Yakub akhirnya mengundang krisis. Ribka tidak pernah hidup tenang sebagai ibu, dia mengatur dengan kepandaian sendiri.

Tanpa perbincangan dengan suaminya, dia memindah hak kesulungan kepada anak bongsunya. Dia memanggil Yakub menyamar bagai Esau dan menyaji makanan kesukaan bapanya agar dia mendapat pemberkatan hak kesulungan. Mulai hari itu, kepedihan hati Esau tak kunjung padam. "Esau menaruh dendam kepada Yakub kerana berkat yang telah diberikan oleh ayahnya kepadanya, lalu dia berkata kepada dirinya sendiri: "Hari-hari berkabung kerana kematian ayahku itu tidak akan lama lagi; pada waktu itulah Yakub, adikku, akan kubunuh" (Kejadian 27:41).

Ribka merana kerana telah mengambil kebijaksanaan dalam tangan sendiri dan menggunakan kelicikan untuk memenuhi rancangan Allah. Dia mengeluh kerana kehilangan dua anak ini. "...Mengapa aku akan kehilangan kamu berdua pada satu hari juga?" (Kejadian 27:45b). Kebijaksanaan sendiri tidak mendatangkan berkat dan kebahagiaan dalam keluarga kerana semua dirancang dengan kelicikan dan hikmat sendiri.

Jangan mengatur segala sesuatu menurut kebijaksanaan sendiri bagi anak anda. Tanpa bimbingan dan campurtangan TUHAN, segala sesuatu hanya sia-sia sahaja (Mazmur 127:1).

Doa: Tuhan Yesus, aku bersandar kepada kebijaksanaan-Mu untuk menunaikan segala rancangan-Mu dalam anakku.

## NYAWANYA TERTOLONG

Renungan: **Kejadian 32:22-32**

*Yakub menamai tempat itu Peniel, sebab katanya: "Aku telah melihat Allah berhadapan muka, tetapi nyawaku tertolong!"*  
—Kejadian 32:30

Jiwa yang suka bersaing terpacu pada dirinya akibat pengaruh ibunya.

Ketangkasan kaki Yakub bagai kuda sewaktu melarikan dirinya daripada abangnya tetapi batinnya cacat dan terluka akibat kemelut keluarga. Yakub yang berpenampilan yakin belum tentu banyak pengalaman bersama Allah. Sewaktu dia berangkat menyeberangi Sungai Efrat dan berjalan menuju pergunungan, jiwanya dingin. Abangnya sendiri ingin membunuhnya.

Di situ, Yakub bertemu dengan Allah secara peribadi di Peniel. Pertemuan ini penting kerana pertemuan akrab ini melunakkan hatinya. Ketika Yakub sampai ke Yabok, dia bergelut dengan Allah sehingga fajar menyingsing. Walaupun Yakub degil, Allah tidak melepaskannya dan terus bergelut sehingga pangkal pahanya pincang. "Ketika orang itu melihat, bahawa dia tidak dapat mengalahkannya, dia memukul sendi pangkal paha Yakub, sehingga sendi pangkal paha itu terpelecek, ketika dia bergulat dengan orang itu" (Kejadian 32:25).

Allah yang ditemui Yakub di tempat yang dipanggilnya pintu syurga juga Allah yang bergelut dengannya di sungai Yabok. "Lalu tampaklah kepadanya matahari terbit, ketika dia melewati Peniel; dan Yakub pincang kerana pangkal pahanya" (Kejadian 32:31). Yakub dipincangkan agar jiwanya tidak tertempang selama-lamanya.

Mungkinkah pangkal paha anda terkoyak tetapi batin anda belum diperkukuhkan lagi? Keperibadian anda masih terpinang tetapi jangan biarkannya terpinang selama-lamanya kerana ia menimbulkan banyak keretakan. Biarlah diri anda tertolong kerana anda sudah melihat-Nya dalam proses pemulihan dan pergelutan jiwa dengan Allah.

Di saat aku tak berdaya,  
Dengan kekuatan-Nya  
Dia angkat aku.  
Batinku terselamat  
Sekalipun tulangku pincang.

Pemulihan juga menantikan jalan baru yang tidak dapat ditelusuri dengan paha pincang.

Doa: Allah Penyembuhku, bentuklah aku sehingga kepincanganku  
tersembuh untuk menelusuri jalan baru.

## PENYEMBUHAN

Renungan: **Kejadian 33**

*Tetapi kata Yakub: "Janganlah kiranya demikian; jikalau aku mendapat kasihmu, terimalah persembahanku ini dari tanganku, kerana memang melihat mukamu adalah bagiku serasa melihat wajah Allah dan engkau pun berkenan menyambut Aku.  
—Kejadian 33:10*

**Y**akub bergelut dengan Allah sehingga pagi menyinsing. Batinnya diperbaharui kerana matanya melihat Allah. Cara dia memperlakukan anggota keluarganya sudah berubah dengan luarbiasa. Sekalipun Yakub tidak tahu sama ada Esau akan menyerangnya dengan ratusan orangnya, hatinya tetap berlimpahan kasih terhadap abangnya. Kasih Allah telah meyakinkan dia untuk memulihkan perhubungan keluarganya yang berkecaian.

Yakub diubah oleh kuasa Allah. "Dan dia sendiri berjalan di depan mereka dan dia sujud sampai ke tanah tujuh kali, hingga dia sampai dekat kakaknya itu" (Kejadian 33:3). "Tetapi Esau berlari mendapatkan dia, didekanya dia, dipeluk lehernya dan diciumnya dia, lalu bertangis-tangislah mereka" (Kejadian 33:4).

Perubahan jiwa Yakub menyebabkan dia ingin memberkati Esau. Walaupun Esau ingin memberi beberapa orang sebagai pengiringnya, dia berkata, "Tidak usah demikian! Biarlah aku mendapat kasih tuanku saja!" (Kejadian 33:15). Yakub yang sudah berubah lebih mementingkan kasih daripada Esau bukan kekayaannya.

Hati yang berkecaian  
Diambil tangan-Mu  
Dengan kuasa-Mu  
Engkau memulihkanku

Jiwa yang pincang  
Kau sembuhkan  
Kasih dan damai mengalir  
Walaupun paha terpincang


Perhubungan yang retak  
Belas kasihan-Nya dicurahkan  
Dengan rahmat-Mu  
Engkau menyatukan kami

Doa: Allahku dan Juruselamatku, terima kasih atas pembentukan-Mu yang menguatkan batinku.

## MELAYANG KE KHEMAH LAIN

Renungan: **Kejadian 34:1-31**

*Pada suatu kali pergilah Dina anak perempuan Lea yang dilahirkannya bagi Yakub, mengunjungi perempuan-perempuan di negeri itu.  
— Kejadian 34:1*

 erita Dina menjadi amaran kepada mereka yang melayangkan hati kepada jejak yang berlainan iman. Walaupun Dina dididik dalam keluarga yang menyembah Allah Abram, hatinya melayang ke khemah lain. Ayahnya Yakub dan rombongannya melalui Sikhem lalu membeli sebidang tanah berdekatan Kanaan. Yakub mendirikan mazbah, “Dia mendirikan mazbah di situ dan dinamainya itu: “Allah Israel ialah Allah” (Kejadian 33:20).

Sekalipun mazbah di depan matanya, kegalauan hati Dina bergelora apabila rombongan ayahnya masuk Sikhem. Dina tidak mengambil tahu bahawa kota itu berlainan agama. “Pada suatu kali pergilah Dina, anak perempuan Lea yang dilahirkannya bagi Yakub, mengunjungi perempuan-perempuan di negeri itu” (Kejadian 34:1). Matanya tidak tercelik terhadap perangkap di depannya maka tingkah lakunya sembrono.

Anak lelaki Hamor jatuh cinta dengan Dina. Cinta ini membuahkan babak yang malang. “Ketika itu terlihatlah dia oleh Sikhem, anak Hemor, orang Hewi, raja negeri itu, lalu Dina itu dilarikan dan diperkosanya” (Kejadian 34:2). Pengalaman yang pedih menyusul tanpa diduganya.

Kecuaian Dina merangkaikan serentetan masalah. Lelaki itu ingin Dina menjadi isterinya dan menawar gadis-gadis sukunya kepada anak-anak Yakub. (Kejadian 34:8-9). Kini kesalahan Dina mengundang bahaya kepada pemuda-pemuda umat Tuhan.

Anak-anak Yakub terlibat dalam tawar menawar tentang hal perkahwinan dengan mereka yang tidak seiman. Mereka berpendirian lelaki yang ingin berkahwin dengan Dina disunat. Lelaki-lelaki Sikhem lain juga mesti disunat kalau mereka ingin mengambil gadis mereka menjadi isteri mereka (Kejadian 34:1-17). Akhirnya dua orang anak Yakub menyerang lelaki-lelaki Sikhem dan melarikan Dina.

Kesaksian umat Allah tercemar dan Yakub meratapi perkara ini. “Kamu telah mencelakakan aku dengan membusukkan namaku kepada penduduk negeri ini, kepada orang Kanaan dan orang Ferus...” (Kejadian 34:31). Kecuaian Dia mengundang musuh datang ke khemah mereka.

Doa: Allahku, pelihara hatiku sehingga aku tidak melayang ke khemah lain dan mengundang bahaya.

## APA YANG DI TANGAN ANDA?

Renungan: **Keluaran 4:1**

*Tetapi firman TUHAN kepada Musa: "Ulurkanlah tanganmu dan peganglah ekornya" – Musa mengulurkan tangannya, ditangkupnya ular itu, lalu menjadi tongkat di tangannya."  
–Keluaran 4:4*

**W**anita, anda mungkin merasa serba kekurangan seperti Musa sewaktu Allah memanggil anda ke tugas istimewa. TUHAN memperlihatkan satu mukzizat kepada Musa. "TUHAN berfirman kepadanya: "Apakah yang di tanganmu itu?" Jawab Musa, "Tongkat." Firman Tuhan: "Lemparkanlah itu ke tanah." Dan ketika dilemparkannya ke tanah, maka tongkat itu menjadi ular, sehingga Musa lari meninggalkannya" (Keluaran 4:2). TUHAN bersabda agar dia memegang ekornya dan ular itu akan menjadi tongkatnya lagi. Ajaib?

Tongkat gembala yang diberikan oleh TUHAN menjadi lambang kemenangan TUHAN. Dengan tongkat ini, Musa akan menghadapi Firaun yang bermegah dengan tentera kudanya dan kerajaannya. Walaupun tugas yang dipercayakan kepada Musa besar dan senjatanya seperti kurang cangkih, kuasa TUHAN akan membebaskan umat-Nya (Keluaran 4:7-9). Dengan tongkat ini, Musa membelah laut Teberau dan mencapai kemenangan (Keluaran 14:16).

Tiada masalah dapat menghalangi rancangan-Nya kerana keajaiban karya-Nya tiada batas (Ibrani 1:8). Musa beralasan bahawa dia tidak pandai bercakap. "Lalu kata Musa kepada TUHAN: "Ah, TUHAN aku ini tidak pandai bicara, dahulu pun tidak dan sejak Engkau berfirman kepada hamba-Mu pun tidak, sebab aku berat mulut dan berat lidah" (Keluaran 4:10). TUHAN tetap mendengar Musa dan memberi dia seorang teman yang bernama Harun untuk mendampinginya.

Henrietta Mears seorang guru yang hebat berkata, "Salah satu kekhususan TUHAN ialah menjadikan seseorang yang tiada apa-apa menjadi seseorang yang diakui." Florence Nightingale seorang jururawat yang terkenal berkata, "Kalau saya boleh memberi anda maklumat tentang hidup saya, tentu saja, ia akan menjadi gambaran bagaimana seorang wanita yang mempunyai kemampuan yang sederhana dipimpin oleh TUHAN ke perjalanan yang aneh dan tidak biasa untuk melakukan pelayanan yang pernah dilakukan-Nya. Jika kalau saya boleh menyebutnya, anda akan melihat bagaimana TUHAN melakukan semuanya, dan saya hanya kosong. Saya telah bekerja keras, sangat keras, itu saja, dan saya tidak pernah menolak Allah kalau Dia mengingini sesuatu."

Doa: Tuhan, tolonglah aku tidak memandang rendah terhadap diri aku sendiri.

## JEJAKA YANG DIKAGUMI

Renungan: **Yohanes 6:1-12**

*Ketika Yesus memandang sekeliling-Nya dan melihat, bahawa orang banyak berbondong-bondong datang kepada-Nya, berkatalah Dia kepada Filipus: "Di manakah kita akan membeli roti, supaya mereka ini dapat makanan?" — Yohanes 6:5*

Wanita menguntum senyuman bunga raya ketika menceritakan tentang "gentleman" yang dikagumi oleh mereka. Mereka sebulat suara bersetuju seraya berjempol bahawa Tuhan Yesus "gentleman" yang paling bagus. Wanita dapat memahami banyak hal yang dilakukan oleh Tuhan Yesus kerana mereka sering melakukannya dalam kehidupan sehari-harian.

Wanita menyanjungi Tuhan Yesus yang selalu mementingkan perut orang lain. Apabila Tuhan Yesus melihat orang ramai, pertanyaan utamanya ialah, "Di manakah kita akan membeli roti, supaya mereka ini dapat makan?" (Yohanes 6:5). Dengan lima roti dan dua ikan, Tuhan Yesus memberi makanan kepada beribu-ribu orang. Wanita Malaysia sering bertanya, "Sudah makan belum?" Seorang kawan saya di Afrika, Beatrice Igihozo menjadi janda kerana suaminya mati dalam perang saudara telah mengangkat lima anak angkat lain selain lima anak sendiri. Dapurnya selalu memberi makanan lazat.

Tuhan Yesus tidak kisah melakukan kerja seperti mencuci kaki. Wanita Malaysia terharu kerana Tuhan Yesus rela mencuci kaki para pengikut-Nya dan melayani orang lain dengan rendah hati. Wanita Malaysia tidak kisah mencuci mangkuk, membuang sampah, menyapu, mengelap meja, menggoreng-goreng ikan walaupun pekerjaan ini seakan-akan tidak mulia (Yohanes 13:4-14).

Wanita Malaysia teringat Tuhan Yesus sewaktu menyiapkan sarapan setiap hari. Mereka tidak mengeluh dan bertanya, "Bolehkah orang lain menyiapkan sarapan bagi saya? Boleh?" Mereka mengenangi murid-murid Tuhan Yesus merasa hampa kerana tidak mendapat tangkapan ikan walaupun mereka sudah berusaha sepanjang malam, Tuhan Yesus menyalakan arang dan menyiapkan sarapan bagi para murid-Nya. Wanita Malaysia bersetuju bahawa suami mereka tidak akan kehilangan kesejatan kelakiannya sebagai seorang lelaki kalau mereka sesekali menyiapkan sarapan seperti Tuhan Yesus malah mereka akan digelar "gentleman."

Walau bagaimana pun kalau dia yang melakukan semua kerja rumahtangga, dia tetap membuatnya dengan penuh kasih dan sukacita.

Doa: Tuhan Yesus, aku bersyukur kerana Engkau memberi teladan yang cukup indah dalam hidup ini.

## JEJAKA KACAK TETAPI BODOH

Renungan: **1 Samuel 25**

*Janganlah kiranya tuanku mengendahkan Nabal, orang yang dursila itu, sebab seperti namanya demikianlah ia: Nabal namanya dan bebal orangnya. Tetapi aku, hambamu ini tidak melihat orang-orang yang tuanku suruh.*

—1 Samuel 25:25

**E**ugenia tidak kisah menerima banyak cacian mengenai kependekan kekasihnya. Sewaktu suaminya melamar, ibunya membantah keras. Walau bagaimanapun Paulus memang pendek tetapi sangat bijak dan bertanggungjawab!

Ceritanya berlainan bagi Abigail dalam Alkitab, seorang wanita jelita dan bijaksana tetapi telah berkahwin dengan suami yang bodoh. Nama Nabal bererti bodoh. Kebodohnya diiringi “ego” membuat dia tidak memberi muka kepada orang lain kerana yang dipentingkannya hanya “aku.”

Raja Daud telah pergi ke Paran yang tidak jauh dari Karmel bersama dengan orangnya yang berkenalan dengan Nabal. Dengan niat yang baik, Raja Daud menyampaikan salam: “...Selamat! Selamatlah engkau, selamatlah keluargamu, selamatlah segala yang ada padamu” (1 Samuel 25:6). Dengan gembira, Raja Daud memberitahu mereka bahawa selama dia berada di sana, dia melindungi kawanannya.

Nabal menjawab dengan angkuh, “Siapakah Daud? Siapakah anak Isai itu?” (1 Samuel 25:10). Jawapannya menaikkan amarah Daud, dan hampir mencetuskan perang saudara. Penulis Amsal berkata, “Lidah orang bijak mengeluarkan pengetahuan, tetapi mulut orang bebal mencurahkan kebodohan” (Amsal 15:2).

Abigail tangkas bertindak, dia segera menenangkan hati Raja Daud serta membawa buah tangan untuk anak-anak buah Raja Daud. Dengan rendah hati, dia menjelaskan bahawa suaminya memang bodoh, “Janganlah kiranya tuanku mengendahkan Nabal, orang yang dursila itu, sebab seperti namanya demikianlah ia: Nabal namanya dan bebal orangnya...” (1 Samuel 25:25).

Anda mungkin seperti Abigail telah mengisi banyak kekurangan suami dalam rumahtangga. Sabarlah, berdoa untuk suami anda agar tangan TUHAN akan membentuknya menjadi suami yang bertanggungjawab. Bertindak tangkas, isikan kekosongan mengajar anak anda supaya khazanah iman terpelihara dalam keluarga anda.

Doa: Allahku, tolonglah aku bersabar dan mengisi kekurangan suamiku dengan pertolongan-Mu.

## PROSES PEMURNIAN

Renungan: **Maleakhi 3:2-5; Yesaya 64:8**

*Dia akan duduk seperti orang yang memurnikan dan mentahirkan orang Lewi, menyucikan mereka seperti emas dan seperti perak, supaya mereka menjadi orang-orang mempersembahkan korban yang benar kepada Tuhan.*

—Maleakhi 3:3

Keindahan rohani yang memancarkan Tuhan Yesus sulit ditemui dalam kalangan orang Kristian kerana keindahan mengambil nyala api lama untuk memurnikannya.

Perak dimurnikan oleh obor api terpanas agar hasil pemurniannya jernih. Proses pemurnian perak memerlukan banyak pemerhatian tukang yang memurnikan perak. Dia harus memegang perak itu dan duduk di sana sepanjang proses pemurnian ini. Kalau dia lalai sesaat, perak itu hancur meluluh. Bagaimanakah tukangnyanya tahu perak itu sudah dimurnikan? O, ketika wajahnya muncul dalam perak itu untuk memberitahu bahawa semua kekotoran sudah dileburkan api.

Nabi Maleakhi mengibaratkan TUHAN bagai pemurni logam yang duduk memurnikan umat-Nya. Yang dipentingkan oleh TUHAN bagi umat Israel dalam Perjanjian Lama bukanlah mereka muncul sebagai negara yang setaraf negara Babel dalam ketenteraan tetapi kekudusan mereka. "...Sujudkah menyembah kepada TUHAN dengan berhiaskan kekudusan" (1 Tawarikh 16:29b).

Nabi Yesaya mengibaratkan umat Tuhan yang dicemari sebagai perak dan arak yang tercemar. "Perakmu tidak murni lagi dan arakmu bercampur air" (Yesaya 1:22). TUHAN yang berbelas kasihan tetap memurnikan mereka sehingga mereka menjadi umat yang diperkenan Diri-Nya dan maksud-Nya. Ibadah murni tidak dapat dihiaskan oleh kelebihan luaran tetapi mesti dibuktikan kemurnian kehidupan yang memuliakan Tuhan.

"Allah penciptaan dan penciptaan semula, Engkau selalu berkarya untuk membentuk aku dalam kepenuhan Kristus. Engkau mengetahui ketegaran resmi keberadaanku yang selalu menentang sentuhan pembentukan-Mu. Engkau tahu kekerasan batin dan keberadaanku yang menentang anugerah-Mu yang mengubah aku. Dengan anugerah-Mu, lembutkanlah kekerasanku dan ketegaranku; biarlah aku menjadi mudah dilentur dalam tangan-Mu" (M. Robert Muloholland Jr).

---

Doa: Allahku, aku tidak akan kecewa dengan semua ujian ini kerana Engkau sedang memurnikan aku.

## CERITA HULDA

Renungan: **2 Tawarikh 34:14-33**

*Perempuan itu menjawab mereka: “Beginilah firman TUHAN, Allah Israel! Katakanlah kepada orang yang menyuruh kamu kepada-Ku.” —2 Tawarkh 34:23*

Nabiah Hulda disegani sehingga raja pun mencarinya untuk petunjuk (2 Tawarikh 34:20-22). Walaupun nabi Yeremia dan Zefanya aktif pada masa itu, Raja Yosia tetap mencari nasihatnya. Nubuatnya penting bagi membimbing negara ke arah yang ditentukan oleh Allah. Suatu peristiwa penting terjadi pada waktu itu, skrol firman Tuhan yang hilang ditemui. Selama seratus tahun, Yehuda iaitu kerajaan Utara mengalami penghukuman Allah.

Hulda bukan jenis nabiah kengerian bermulut manis kalau perjalanan hidup umat Tuhan serong. Suaranya tegap sewaktu membaca skrol, “Dengarlah, hai orang Israel: TUHAN itu Allah kita, TUHAN itu esa! Kasihilah TUHAN, Allahmu, dengan segenap hatimu dan dengan segenap jiwamu dan dengan segenap kekuatanmu... Janganlah kamu mengikuti allah lain, daripada antara Allah bangsa-bangsa sekelilingmu, sebab TUHAN, Allahmu, adalah Allah yang cemburu di tengah-tengahmu, supaya jangan bangkit murka TUHAN, Allahmu, terhadap engkau, sehingga Dia memunahkan engkau dari muka bumi” (Ulangan 6:4-5, 13-15).

Suaranya tercengkam kengerian sewaktu membaca skrol. “Beginilah firman TUHAN: Sesungguhnya Aku akan mendatangkan malapetaka atas tempat ini dan atas penduduknya, yakni segala kutuk yang tertulis dalam kitab yang telah dibacakan di depan raja Yehuda” (2 Tawarikh 34:24). Dia mengimbas kejahatan Raja Ahaz dan Manasseh yang mengorbankan anak mereka kepada dewa, dan nabi-nabi palsu dijunjung. Muka nabiah Hulda pucat, dia memberi amaran bahawa kejijikan mereka telah menaikkan murka Allah.

Raja Yosia segera mengoyakkan jubahnya lalu menangis di hadirat Allah. Dia mengumpulkan semua pemimpin, tua-tua, dan rakyat ke rumah Allah dan membaca skrol itu (2 Tawarikh 34:27). Sesudah itu, raja mengikat perjanjian di hadapan Allah dan semua rakyat turut mengikutnya. Kebangunan rohani terjadi di kalangan rakyat Yehuda di tengah-tengah kegelapan sejarah itu.

Wahai wanita, adakah kehangatan iman anda untuk kerajaan Allah mendatangkan kebangunan rohani dan meninggalkan hidup yang berdosa?

Doa: Allah Maha Kuasa, berilah aku keberanian untuk menyampaikan kebenaran firman Tuhan.

## KAPAL SAUDAGAR

Renungan: **Amsal 31:13-31**

*Dia serupa kapal-kapal saudagar, dari jauh dia  
mendatangkan makanannya.*

—Amsal 31:14

**K**etika anak-anak wanita yang disebutkan dalam Amsal 31 lapar, makanan dan minuman sudah disiapkan bagi mereka. Sepulang suaminya dari pejabat, dia tidak berseru dengan kecewa, “Kenapa tiada makanan di meja dan periuk belanga dingin-dingin belaka?” Ayam goreng kapitan sedang menantikannya di meja. Ajaib?

Wanita serupa kapal saudagar yang mendatangkan daging, sayur-sayuran, dan ketam dari pasar pagi. Ketelitian wanita membimbingnya membeli yang sihat; dia bukan kapal saudagar yang memuat sampah-sarap. Makanan yang dimuat dalam kapalnyanya berkhasiat. Dia merancang menu bagi seisi keluarganya awal-awal lagi. “Dia bangun kalau masih malam, lalu menyediakan makanan untuk seisi rumahnya” (Amsal 31:15).

Selain menjaga kesejahteraan keluarga, wanita juga berniaga demi menolong kewangan keluarga. Dia mengimpot pakaian untuk butiknya. Seseengah wanita pula “membeli ladang yang diingini, dan dari hasil tangannya kebun anggur ditanaminya” (Amsal 31:16).

Wanita ini memastikan seisi keluarga cukup pakaian dan tidak kedinginan pada musim tengkujuh. “Dia tidak takut kepada salji untuk seisinya, kerana seluruh isi rumahnya berpakaian rangkap. Dia membuat bagi dirinya permadani, lenan halus dan kain ungu pakaianya” (Amsal 31:21-22). Wanita dalam Amsal 31 memintal kain, selimut dan permadani daripada bulu domba dengan jarum tulang-tulang (Amsal 31:13). Baju dalam dibuat daripada kain linen, kain tenda dan baju luar berat yang dipintal daripada bulu kambing atau unta menunjukkan kemahiran tangan wanita (Amsal 31:24).

Wanita ini bagai minyak yang menyalakan lampu keluarganya, “... pada malam hari pelitanya tidak padam” (Amsal 31:18). Dia menyalakan lampu rohani keluarganya. “Kamu harus mengajarkannya kepada anak-anakmu dengan membicarakannya apabila engkau duduk di rumahmu dan apabila engkau sedang dalam perjalanan, apabila engkau berbaring dan apabila engkau bangun” (Ulangan 11:19). Dia bukan kapal saudagar barangan sahaja tetapi juga kapal firman Allah bagi keluarganya.

Doa: Allah, penuhilah aku dengan kasih dan firman-Mu sehingga kemuliaan-Mu memancar dalam segala urusan rumahtanggaku.

## BAJU BERWARNA WARNI

Renungan: **Kejadian 37:2-4**

*Israel lebih mengasihi Yusuf daripada semua anaknya yang lain, sebab Yusuf itulah anaknya yang lahir pada masa tuanya; dan dia menyuruh membuat jubah yang maha indah bagi dia. —Kejadian 37:3*



erita tentang ayah Yusuf yang mengasihi Yusuf lebih daripada abang-abangnya boleh dijadikan ajaran bagi ibu. Ayah Yusuf yang memberinya jubah warna-warni yang maha indah telah mencetuskan kecemburuan dalam kalangan adik-adiknya. Apabila mereka melihat Yusuf berpakaian jubah maha indah mereka membenci Yusuf kerana itu lambang pilih kasih ayah mereka. Kecemburuan merenggang keakraban adik beradik ini sehingga tragedi menimpa keluarga Yusuf.

Wanita jati tidak membiarkan suasana pilih kasih seperti ini meretakkan keluarganya. Apabila dia pergi membeli belah, dia memikirkan semua anak bukan hanya yang bongsu atau anak sulung sahaja. Dengan kata-katanya, dia tidak mencetuskan iri hati. Dia tidak mencetus suasana persaingan antara anak-anaknya untuk mendapat perhatian.

Keperluan terbesar seorang anak ialah perasaan ingin dimiliki dan dikasihi oleh ibubapanya untuk merasa terjamin. Sikap suka pilih kasih boleh menimbulkan kecemburuan. Lama kelamaan anak yang tidak dikasihi akan menjadi kambing hitam keluarga. Dia akan memikirkan pelbagai cara untuk menimbulkan amarah ibubapanya dan menarik perhatian mereka.

Anak-anak yang tidak dikasihi merasa tidak selayak anak yang dikasihi bapanya. Perasaan ini membentuknya menjadi seseorang yang kurang harga diri. Bagi abang-abang Yusuf, pilih kasih bapanya dan cerita mimpi Yusuf telah menaikkan amarah abang-abangnya.

Betapa sedihnya, semua kemelut ini berpunca daripada pilih kasih seorang bapa. Pilih kasih telah merampas semua berkat kerukunan dan berkat Allah. "Sungguh, alangkah baiknya dan indahnya, apabila saudara-saudara diam bersama dengan rukun! ...Sebab ke sanalah TUHAN memerintahkan berkat, kehidupan untuk selama-lamanya" (Mazmur 133).

Wanita, wujudkan sifat Allah yang mengasihi semua dan jangan mengasihi seorang anak dan mengabaikan yang lain. Biar kasih anda yang adil menyatukan anak-anak anda.

Doa: Bapa Syurgawi, ajarilah aku mengasihi anak-anakku dengan saksama dan menyalurkan berkat dalam rumahtanggaku.

## ALAMAK! SELONGGOK ABJAD

Renungan: **Yakobus 3:1-12**

*Seperti sedap-sedapan perkataan pemfitnah masuk ke lubuk hati. — Amsal 26:22*



Gosip seperti memasak rendang, semakin banyak bumbu dibubuhkan semakin sedapnya, semakin lahap! Alkitab memang tepat, “Seperti sedap-sedapan perkataan pemfitnah masuk ke lubuk hati” (Amsal 26:22). Yang sedap-sedap ini kejahatan tetapi ditelan dengan asyik. “Mulut orang benar adalah kehidupan, tetapi mulut orang fasik menyembunyikan kelaliman” (Amsal 10:11).

Pohon kelapa melambai-lambai, Cik Siti melenggang-lengguk ke rumah tetangganya. Itu terjadi di kampung! Di Bandar, “*Can we meet up for coffee?*” Bukanlah kopi Starbuck yang syok tetapi gosipnya. Bagaimana pula sikap orang yang ‘mengasihi’ Tuhan? Saya ada bahan doa yang ingin kita doakan bagi si... Wah! bahan doa itu bahan pelahap pendoa yang niatnya jahat. Jenis warna dan bentuk apa pun yang diambil oleh selonggok abjad sopan. “Siapa menyembunyikan kebencian, dusta bibirnya; siapa mengumpat adalah orang tebal” (Amsal 10:18).

Bagaimanakah kalau kita terperangkap dengan sekumpulan orang yang suka menjaga tepi kain orang lain? Tambah bubur perisa bumbu agar lebih sedap atau segera beredar? Wanita yang mengasihi Tuhan dan orang lain tidak bersinggah untuk mengoreng rahsia orang lain atau memfitnah. Gosip yang seakan-akan menjadi sajian sedap untuk bersembang terus, lama kelamaan menjadi kita pelahap sampah sarap.

Eugene Peterson dalam bukunya “The Jesus Way” mengatakan mengikut Tuhan Yesus meliputi semua aspek kehidupan kita. Dia berkata, “Adakah anda akan menjalani kehidupan yang tekun dalam doa, mendengar dan menjawab Tuhan, serta berakar umbi dalam tanah wahyu Tuhan, serta bertumbuh seperti pokok Torah Tuhan, cabangnya lebat berbuah? Atau anda mahu menjalani hidup tidak penting yang penuh dengan babak bersembang-sembang dan bermulut celupar, memakai perkataan tanpa Allah dalam konteks, seakan-akan anda tidak mengenal Tuhan, kehidupan anda dikecilkan menjadi selonggok abjad, dedaun yang ditiup oleh setiap hembusan angin? Cara manakah yang akan anda pilih?”

Wahai wanita, tahap kerohanian seseorang juga diukur oleh perkataan daripada mulut kita. “Bibir orang benar menggembalakan banyak orang... (Amsal 10:21a).

---

Doa: Allah, aku akan segera beredar daripada orang yang suka gosip agar tidak menjadi pelahap sampah.

## PANGGILAN KELUARGA KRISTIAN

Renungan: **Mazmur 78:5-8**

*Sebab Aku telah memilih dia, supaya diperintahkannya kepada anak-anaknya dan kepada keturunannya supaya tetap hidup menurut jalan yang ditunjukkan Tuhan, dengan melakukan kebenaran dan keadilan, dan supaya Tuhan memenuhi kepada Abraham apa yang dijanjikan-Nya kepadanya. — Kejadian 18:19*

**W**anita yang mengasihi Allah tahu bahwa panggilan Abram juga panggilan keluarganya. Sewaktu Allah memilih Abram, tujuannya dinyatakan jelas: di tengah-tengah dunia gelap, Allah ingin memanggil sebuah keluarga yang menurut jalan yang ditunjukkan-Nya. Mereka akan berkelip-kelip seperti bintang-bintang yang menerangi dunia ini.

Apabila wanita jati merenungi panggilan Allah, dia menyadari Allah berimpian besar. Bersama suaminya, wanita jati tidak hanya meletakkan sasaran jangka pendek tetapi sasaran jangka masa panjang bagi keluarga mereka. Mereka tahu bahwa apabila Allah memilih sebuah keluarga, dia tidak hanya melihat satu generasi tetapi keturunannya yang selanjutnya — Allah memanah sasaran-Nya dengan jauh dan mengundang mereka untuk memanah jauh. Nafas doa ibu bapa:

Aku semai kasih sayang Allah  
Ke dalam batinmu  
Aku curahkan kebenaran Allah  
Ke dalam minda dan jiwamu  
Kutunjuk kekudusan Allah  
Dalam sarang kita ini

Anakku  
Kau bagai burung  
Yang akan bersarang di tempat lain  
Kuingin kaubina keluarga yang mengasihi-Nya  
Sehingga anak-anak saranganmu  
Juga dibalut kehangatan kasih Allah

Wahai wanita, Shema yang berbunyi dalam Ulangan 6:4, “Dengarlah, hai orang Israel: Tuhan itu Allah kita, Tuhan itu esa! Kasihilah Tuhan, Allahmu, dengan segenap hatimu dan dengan segenap jiwamu dan dengan segenap kekuatanmu” harus diajar kepada anak sehingga menjadi kenyataan dalam keluarga. Setelah itu anak mereka akan mengulangi Shema ini kepada anak mereka, dan generasi yang akan datang.

Doa: Segala perintah Engkau, ya Allah, akan kuajari kepada anak-anakku sehingga api kehadiran-Mu selalu nyala dalam sarang kami.

## SEISI KELUARGA MELAYANI ALLAH

Renungan: **Yosua 24:14-28**

*...Pilihlah pada hari ini kepada siapa kamu akan beribadah; Allah yang kepadanya nenek moyangmu beribadah di seberang sungai Efrat, atau allah orang Amori yang negerinya kamu diami ini. Tetapi aku dan seisi rumahku, kami akan beribadah kepada Tuhan!*

—Yosua 24:15

Allah bersabda kepada Nuh, “Masuklah ke dalam bahtera itu, engkau dan seisi rumah, sebab engkau yang Kulihat benar di hadapan-Ku di antara orang zaman ini” (Kejadian 7:1). Sewaktu Zakues diselamatkan, Tuhan Yesus berkata, “Hari ini telah terjadi keselamatan kepada rumah ini, kerana orang ini pun anak Abraham” (Lukas 19:9). Yosua juga memberi respon tepat, “Tetapi aku dan seisi rumahku, kami akan beribadah kepada Tuhan” (Yosua 24:15).

Wanita rohani membimbing seisi keluarganya berkeputusan mantap untuk beribadah kepada Allah. Bersama anggota keluarga lain, wanita membuat pendirian beribadah kepada Allah dan mendedikasi semua anggota keluarga kepada-Nya. Keputusannya bukan saya dan sekeluarga saya akan mencari makanan yang tersedap dan penghiburan yang paling memuaskan.

Yosua memberi seisi hatinya dan seisi keluarganya untuk melayani Tuhan dan memastikan tidak ada yang hangat-hangat tahi ayam. Mereka akan mengikut Allah dengan penuh kesetiaan kerana kasih dan perbuatan ajaib TUHAN terhadap suku bangsanya. Semua mukjizat selalu tersemam dalam hati mereka. “Sebab TUHAN, Allah kita, Dialah yang telah menuntun kita dan nenek moyang kita dari tanah Mesir, dari rumah perbudakan, dan yang telah melakukan tanda-tanda mukjizat yang besar ini di depan mata kita sendiri, dan yang telah melindungi kita sepanjang jalan yang kita tempuh, dan di antara semua bangsa yang kita lalui” (Yosua 24:17).

Kisah Para Rasul menekankan kepentingan ibadah seisi keluarga. Kornelius yang berasal di Kaisarea dikatakan “...salih, dia serta seisi rumahnya takut akan Allah” (Kisah Para Rasul 10:1,2). Lydia dibaptiskan bersama seisi keluarganya (Kisah Para Rasul 16:14,15). Rasul Paulus berkata kepada ketua penjara di Filipi, “Percayalah kepada Tuhan Yesus Kristus dan engkau akan selamat, engkau dan seisi rumahmu” (Kisah Para Rasul 16:31).

Wanita, jangan anggap iman anda hanya sebagai iman peribadi anda tetapi iman keluargamu bahkan iman seluruh sukumu. Berdoa dan mengajar dengan penuh ketekunan dan memohon belas kasihan Allah bagi keluarga.

Doa: Allah Bapa, aku ingin membawa seisi keluargaku untuk mengenal dan melayani Allah.

## KRISIS HIDUP

Renungan: **Mazmur 56:1-14**

*Sebab Engkau telah meluputkan aku daripada maut, bahkan menjaga kakiku, sehingga tidak tersandung; maka aku boleh berjalan di hadapan Allah dalam cahaya kehidupan. —Mazmur 56:14*

Allah tidak berjanji hidupku tak bergelombang dan tiada ada gunung untuk dirintangi. Orang beriman juga menghadapi gelombang hempasan dan langkah kita kadangkala gementar. Pemazmur adakala berimpian diberikan sayap merpati untuk berterbang ke tempat tenang, terlindung dari angin badai. “O aku diberi sayap merpati, aku akan terbang ke tempat yang tenang, terlindung dari angin badai,” kita berseru.

Ketika Daud menulis Mazmur ini, dia sedang melarikan diri daripada Raja Saul ke Gath iaitu tempat tinggal Goliath. Krisis besarnya ialah Saul cemburu akan dia dan hangat memburunya. Selain itu, anaknya Absalom memberontak terhadapnya. Tangisan hatinya memilukan, “Kasihlanilah aku, ya Allah, sebab orang menginjak-injak aku, sepanjang hari orang memerangi dan mengimpik aku” (Mazmur 56:1).

Ketika Raja Daud dikejar musuh-musuhnya dan takut dia berseru, “Waktu aku takut, aku ini percaya kepada-Mu” (Mazmur 56:4). Pada waktu krisis, hanya sayap iman dapat mengangkat kita sehingga kita tidak terjerumus dalam lerengan ketakutan. Iman Daud begitu teguh sehingga dia berkata, “Kepada Allah aku percaya, aku tidak takut. Apakah yang dapat dilakukan manusia terhadap aku?” (Mazmur 56:12)

Daud yakin, “Sengsaraku Engkau yang menghitung-hitung, airmataku Kautaruh ke dalam kirbat-Mu. Bukankah semuanya telah Kaudaftarkan?” (Mazmur 56:9).

Aku tiada tempat perlindungan lain  
 Berpaut jiwaku kepada Engkau  
 Jangan tinggalkan aku sendiri  
 Dukung aku dan hiburan aku  
 Aku percaya kepada Engkau sahaja  
 Segala pertolonganku datang daripada-Mu  
 Tutupilah kepalaku yang tidak terlindung  
 Dengan bayangan sayap-Mu (Charles Wesley)

O kawanku ketika badai menghempas, lemparkan diri anda sepenuhnya ke dalam dakapan kasih-Nya.

Doa: Allahku, di bawah sayap-Mu aku berlindung dan menenangkan diri di tengah-tengah krisis ini.

## BUNGA MAWAR BERBUNGA LEBAT

Renungan: **Yesaya 35:1-4**

*Padang gurun dan padang kering akan bergirang, padang belantara akan bersorak-sorak dan berbunga. — Yesaya 35:1*

Bayangkan anda sedang berjalan di padang gurun luas dan tidak ternampak ufuknya. Perjalanannya begitu berat, pasir padang gurun hembus ke arah muka anda. Anginnya jenis yang memberatkan jiwa raga anda. Kaki anda berat dan setiap langkah semakin memberat. Kecewaan mewarni panaroma hidup anda, pasir tenggelam di bawah kakimu.

Perjalanan seperti ini pernah ditempuh umat Tuhan pada zaman Yesaya.

Nabi Yesaya dapat menyelami kegersangan dan kehampaan bangsa Israel pada tahap perjalanan hidup ini. Mereka tawar hati dan segala pengirangan seakan-akan hilang. Dalam penglihatan nabi Yesaya, panaromanya berubah dengan luarbiasa dari padang gurun kepada sorak sorai. Yesaya lihat “seperti bunga mawar dia akan berbunga lebat, akan bersorak-sorak dan bersorak-sorai. Kemuliaan Libanon akan diberikan kepadanya, semarak Karmel dan Saron; mereka itu akan melihat kemuliaan TUHAN, semarak Allah kita” (Yesaya 35:2). Hal ini terjadi kerana belas kasihan Allah tak pernah pudar.

Wahai wanita, sewaktu Allah memulihkan jiwa anda sehingga bunga mawar bermekar lebat, sedarlah itu bukan pengalaman bagi diri sendiri tetapi harus dihayati orang lain melalui penghiburan dan kasih anda akibat pembaharuan itu.

Hannah Hurnard menulis, “Kemudian ia menyinari pengertian saya bahawa bebunga bukan sahaja mengingat kita akan kasih setia Allah dan rahmat-Nya yang lembut dalam kehidupan harian kita, tetapi seperti keindahan alam yang lain ia menyebarkan khabar-Nya kepada aku dan memberitahu aku apa yang Allah ingin aku faham mengenai-Nya. Bebunga memberitahu kita akan keindahan kasih setia-Nya dan rahmat kelembutan-Nya yang ingin dicurahkan-Nya kepada orang lain melalui kita. Seperti Brumbach (tempat pergunungan) yang mengingat saya bahawa kasih-Nya dicurahkan melalui kita kepada orang lain, dan puncak gunung berbicara tentang iman di tempat tinggi yang Dia ingin kita alami agar kita dapat mencurahkan diri kita dan membawa sukacita kepada orang lain, agar kehidupan harian kita seperti dilebati bebunga yang menawarkan keindahan, penghiburan, kesukacitaan dan galakan kepada setiap orang di sekeliling kita.”

Doa: Allah Pencipta hidupku, sirami hidupku sehingga aku bermekar bunga mawar dan mengalir keharuman kepada orang lain.

## PANDAI MAIN JEBAK MENJEBAK

Renungan: **Matius 15:3-6**

*Hormatilah ayahmu dan ibumu-ini adalah suatu perintah yang penting, seperti yang nyata dari janji ini, supaya kamu berbahagia dan panjang umurmu di bumi ini.*

—Efesus 6:2-3

**M**ain jebak menjebak tetapi kaki sendiri terjebak, itulah orang Farisi yang suka akan permainan ini. Dalam Matius 15:3-6, orang Farisi mengajukan pertanyaan licik untuk menjebakkan Tuhan Yesus. Mereka ingin tahu kenapa Yesus dan para murid-Nya tidak membasuh tangan sebelum makan dan minum.

Namun, jawapan Tuhan Yesus bukanlah tentang adat mencuci tangan tetapi tentang mengasihani ibu bapa kita. Orang Farisi pandai dengan segala adat makan juga pandai menjelaskan doktrin pengabaian ibu bapa. Mereka mengatakan semua yang ada pada mereka merupakan korban kepada Allah. Jadi, ibu bapa mereka tak dapat apa-apa pun kerana semua wang mereka untuk Allah.

Tetapi, tradisi Qurban orang Yahudi menuntut mereka memberi kepada ibu bapa mereka. Menghargai ibu bapa disanjung di banyak kebudayaan. Kita diminta mencukupi keperluan ibu bapa kita yang semakin beruban, dan tidak bertenaga mencari nafkah. Dalam keluarga tertentu bukan hanya ibu bapa bahkan mertua juga perlu dikasihi.

Jangan main jebak menjebak mengenai doktrin sedangkan yang paling dasar kita lalaikan. James Dobson, ahli kaunselor memberi kesaksian baik. Pada suatu hari, dia dan ibunya berada dalam kereta. Keretanya tersentak sejenak dan ibunya takut. James Dobson memegang tangan ibunya dengan begitu erat. Dia berkata pada waktu kecil ibunya memegang tangannya dengan erat dan menghiburnya ketika dia takut, kini gilirannya.

Satu contoh yang mengharukan datang dari negara China, Ting Tsu Chi dari Selatan Hainan yang telah mengendong ibunya dengan kain kapas ke hospital Chi Mei. Dia tidak meletakkan ibunya di kerusi roda kerana ini menyakitkan tubuhnya yang kurus. Dia berkata sewaktu kecil ibuku mengendong aku, kini aku mengendong dia.

Wahai wanita, jangan biarkan ibu bapa kita menangis sendirian di suatu sudut di dunia tanpa mendengar suara mereka yang pernah dikasihi mereka.

Doa: Tuhan Yesus, aku berdoa Engkau memberi aku kasih sehingga aku memelihara ibu bapaku yang lanjut usia dengan penuh kasih sayang.

## YESUS DI PERKAHWINAN

Renungan: **Yohanes 2:1-11**

*Ketika mereka kekurangan anggur, ibu Yesus berkata kepada-Nya:  
"Mereka kehabisan anggur."  
—Yohanes 2:3*

Pengantin cantik yang berpakaian cantik menjadi daya tarikan kanak-kanak di kampungku di Muar. Sewaktu kereta yang dihiasi indah dengan ribon mendekati kampung kami, anak-anak kecil berlari-lari untuk melihat wajah pengantin perempuan.

Pencipta langit dan bumi pernah diundang ke pesta perkahwinan bersama ibu-Nya. Ibu-Nya seperti wanita lain di Kana bergotong royong menyaji makanan dan minuman. Setelah merayakan perkahwinan tetamu-tetamu menemani mempelai dan pengantin sambil berpayung besar ke rumah baru mereka. Penyuluh dinyalakan sepanjang jalan. Setelah mereka tiba ke rumah baru, seluruh kampung merayakannya dengan jamuan.

Ketika Yesus dan ibunya sedang menghadiri jamuan perkahwinan itu, ibu Tuhan Yesus berkata, "Mereka kehabisan anggur" (Yohanes 2:3). Kehabisan makanan dan minuman dianggap tidak sopan masa itu. Ibu Yesus ingin Dia menolong mereka. Tuhan Yesus menukarkan enam tempayan air menjadi anggur. Itulah anggur yang terbaik. "...Setiap orang menghidangkan anggur yang baik dahulu dan sesudah orang puas minum, barulah yang kurang baik; akan tetapi engkau menyimpan anggur yang baik sampai sekarang" (Yohanes 2:10).

Tuhan Yesus mengambil berat akan perkahwinan anda. Mungkinkah perkahwinan anda sudah menjadi tawar kerana seribu macam tuntutan telah mengeringkan anggur anda? Tanpa pertolongan ilahi, ketawarannya menyeksa dan kemanisannya semakin kering. Biarlah Tuhan Yesus melakukan mukjizat seperti di perkahwinan Kana.

Minta agar Tuhan Yesus menolong anda memberi hantaran kasih sepanjang musim perkahwinan anda tanpa mengira siapa yang mesti memberi, baik pihak lelaki mahupun perempuan.


Bukan bunga sebarang bunga  
Bunga melilit ribon kasih ilahi  
Bukan perkahwinan sebarang perkahwinan  
Perkahwinan berlabuh kasih Tuhan  
Anggur kasih-Nya mengalir segar

Doa: Tuhan Yesus, curahkan anggur ilahi ke dalam perkahwinanku  
sehingga perkahwinanku dapat mengalirkan berkat.

## DORKAS

Renungan: **Kisah Para Rasul 9:32-36**

*...perempuan itu banyak sekali berbuat baik dan memberi sedekah.  
—Kisah Para Rasul 9:36*

 Chef Nina banyak membawa kegembiraan kepada anak-anak yatim dengan kueh muih yang disajikan. Kesibukannya di hotel tidak menjadi alasan kesuntukan waktu untuk menceraiakan hati anak-anak. “Yang miskin selalu ada di hati-Ku tetapi pernahkah hatimu berada di sisi mereka?” berbisik Tuhan Yesus selalu kepada Chef Nina.

Alkitab menceritakan Tabita yang bernama Dorkas dalam bahasa Yunani, pernah menyentuh hati para janda. Kasihnya akan janda miskin mendorong jejarinya menjahit kasih. Perhatian Dorkas akan keperluan hidup beberapa janda telah menolong dia membina satu jambatan persahabatan dengan mereka. Sewaktu dia meninggal dunia, janda-janda ini telah memandikan tubuhnya dan berkabung.

Ketika Petrus melihat kesedihan mereka dan baju warna-warni jahitan Dorkas, dia terharu. Betapa baiknya kalau Dorkas terus hidup dan menjahit kasih Tuhan bagi mereka. Suatu fikiran terlintas pada Petrus, bagaimana kalau dia membangunkan Tabita dengan kuasa kebangkitan Tuhan Yesus. Petrus menyuruh mereka keluar lalu dia berlutut dan berdoa. Kemudian dia berpaling ke mayat itu dan berkata: “Tabita! Bangkitlah!” Lalu Tabita membuka matanya dan ketika melihat Petrus, dia bangun lalu duduk...” (Kisah Para Rasul 9:40-41).

Peristiwa ini mengharumkan nama Allah dan menyaksikan kuasa Tuhan. Berita tentang kasih Dorkas yang menyentuh hati banyak orang dan kuasa Tuhan Yesus yang membangkitkannya tersiar di Yope. “Peristiwa itu tersiar di seluruh Yope dan banyak orang menjadi percaya kepada Tuhan” (Kisah Para Rasul 9:42).

Kasih Allah mendorong Dorkas membagikan erti persekutuan ilahi dengan mereka yang kesepian. Walaupun Dorkas tidak memiliki berjutaan dinar untuk dihulurkan kepada dana janda; kesederhanaan jahitan mengalir erti kasih sayang. Persekutuan ilahi dan baju mendatangkan secercah mentari ilahi yang menyinari kegelapan hidup beberapa janda ini.

Wahai wanita, anda mungkin tidak mempunyai banyak dana untuk menolong yang miskin, tetapi anda boleh menggunakan bakat untuk mendatangkan terang dan pengharapan.

Doa: Allah, biarlah hidupku menjadi secercah mentari bagi mereka yang kekurangan.

## MOTHER THERESA

Renungan: **Matius 25:31-46**

*Ketika Aku telanjang, kamu memberi Aku pakaian; ketika Aku sakit, kamu melawat Aku; ketika Aku di dalam penjara, kamu mengunjungi Aku. —Matius 25:36.*

Ketika Mother Theresa melayangkan pandangan dari jendela ke luar tembok Sekolah St. Mary ke perkampungan Calcutta, hatinya tergerak belas kasihan kepada penduduk miskin papa. Dia tahu misinya bukan dalam sekolah tetapi di luar tembok. Dengan keyakinan yang segenapnya kepada yang Maha Kasih, Mother Theresa yang nama asalnya, Agnes Gonxha Bojaxhiu dari Albania, meminta izin daripada mazhabnya untuk berkerja di kalangan termiskin. Selain pelayanan di kalangan miskin perkataannya penuh hikmat.

Mother Theresa berkata, "Mengenai panggilanku, aku milik dunia" tetapi "Mengenai hatiku, aku milik sepenuhnya oleh hati Kristus." Beliau berkata, "Kita perlu mencari Allah, tetapi Allah tidak dapat dicari dalam kebisingan dan kegelisahan. Allah adalah Sahabat kesunyian. Lihat bagaimana pokok, bunga dan rumput bertumbuh dalam kesunyian; lihat bintang, bulan dan matahari beredar dalam kesunyian...Kita memerlukan kesunyian kalau kita ingin menyentuh jiwa orang lain."

Untuk orang yang takut dibohongi sewaktu menolong orang, Mother Theresa berkata, "Manusia biasanya tidak munasabah dan mementingkan diri. Ampuni mereka sahaja. Kalau anda baik, orang mungkin berfikir anda ada udang di sebalik batu. Walau bagaimana pun, berbuat baik sahaja. Kalau anda jujur, orang mungkin tipu anda. Walau bagaimana pun, bersikap jujur sahaja. Kalau anda gembira, mungkin ada yang cemburu. Walau bagaimana pun, bergembira sahaja. Perbuatan baik yang anda berikan pada hari ini mungkin dilupakan pada hari esok. Walau bagaimana pun, berbuat baik sahaja. Berikan yang terbaik kepada dunia dan mungkin itu pun tidak cukup. Walau bagaimana pun, berilah yang terbaik sahaja. Anda mesti memahami bahawa pada akhirnya, kisahnya bukan antara anda dan mereka, tetapi antara anda dan Tuhan."

Bagi orang yang kurang puas dengan kelulusan mereka, Mother Theresa berkata, "Pada akhir kehidupan kita, kita tidak akan dihakimi berdasarkan berapa Diploma yang kita raih, berapa banyak wang yang kita kaut untuk keuntungan, berapa perkara hebat yang kita lakukan, kita akan dihakimi berdasarkan, "Sebab ketika Aku lapar, kamu memberi Aku makan; ketika Aku haus, kamu memberi Aku minum; ketika Aku seorang asing, kamu memberi Aku tumpangan" (Matius 25:35).

Doa: Tuhan Yesusku, gerakkan tangan dan hatiku untuk mengasihi mereka yang memerlukan aku.

## TELADAN WANITA-WANITA MUDA

Renungan: **Titus 2:3-7**

*Tetapi engkau telah mengikuti ajaranku, cara hidupku, pendirianku, imanku, kesabaranku, kasihku dan ketekunanku.*

—2 Timotius 3:10

Pernahkah anda bertemu wanita-wanita yang menjadi inspirasi kepada anda?

Ibu dan nenek Timotius menjadi teladan dalam iman, kasih, pengorbanan dan ketekunan mereka. Paulus menulis, “Sebab aku teringat akan iman-iman yang tulus ikhlas, iaitu iman yang pertama-tama hidup di dalam nenekmu Lois dan di dalam ibumu Eunike dan yang aku yakin hidup juga di dalam dirimu” (2 Timotius 1:5). Timotius mendapat berkat rohaninya daripada dua wanita yang salih sejak kecil.

Semasa remaja saya, beberapa wanita Gereja Presbyterian Muar menjadi sumber ilham. Iman saya berkorbar-korbar tetapi saya bahan mentah masa itu. Setiap kali saya membaca firman Allah, saya berapi-api menyalurkannya kepada sesiapa yang sudi mendengar. Mendiang Lucy Tan seorang pengkhotbah berpengalaman sabar mendengar. “Ya bagus...oh sungguh bagus” katanya lalu memberi saya setumpuk kaset khutbah pelbagai pengkhotbah. Kelaparan rohaniku menyebabkan aku mencerna semuanya seperti Yehezkiel memakan gulungan kitab yang tertulis timbal balik.

Cik Tan Miow Eng guru sekolah menengah menjadi rakan penginjilan yang setia. Dia memahami semangat penginjilan meluap-luap seorang remaja yang baru diselamatkan dari lubuk iblis ke kerajaan Allah. Kami mengayuh basikal ke rumah orang tua, rumah sakit dan mencari jiran untuk memberitakan injil. Cik Goh Kim Moi seorang guru juga memberi kenangan manis. Sewaktu saya mahu ke seminari, dia membelanja ais krim serta menghulur wang kepada saya. Budi baiknya dibawa bagai emas dalam sampan saya hingga kini.

Paulus mengajar bahawa wanita-wanita lebih tua mesti menjadi teladan yang baik bagi wanita muda. “Demikian juga perempuan-perempuan yang tua, hendaklah mereka hidup sebagai orang beribadah, jangan memfitnah, jangan menjadi hamba anggur, tetapi mengajarkan hal-hal yang baik” (Titus 2:3). Paulus meminta wanita yang lebih tua “...mendidik perempuan-perempuan muda mengasihi suami dan anak-anaknya” (Titus 2:4).

Wanita yang lebih tua mempunyai sebarang pengalaman yang boleh menjadi berkat wanita muda. Pengalaman dan pelajaran yang pernah dipelajari mereka boleh dijadikan nasihat atau amaran bagi mereka yang muda.

Doa: Allahku, biarlah kehidupanku menjadi sumber inspirasi kepada wanita-wanita muda.

## KEKEKALAN SAAT INI DAN SELAMANYA

Renungan: **Mazmur 90**

*Dia memberikan kekekalan dalam hati mereka.*

*—Pengkhotbah 3:11*

Angin sepoi membelai aku sehingga aku merasa jamaahan kasih Allah ketika menyisir pantai Teluk Cempedak. Aku mencari tempat teduh di bawah pokok redang sambil merenungi perjalanan hidupku. Aku berdoa untuk ibu bapa yang beruban dan teringat nenek datuk yang di sisi Tuhan Yesus, dan sepupu saya yang baru diundang Juruselamat untuk kembali ke istana-Nya.

“Ya Tuhan, Engkaulah tempat perteduhanku turun temurun sekalipun waktu beredar dengan cepat,” seru aku kepada Tuhan sambil melihat camar-camar laut yang berduduk atas alunan air (Mazmur 90:1). Ya Allahku, “Sebelum gunung-ganang dilahirkan, dan bumi dan dunia diperanakkan, bahkan dari selama-lamanya sampai selama-lamanya Engkaulah Allah” (Mazmur 90:2).

Kekekalan Allah patut dipuji kerana Dia sauh kukuhku. Wah, sekelip mata juga rambutku beruban seperti ibu bapak. “Ya Tuhan, yang penting bukan berapa panjang hidupku tetapi ajarilah aku menghitung hari-hari aku sedemikian hingga aku memperoleh hati yang bijaksana (Mazmur 90:12),” seru aku yang terbuai alunan ombak.

“Betapa pentingnya aku menilai mutu kehidupanku di hadirat Tuhan. Kemuliaan Allah dan kekekalan kehadiran-Nya selalu wujud dalam hatiku. Biarlah kesedaran ini mendorong aku hidup bagi kekekalan kerajaan Allah bukan kefanaan. Ya Tuhan, aku bersyukur Engkau mematah kuasa maut dan mendatangkan hidup yang tidak binasa seperti tercatat dalam 2 Timotius 1:10,” seru aku kepada Allah.

Aku berlari-lari sambil berdoa lagi. “Walau bagaimanapun kenyangkanlah aku pada waktu ini dengan kasih setia-Mu supaya aku bersorak-sorai dan bersukacita semasa hari-hari aku di dunia. Puji Tuhan atas satu hari lagi kepada aku. Kiranya kemurahan Allah meneguhkan pekerjaan tanganku demi kekekalan (Mazmur 90:17),” seru aku sambil mendongak muka kepada sang mentari.

Allah, Raja aku

Dalam kesempurnaan anugerah-Mu

Aku memandang wajah-Nya selama-lamanya

Menyembah-Nya muka dengan muka

Kekekalan hati bermula saat ini

Doa: Raja kekalku, aku memuji Engkau kerana kekal ada pada-Mu.

## BERUBAH

Renungan: **Keluaran 3:1-6**

*Lalu ia berfirman: "Janganlah datang dekat-dekat: tanggalkanlah kasutmu dari kakimu, sebab tempat di mana engkau berdiri itu, adalah tanah yang kudus." —Keluaran 3:5*

Ketika Musa bertemu dengan Allah di semak duri yang menyala namun tidak terbakar, Allah memperlihatkan Diri-Nya sebagai Allah yang kudus. Allah yang kudus memanggil kita untuk hidup kudus. "Kekudusan ialah satu tabiat yang selalu bersetuju dengan Allah menurut fikiran-Nya. Ia tabiat yang bersetuju dengan penghakiman Allah, membenci apa yang dibenci-Nya, mengasihi apa yang dikasihi-Nya, dan menilai segala sesuatu di dunia ini dengan ukuran firman-Nya" (J.C. Ryle).

Sifat tugu Allah yang kudus tidak berubah sejak zaman Abraham, Ishak, Yakub hingga kini. Kekudusan, kebaikan dan keagungan Allah tidak pernah berubah sesaat. Juga, Allah tidak dapat dibujuk berkompromi dengan gaya hidup edaran zaman. Selain itu, Dia tidak dapat dibujuk untuk menukarkan tafsiran firman-Nya sesuai dengan falsafah sezaman. Tugu sifat-Nya ialah, "Aku adalah Aku." Untuk bersekutu dengan Diri-Nya, kita perlu menyedari "Bahawasanya Aku, TUHAN, tidak berubah" (Maleakhi 3:6).

"Aku adalah Aku" tidak akan berubah untuk mengikut kita tetapi kita yang patut ubah untuk mengikut Dia yang kudus.

Manusia mungkin berubah lebih menyerupai Tuhan Yesus yang kudus ataupun iblis yang jahat. Di hadirat Sang Raja semesta alam, Yesaya bersetuju bahawa dia dan orang di sekelilingnya semuanya najis bibir. Kesedaran ini telah menyebabkan Allah menguduskannya, "Lihat, ini telah menyentuh bibirmu, maka kesalahanmu telah dihapus dan dosamu diampuni" (Yesaya 6:6).

Wanita dipanggil berubah dari kemuliaan ke kemuliaan (2 Korintus 3:18). Tugu sifat yang diteladani wanita ialah Aku adalah Aku Yang Kudus. "Kita mesti mengikut contoh kehidupan Kristus dan segala cara-Nya kalau kita ingin dicerahkan dan dibebaskan daripada kegelapan dalam hati kita. Biarlah ini menjadi hal yang terpenting yang kita lakukan untuk menggambarkan kehidupan Yesus Kristus" (*Imitation of Christ*).

"Dia yang paling bersetuju dengan Allah dalam segala hal adalah orang yang paling kudus" (J.C. Ryle).

---

Doa: Biarlah aku menyerupai wajah-Mu yang kudus dan selalu peka akan hadirat-Mu yang agung.

## MARIA MAGDALENA

Renungan: **Lukas 8:1-3**

*Dan juga beberapa orang perempuan yang telah disembuhkan dari roh-roh jahat atau berbagai-bagai penyakit, iaitu dibebaskan dari tujuh roh jahat. —Lukas 8:2*

**K**empat-empat Injil menyebut tentang kehadiran Maria Magdalena sewaktu Tuhan Yesus disalibkan. Alkitab memberitahu kita bahawa, “Setelah Yesus bangkit pagi-pagi pada hari pertama minggu itu, Dia mula-mula menampakkan diri-Nya kepada Maria Magdalena. Daripadanya, Yesus pernah mengusir tujuh setan” (Markus 16:9). Namun, buku “The Da Vinci Code” telah mengambil beberapa legenda gnostik mengenai Maria Magdalena dan menciptakan satu teori konspirasi yang merupakan suatu penghujatan bahawa Maria dan Tuhan Yesus pernah berkahwin dan beranak.

Maria Magdalena pernah hidup dalam seksaan dan kebelengguan iblis. Lukas 8:2 menjelaskan “Tidak lama sesudah itu Yesus berjalan berkeliling dari kota ke kota dan dari desa ke desa memberitahkan Injil Kerajaan Allah. Kedua belas murid-Nya bersama-sama dengan Dia, dan juga beberapa orang perempuan yang telah disembuhkan dari roh-roh jahat atau berbagai-bagai penyakit, iaitu Maria yang disebut Magdalena, yang telah dibebaskan dari tujuh roh jahat” (Lukas 8:1-2).

Kisah indah bagaimana Maria Magdalena terlepas dari cengkaman iblis sungguh menyayat hati wanita.

Cahaya kemenangan telah menembusi kehidupan Maria Magdalena apabila Tuhan Yesus menaiki perahu menyeberangi tasik ke kampungnya. Tujuh setan telah diusir daripada dirinya selama-lamanya. Maria Magdalena yang dipindahkan dari kerajaan gelap menjadi hamba kebenaran. Dia kemudian melayani Tuhan Yesus dengan serombongan wanita yang lain. “Yohana isteri Khuza bendahara Herodes, Susana dan banyak perempuan lain. Perempuan-perempuan ini melayani rombongan ini dengan kekayaan mereka” (Lukas 8:3).

Mengapakah Maria Magdalena begitu setia kepada Tuhan Yesus? Dia tahu Tuhan Yesus telah memindahkan dirinya dari kerajaan gelap ke kerajaan terang dan menjadikan dia pengikut terhormat. Kebengisan askar-askar, tentera dan polis tidak menakutkan hati wanita yang diselamatkan Tuhan Yesus dari kuasa kegelapan. Ancaman lepas ancaman datang bertubi-tubi tetapi tiada yang dapat menggugat pengikut setia seperti Maria Magdalena.

---

Doa: Tuhan Yesus, biarpun malam gelap mencengkam dan kuasa iblis mengaum dari pelbagai sudut, aku tak gentar kerana aku telah diselamatkan dari cengkaman jahat.

## *Merayakan Kasih Allah*

*Aku datang bertemu Engkau,  
dan aku bertenang bersama Engkau  
Aku merasa Engkau sungguh dekat*

*Desiran daun  
Lerengan bukit yang lembut  
Berbisik pengharapan kekal kepada hatiku  
Mentari baru terbit di langit  
Burung-burung yang baru bangun berterbang  
Rerumput yang masih segar dengan embun  
Memberitahu aku bahawa aku baru bertemu Engkau  
Dengan keheningan lembut hari yang baru menyinsing*

*Malam datang maka pagi pun berlalu  
Allah, aku bertemu dengan Engkau lagi  
Aku sujud menyembah di rerumput-Mu yang kudus  
Siapakah yang melihat fajar menyinsing  
Tanpa menghayati sekilas syurga dan Engkau?  
Siapa lagi yang boleh menyingkap tabir siang  
Dan menurun tabir malam dengan lembut kecuali Allah?*

*—Helen Steiner Rice*

## MALAM SUDAH GELAP, PERGI

Renungan: **Yohanes 20**

*Kata Yesus kepadanya: "Janganlah engkau memegang Aku, sebab Aku belum pergi ke Bapa, tetapi pergilah kepada saudara-saudaraKu dan katakanlah kepada mereka, bahawa sekarang Aku akan pergi kepada bapaku dan Bapamu, kepada AllahKu dan Allahmu."*

— Yohanes 20:17

Aku datang ke taman bunga sendiri  
Sewaktu embun menitis bunga ros  
Dan suara yang aku dengar, terngiang di telingaku  
Anak Allah berbisik

Dia bersabda dan nada suara-Nya  
Manis seperti burung menyanyi lembut  
Melodi yang diberikan kepada hatiku  
Masih bergema dalam hatiku

Aku ingin tinggal di taman bersama-Nya  
Walaupun malam menjelang  
Dia menyuruh aku untuk pergi  
Melalui suara sedih  
Suara-Nya memanggil

Dia berjalan bersama aku  
Dia bercakap dengan aku  
Dia beritahu aku milik-Nya  
Sukacita yang kami rasa  
Yang lain tidak akan tahu

Pada tahun 1912, Austin Miles sedang berehat di biliknya, dia membuka Alkitab ke Yohanes 20. "Ketika aku membaca, aku merasa seakan-akan aku wataknya. Aku seakan-akan menjadi seorang saksi yang memerhatikan saat dramatik dalam kehidupan Maria ketika dia berlutut di depan Tuhannya dan berseru Rabboni!"

Maria Magdalena telah datang ke taman awal-awal pagi ketika embun masih membasahi kelopak bunga ros. Ketika Yesus bercakap dengan dia, dia menduga Tuhan Yesus ialah pekebun. Sewaktu suara-Nya yang lembut terngiang pada telinganya, kegembiraan melonjak dalam hatinya lalu dia berlari memberitakan kebangkitan-Nya. Pergilah dan beritakan kebangkitan-Nya kerana malam sudah menjelang.

Doa: Tuhan Yesus, aku ingin memberitakan kepada dunia bahawa Engkau sudah bangkit dan berjalan bersama aku.

## SEKOLAH MINGGU PERTAMA

Renungan: **Markus 9:33-37**

*Barangsiapa menyambut seorang anak seperti ini dalam nama-Ku, ia menyambut Aku. Dan barangsiapa menyambut Aku, bukan Aku yang disambutnya, tetapi Dia yang mengutus Aku. —Markus 9:37*

**H**uru hara mewarnai jalanraya Gloucester pada hari minggu. “Jalan-jalan dipenuhi kanak-kanak malang yang berlepek pada hari Ahad. Kanak-kanak yang tidak ada kegiatan ini bertindak ganas, bermain di jalanraya, serta menghembus maki hamun sehingga penduduk di sana berperasaan mereka bukan lagi di bumi melainkan di neraka,” keluh seorang ibu kepada Robert Raikes.

Robert Raikes juga sering diganggu oleh kanak-kanak ini. Dia pernah berfikir mengunjungi ibu bapa mereka tetapi mereka bukan orang Kristian. Mengundang kanak-kanak ini ke kebaktian gereja juga sulit. “Tidak hairanlah, anak-anak ini akan menjadi banduan, penagih dadah, pencuri mahupun pembunuh kelak,” fikir Raikes.

Raikes mengupah seorang guru untuk mendidik beberapa anak di rumahnya. Kanak-kanak ini sungguh nakal, seorang anak kecil menyimpan seekor luak (musang) yang berwarna abu-abu dalam bajunya lalu melepaskannya dalam kelas. Semua murid melompat seraya berteriak-teriak sehingga kelas menjadi seperti pasar malam.

“Maaflah Encik Raikes, aku tidak larat mengajar kanak-kanak ini. Mereka nakal, berduduk diam pun sulit apalagi belajar,” kata ibu yang lelah dengan gelagak kanak-kanak ini.

Guru kedua yang diupah oleh Raikes yang bernama Puan Critchley lebih bijaksana mengawal kanak-kanak ini. Raikes merotan kanak-kanak nakal dan menghantar mereka pulang serta menasihati agar ibubapa mereka merotan mereka juga. Setelah kelas Puan Critchley menghantar kanak-kanak ini ke gereja untuk beribadah maka Sekolah Minggu pertama dilahirkan di Saint Mary de Crypt. Thomas Stock seorang pendeta Saint John Baptist turut mengusahakan Sekolah Minggu ini.

Wahai wanita, sewaktu kita bertemu anak-anak yang bergelagak samseng, adakah kita seperti Robert Raikes berfikir sejenak, “Apakah yang boleh kita lakukan untuk mengubah nasib mereka?”

Doa: Maha Guru, tolonglah aku merancang sesuatu untuk menolong anak-anak samseng.

## REBUNG YANG SEGAR

Renungan: **Matius 18:12-14**

*Demikian juga Bapamu yang di syurga tidak menghendaki supaya seorang pun daripada anak-anak ini hilang. —Matius 18:14*

Wanita yang dikaruniakan hati yang berbelas kasihan boleh menjadi guru yang hebat. Tak hairanlah seringkali Tuhan Yesus memanggil wanita untuk mengajar di Sekolah Minggu. Mata rohani wanita sering melihat kanak-kanak sebagai domba kecil yang sesat dan perlu dibimbing sejak kecil (Matius 18:12-13). Sebelum iblis menjangkau mereka, biarlah Tuhan Yesus yang memenangi hati mereka melalui belas kasihan kita.

Henry Bosch guru kelas siaran radio berkata, “Kita tidak dapat menyangkal kepentingan membimbing anak kepada Kristus sewaktu mereka masih kecil bagai rebung yang boleh dibentuk. Iblis mencari mangsanya awal dan kanak-kanak kita hanya terselamat daripada perangkapnya kalau mereka dibimbing dengan banyak doa kepada Dia yang bersabda, “Saya adalah jalan” (Yohanes 14:6). Banyak kekecewaan hati dapat dielakkan dan banyak kebaikan dapat dikecapi oleh mereka yang dibimbing dengan Roh ketika hidup mereka masih pada pucuk kesegarannya dan akan bersemi dalam perjanjian-Nya.”

George W. Rideout pernah menulis, “Sewaktu Allah mencipta kanak-kanak, Dia memulakannya awal-awal pagi... Dia menampak domba-domba melonjak dan bermain lalu Dia pun meletakkan naluri bermain dalam hati kanak-kanak. Dia menampak sungai yang jernih dan lembut, Dia pun mencipta gelak tawa kanak-kanak seperti bunyi air yang beriak... Setelah Dia mencipta kanak-kanak, Dia mengutus mereka ke rumah untuk membawa sukacita dalam rumah, gelak tawa di ladang dan di mana sahaja. Dia mengutus mereka ke rumah dan berkata kepada ibu bapa mereka, “Menatang anak-anak ini seperti minyak yang penuh bagi saya.” Lalu Dia mengutus mereka ke gereja dan berkata, “Ajarlah mereka kasih Aku dan juga perintah-perintah Aku.” Kemudian, Dia mengutus mereka kepada negara seraya berkata, “Berbuat baiklah terhadap kanak-kanak. Merekalah khazanah dan pengharapan anda yang terbesar.”

“Sesungguhnya, anak-anak lelaki adalah milik pusaka daripada TUHAN, dan buah kandungan adalah suatu upah,. Seperti anak-anak panah di tangan pahlawan, demikianlah anak-anak pada masa muda” (Mazmur 127:3-4). Anak kecil bagai panah yang boleh memanah jauh bagi Allah kalau dibimbing dengan teliti. Dalam hal mendidik seorang anak dalam iman, ibu bapa harus belajar memanah jauh.

Doa: Tuhan Yesus, aku ingin menyambut anak-anak dan membimbingnya kepada Engkau.

## KONFLIK

Renungan: **Filipi 2 :1-11**

*Jawapan yang lemah lembut meredakan kegeraman,  
tetapi perkataan yang pedas membangkitkan marah.  
— Amsal 15:1*

Bagai terkena tulah, Helena mengelakkan pertemuan sewaktu terjadi konflik dengan kawannya. Setiap kali konflik berlaku, Helena bagai menyapu debu di bawah karpet. Daripada memusingkan kepala, Helena mengambil tindakan mudah namun kawannya Nina akan menyerang masalah itu.

Pertanyaan pertama seharusnya, “Bagaimanakah saya menyelesaikan masalah ini sehingga memuliakan Tuhan?” Pertanyaan kedua ialah, “Apakah saya buta terhadap kesalahan sendiri?” Kalau kita dapat membuktikan siapa yang salah, adakah ini akan memperbaiki perhubungan kita? Kebanyakan orang akan memihak sendiri dan menegakkan kebenaran menurut sudut pandangan sendiri.

Jangan serang keperibadian orang itu atau mencaci ketulusan imannya. Jangan sebut sesuatu yang akan anda menyesal. Lambat bertindak dan menjawab tetapi meluangkan lebih waktu untuk mendengar daripada pihak lain.

Rasul Paulus menasihati, “Dan janganlah tiap-tiap orang hanya memperhatikan kepentingannya sendiri, tetapi kepentingan orang lain juga. Hendaklah kamu dalam hidupmu bersama, menaruh fikiran dan perasaan yang terdapat juga dalam Kristus Yesus, yang walaupun dalam rupa Allah, tidak menganggap kesetaraan dengan Allah itu sebagai milik yang harus dipertahankan, melainkan telah mengosongkan diri-Nya sendiri, dan mengambil rupa seorang hamba dan menjadi sama dengan manusia” (Filipi 2:4-7).

Acapkali kita bagai cangkir yang penuh dengan keangkuhan, keinginan, sikap mementingkan diri dan dendam. Rasul Paulus menasihati kita untuk mengosongkan cangkir kita dan mengambil sikap yang rendah hati.

“Anugerah Allah percuma tetapi sekali anda menerimanya anda terikat kepada Pemberinya selama-lamanya, dan terikat untuk menyelami jiwa Pemberinya. Suka akan menghasilkan suka, anugerah pula akan menghasilkan seseorang yang penuh rahmat. Pemberi anugerah membuat anda memberi anugerah” (E. Stanley Jones). Biar anugerah Allah mengalir dalam jiwa kita pada saat ini khusus sewaktu mengikut teladan-Nya.

Doa: Tuhan Yesus, ajarlah aku mengosongkan diri dan selalu berbelas kasihan dan penuh dengan pengampunan.

## SALOME

Renungan: **Matius 20:20-28**

*Kata Yesus: "Apa yang kaukehendaki?" Jawabnya: "Berilah perintah, supaya kedua anakku itu boleh duduk kelak di dalam Kerajaan-Mu, yang seorang di sebelah kanan-Mu dan yang seorang lagi di sebelah kiri-Mu. —Matius 20:21*

Salome mengenangi saat Tuhan Yesus memanggil kedua-dua anak lelakinya untuk mengikut-Nya. Bagaimana pula anak-anaknya yang mempunyai pembawaan kasar dapat diundang menjadi pengikut Maha Guru? Setelah bertahun-tahun menjadi nelayan yang terdedah kepada angin dan ombak, kini mereka mengikut Maha Guru menjadi penjala manusia. Impian ibu ini meninggi ke awam bagi masa depan kedua-dua anaknya. Dia ingin Tuhan Yesus memberi kedua-dua anaknya pangkat istimewa dalam kerajaan Allah.

Dia baru terdengar bagaimana Simon Petrus, dan kedua-dua anaknya, Yakobus dan Yohanes telah mendaki gunung dan mengisahkan bagaimana muka Tuhan Yesus memancar kemuliaan. Pada saat yang istimewa ini, Musa dan Elia turun dari syurga dan berdiri di kiri kanan Tuhan Yesus. Mereka juga mendengar suara dari langit yang mengatakan bahawa Tuhan Yesus ialah Anak yang dikasihi dan mereka perlu mendengar kepada-Nya.

Ibu ini ingin kedua-dua anaknya memperoleh kedudukan penting dalam Kerajaan-Nya (Matius 20:21). "...Berilah perintah, supaya kedua anakku ini boleh duduk kelak di dalam kerajaan-Mu, yang seorang di sebelah kanan-Mu dan yang seorang lagi di sebelah kiri-Mu" (Matius 10:21b). Ibu ini tidak tahu apa maksud permintaannya. Tuhan Yesus berkata, "Dapatkah kamu meminum cawan yang harus Kuminum?" Tuhan Yesus akan segera disalibkan, adakah mereka mahu disalibkan di kiri dan di kanan Juruselamat? Mereka segera menjawab "kami dapat" kerana mereka mungkin mentafsir cawan itu bagai cawan emas.

Jalan Tuhan Yesus berlainan daripada impian manusiawi. Barangsiapa ingin menjadi besar di antara mereka, hendaklah dia menjadi pelayan terlebih dahulu (Matius 20:26). Barangsiapa yang ingin menjadi terkemuka di antara kamu, hendaklah dia menjadi hamba (Matius 20:27). Yang sepatutnya mencelikkan mata mereka ialah, "sama seperti Anak Manusia yang datang bukan untuk dilayani, melainkan untuk melayani dan untuk memberi nyawa-Nya menjadi tebusan bagi banyak orang" (Matius 20:28).

Wahai wanita, mohonlah kepada Allah agar anak anda menjadi pengikut tulus yang rela memikul kayu salib dan bukan diberikan pangkat istimewa.

Doa: Tuhan Yesusku, berilah anakku kerendahan hati  
untuk berjalan bersama-Mu.

## JANGAN MENINJAK-INJAK ORANG MISKIN

Renungan: **Amos 2:6-8**

*Kerana tiga perbuatan jahat Israel, bahkan empat, Aku tidak akan menarik kembali keputusan-Ku: Oleh kerana mereka menjual orang benar kerana wang dan orang miskin kerana sepasang kasut.*

—Amos 2:6

**W**ajahnya dalam kolam tersenyum tenang  
Encik Dawat menghirup udara nyaman  
Sesekali ikan-ikan haruan lompat mesra  
Puan Dawat meniti pagi yang penuh kebeningan  
Irama merdu burung-burung menghibur mereka

Cuaca di kampung mulai berubah sejak pembalakan dilakukan sekalipun hutan itu khazanah yang ditinggalkan nenek moyangnya. Setelah setahun, Encik Dawat keluar suatu pagi-pagi subuh untuk menatap wajahnya di kolam...

Wajahnya tidak timbul-timbul dalam kolam  
Terbatuk-batuk dia apabila menghirup udara  
Ikan haruan tidak berdaya mengucap selamat pagi  
Pagi ini Puan Dawat menyeret langkahnya  
Kicauan burung entah hilang ke mana

“Ini hanya setahun, semua ikanku dah setengah mati, apakah yang akan terjadi setelah lima tahun mereka membalak di sini?” Kini, burung-burung, tupai-tupai, dan monyet tidak lagi berminat tinggal sekampung dengan mereka kerana yang ada hanya tanah runtuh.

Pedagang kaya pada zaman Amos dihukum berat kerana merampas hak orang miskin. Sewaktu orang miskin meminjam wang, baju hangat mereka dijadikan gadaian (Ulangan 24:12). Walaupun baju hangat ini dijadikan gadaian, ia harus dipulangkan pada waktu malam kerana orang miskin akan menggigil dalam kedinginan. Sungguh kejam, pedagang yang tamak ini telah menjualnya untuk membeli arak bagi kenikmatan sendiri (Amos 2:6-7).

Bolehkah anda mendengar deruan air terjun Niagara, itulah seruan bukan hanya daripada hati yang tertindih tetapi juga Allah Maha Adil selama ini. “Tetapi biarlah keadilan bergulung-gulung seperti air dan kebenaran seperti sungai yang selalu mengalir” (Amos 5:24).

Doa: Allah yang Maha Adil, biarlah keadilan-Mu mengalir  
di tengah-tengah kami.

## SAAT YANG DINANTIKAN

Renungan: **Wahyu 19:1-10**

*Marilah kita bersukacita dan bersorak-sorai, dan memuliakan Dia!  
Kerana hari perkahwinan Anak Domba telah tiba,  
dan pengantin-Nya telah siap sedia.  
—Wahyu 19:7*

Lestari tahu Elisa akan merayu di telapak kaki ibunya untuk meminta izin mengahwini dirinya apalagi mereka sudah lama berdoa akan hal ini. Lestari tahu keluarganya kaya dan Elisa pula berasal daripada keluarga miskin. Bapanya penjual pucuk parkis.

Elisa tahu Lestari telah menerima apa yang seadanya pada dirinya asal dia bertumbuh dalam iman dan rajin berusaha dalam kerjayanya. Setelah sepuluh tahun, ibu bapa Lestari tahu mereka tidak dapat menyekat pilihan anak mereka. Mereka berkahwin di taman bunga sebuah hotel yang indah; banyak kawan menitis airmata.

Bagaimana pula dengan gambaran perkahwinan Anak Domba?

Perkahwinan Anak Domba akan tiba dan pengantin-Nya mesti bersiap sedia. Perhubungan Tuhan Yesus dengan gereja yang ditebus-Nya bagi pengantin lelaki dan pengantin perempuan yang digambarkan dalam Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru. "Aku akan menjadikan engkau isteri-Ku untuk selama-lamanya dan Aku akan menjadikan engkau isteri-Ku dalam keadilan dan kebenaran, dalam kasih setia dan kasih sayang" (Hosea 2:19-21).

Gereja menunggu saat kemuliaan, saat kehadiran Anak Domba-perkahwinan-Nya dengan gereja, pengantin-Nya. Walaupun di dunia ini mereka menghadapi rintangan dan penganiayaan, kerinduan bersama Anak Domba tidak terpadam. Sewaktu menantikan hari Perkahwinan Anak Domba, pengantin-Nya akan selalu menjamin pelita mereka terisi minyak dan tidak malap. "Waktu tengah malam terdengarlah suara orang berseru: Mempelai datang! Songsonglah dia!" (Matius 25:5).

Jemaah Tuhan yang hidup dalam kesucian akan dikurniakan kain linen halus yang putih bersih. Warna yang putih dan bersih ini melambangkan perbuatan benar daripada orang kudus. "Dan kepadanya dikaruniakan supaya memakai kain linen halus yang berkilau-kilauan dan yang putih bersih!" (Wahyu 19:8). Gereja menantikan hari kehadiran-Nya dalam kemuliaan dengan sabar kerana saat perkahwinan gereja dengan Domba Allah datang dalam sorak kemenangan. Penganiayaan hanya sementara tetapi perkahwinan Anak Domba Allah selama-lamanya.

---

Doa: Allah Maha Kasih, jangan biarkan aku mengantuk kerana perkahwinan Anak Domba Allah segera menyusul.

## SIFRA DAN PUA

Renungan: **Keluaran 1:15-21**

*Tetapi bidan-bidan itu takut akan Allah dan tidak melakukan seperti yang dikatakan raja Mesir kepada mereka, dan membiarkan bayi-bayi itu hidup.*

—Keluaran 1:15

Sifra dan Pua hanya takut akan Allah. Biarpun Raja Mesir mempunyai ketenteraan besar, ini tidak menggentarkan mereka. Bidan-bidan lain menggigil lantas cepat-cepat membunuh bayi-bayi orang Ibrani apabila mereka menerima perintah daripada Raja. Kedua-dua bidan ini berlainan sikap, mereka tidak menurut rancangan kejam untuk membunuh bayi-bayi Ibrani. Membunuh melanggar Sepuluh Hukum biarpun itu sekadar meninggalkan bayi di atas daun keladi.

Sifra dan Pua tidak mementingkan keselamatan sendiri kerana mereka hanya takut akan Allah yang Maha Kuasa bukan autoriti kejam masa itu.

Sewaktu ditanya, mereka hanya menjawab, “Sebab perempuan Ibrani tidak sama dengan perempuan Mesir; melainkan mereka kuat; sebelum bidan datang, mereka telah bersalin” (Keluaran 1:19). Mereka tidak terlalu khuatir tentang bagaimana mereka akan menjawab Raja Mesir. Jika perintah raja berlanggaran perintah TUHAN, yang diturut mereka hanya TUHAN.

Tuhan Yesus pernah menasihati para murid-Nya, “Dan jika kamu digiring dan diserahkan, janganlah kamu khuatir akan apa yang harus kamu katakan, tetapi katakanlah apa yang dikurniakan kepadamu pada saat itu juga, sebab bukan kamu yang berkata-kata, melainkan Roh Kudus” (Markus 13:11). Roh Kudus akan memberi kita kebijaksanaan pada saat kita kehabisan akal.

Mereka memuliakan Allah, kekejaman tidak pernah muncul dalam kepakaran mereka. Penghukuman Raja Mesir atau ganjarannya tidak pernah menggoyahkan pendirian mereka. Kasih mereka terhadap bayi-bayi Ibrani telah diambil perhatian oleh Tuhan. Tuhan memberkati kehidupan mereka sehingga mereka berumahtangga” (Keluaran 1:20-21).

Sifra dan Pua tahu bahawa merenggut nyawa bayi itu melanggar perintah Allah kerana Dialah Pencipta manusia. Biarpun kuasa yang tinggi dalam negara ingin merampas nyawa, mereka tidak akan menjadi alat keji. Membiarkan bayi di longkang mungkin tidak diketahui sesiapa pun tetapi di manakah rasa takut akan Allah?

---

Doa: Bapa Syurgawi, aku ingin memuliakan Engkau dalam segala urusan hidup dan tidak takut akan manusia.

## CINTA TIDAK BUTA

Renungan: **1 Samuel 16:7**

*Janganlah kamu merupakan pasangan yang tidak seimbang dengan orang-orang yang tidak percaya. Sebab persamaan apakah terdapat antara kebenaran dan kedurhakaan? Atau bagaimanakah terang dapat bersatu dengan gelap?*

—2 Korintus 6:14

"**J**rama cinta ini tidak boleh dilanjutkan sekalipun cintanya boleh menerbangkan aku menyanyi bersama bintang-bintang. Jatuh cinta seribu indahnya tetapi..." bisik Melissa. Walaupun dia bertampil ceria dengan blaus hijau segar, hatinya bergelora seperti ombak.

Selama ini, Melissa ingin memutuskan perhubungannya dengan Kadir yang kacau. Rupanya yang menawan hati menyebabkan Melissa tidak sampai hati melepaskan jejak ini. Sekalipun Kadir sepandai dirinya di Universiti Malaya, Melissa tahu ini bukan kehendak Tuhan kerana mereka tidak sehaluan iman.

Melissa mengasihi Tuhan Yesus sebagai Juruselamat hidup tetapi Kadir tidak percaya Tuhan Yesus pernah mati di kayu salib. Bagi Melissa, Tuhan Yesus Raja atas segala raja dan Mesias tetapi bagi Kadir, Tuhan Yesus hanya nabi. Tuhan Yesus berfirman kepada Melissa, "Janganlah pandang parasnya atau perawakan yang tinggi, sebab Aku telah menolaknya. Bukan yang dilihat manusia yang dilihat Allah; manusia melihat apa yang di depan mata, tetapi TUHAN melihat hati" (1 Samuel 16:7).

Melissa menghela nafas panjang kerana teman-teman gerejanya sudah lama memukul gong agar dia terbangun dari lamunan cintanya. Pastor David Ukong banyak memberi kaunseling kepada domba yang tersangkut dalam belukar cinta ini, dan Bong Annie sudah sering berlutut dalam doa baginya.

Jiwa Melissa semakin tertekan kerana keluarga Kadir akan menghantar hantaran bulan depan. Bunyi kompang sudah terhinggap pada cuping telinganya. Adakah aksesori Paloma Picasso dari Tiffany, cincin 20 carat daripada ametis, dan cek dapat menyempurnakan kehidupan Melissa?

Melissa berbisik lagi, "Tentu Tuhan Yesus ingin saya tidak menurut keinginan sendiri." Saat itu Kekasih Ilahi bersabda cemburu, "Seperti Bapa telah mengasihi Aku, demikianlah juga Aku telah mengasihi kamu; tinggallah di dalam kasih-Ku itu" (Yohanes 15:9). Airmata merembes dari mata Melissa kerana dia tahu dia tidak mungkin ada kekasih lain selain Tuhan Yesus.

Doa: Tuhan Yesus, aku berdoa Engkau akan membimbing setiap langkahku khususnya dalam pemilihan pasangan hidupku.

## NAMA ANDA DI TELAPAK-NYA

Renungan: **Yesaya 49:8-18**

*Lihat, Aku telah melukiskan engkau di telapak tangan-Ku;  
tembok-tembokmu tetap di ruang mata-Ku.*

— Yesaya 49:16

Ketika anda berseru, “Kenapa Engkau melupakan aku?” Tuhan menjawab, “Lihat, Aku telah melukiskan engkau di telapak tangan-Ku...” (Yesaya 49:16a). Kasih Tuhan terhadap kita tidak terluput sesaat pun kerana nama kita terukir di telapak tangan-Nya. Perlindungan dan kasih-Nya bagai seorang ibu terhadap anaknya. “Seperti seseorang yang dihibur ibunya, demikianlah Aku ini akan menghibur kamu... (Yesaya 66:13a).

Nabi Yesaya bernubuat tentang suatu masa yang akan datang di mana tembok kota kesayangan Yerusalem diroboh. Kenapa pada saat tembok sudah tiada, Tuhan tetap berkata, “...tembok-tembokmu tetap di ruang mata-Ku?” (Yesaya 49:16). Penghukuman tidak menghilangkan kasih sayang dan jaminan daripada Allah. Allah bagai ibu bersabda, “Anak kesayangankah gerangan Efraim bagi-Ku atau anak kesukaan? Sebab setiap kali Aku menghardik dia, tak putus-putusnya Aku terkenang kepadanya, sebab itu hati-Ku terharu terhadap dia; tak dapat tidak Aku tidak Aku menyayanginya, demikianlah firman TUHAN” (Yeremia 31:20).

Dalam Alkitab Bahasa Inggeris nama umat Tuhan dikatakan “diukirkan” pada telapak tangan-Nya (Yesaya 49:16). Apabila jiwa anda merasa terdedah kepada ancaman perjalanan berliku-liku, anda selamat dalam telapak tangan-Nya kerana kasih sayang-Nya panjang sepanjang masa.

Fajar akan menyinsing dalam hidupmu dan hujan pagi akan membuat rumputmu berkilauan dengan indah. “Dia bersinar seperti fajar pada waktu pagi, pagi yang tidak berawan, yang sesudah hujan membuat berkilauan rumput muda di tanah” (2 Samuel 23:4). Sesudah hujan segala dalam kehidupan akan berkilauan dalam kesegaran yang diredai-Nya.

Tuhan yang Maha Kasih  
Kini aku berseru dengan mulutku  
Biar bibirku menyanyi pujian  
Kerana namaku selalu terukir di Tangan-Mu  
Biarpun ancaman ngeri mengejarku  
Aku tidak mengalah dalam penderitaan  
Engkau Juruselamat yang hidup

Doa: Allah Maha Kasih, namaku terukir di telapak tangan-Mu,  
setiap saat Engkau bersama aku.

## CEREK PANAS

Renungan: **Efesus 6:1-4**

*Dan kamu bapa-bapa, janganlah bangkitkan amarah di dalam hati anak-anakmu, tetapi didiklah mereka di dalam ajaran dan nasihat Tuhan.*

—Efesus 6:4

Perkataan Sadhu Sundar Singh penginjil India muncul dalam ingatan Belinda ketika dia berperang mulut dengan anak remajanya. “Kesabaran Allah tidak terbatas berbanding manusia seperti cerek kecil yang cepat merebus atas kemarahan terkecil pun. Kalau Allah begitu cepat marah, dunia ini akan menjadi timbunan reruntuhan hangusan sejak zaman dahulu.”

Suatu hari, anaknya berteriak, “Jangan kau menghina kawan-kawanku!”

Seperti angin puting beliung, pintunya dihempaskan lalu dia masuk ke dalam biliknya untuk bermain komputer. Belinda menahan nafasnya dan tidak melepaskan bunyi cereknya. Kalau pada hari-hari biasa, cereknya sudah pun memuncung mulutnya dan menghembuskan kata-kata kejam. Anak remajanya akan bercakaran seperti kucing liar dengan kucing induk yang panas baran.

Setelah membersihkan dapur, Belinda masuk ke biliknya, dia berdoa kepada Allah Bapa dan mengucapkan syukur atas segala kesabaran yang telah diberi-Nya pada hari ini.

“Allahku, tolong aku memahami hati anakku yang semakin rumit. Tolonglah aku agar aku peka dan tidak melukai perasaannya. Aku akan berusaha menghormati kawan-kawannya dan bersikap ramah terhadap mereka walaupun aku tidak menyukai tutur kata dan gerak geri mereka. Allah biarlah sinar kasihku terpancar kepada anak remajaku dan kawan-kawannya. Biarlah aku panjang sabar dan tunjukkan kasih-Mu kerana aku juga pernah menjadi anak remaja yang belum sempurna. Biarlah aku menghargai kehadirannya dan memahami perubahan dalam dirinya,” doa Belinda.

Sejak cerek Belinda tidak menghembuskan kata-kata panas baran, secara ajaibnya, dia memperhatikan bahawa Sam mulai berkomunikasi dengannya. Allah mulai bekerja dalam hati Sam sehingga dia lebih mengasihinya. Ibunya juga menghargai waktu bersembang-sembang dengan anaknya. Belinda mengiringi setiap harinya dengan doa agar Allah mencurahkan belas kasihan dan kesabaran kepada anak remajanya dan dirinya.

---

Doa: Bapa Penyayang, aku memohon agar Engkau menolong diriku membimbing anak remajaku untuk lebih mengasihinya Engkau.

## YANG TERSELINDUNG

Renungan: **Matius 5: 21-32**

*Tetapi Aku berkata kepadamu: Setiap orang yang marah terhadap saudaranya harus dihukum; siapa yang berkata kepada saudaranya: Kafir! Harus dihadapkan ke Mahkamah Agama dan siapa yang berkata: Jahil! Harus diserahkan ke dalam neraka yang menyala-nyala.*  
—Matius 5:22

Bagi Tuhan Yesus, penerapan firman Tuhan harus meresap dalam batin bukan hanya kepatuhan secara luaran sahaja. Jangan membunuh bukan sahaja bererti jangan menyebabkan kematian seseorang tetapi pembunuhan yang terselindung dalam hati! Tuhan Yesus memberi amaran terhadap pembunuhan jenis ini. Kemarahan terhadap seseorang yang mencetuskan perkataan “pergi mampus” atau “bodoh kau” pada bibir kita bersifat membunuh. Perkataan bodoh sebenarnya perkataan yang membunuh keperibadian seseorang kerana kita berkata otaknya tidak berguna sama sekali.

Tuhan Yesus melihat akar segala pembunuhan ialah kebencian dalam hati manusia. Kita dinasihati bukan hanya untuk berhati-hati dengan pembunuhan yang terselindung ini. Kepekaan terhadap orang yang tidak sedap hati terhadap kita penting juga. Sebelum kita membuat persembahan kepada Allah, Tuhan Yesus menasihati kita agar berdamai dengan orang itu. “Tinggalkanlah persembahanmu di depan mazbah itu dan pergilah berdamai dahulu dengan saudaramu, lalu kembali untuk mempersembahkan persembahan itu” (Matius 5:24).

Dalam hukum ketujuh, jangan berzina menurut Tuhan Yesus termasuk dalam fikiran juga. Memasang filem lucuh di wayang kulit minda kita, namanya juga perzinaan. “Tetapi aku berkata kepadamu: Setiap orang yang memandang perempuan serta menginginkannya, sudah berzina dengan dia di dalam hatinya” (Matius 5: 28). Tuhan Yesus berkata kalau mata kita berdosa, korekkannya; jika tangan kita berdosa, potongkannya; dan jika kakimu berdosa, potongnya juga. Akhirnya, cacat semuakah? Yang dimaksudkan oleh Tuhan Yesus, segala kejahatan yang terselindung haruslah disingkirkan. Langkah yang utama ialah camkannya dan cabutkan perzinaan yang terselindung kerana ia akan membuahkan perzinaan nyata.

Tuhan Yesus ingin kita mengetahui bahawa sumber dosa yang sebenarnya tidak merayap-rayap di permukaan bumi tetapi melayang-layang dalam hati kita. Segala yang terselindung mesti disingkirkan kalau kita ingin melepaskan diri dari Gerhana iaitu neraka.

Doa: Selidiki hatiku, ya Tuhan, ujilah dan sucikan aku sehingga aku hidup berkenan kepada-Mu setiap saat.

## DIRENDAM DALAM DOA

Renungan: **1 Samuel 1:9-28**

*dan dengan hati pedih dia berdoa kepada TUHAN  
sambil menangis tersedu-sedu. —1 Samuel 1:10*

**M**erendam diri dalam doa menjadi keunggulan wanita rohani. Mereka tidak hanya berkhotbah tentang doa mahupun bersaksi mengenai doa tetapi mereka berdoa. Pahlwan doa ini berusaha mencari waktu menggugurkan aktiviti tidak penting demi saat doa. Suasana hati yang tidak sedap tidak dijadikan alasan tidak berdoa baginya.

Justru pada saat ini, usaha doa ditingkatkannya. Ketika Hana sakit hati dengan Penina, dia berpaling kepada Tuhan dan memohon dikaruniakan bayi. Pada suatu kali ketika mereka sedang makan, Hana bangkit dan pergi berdoa di bait suci TUHAN (1 Samuel 1:9). Hana menyedari hadirat-Nya terbuka kepadanya bila-bila sahaja. Hana memahami bahawa Allah hanya satu-satunya yang memahami kepedihan hatinya. Segala beban hatinya dicurahkan kepada Allah sekalipun fikirannya kusut.

Suaminya menduga dia kemabukan kerana bibirnya mengatup terus namun dia tiada bersuara. Tanpa diketahui suaminya, Hana sedang memohon mukjizat bagi mereka. “Tuhan semesta alam, jika sungguh-sungguh Engkau memperhatikan sengsara hamba-Mu ini dan mengingat kepadaku dan tidak melupakan hamba-Mu ini, tetapi memberikan kepada hamba-Mu ini seorang anak laki-laki, maka aku memberikan dia kepada Tuhan untuk seumur hidupnya dan pisau cukur tidak akan menyentuh kepalanya” (1 Samuel 1:11).

Doa Hana memberkati keluarganya dengan cahaya mata yang dinamakan Samuel. Sesungguhnya wanita ini tahu mencari belas kasihan daripada Tuhan. “Biarlah hambamu ini mendapat belas kasihan daripadamu” (1 Samuel 1:18). Doanya telah mendatangkan mukjizat bukan hanya kepada keluarganya tetapi negaranya juga. Samuel telah mendengar panggilan Allah sejak kecil. “Dan Samuel semakin besar dan TUHAN menyertai dia dan tidak ada satu pun dari firman-Nya itu yang dibiarkan-Nya gugur” (1 Samuel 3:19).

Andrew Murray berkata, “Berdoa dengan tidak berhenti-henti memberi kita suatu hidup yang diselubungi sukacita syurgawi. Jadi Rasul Paulus berkata “Bersukacitalah senantiasa. Tetaplah berdoa. Mengucap syukurlah...” (1 Tesalonika 5:16-18). Sukacita yang tidak berhenti dan ucapkan syukur yang berterusan serta doa yang terus menerus, melahirkan pernyataan kuasa kehidupan kekal; demikianlah Yesus selalu berdoa.”

Doa: Allahku, satukan rohku dengan Roh-Mu dalam doa dan sirami aku dengan kehadiran-Mu setiap saat.

## DIA BERSENDIRI

Renungan: **Matius 26:36-36; Lukas 22:39-46**

*Lalu kata-Nya kepada mereka: "Hati-Ku sangat sedih, seperti mahu mati rasanya. Tinggallah di sini dan berjaga-jagalalah dengan Aku."*

—Matius 26:36-46

**L**apan murid-Nya ditinggalkan di pintu masuk Taman Getsemani, dan tiga murid lain dibawa masuk ke tempat yang lebih dalam. Tiga murid yang bersekutu intim bersama-Nya diharapkan dapat bersekutu dalam cawan penderitaan-Nya. Namun, di sini Tuhan Yesus sendiri berlutut dalam doa kepada Bapa-Nya. Saat ini Tuhan Yesus mengalami kedahsyatan dosa manusia yang perlu ditebus dengan nyawa-Nya yang tidak berdosa.

Betapa pun sulit saat ini, Dia tetap bersepadu dengan kehendak Bapa-Nya. Saat untuk menyiapkan jiwa-Nya bagi misi kayu salib dipenuhi dengan doa dan tangisan kepada Bapa-Nya.

Keheningan

Jiwa-Nya mengharapkan simpati  
Namun murid-murid-Nya tertidur  
Saat seksaan sembilu jiwa melandai  
Dia bersendirian

Segera

Dia akan menebus dosa manusia  
Dia akan mengalahkan kuasa maut  
Saat seksaan ngeri segera datang  
Dia bersendirian

Kengerian

Dia diuji dengan cawan penderitaan  
Kesengsaraan saat ini tiada terselami  
Peluhnya bagai darah  
Dia bersendirian

"Yesus, Anak Allah ialah Manusia yang penuh dengan doa. Dia tahu satu taman rahsia bagi jiwa-Nya iaitu Taman Getsemani yang berdekatan sungai Kedron. Di taman rahsia ini, dia selalu menarik diri daripada orang ramai kerana bagi Dia, doa sungguh nyata, penting dan pengalaman alamiah untuk mencari kehendak Allah dan menyatukan kehendak-Nya dengan Bapa Syurgawi" (Cynthia Pearl Maus).

Doa: Bapa Syurgawi, aku ingin seiring dengan nada-Mu dan bersepadu dengan kehendak-Mu pada saat kesengsaraan.

## DIHINA DAN DIHINDARI

Renungan: **Yesaya 53**

*Dia dihina dan dihindari orang seorang yang penuh kesengsaraan dan yang biasa menderita kesakitan; ia sangat dihina, sehingga orang menutup mukanya terhadap dia dan bagi kita pun dia tidak masuk hitungan. — Yesaya 53:3*

**K**ristus berjalan ke pasar yang hiruk pikuk  
Menatap setiap wajah dengan lemah lembut  
Kaki-Nya berdarah

Dia berjalan ke tempat di mana orang bertemu  
Mereka menghindari dan menghina Dia  
Dan dalam hati mereka berseru  
"Salibkan Dia!"

Kristus berjalan ke hospital yang bersuasana sedih  
Dia ingin menghapuskan setiap airmata  
Kaki-Nya berdarah  
Dia berjalan ke tempat di mana orang bertemu  
Mereka menghindari dan menghina Dia  
Dan dalam hati mereka berseru  
"Salibkan!"

Kristus berjalan di pejabat yang sibuk  
Melihat dosa mereka yang terlalu jijik  
Kaki-Nya berdarah  
Dia berjalan ke tempat di mana orang bertemu  
Mereka menghina dan menghindari Dia  
Dan dalam hati mereka berseru,  
"Salibkan!"

Kristus berjalan di merata tempat  
Dengan wajah-Nya yang penuh perhatian  
Tetapi manusia melayang mata mereka  
Jauh ke sana melampaui langit  
Tanpa menyadari berdekatan dengan mereka berdiri  
Kristus Tuhan, dengan tangan terpaku  
Kaki-Nya berdarah

Segala yang dnubuatkan oleh nabi Yesaya tergenap pada zaman Tuhan Yesus berjalan di dunia di Galilee. Dia berjalan di kota kita, adakah kita menghindari-Nya?

Doa: Tuhan Yesus, aku ingin memahkotai Engkau dalam hatiku dan menghargai pengorbanan-Mu di kayu salib.

## RATU SYEBA

Renungan: **1 Raja-Raja 10:1-10, 13; Matius 12:38-42**

*Pada waktu penghakiman, ratu dari Selatan itu akan bangkit bersama angkatan itu dan ia akan menghukumnya juga. Sebab ratu itu datang dari ujung bumi untuk mendengar hikmat Salomo, dan sesungguhnya yang ada di sini lebih daripada Salomo!*

—Matius 12:38-42

Pada suatu pagi semua burung diperintah menghadap raja Salomo. Semua burung hadir kecuali burung Lapwing. Ketika dipersoalkan ketaatannya, burung kecil ini berkata ia baru bersama dengan Ratu Syeba yang ingin mengunjungi Raja Salomo. Raja Salomo segera membuat persiapan untuk menyambut lawatan ini. Ini cerita dongeng yang manis didengar namun kunjungan Ratu Syeba benar-benar pernah terjadi.

Angin gurun panas tidak dapat memadamkan semangat belajar Ratu Syeba daripada Raja Salomo. Dengan unta-untanya yang membekali rempah-ratus, emas dan batu permata, Ratu Syeba memulakan perjalanan ke Yerusalem. Cabaran yang perlu ditempuhnya berbaloi dengan pengetahuan yang diperolehnya (1 Raja-Raja 10:20). Ratu Syeba yang memuja dewa angin, dewa batu, dan dewa cinta, tetapi tidak pernah mengalami kemanisan Allah.

Raja Salomo menunjukkan cara pengampunan dosa dilakukan atas korban bakaran sehingga Ratu Syeba tercengang. “Ketika ratu Syeba melihat segala hikmat Salomo dan rumah yang didirikannya, makanan di mejanya, cara duduk pegawai-pegawainya, cara pelayan-pelayan melayani dan berpakaian, minumannya dan korban bakaran yang biasa dipersembhkannya di rumah TUHAN...maka tercenganglah ratu itu” (1 Raja-Raja 10:4-5).

Ratu Syeba terharu sehingga dia berseru, “Terpujilah TUHAN, Allahmu, yang telah berkenan kepadamu sedemikian hingga mendahulukan engkau di atas takhta kerajaan Israel! Kerana Allah mengasihi orang Israel untuk selama-lamanya, maka Dia telah mengangkat engkau menjadi raja untuk melakukan keadilan dan kebenaran” (1 Raja-Raja 10:9). Misi mencari kebenaran telah mencelikkan mata rohaninya.

Kerinduan Ratu Syeba berbeza dengan ahli-ahli Taurat; mereka hanya meminta Tuhan Yesus menyatakan tanda baru lalu menolaknya. Tuhan Yesus berkata kepada mereka, “Pada waktu penghakiman, ratu dari Selatan itu akan bangkit bersama angkatan ini dan dia akan menghukumnya juga. Sebab ratu ini datang dari ujung bumi untuk mendengar hikmat Salomo, dan sesungguhnya yang ada di sini lebih daripada Salomo!” (Matius 12:42).

Doa: Bapa Syurgawi, aku rindu merentasi semua kesulitan demi mengenal Allahku yang penuh dengan kekayaan kebenaran.

## ANNA MEMELUK KEHADIRAN TUHAN

Renungan: **Lukas 2:36-38**

*...dan sekarang dia janda dan berumur lapan puluh empat tahun.  
Dia tidak pernah meninggalkan Bait Allah dan siang malam beribadah  
dengan berpuasa dan berdoa.  
—Lukas 2:37*

Seorang penulis Eugenia Price pernah berkata, “Kekecaian hati Anna mendorong dia lebih mendekati Tuhan. Kita yang menghadapi tragedi apapun khususnya kita yang menjadi janda, akan mengetahui bahawa tidak ada yang dapat menyembuhkan luka-luka kita selain daripada bersama Tuhan.”

Anna hidup manis bersama suaminya selama tujuh tahun tetapi setelah itu suaminya meninggal dunia. Bagaimanakah janda muda ini menjalani kehidupannya? Dia hidup sehingga lapan puluh empat tahun tanpa suami yang dikasihinya. Anna boleh memberitahu Tuhan, “Tuhan, ambillah nyawaku, apa erti hidup ini tanpa suami yang kucintai?” Tetapi, Anna memeluk kehadiran Allah yang sepenuhnya setelah suaminya meninggal dunia.

Ibadahnya menguatkan iman orang lain, dia selalu mengajar tentang penebusan yang akan dialami oleh umat Tuhan. Keakrabannya dengan Tuhan jelas terpancar daripada jiwa ini; siang dan malam dia berada di bait suci Tuhan dalam doa dan puasa. Dalam sanubarinya mengalir kehidupan rohani se segar bayu. Anna bernubuat bahawa saat itu Mesias sudah berada di ambang pintu.

Anna dan Simeon yang lanjut usia telah diberikan kesempatan oleh Tuhan untuk bersua dengan Mesias. “Lalu Simeon memberkati mereka dan berkata kepada Maria, ibu Anak itu: “Sesungguhnya Anak ini ditentukan untuk menjatuhkan atau membangkitkan banyak orang di Israel dan untuk menjadi suatu tanda yang menimbulkan perbantahan” (Lukas 2:34). Anna menyampaikan berita baik ini di Yerusalem dan menghibur umat Tuhan.

Kesegaran rohani Goh Kim Guat, wanita soleh Methodist, memperbaharuinya untuk menulis bagi kerajaan Allah sekalipun suaminya telah pergi ke istana Allah Bapa. Juga, Kim Guat tidak tersungkur dalam kehampaan oleh kerana anaknya juga mendahuluinya ke Allah Bapa. Dengan rajin, dia menulis sejarah gereja sehingga gereja dapat memahami sejarah gereja dengan mudah. Wahai wanita, kesetiaan anda beribadah dan terus melayani akan membahagiakan kehidupan anda biarpun suami anda mendahului anda ke rumah Allah Bapa.

Doa: Tuhan Yesus, aku rindu akan ibadah murni; biar ibadahku membawa pengharapan tentang pelepasan dalam Kristus kepada banyak orang.

## DATIN POTIFAR

Renungan: **Kejadian 39:1-20**

*Kerana inilah kehendak Allah: pengudusanmu iaitu  
supaya kamu menjauhi percabulan.*

*—1 Tesalonika 4:3*

Isteri Potifar yang memiliki segala-galanya sepatutnya bangga digelar Datin Potifar. Kekayaan, keselesaan, dan autoriti sebagai puan dalam rumah Potifar tidak mencegah hatinya dari melirik mata kepada pemuda lain. Jiwanya tetap cetek dan kekayaan rohaninya kering kontang. Dia ingin mengaut jejak kakak, matanya suka sekalipun itu bukan haknya. Yusuf yang kakak menjadi idamannya. Apabila cintanya tidak berputik, dia menuduh Yusuf cuba merogolnya.

Isteri Potifar menganggap ikatan perjanjian perkahwinan remeh dan boleh dikhianati bila-bila saja. Dalam Kejadian 2:24, Allah sudah bersabda bahawa kalau seseorang lelaki atau wanita sudah berkahwin mereka menjadi satu daging. Kesetiaan Datin Potifar seharusnya hanya pada suaminya dan ini tidak hanya bergantung pada kehadiran suami di rumah sahaja.

Yusuf berlawanan sifat dengan Datin Potifar; dia berpendirian bahawa tuannya telah mempertanggungjawab kepada dia seluruh hal-ehwal rumahtangga kecuali isterinya. Pendiannya tidak bergoyah ketika Datin Potifar menggodanya. Dia melangkah seribu dari tempat itu dan hanya bajunya yang tertinggal dalam bilik. Itulah kejujuran pemuda yang tampan ini, dia tidak akan berdosa terhadap Tuhan mahupun manusia.

Iman dan kejujuran Yusuf seharusnya menimbulkan keinginan Datin Potifar untuk mengenal Allah. Sebaliknya keinginan Datin Potifar berkembang liar sehingga dia dijadikan alat iblis untuk menganiaya Yusuf. "Perkataan itu jugalah yang diceritakan perempuan itu kepada Potifar, katanya: "Hamba orang Ibrani yang kubawa ke mari itu datang kepadaku mempermainkan aku. Tetapi ketika aku berteriak sekeras-kerasnya, ditinggalkannya bajunya padaku, lalu dia lari ke luar" (Kejadian 39:17-18).

Yusuf mementingkan kekudusan tetapi isteri Potifar tidak menjunjung kekudusan perkahwinannya. Isteri Potifar tidak mempercayai kekudusan dalam perkahwinan. "Kerana inilah kehendak Allah: pengudusanmu, iaitu supaya kamu menjauhi percabulan, supaya kamu masing-masing mengambil seorang perempuan menjadi isterimu(suamimu) sendiri dan hidup di dalam pengudusan dan penghormatan" (1 Tesalonika 4:4-5).

---

Doa: O Tuhanku, sinari perkahwinan kami dengan terang-Mu; biarlah kesetiaan mengikat kami dalam lingkaran kasih yang kekal.

## MIRYAM KAKAK ISTIMEWA

Renungan: **Keluaran 15:19-21**

*Sebab Aku telah menuntun engkau keluar dari tanah Mesir dan telah membebaskan engkau dari rumah perbudakan, dan telah mengutus Musa dan Harun dan Miryam sebagai penganjurmu.*

—Mikha 6:4

Miryam yang dipercayakan tugas menyelamat dan mengasuh adiknya, Musa, merupakan pemimpin wanita penting. Musa dilahirkan pada zaman bahaya kerana Firaun ingin menghapuskan semua anak bayi. Pada zaman ini, keluarga Amram dan Yocebed sungguh beriman kepada Tuhan dan menjunjung-Nya sehingga daripada keluarga ini dilahirkan tiga pemimpin yang membawa perubahan kepada bangsa Israel: Miryam, Musa, dan Harun.

Ketika kita membaca rancangan pembebasan umat Allah dari Mesir, kita berfikir tentang anugerah Allah terhadap bangsa Israel. Kita berfikir tentang Musa yang menjadi pilihan-Nya untuk memenuhi perjanjian-Nya kepada Abraham agar terlahir satu bangsa, harta kesayangan-Nya. Bangsa yang mengikat satu perjanjian dengan Allah.

Rancangan pembebasan Tuhan juga melibatkan Miryam dan Harun. “Sebab Aku telah menuntun engkau keluar dari tanah Mesir dan telah membebaskan engkau dari rumah perbudakan, dan telah mengutus Musa dan Harun dan Miryam sebagai penganjurmu” (Mikha 6:4). TUHAN tahu Musa memerlukan pertolongan dan telah mengutuskan Harun sebagai Imam Besar dan Miryam sebagai nabiah.

Miryam merupakan seorang pemimpin alamiah yang masih bertenaga sewaktu dia berumur hampir seratus tahun. Dia menaikkan semangat umat TUHAN setelah mereka menyeberangi Laut Merah dengan tarian dan rebananya. “Lalu Miryam, nabiah itu, saudara perempuan Harun, mengambil rebana di tangannya, dan tampillah semua perempuan mengikutinya memukul rebana serta menari-nari” (Keluaran 15:20). Miryam segera tercetus dalam pujian dan memuji kebesaran Allah dan penyelamatan yang diberi-Nya sehingga obor semangat umat Tuhan membakar hangat.

Sebagai kakak atau adik, bolehkah anda menaikkan semangat ibadah keluarga dengan kekuatan daripada Tuhan? Walaupun perjalanan dan cabaran di dunia ini tidak mudah, dorongan dan ilham seorang kakak dapat membentuk pemimpin-pemimpin hebat seperti Musa dan Harun. Jadilah seorang anggota keluarga yang dapat membangun keluarga anda untuk mengasihi dan beribadah kepada Allah dengan penuh semangat.

Doa: Roh Kudus, berilah aku kuasa sehingga aku selalu  
menghangatkan obor ibadah keluargaku.

## BUKANKAH AKU INI KAK YONG?

Renungan: **Bilangan 12:16**

*Kata mereka: "Sungguhkah TUHAN berfirman dengan perantaraan Musa sahaja? Bukankah dengan perantaraan kita juga Dia berfirman? Dan kedengarannya hal itu kepada TUHAN." — Bilangan 12:2*

Wanita yang diberkati kepemimpinan alamiah kadangkala bernaluri kuat untuk mengawal orang lain. Di rumahtangganya, dia lupa bahawa suaminya harus menjadi pemimpin dan dia perlu menghormati kepemimpinannya. Kadangkala naluri mengawal orang lain akan membawa babak yang tidak menyenangkan dalam perhubungannya dengan orang lain.

Musa telah dipilih Allah untuk membawa umat-Nya keluar dari Mesir ke tanah perjanjian yang akan diberikan-Nya. Miryam mungkin merasa sebagai kakak, kedudukannya lebih tinggi daripada Musa. Dia menganggap dirinya dan Harun setaraf dengan Musa. Harun yang terpengaruh oleh kakaknya turut bermuafakat untuk menentang Musa. Mereka ingin mengambil alih tampuk kepemimpinannya tanpa mencari kehendak TUHAN.

Tanpa disedari Miryam, dia sedang menyerang seorang pengantara dan nabi istimewa yang dipilih TUHAN sekalipun itu adiknya. TUHAN yang Maha Kuasa segera bertindak atas pemberontakan terhadap kepemimpinan yang ditetapkan-Nya. Musa adalah nabi yang sangat istimewa kerana hanya kepada Musa, TUHAN akan bersabda secara berterus terang dan bukan dalam mimpi atau teka-teki.

Segera Miryam dihukum penyakit kusta dan menderita dalam kesepian. Penyakit ini sungguh menyeksakan bagi seorang wanita yang mempunyai penampilan cergas. Harun segera menyesal, bertaubat dan memohon agar TUHAN tidak akan membiarkan daging Miryam membusuk. Musa memohon agar penghukuman ini hanya berlanjutan tujuh hari seperti adat pada waktu seseorang ayah meludahi seseorang budak, dia akan dikucilkan selama tujuh hari.

Kekuatan Miryam merupakan kelemahannya, bakat kepemimpinan alamiahnya juga disertai kelemahan suka bersaing... Miryam terpaksa mengalami kepedihan penyakit kusta agar dia menyedari dia perlu menghormati kepemimpinan yang ditetapkan oleh TUHAN. Dia harus selalu menunduk di bawah tangan autoriti TUHAN dan menghormati aturan-Nya.

Anda mungkin seorang wanita berkeyakinan tinggi terhadap sendiri. Adakah anda mengetahui bahawa TUHAN ingin anda menghormati Dia khususnya tangan pembentukan-Nya.

Doa: Hidupku, aku serahkan diri kepada tangan pembentukan-Mu dengan rendah hati kerana aku mengakui autoriti Engkau dalam segala hal.

## BUAT KUIH TANPA TEPUNG

Renungan: **1 Raja-Raja 17:7-24**

*Tepung dalam tempayan itu itu tidak habis dan minyak dalam buli-buli itu tidak berkurang seperti firman TUHAN yang diucapkan dengan perantaraan Elia.*

—1 Raja-Raja 17:7-24

Emangkuk tepung janda Sarfat tidak pernah kehabisan, begitu juga minyak dalam buli-bulinya walaupun musim kemarau dan tumbuhan-tumbuhan seperti biji-bijian, benih-benih yang diperlukan layu. Sungai negara itu menjadi kering sebab hujan tiada turun di negeri itu (1 Raja-Raja 17:7). Bagaimana ini mungkin terjadi?

TUHAN menyuruh Elia mencari janda itu sedangkan dia hanya ada makanan terakhir bagi dirinya dan anaknya. Setelah ini, mereka mungkin akan mati kelaparan. “Perempuan itu menjawab: Demi TUHAN, Allahmu, yang hidup, sesungguhnya tidak ada roti padaku sedikitpun, kecuali segenggam tepung dalam tempayan dan sedikit minyak dalam buli-buli. Dan sekarang aku sedang mengumpulkan dua tiga potong kayu api, kemudian aku mahu pulang dan mengolahnya bagiku dan bagi anakku, dan setelah kami memakannya, maka kami akan mati” (1 Raja-Raja 17:12).

Sekalipun perempuan ini belum mengenal TUHAN Elia, dia mempercayai Allah dapat melakukan yang hebat. Janda ini percaya perkataan nabinya, “...Janganlah takut, pulanglah, buatlah lebih dahulu bagiku sepotong roti bundar kecil daripadanya, dan bawalah kepadaku, kemudian barulah kau buat bagimu dan anakmu” (1 Raja-Raja 17:13). Mukjizat terjadi, persediaan tepung dan minyaknya tidak kesuntukan namun janda ini tidak boleh membuat berlebihan atau menyimpannya (1 Raja-Raja 17:16).

Jay Kesler memberi ilustrasi menarik tentang iman. “Bayangkan diri anda berdiri di tingkat yang paling bawah di sebuah bangunan dan tiba-tiba semua menjadi gelap gelita. Dengan tangan yang bergemeteran dan kaki yang tersandung, anda mencari lilin dari laci dan menyalanya. Sinarannya yang kecil membawa sedikit keyakinan kepada anda, tiba-tiba seluruh bilik menyala dengan terang kerana elektrik tersambung lagi. Dia menjelaskan sinaran yang kecil ini sungguh penting namun apabila iman kita bertumbuh kita dibimbing ke bilik yang cerah.” Jay berkata lagi, “Pada waktu aku berfikir kehidupan Kristian sudah diterangkan dengan sepenuhnya, saya tersandung ke bilik yang lebih cerah yang perlu diterokai lagi.” Itulah iman yang semakin bertumbuh dan yang menantikan kejutan baru.

Doa: Allah yang kusembah, biarlah imanku mencerahkan hidup dan pelayananku.

## WANITA SUNEM

Renungan: **2 Raja-Raja 4:8-22**

*Baiklah kita membuat sebuah kamar atas yang kecil yang ber dinding batu,  
dan baiklah kita menaruh di sana baginya sebuah tempat tidur,  
sebuah meja, sebuah kerusi dan sebuah kandil, maka apabila  
dia datang kepada kita, dia boleh masuk ke sana.*

—2 Raja-Raja 4:10

Tidak semua wanita kaya akan menyalurkan wang mereka demi melebarkan kerajaan Allah. Pertanyaan mereka bukan seperti yang kita harapkan, “Bagaimana saya boleh menyalurkan wang saya bagi misi Allah?” Pertanyaan dalam bernaknya mungkin, “Apakah yang harus saya beli lagi?” atau “Sudah lama aku tidak mengadakan jamuan yang mewah... biarlah saya menyembelih seekor lembu.”

Nabi Elisa pernah bertemu seorang wanita Sunem yang bukan hanya kaya raya tetapi juga berhati kaya dan kreatif dalam kehidupannya. Wanita ini lebih muda daripada suaminya tetapi dia matang dan murah hati dalam keperibadiannya. Hatinya tidak terikat dengan kemewahan sendiri tetapi dia memikirkan kesejahteraan orang lain, dan kerajaan Allah.

Dia bercadang kepada suaminya, “Baiklah kita membuat sebuah kamar atas yang kecil yang ber dinding batu, dan baiklah kita menaruh di sana baginya sebuah tempat tidur, sebuah meja, sebuah kursi dan sebuah kandil, maka apabila dia datang kepada kita, dia boleh masuk ke sana” (2 Raja-Raja 4:10). Wanita kaya ini ingin membuka rumahnya untuk hamba Tuhan agar dia boleh berehat selesa.

Sesudah wanita Sunem memberi dengan murah hati, apakah yang diharapkannya? Dia tidak mengharapkan apa-apa tetapi Allah ingin memberkatinya. Allah ingin memberkatinya dengan seorang anak. Sewaktu nabi Elisa memberitahu bahawa dia akan mengandung, dia berfikir nabi itu sedang bergurau tetapi akhirnya dia mengandung. Apabila anaknya meninggal dunia, Elisa membangkitkannya.

Semua berkat yang kita berikan kepada orang lain sebenarnya diguling kembali oleh Allah tanpa kita sedari. Beberapa tahun kemudian, ketika negaranya hampir dilandai kemarau, dia menerima amaran daripada Elisa. Sewaktu dia kembali ke negaranya, rumah dan ladangnya hilang namun raja mengembalikan semuanya serta menambahkan pokok buah-buahan di ladangnya. Kekayaan wanita ini telah mendatangkan berkat kepada orang lain yang memerlukan kemampuan dan kekayaannya.

---

Doa: Aku menyerahkan segala yang kumiliki kepada Engkau demi kemuliaan-Mu, ya Tuhan.

## TERANG DALAM RUMAH

Renungan: **2 Raja-Raja 5:1-5, 14, 15**

*Maka turunlah dia membenamkan dirinya tujuh kali dalam sungai Yordan, sesuai dengan perkataan abdi Allah itu. Lalu pulihlah tubuhnya kembali seperti tubuh seorang anak dan dia menjadi tahir*  
—2 Raja-Raja 5:14

Sewaktu Tricia mengangkat kopor dari Indonesia, dia berdoa, “Bapa Syurgawi, aku mahu menjadi pembawa terang kepada majikan saya di Malaysia.” Tricia seorang pembantu yang mengasihi Tuhan sering membaca firman Tuhan kepada anak-anak kecil di bawah jagaannya. Sewaktu keluarga yang dilayaninya ada keperluan, dia berdoa dan berusaha menolong mereka. Kehadiran Tricia membawa kebangunan rohani dalam rumahtangga mereka.

Alkitab juga menceritakan seorang pembantu gadis yang baik hati. Namaan seorang panglima Aram mengenal Allah melalui seorang pembantu kecil. Panglima Aram telah membawa seorang anak perempuan kecil untuk melayani isterinya. Pembantu kecil yang dibawa ke rumahtangganya akan menjadi lilin kepada keluarganya. Peranan pembantu gadis ini sungguh penting kerana Allah mempunyai rancangan yang indah bagi Namaan.

Panglima yang disegani ini telah dijangkiti penyakit kusta, masa depannya menjadi debu. Dia akan disingkirkan masyarakat dan sanak saudara akan menjauhkan diri kerana dia dianggap najis. Pembantu kecil yang melihat krisis keluarga ini, segera berdoa. Hatinya bersimpati dengan majikannya dan kesungguhan gadis ini akan mendatangkan mukjizat bagi majikannya.

Pembantu ini memberi cadangan yang membawa terang besar kepada Naaman. Dia berkata, “Sekiranya tuanku menghadap nabi yang di Samaria itu, maka tentulah nabi itu akan menyembuhkan dia dari penyakitnya” (2 Raja-Raja 5:3). Hanya iniatifnya untuk memberi sepatah dua perkataan telah mendatangkan perubahan kepada majikannya yang belum mengenal Allah.

Raja Aram segera menyediakan sepucuk surat kepada Raja Israel agar Naaman dapat bertemu dengan nabi Elisa. Elisa tidak meletakkan tangan padanya tetapi memberi dia arahan untuk mandi tujuh kali di sungai Yordan. “Pergilah mandi tujuh kali dalam sungai Yordan, maka tubuhmu akan pulih kembali, sehingga engkau tahir” (2 Raja-Raja 5:10). Panglima ini telah disembuhkan penyakit kusta dan nama Allah dipermuliakan negara Aram. Sudikah kita menjadi pembantu kecil dalam tangan Penyelamat?

Doa: Allahku, aku ingin mencurahkan belas kasihanmu kepada mereka yang memerlukan petunjuk daripada Allah yang penuh rahmat.

## PEREMPUAN GILAKAH KAU

Renungan: **Ayub 2:9-10**

*Tetapi jawab Ayub kepadanya: “Engkau berbicara seperti perempuan gila!  
Apakah kita mahu menerima yang baik daripada Allah, tetapi  
tidak mahu menerima yang buruk?” Dalam kesemuanya itu  
Ayub tidak berbuat dosa dengan bibirnya.”  
— Ayub 2:10*

Alkitab tidak menyebut nama isteri Ayub, mungkin alang baik kaum wanita yang mengasihi-Nya tidak perlu mengetahui namanya. Kita cuma tahu Ayub pernah memanggil dia perempuan gila! Angin badai menerpa, Ayub yang jatuh dari tangga ditimpa tangga pula, memerlukan seorang isteri yang menghibur. Ketika semua kuasa iblis menyerang seorang suami, doa seorang isteri sangat diperlukan.

“Pada suatu hari datanglah anak-anak Allah menghadap TUHAN dan di antara mereka datanglah juga iblis” (Ayub 1:6). Iblis pun mengayut seperti monyet nakal di tengah-tengah mereka kerana si jahat ini ada udang di sebalik batu. Dia sudah berjalan menjelajah bumi dan bersedia menuduh manusia alim di hadirat Allah. Iblis tidak ada tuduhan terhadap Ayub tetapi dia ingin mencabar Allah. Allah mencabar iblis untuk menguji Ayub dan kesetiiaannya.

Pertama, api menyambar habis kambing domba dan penjaga-penjaganya. Kemudian, orang Kasdim datang menyerang semua penjaganya. Yang paling menyakiti Ayub ialah ketika anak-anaknya sedang bersantapan di rumah, angin ribut datang dan rumah mereka roboh (Ayub 1:18-19). Musibah sebesar ini menggegar sanubari Ayub dan mempelingtingnya dalam lubang perkabungan.

Ayub yang menerima tamparan lepas tamparan ganas tetap percaya akan kebaikan TUHAN. Jawapan Ayub sungguh baik. “Dengan telanjang aku keluar dari kandungan ibuku, dengan telanjang juga aku akan kembali ke dalamnya. Tuhan yang memberi, Tuhan yang mengambil, terpujilah nama TUHAN!” (Ayub 1:21). Jawapannya pasti menerima sorakan meriah di syurga daripada anak-anak Allah dan semua malaikat yang menyaksikan saat kemenangan ini. .

Saat Ayub menderita bisul dari telapak kaki hingga ke kepala, datanglah semburan dari mulut wanita gila ini. “Masih bertekunkah engkau dalam kesalihanmu? Kutukilah Allahmu dan matilah!” (Ayub 2:10). Kasih setia isteri Ayub bergantung pada musim dan cuaca kehidupan.

---

Doa: Juruselamatku, kuatkan aku sehingga aku dapat menghibur suamiku dengan iman yang teguh sewaktu dia menghadapi cabaran.

## WANITA YANG RENDAH HATI

Renungan: **Lukas 1:5-20**

*Beberapa lama kemudian Elisabet, isterinya, mengandung dan selama lima bulan dia tidak menampakkan diri, katanya, "Inilah suatu perbuatan Tuhan bagiku, dan sekarang Dia berkenan menghapuskan aibku di depan orang."*

—Lukas 1:24-25

**N**ama Elisabet bererti "Tuhan sudah berjanji" atau "Tuhan sungguh murah hati." Suaminya Zakaria bererti pula "Tuhan telah mengingati." Gabungan nama mereka menggambarkan kesetiaan Allah yang luarbiasa tetapi kenapa Elisabet tidak dapat melahirkan anak? Sebenarnya, tepat pada waktu-Nya, Dia akan mengaruniakan seorang anak lelaki sesuai dengan rancangan-Nya. Tanpa mengetahui hal ini, Elisabet melayani Tuhan dengan rendah hati dan tidak menjadikan isu kemandulan sebagai masalahnya dengan Tuhan.

Pada waktu itu tibalah giliran Zakaria untuk membakar ukupan di Bait Allah. Saat yang indah inilah Tuhan akan mengumumkan rencana-Nya dan berkat cahaya mata. Sewaktu malaikat Gabriel memberitahu Zakaria akan kedatangan cahaya mata dalam hidupnya, dia terkejut dan berkata, "Bagaimanakah aku tahu bahwa hal ini akan terjadi? Sebab aku sudah tua dan isteriku sudah lanjut umurnya?" (Lukas 1:18).

Elisabet memencilkan dirinya selama lima bulan untuk merenungi kebaikan Tuhan dengan rendah hati. Wanita yang mengasihi Tuhan ini merenungi tanggungjawab mengasuh anak stimewa ini. Nama bayi ini, Yohanes, bererti "Tuhan Berbelas Kasihan." Dalam doa Elisabet, anak ini akan diserahkan untuk melayani Tuhan dengan sepenuhnya. Elisabet merenungi segala yang dikatakan oleh malaikat kepada suaminya: anak ini tidak akan minum anggur atau minuman keras, dia akan dipenuhi Roh Kudus dari rahim-Nya. Yang terpenting dia akan mempersiapkan jalan bagi Mesias yang akan datang.

Ketika dia bertemu dengan Maria, dia berseru dengan gembira, "Diberkati engkau di antara perempuan dan diberkatilah buah rahimmu" (Lukas 1:42). Dia tidak merasa cemburu kerana perempuan yang lebih muda ini diberkati menjadi ibu Mesias. Dengan rendah hati dia berseru, "Siapakah aku ini sampai ibu Tuhanku datang mengunjungi aku?" (Lukas 1:43). Elisabet sungguh berbahagia kerana Maria akan melahirkan bayi yang akan membawa penyelamatan kepada manusia. Yohanes Pembaptis, anak Elisabet akan mempersiapkan jalan kedatangan-Nya.

---

Doa: Tuhan Yesus, aku akan tetap setia beribadah dan melayani Engkau dalam setiap keadaan kerana jalan-Mu yang terindah.

## YOHANA

Renungan: **Lukas 8:1-3; 24:10**

*Yohana isteri Khuza bendahara Herodes, Susana dan banyak perempuan lain. Perempuan-perempuan ini melayani rombongan itu dengan kekayaan mereka.*

—Lukas 8:3

**N**ama Yohana bererti Allah memberi dengan penuh rahmat. Wanita ini tinggal dalam kekayaan dan tidak pernah bersua kemiskinan. Dia telah mendirikan hidup dengan Khuza, pengurus Herodus yang bertanggungjawab mengurus segala kekayaan Herodus. Di tengah-tengah suasana istana yang bermusuhan dengan Yesus Kristus, muncul seorang murid wanita yang setia. Jelas, tidak mudahlah bagi Yohana untuk berdiri teguh dalam imannya namun dia tidak takut akan Herodus yang boleh bertindak kejam. Ini tidak menyebabkan Yohana menyembunyikan imannya demi menjaga nyawanya.

Yohana pasti merasa sedih ketika Yohanes dihantar ke istana Herodus. Di tengah-tengah kekejaman istana ini, Yohana merasa sungguh sedih kerana Yohanes adalah sepupu Tuhan Yesus. Semua kengerian di istana tidak menghentikan kehormatan pelayanan Yohana. Statusnya di istana tidak membuat dia malu akan Tuhan Yesus. Bersama dengan wanita lain, mereka memakai kekayaan mereka untuk mendukung pelayanan Tuhan Yesus dan murid-murid-Nya.

Yohana sama sekali tidak takut akan kuasa Raja Herodus yang boleh mendapat hadiah kepala yang diinginkannya. Wanita berani ini tahu Tuhan Yesus sesungguhnya Allah yang Maha Kuasa dan layak disembah. Dia pernah melihat bagaimana Dia menyembuhkan orang sakit dan mengusir iblis daripada yang kerasukan iblis. Sekalipun suaminya pengurus kekayaan Raja Herodus, ini tidak membuat pendirian Yohana bergoyah demi menjaga kepentingan diri.

Yohana bersama wanita lain hadir di tempat penyaliban Tuhan Yesus untuk memberi dukungan. Dia tidak takut kalau hal ini dilaporkan kepada Herodus dan kepalanya akan menjadi hadiah. Tuhan Yesus menampakkan Diri-Nya kepada Yohana setelah kebangkitan-Nya. "Dan setelah mereka kembali dari kubur, mereka menceritakan semuanya itu kepada kesebelas murid dan kepada semua saudara yang lain. Perempuan-perempuan itu ialah Maria dari Magdala, dan Yohana, dan Maria ibu Yakobus. Dan perempuan-perempuan lain juga yang bersama-sama mereka memberikannya kepada rasul-rasul" (Lukas 24:9-11). Camkan teladan Yohana kalau bekerja di suasana yang tidak menyambut Tuhan Yesus.

Doa: Allahku, berilah aku keberanian untuk berdiri teguh di tengah-tengah suasana yang tidak menyambut Juruselamatku dengan mesra.

## DIPAHAT MENJADI TIANG INDAH

Renungan: **2 Korintus 12:7-10**

*Tetapi jawab TUHAN kepadaku: "Cukuplah kasih karunia-Ku bagimu, sebab justru dalam kelemahanlah kuasa-Ku menjadi sempurna." Sebab itu terlebih suka aku bermegah atas kelemahan-Ku supaya kuasa Kristus turut menaungi aku."  
—2 Korintus 12:9*

Pandangan Paulus tentang penderitaan yang dihadapinya berlainan daripada kebanyakan anak Tuhan. Adakah penderitaan bertubi-tubi telah mendatangkan kepahitan yang mencengkam aliran kasihnya kepada TUHAN atau sebaliknya kasih karunia ilahi mengalir melimpah rauh? Mungkinkah dia seperti berlian yang diperhaluskan sehingga setiap sudut memancarkan kasih-Nya?

Rasul Paulus menderita kerana diberi suatu duri dalam dagingnya. Tentu saja, Rasul Paulus seperti manusia lain ingin duri ini dicabut daripadanya agar dia tidak terseksa lagi. "Tentang Tuhan, supaya utusan iblis itu mundur daripadaku" (2 Korintus 12:8). Mengenai duri ini, dia berkata duri ini mungkin datang daripada iblis. "Dan supaya aku jangan meninggikan diri kerana pernyataan-pernyataan yang luarbiasa itu, maka aku diberi suatu duri di dalam dagingku, iaitu seorang utusan iblis untuk menggocoh aku, supaya aku jangan meninggikan diri" (2 Korintus 12:7). Sebagai rasul, Paulus mudah sekali merasa sombong atau jatuh dalam dosa keangkuhan rohani. Penderitaan akan menolong Paulus selalu mengingat bahawa segala kemuliaan dan kebesaran datang daripada TUHANnya.

"Dan bukan hanya itu saja. Kita malah bermegah juga dalam kesengsaraan kita, kerana kita tahu, bahawa kesengsaraan kita menimbulkan ketekunan dan ketekunan menimbulkan tahan uji dan tahan uji menimbulkan pengharapan" (Roma 5:3-4). Penderitaan tidak boleh dianggap sebagai suatu tragedi kerana penderitaan selalu menghasilkan ketekunan sehingga kita menjadi tahan lasak. Penderitaan boleh menghasilkan ketekunan kita untuk berdoa dan menanti-nantikan Tuhan.

Setelah musim salji, segala bebunga dan tumbuh-tumbuhan yang segar dan hijau akan menyambut alam dengan penuh keceriaan. Perkara-perkara yang tidak berguna dalam sifat kita akan dikikiskan sehingga yang berguna akan muncul. "Setiap ranting pada-Ku yang tidak berbuah, dipotong-Nya dan setiap ranting yang berbuah, dibersihkan-Nya, supaya dia lebih banyak berbuah" (Yohanes 15:2). Setelah ranting yang tidak berguna dipotong, pohon akan bertumbuh lebih lebat dan sihat.

Doa: Pembentuk jiwaku, biarlah saat kesengsaraanku menghasilkan ketekunan dan buah-buah kebenaran.

## WANITA YANG BERDAGANG

Renungan: **Kisah Para Rasul 16:11-15, 40**

*Sesudah dia dibaptis bersama-sama dengan seisi rumahnya, dia mengajak kami, katanya: "Jika kamu berpendapat, bahawa aku sungguh-sungguh percaya kepada Tuhan, mari menumpang di rumahku."*

*Dia mendesak sampai kami menerimanya.*

*—Kisah Para Rasul 16:15*

**L**idia dalam Perjanjian Baru digambarkan sebagai wanita berniaga yang pandai berdagang dan mesra. Dia memiliki rumah besar dan dilayani oleh banyak pembantu. Produk kain ungu Yunani-Rom yang didagangkannya mempunyai jualan laris. Di tengah-tengah kesibukannya, dia rela meninggalkan urusan perniagaan untuk mendengar firman Allah. Urusan perniagaannya tidak menjadi alasan kesuntukan waktu untuk mendengar khutbah Paulus.

Walaupun Lidia berjaya dalam dunia perniagaan, dia tetap merasa suatu kekurangan dalam kehidupannya. Firman Tuhan yang disampaikan Rasul Paulus meresap ke dalam hatinya. Segera, Lidia dibaptiskan dan tidak lama kemudian seluruh keluarganya mengenal Tuhan. Mereka menerima Tuhan Yesus dengan hati yang rela dan gereja yang pertama lahir di Filipi oleh kerana seorang wanita rela mendengar. Ajaib, peniaga wanita ini dan keluarganya menjadi orang Kristian pertama di Eropa.

Walaupun Lidia tidak mengikut Paulus dan rombongannya dalam penginjilan, dia tetap menyebarkan injil melalui perniagaannya. Dia membuka rumahnya untuk hamba-hamba Tuhan. Wanita ini tidak takut menerima Paulus dan Silas yang baru dilepaskan dari penjara. "Lalu mereka meninggalkan penjara itu dan pergi ke rumah Lidia; dan setelah bertemu dengan saudara-saudara di situ dan menghiburkan mereka, berangkatlah kedua rasul itu" (Kisah Para Rasul 16:40).

Pusat penjualan kain ungunya menjadi pusat di mana injil tersebar ke tempat lain kerana Lydia bukan jenis perniaga wanita yang merasa malu akan nama Kristus. Ketika Lidia memberi kain ungu kepada pembelinya, dia juga memberi mereka injil yang kemudian tersebar ke merata tempat. "Seseorang yang penuh dengan sukacita Tuhan Yesus yang berkelimpahan adalah seperti kolam mandi yang berkelimpahan dengan air. Ia sesuatu yang alamiah, ia sesuatu yang jelas" (Michael Green). Keceriaan dan keyakinan Lidia menyebabkan injil tersebar luas.

Wahai wanita, berapa orang sudah mengenal Tuhan Yesus di tempat perniagaan anda kerana anda tahu panggilan anda bukan hanya berniaga, tetapi menyebarkan injil.

Doa: Tuhan Yesus Kristus, hadirilah dalam setiap aspek perniagaan aku sehingga injil tersebar ke merata tempat.

## PERKATAAN WANITA

Renungan: **Matius 27: 15-26**

*Ketika Pilatus sedang duduk di kerusi pengadilan, isterinya mengirim pesan kepadanya: "Jangan engkau mencampuri perkara orang benar itu, sebab kerana Dia aku sangat menderita dalam mimpi tadi malam."*

—Matius 27:19

Kemungkinan besar Isteri Pilatus sangat cantik, berpendidikan tinggi dan berasal daripada latar belakang yang kaya raya. Wanita ini juga berhati-hati dan tidak mengikut pendapat orang lain. Sepatah dua frasa yang berhalwa positif menolong Raja Pilatus mengambil tindakan yang benar. Wanita ini pernah menyebutkan beberapa ayat yang dapat menolong suaminya lebih berhati-hati dan mengambil langkah benar.

Sebelum saat yang genting ini, isteri Pilatus terganggu oleh suatu mimpi tentang Orang yang tidak bersalah itu. Dalam seluruh cerita rancangan penyelamatan Tuhan Yesus, Pilatus digambarkan sebagai pihak berkuasa yang menjatuhkan hukuman mati kepada Yang Tak Bersalah. Ketakutan akan pendapat rakyatnya mahupun pembesar-pembesar yang lain telah mencatat rekod yang tidak baik bagi namanya. Nasihat isterinya tidak diambil dengan serius, dia tidak berani melepaskan Tuhan Yesus.

Sebaliknya, hasutan seorang wanita kejam dan penuh dendam telah menyebabkan Yohanes Pembaptis kehilangan kepalanya. Yohanes Pembaptis ditangkap kerana Yohanes pernah menegur Herodes, "Tidak halal engkau mengambil Herodias!" (Matius 14:4). Teguran Yohanes Pembaptis tidak pernah berhenti terngiang-ngiang dalam telinga isteri Herodus, Herodias. Dia menghasut anak perempuannya agar menari dan menggembarakan Herodes sehingga dia rela memberi apa sahaja yang dimintanya. Ketika ditanya apakah keinginannya, dia berkata, "Berikanlah aku di sini kepala Yohanes Pembaptis di sebuah talam" (Matius 14:8).

Wanita yang bijak dan rohani akan selalu berpihak kepada Tuhan dalam perkataannya. Dia tidak akan menghasut ataupun mengeluarkan kata-kata yang mendatangkan bahaya kepada nyawa orang lain. Dia selalu ingat, "Kerana TUHANlah yang memberikan hikmat, dari mulut-Nya datang pengetahuan dan kepandaian" (Amsal 2:6). Perkataan hikmat yang diurapi oleh Tuhan akan mendatangkan kepandaian, penyembuhan dan penghiburan kepada orang lain. Jauhkan mulut pemfitnah yang disaluti luaran yang manis dan bersimpati tetapi sebenarnya bermaksud jahat. "Perkataan pemfitnah seperti sedap-sedapan, yang masuk ke lubuk hati" (Amsal 18:8). Dalam semua pertuturan anda, selalu letakkan kasih Allah dan kayu salib Allah di depanmu.

Doa: Tuhan, biar kata-kataku membawa hikmat dan perubahan yang positif dalam kehidupan orang lain.

## YANG TIDAK TAKUT DAN SETIA

Renungan: **Roma 16:1-16; Kisah Para Rasul 18:1-3**

*Sampaikan salam kepada Priskila dan Akwila, teman-teman sekerjaku dalam Kristus Yesus. Mereka telah mempertaruhkan nyawanya untuk hidupku. Kepada mereka bukan aku saja yang berterima kasih, tetapi juga semua jemaah bukan Yahudi.*

—Roma 16:3-5

Wanita memang teman sekerja setia yang rela menggadai nyawa. “Dan dekat salib Yesus berdiri ibu-Nya dan saudara ibu-Nya, Maria, isteri Klopas dan Maria Magdalena” (Yohanes 19:25). Selain Tuhan Yesus, Rasul Paulus juga diberkati wanita-wanita yang setia dan rela melayani dengan berani. Ancaman pemerintah dan askar Rom tidak menewaskan kesetiaan mereka.

Salam Rasul Paulus dalam Roma 16 memuat satu senarai nama wanita yang terhormat. Wanita memegang pelayanan penting dalam gereja awal. Rasul Paulus mengakui mereka sebagai wanita yang berkerja keras dan menjadi penolong setia. injil. Mereka mencurahkan perhatian mereka, waktu mereka, kewangan mereka bahkan dapur mereka bagi pelayan-pelayan injil.

Priskila dan suaminya, Akwila dikatakan telah sampai tahap rela menggadai nyawa mereka demi menolong Rasul Paulus. Setiap kali Rasul Paulus memberi mereka salam, dia tidak sekedar memberi salam tetapi dia memberi salam hangat. Priskila yang memiliki iman yang hangat dan berkobar-kobar telah mempengaruhi suaminya untuk melayani dengan baik.

Priskila tetap menjadi teman pelayanan setia walaupun Rasul Paulus dipenjarakan dan menghadapi saat maut. Saat ini sesetengah pengikut meninggalkannya kerana ketakutan tetapi nama Priskila disebutkan oleh Rasul Paulus sebagai pelayan dan teman yang rela mendukungnya sampai saat yang ngeri (2 Timotius 4:19).

Di tengah-tengah kota yang merosot moral ini, Rasul Paulus diberkati dua kawan yang salih dan setia, Priskila dan Akwila. Mereka adalah orang Yahudi yang dikeluarkan dari Rom oleh pemerintah (Kisah Para Rasul 18:1-4). Mereka selalu melayani Rasul Paulus dengan baik dan memberi sokongan setia. Sebagai pembuat tenda, mereka tidak menyimpan semua keuntungan dan bersikap kedekut terhadap pelayanan Rasul Paulus. Pasangan ini begitu murah hati dan sukacita melayani sebagai rakan-rakan sekerja yang hebat.

---

Doa: Bapa syurgawi, aku berdoa bagi semua rakan sekerja yang menghadapi ancaman kerana pelayanan mereka. Berilah mereka kekuatan di tengah-tengah cabaran dan penganiayaan.

## *Panggilan Saat Ini*

*Allah yang penuh dengan rahmat  
Aku bersyukur kerana saat ini  
Aku mendengar panggilan-Mu  
Untuk berjalan tenang  
Untuk hidup semakin menyerupai Kristus*

*Bisikan-Mu yang kecil tetapi nyata  
Menyinari dalam hatiku ini  
Hari ini sungguh istimewa  
Aku semakin melayang pandanganku  
Kepada Engkau dan syurga*

*Allah yang penuh kasih  
Biar suara-Mu tetap membara dalamku  
Panggilan syurgawi yang istimewa  
Untuk hidup semakin menyerupai Kristus  
Mengikuti jejak-Mu di jalan Kalvari*

*Allah yang penuh kesabaran  
Pegang tangan dan tuntunlah aku  
Jalan mentaati panggilan syurgawi ini  
Kuserahkan perjalanan pembelajaran ini  
Tanpa mengetahui jalan yang dituntun-Mu*



## SAAT PERUBAHAN AJAIB

Renungan: **Kisah Para Rasul 9:1-19**

*Jawab Yesus, "Aku berkata kepadamu, sesungguhnya jika seorang tidak dilahirkan dari air dan Roh, dia tidak dapat masuk ke dalam Kerajaan Allah."*

—Yohanes 3:5

Tiba-tiba angin membelai muka Nikodemus sewaktu Tuhan Yesus mencerita bahawa Roh Kudus datang dari arah yang tidak diketahui arahnya. "Angin bertiup ke mana ia mahu, dan engkau mendengar bunyinya, tetapi engkau tidak tahu dari mana ia datang atau ke mana ia pergi. Demikianlah halnya dengan tiap-tiap orang yang lahir dari Roh" (Yohanes 3:8). Anda sudah lama menantikan pertaubatan seseorang yang anda cintai? Tunggu, tiba-tiba angin bertiup dan membawa keyakinan kepadanya. Berdoalah.

Yang dilihat-Nya bukanlah batu-batu yang membunuh Stefanus tetapi perubahan ajaib Saulus yang kelak akan menjadi rasul yang membawa kuasa penyelamatan Injil kepada orang Yahudi dan orang kafir (Roma 1:16). Allah tidak bertanya-tanya, "Apakah yang harus dilakukan untuk melenyapkan harimau kejam ini?" Dalam perjalanan Saulus ke Yerusalem, tiba-tiba terang-Nya memana-Nya sehingga dia rebah ke bumi. Sejurus terdengar suara, "Saulus, Saulus mengapakah engkau menganiaya Aku?" (Kisah Para Rasul 9:4). Suara yang Maha Kasih dan Maha Kuasa mencelikkan kebutaan jiwa pemberontak ini sehingga dia menjadi rasul-Nya.

Saat perubahan ajaib terjadi kepada sesiapa sahaja. Siapa menduga angin bertiup ke arah seorang Yakuza yang jatuh cinta dengan seorang gadis Korea lalu menjadi pastor sebuah gereja? Yakuza ialah penjahat di Negara Jepun yang sering terlibat dalam babak-babak ngeri.

Benih penginjilan akan menetas di bawah tangan-Nya yang ajaib kerana kelahiran baru hanya karya Roh Kudus.

Seorang manusia yang dianggap jijik berdiri di depan anda? Bagaimanakah anda menyampaikan injil kepadanya? Michael Green dalam buku penginjilannya berkata, "Penginjilan ialah seorang pengemis memberitahu seorang pengemis yang lain di mana dia boleh mendapat roti. Penginjilan menekankan keperluan penerimanya dan kemurahan hati pemberinya. Allah tidak akan memberi kita batu kalau kita meminta roti. Tak mungkin seorang penginjil berdiri di pangkat yang lebih tinggi (angkuh) daripada orang yang diinjilinya. Kita sama di hadapan kayu salib Kristus. Perbezaan dua pengemis ini ialah satunya sudah disuap dan tahu di mana dia boleh mendapat makanan."

Doa: Ya, Tuhan yang Maha Kuasa, saat perubahan ajaib selalu terjadi di bawah tangan-Mu yang ajaib.

## TIADA BUNYI

Renungan: **Roma 1:16-17**

*Sebab aku mempunyai keyakinan yang kukuh dalam Injil kerana Injil adalah kekuatan Allah yang menyelamatkan setiap orang yang percaya, pertama-tama orang Yahudi, tetapi juga orang Yunani.*

—Roma 1:16

Hutan dan belukar kecil yang menutupi lereng-lereng bukit bukau di China penuh dengan kerahsiaan dan kesunyian dinihari.

“Ramai orang seperti saya bergerak tanpa berbunyi. Mereka merantau, mengabarkan khabar baik, kaki mereka bergerak pantas tetapi tiada bunyi, ya tanpa bunyi,” kata Cikgu Jiang.

Air yang mengalir di sungai seakan-akan tenang tetapi ia sedang menggulingkan bebatu dan menghakiskan tebing sungai. Tiada deruan tetapi kasih Allah tersebar luas kerana pembawa Injil yang rendah hati sudi menyampaikan Berita Baik. Penginjil-penginjil ini mengabarkan Berita Baik tanpa meniup trompet kepada saudara-saudari seiman tentang pengorbanan mereka.

Cikgu Jiang yang berasal daripada keluarga intelek sering membaca buku klasik Cina sejak kecil lagi. Penindasan terhadap golongan intelek telah mendatangkan banyak penderitaan kepada ibu bapanya. Ketajaman intelek Cikgu Jiang memampukan dia menginjak kaki ke menara gading. Dia meraih keputusan cemerlang dalam bidang kejuruteraan dan dipilih menjadi pegawai kerajaan.

Pada tahun 1983, dia diutus untuk bekerja di sebuah tempat yang sangat miskin. Dia sungguh berdukacita ketika melihat anak-anak remaja dijatuhkan hukuman mati kerana mencuri akibat kelaparan kerana keadaan kepapaan mereka. Saat itu juga dia menyedari semua manusia berdosa dan jauh dari kemuliaan Tuhan seperti yang tercatat dalam Roma. Saat kesayuan ini telah mendesaknyanya membaca kitab Roma lagi.

Cikgu Jiang berkeputusan memikul salib dan menjadi pembawa firman selepas enam tahun menolak panggilan Allah. Dia kehilangan gaji, status bahkan isterinya meninggalkannya kerana tidak mahu mempercayai Tuhan Yesus. Kini, Cikgu Jiang sering memakai baju petani, memakai topi besar dan berbasikal sewaktu menjangkau para petani. Dia banyak menulis tentang masalah golongan ini dalam majalah Kristian. Dia akan menanggalkan topi dan baju petaninya lalu memakai jaket ketika berceramah kepada para mahasiswa. Semua ini dilakukannya tanpa bunyi atau tiupan trompet, bagai bebatu dalam sungai yang berguling deras!

---

Doa: Bapaku, aku menyerahkan nyawaku untuk pelayanan yang rendah hati demi penyelamatan mereka yang belum mengenal Tuhan.

## MATA TERTUJU KEPADA YESUS

Renungan: **Ibrani 12:1-4**

*Marilah kita melakukannya dengan mata yang tertuju kepada Yesus, yang memimpin kita dalam iman, dan yang membawa iman kita kepada kesempurnaan, yang dengan mengabaikan kehinaan tekun memikul salib ganti sukacita yang disediakan bagi Dia, yang sekarang duduk di sebelah kanan takhta Allah.*

—Ibrani 12:2

**A**nda menderita sakit kepala?  
Fikirkan mahkota duri yang menusuk kepala-Nya  
**A**nda menderita sakit urat?

Fikirkan tulang-Nya yang retak.

Anda mempunyai penyakit hati?

Fikirkan hati-Nya yang mencair seperti lilin.

Anda menderita barah?

Fikirkan tentang deman tinggi-Nya dan paru-paru-Nya yang rebah.

(Anne Graham Lotz)

Tubuh fana kita mengeluh kerana kesakitan jasmani di khemah sementara di dunia ini. Wahai yang menderita, tinggallah di bawah bayangan penderitaan kayu salib-Nya. Iman Besar yang mengalami penderitaan dapat memberi penghiburan. Penderitaan Tuhan Yesus di kayu salib bukan hanya menyeksakan seluruh tubuh-Nya, saat itu, Dia merasa seakan-akan Bapa Syurgawi terpisah daripada-Nya.

Ketika hati anda berkecewaan kerana dikhianati, ingatlah Tuhan Yesus pernah dikhianati dengan ciuman, dan dijual oleh murid-Nya sendiri. Bila anda merasa perjalanan hidup anda berliku-liku, ingatlah Tuhan Yesus memikul salib sambil berjalan ke Kalvari. Dia tersandung kerana kelemahan tubuh yang sudah dicambuk. Dengan sabar, Dia menempuh perjalanan ini tanpa merebah dalam kekecewaan.

Ketika anda menderita kerana maruah anda dicincang tanpa keadilan, ingatlah Juruselamat yang dihinakan. Dia diberikan jubah Raja dan kemudian dirobek untuk menjadi bahan untuk berjudi. Papan “Raja Yahudi” yang terpampang pun dimaksudkan sebagai satu penghinaan. Mahkota duri dipaksakan kepada kepala-Nya yang seharus memakai mahkota kemuliaan sesungguhnya penghinaan besar.

Wanita, “Ingatlah selalu akan Dia, yang tabah menanggung bantahan yang sehebat itu terhadap diri-Nya daripada pihak orang berdosa, supaya jangan kamu menjadi lemah dan putus asa” (Ibrani 12:3).

Doa: Tuhan Yesus, aku mahu hidup di bawah bayangan kayu salib-Mu dan dihibur oleh Imam Besar yang pernah melalui penderitaan dahsyat.

## MELAYANGKAN PANDANGANMU KE ATAS

Renungan: **Mazmur 123:1-4**

*Kepada-Mu aku melayangkan mataku,  
ya Engkau yang bersemayam di syurga.  
—Mazmur 123:1*

Wanita yang melayangkan mata kepada TUHAN akan dibalas dengan irama manis dan damai. Apabila kita melayangkan mata kepada TUHAN, kita akan melihat TUHAN yang penuh belas kasihan dan tidak berubah kesetiaan-Nya. "Lihat, seperti mata para hamba laki-laki memandangi tangan tuannya, seperti mata hamba perempuan memandangi tangan nyonyanya, demikianlah mata kita memandangi kepada TUHAN, Allah kita" (Mazmur 123:2).

Sewaktu melayar di dunia ini, wanita perlu melayangkan mata kepada Maha Penyayang yang bersemayam di syurga. Pelbagai angin perubahan semasa boleh membuat kapal kita dirobek tungkul ais. Kalau kita sering melayangkan pandangan ke tempat lain dan bukan kepada mata Allah yang berbelas kasihan, iman kita akan menjadi semakin lemah, keraguan timbul apabila pelbagai deruan ancaman muncul di ambang pintu kita.

Mata yang tertuju kepada Allah tidak akan menghiraukan penghinaan kerana pandangannya berfokus kepada Tuhan Yesus. Segala rintangan kita hadapi dengan pasti di tengah-tengah gauman singa. "Marilah kita melakukannya dengan mata tertuju kepada Yesus, yang memimpin kita dalam iman, dan yang membawa iman kita itu kepada kesempurnaan, yang dengan mengabaikan kehinaan tekun memikul salib ganti sukacita yang disediakan bagi Dia, yang sekarang duduk di sebelah kanan takhta Allah" (Ibrani 12:2). Segala keberatan kerana dihina akan berubah menjadi sukacita kalau matanya tetap melayang kepada Tuhan Yesus.

Bilquis yang mengalami banyak penghinaan daripada bangsanya menceritakan secebis pengalamannya sewaktu melayang mata kepada Tuhan. "Petang itu sewaktu saya bersiap sedia untuk berehat, saya berfikir secara ajaib betapa banyak yang diberikan Allah kepada kami. Apabila keluarga dan kawan-kawan kami diambil daripada kami, Dia menggantikannya dengan keluarga-Nya sendiri dan kawan-kawan lain. Saya tidur dengan penuh damai dan bangun dengan sentuhan suria yang bersinaran hangat melalui jendela saya. Saya membuka jendela, bayu yang lembut menghembus ke bilikku. Dalam aroma taman bungaku, aku menghidu nafas kehangatan musim panas yang datang kepada aku" (*I Dared to Call Him Father*).

Doa: Allahku, aku melayang mataku kepada yang Maha Penyayang di tengah-tengah kesesakanku.

## TIUPKAN SANGKALAMU

Renungan: **Yosua 6**

*Apabila sangkala tanduk domba itu panjang bunyinya dan kamu mendengar bunyi sangkakala, maka bunyi sangkala itu, maka haruslah seluruh bangsa bersorak dengan sorak yang nyaring, maka tembok kota itu akan runtuh, lalu bangsa itu harus memanjatnya, masing-masing lansung ke depan.*

—Yosua 6:5

Penaklukan kota Yeriko mengilhami kita bahawa kemenangan berada di ambang pintu sewaktu tugas mustahil diberikan-Nya. Semakin mustahil tugas itu, semakin ajaib jejeri Allah. Allah bersabda kepada Yosua, “Ketahuilah Aku serahkan ke tanganmu Yerikho ini berserta rajanya dan pahlawan-pahlawannya yang gagah perkasa” (Yosua 6:2). Tugas yang sulit memerlukan iman yang hidup. “Kerana iman maka runtuhlah tembok-tembok Yerikho, setelah kota itu dikelilingi tujuh hari lamanya” (Ibrani 11:30).

Allah memberi anda satu pelayanan yang menurut akal anda mustahil tercapai kerana tembok Yerikonya tinggi. Cara Allah mencapai kemenangan bagi kita tidak dapat kita fahami. Berdoa dan bersorak dalam penuh kemenangan agar tembok itu boleh diruntuhkan. Sorakan iman Yosua melambangkan bahawa dia yakin Allah lebih kuat daripada tembok di depan mereka, dan impian TUHAN tercapai.

Bukankah penginjalan ke negara China tugas mustahil? Misi ini memerlukan begitu banyak kewangan dan kemampuan melintas budaya. Hudson Taylor percaya bahawa Allah berjalan di depannya dengan penuh kemenangan kerana dia tidak banyak menerima sokongan daripada saudara-saudari seiman. Tambahan pula, badan misi belum terwujud di sana. Akhirnya, Hudson Taylor berpakaian seperti orang di Tiongkok, memegang rambut seperti orang Cina, belajar Bahasa Mandarin dan kebudayaannya.

Allah telah menyerahkan tugas ini kepadanya dan dia hanya perlu bergerak berdasarkan iman. Ketika Hudson Taylor ditanyakan tentang misinya, dia berkata, “Aku selalu berfikir Tuhan sedang mencari orang yang cukup kecil dan lemah agar Dia boleh memakainya, dan akulah orang itu!” Siapa yang terduga “China Inland Mission” telah tertubuh dan penginjalan ke negara China bermula dari saat itu. Pada hari ini, air kerohanian yang subur mengalir di negara China kerana Allah jauh lebih kuat daripada Tembok Besar China! Kalau mubaligh-mubaligh tidak beriman dan tidak melangkah ke negara China pasti terang injil tidak akan bersinar dengan begitu terang.

Doa: Tuhan Maha Kuasa, aku mahu bersorak dengan kemenangan atas tugas yang sulit ini.

## EPISOD BARU

Renungan: **Yosua 3:15-17**

*Maka berhentilah air itu mengalir. Air yang turun dari hulu melonjak menjadi bendungan, jauh sekali, di dekat Adam, kota yang terletak di sebelah Sarton, sedang air yang turun ke Laut Araba itu, iaitu Laut Asin, terputus sama sekali, lalu menyeberanglah bangsa itu, di tentangan Yerikho.*

—Yosua 3:16

Paul Tournier dalam bukunya “The Adventure of Living” menjelaskan bahawa apabila Tuhan mengakhiri satu episod dalam kehidupan kita, episod baru terbuka di depan kita. Bersama Dia, kita menerokai yang baru. Sewaktu muda, kita meniti episode baru dengan tak sabar. Sewaktu kita lebih tua, kita melangkah berat kerana khuatir akan apa yang terbentang di depan kita.

Episod baru mungkin terjadi dalam pelayanan, pekerjaan, keadaan jasmani, perhubungan dan arah kehidupan anda. Kita perlu ingat Tuhan menyertai kita apabila kita mencelup kaki kita ke dalam sungai baru. Berkumit kamit dan menyebut, “Dia mengubah saat dan waktu, Dia memberi hikmat kepada orang bijaksana dan pengetahuan kepada orang yang berpengertian; Dialah yang menyingkapkan hal-hal yang tidak terduga dan yang tersembunyi, Dia tahu apa yang ada di dalam gelap, dan terang ada pada-Nya” (Daniel 2:21-22).

Jangan takut akan yang baru dalam kehidupan, berilah hidupmu bagi selembat kertas yang putih agar Dia dapat menulis dan melukis yang indah. Kalau Tuhan ingin anda maju, jangan takut berangkat ke alam baru dan mencabar iman anda. Setiap episod ada sesuatu pelajaran dan pengalaman yang indah daripada Tuhan sekalipun deruannya kuat.

Kalau para imam dalam kitab Yosua tidak mencelup kaki mereka di Sungai Yordan dan tertidur lena di khemah, mereka akan tetap meringkuk dalam khemah mereka di padang belantara. Tetapi dengan beriman, mereka mencelup kaki ke sungai yang menderu mereka dengan penuh iman. Rancangan Tuhan segera terbuka bagi mereka.

Tuhan, peganglah tanganku  
Ketika aku harus menurut kehendak-Mu  
Mengharungi sungai yang menderu  
Aku hanya berseru dengan iman  
Aku mencelup tanpa gentar  
Rancangan-Mu kugapai

---

Doa: Air menderu, hatiku berdebar, Tuhan, aku hulurkan tanganku kepada-Mu dan melangkah bersamaku.

## DAHULU KALA

Renungan: **Yosua 24:1-28**

*Berkatalah Yosua kepada seluruh bangsa itu. Beginilah firman Tuhan, Allah Israel: Dahulu kala di seberang sungai Efrat, di situlah diam nenek moyangmu yakni Terah, ayah Abraham dan ayah Nahor, dan mereka beribadah kepada allah lain.*

— Yosua 24:2



Generasi baru penting untuk menyalakan obor bagi kerajaan Allah dan wanita boleh memainkan peranan penting untuk memupuk kesetiaan mereka kepada Tuhan Yesus.

Pada akhir hayatnya, Yosua mengingat generasi muda untuk mengingat anugerah Tuhan. Mereka mesti mengingat anugerah Allah terhadap nenek moyang mereka. Dahulu kala, Terah, ayah Abraham dan ayah Nahor tinggal di seberang sungai Efrat sebenarnya beribadah kepada allah-allah lain. Dahulu kala, Tuhan bercampur tangan dalam kehidupan nenek moyang mereka dan memilih Abraham, serta memanggil dia menjelajahi seluruh tanah Kanaan dan mengikat perjanjian dengan mereka (Yosua 24:3).

Yosua mengingatkan generasi muda tentang segala mukjizat yang dilakukan oleh Tuhan kepada bangsanya sewaktu melepaskan mereka daripada cengkaman Mesir. “Yosua berusaha memberi khazanah sejarah mereka kepada generasi baru. Lalu Aku mengutus Musa serta Harun dan menulahi Mesir, seperti yang Kulakukan di tengah-tengah mereka, kemudian Aku membawa kamu keluar” (Yosua 24:5).

Yosua mengingat mereka tentang bagaimana Allah menolong mereka menghapuskan musuh mereka sehingga tanah perjanjian diserahkan dalam tangan mereka (Yosua 24:10-12). Kemenangan Allah seharusnya mengilhamkan generasi baru untuk setia selalu. Dia berkata: “Maka sekarang, jauhkan allah asing yang ada di tengah-tengah kamu dan condongkanlah hatimu kepada Tuhan, Allah Israel” (Yosua 24:23).

Hasil ilham, nasihat dan dorongan Yosua, umat Tuhan berkeputusan beribadah hanya kepada Allah sahaja. “Lalu jawab bangsa itu kepada Yosua: “Kepada TUHAN, Allah kita, kami akan beribadah, dan firman-Nya akan kami dengarkan” (Yosua 24:24). Yosua bukan hanya mendorong, tetapi juga mengikat perjanjian dengan mereka, dan menuliskan semua ini dalam batu besar supaya mereka boleh membacanya tentangnya (Yosua 24:26-27). Perhatian dan fokus Yosua bukan hanya pada apa yang telah dilakukan oleh dirinya tetapi apa yang perlu dilakukan oleh generasi berikutnya.

Doa: Allah Pencipta, berilah aku kebijaksanaan untuk mengilham generasi yang berikut agar mereka tetap setia kepada Engkau.

## BERILAH AKU PERGUNUNGAN!

Renungan: **Yosua 14:6-15**

*Oleh sebab itu, berikanlah kepadaku pergunungan, yang dijanjikan Tuhan pada waktu itu, sebab engkau sendiri mendengar pada waktu itu, bahawa ada orang Enak dengan kota-kota yang besar dan berkubu. Mungkin Tuhan menyertai aku, sehingga aku menghalau mereka seperti yang difirmankan Tuhan.*

—Yosua 14:12

Perkenalkan dengan Dr. Miriam Adeney seorang bidan penulis **B**mendatangkan ilham kepada aku. Sesudah Dr. Miriam mengajar dua bengkel penulisan di Malaysia, dia ke Hong Kong dan Nepal untuk melahirkan penulis lagi. Bidan penulis yang juga pengarang buku “Kingdom Without Borders” tidak lelah mengajar dengan kreatif. Jiwanya seperti jiwa Kaleb yang selalu muda dan bersemangat.

Kaleb sudah berumur hampir lapan puluh tahun namun semangatnya meluap-luap bagi Allah. Imannya terhadap Perjanjian TUHAN tidak pernah luput daripada ingatannya kerana dia tahu kesetiaan-Nya. Dia masih teringat kata-kata Musa, “Pada waktu itu Musa bersumpah, katanya: Sesungguhnya tanah yang diinjak oleh kakimu itu akan menjadi milik pusakamu dan anak-anakmu sampai selama-lamanya. Sebab engkau tetap mengikuti Tuhan, Allahku dengan sepenuh hati” (Yosua 14:9).

Kegigihan Kaleb tidak pernah bersurut menjelang senja hidupnya. Sewaktu Musa mengutusnyanya sebagai pengintip, Kaleb dan Yosua kembali dengan berita baik. Yang lain sudah tawar hati tetapi Yosua dan Kaleb mengikut TUHAN dengan sepenuh hati (Yosua 14:8). Kebesaran musuhnya tidak dilihat sebagai masalah baginya kerana bagai besi, kebesaran Allah tertancap pada jiwa mereka.

Pandangan rohaninya dan jiwanya berlainan dengan orang sesukunya. Musa berkata, “Tetapi hamba-Ku Kaleb, kerana lain jiwa yang ada padanya dan dia akan mengikut Aku dengan sepenuhnya, akan Kubawa masuk ke negeri yang telah dimasukinya itu, dan keturunannya akan memilikinya” (Bilangan 14:24). Doa Kaleb ketika berumur lapan puluh lima tahun ialah “Berilah aku pergunungan.” Impiannya menjangkau gunung dan dia siap berperang dengan raksasa Anakim dan menakluk kubu yang besar.

Wanita, berserulah, “Berikanlah aku pergunungan!” Jangan membiarkan usia mematahkan semangat anda dan menjadi halangan untuk bervisi besar bagi Allah anda. Berperang terus bagi Allah!

---

Doa: Allah Bapa, semakin meningkat usiaku, tambahkan semangat perjuanganku untuk kerajaan-Mu.

## WANITA YANG TAJAM

Renungan: **Yosua 1:6-9**

*Perkataan Allah adalah perkataan yang hidup dan kuat; lebih tajam dari pedang bermata dua. Perkataan itu menusuk sampai ke batas antara jiwa dan roh; sampai ke batas antara sendi-sendi dan tulang sumsum, sehingga mengetahui sedalam-dalamnya fikiran dan niat hati manusia.*

—Ibrani 4:12

Rahsia kemampuan ketajaman wanita bukan pada gincu merah tua yang mengancam melainkan ketajamannya diasah oleh firman Tuhan yang menusuk sampai ke batas antara jiwa dan roh. Itulah pedang yang digunakan selalu dalam hidup dan pelayanannya.

Sebagai pemimpin, minda dan batin Panglima Yosua selalu diasah oleh firman Allah. Siang dan malam dia mengasah pedang rohaninya dengan merenungi firman Tuhan. Perintah Tuhan kepadanya ialah, “Janganlah engkau lupa memperkatakan kitab Taurat ini, tetapi renungkanlah itu siang dan malam, supaya engkau bertindak hati-hati sesuai dengan segala yang tertulis di dalamnya, sebab dengan demikian perjalananmu akan berhasil dan engkau akan beruntung” (Yosua 1:8).

Merenungi firman Tuhan memang penting bagi wanita rohani kerana dia perlu memperoleh arahan daripada Panglimanya. Hanya dengan bertindak berhati-hati menurut firman Tuhan, kita akan meraih kemenangan. Dia tidak boleh membelok ke kanan atau ke kiri menurut keinginannya sendiri (Yosua 1:7).

Wahai wanita, renungi firman Tuhan dan jadikannya hembus doa anda supaya firman menjadi sebahagian daripada diri anda. Datanglah ke firman Tuhan bukan seperti orang yang kekurangan nafsu makan tetapi sebaliknya apabila anda membuka Alkitab biarlah firman-Nya menjadi jamuan jiwa anda. Beritahu atau ajar firman Tuhan apabila kamu duduk makan, baring mahupun bersama anak anda dalam kereta agar firman-Nya jadi hidup!

“Bacalah firman Allah dengan hati bukan sekadar mengerti sahaja. Dengan pengertian, saya mengetahui dan memahami, tetapi dengan hati, saya merinduinya, mengasihinya, dan memegangnya dengan erat... Menyangkal pengertian anda dan menunggu dengan rendah hati untuk Roh Allah. Pada setiap kesempatan, berdiam pada waktu anda membaca firman Allah, dan berkata kepada dirimu: “Firman ini aku terima dengan hatiku, untuk mengasahi dan untuk membiarkannya hidup dalam diriku” (Mazmur 119:10-11; Roma 10:8; Yakobus 1:21) (Andrew Murray).

Doa: Allah, aku ingin mengasah ketajaman minda, emosi dan rohaniku dengan pedang firman-Mu yang lebih tajam daripada pedang yang bermata dua.

## JANGAN BERSUMPAH

Renungan: **Yosua 9:1-27**

*Dan pada waktu itu Yosua menjadikan mereka tukang belah kayu dan tukang timba air untuk umat itu dan untuk mazbah TUHAN, sampai sekarang di tempat yang akan dipilih-Nya.*

—Yosua 9:27

“Jadi, lidah kau tiada bertulangkah?” kata Rocky.

“Ampuni aku Rock kerana terlanjur melafazkan sumpah cinta selamanya. Waktu itu aku kesepian,” kata Melanie sambil menunduk.

Bolehkah kita bersumpah?

Bagaimana kalau kita tidak memakai nama Allah dan bersumpah di atas nama langit? Bersumpah di atas nama langit mempunyai maksud terselindung. Langit itu takhta Allah maka kita seperti menyeret nama Allah yang bersemayam di syurga dalam sumpah kita. Bagaimana kalau kita bersumpah di atas bumi? Bumi itu tumpuan kaki Allah dan nama Allah juga terseret dalam sumpah kita. Bagaimana pulau kalau kita bersumpah di atas rambut kita? Nama Allah masih terseret dalam sumpah ini kerana Allah memerhati kita sehingga setiap urat rambut (Matius 5:33-37).

Kita tidak boleh bersumpah lalu bertindak bertentangan dengan sumpah kita. Ketika perjanjian diikat antara Yosua dan orang Gibeon dalam nama Allah Israel, perjanjian itu diperhatikan-Nya sekalipun orang Gibeon berbohong bahawa mereka berasal dari tempat yang jauh (Yosua 9:12-13). Orang Gibeon ini akan melayani sebagai tukang kayu yang membelah kayu dan menimba air di rumah Allah (Yosua 9:23).

Allah selalu mengingat perjanjian yang diikatkan oleh orang Gibeon dengan Yosua atas nama-Nya. Amarah Allah meluap-luap apabila keluarga Saul melekat hutang darah kerana membunuh orang Gibeon. Raja Daud telah membuat tebusan dosa setelah mengetahui kelaparan yang menimpa negaranya disebabkan Saul telah mengingkari perjanjian yang pernah diikrarkan dengan nenek moyang orang Gibeon (2 Samuel 21:2,5).

Akhirnya, mereka menjadi umat Allah yang istimewa dan terlibat dalam pembinaan Bait Allah sewaktu Allah membawa mereka kembali dari pembuangan (Nehemia 7:25, 73).

Wanita yang mengasihi Allah, jangan terburu-buru membuat perjanjian kosong mahupun mengeluarkan kata-kata manis sehingga orang lain tersandung apatah nama Allah turut terseret dalam sumpah anda.

---

Doa: Tuhan, aku tidak akan bersumpah kerana aku tidak menjadi batu sandungan bagi orang lain.

## RANCANGAN TUHAN

Renungan: **Amsal 4:25-27**

*Tempuhlah jalan yang rata dan hendaklah tetap segala jalanmu.*

— Amsal 4:26

Aku sedang makan angin di kota Ho Chin Minh dan sedang mencari cenderamata kecil. Menyeberangi jalan merupakan peristiwa yang paling mencabar kerana kereta-kereta datang dari pelbagai arah. Sengaja aku menaiki beca untuk menyelami perasaan berada di jalanraya tanpa arah trafik. Ngeri, tiba-tiba sebuah kereta muncul seakan-akan mahu menabrak beca aku.

Bagaimana pula kalau rancangan kehidupan kita seperti ini? Tiba-tiba muncul satu ide lalu kita berubah arah tanpa mengetahui panggilan Tuhan, akhirnya kita tertabrak sesuatu. Kita berubah lagi dan berubah lagi seperti beca Vietnam sewaktu bas datang ke arahnya! Pasti hidup kita bagai sungai berkocak-kocak lalu terhempas batu halangan.

Pernahkah anda berdoa dan meminta petunjuk Tuhan agar arah kehidupan anda ditetapkan-Nya. Kalau perjalanan anda kabur, doa agar Tuhan meneranginya sehingga anda boleh melihat panggilan-Nya dengan jelas. Setiap anak Tuhan mesti berdoa dan menanyakan kerjaya apakah yang diinginkan-Nya bukan keinginan hati kita sahaja.

Doa begini:

“TUHAN akan menyelesaikan bagiku! Ya TUHAN, kasih setia-Mu untuk selama-lamanya; janganlah Kautinggalkan perbuatan tangan-Mu” (Mazmur 138:8). Aku mahu TUHAN dengan jelas membimbing aku ke arah dan jalan yang Engkau tentukan sejak aku berada dalam kandungan ibuku” (Mazmur 139:15-16).

Minta rahmat Allah untuk menunjukkan arah-Nya dan menyempurnakan rancangan-Nya supaya anda tidak menghabiskan separuh hidup anda di luar kehendak TUHAN. Sedangkan telinga anda untuk suatu jangka waktu, berdoa dan meminta arah daripada Tuhan. Sewaktu Samuel mencari Eli tentang suara yang sedang memanggilnya, Eli menggalakkan Samuel berkata kepada Allah, “Berbicaralah TUHAN, sebab hamba-Mu ini mendengar” (1 Samuel 3:9).

“Anda tidak boleh hidup hanya untuk hiburan saja. Ia hanyalah buih di permukaan air, seinci dalamnya dan kemudian lumpur sahaja” (George MacDonald). Carilah Tuhan dan meminta petunjuk secara serius agar anda akan mencapai impian-Nya.

Doa: Rancangan-Mu yang terindah, genapilah dalam kehidupanku,  
ya Allahku.

## TEMBOK BESAR DAN JALAN KECIL

Renungan: **Matius 5:13-16**

*Kamu ialah cahaya dunia ini. Kota di atas bukit tidak mungkin tersembunyi. —Matius 5:14*

**U**ntuk melindungi kerajaannya dari serangan suku Xiongnu, Qin Shin Huang Ti telah mendirikan Tembok Besar China di sebelah Utara kerajaannya.

Sewaktu kawan-kawan saya ingin berjalan selama tujuh jam di Tembok Besar China bukan lima belas minit, aku berbisik, "Habislah aku!" Mendaki Tembok Besar China tidak mudah kerana banyak bahagian tembok ini sudah rosak. Semakin saya mendaki, tembok itu seakan-akan semakin panjang.

Kami tinggal dekat perkampungan Tembok Besar China yang sungguh indah dan kuno. Di depan gerbang rumah, ayam berkokok dan jagung kering bertumpukan menghiasinya. Kami dibawa oleh Puan Lee ke kebunnya untuk melihat sebuah jalan kecil berdekatan Tembok Besar China. "Kanak-kanak di kampung itu mesti menelusuri jalan ini sebelum mendaki sebahagian Tembok Besar China ketika ke sekolah," katanya dengan ceria.

Sebelumnya anak-anak kami meranduk sungai dingin sewaktu pulang dari sekolah. Mengharungi air dingin menyebabkan kaki mereka terluka. Ibu bapa mereka hanya menitis airmata ketika melihat kaki anak-anak mereka membeku dan terluka. Datuk Weng Fu berusaha sedaya upaya menolong anak-anak kecil ini dengan membina sebuah jalan kecil itu. Puji Tuhan, kini kanak-kanak yang pernah menggunakan jalan ini sudah menuntut di Universiti Beijing. Datuk Weng Fu sudah meninggal dunia tetapi kasihnya terpahat pada ingatan penduduk-penduduk kampung.

Tembok Besar China merupakan karya hebat berjutaan rakyat Cina yang mengorbankan nyawa namun jalan yang kecil ini sehebat Tembok Besar Cina. Jalan kecil ini dibina dengan tangan kasih. Walaupun datuk Weng Fu sudah kembali ke sisi Allah, jalan kecil yang dibinanya sudah ditutupi lalang terang kasihnya masih dikenangi penduduk kampung ini.

"Tuhan Yesus meminta agar kita bersinar  
 Dengan terang yang terang dan suci  
 Seperti lilin yang bersinar pada waktu malam  
 Anda di sudut kecil dunia anda  
 Dan saya di sudut dunia saya." (Susan Warner)

Doa: Tuhan Yesus, biar sinaran kasih-Mu menyinari setiap sudut duniaku  
 bagai lampu yang ternyata kekal.

## KE TEMPAT BARU

Renungan: **Kejadian 12:1-9**

*Lalu pergilah Abram seperti yang difirmankan TUHAN kepadanya, dan Lot pun ikut bersama-sama dengan dia; Abram berumur tujuh puluh lima tahun ketika dia berangkat dari Haran.*

—Kejadian 12:4

**H**anya wanita yang terbuka kepada rancangan yang mustahil dan beriman dapat menemui rahsia bintang baru. Banyak ladang pelayanan telah diterokai oleh wanita yang berani percaya kepada kemusykilan, dan terbuka kepada bisikan Allah.

Ketika Allah berfirman kepada Abraham, dia menurut tanpa keraguan. "...Pergilah dari negerimu dan dari sanak saudaramu dan dari rumah bapamu ini ke negeri yang akan Kutunjukkan kepadamu" (Kejadian 12:1). Seandainya Abraham tidak membuka hatinya kepada Allah, dia tidak akan menempuh segala ketidakpastian. "Kerana iman Abraham taat, ketika dia dipanggil untuk berangkat ke negeri yang akan diterima menjadi pusaknya, lalu dia berangkat dengan tidak mengetahui tempat yang ditujuinya" (Ibrani 11:8).

Dia menjadi bapa leluhur yang menerokai dan membuka bab baru dalam sejarah umat Allah kerana imannya. Stefanus dalam Perjanjian Baru menyampaikan cerita yang penuh ilham ini, "...dan di situ Allah tidak memberikan milik pusaka kepadanya, bahkan setapak tanah pun tidak, tetapi Dia berjanji akan memberikan tanah itu kepadanya menjadi kepunyaannya dan kepunyaan keturunannya, walaupun pada waktu itu dia tidak mempunyai anak" (Kisah Para Rasul 7:5).

Allah menguatkannya sepanjang perjalanannya dengan bisikan-Nya. "Kemudian datanglah firman TUHAN kepada Abram dalam suatu penglihatan: "Janganlah takut, Abram, Akulah perisaimu; upahmu akan sangat besar" (Kejadian 15:1). Sewaktu isterinya masih mandul, Tuhan memberi keyakinan, "Lalu berfirman, 'Cuba lihat ke langit, hitunglah bintang-bintang jika engkau dapat menghitungnya.' Maka firman-Nya kepadanya: 'Demikianlah banyaknya nanti keturunanmu'" (Kejadian 15:5).

Wanita, iman adalah kepastian akan perkara-perkara yang diharapkan, keyakinan akan perkara-perkara yang tidak dilihat (Ibrani 11:1,KSZI). Abraham telah menerima warisan bagi dirinya dan umat Tuhan kerana iman. Iman juga yang menolong Sarah beroleh kekuatan untuk mengandungkan benih lalu melahirkan anak wahal usianya sudah lanjut (Ibrani 11:11). Bagi Abraham dan Sarah, keturunan sebanyak bintang-bintang di langit tidak mustahil kerana iman melihat hanya perjanjian Allah.

Doa: Tuhan Perancang kehidupanku, aku rela menempuh jalan yang Engkau pilih yang penuh dengan kemusykilan kerana Engkau bersamaku.

## LEMAH LEMBUT DAN RENDAH HATI

Renungan: **Matius 5:1-9; Kejadian 13**

*Berbahagia lah orang yang lemah lembut, kerana mereka akan memiliki bumi. —Matius 5:5*

Wanita yang bersifat lemah lembut selalu bersabar, bersikap rendah hati dan bertimbang rasa. Dia bersikap rendah hati baik di hadapan Allah mahupun manusia. Sifat lemah lembut adalah sifat paling berharga yang patut dimiliki wanita yang mengasihi-Nya.

“Untuk Tuhan Yesus, sifat lemah lembut itu suatu sifat dan bukan pembawaan. Sifat ini berlawanan dengan kecemburuan dan sifat yang mementingkan diri sendiri. Orang yang memiliki sifat ini akan berusaha menyenangkan orang lain dan tidak menonjolkan diri. Sifat ini berasal daripada kelemahan-lambutan seseorang yang sedar akan kemiskinan rohaninya dan kebergantungannya kepada Allah serta membiarkan-Nya mengawal dirinya” (Daniel M. Doriani).

Dalam dunia agresif ini, manusia berfikir bahawa insan yang pandai merebut mendapat bahagian terbesar. Ini berlawanan dengan pandangan Alkitabiah. Sifat Abraham yang lemah lembut terselar dalam pembawaannya. Abraham meninggalkan kampung halamannya ke Tanah Negeb bersama isterinya dan anak saudaranya, Lot. Abraham membawa domba, periuk belanga, emas dan perakunya. Negeri itu tidak dapat memuatkan mereka dan harta benda mereka; oleh itu, Abraham harus berpisah dengan anak saudaranya, Lot. Di hadapan mereka ada lembah Yordan yang bergelincangan air dan tanah lain pula agak gersang.

Sebagai bapa saudara, Abraham berhak memilih yang terbaik. Abraham yang bersifat lemah lembut memberi Lot hak pemilihan terlebih dahulu. “...Baiklah pisahkan dirimu daripadaku; jika engkau ke kiri, maka aku ke kanan, jika engkau ke kanan, maka aku ke kiri” (Kejadian 13:9). Dia tidak meninggalkan sisa bagi anak saudaranya, sebaliknya, anak saudaranya dapat memilih yang terbaik. Walaupun Lot sudah memilih tanah yang terbaik bagi diri sendiri, Abraham tetap memilih yang terbaik iaitu sikap lemah lembut dan sikap mementingkan dan mendahului orang lain. Pemazmur berkata, “Tetapi orang yang rendah hati akan mewarisi negeri dan bergembira kerana kesejahteraan yang berlimpah-limpah” (Mazmur 37:11).

Walaupun wanita semakin berjaya di pelbagai arena, kerendahan hati dan lemah lembut tetap menjadi mahkota yang dipertahankan wanita rohani. Sifat lemah lembut membuktikan bahawa dia semakin bertumbuh menyerupai Tuhan Yesus.

Doa: Allah, aku tetap mempertahankan bahagian yang lebih diberkati iaitu jiwa yang lemah lembut.

## YANG ADA SATU KAKI MEMBERI RESPON

Renungan: **Matius 28:16-20**

*Kerana itu pergilah, jadikanlah semua bangsa murid-Ku dan baptislah mereka dalam nama Bapa dan Anak dan Roh Kudus.  
—Matius 28:19*

Di tengah-tengah suasana politik ketat di negara China, air rohani terus membual-bual di kalangan anak-anak Allah. Wenzou hidup banyak umat Kristian. Di sini, terpampang gereja tertua di China, Gereja Chengxi. Keajaiban Wenzou disebabkan oleh askar Kristus yang berkaki satu sahaja.

Betapa besar kasih Tuhan yang memandang hati hancur seorang pemuda yang terlantang atas katil kerana kehilangan satu kaki. Sudah punahkah masa depan pemuda ini kerana satu kakinya diamputasi? Tidak, dia akan pergi ke tempat di mana penduduknya padat selama 23 tahun. Tempat istimewa ini Wenzou!

Bagaimana cerita ajaib ini bermula?

George menghidu udara segar di kampungnya di mana keluarganya bertani tanpa mengetahui hari ini bukan hanya tubuhnya tetapi juga hatinya. Dia hanya berumur sembilan belas tahun pada hari itu. George Stott terpeleset dan lututnya terhantuk seketul batu sehingga bengkak. Tanpa disedarinya, kakinya terpaksa diamputasi. Arah perjalanan hidupnya berubah ketika dia terlantang dalam kesakitan atas katilnya. Selama ini dia tidak begitu peduli akan kasih Tuhan namun saat ini, dia menyelami betapa besar kasih Allah bagi dirinya.

Kasih George Stott akan Allah semakin hangat. Dia menjadi guru selama beberapa tahun sebelum dia mendengar tentang misi di China. Hatinya begitu meluap-luap, dia memohon menjadi misionari kepada China Inland Mission. Walaupun Hudson Taylor tahu tidak ada pertubuhan misi akan mengutus misionari yang hanya berkaki satu, dia tetap menerima George Stott. Apabila George ditanya kenapa dia ingin menjadi misionari walaupun hanya berkaki satu, dia berkata, "Saya tidak melihat mereka yang mempunyai dua kaki memberi respon untuk Misi."

Alasan apakah yang dikemukakan oleh wanita untuk menyangkal misi? George Stott tidak memandang kelemahan diri sebagai akhir misinya. Jika anda ke Wenzou, cerita misionari yang mempunyai berkaki satu kerap dikumandang orang Kristian.

Doa: Tuhan, Pengutus pekerja di ladang-Mu, aku mengakui bahawa tidak ada alasan untuk menjauhkan diri aku dari misi-Mu.

## SINDIRAN DAN OLOKAN

Renungan: **Lukas 23:1-12**

*Dia mengajukan banyak pertanyaan kepada Yesus, tetapi Yesus tidak memberi jawapan apa pun. —Lukas 23:9*

**T**eringatkah waktu anda disindir? Naluri alamiah anda ialah menyindir kembali dengan sepuas-puasnya. Bagi wanita lain pula, mereka merasa seakan-akan ingin memasukkan kepala ke dalam kulit kerang untuk menghilangkan rasa malu. Yang lain akan ketawa, “Ha! Ha! Wah hebatnya, awak mengenali aku jauh lebih baik daripada aku mengenal diri sendiri! Terima kasih atas pemerhatian yang begitu teliti.”

Orang yang menyindir ingin melihat mangsanya marah dan menjatuhkan air mukanya. Kalau mangsanya berjaya meletup bagai gunung merapi maka orang ini sudah berjaya. Sewaktu kita tidak menunjukkan perasaan kita, tukang sindir ini akan kehilangan keseronokan menyindir dan mengundur diri. Jadi, anda boleh berpura-pura tidak memahami apa yang dikatakannya. .

Bagaimanakah Tuhan Yesus bersikap ketika disindir? Tuhan Yesus tidak membalas dengan mengutuk mereka menjadi ulat. Sewaktu Pilatus bertanya Tuhan Yesus, “Engkaukah raja Yahudi?” Jawab Yesus: “Engkau sendiri mengatakannya” (Lukas 23:3). Pilatus mungkin sedang bermaksud adakah anda yang kelihatan biasa-biasa ini Raja Yahudi. Saat itu, Tuhan Yesus boleh dengan perintah-Nya menggoncangkan tiang di tempat itu untuk mengerikan Pilatus sehingga dia sujud menyembah.

Apabila Tuhan Yesus dihantar kepada Herodus, orang ini merasa sungguh seronok kerana dia berkesempatan bergurau kejam. Jubah yang diletakkan ke atas bahu Tuhan Yesus kemungkinan jubah yang tidak dipakainya lagi dan menghina-Nya. Tuhan Yesus tidak menukarkan Herodus menjadi tikus.

Tuhan Yesus tidak menjawab satu pertanyaan Herodus pun sekalipun Herodus mulai menista Dia, lalu mengirimi Dia kembali kepada Pilatus sebagai olokan besar (Matius 23:11). Herodus sedang menyindir status Tuhan Yesus sebagai Raja, “Jadi engkau tak malu menganggap diri sebagai raja? Mungkinkah?” Tuhan Yesus tidak membuang waktu sindir menyindir kerana Dia tahu Herodus memiliki pengetahuan terbatas dan berniat jahat.

Wahai wanita, usahlah terjebak dalam drama sindir menyindir. Ikutlah teladan Tuhan Yesus yang tidak terlibat dalam membalas sindiran. Perkataan yang sia-sia tidak memuliakan nama Tuhan Yesus yang Maha Mulia.

Doa: Tuhan Yesus yang kusanjungi, ajarlah aku bersikap seperti Diri-Mu sewaktu dilontarkan sindiran-sindiran yang memalukan.

## KARUNIA ANDA

Renungan: **1 Timotius 4:14-16**

*Jangan lalai dalam mempergunakan karunia yang ada padamu, yang telah diberikan kepadamu oleh nubuat dan dengan penumpangan tangan sidang penatua. —1 Timotius 4:14*

Setiap wanita diberikan karunia istimewa yang perlu digunakan dan dipertajamkan demi kerajaan Allah. Roh Allah yang adil telah memberi setiap wanita karunia khusus. Tanggungjawab kita mencari permata ini, memuji Allah atas karunia Roh-Nya dan mengasahnya untuk pelayanan Tuhan. Penguburan karunia ini bererti kita kehilangan pedang dalam pelayanan kita. Kelalaiannya mendukakan dan menghampakan Roh Kudus.

Karunia anda mungkin seperti permata mentah yang terkubur. Anda perlu menggunakannya demi menolong orang lain dalam kerajaan-Nya. Kasih sayang harus menjadi dasar penggunaan karunia yang diberi oleh Roh Kudus. Libatkan diri anda dalam pelayanan sehingga anda semakin jelas akan karunia yang diberikan Roh Kudus.

Ketika Rasul Paulus menulis surat kepada Timotius, anak rohaninya masih muda dan kekurangan keyakinan. Dia masih takut menggunakan karunia dengan sepenuhnya. Kalau karunianya tidak diolahkan, dia tidak boleh bertumbuh seperti yang dikehendaki oleh Tuhan. Rasul Paulus ingin Timotius berani walaupun dia tidak berada di sisinya kerana Roh Allah bersamanya. Dia mengingatkan Timotius bahawa karunia ini pemberian ilahi yang diberikan Allah sewaktu penatua menumpang tangan ke atasnya.

Kalau kita berani menggunakan karunia yang diberikan Tuhan kita tidak takut akan cabaran. Banyak “naga” menyerang kita tetapi apabila kita berani memenggal semua kepala naga ini dalam perang rohani, jelaslah karunia yang diberikan Allah. Ingat selalu, kris yang tersarung hanya berfungsi sebagai perhiasan.

Setelah anda berjaya menggunakan karunia anda, tibalah masa mencari seseorang yang memerlukan galakan anda. Galakkan mereka menggunakan karunia mereka dengan kasih setia dalam pelayanan. Paulus selalu mengingatkan Timotius, “Apa yang telah engkau dengar daripadaku di depan banyak saksi, percayakanlah itu kepada orang-orang yang dapat dipercayai, yang juga cakap mengajar orang lain” (2 Timotius 2:2). Karunia khusus Timotius ialah kemampuan mengajar. Dia bukan hanya perlu cekap mengajar tetapi dia juga perlu melatih orang lain untuk mengajar dan memberitakan injil. Selidiki dan doa agar anda jelas akan karunia yang sudah diberikan kepada anda.

Doa: Tuhan Pengutus misi dan pelayanan, ajarlah aku mengasah karunia yang Engkau berikan agar aku dapat berperang rohani.

## HANYA ENKKAU

Renungan: **Yesaya 62:4-5**

*Tujukanlah pandanganmu kepada-Nya, makamu akan berseri-seri dan tidak akan malu tersipu-sipu. —Mazmur 34:6*

Apabila kita menulis satu cerita, perancangan 'storyboard' atau 'urutan ceritanya' terlebih dahulu sungguh penting. Kita memikirkan temanya mahupun watak utamanya sebelum mengembangkan ceritanya. Perkembangannya yang terperinci mengalir kemudian. Demikian juga seorang arkitek akan menggambarkan rangkaiannya utama sebelum melukiskan setiap ruangannya.

Wanita perlu mengetahui keutamaannya kerana banyak urusan yang menuntut perhatian kita—urusan dapur hingga ke urusan sekolah anak-anak dan penjagaan ibu bapa. Kadangkala kita lupa watak dan tema utama hidup kita. Kita tenggelam dalam urusan seharian dan lupa kepada wajah-Nya.

Kita mesti memainkan peranan sebagai anak Tuhan sebelum menunaikan tugas sebagai ibu mahupun isteri. TUHAN tetap mengingini persekutuan, doa dan kerajinan kita mengaji firman TUHAN. Hanya kalau kita takut akan TUHAN, baru kita boleh mengajar anak-anak kita... "Marilah anak-anak, dengarkanlah aku, takut akan TUHAN akan kuajarkan kepadamu!" (Mazmur 34:10).

Letakkan TUHAN di depan perjalanan kita bukan di belakang kita. Berserulah selalu kepada yang Maha Kuasa dan Maha Penyayang. Hanya TUHAN dapat memberi kita sukacita yang berlimpah-limpah. "Engkau memberitahukan kepadaku jalan kehidupan di hadapan-Mu ada sukacita berlimpah-limpah, di tangan kanan-Mu ada nikmat senantiasa" (Mazmur 16:11).

TUHAN ingin keintiman persekutuan anda. Wanita, anda bagai pengganti perempuan dan Dia ingin mencurahkan kasih-Nya yang suci dalam hidup anda "Sebab seperti seorang muda belia menjadi suami seorang anak dara, demikianlah Dia yang membangun engkau akan menjadi suamimu, dan seperti girang hatinya seorang mempelai melihat pengganti perempuan, demikianlah Allahmu akan girang hati atasmu" (Yesaya 62:5).

Ya Allahku, apabila segala belas kasihan-Mu  
Terlihat oleh jiwaku  
Yang kulihat membuat aku terbenam  
Dalam kasih, kekaguman dan pujian (Joseph Addison)

Doa: Bapa Syurgawi, aku sedar bahawa tema dan watak utama hanya Engkau.

## BERAT TULANG

Renungan: **Amsal 15:19**

*Dia mencari bulu domba dan rami, dan senang bekerja dengan tangannya. — Amsal 31:12*

Hari ini nyaman, Ani berdengus di bawah pokok kelapa. Burung berkicauan, dan angin sepoi-sepoi mengelus mukanya dengan lembut. Benih di bakulnya membawa jamuan gembira kepada burung-burung pergunungan Bario. Sewaktu Gawai, Ani selalu tidak menuai selumayan petani-petani lain di kampungnya.

Pekerjaan memang rancangan Allah untuk kehidupan kita. Kebudayaan berat tulang tidak pernah tercatat dalam diari bagi kita. Allah meletakkan satu corak dan irama pekerjaan bagi manusia sejak dalam Kitab Kejadian. Allah rajin menciptakan langit dan bumi selama enam hari, pada hari yang ketujuh Dia berehat. Orang yang bekerja sehingga mengabaikan tubuh dan jiwa pun tidak menurut jalur irama kerja Tuhan.

“Demikianlah diselesaikan langit dan bumi dan segala isinya. Ketika Allah pada hari ketujuh telah menyelesaikan pekerjaan yang dibuat-Nya itu, berhentilah Dia pada hari ketujuh dari segala pekerjaan yang telah dibuat-Nya itu. Lalu Allah memberkati hari ketujuh itu dan menguduskannya, kerana pada hari itulah Dia berhenti dari segala pekerjaan penciptaan yang telah dibuat-Nya itu” (Kejadian 2:2-3).

Wanita yang tidak menggunakan tangan dan bakatnya akan kehilangan semangat dalam kehidupan. Setiap wanita perlu mengetahui pekerjaan apakah yang telah ditentukan dalam kehidupannya dan tidak mencari alasan tidak membajak. Wanita yang berat tulang tidak memperoleh kepuasan emosi mahupun minda kerana hasil tangannya tidak pernah mencatat rekod kebanggaan. “Orang malas tidak akan menangkap buruannya, tetapi orang rajin akan memperoleh harta yang berharga” (Amsal 12:27).

“Hati si pemalas penuh keinginan, tetapi sia-sia,  
Sedangkan hati orang rajin diberi kelimpahan.” (Amsal 13: 4)

“Pada musim dingin si pemalas tidak membajak;  
Jikalau dia mencari pada musim menuai,  
Maka tidak ada apa-apa.” (Amsal 20:4)

“Hai pemalas, pergilah kepada semut, perhatikanlah lakunya dan jadilah bijak: biarpun tidak ada pemimpinnya, pengaturnya atau penguasanya, ia menyediakan rotinya di musim panas, dan mengumpulkan makanannya pada waktu panen” (Amsal 6:6).

Doa: Tuhan, tolonglah aku menyelam sesuatu dengan kerajinan tanganku dan mendatangkan kemuliaan bagi-Mu.

## KE HADIRAT-MU

Renungan: **Lukas 18:1-8; Roma 8:26**

*Yesus mengatakan suatu perumpamaan kepada mereka untuk menegaskan bahawa mereka harus selalu berdoa dengan tidak jemu-jemu. —Lukas 18:1*

Delas kasihan Allah mengundang kita ke hadirat Allah dengan segera. Tuhan Yesus mengajar sebuah perumpamaan tentang seorang janda yang berkali-kali meminta seorang hakim membelanya daripada lawannya. Akhirnya, hakim yang lalim itu menolongnya kerana takut wanita ini akan merosakkan namanya. Begitu juga, Allah siap menolong orang pilihan-Nya siang dan malam kalau mereka memohon pertolongan daripada-Nya.

Ketika John Wesley berdoa bagi England, negara itu mengalami kebangunan rohani kerana ketekunan doanya dan kerinduannya untuk melihat pembaharuan kehidupan rohani manusia.

Martin Luther berkata, “Kerja, kerja dan lebih kerja lagi dari awal hingga malam. Saya mempunyai begitu banyak untuk dikerjakan sehingga saya mesti meluangkan tiga jam berdoa terlebih dahulu.” Semakin sibuk kehidupan anda, semakin banyak doa perlu anda naikkan ke takhta Tuhan.

Charles Finney berdoa berjam-jam sebelum membimbing 2-5 juta jiwa kepada Kristus. Mengapakah anda menyampaikan injil kepada begitu banyak orang dan tidak ada yang bertaubat? Sertailah setiap khutbah dan usaha penginjilan dengan doa yang bersungguh-sungguh.

E.M. Bounds mempercayai bahawa Tuhan membentuk dunia melalui doa dan semakin banyak doa dinaikkan di dunia, wujud lebih banyak kuasa yang melawan kejahatan. Wah, semakin hari semakin banyak peristiwa ngeri terjadi di Malaysia. Kita perlu meningkatkan usaha doa sehingga terang ilahi menyinari setiap sudut yang gelap.

Corrie Ten Boom berkata, “Jangan berdoa hanya kerana anda merasa ingin berdoa. Buat satu pertemuan dengan Tuhan dan menepatinya. Seorang wanita sungguh berkuasa sewaktu dia berlutut.” Bilakah kali terakhir anda berbuat pertemuan dengan Tuhan? Kurangkan pertemuan makan rojak dan menepati pertemuan doa bersama dengan Tuhan.

Matusi Henry berkata, “Orang Kristian yang tidak berdoa adalah seperti manusia hidup yang tidak ada nafas.” Kita bergerak tetapi hanya rangka-rangka tulang kita berderak-derak?

---

Doa: Saat manis ini, aku mendekati hadirat-Mu dan berdoa lagi, sirami aku dengan Roh Kudus-Mu kerana aku tidak tahu apa yang harus didoakan.

## BERBAHAGIALAH WANITA YANG BERDUKACITA

Renungan: **Yakobus 4:8-10**

*Berbahagialah orang yang berdukacita,  
kerana mereka akan dihibur.  
—Matius 5:4*

**H**ati siapakah yang akan mengalami pemerintahan Raja Syurgawi dan mengalami sukacitanya?

“Sebab beginilah firman Yang Maha Tinggi dan Yang Maha Mulia, yang bersemayam untuk selamanya dan Yang Maha Kudus nama-Nya. ‘Aku bersemayam di tempat tinggi dan di tempat kudus tetapi juga bersama-sama orang yang remuk dan rendah hati untuk menghidupkan semangat orang-orang yang rendah hati dan untuk menghidupkan hati orang-orang yang remuk’” (Yesaya 57:15).

Wanita janganlah kita datang ke hadirat-Nya dengan penuh kebanggaan akan kebaikan sendiri tetapi marilah mempersembahkan hati yang remuk.

Yakobus bersabda, “Mendekatlah kepada Allah, dan Dia akan mendekat kepadamu. Tahirkanlah tanganmu, hai kamu orang berdosa! Dan sucikanlah hatimu, hai kamu yang mendua hati. Sedarilah kemalanganmu, berdukacita dan merataplah; hendaklah tertawamu ganti dengan ratap dan sukacitamu dengan dukacita. Rendahkanlah dirimu di hadapan Tuhan, dan Dia akan meninggikan kamu” (Yakobus 4:8-10).

“Kita harus menjadi miskin dalam jiwa sebelum kita dipenuhi dengan Roh Kudus. Negatif sebelum positif. Di sini kita diperhadapkan dengan sesuatu yang sama-keyakinan sebelum pertaubatan, suatu pengertian bahawa keyakinan akan dosa sebelum kita mengalami sukacita penyelamatan. Inilah intisari injil yang utuh. Begitu banyak orang telah meluangkan begitu banyak waktu mencari sukacita Kristian ini...Mereka gagal melihat mereka mesti diyakini akan dosa sebelum mereka mengalami sukacita. Namun, mereka tidak suka akan ini dan akan menentangnya kalau dihutbah tentang dosa. Mereka ingin sukacita tanpa diyakini akan dosa mereka. Hal ini tidak mungkin dilakukannya, dan hal ini tidak akan dimiliki mereka” (D. Martyn Lloyd-Jones).

Wahai wanita, Allah mula berkarya dalam jiwa yang berdukacita akan dosa. “TUHAN merapati orang yang patah hati dan menyelamatkannya daripada segala-galanya” (Zabur 34:18, KSZI). “Korban untuk Allah ialah hati yang hancur, hati yang hancur dan sesal. Ya Allah, tidak akan Kauremuhkan” (Zabur 51:17). Berilah kepada Tuhan hati yang remuk sebelum anda berdansa dalam sukacita.

Doa: Tuhan Yesus, ampunilah aku akan dosaku dan sucikan aku  
kerana aku ingin hidup berkenan kepada-Mu.

## BERBAHAGIALAH ORANG YANG DIANIAYA

Renungan: **Matius 5:12**

*Berbahagialah orang yang dianiaya oleh sebab kebenaran,  
kerana merekalah empunya Kerajaan Syurga.*

—Matius 5:10

Penganiayaan orang Kristian bermula sejak awal lagi daripada orang Yahudi dan kerajaan Rom. Penganiayaan ini dilanjutkan dari abad pertama dan abad keempat hingga ke zaman pemerintahan raja Konstantine. Orang Kristian awal dianiayai kerana mereka berkhotbah Mesias yang tidak diharapkan oleh orang Yahudi. Penganiayaan tentunya bukan sesuatu yang membawa kegembiraan- dipukul, ditolak ke jurang yang mendalam, dilemparkan ke dalam gelanggang singa, dan dijadikan suluh berapi memang mengerikan jiwa kita.

Tuhan Yesus memberitahu kita bahawa kita akan menelusuri jalan yang pernah diambil-Nya. “Jikalau dunia membenci kamu, ingatlah bahawa ia telah lebih dahulu membenci Aku daripada kamu. Sekiranya kamu dari dunia, tentulah dunia mengasihi kamu sebagai miliknya. Tetapi kerana kamu bukan dari dunia, melainkan Aku telah memilih kamu dari dunia, sebab itulah dunia membenci kamu. Ingatlah apa yang telah Kukatakan kepadamu: Seorang hamba tidaklah lebih tinggi daripada tuannya. Jikalau mereka telah menganiaya Aku, mereka juga akan menganiaya kamu...” (Yohanes 15:18-20).

Penganiayaan tidak dapat dielak kerana suku anda tidak mengenal Tuhan Yesus. “Tetapi semuanya itu akan mereka lakukan terhadap kamu kerana nama-Ku, sebab mereka tidak mengenal Dia, yang telah mengutus Aku” (Yohanes 15:21). Penganiayaan terjadi kerana kita hidup mengikut gaya dan taraf yang diinginkan oleh Tuhan dan tidak mengikut dunia (1 Petrus 2:19-20).

Jalan ke kalvari yang ditempuh Tuhan Yesus tidak mudah tetapi itu perjalanan yang mengubah sejarah sejagat. Jalan ke kalvari penuh dengan penganiayaan tetapi setiap darah dan tangisan airmata yang dititiskan demi penyelamatan umat manusia berharga. .

Anda kemungkinan kehilangan segala hak warisan anda. Hak rakyat duniawi mungkin tidak dapat dipertahankan tetapi hak rakyat syurgawi milik anda. “Bersukacita dan bergembiralah, kerana upahmu besar di syurga, sebab demikian juga telah dianiaya nabi-nabi yang sebelum kamu” (Matius 5:12).

---

Doa: Allah Maha Hadir, aku bersiap menelusuri jalan Kalvari yang berliku-liku kerana setiap saatnya bernilai dalam Kerajaan Allah yang kekal.

## HATI SEORANG WANITA

Renungan: **Matius 5:8**

*Berbahagialah orang yang suci hatinya,  
kerana mereka akan melihat Allah.*

—Matius 5:8

Wahai wanita, bagaimana hati kita boleh menjadi suci kalau pada resminya hati kita licik? Yeremia menasihati kita jangan percaya kepada hati kita kerana hati kita berdosa bukan hanya membeku terhadap kasih Tuhan malahan mengganas dan licik. “Betapa liciknya hati, lebih licik daripada segala sesuatu, hatinya sudah membatu: siapakah yang dapat mengetahuinya?” (Yeremia 17:9).

Hanya Tuhan Yesus dapat memberi kita hati yang baru sehingga kita menyimpan perintah-Nya dalam batin kita. “Tetapi beginilah perjanjian yang Kuadakan dengan kaum Israel sesudah waktu itu, demikianlah firman TUHAN: Aku akan menaruh Taurat-Ku dalam batin mereka dan menuliskan-Nya dalam hati mereka; maka Aku akan menjadi Allah mereka dan mereka akan menjadi umat-Ku” (Yeremia 31:33).

Musa memanggil umat Tuhan untuk menyunat hati mereka daripada segala yang tidak berkenan, “Sebab itu sunatlah hatimu dan janganlah lagi kamu tegar tengkuk” (Ulangan 10:16). “Hati yang tersunat akan mendatangkan ibadah yang murni. Tuhan paling membenci mereka yang datang beribadah tetapi hati mereka jauh daripada-Nya. Itu kemurtadan!” (Matius 23:23).

Wanita, hati mencerminkan segala keberadaan kita. Dosa akan menyelinap dan membawa kesengsaraan kepada hati yang tidak terpaut kepada Tuhan. Hati kita bagai menara kawalan Tuhan yang mengarahkan kehidupan kita. Yakobus menasihati kita, “Mendekatlah kepada Allah, dan Dia akan mendekat kepadamu. Tahirkanlah tanganmu, hai kamu orang-orang berdosa! Dan sucikanlah hatimu, hai kamu yang mendua hati!” (Yakobus 4:8).

O untuk hati untuk memuji TUHANku

Hati yang dibebaskan dari dosa

Hati yang selalu merasa darah-Mu

Yang dicurahkan bagiku

Hati yang berpasrah, menunduk, dan rendah hati

Di hadapan takhta Penebus Agungku

Di sini hanya Kristus bersabda

Di sini hanya Kristus memerintah (Charles Wesley)

Doa: Roh Kudus bulatkan hatiku agar aku tidak hanya mengikut Engkau  
hanya dengan separuh hatiku.

## CAMKAN SUMBERNYA

Renungan: **Yakobus 4:1-4; Matius 15:18-19**

*Kerana dari hati timbul segala fikiran jahat, pembunuhan, perzinaan, percabulan, pencurian, sumpah palsu dan hujat.*

—Matius 15:19

“Seperti air mencerminkan wajah, demikianlah hati manusia mencerminkan manusia itu” (Amsal 27:19).

Hati kita mencerminkan siapa diri kita yang sebenarnya seperti yang dijelaskan oleh Tuhan Yesus. Tuhan Yesus melihat hati sebagai sumber segala kejahatan seperti pembunuhan, sumpah palsu dan perzinaan. Semua keinginan yang berada dalam hati kita cukup berkuasa untuk membunuh. “Kamu mengingini sesuatu, tetapi kamu tidak memperolehnya, lalu kamu membunuh; kamu iri hati, tetapi kamu tidak mencapai tujuanmu, lalu bertengkar dan kamu berkelahi...” (Yakobus 4:2).

Pembunuhan pertama terjadi Alkitab terjadi kerana masalah hati. Keinginan diperkenan oleh Allah telah menjadi suatu masalah dalam hidupnya walaupun dia tidak mempersembahkan yang terbaik bagi-Nya. Kain menjadi panas baran apabila Habel memberi terbaik. “...tetapi Kain dan korban persembahannya tidak diindahkan-Nya. Lalu hati Kain menjadi panas, dan mukanya muram” (Kejadian 4: 5).

Saat hati kamu dilandai kejahatan segera berpaling kepada TUHAN, jangan biarkannya mendidih lama. Yakobus menasihati kita untuk segera mendekati Allah. “Mendekati kepada Allah, dan Dia akan mendekat kepadamu. Tahirkanlah tanganmu, hai kamu orang berdosa! Dan sucikanlah hatimu, hai kamu yang mendua hati!” (Yakobus 4:8).

Allah yang berbelas kasihan berkata kepada Kain. “Firman TUHAN kepada Kain: “Mengapa hatimu panas dan mukamu muram?” (Kejadian 4: 6). TUHAN memberi amaran bahawa dosa yang lebih tenat sedang mengintip di hatinya, dan bencana yang lebih besar akan datang kalau dia tidak bertaubat (Kejadian 4:7). Kain yang tidak mendengar Allah telah membunuh adiknya.

Hati di mana setiap fikiran diperbaharui  
 Dipenuhi kasih Ilahi  
 Sempurna, benar, murni dan baik  
 Seperti hati-Mu, Tuhanku (Charles Wesley)

Doa: Tuhan Yesus, penuhilah hatiku dengan segala yang murni, benar dan baik agar nama-Mu dimuliakan dalam hidupku.

## SHALOM

Renungan: **Kolose 1:18**

*Sebab seorang anak telah dilahir untuk kita, lambang ada pemerintahan ada di atas bahunya, dan nama disebutkan orang: Penasihat Ajab, Allah yang Perkasa, Bapa yang Kekal, Raja Damai.  
— Yesaya 9:5*

“Shalom” dalam Bahasa Ibrani bererti damai telah menjadi salam kesukaan kita. Perkataan yang indah ini mempunyai pengertian yang kaya. Shalom bererti keelokan dalam perhubungan, antara individu, dan golongan. Secara batiniah, shalom bererti keelokan dalam sikap hati, fikiran, tindakan, dan emosi.

Damai sejahtera sudah diberikan kepada kita ketika kita diselamatkan dan dibenarkan oleh Dia. “Sebab itu, kita yang dibenarkan kerana iman, kita hidup dalam damai sejahtera dengan Allah oleh kerana Tuhan kita, Yesus Kristus” (Roma 5:1).

Wahai wanita, layangkan pandangan kepada Raja Damai yang memberi kita teladan Shalom yang sempurna. Jika anda berjalan dengan Raja Damai, Tuhan Yesus, anda akan mengalami damai yang melampaui batas pengertian dunia ini. Hati-Nya tidak gentar mahupun gelisah walaupun misi-Nya tidak mudah. Dia berkata kepada wanita yang sering gentar, “Damai sejahtera Kutinggalkan bagimu. Damai sejahtera-Ku Kuberikan kepadamu, dan apa yang Kuberikan tidak seperti yang diberikan oleh dunia kepadamu. Janganlah gelisah dan gentar hatimu” (Yohanes 14:27).

Yang memberi damai kepada anda adalah Tuhan Yesus yang bangkit. Damai yang diberi-Nya berkuasa menenangkan segala deruan dalam hati. “Ketika hari sudah malam pada hari minggu itu berkumpul murid-murid Yesus di suatu tempat dengan pintu-pintu yang terkunci kerana mereka takut akan orang Yahudi. Pada waktu itu datanglah Yesus dan berdiri di tengah-tengah mereka dan berkata: “Damai sejahtera bagi kamu!” (Yohanes 20:19).

Raja Damai dalam perhubungan dengan Allah Bapa ialah teladan yang utama khususnya dalam “Shalom.” Perjalanan-Nya bersama Bapa-Nya hanya diwarnai serentak seirama dan damai. “Dan Dia, yang telah mengutus Aku, Dia menyertai Aku. Dia tidak membiarkan Aku sendiri, sebab Aku sentiasa berbuat apa yang berkenan kepada-Nya” (Yohanes 8:29). Bersama dengan para murid-Nya, perhubungan-Nya diwarnai damai sejahtera.

Wahai wanita, biarlah hidup anda menjadi bukti damai sejahtera Allah yang hidup dalam perhubungan anda dengan Allah Bapa dan juga dengan manusia. Biarlah shalom menjadi warna yang paling cerah dalam diri anda.

Doa: Biarlah Shalom-Mu menjadi irama hidupku setiap hari dan selamanya.

## HATI PENUH HIKMAT

Renungan: **1 Raja-Raja 3:16-28**

*Maka berikanlah kepada hamba-Mu ini hati yang faham menimbang perkara untuk menghakimi umat-Mu dengan dapat membezakan antara yang baik dan yang jahat, sebab siapakah yang sanggup menghakimi umat-Mu yang sangat besar ini?*

—1 Raja-Raja 3:9

Dewaktu Raja Salomo berada di Gibeon, pusat ibadah, Allah muncul dalam mimpinya dan bersabda, “Mintalah apa yang hendak Kuberikan kepadamu” (1 Raja-Raja 3:5). Bayangkan Allah yang Maha Kuasa, Pencipta dunia mahu memberi apa sahaja yang diminta oleh Raja Salomo.

Saat ini, Raja Salomo mengenangi segala kebaikan Allah dalam kehidupan bapanya dan kehidupannya. “Lalu Salomo berkata: “Engkaulah yang telah menunjukkan kasih setia-Mu yang besar kepada hamba-Mu Daud, ayahku, sebab dia hidup di hadapan-Mu dengan setia, benar, dan jujur terhadap Engkau dan Engkau telah menjamin kepadanya seorang anak yang duduk di takhtanya seperti hari ini” (1 Raja-Raja 3:6). Raja Salomo bersyukur atas kebaikan TUHAN dan kasih setia-Nya yang mengangkatnya menjadi raja.

Raja Salomo meminta TUHAN memberi dia hikmat untuk membezakan yang baik dan yang buruk. TUHAN yang gembira dengan permintaan-Nya dan mencurahkan segala kekayaan hikmat kepada Raja Salomo. “Jadi berfirmanlah Allah kepadanya: “Oleh kerana engkau telah meminta hal yang demikian dan tidak meminta umur panjang atau kekayaan atau nyawa musuhmu, melainkan pengertian untuk memutuskan hukum, maka sesungguhnya Aku memberikan kepadamu hati yang penuh hikmat dan pengertian, sehingga sebelum engkau tidak ada seorang pun seperti engkau, dan sesudah engkau takkan bangkit seorang pun seperti engkau” (1 Raja-Raja 3:12).

Kitab Amsal dan Kitab Pengkhotbah yang dituliskan oleh Raja Salomo membuktikan bahawa Allah mengaruniakan permintaannya. Cerita tentang dua wanita yang merebut bayi yang sama dan cara Raja Salomo menyelesaikan masalah ini menggambarkan hikmat Salomo (1 Raja-Raja 3:16-28). Permintaan hikmat daripada Allah telah menolong Raja Salomo memerintah dengan begitu bijak dan saksama.

Wanita, anda mungkin memerlukan hikmat untuk memahami suami atau anak remaja anda yang sedang mengharungi musim baru. Hanya hikmat TUHAN dapat menolong kita mendatangkan “Shalom” dalam hidup.

---

Doa: Allah yang kusembah, kurniakan hikmat ilahi kepada aku sehingga aku dapat menguruskan segala urusan hidup saya dengan baik.

## DOA SEORANG IBU

Renungan: **Amsal 4:1-4**

*Hai anakku, dengarkanlah didikan ayahmu, dan jangan menyia-nyiakan ajaran ibumu. —Amsal 1:8*



Tuhan, tolonglah aku selalu bersyukur kerana Engkau sudah memberi aku tugas yang terpenting di dunia, tugas menjaga keluarga saya.

Tolonglah aku bersyukur selalu apabila aku lelah mengemaskan katil, membasuh baju, memasak, mengelap lantai, menampal baju-baju, atau memilih ikan di pasar.

Segarkan batinku dan berilah aku sukacita setelah aku mengerjakan urusan rumahtangga yang sama hari lepas hari.

Tolonglah aku menikmati persahabatan dengan setiap anakku dan berkat yang dibawa oleh mereka dalam hidupku.

Tolonglah aku bersabar. Biarlah aku manis sentiasa kerana diurapi Roh Kudus sewaktu mendamaikan anak-anakku yang sedang bergaduh.

Ingatkan aku untuk selalu bersyukur kerana suamiku memerlukan aku dan anak-anakku juga. Biarlah aku tidak kehilangan kesabaranku ketika mereka mengotori rumah dan aku terpaksa lagi mengemas rumah.

Tuhan, berilah aku kebijaksanaan sehingga aku mampu membuat rumahku tempat yang paling paling tenang bagi keluargaku sehingga mereka selalu rindu kembali ke rumah.

Tuhan, berilah aku hikmat mendisiplin dan mendidik setiap anakku yang berbeza keperibadian.

Tuhan, tolonglah aku tidak hanya menyiapkan makanan sedap tetapi juga menyediakan makanan rohani bagi keluargaku. Aku ingin rajin mengajar anak-anakku berdoa dan membaca firman Allah.

Tuhan, berilah aku hikmat dan ketenangan ketika keluargaku menghadapi krisis dan badai menerpa kami.

Tuhan, biarlah kasih-Mu mengalir daripada aku sehingga apabila anak-anakku sudah besar dan mempunyai keluarga sendiri, mereka mempunyai kenangan manis dan berusaha memberi yang terbaik sebagai ibu.

Doa: Tuhan Yesus, tolonglah aku menjadi ibu yang sabar sewaktu membentuk anak-anakku untuk menyerupai-Mu.

## ADUH, KERENAH MENANTUKU

Renungan: **Kejadian 2:21-25**

*Sebab itu seorang laki-laki akan meninggalkan ayahnya dan ibunya dan bersatu dengan isterinya, sehingga keduanya menjadi satu daging. —Kejadian 2:24*

“Aduh, aku tidak tahan kerenah menantuku,” keluh Salmah sewaktu dia menggoreng cucuk udang untuk anak kesayangannya. “Malas aku melayani kerenah mertua, dia sudah keterlaluan. Segala mengenai anaknya mahu diuruskannya. Memang sulit tinggal sebambung dengan orang tua ini,” keluh Nancy.

Salmah merasa kecewa sejak dia bertandang sebulan ke rumah anaknya kerana menurutnya anak lelakinya tidak pernah dilayani dengan baik oleh isterinya. Dia merasa geram melihat menantunya yang tidak sempat bangun pagi untuk bergoreng nasi goreng ikan bilis cili padi bagi anak lelakinya sebelum dia ke pejabatnya.

“Seharusnya sejak semalam, dia sudah menyiapkan semua bumbunya,” keluh Salmah.

“Aduh, sungguh sulitnya tinggal sebambung dengan dua wanita. Mereka tidak pernah bersetuju. Patutkah saya menyebelahi ibu saya atau isteri saya? Peningnya dibuat aku oleh mereka berdua,” keluh Yakub Apai sambil mengheret nafas panjang.

Salmah telah lupa bahawa TUHAN telah bersabda, “Sebab itu seorang laki-laki akan meninggalkan ayahnya dan ibunya dan bersatu dengan isterinya, sehingga keduanya menjadi satu daging” (Kejadian 2:24). Bukankah ini bererti anak lelakinya harus diberikan kebebasan mendirikan rumahtangganya sendiri selepas berkahwin? Selok belok rumahtangganya seharusnya berada dalam tangan Yakub Apai dan Nancy bukan dirinya walaupun dia sudah memiliki anak lelakinya selama 30 tahun dan lebih mahir membuat gulai itik.

Walaupun menantunya mungkin bersikap diam-diam sahaja tetapi arus-arus kegeraman membual dengan senyap-senyap. Dia mungkin tidak berkata apa-apa kerana ibu mertuanya lebih tua. Namun, setelah Nancy bersembang-sembarang dengan kakaknya, dia merasa banyak hal dapat dipelajari daripada ibu mertuanya. Benar juga cara ibu mertua memasak sup ekor jauh lebih sedap daripadanya, alang baiknya mengambil kesempatan belajar.

Doa: Bapa Syurgawi, aku menyerahkan anakku dan menantuku ke dalam tangan-Mu dan aku akan mengingat mereka selalu dalam doa.

## PERSELISIHAN FAHAM

Renungan: **Matius 5:23-24**

*Sebab itu, jika engkau mempersembahkan persembahanmu di atas mazbah dan engkau teringat akan sesuatu yang ada dalam hati saudaramu terhadap engkau, tinggalkanlah persembahanmu di depan mazbahmu itu dan pergilah berdamai dahulu dengan saudaramu, lalu kembali untuk mempersembahkan persembahanmu itu.*

—Matius 5:23-24

Ribka lebih suka mengelak perselisihan faham dengan tidak berbincang tentangnya tetapi menumpukan perhatian kepada sesuatu yang lebih kreatif seperti menganyam bakul. Kala pula akan menyerang orang itu tanpa belas kasihan. Nancy akan menyelesaikannya dengan perbincangan dan doa bersama dengan orang itu. Jasmin akan mencurahkan keluh kesah kepada kawan-kawannya, dan Cindy terus mencari peguam belanya.

Jangan sembunyi perselisihan faham seperti sewaktu anda meyapukan kotoran di bawah karpet. Tuhan Yesus berkata tinggalkan segala di mazbah dan berdamai terlebih dahulu dengan saudaramu itu, bukan mengibas debu di kasut dan berseteru (Matius 5:23-4). Carilah jalur pengertian dan persetujuan yang terbaik dan memuliakan Allah (1 Petrus 2:12).

Jika anda merasa anda tidak terlalu mengambil kisah akan kesalahannya, jangan simpan lagi di hati. Ampuni dan tidak bercakap mengenainya lagi. "Akal budi membuat seseorang panjang sabar dan orang itu dipuji kerana memaafkan pelanggaran" (Amsal 19:11).

Kalau pelanggaran itu terlalu melukai anda, perbaikinya dengan bersemuka dengan orang itu dalam pengakuan dan perdamaian (Matius 5:23-24). Rasul Paulus menasihati kita untuk memulihkan perhubungan itu dengan lemah lembut. "Saudara-saudara, jika seseorang didapati melakukan kesalahan, kamu yang bersifat rohani pimpinlah dia ke jalan baik dengan lembah lembut, sambil menjaga dirimu, jangan sampai kamu turut tergoda" (Galatia 6:1, KSZI).

Sebelum anda bersemuka dengan orang itu. Pastikan anda menyingkirkan kayu balak sendiri. Sikap yang membuat diri dan orang lain tersandung. "Hai munafik! Keluarkanlah dahulu kayu balak dari matamu, mengeluarkan selumbar dari matamu, barulah penglihatanmu terang untuk mengeluarkan selumbar dari mata saudaramu" (Matius 7:5, KSZI).

Ingat, segala yang anda lakukan dan berkata pada saat ini biarlah memuliakan Allah. "Setiap yang kamu lakukan, baik makan mahupun minum, lakukanlah untuk memuliakan Allah" (1 Korintus 10:31).

Doa: Bapa, berilah aku kerendahan hati untuk berdamai dengan kawanku dengan cara yang memuliakan Allah.

## BERLIAN YANG BELUM TERPOTONG

Renungan: **Efesus 5:10**

*...ada waktu untuk menangis, ada waktu untuk membuang batu,  
ada waktu untuk meratap; ada waktu untuk menari.*

—Pengkhotbah 3:4

Ralph Waldo Emerson berkata, “Jagalah masa lapang anda dengan baik. Masa lapang ini merupakan berlian yang belum berasai. Jika kita membuangnya, nilainya tidak akan diketahui. Perbaikilah waktu ini dan ia akan menjadi berlian yang berguna.”

Berapa jamkah yang anda gunakan untuk sembarang panjang atau melayari laman web? “Janganlah kamu disesatkan orang dengan kata-kata yang hampa kerana ini mendatangkan murka Allah atas orang-orang durhaka” (Efesus 5:6).

Gunakan saat-saat berharga ini untuk membaca buku-buku rohani yang bernilai dan berdoa agar anda bertumbuh dalam kerohanian anda. “Pasanglah telingamu dan dengarkanlah amsal-amsal orang bijak, berilah perhatian kepada pengetahuanku” (Amsal 22:17).

Gunakan saat-saat berharga ini untuk ketawa dengan anak-anak anda atau pergi memancing bersama mereka. “Hati yang gembira membuat muka berseri-seri, tetapi kepedihan hati mematahkan semangat” (Amsal 15:13).


Richard Baxter memberi kita hikmat tentang penggunaan waktu, “Letakkan satu nilai yang tinggi untuk masa anda. Berjaga-jaga agar anda tidak kehilangan masa lebih daripada anda kehilangan wang anda. Jangan membiarkan hiburan yang tidak berguna, percakapan yang tidak berisi, pengenalan yang tidak menguntungkan apa-apa atau tidur yang merompak masa anda yang berharga. Berjaga-jaga, lepaskan diri anda daripada perompak-perompak, tindakan atau gaya hidup yang akan merompakkan masa anda.”

Bagaimana kalau kita menggunakan saat kita untuk bercakap dengan Tuhan?

“Alangkah baiknya kalau kita memupuk tabiat bercakap kepada Tuhan seperti kita bercakap dengan seorang kawan sewaktu kita berduduk di rumah atau berjalan. Pupuk tabiat bercakap dengan Tuhan-rancangan anda, pengharapan anda, kesalahan anda, dukacita dan dosa anda. Segala akan kelihatan berlainan kalau kita membawanya dalam terang tentang kehadiran-Nya. Seseorang akan merasa kehadiran-Nya kalau dia bercakap dengan Tuhan secara lantang” (F.B. Meyer). Gunakan saat anda untuk mengundang kehadiran Allah dalam hidup anda.

Doa: Roh Kudus, sedari aku ketika aku merompak diriku dan meragut pemberian waktu yang berharga.

## Sajak




*Pada suatu petang aku tinggalkan pejabatku,  
angin dingin menghembus mukaku.  
Aku mencari baju hangatku yang tebal dan hangat.  
Aku meraba untuk membutangnya,  
untuk melindungi diri dari badai.  
O baju hangatku tiada bersamaku lagi.*

*Aku berpaling, aku melayang pandangan ke jalanraya.  
Aku kembali mencari di pejabatku, tetapi sia-sia.  
Aku menyedari aku mungkin sudah menjatuhkannya.  
Aku berdoa aku akan mendapat baju hangatku kembali.  
Cuaca yang begitu dingin sungguh membahayakan,  
kalau aku tidak ada baju hangatku.*

*Aku mencari-cari di sekitar jalan  
tetapi tiada kelihatan baju hangatku.*

*Tiba-tiba, aku ternampak seorang lelaki,  
dia melambai-lambai baju hangatku.  
Aku menyeberang dan bertanya kepadanya,  
“Adakah ini baju hangatku?”  
Dia menghulurkannya kepadaku seraya berkata,  
“Angin menghembus baju hangatmu ke tanganku.”*



*Allah yang mengenderai angin badai telah menggunakan  
angin badai untuk menjawab doaku.*

—William Horst

## BAPA KAMI DI SYURGA

Renungan: **Matius 6: 9-13**

*Kerana itu berdoalah demikian kami yang di syurga. Bapa kami yang di syurga. Dikuduskanlah nama-Mu, datanglah Kerajaan-Mu, jadilah kehendak-Mu di bumi seperti di syurga. — Matius 6:9*

Tuhan Yesus mengajar para murid-Nya bahawa sewaktu berdoa mereka perlu memanggil Allah sebagai “Bapa kami yang di syurga” (Matius 6:9). Orang Yahudi yang menganggap Allah sebagai Yahweh, Yang Kudus dan Yang Maha Kuasa tidak datang kepada-Nya sebagai anak. Wanita, datanglah kepada Allah sebagai anak kesayangan-Nya (Yesaya 49:14-15).

Kita tidak hanya datang memohon segala keperluan kita. “Dikuduskanlah nama-Mu” bererti kita memuji Allah yang kudus dan bersemayam di takhta-Nya. “Diri kita dan segala keperluan kita harus mengambil tempat yang kedua. Tuhan secara tuntas diberikan tempat yang terpenting. Segala permintaan kita harus mengambil tempat kedua. Kemuliaan Allah mesti menyelubungi hati kita dan kita tidak akan meminta sesuatu yang bertentangan dengan nama-Nya dalam fikiran, keinginan, dan doa kita. Nama Tuhan yang agunglah menjadi matlamat yang tertinggi” (Arthur Pink).

Kerinduan kita dan doa kita dinaikkan sejajar dengan nama-Nya yang kudus, dan kehendak-Nya. “Kadangkala Tuhan memberi kita perubahan yang begitu ketara apabila kita menyerahkan diri kita kepada kehendak-Nya. Memang benar, kadangkala, Dia menuntut hal-hal daripada kita yang dipandang oleh orang lain sebagai perkara yang susah. Tetapi apabila kehendak kita diserahkan, rancangan yang diubah akan menjadi rancangan yang paling manis, dan hal-hal yang kelihatan begitu susah akan menjadi hal-hal yang mudah dan menyenangkan” (R.A. Torrey).

Kita rindu dalam doa kita agar Allah mendatangkan Kerajaan-Nya di bumi seperti di syurga (Matius 6:10). Kita rindu Kerajaan-Nya dinyatakan dalam kehidupan keluarga kita, tempat kerja kita dan gereja kita, dan Dia bertakhta sebagai Raja.

“Tidak ada cara yang lain selain membara bagi Allah, yang boleh menyalakan syurga dalam hati kita. Jemaah Methodists awal tidak ada pemanas dalam gereja, mereka mengatakan nyala dari tempat duduk, dan api dari mazbah khutbah cukup untuk menghangatkan mereka. Kita pada saat ini memerlukan bara yang berapi dari mazbah Allah, dan api membara dari syurga untuk menyalakan hati kita. Api yang bukan kekuatan besi atau tenaga manusiawi tetapi api Ilahi dalam jiwa yang begitu hangat dan mencairkan dosa — intipati karya Roh Allah (Edward M. Bounds).

Doa: Bapa Syurgawi, datanglah kehendak-Mu dan kerajaan-Mu dalam hidupku.

## TUHAN MENCUKUPI YANG DISAYANGI-NYA

Renungan: **Matius 6:11; Mazmur 34:8-11**

*Berikanlah kami pada hari ini makanan kami yang secukupnya.*

—Matius 6:11

Manusia selalu memikirkan sumber keperluan mereka dari pelaburan, perniagaan mahupun majikan mereka. Hanya orang yang beriman sepenuhnya kepada TUHAN berani berfikir, “Anak-anak singa menjadi lemah dan lapar, tetapi mereka yang berpaling kepada TUHAN tidak akan kekurangan sesuatu yang baik” (Zabur 34:10).

TUHAN akan mencukupi keperluan kita kerana kita anak-Nya dan sebagai Bapa yang Penyayang, dia akan melimpahkan yang kita perlukan. “Berikan kami pada hari ini makanan kami yang secukupnya” tidak semestinya terbatas kepada apa yang kita akan makan. Ia mencakupi rumah, tempat sandaran, pakaian dan perubatan yang kita perlukan.

Kalau sumber keperluan anda ini berasal daripada saluran yang lain, jaminannya tidak tetap. Kalau sungai itu kering, semua bekalan kita pun habis. Kalau sumbernya daripada Bapa Syurgawi yang mencipta langit dan bumi, bekalannya tidak akan terputus. Adakah kita terlalu khuatir akan semua keperluan ini sehingga ia menjadi beban?

“Sewaktu manusia dunia melihat wajah mereka yang mengakui diri mereka sebagai anak-anak Allah dan melihat kegelapan bayang-bayangan yang juga tergambar pada riak wajah mereka sendiri, mereka mungkin akan bertanya jenis Bapa apakah Diri-Nya” (F.B. Meyer). Kita tidak akan menjadi gelisah dan khuatir kalau kita membaca makalah suratkhobar yang mengatakan untuk bersara satu juta pun tidak cukup.

“Pada hari ini makanan kami mungkin dirujukkan kepada bekalan harian seorang askar. Ini bererti makanan kita disajikan menurut bekalan terukur pada waktu itu, hari demi hari. Ini mengingatkan kita bahawa kita selalu bersandar kepada Allah yang membekali keperluan kita. Kehidupan moden biasanya membuat kita kurang peka terhadap hal ini. Generasi yang lalu khususnya yang tinggal di pedalaman, keperluan bergantung kepada Allah menjadi lebih perlu. Manusia akan berdoa untuk hujan dan tuaian yang baik. Mereka peka bahawa Allah mengawal sumber hidup. Tetapi pada hari ini kita selalu berfikir tentang kuasa manusia atas kuasa-kuasa ini dan bukan Allah. Kita condong mencari pemulihan kalau kita kekurangan keperluan ini daripada manusia, perindustrian dan bukan Allah. Dengan lain perkataan, kita perlu belajar daripada Nebukadnezar (Daniel 4:30)” (C. I. Williamson, *The Westminster Shorter Catechism*).

Doa: Allah Pencipta dan Pemberi segala sumber dalam kehidupanku,  
kepada kesetiaan-Mu aku berpaling untuk keperluanku.

## BERAT LIDAH?

Renungan: **Amos 7:10-15**

*Jawab Amos kepada Amazia: "Aku ini bukan nabi dan aku ini tidak termasuk golongan nabi, melainkan aku ini seorang peternak dan pemungut buah ara hutan."*

— Amos 7:14

**W**anita, anda mungkin beralasan anda berat lidah sewaktu **TUHAN** memanggil anda menjadi penyambung lidahnya.

Walaupun Amos bukan daripada keluarga nabi, Allah memilihnya menjadi penyambung lidah. Bagi Amazia, Amos tidak terlalu layak menjadi nabi dan dia mencurigai Amos datang ke Betel untuk mencari makan. "Lalu berkatalah Amazia kepada Amos: "Pelihat, enyahlah ke tanah Yehuda! Carilah makananmu di sana dan bernubuat di sana!" (Amos 7:12). Bagi Amazia, Amos hanya seorang pemugut ara tetapi bagi Amos, panggilan Tuhan jelas baginya.

Bagi umat Tuhan yang selalu menduga mereka biji mata Allah, penyambung lidah ini mengejutkan mereka. "Berkatalah dia: "TUHAN mengaum dari Sion dan dari Yerusalem Dia memperdengarkan suara-Nya; keringlah padang-padang penggembalaan dan layulah puncak gunung Karmel" (Amos 1:2). Pemugut ara ini tidak takut bernubuat kepada masyarakat yang tidak adil, "Tetapi biarlah keadilan bergulung-gulung seperti air dan kebenaran seperti sungai yang selalu mengalir" (Amos 5:24).

Inilah beberapa gema indah dari syurgawi yang tidak mungkin mengalir dari mulut Amos kalau dia datang hanya untuk mencari makan.

Sewaktu Musa dipanggil menjadi penyambung lidah, dia berkata, "Ah, Tuhan, aku ini tidak pandai bicara, dahulu pun tidak dan sejak Engkau berfirman kepada hamba-Mu pun tidak, sebab aku berat mulut dan berat lidah" (Keluaran 4:10). Tuhan yang sabar memberi Musa keyakinan, "Tetapi TUHAN berfirman kepadanya: "Siapakah yang membuat lidah manusia, siapakah yang membuat orang melihat atau buta; bukanlah Aku, yakni TUHAN?" (Keluaran 4:10-11).

Yeremia juga berkata dia tidak pandai bicara, "Ah, Tuhan Allah! Sesungguhnya kau tidak pandai berbicara, sebab aku ini masih muda" (Yeremia 1:6). Walaupun Yeremia baru berumur 21 tahun, Tuhan menjamah mulutnya serta menaruh firman-Nya ke dalamnya (Yeremia 1:9). Wanita, janganlah berkata kepada Tuhan, carilah orang lain menjadi penyambung lidah kerana aku wanita dan tidak pandai bicara.

Doa: Allah Pengutus penyambung lidah, aku menyerahkan diriku, jamahlah bibirku sehingga mengalir firman-Mu yang hidup.

## SARANG DOSA

Renungan: **Mazmur 51**

*Janganlah membuang aku dari hadapan-Mu, dan janganlah mengambil Roh-Mu yang kudus daripadaku. —Mazmur 51:13*

Setelah berdosa dengan matanya sewaktu bersantai-santai di bungalow rumah, Raja Daud tidak bertaubat segera. Lantas, dia membiarkan susuk tubuh Batsyeba bermain-main di layar imajinasinya. Perpatah Cina berkata kita tidak dapat mengawal burung dari berterbang melewati kepala kita tetapi kita tentu dapat melarang ia dari bersarang atas kepala kita.

Raja Daud membiarkan dosa bertandang. Dia merancang untuk bersetubuh dengan Batsyeba lalu melangkah ke lembah dosa. Setelah melakukannya, dia memerintah Uria, suami Batsyeba untuk pulang dari medan perang agar segala bukti-buktinya dapat dihapuskan. Apabila Uria tidak mahu kembali, Raja Daud membuat sarang dosanya lebih besar lagi. Dia melangkah lebih ngeri dalam lembah dosa dengan bersubahat dengan Yoab.

Panglima tentera ini diminta untuk membunuh Uria dengan menghantarnya ke barisan yang paling depan semasa peperangan. Jadi, pembunuhan Uria itu seakan-akan sesuatu yang semula jadi tetapi sebenarnya sudah terancang teliti oleh Raja Daud. Raja Daud yang tercengkam dosa sanggup berbuat apa pun yang ngeri demi kepentingan nafsu sendiri, dan menutupi kesalahannya.

Raja Daud baru terbangun dari dosanya sewaktu Nathan menegurnya dengan tegas melalui suatu perumpamaan. Pertaubatannya dirakamkan dalam Mazmur 51. Raja Daud mengakui dosanya dan tidak menyalahkan Batsyeba mahupun panglimanya. Dia menangis, "Sebab aku sendiri sedar akan pelanggaranku, aku sentiasa bergumul dengan dosaku" (Mazmur 51:5). Dia juga menyedari bahawa dia berdosa kepada TUHAN. "Terhadap Engkau, terhadap Engkau sajalah aku telah berdosa dan melakukan apa yang Kauanggap jahat, supaya ternyata Engkau adil dalam putusan-Mu bersih dalam penghukuman-Mu" (Mazmur 51:6).

Hanya TUHAN boleh mengasihaniya dan mentahirkannya daripada dosanya. "Bersihkanlah aku seluruhnya dari kesalahanku dan tahirkanlah aku dari dosaku!" (Mazmur 51:4). Raja Daud tidak mahu lagi menyembunyikan diri di sebalik tabir dosanya dan terus berhutang kepada TUHAN dan manusia selama hidupnya. Dia akan mengakui bahawa dia memang berhutang darah dan hal ini telah membawa rasa salah dan beban dalam kehidupannya (Mazmur 51:16). "Bangkitlah, melawanlah tanda dosa yang pertama. Jangan membiarkannya menaluk sudut yang terkecil pun" (John Owen, *Mortification of Sin*).

Dosa: Tuhan, tolonglah aku bangkit dan melawan dosa walaupun terkecil pun.

## KASIH PERTAMA

Renungan: **Wahyu 2:1-7**

*Namun demikian Aku mencela engkau, kerana engkau telah meninggalkan kasihmu yang semula.*

—Wahyu 2:4

Dewaktu berada di universiti, kasih Angie terhadap Allah bagai orang yang pertama kali jatuh cinta. Setelah dia bekerja di sebuah bank, keinginan Angie untuk memegang tampuk kepemimpinan tertinggi telah menyebabkan dia bekerja siang malam. Lama kelamaan, Ani telah meninggalkan kasihnya yang pertama terhadap Allah dan hatinya membeku kedinginan.

Tinggalkan kasih pertama terhadap Allah mendatangkan kematian dalam perhubungan intim dengan-Nya. "Satu gereja (individu) tidak mempunyai alasan untuk keberadaannya kalau ia sudah tiada kasih dalam hatinya atau kalau kasihnya menjadi dingin. Kehilangan kasih bererti kehilangan semua" (Spurgeon).

Allah bersabda bahawa Gereja Efesus yang sudah kehilangan kasihnya yang semula. "Dan engkau tetap sabar dan menderita oleh kerana nama-Ku; dan engkau tidak mengenal lelah" (Wahyu 2:5). Mereka rajin tetapi ada yang mengambil alih kasih pertama mereka terhadap Allah.

Mereka mementingkan ajaran sihat dan membenci Nikolaitan seperti Allah membenci dosa mereka yang tidak menguasai keinginan mereka dan terlibat dalam makanan yang dipersembahkan kepada berhala dan perzinaan (Wahyu 2:6). Namun, kasih pertama mereka terhadap Allah tetap tidak dirasai Allah.

Apakah nasihat Allah kepada mereka? "Sebab itu ingatlah betapa dalamnya engkau telah jatuh! Bertaubatlah dan lakukanlah lagi apa yang semua engkau lakukan. Jika tidak demikian, Aku akan mengambil kaki dianmu dari tempatnya, jikalau engkau tidak bertaubat" (Wahyu 2:5). Allah bersabda, "Siapa bertelinga, hendaklah dia mendengarkan apa yang dikatakan Roh kepada jemaah-jemaah. Barangsiapa menang, dia akan Kuberi makan dari pohon kehidupan yang ada di Taman Firdaus Allah" (Wahyu 2:7). Siapa yang menang atas kedinginan hatinya dan kembali kepada cinta pertamanya tidak akan ditinggalkan oleh Tuhan Yesus.

Kasih pertama dan terakhirku  
Allah Tritunggal yang Agung  
Obor kasihku tidak akan dingin  
Tiada yang dapat menggantikan Kau

Doa: Tuhan Yesus, aku mencintai Engkau seperti pertama kali  
aku mencintai-Mu.

## SETIA SAMPAI MATI

Renungan: **Wahyu 2:8-11**

*Jangan takut terhadap apa yang harus engkau derita! Sesungguhnya Iblis akan melemparkan beberapa orang daripada antaramu ke dalam penjara supaya kamu dicubai dan kamu akan beroleh kesusahan selama sepuluh hari. Hendaklah engkau setia sampai mati, dan Aku akan mengaruniakan kepadamu mahkota kehidupan.*

—Wahyu 2:10



elanggan merupakan tempat pertandingan ngeri di Smirna. Peserta-peserta pertandingan bergelut dengan singa sehingga mati berlumuran darah. Kini, orang Kristian dilemparkan ke dalam gelanggang. “Mana Polikarp, biar dia bersaing dengan singa!” Pemerintah Rom yang berbelas kasihan terhadap Polikarp berkata kepadanya, “Fikirkan umurmu Polikarp. Katalah berdaulat Kaisar dan kau akan dibebaskan!”

Polikarp berseru kepada penonton-penontonnya, “86 tahun sudah saya melayani Tuhan, tak pernah Dia bersalah terhadap saya. Bagaimana mungkin saya mengkhianati Raja yang menyelamatkan saya!” Segera, Polikarp diikat dan sebelum api dinyalakan, dia berdoa, “Aku memuliakan nama-Mu kerana Engkau menganggap saya layak menderita pada saat ini dan telah memberi saya kesempatan untuk mati bagi-Mu. Untuk ini dan semuanya, saya memuji Engkau. Amin.”

Kota Smirna dibanggakan sebagai kemuliaan Asia kerana ia merupakan pusat pengetahuan dan kebudayaan. Pelabuhan di hilir Smirna menjadi tumpuan banyak perniagaan khususnya perniagaan arak. Jalanrayanya yang terkenal dipanggil “Jalanraya Emas” dan sebuah kuil dibina untuk memuat berhala-berhala seperti Cybele, Apollo, Afrodite, dan Zeus. Hanya raja yang sudah meninggal dunia akan disembah namun Raja Domitian menuntut agar dia disembah sewaktu dia masih hidup.

Orang Kristian dituntut membakar kemenyan harum dan berkata, “Kaisar adalah Tuhan” seperti rakyat Rom. Kalau mereka rela berbuat demikian, mereka akan diberikan sijil dan mereka boleh kembali menyembah Tuhan Yesus. Bagi orang Kristian Smirna yang setia kepada Allah menyembah dewa lain bererti mengkhianati-Nya. Kesetiaan kepada Tuhan Yesus menyebabkan mereka berdiri teguh ketika tiba saat dibaham binatang buas. Orang Kristian di Smirna tetap miskin walaupun kota itu kaya kerana mereka telah dilucutkan pekerjaan mereka oleh sebab pendirian iman mereka. Bagi yang setia, mahkota kehidupan disediakan untuk mereka. “Aku telah mengakhiri pertandingan yang baik, aku telah mencapai garis akhir dan aku telah memelihara iman” (2 Timotius 4:7).

Doa: Tuhan Maha Hadir, aku ingin seperti Polikarp, tetap setia kepada Raja yang menyelamatkan aku.

## PENTINGKAN AJARAN SIHAT

Renungan: **Wahyu 2:12-16**

*Tetapi Aku mempunyai beberapa keberatan terhadap engkau:  
di antaramu ada beberapa orang yang menganut ajaran Bileam,  
yang memberi nasihat kepada Balak untuk menyesatkan orang Israel,  
supaya mereka makan persembahan berhala dan berbuat zina.  
—Wahyu 2:14*

**W**ahai wanita, anda bertanggungjawab memastikan ajaran sihat dalam keluarga dan gerejamu di tengah-tengah zaman yang gelap ini. Biarlah telinga kita terpasang untuk belajar daripada gereja Pergamus.

Pergamus bererti kota benteng. Banyak bangunan agama dibangun di puncak bukit ini. Bangunan terkenal memuat dewa Zeus dan kuil ini dikelilingi dewa-dewa lain. Empat dewa utama di sini ialah Zeus, Dionysus, Askelpios dan Athene. Juga, Pergamus merupakan kota pertama yang mendirikan kuil untuk memuja raja hidup.

Kepercayaan orang Kristian bertentangan dengan cara ibadah penghuni Pergamus. Tuhan Yesus yang tahu keadaan mereka telah memberi satu keyakinan akan kuasa-Nya. "...Inilah firman Dia, yang memakai pedang tajam dan bermata dua" (Wahyu 2:12). Kristus yang memegang pedang yang bermata dua berkuasa atas segala kuasa duniawi mempunyai jawapan terakhir atas hidup dan mati.

Jemaah Pergamus tidak menyangkal iman bahkan ada yang sanggup mati. "Aku tahu di mana engkau diam, iaitu di sana, di tempat takhta iblis; dan engkau tidak menyangkal imanmu kepada-Ku, juga tidak pada zaman Antipas, saksi-Ku, yang setia kepada-Ku, yang dibunuh di hadapan kamu, di mana iblis diam" (Wahyu 2:12-16). Antipas yang menyebarkan injil telah ditutup dalam satu lembu buatan besi yang dipanaskan sehingga dia mati.

Tetapi, kesempurnaan iman mereka dinodai oleh penganut ajaran Bileam yangizinkan di tengah-tengah mereka. Bileam mengajar wanita Midianite untuk menggoda lelaki Israel sehingga mereka hidup bertentangan dengan kekudusan Tuhan. Dari Perjanjian Lama, kita tahu Bileam telah mempengaruhi kemurtadan orang Israel (Bilangan 31:16).

Mereka juga membiarkan pengikut-pengikut Nikolaus menembusi persekutuan mereka dan mempengaruhi mereka untuk mengambil bahagian dalam pemakanan makanan yang disembahkan kepada berhala dan mengambil bahagian dalam aktiviti percabulan. Keteguhan iman mereka tidak dinodai oleh kecuaiannya mereka terhadap ajaran guru sesat yang keji.

Doa: Tuhanku, biarlah aku membuka telingaku dan belajar dari apa Engkau sabdakan kepada Gereja Pergamus.

## PEKA AKAN SELOK BELOK IBLIS

Renungan: **Wahyu 2:18-29**

*Tetapi Aku mencela engkau kerana engkau membiarkan wanita Izebel, yang menyebut dirinya nabiah, mengajar dan menyesatkan hamba-hamba-Ku supaya berbuat zina dan makan persembahan berhala.*

—Wahyu 2:20

Seriuskah anda melindungi anak-anakmu daripada ajaran duniawi yang mencemarkan minda dan masa depan mereka? Selok belok iblis datang dalam ajaran dan falsafah pelbagai bentuk untuk menghancurkan orang di sekeliling anda.

Di bawah pemerintahan Rom, Tiatira mengalami perkembangan dan pembangunan yang pesat. Pusat pemasaran dan perkilangannya menjadi kemegahan kota ini. Perserikatan buruh berkembang di sini seperti persatuan buruh linen, baju, dan pembuat barangan tembaga. Mereka juga terkenal dengan pembuatan pewarna dan di sini tinggal rakan sekerja Paulus yang bernama Lydia.

Perserikatan buruh di sini juga terlibat dalam penyembahan berhala. Dewa pelindung yang disembah oleh mereka ialah Appollo, dewa matahari. Penyembahan dewa ini kemudian digabungkan dengan penyembahan raja. Dalam konteks ini, firman Tuhan datang kepada Gereja Tiatira, dan Tuhan memperkenalkan diri-Nya sebagai Anak Allah dan pelindung yang sesungguhnya. "...Inilah firman Anak Allah, yang mata-Nya bagaikan nyala api dan kaki-Nya bagaikan tembaga" (Wahyu 2:18).

Allah menjelaskan bahawa Dia mengetahui segala pekerjaan baik yang dilakukan oleh mereka. Mereka bukan sahaja melayani tetapi melayani dengan kasih dan bertumbuh dalam iman mereka. "Aku tahu segala pekerjaanmu: baik kasihmu mahupun imanmu, baik pelayananmu mahupun ketekunanmu. Aku tahu bahawa pekerjaanmu yang terakhir lebih banyak daripada yang pertama" (Wahyu 2:19).

Walaupun jemaah Tiatira bertumbuh dalam kasih dan iman mereka, Allah tetap memperhatikan satu cela serius di tengah-tengah mereka. Mereka mengizinkan nabiah Izebel yang mempunyai gaya tersendiri dalam melayani dan membawa gereja untuk berkompromi dengan nilai-nilai dunia. Dia pandai dengan kata-katanya dan telah mengiurkan jemaah untuk memeluk doktrin kekayaan yang juga melibatkan pemakanan makanan berhala dan perzinaan. Ajaran gnostik yang tidak mementingkan tubuh dan tidak perduli dengan apa yang dilakukan terhadap tubuh tidak dipandang serius. Allah menyamakan ajaran mereka sebagai "selok belok iblis" (Wahyu 2:24).

Doa: Allah, aku akan memandang serius terhadap pengajaran sihat di keluarga mahupun gerejaku.

## HIDUPKAN HATIKU

Renungan: **Wahyu 3:1-6**

*Bangunlah, dan kuatkanlah apa yang masih tinggal yang sudah hampir mati, sebab tidak satu pun dari pekerjaanmu Aku dapati sempurna di hadapan Allah-Ku.*

—Wahyu 3:2

➤ Semua orang menduga Marlene begitu hidup dalam imannya kerana dia memiliki pelayanan ceria di kalangan pemuda-pemudi. Kehidupannya bercampur baur dengan nilai-nilai dunia sehingga kelembapan rohani hilang. Marlene mewakili sekumpulan wanita yang besar, iman mereka tinggal sumbu yang hampir terpadam. Mereka seperti Gereja Sardis yang terlena dalam keselesaan.

Kota Sardis merupakan kota yang kaya dan penuh perhiasan emas yang mahal. Dari kota ini, matawang perak dan emas pertama dicorakkan. Selain itu, kota ini juga mencipta gaya mewarnakan bulu. Gereja Sardis di sini kelihatan seakan-akan hidup pada permukaannya dan tidak diganggu oleh ajaran sesat.

Sekilas pandang, mereka seakan-akan membara tetapi kalau disiasat lebih mendalam dan lama, kehidupan rohani mereka sudah mati. Umpama daun kering, mereka bergesek-gesek oleh angin panas bukan Roh Kudus. Hanya beberapa orang sahaja tidak akan dihapuskan sewaktu Tuhan Yesus kembali. “Kerana itu ingatlah, bagaimana engkau telah menerima dan mendengarnya; turutilah itu dan bertaubatlah! Kerana jikalau engkau tidak berjaga-jaga, Aku akan datang seperti pencuri dan engkau tidak tahu pada waktu manakah Aku tiba-tiba datang kepadamu” (Wahyu 3:3).

Wanita, adakah dengan sekilas pandang, kita kelihatan rohani tetapi kalau diamati lama, kita bagai mutiara palsu. Sewaktu saya ke negara China, banyak mutiara benar dan palsu dijual. Mutiara palsu kelihatan sangat tulen tetapi setelah saya memakainya warnanya luput. Jangan terlalu gembira kalau anda dihadahi mutiara China.

Hidupkan hatiku, hidupkan hatiku  
 Hidupkan hatiku, Tuhan Yesus  
 Datang hari ini, datang dengan api Roh Kudus  
 Hidupkan hatiku, hidupkan hatiku  
 Aku tidak ingin jadi seperti daun kering  
 Hidupkan hatiku, hidupkan hatiku  
 Biar obor kerohanianku membara selalu  
 Hidupkan hatiku, Tuhan Yesus

Doa: Allah Bapa, nyalakan obor imanku dan biarlah Roh Kudus memenuhiku selalu sehingga iman membara terus.

## JANGAN BERGOYAH

Renungan: **Wahyu 3:7-13**

*Aku tahu segala pekerjaanmu; lihatlah, Aku telah membuka pintu bagimu, yang tidak dapat ditutup oleh seorang pun. Aku tahu bahawa kekuatanmu tidak seberapa, namun engkau menurut firman-Ku dan engkau tidak menyangkal nama-Ku.*

—Wahyu 3:8

Negara Filadefia terletak di daerah pergunungan merapi dan tanahnya subur untuk penanaman anggur. Filadefia mengalami kekayaan kerana kesuburannya namun gempa bumi sering terjadi. Hanya segolongan kecil percaya kepada Tuhan Yesus dan mempunyai sedikit kekuatan namun mereka dengan setia menurut firman Tuhan dan tidak pernah menyangkal nama Tuhan.

Mereka telah diberikan penghiburan bahawa walaupun mereka hanya golongan kecil mereka tidak akan lenyap. "...Inilah firman dari Yang Kudus, Yang Benar, yang memegang kunci Daud, apabila Dia membuka, tidak ada yang dapat menutup; apabila Dia menutup; tidak ada yang dapat membuka" (Wahyu 3:7). Walaupun mereka kecil dan dikerumuni oleh harimau-harimau ganas, Singa Yehuda akan mempertahankan mereka.

Orang Yahudi sering membuat orang lain gusar terhadap orang Kristian. "Tetapi orang Yahudi yang menolak pemberitaan mereka, memanasakan hati orang yang tidak mengenal Allah dan membuat mereka gusar terhadap saudara-saudara ini" (Kisah Para Rasul 14:2). Orang Yahudi ini mengatakan jemaah Filadelfia ini kafir tetapi Tuhan mengatakan suatu hari mereka akan mengakui siapa yang dikasihi oleh Tuhan Yesus dan siapa yang digelar jemaah iblis (Wahyu 2:9).

Tuhan memberi satu keyakinan yang penting. Tuhan akan melindungi mereka dari pencubaan yang akan datang ke dunia. Kalau mereka tidak bergoyah di tengah-tengah ancaman mahupun penganiayaan apa pun, tidak sesiapa akan merampas mahkota yang sudah dikhususkan bagi mereka. "Aku datang segera. Peganglah apa yang ada padamu, supaya tidak seorang pun yang mengambil mahkotamu" (Wahyu 3:11).

Bapa, mahkota yang akan Engkau beri  
 Jauh lebih mulia daripada segala kuhadapi  
 Penganiayaan dan gangguan sering landai  
 Aku hanya berpegang erat kepada-Mu  
 Engkau segera datang menyambut Aku  
 Imanku berdiri teguh dalam Diri-Mu

Doa: Ancaman dan penganiayaan tidak dapat mengancam jiwaku kerana aku mahu setia kepada Engkau.

## TIDAK SEDARCAH ANDA LAPAR?

Renungan: **Wahyu 3:14-22**

*Kerana engkau berkata: Aku kaya dan aku telah memperkayakan diriku dan aku tidak kekurangan apa-apa, dan kerana engkau tidak tahu, bahawa engkau melarat, dan malang, miskin, buta dan telanjang.*

—Wahyu 3:17

**W**anita yang berfikir dirinya kenyang padahal dia lapar paling dikasihani. Bagi gereja Laodikia yang serba ada, mereka tidak sedar mereka sudah kehilangan persekutuan Yang Maha Kasih. Dia berkata, "Lihat, Aku berdiri di muka pintu dan mengetok: jikalau ada orang yang mendengar suara-Ku dan membukakan pintu, Aku akan masuk mendapatkannya dan Aku makan bersama-sama dengan dia, dan dia bersama dengan Aku" (Wahyu 3:20).

Laodika kaya raya, sistem jalan rayanya menghubunginya dengan jalan-jalan perdagangan. Kota ini mempunyai tanah subur untuk pertanian dan pembelaan binatang. Kain trimita dihasilkan di kota ini dan sekolah perubatan yang terkenal terpampang megah di sini. Penduduk Laodika cukup berkemampuan, tidak hairanlah kalau mereka mengandalkan kekuatan sendiri bukan pertolongan ilahi.

Akan tetapi, kekurangan utama kota ini ialah air bersih; semua keperluan air terpaksa disalurkan dari Denizli. Air di kota ini tidak berguna berbanding aliran air yang mempunyai bahan-bahan perubatan di Hierapolis dan air yang sejuk dan jernih dari Kolose. Kedua-dua kota ini berdekatan dengan kota Laodika yang kekurangan air bagus. Peminum air Laodika akan memuntahnya.

Keadaan rohani umat di sini dibandingkan oleh Allah dengan jenis air di kota mereka. Mereka seperti air di kota mereka yang sama sekali tidak berguna dan akan dimuntahkan oleh Allah. Segala pekerjaan yang dilakukan oleh mereka tidak berguna seperti air ini "Jadi kerana engkau suam-suam kuku, dan tidak dingin atau panas, Aku akan memuntahkan engkau dari mulut-Ku" (Wahyu 3:16).

Allah tetap mengasihinya mereka dan berdiri di luar pintu hati mereka sambil mengetok.

Wahai wanita, berserulah kepada Allahmu:

Aku rindu bertemu Engkau, Ya Tuhan

Tanpa kasih-Mu aku tidak berguna

Aku berlutut untuk firman dan kehadiran-Mu

Aku gembira kerana Engkau milikku

Doa: Allahku, biarlah aku sentiasa memupuk persahabatan dengan Allah yang hidup dan bersantapan pada firman ilahi.

## KEMENANGAN DALAM PENGANIAYAAN

Renungan: **1 Yohanes 5:1-5**

*Mereka akan berperang melawan Anak Domba. Tetapi Anak Domba akan mengalahkan mereka, kerana Dia adalah Tuan di atas segala tuan dan Raja di atas segala raja. Mereka bersama-sama dengan Dia juga akan menang, iaitu mereka yang terpanggil, yang telah dipilih dan yang setia.*

—Wahyu 17:14

**Y**ohanes dalam Kitab Wahyu menulis kepada gereja yang menghadapi penganiayaan daripada penduduk yang tidak percaya dan pemerintah yang kejam. Pemerintah zaman itu menganiaya umat Tuhan kerana dia menuntut disembah sebagai dewa. Orang Kristian yang menyembah satu Allah sahaja tidak mahu menyembah raja sekalipun mereka akan dilemparkan dalam gelanggang untuk dimakan singa.

Walaupun kuasa gelap mengganas, Yohanes berkata, “Sebab semua yang lahir daripada Allah, mengalahkan dunia. Dan inilah kemenangan yang mengalahkan dunia: iman kita. Siapakah yang mengalahkan dunia, selain daripada dia yang percaya, bahawa Yesus adalah Anak Allah?” (1 Yohanes 5:4-5). Memikul salib dan mengikut perintah-Nya di tengah-tengah suasana sulit dimampukan oleh iman kita kepada Anak Allah-Yesus yang berada dalam diri kita. Suasana yang mengancam tidak mengalahkan semangat kita kerana Tuhan ialah Raja atas segala raja dan kemenangan tetap ada pada Diri-Nya pada akhirnya.

Sabina Wurmbrand yang dilahirkan pada tahun 1913 di Czernowitz pernah belajar Bahasa di Sorbonne, Paris. Pada masa Czernowitz dijajah negara oleh Romania, ibu bapa, dua adik perempuan dan seorang abangnya telah dibunuh di kem pertahanan Nazi. Sabina dan suaminya diselamatkan oleh penyunting suratkhbar. Sabina yang berani kemudian menyeludup makanan dan garam kepada pelari-pelari di Russia. Pada waktu ini, dia juga mengatur satu dapur di Bucharest untuk memberi makanan kepada seribu orang dan mengadakan kem Kristian bagi pemimpin-pemimpin Romania daripada pelbagai denominasi.

Kemudian, suaminya Richard dipenjarakan oleh pihak Komunis namun Sabina mendorong pastor-pastor muda untuk berjuang terus. Sabina ditangkap dan dimasukkan ke kem buruh dan ditugaskan membina terusan. Dia dipenjarakan beberapa tahun dan dipenjarakan di rumah. Pihak Komunis ingin dia menceraikan suaminya dan menyangkal imannya namun dia enggan menurut. Sabina dan keluarganya melepaskan diri dari Romania dan menjadi suara bagi orang Kristian yang menderita di negara Komunis.

Doa: Allahku, aku tidak takut kerana Singa Yehuda yang tinggal dalam diriku mengatasi semua kuasa maut.

## ALLAH DEKAT

Renungan: **Yesaya 55:6-13**

*Carilah TUHAN selama Dia berkenan ditemui;  
berserulah kepada-Nya selama Dia dekat!  
— Yesaya 55:6*

Sudah sebulan tunangan Juana tidak mencarinya. Jejak yang kakak ini seperti kapal selam yang tiba-tiba muncul mencari Juana, kemudian hilang lagi sebulan sebelum muncul di permukaan lagi dengan jendela birunya. Kadangkala kalau kabus tebal, dia hilang selama dua bulan tanpa berita. Kalau hujan rinyai, dia mungkin akan menampakan wajahnya. Kalau ikan yu melanggar kapal selamnya, beberapa bulan dia tenggelam.

Allah dekat dengan hati rohani kita dan mesti sering dicari dalam keadaan apa pun.

Allah mesti dicari sekarang, bukan hari esok, minggu depan, bulan depan apalagi ditangguh sehingga tahun depan. Dia dekat hati dan hati nurani setiap wanita. Ketika Adam dan Hawa jatuh dalam dosa, Allah dekat dengan hati nurani mereka sehingga mereka takut dan menyembunyikan diri mereka. Ketika Nathan menghadap Raja Daud dan menyampaikan perumpamaan tentang anak domba betina si miskin yang disembelih untuk makanan orang kaya, Allah dekat hati nurani Raja Daud. Segera Daud menyesal lalu berkata, "Aku sudah berdosa kepada TUHAN."

Meskipun Allah selalu dekat dengan hati nurani, ada yang menerimanya dan yang lain akan menolaknya malah bertambah dengan lebih jahat. Pasti Allah juga dekat dengan raja Herodes sewaktu Yohanes Pembaptis menegurnya tetapi dia menjauhkan diri. Tawaran untuk bertaubat ditolak dan hati nurani bertambah lebih kebal bahkan lebih memberontak. "Akan tetapi setelah dia menegor raja wilayah Herodes kerana peristiwa Herodes kerana peristiwa Herodias, isteri saudaranya, dan kerana segala kejahatan lain yang dilakukannya, raja itu menambah kejahatan dengan memasukkan Yohanes dalam penjara" (Lukas 3:19-20).

Allah selalu dekat dengan hati nurani namun kedekatan-Nya tidak disambut dengan serius. Sewaktu Paulus berkhotbah kepada Feliks, hati nuraninya tersentuh, namun responnya berlainan, dia menjadi takut dan berlari seperti anjing yang terkencing-kencing dan tidak menyambut Allah. "Tetapi ketika Paulus berbicara tentang kebenaran, penguasaan diri dan penghakiman yang akan datang, Feliks menjadi takut dan berkata: "Cukuplah dahulu dan pergilah sekarang; apabila ada kesempatan baik, aku akan menyuruh memanggil engkau" (Kisah Para Rasul 24:25). Dia tahu sungguh akan Jalan Kebenaran tetapi berlari bukan bertaubat!

Doa: Bapa Syurgawi, Engkau selalu dekat. Aku berdoa aku akan peka kepada suara-Mu dan berjalan menurut bimbingan-Mu.

## KE TEMPAT SUNYI

Renungan: **Lukas 5:15-16**

*Akan tetapi Dia mengundurkan diri ke tempat-tempat yang sunyi dan berdoa.  
—Lukas 5:16*

Apabila anda tiba ke suatu kota baru, apakah pertanyaan pertama yang anda tanyakan? O ikan patin sedap di Mentakab. Apabila Tuhan Yesus tiba di kota baru, fikiran-Nya melayang ke gunung dan jalan singkat ke gunung itu. Di kesunyian gunung, Dia berdoa kepada Allah Bapa dan bertindak sejajar kehendak Allah Bapa.

Tuhan Yesus berdoa pada hari yang penting iaitu hari baptisan-Nya. “Ketika seluruh orang banyak itu telah dibaptis dan ketika Yesus juga dibaptis dan sedang berdoa, terbukalah langit dan turunlah Roh Kudus dalam rupa burung merpati ke atas-Nya. Dan terdengarlah suara dari langit: “Engkaulah Anak-Ku yang Kukasihi, kepada-Mulah Aku berkenan” (Lukas 3:21-22). Hari yang penting selalu disirami doa.

Tuhan Yesus banyak berdoa setelah melayani orang dan melakukan mukjizat seperti penyembuhan. Lukas 5:15-16 berkata, “Tetapi khabar tentang Yesus makin jauh tersiar dan datanglah orang banyak berbondong-bondong kepada-Nya untuk mendengar Dia dan untuk disembuhkan dari penyakit mereka. Akan tetapi Dia mengundurkan diri ke tempat-tempat yang sunyi untuk berdoa.” Sekalipun pelayanan Tuhan Yesus sungguh mendesak, Dia tetap mengundurkan diri untuk berdoa.

Betapa banyak orang mahu berjumpa dengan-Nya, akan tetapi saat doa tidak dapat digadaikan-Nya.

Dia berdoa pada waktu pagi kerana Dia tahu doa akan membuka hari-Nya dengan sempurna dan kuasa. “Pagi-pagi benar, waktu hari masih gelap, Dia bangun dan pergi ke luar. Dia pergi ke tempat yang sunyi dan berdoa di sana” (Markus 1:35). Bagaimana pula dengan kita? Pagi-pagi benar, kita sedang berdengus kerana kedinginan pagi mengundang kita ke alam mimpi?

Andrew Murray penulis klasik berkata, “Doa mempunyai kuasanya dalam Allah sahaja. Semakin dekat seseorang kepada Allah, semakin dalam dia akan masuk dalam kehendak Allah. Semakin dia memegang Allah dalam doa, lebih kuasa dinyatakan dalam doanya.” “Berserulah kepada-Ku, maka Aku akan menjawab engkau dan akan memberitahukan kepadamu hal-hal yang besar dan yang tidak terfahami yakni hal-hal yang tidak kauketahui” (Yeremia 33:3).

Doa: Allahku, aku tidak akan membiarkan sesuatu pun menarik perhatianku, jiwaku akan menantikan Engkau dalam doa..

## BAPA MENDUKUNG ANDA

Renungan: **Ulangan 1:27-32**

*Dan di padang gurun, di mana engkau melihat bahawa TUHAN, Allahmu, mendukung engkau, seperti seseorang mendukung anaknya, sepanjang jalan yang kamu tempuh, sampai kamu tiba di tempat itu.*

—Ulangan 1:31

Perjalanan hidup ini berliku-liku; kadangkala kita berjalan dalam kabus atau berdepan dengan ombak Lautan Merah yang bergulung-gulung. Allah selalu mendukung kita kerana Dia Bapa Penyayang. Anehnya, ketika kita menerpa badai baru, segala kebaikan-Nya sudah terlupa! Kita berjalan di lembah gelap yang dihantui bayangan raksasa dan tidak melihat Tangan Tuhan.

Keajaiban pembebasan dari cengkaman kuku besi Firaun begitu cepat dilupakan oleh bangsa Israel. Tulah-tulah katak yang melompat-lompat, air sungai bertukaran menjadi darah, penyakit sampar, dan hujan ais segera dilupakan. Seluruh sendi mereka menggeletar apabila mereka mendengar tentang musuh mereka. Bukankah mulut mereka pernah terganggu ketika mereka melihat Tuhan menguakkan air laut dengan perantaraan angin timur yang keras sehingga airnya terbelah? (Keluaran 14:21).

Berapa kali Tuhan sudah menguakkan lautan air untuk anda? Sudah lupaah?

Setibanya ambang pintu tanah perjanjian, segala kebaikan Tuhan lenyap dari ingatan mereka. Khabar mengenai kebesaran dan ketinggian Amori dan Enak membuat mereka mahu berlari (Ulangan 1:29). Hati mereka bergementaran sehingga mereka terlupa kehangatan api yang pernah menyinari mereka dan awan lembut yang pernah menemani mereka sepanjang perjalanan di padang belantara (Ulangan 1:33).

Akhirnya, mereka keluar dari jalur kehendak Allah. Ketakutan mereka berkembang menjadi kecurigaan terhadap kebaikan Allah. Mereka mencuriagai Allah bermaksud membiarkan mereka mati pada tangan orang Amon dan Enak. "Kamu menggerutu di dalam khemahmu serta berkata: Kerana TUHAN membenci kita, maka Dia membawa kami keluar dari tanah Mesir untuk menyerahkan kita ke dalam tangan orang Amori, supaya dimusnahkan" (Ulangan 1:27).

Akhirnya, mereka tidak semakin maju dalam perjalanan mereka malahan semakin mundur sehingga mereka menderita empat puluh tahun dalam padang belantara. Wanita, mencuriagai Allah dan kebaikan-Nya akan memundurkan langkah anda dan menyebabkan anda terbaham di mulut musuhmu yang menunggu anda untuk mengalah sahaja.

---

Doa: Allahku yang setia, aku selalu mengenangi kemenangan Engkau dalam kehidupanku.

## CERMIN AJAIB

Renungan: **Mazmur 71**

*Juga sampai masa tuaku dan putih rambutku, ya Allah,  
janganlah meninggalkan aku, supaya aku memberitakan kuasa-Mu  
kepada angkatan ini, keperkasaan-Mu kepada semua orang  
yang akan datang. —Mazmur 71:18*

Wanita berharga, hari-hari uban sudah datang tanpa diundang dan zaman keemasan segera menjadi teman. Beberapa urat rambut putih dan keriput di hujung mata tercermin sewaktu kita senyum. Kita tidak berani bertanya lagi, “Cermin, cermin di dinding, siapakah wanita yang paling cantik.” Benar, sewaktu generasi muda melihat kita, mereka tidak melihat ratu yang anggun tetapi mereka boleh menyanjung seorang wanita yang sudah lama bersahabat dengan Tuhan. “Sebab Engkaulah harapanku, kepercayaanku sejak masa muda, ya Allah” (Mazmur 71:5).

Jasmani kita semakin lemah, otot kita sakit dan gigi kita ngilu namun Tuhan menjadi benteng dan gunung batu kita. “Jadilah bagiku gunung batu, tempat berteduh, kubu pertahanan untuk menyelamatkan aku; sebab Engkaulah bukit batuku dan pertahananku” (Mazmur 71:3). Kekuatan manusia dalaman kita lebih kuat walaupun tulang kita lebih rapuh! “Tetapi harta ini kami punyai dalam bejana tanah liat, supaya nyata, bahawa kekuatan yang melimpah-limpah itu berasal daripada Allah, bukan daripada diri kami” (2 Korintus 4:7).

Mulut orang tua yang mengenal Tuhan penuh pujian dan penghargaan akan kebaikan Tuhan dan bukan keluhan “Aku sudah tidak berguna!” “Mulutku penuh dengan puji-pujian kepada-Mu dengan penghormatan kepada-Mu sepanjang hari” (Mazmur 71:8). Bolehkah anda bayangkan Musa dan Abram sewaktu mereka semakin berusia? Mereka hanya memikirkan cerita ajaib yang perlu diceritakan kepada generasi berikutnya.

Nenek Lindy Batdorf mengajar Lindy memeluk sikap yang baik sewaktu hari-hari uban tiba. Lindy berkata, “Dia menolong saya melihat bahawa saya boleh menambah pengalaman baru dalam hidupku, dan terselindung dalam diri saya wujud setiap umur...” Pengalaman yang begitu luas boleh dijadikan hikmat dan bimbingan kepada mereka yang belum mendaki celah-celah gunung-ganang hidup kerana kita sudah mengarungi cabaran setiap umur.

Wanita bernilai, bayangkan diri anda sebagai pokok yang berdaun hijau dan berakar lebih dalam lagi dalam kekayaan Tuhan semakin anda beruban. Ingat, bintang-bintang hanya bersinar lebih terang kalau layar langit semakin gelap.

Doa: Allahku, aku ingin semakin mencerminkan kebaikan dan keindahanmu dari tahun ke tahun.

## BULUH YANG PATAH TERKULAI

Renungan: **Matius 8:28-34**

*Buluh yang patah terkulai tidak akan diputuskan-Nya,  
dan sumbu yang pudar nyalanya tidak akan dipadamkan-Nya,  
sampai Dia menjadikan hukum itu menang.*

—Matius 12:20

Buluh yang sempurna dipatahkan dan buluh yang terkulai diremukkan. Itulah sifat pemimpin toksid; mereka menghancurkan manusia bukan membina mereka. Tuhan Yesus yang lemah lembut berlawanan haluan dengan pemimpin toksid — buluh terkulai tidak dipatahkan-Nya dan api sumbu tidak dipadamkan. Sebaliknya, Dia berusaha memulihkan mereka.

Wanita rohani dipanggil ke suatu pelayanan luarbiasa namun mereka mesti bermata rohani. Tuhan Yesus mencari-cari buluh yang terkulai dan menyempurnakannya. Bagi Yesus, dua orang gila yang tinggal di perkuburan berharga nilainya. Untuk masyarakat-Nya, dua orang gila ini sampah masyarakat. Mereka berkata, “Biarlah dia tinggal di perkuburan itu.”

Bagi Tuhan Yesus, jiwa yang terbelenggu iblis mesti dibebaskan segera. Nilai mereka jauh lebih berharga daripada sekawan babi yang mahal. Bagi seluruh kota di Gadara, nilai dua orang yang kerasukan iblis lebih murah daripada kawan babi mereka. Mereka lebih senang kalau orang sakit jiwa ini terjun ke dalam danau dan mati daripada babi-babi terjunam ke dalam.

Tuhan Yesus bertindak cepat untuk memulihkan buluh terkulai ini. “Yesus berkata kepada mereka: “Pergilah!” Lalu keluarlah mereka dan masuk ke dalam babi-babi itu...” (Matius 8:32a). Akibatnya? Adakah Tuhan Yesus menerima tepukan tangan dan kenduri ucapan syukur seluruh kampung itu? Mereka mendesak Tuhan Yesus meninggalkan kota kerana sibuk dengan sampah masyarakat.

Demikian juga orang Farisi yang bersikap dingin terhadap mereka yang menderita. Sewaktu Yesus menyembuh seorang bisu, orang Farisi tidak melihat bahawa buluh yang terkulai sudah disempurnakan. Mereka sengaja mempermasalahkan kuasa apakah yang dipakai oleh Tuhan Yesus untuk menyembuhnya. Pemimpin toksid ini menggilakan kuasa bukan buluh terkulai (Matius 9:35-38).

Wanita unik, anda dikaruniakan dengan kepekaan untuk memerhatikan orang yang seperti buluh yang terkulai. Kita perlu selalu ingat bahawa Anak Manusia datang mencari yang sesat dan memulihkan mereka yang terkulai.

Doa: Tuhan Yesus, aku ingin menyerupai Engkau dan bersikap peka dan bersimpati terhadap mereka yang terkulai.

## IMAN YANG TIDAK BERDOLAK DALIH

Renungan: **Kejadian 22: 1-19**

*Kerana iman maka Abraham, tatkala dia dicubai, mempersembahkan Ishak, Dia, yang telah menerima janji itu, rela mempersembahkan anaknya yang tunggal. —Kejadian 22:17*

Abraham yang mempunyai iman yang seratus peratus teguh menjadi bapa iman kita. Dia akan berkata “Ya” walaupun permintaan Tuhan itu sungguh mengecaikan hatinya. Bayangkan betapa terkejutnya Abraham ketika dia mendengar suara Tuhan, “... Ambillah anakmu yang tunggal itu, yang engkau kasihi, yakni Ishak, pergilah ke tanah Moria dan persembahkanlah dia di sana sebagai korban bakaran pada salah satu gunung yang akan Kukatakan kepadamu” (Kejadian 22:2).

Abraham terkejut tetapi imannya menyebabkan dia menurut perintah Tuhan sekalipun hatinya tertusuk. Abraham tetap memulakan perjalanannya ke Gunung Moriah. Iman Abraham aktif, dia tidak hanya bersetuju tetapi dia bertindak. Dia memasang keledai, membelah kayu, serta membawa pisau dan api untuk membuat pengorbanan ini.

Dia tidak tertanya-tanya kenapa Tuhan yang berjanji bahawa keturunannya akan menjadi seperti bintang di langit pada waktu yang sama menginginkannya mengorbankan anak tunggalnya. Hati Abraham tentu merasa perih sekali apabila Ishak bertanya-tanya, “Bapa...di sini sudah ada api dan kayu, tetapi di manakah anak domba untuk korban bakaran itu?” (Kejadian 22:7).

Panggilan untuk berkorban di mazbah bukanlah sesuatu yang mudah bagi Abraham. Itulah panggilan yang menuntut segala daripada dirinya walaupun milik yang paling berharga. Kesetiaan Abraham memperdalam pengertiannya akan Tuhan dengan lebih dalam lagi ketika Tuhan menyediakan seekor domba jantan untuk menggantikan Ishak. “Dan Abraham menamai tempat itu: “TUHAN menyediakan”; sebab itu sampai sekarang dikatakan orang: “Di atas gunung TUHAN, akan disediakan” (Kejadian 22:14).

Sewaktu anda mematuhi Allah dan mengambil selangkah yang lebih sulit, anda akan lebih mendalami rahsia sifat Allah. Allah sungguh baik dan di luar dugaan anda, sesuatu bermekar dan jalan-Nya semakin terang.

Doa: Allahku, ketika Engkau meminta aku melangkah selangkah yang lebih sulit lagi, aku akan menurutnya tanpa meragukannya.

## ELIA BERGUNTUR

Renungan: **1 Raja-Raja 18**

*Lalu turunlah api TUHAN menyambar habis korban bakaran, kayu api, batu dan tanah itu, bahkan air yang dalam parit itu habis dijilat. —1 Raja-Raja 18:38*

**N**ama Elia bererti “Yahwehku.” Elia telah diberikan oleh Tuhan untuk suatu jangka waktu yang genting dalam sejarah umat-Nya. Nabi Elia terserlah sebagai nabi berani yang tidak takut bersemuka dengan Raja Ahab dan permaisuri yang kejahatannya membuat banyak orang berlari-lari. Walaupun kejahatan permaisuri tampak ngeri, Elia berguntur terus kerana kehadiran Allah.

Elia yang datang dari pergunungan bukan pengecut apabila berhadapan dengan orang istana. Dia tidak berundur dan menyembunyikan diri di sebalik pergunungan Gilead. Apabila Raja Ahab berguntur, “Engkaulah itu, yang mencelakakan Israel? (1 Raja-Raja 18:17). Elia berguntur kepadanya: “Bukan aku yang mencelakakan Israel, melainkan engkau ini dan kaum keluargamu, sebab kamu telah meninggalkan perintah-perintah Tuhan dan engkau telah mengikuti para Baal” (1 Raja-Raja 18:18).

Elia tidak akan berundur dalam ketakutan, dia tidak akan membiarkan 450 imam Baal dan Izebel menang. Elia tahu Yahwehnya tentu jauh lebih berkuasa daripada 450 imam dan Izebel yang terkenal dengan kekejamannya. Dia yakin Tuhan akan tampak di mana dia berguntur. Gugatan daripada permaisuri jahat tidak mematikan semangatnya.

Keberanian Elia melebihi semua rakyat pada waktu itu yang takut akan pemerintah Raja Ahab. Elia berguntur, “Berapa lama lagi kamu berlaku timpang dan bercabang hati? Kalau TUHAN itu Allah, ikutilah Dia, dan kalau Baal, ikutilah dia” (1 Raja-Raja 18:21a).

Kuasa penyertaan Tuhan Maha Kuasa menyertai Elia yang berani. Sesungguhnya, korban bakaran Elia disambar dan habis dibakar sedangkan korban bakaran Baal gagal. Dewa mereka membisu dan tiada ada tanda sewaktu mereka meminta kehadiran dewa mereka (1 Raja-Raja 18:29). Keberanian Elia menyebabkan semua nabi Baal dikalahkan. Bagi Elia, Baal hanya ciptaan manusia semata-mata tetapi Allah Abraham, Ishak dan Yakub ialah Allah Maha Kuasa yang hidup. Berdirilah dan berguntur melawan kuasa gelap yang diutus untuk menyerang iman anda.

---

Doa: Aku serahkan diriku sebagai alat di tangan-Mu sewaktu diberikan tugas untuk berguntur melawan kuasa gelap.

## SUARA TUHAN SEPOI-SEPOI

Renungan: **1 Raja-Raja 19**

*Dan sesudah gempa dalam api itu datanglah api.  
Tetapi tidak ada TUHAN dalam api itu. Dan sesudah api itu  
datanglah bunyi angin sepoi-sepoi basa.  
—1 Raja-Raja 19:12*

**K**emenangan Elia yang menghanguskan kejahatan dicabar oleh ancaman maut. Tiba-tiba ketakutan mencengkam nabi ini ketika dia mendengar suara Izebel yang bengis, “Beginilah kiranya para allah menghukum aku, bahkan lebih lagi daripada itu, jika besok kira-kira pada waktu ini aku tidak membuat nyawamu sama seperti nyawa salah seorang daripada mereka itu” (1 Raja-Raja 19:2).

Elia berlari ke padang gurun dan duduk di bawah sebuah pohon arar. Saat ini dia hanya menatap bebunga putih pohon sambil mengeluh, “Cukuplah itu! Sekarang ya TUHAN, ambillah nyawaku, sebab aku ini tidak lebih baik daripada nenek moyangku” (1 Raja-Raja 19:4).

Selama ini Elia mengenal Tuhan sebagai Yahweh yang berkuasa dan penuh kemenangan. Saat ini, Elia akan mengalami kelembutan-Nya. “Tetapi malaikat TUHAN datang untuk kedua kalinya dan menyentuh dia serta berkata: “Bangunlah, makanlah! Sebab kalau tidak, perjalananmu nanti terlalu jauh bagimu” (1 Raja-Raja 19:7).

Saat ini penting, Elia memerlukan banyak keyakinan sebelum menangani tugas hebat. Dia akan menempuh perjalanan empat puluh hari dan empat puluh malam ke Gunung Horeb. Di sana, dia akan mengenal suara Tuhan yang sepoi-sepoi basa dan berlainan dengan kuasa-Nya dalam bentuk api atau sangkala. “Dan sesudah gempa itu datanglah api. Tetapi tidak ada TUHAN dalam api itu. Dan sesudah api itu datanglah bunyi angin sepoi-sepoi basa” (1 Raja-Raja 19:12).

Suara Tuhan sepoi-sepoi basa berjaya menengalami teriakan Izebel. Elia akan diurapi kuasa ilahi untuk melaksanakan tiga tugas penting. Dia akan mengurapi Hazael sebagai Raja Syria, mengurapi Yehu sebagai raja Israel, dan Elisa untuk melanjutkan pelayanannya sebagai nabi.

Wanita, dalam ketenangan, suara-Nya yang sepoi-sepoi basa akan menguatkan jiwa anda serta mengutus anda ke arah yang ditentukan-Nya. Inilah saat kemenangan yang menyiapkan anda untuk perjalanan yang lebih mencabar lagi.

---

Doa: Allahku, aku ke Gunung Horeb, hiburkan jiwaku dan kuatkan aku untuk perjalanan selanjutnya.

## PEMBUNUHAN OLEH WANITA PUAKA

Renungan: **1 Raja-Raja 21**

*Katakanlah kepadanya, demikian: Engkau telah membunuh serta merampas juga! Katakan pula kepadanya: Beginilah firman TUHAN: Di tempat anjing telah menjilat darah Nabot, di situ jugalah anjing akan menjilat darahmu.  
—1 Raja-Raja 21*

➤ Semua orang tahu drama pembunuhan yang kejam dan sama sekali tidak adil itu. Bibir semua terkatup kerana drama pembunuhan itu dilakukan oleh permaisuri bagi suaminya, Raja Ahab. Pembunuhan yang disaluti dengan rahsia tertutup rapat sebenarnya dilakukan Izebel demi menenangkan kegusaran suaminya. Kebun anggur bagi Izebel bagi anak patung idaman suaminya yang boleh direbut bila-bila sahaja tetapi bagi Nabot itu tanah milik nenek moyang yang tidak boleh digadaikan sekalipun dengan nyawanya.

Bibir semua orang terkatup kecuali bibir seorang nabi, Elia. Api kenabian meluap-luap dalam dirinya dan tidak ada ketidakadilan yang dapat ditutupkan. Setelah angin sepoi-sepoi basa menguatkan jiwanya yang hampa, Elia bangkit semula dengan api Roh Kudus yang bernyala-nyala dan bersiap sedia berguntur lagi.

Elia bergegas ke kebun anggur ketika Raja Ahab pergi ke sana seperti seorang anak kecil yang mahu merebut anak patungnya. Dia berfikir kini dia boleh bersantai-santai di kebun anggur itu sambil menikmati gugusan anggur manis. TUHAN tidak dapat bertolak ansur dengan penyalahgunaan kuasa oleh Izebel dan Raja Ahab ini.

Lantas, Elia yang penuh amarah TUHAN pergi ke kebun anggur. Sewaktu permaisuri Izebel tersenyum lebar seraya memetik anggur yang berjus manis bagi kekasihnya, suara Elia berguntur di kebun anggur itu, “Engkau telah membunuh serta merampas juga! Katakan pula kepadanya: Beginilah firman TUHAN: Di tempat anjing telah menjilat darah Nabot, di situ jugalah anjing akan menjilat darahmu” (1 Raja-Raja 21:19). Elia tidak takut akan Izebel yang jahat itu lalu dia berkata, “Anjing akan memakan Izebel di tembok luar Yizree!” (1 Raja-Raja 21:23). Dia tidak takut menjelaskan kemerosotan moral Raja Ahab dan padah yang akan diterimanya.

Nabi-nabi yang bersungguh-sungguh bersabda untuk Tuhan tidak menutupi jenayah kerana suara keadilan Tuhan membara dalam dirinya. Rakyat Israel yang ditakut-takutkan Izebel mulai melihat secercah sinaran keadilan dalam masyarakat melalui nabi yang berani ini.

---

Doa: Allahku, biarlah aku tidak gentar menjadi penyambung lidahmu  
sewaktu Engkau ingin aku menegakkan keadilan.

## IMAGO DEI YANG BENAR

Renungan: **2 Korintus 4:4; Kolose 1:15; Efesus 1:4-5; Roma 8:29**

*Dia adalah gambar Allah yang tidak kelihatan, yang sulung,  
lebih utama dari segala yang diciptakan.*

—Kolose 1:15

Pernah seseorang berkata, “Bagaimana kita tahu siapa Allah dan sifat-Nya kalau tidak ada yang pernah ke syurga dan kembali ke dunia ini untuk memberitahu kita bahkan burung pun tidak pernah ke sana?”

Tuhan Yesus yang pernah menjelma sebagai manusia dan berjalan di Galilea adalah gambar Allah yang benar. Tiada manusia di dunia ini boleh setanding dengan kehidupan-Nya yang benar, indah, murni dan tiada cacat cela. As Hoekema menulis dalam bukunya “Created in God’s Image” bahawa Kristus dipanggil gambaran Allah yang sempurna... Dalam Kristus kita melihat gambaran Allah dalam kesempurnaan-Nya. Seperti guru yang mahir menggunakan alat peraga untuk menolong muridnya memahami apa yang diajarinya, Allah Bapa memberi kita Yesus Kristus sebagai contoh visual tentang gambar Allah.

Wahai wanita, kita dipanggil untuk melayang mata untuk memandang keindahan Kristus dan hidup semakin menyerupai-Nya. “Sebab semua orang yang dipilih-Nya dari semula, mereka juga ditentukan-Nya untuk menjadi serupa dengan gambaran Anak-Nya, supaya Dia, Anak-Nya itu, menjadi yang sulung di antara banyak saudara (Rom 8:29).”

Wanita, anda tidak dipanggil untuk membuktikan diri boleh dan tidak kalah kalau dibandingkan dengan Adam. Panggilan yang unggul dan terpenting bagi wanita ialah untuk menyerupai Kristus. Layangkan pandangan anda kepada kehidupan Kristus yang tidak pernah sesaat pun meninggalkan persekutuan dengan Allah Bapa. Ukirkan kasih-Nya terhadap manusia dalam hatimu.

Ingat akan kesabaran, keteguhan dan ketabahan jiwanya sewaktu menelusuri jalan Kalvari ke kayu salib demi dosa dunia ini. Camkan kerelaan-Nya dan kasih-Nya yang sanggup mati bagi dosa orang lain. Tinggalkan hidup yang lama dan hidup dalam terang kemuliaan-Nya bukan seperti orang yang tidak mengenal Allah dan tidak melihat cahaya Injil tentang kemuliaan Kristus, yang adalah gambaran Allah (2 Korintus 4:4). “Aku menyanyi tentang sifat-Nya, dan semua bentuk kasih yang menggambarkan-Nya, ditinggikan di takhta-Nya, dalam lagu-lagu pujian yang paling manis, aku akan selama-lamanya membiarkan kemuliaan-Nya diketahui” (J. Oswald Sanders).

Doa: Tuhan Yesus, aku rindu tinggal dalam terang kemuliaan-Mu dan semakin menyerupai-Mu dalam hidupku.

## JADILAH KUDUS

Renungan: **Yesaya 6; Yohanes 17:11, 17, 19**

*Berbicaralah kepada segenap jemaah Israel dan katakan kepada mereka:  
Kuduslah kamu, sebab Aku, TUHAN, Allahmu, kudus.*

—Imamat 19:2

Kekudusan tidak boleh digambarkan seperti yang dijelaskan oleh orang Farisi iaitu kepandaian menetapkan peraturan dan adat resam agama. Kekudusan hanya bermula dengan pertemuan peribadi dengan TUHAN yang kudus. Pengenalan akan Tuhan Allah yang kudus adalah saat yang menimbulkan kesedaran akan dosa.

Pertemuan Yesaya dengan Allah yang kudus terjadi ketika dia sedang mengikuti upacara persembahan korban bakaran yang lazim dilakukan oleh para imam. Apa yang dilihat oleh Yesaya bukanlah lambang yang melambangkan kekudusan TUHAN. Yang dilihatnya ialah takhta yang menjulang tinggi, TUHAN Maha Kudus yang memenuhi seluruh Bait Allah. Yesaya dalam pertemuan itu mendengar serafim yang bersilih ganti memuji-muji hakikat TUHAN yang kudus (Yesaya 6:3). Seluruh Bait Allah tiba-tiba berubah seperti takhta syurgawi dan kekudusan serta kemuliaan-Nya memenuhinya.

Di hadirat TUHAN, Yesaya menyedari akan kenajisannya dan kekotoran orang di sekelilingnya. Dia hidup dan tinggal dalam kolam yang tercemar, pertuturan orang di sekelilingnya najis. Bara api yang diambil dari mazbah telah menyucikan mulutnya. Sentuhan api pada bibir Yesaya bererti TUHAN berkenan memurnikan Yesaya agar dia bersiap untuk tugas kenabiannya. Sefarim berseru seorang kepada seorang, "Kudus, kudus, kuduslah TUHAN semesta alam, seluruh bumi penuh dengan kemuliaan-Nya" (Yesaya 6:3). Di hadirat api kekudusan Allah, semua manusia akan menyedari kenajisan masing-masing.

TUHAN memesan agar kita juga mencerminkan kekudusan-Nya dalam kehidupan kita, "Kuduslah kamu, sebab Aku kudus" (1 Petrus 1:16). Kita dipesan untuk berdamai dengan semua orang dan mengejar kekudusan TUHAN. "Berusahalah hidup damai dengan semua orang dan kejarlah kekudusan, sebab tanpa kekudusan tidak seorang pun akan melihat Tuhan" (Ibrani 12:14).

Kudus, kudus, kudus, Allah yang Maha Mulia  
 Segenap kerub dan makhluk syurgawi berseru  
 Tanggalkan mahkota mereka untuk menyembah-Mu  
 Aku tanggalkan jubah dosaku, sujud sembah Allah yang kudus

Doa: Sucikan aku dan biarlah aku memuliakan Engkau dengan pertuturan dan tingkah lakuku.

## KARYA-NYA

Renungan: **Roma 1:18-23**

*Sebab apa yang tidak nampak daripada-Nya, iaitu kekuatan-Nya yang kekal dan keilahian-Nya, dapat nampak kepada fikiran dari karya-Nya sejak dunia diciptakan, sehingga mereka tidak dapat berdalih.*

— Roma 1:20

**P**ergi, hitungkan pasir yang membentuk permukaan bumi ini,  
Titisan yang membentuk lautan raksasa  
**P**ergi, hitungkan bintang-bintang yang kelahirannya syurgawi  
Beritahu berapa jumlahnya  
Dan engkau akan mengetahui keajaiban kasih.” (T.C. Upham)

Malam itu sungguh dingin, aku ke tandas yang di luar rumah penginapan berdekatan Tembok Besar China. Kedinginan malam membuat aku membengkok kerana lututku seakan-akan membeku. Sewaktu pulang ke pondok, aku menengadah ke langit. Berjuta-jutaan bintang bertaburan di langit yang tidak dapat aku lihat di Petaling Jaya.

O Tuhanku, bilaku lihat bintang gemerlapan  
Bunyi guruh riuh kudengar  
Ya Tuhanku tak putus aku hairan  
Melihat ciptaan-Mu yang besar (Carl Boberg)

Ketika manusia melihat kemuliaan ciptaan Allah, masih ada yang tidak mengucapkan syukur. “Sebab sekalipun mereka mengenal Allah, mereka tidak memuliakan Dia sebagai Allah atau mengucap syukur kepada-Nya. Sebaliknya fikiran mereka menjadi sia-sia dan hati mereka yang bodoh menjadi gelap” (Roma 1:21). Ciptaan seharusnya membuat manusia menyembah Pencipta tetapi sebaliknya mereka membuat allah dari burung, binatang dan menyembah ciptaan pula (Roma 1:23).

Anda sedang menyelam di Karang-Karang Tubtataha di lautan Sulu. Di sini terletak pulau karang berbentuk seperti cincin yang indah yang dihiasi karang-karang putih yang tidak tercemar. Khazanah dunia ini juga tempat penghunian beribu-binatang laut yang beraneka jenis. Pasti jiwa anda terbuai keindahan sehingga anda mengucapkan syukur kepada Pencipta Yang Tidak Fana seraya memuliakan nama Tuhan.

Peliharalah alam dan menghargai Pencipta yang telah memberi kita khazanah untuk dipelihara. Jadilah teman yang baik bagi alam sehingga segala berkat ciptaan boleh menjadi khazanah selamanya.

Doa: Tuhan, tolong aku menggunakan alam dengan rasa kesyukuran kepada Pencipta dan bertanggungjawab memelihara alam.

## BEBUNGA MAWAR AKAN BERTUMBUH DI PADANG GURUN

Renungan: **Yesaya 35**

*Kuatkanlah tangan yang lemah lesu dan teguhkanlah lutut yang goyah.  
Katakanlah kepada orang-orang yang tawar hati: "Kuatkanlah hati,  
janganlah takut! Lihatlah, Allah, akan datang dengan pembalasan dan  
dengan ganjaran Allah, Dia sendiri datang menyelamatkan kamu!  
— Yesaya 35:3-4*

Bayangkan...anda sedang mengheret kaki anda di padang gurun yang panas dan kering. Angin panas menghembus dan pasir masuk ke dalam kasut anda sehingga setiap langkah menyakiti kaki anda. Anda haus namun yang anda lihat hanya lautan pasir. Tiba-tiba sekuntum bunga ros manis bermekar dan melambai-lambai kepada anda. Kemudian banyak bunga bermekar dan bertepuk-tepuk tangan serta bersorak-sorai sehingga anda tersungkur dalam puji syukur. Yang lebih ajaib lagi, tanah pasir berubah menjadi kolam air.

Umat Tuhan pada zaman Yesaya telah menempuh keterikan padang gurun gersang. Pada masa itu juga kehidupan mereka sering terancam oleh tentera Asyur. "Jalan-jalan raya menjadi sunyi dan seorang pun tiada lagi yang lintas di jalan. Perjanjian sudah diingkari, saksi-saksi sudah ditolak, dan manusia tidak dihiraukan" (Yesaya 33:8). Pada masa ini, kemungkinan besar, ladang-ladang mereka sudah terbakar.

Bagi sisa umat Tuhan yang mempercayai kepada-Nya padang belantara mereka akan bebunga lagi. "Seperti bunga mawar ia akan bebunga lebat, akan bersorak-sorak, ya bersorak-sorak dan bersorak-sorai. Kemuliaan Libanon akan diberikan kepadanya, semarak Karmel dan Saron; mereka itu akan melihat kemuliaan TUHAN, semarak Allah kita" (Yesaya 35:2). Kebergantungan dan kepercayaan mereka yang tidak bergoyah kepada Tuhan pada waktu padang gurun akan mendatangkan bebunga dan dedaun.

Ketika engkau menempuh padang gurun  
Hanya pepasir di kolam matamu  
Kegersangan yang melelahkan  
Mata serigala bertentangan  
Mata imanmu

Percayalah kepada Tuhan dengan sepenuh hati  
Bebunga mawar akan bertumbuh lagi  
Kegersangan akan menjadi kolam berair  
Rusa akan melompat gembira bersama anda

Doa: Bebunga mawar akan bermekar di padang guruhku dan air kolam akan membual-bual. Aku menanti-nantikan Engkau, ya Tuhan.

## CERITA PADANG BELANTARA ANDA

Renungan: **Matius 4:3-11; Ulangan 6:16**

*Lalu datanglah si pencuba itu dan berkata kepada-Nya:  
"Jika Engkau Anak Allah, perintahkanlah supaya  
batu-batu ini menjadi roti. —Matius 4:4*

**W**anita, anda sedang mencicipi kemuncak kerohanian. Tiba-tiba, musim beralih dan bebunga sakura gugur. Anda merasa kering dalam kehidupan rohani anda dan anda dibimbing ke padang belantara untuk diuji tenat. Cerita apakah yang anda tuliskan untuk padang belantara anda? Bagaimanakah Tuhan Yesus menulis cerita padang gurun-Nya?

Perasmian Kerajaan Syurgawi oleh Yohanes Pembaptis mencapai kemuncaknya apabila suara bergema dari syurga, "Inilah Anak yang Kukasihi, kepada-Nyalah Aku berkenan" ketika Tuhan Yesus menginjak ke dalam sungai Yordan untuk dibaptiskan. Sesaat kemudian, tirai hitam menutupi saat yang mulia ini dan Yesus segera dipimpin ke padang belantara untuk diuji. Pengodaan yang dialami oleh Yesus boleh dikatakan pengodaan yang tertinggi kerana ia membuktikan kemurnian-Nya sebagai Mesias yang dijanjikan para nabi, dan ia mencatat cerita yang berlainan dengan sikap nenek moyang-Nya.

Iblis dengan ganas melancarkan godaan ini pada permulaan pelayanan Yesus kerana iblis berusaha sebaik mungkin untuk menyeleweng Kristus daripada rencana Bapa-Nya. Pengodaan iblis luarbiasa liciknya. Dia telah mencoraknya agar Tuhan Yesus berjaya dengan menggunakan cara yang salah dan gagal dalam rancangan penyelamatan dunia.

Babak godaan ini telah meninggalkan dua jejak bagi kita: jejak Yesus Kristus dan jejak nenek moyangnya. Penulis Matius melihat satu kesejajaran antara godaan Yesus dan umat Israel di padang belantara. Secara kasar, Yesus telah mengharungi air, merempuh padang belantara, dan mengalami kelaparan, penyangkalan diri, dan penyangkalan penyembahan berhala seperti yang diajukan kepada umat Israel. Padahal, Matius memusatkan temanya daripada Ulangan 6-8 di mana Musa menjelaskan bagaimana satu siri ujian akan menentukan kasih setia Israel kepada Tuhan.

Padang belantara sering menjadi acuan untuk menguji kesetiaan dan membentuk pertumbuhan rohani bangsa Israel (Ulangan 8:2; Mazmur 107:4-5). Namun, cerita umat Tuhan ialah kegagalan dan pemberontakan dibandingkan dengan cerita kemenangan Tuhan Yesus.

---

Doa: Bapa Syurgawi, aku akan menurut firman Tuhan dengan sepenuhnya sewaktu mengalami padang belantara.

## YANG TERTULIS

Renungan: **Matius 4:1-4**

*Jadi Dia merendahkan hatimu, membiarkan engkau lapar dan memberi engkau makan manna, yang tidak kaukenal dan yang juga tidak dikenal oleh nenek moyangmu, untuk membuat engkau mengerti, bahawa manusia hidup bukan dari roti saja, tetapi manusia hidup dari segala yang diucapkan TUHAN. —Ulangan 8:3*

Yurga terbuka dan Roh Kudus menghinggap ke atas Tuhan Yesus. Roh Kudus yang mengakui Tuhan Yesus sebagai Anak Allah yang dikasihi juga membawa-Nya ke dalam padang belantara untuk diuji. Ketika Allah menguji, matlamat-Nya hanya untuk membuktikan ketulenan Anak-Nya tetapi iblis pula ingin membuktikan sebaliknya. Matlamat iblis ialah meyakinkan semua orang bahawa Tuhan Yesus bukan Anak Allah yang dikasihi dengan pelbagai pendekatan menjebak Tuhan Yesus.

“Ketika seseorang dipenuhi dengan Roh Allah, dia akan mengalami konflik dengan Si Pengoda. Allah mengizinkan pengujian ini kerana Dia sedang melakukan seperti yang dilakukan oleh-Nya bagi pokok oak sewaktu ditiup badai; akarnya bertumbuh lebih dalam, atau seperti suhu kepanasan yang digunakan untuk mencorak porselin, agar ia tahan lasak” (L.B. Cowman).

Pengujian terhadap Tuhan Yesus bukan sekadar cabaran batiniah tetapi juga jasmani. Setelah empat puluh hari berpuasa, Tuhan Yesus lapar dan haus. Pendekatan pengujian iblis tertumpu pada kelemahan jasmani Yesus pada saat itu. Batu sandungan yang disediakan iblis ialah roti. Iblis mengajukan satu pendapat, “Jika Engkau Anak Allah, perintahkanlah supaya batu-batu ini menjadi roti” (Matius 4:3). Selain melegakan kelaparan-Nya, Tuhan Yesus dapat meyakinkan orang miskin tentang kemampuan-Nya untuk memberi makanan dan segera disambut oleh mereka sebagai Mesias fahaman mereka.

Kawanku, firman Tuhan dalam Perjanjian Lama sudah tertulis pada loh batu hati-Nya maka Tuhan Yesus tidak bergoyah. Dengan tegas, “Tetapi Yesus menjawab: Manusia hidup bukan dari roti saja, tetapi dari setiap firman yang keluar dari mulut Allah” (Matius 4:4). Jawapan Tuhan Yesus dikutip daripada Ulangan 8:3. Sikap nenek moyang-Nya yang mementingkan kebutuhan jasmani menyebabkan mereka gagal hidup berkenan kepada Allah namun ini tidak diulangi Tuhan Yesus.

Wahai wanita yang di cintai Tuhan, firman Tuhan yang berakar umbi dalam hati anda, dan Roh akan menolong anda mencatatkan kemenangan pada saat pengoda datang. Pakailah firman Tuhan sebagai pedang kemenangan (Efesus 6:17, Rom. 8:13).

Doa: Allah, biarkan firman Tuhan berakar umbi dalam kehidupanku agar aku berdiri kuat sewaktu menghadapi godaan iblis.

## MIKHAL TIDAK BANGGA AKAN LELAKINYA

Renungan: **2 Samuel 6:14-23**

*Dan Daud menari-menari di hadapan TUHAN dengan sekuat tenaga; dia berbaju efod daripada kain linen.*

—2 Samuel 6:14

**H**ati Mikhal seharusnya bangga apabila dia melihat suaminya, raja Daud menari-menari di hadapan TUHAN dengan sekuat tenaga. Wanita rohani manakah yang membenci suami yang beribadah hangat? “Ketika tabut TUHAN itu masuk ke kota Daud, maka Mikhal, anak perempuan Saul, menjenguk dari jendela, lalu melihat raja Daud meloncat-loncat serta menari-nari di hadapan TUHAN. Sebab itu dia memandang rendah Daud dalam hatinya” (2 Samuel 6:16).

Sekalipun Daud sungguh mencintai TUHAN, hal ini tidak mempengaruhi Mikhal. Mikhal bukan saja tidak mengasihi Allah malahan sifatnya lebih seperti bapanya, raja Saul. Raja Saul tidak taat kepada Allah dan akan menurut cara sendiri seperti mengadakan korban tanpa menunggu Samuel.

Sifat Mikhal semakin menyerupai ayahnya Saul sehingga Alkitab lebih suka memanggilnya sebagai anak perempuan Saul, “Mikhal binti Saul!” bukan Mikhal bini Daud. Hatinya yang cetek dan kasihnya terhadap Tuhan boleh diragukan. Mikhal tidak melihat saat yang penting itu, sebaliknya matanya dikaburi oleh penghinaan terhadap suaminya.

Bagi raja Daud, membawa tabut kembali daripada orang Filistin, merupakan saat yang sungguh penting. Pembawaan tabut Tuhan telah dilakukannya dengan berhati-hati. Setelah setiap enam langkah, raja Daud akan mengadakan korban bakaran dan korban keselamatan (2 Samuel 6:17). Bagi raja Daud, TUHAN layak menerima semua irama sangkakala dan kecap.

Mikhal tidak senang melihat raja Daud memakai baju efod daripada kain lenan dan menghينanya seakan-akan menelanjangi dirinya (2 Samuel 6:20). Baginya, tidak manislah kalau seorang raja menanggalkan jubahnya untuk baju ibadah. Penghinaan Mikhal menunjukkan kepada kita bahawa Mikhal bukan penyembah Allah yang tulus.

Wahai wanita, C.S. Lewis berkata Allah kita ialah “Pemberi yang hebat dan Kekasih yang luarbiasa” jadi dia layak menerima ibadah kita yang bertenaga. Anda tidak dapat beribadah bersama kalau ada roh pahit dan perseteruan dengan suami anda seperti rasa Mikhal. Ajaklah suami anda, “Masuklah melalui pintu gerbang-Nya dengan nyanyian syukur ke dalam pelantaran-Nya dengan puji-pujian, bersyukurlah kepada-Nya dan pujilah nama-Nya!” (Mazmur 100:4).

Doa: Allahku, aku ingin memuliakan nama-Mu dalam kehidupanku dengan segenap hatiku.

## PENGODAAN LICIK

Renungan: **Matius 4:6-7**

*Janganlah kamu mencubai TUHAN, Allahmu,  
seperti kamu mencubai Dia di Masa.  
—Ulangan 6:16*

Semakin lama seorang Kristian dalam perjalanan rohaninya, godaan iblis menjadi semakin sengit. Godaan iblis sungguh licik kerana perangkapnya berbalut dengan kemanisan: nafsu jasmani, nafsu mata dan keangkuhan hidup. John Lightfoot dalam buku tafsirannya memerhatikan bahawa iblis berusaha menjebak Tuhan Yesus dengan nafsu jasmani, "Perintahkan batu-batu ini menjadi roti!" dengan nafsu mata, "Semua ini akan kuberikan kepada-Mu," dan dengan keangkuhan hidup, "terjunlah kerana Allah akan memerintah malaikat-malaikat menjaga-Mu dan mereka akan menatang-Mu."

Kegagalan menjebak Yesus dengan tipu helahnya membuat iblis bertindak semakin licik. Ia berusaha memutarbelitkan firman Tuhan untuk mengelirukan-Nya. Iblis berpura-pura manis dan mengutip doa perlindungan yang dijanjikan Allah. Kutipan iblis berbunyi demikian, "sebab malaikat-malaikat-Nya akan diperintahkan-Nya kepadamu untuk menjaga engkau di segala jalanmu. Mereka akan menatang engkau di atas tangannya, supaya kakimu jangan terantuk kepada batu" (Mazmur 91:11-12).

Jaminan perlindungan Allah dijadikan alasan iblis agar Tuhan Yesus membuktikan kehebatan-Nya dengan menerjun dari puncak Bait Allah. Kalau Tuhan Yesus berbuat begitu, Dia segera menghebohkan Diri sebagai pekerja mukjizat (Matius 4:6-7). Bukankah malaikat-malaikat yang diutus untuk menyelamatkan-Nya akan membuat semua penonton-Nya terpegun? Juga, tempat ini sungguh tinggi dalam lembah Kidron, seandainya Tuhan Yesus terjun, tentu babak ini mengerunkan hati ramai.

Tuhan Yesus menolak strategi iblis kerana 'sengaja melemparkan diri' dan 'terjatuh' dalam Mazmur 91:11-12 berlainan ertinya. Selain itu, Anak Allah menjunjung Bapa-Nya dan tidak mungkin menguji Bapa-Nya. Tuhan Yesus mengutip "Ada pula tertulis: Janganlah engkau mencubai Tuhan, Allahmu!" (Lukas 4:7).

Sebaliknya, nenek moyang Tuhan Yesus menguji Allah sewaktu di Masa, mereka mengomel dan menguji kesabaran TUHAN kerana mereka tidak tahan kekeringan Masa. Kemarahan mereka mendesak Musa memukul batu sehingga airnya memancar (Mazmur 95; Keluaran 17:7).

Doa: Allahku, tolonglah aku mengikut segala bimbingan-Mu dengan berhati-hati agar tidak terjebak oleh tipu muslihat iblis.

## TUHAN YESUS TIDAK TERGIUR

Renungan: **Matius 4:9-10**

*Engkau harus takut akan TUHAN, Allahmu; kepada Dia haruslah engkau beribadah dan demi nama-Nya haruslah engkau bersumpah. — Ulangan 6:13*

Iblis membawa Tuhan Yesus ke gunung tinggi untuk melihat seluruh kemewahan kerajaan dunia. Iblis menawarkan, “Semua itu akan kuberikan kepada-Mu, jika Engkau sujud menyembah aku” (Matius 4:9). Dengan licik lagi, Iblis berbisik seperti yang disabdakan oleh nabi Yesaya tetapi dikutip di luar konteks dan ketepatan waktu penggenapan nubat ini: “Rajara-ja akan melihat perbuatan-Ku, lalu bangkit memberi hormat, dan pembesar-pembesar akan sujud menyembah, oleh kerana TUHAN yang setia oleh kerana Yang Maha Kudus Allah Israel, yang memilih engkau” (Yesaya 49:49:7b).

Tuhan Yesus tinggal dalam suasana politik yang sulit, sekalipun umat Tuhan sudah kembali dari Babel, mereka belum mengalami pembebasan tuntas sesudah pemberontakan Makabeen. Di bawah penjajahan Persia, Yunani, Rom, mereka tetap berada dalam keadaan pembuangan di tanahair sendiri. Seandainya Tuhan Yesus ingin menjadi terkenal, Dia boleh menjadi Mesias yang dialu-alukan masyarakat-Nya. Tuhan Yesus tidak akan mengambil jalan pintas untuk menjadi Mesias yang diingini masyarakat-Nya.

Iblis tahu bahawa rancangan mendirikan kerajaan Allah memang kehendak Allah dan ia ingin menyerang dari sudut ini. Namun, Tuhan Yesus tidak tergiur untuk menggunakan cara kegemilangan yang bertentangan kehendak Allah. Keyakinan-Nya tidak berubah, urusan-Nya ialah urusan Bapa-Nya. Kerajaan Allah tidak akan dilancarkan dengan kuasa dan senjata iblis atau dunia.

Tawaran iblis untuk mendatangkan pemerintahan Raja Yesus di dunia dengan segera bererti penyangkalan kayu salib. Tuhan Yesus berlainan daripada umat Tuhan pada zaman Musa yang segera menyembah lembu emas pada waktu kelemahan mereka (Keluaran 32:1-6).

Bagi Tuhan Yesus yang terpenting ialah “Kasihilah TUHAN, Allahmu, dengan segenap hatimu dan dengan segenap jiwamu dan dengan segenap kekuatanmu” (Ulangan 6:5). Menyembah Allah dengan segenap jiwa, hati dan kekuatan tidak boleh ditukarkan dengan tawaran lain. Tuhan Yesus menentang iblis dengan ringkas dari firman Tuhan, “Maka berkatalah Yesus kepadanya: “Enyahlah, iblis! Sebab ada tertulis: Engkau harus menyembah Tuhan, Allahmu, dan hanya kepada Dia sajalah: engkau berbakti!” (Matius 4:10).

Doa: Tuhan Yesus, aku akan mengikut teladan Engkau dan tidak akan mengambil jalan pintas yang tidak memuliakan nama-Mu.

## *Dia Pernah Di Sini*

*Sering dengan kaki yang lelah dan terluka  
Kita menjelajahi lembah dunia yang bebatu  
O betapa manis dan menghiburkanku  
Kristus pernah melalui perjalanan lelah ini  
Semua liku dan cabaran Dia tahu  
Dari terbit mentari dalam hidup  
hingga ke terbenamnya*

*Dia pernah berjalan di permukaan bumi ini  
Cuaca dingin mahupun hangat pernah dialami-Nya  
Padang belantara dan ujian dilalui-Nya seperti kita  
Hanya Dia tidak pernah berdosa setiap sudut hidup  
O Juruselamatku, lihatlah aku dalam perjalanan ini  
Hulurkan kekuatan dan mengasihani aku*

*Sungguh aku terhibur dalam ujian ini  
Kristus bersimpati sebagai teman yang memahami  
Sungai Yordan yang mengalir deras  
Yang aku perlu lalui dengan iman  
Kota Yerikho yang perlu roboh tanpa ketakutan  
Dia bersertaku sewaktu aku meniup sangkakala  
Kerana Dia pernah di sini*

## MENGENANGI KEKASIH

Renungan: **Kidung Agung 2:8-17**

*Dengarlah! Kekasihku! Lihatlah, dia datang, melompat-lompat di atas gunung-gunung, meloncat-loncat di atas bukit-bukit.*

—*Kidung Agung 2:8*

Berjumpa dengan kekasih, itu kerinduan wanita yang dilamun cinta. Dalam lagu ini, dia mengenangi waktu bertemu dengan kekasihnya. Kekasih digambarkan meloncat-loncat seperti seekor anak rusa sewaktu datang berjumpanya! (Kidung Agung 2:8).

Dalam Kidung Agung, kekasihnya seperti anak rusa yang melihat-lihat dari balik dinding dan kisi-kisinya. Dinding bereti dinding rumahnya, dia melihat melalui dinding dan jendelanya. Kekasihnya mengasihi dan menghormatinya dan tidak melangkah ke rumahnya tetapi memupuk percintaan yang diperkenan oleh Tuhan. “Kekasihku serupa kijang, atau anak rusa. Lihatlah, dia berdiri di balik dinding kita, sambil menengok-nengok melalui tingkap-tingkap dan melihat dari kisi-kisi” (Kidung Agung 2:9).

Setelah edaran musim, musim dingin sudah lewat. Ladang telah menghasilkan buah-buah, bunga anggur pun bermekar, dan bunyi terkukur terdengar di tanah. Kasih mereka pun berputik, kekasihnya mengundangnya untuk berkahwin. Perhubungan mereka sudah mantap dan berhasil. “Pohon ara mulai berbuah, dan bunga pohon anggur semerbak baunya. Bangunlah, manisku, jelitaku, marilah” (Kidung Agung 2:13). Kekasihnya begitu yakin akan kasihnya dan telah memanggilnya “merpatiku” yang menggambarkan keelokan rupa kekasihnya.

Si gadis menghargai keperibadian kekasihnya yang bertanggungjawab. Dia mengembalakan domba di tengah-tengah bakung. “Kekasihku kepunyaanku, dan aku kepunyaan dia yang mengembalakan domba di tengah-tengah bunga bakung” (Kidung Agung 2:16). Dia suka akan keperibadian kekasihnya yang rajin. Jejakanya terpegun dengan kecantikannya, “Engkau cantik sekali, manisku, tak ada cacat cela padamu” (Kidung Agung 4:7). “Seperti bunga bakung di antara duri-duri, demikianlah manisku di antara gadis-gadis” (Kidung Agung 2:2).

Cinta mereka bersemi setelah melalui beberapa musim dan mereka tahu menangani masalah persahabatan mereka. “Tangkaplah bagi kami rubah-rubah itu, rubah-rubah yang kecil, yang merosak kebun-kebun anggur, kebun-kebun anggur kami sedang berbunga!” (Kidung Agung 2:15). Pasangan ini telah menempuh persiapan mantap sebelum berkahwin.

Doa: Bapa Syurgawi, berilah aku persiapan yang mantap sebelum aku berkahwin dan mendirikan rumahtangga.

## GAJAH MENGINJAK BELALANG KECIL

Renungan: **Pengkhutbah 8**

*Semua ini telah kulihat dan aku memberi perhatian kepada segala perbuatan yang dilakukan di bawah matahari, ketika orang yang satu menguasai orang yang lain hingga dia celaka.*

—Pengkhutbah 8:9

"Harimau mati meninggalkan tulang tetapi manusia mati meninggalkan nama" menurut pepatah Melayu. Namun, Pengkhutbah merasa agak bingung kerana orang kejam pula diberikan pengembumian yang terhormat malahan orang baik dilupakan (Pengkhutbah 8:10). Inilah kebingungan yang tidak dapat diselami Pengkhutbah dan kita.

Pernahkah anda melihat orang sama yang membuat kesalahan seratus kali tetapi tetap dapat meloloskan diri dengan senyuman megah. Yang tidak dapat diselami ialah orang baik mendapat balasan tidak baik. Orang yang baik bekerja keras memelihara keluarga mereka tetapi mereka jatuh dari tangga ditimpa tangga pula, keluar dari lubang ular terus masuk ke lubang beruang.

Sekiranya anda merenungi semua ini, anda menjadi kecewa. "Ada sesuatu kesia-siaan yang terjadi di atas bumi: ada orang benar, yang menerima ganjaran yang layak untuk perbuatan orang fasik, dan ada orang fasik yang menerima pahala yang layak untuk perbuatan orang benar. Aku berkata, "Ini pun sia-sia!" (Pengkhutbah 8:14).

Di tengah-tengah kebingungan kita, Pengkhutbah menyelipkan beberapa berlian untuk mencerahkan pengertian musafir dunia. Kalau kita mempertimbangkan semua ini menurut jangka masa kekekalan, kita akan memahami semuanya. Allah tetap Maha Esa dan tidak ada orang boleh menahan sewaktu Allah mengambil nafasnya (Pengkhutbah 2:8a). Tidak ada orang dapat menindas orang lain selama-lamanya kerana pemerintahan TUHAN yang kekal (Pengkhutbah 2:6).

Berlian kedua, kesederhanaan hidup yang jujur dan kemampuan menikmati hidup di hadirat Tuhan lebih mendatangkan berkat. "Oleh sebab itu aku memuji kesukaan, kerana tak ada kebahagiaan lain bagi manusia di bawah matahari, kecuali makan dan minum dan bersukaria. Itu yang menyertainya di dalam jerih payahnya seumur hidupnya yang diberikan Allah kepadanya di bawah matahari" (Pengkhutbah 8:15). Orang jahat yang mendapat segala keuntungan haram tetap tidak gembira di hadirat Allah. "Tetapi orang yang fasik tidak akan beroleh kebahagiaan dan seperti bayang-bayang dia tidak akan panjang umur, kerana dia tidak takut hadirat Allah" (Pengkhutbah 8:13).

Doa: Tuhan yang Maha Adil, biarlah kami hidup selalu dalam perspektif kekekalan kerana segala peristiwa tidak berakhir hanya di bumi.

## BENTUKLAH AKU

Renungan: **Yeremia 18:1-12**

*Apabila bejana, yang sedang dibuatnya dari tanah liat di tangannya itu rosak, maka tukang periuk itu mengerjakannya kembali menjadi bejana lain menurut apa yang baik pada pemandangannya. — Yeremia 18:4*

Kalau seorang penulis diberikan sehelai kertas sewaktu menunggu kapal terbang, dia segera terilham mencipta makna. Demikian juga, kalau seorang pelukis diberikan kanvas, dia akan menciptakan karya agung daripada keindahan alam. Bayangkan kehidupan kita bagai sehelai kertas putih yang terserah kepada Allah untuk dicipta karya indah. Kita bersedia menerima setiap gerak geri Tangan-Nya yang mahir dalam pembentukan ajaib.

Apabila Allah melihat umat-Nya dalam Perjanjian Lama, di tangan-Nya bukanlah bejana elok tetapi bejana retak. Allah dengan sabar membentuk umat Israel bagai seorang tukang periuk. Tangan Allah yang menuntun mereka keluar dari Mesir, juga tangan yang membentuk mereka dengan tujuan mencipta karya agung. “Dan Aku menghiasi engkau dengan perhiasan-perhiasan dan mengenakan gelang pada tanganmu dan kalung pada lehermu” (Yehezkiel 16:11).

Apabila tanah liat yang membentuk bejana tidak mendatangkan seperti yang diidamkan, tanah liat itu akan diolah dan diukir lagi. Tangan-Nya Maha Esa, segala yang terjadi walau betapa dahsyat sebagaimana pun seperti kejatuhan Yerusalem dan Bait Suci tetap akan dijadikan peristiwa mentahirkan umat Allah sehingga mereka memancarkan kemuliaan dan keilahian-Nya.

Namun, proses pembentukan umat Tuhan tidak senang kerana mereka lebih suka mengikut kedegilan sendiri. “Tetapi mereka berkata: Tidak ada gunanya! Sebab kami hendak berkelakuan mengikut rencana kami sendiri dan masing-masing hendak bertindak mengikut kedegilan hatinya yang jahat” (Yeremia 18:12). Walau bagaimana pun, Allah tetap bertindak dan membentuk mereka. Dia bersabda kepada Yeremia, “Masakan Aku tidak dapat bertindak kepada kamu seperti tukang periuk ini, hai kaum Israel! Demikianlah firman TUHAN. Sungguh, seperti tanah liat di tangan tukang periuk, demikianlah kamu di tangan-Ku, hai kaum Israel” (Yeremia 18:6).

Kepada Tangan-Mu, kuserahkan hatiku  
 Bentuklah aku, penuhi aku dengan hikmat-Mu  
 Sehingga hanya Kristus, bersinar dalam aku  
 Bejanaku yang retak, tercorak indah bagi-Mu  
 Bentuklah aku, penuhi aku dengan kasih-Mu

Doa: Selidiki aku, bentuklah aku menurut kehendak-Mu sehingga aku menjadi bejana yang indah.

## KASIH SEORANG ANAK

Renungan: **Yohanes 19:26**

*Ketika Yesus melihat ibu-Nya dan murid yang dikasihi-Nya disampingnya, berkatalah Dia kepada ibu-Nya:  
"Ibu, inilah, anakmu. — Yohanes 19:26*

Raja Syurgawi mementingkan kesejahteraan ibu-Nya pada saat menunaikan misi penebusan dosa dunia. Di bawah kayu salib berdiri bukan saja mereka yang mengejek Dia tetapi wanita-wanita yang dekat hati-Nya: Maria, ibu-Nya, isteri Klopas yang bernama Maria dan Maria Magdalena. Wanita-wanita ini berani mengambil risiko untuk berdiri di bawah salib. Kekejaman askar-askar Rom dan kebengisan raja tidak menakutkan mereka.

Maria yang rela menyerahkan Anak yang dikasihinya demi dosa dunia ini begitu pilu saat ini. Siapakah selain Maria yang mengenal kesempurnaan Tuhan Yesus dengan begitu terperinci? Tuhan Yesus pernah pergi ke majlis perkahwinan di kampung-Nya bersama ibu-Nya.

Sekalipun Tuhan Yesus terseksa di kayu salib, sembilu hati ibunya dapat dirasai-Nya. Dia tidak hanya merasa kegelapan dosa manusia tetapi juga titisan airmata ibu-Nya. Dia ingin ibu-Nya dijaga sebaik-baiknya semasa lanjut usia kerana kemungkinan besar pada saat itu, bapa-Nya sudah meninggal dunia. Walaupun Tuhan Yesus sedang menunaikan satu misi yang begitu penting bagi dunia, Dia tidak melalaikan ibu-Nya.

Tuhan Yesus melayangkan pandangan kepada dua insan yang tersayang, ibu-Nya dan Yohanes, pengikut yang paling dekat dengan-Nya. Dia meminta agar murid yang paling dikasihi-Nya menjaga ibu-Nya yang tua. "Ketika Yesus melihat ibu-Nya dan murid yang dikasihi-Nya disampingnya, berkatalah Dia kepada ibu-Nya: "ibu, inilah, anakmu!" Kemudian kata-Nya kepada murid-Nya: "Inilah ibumu!" (Yohanes 19:26-27). Sewaktu Tuhan Yesus menunaikan misi penyelamatan dunia, dia juga menunaikan misi-Nya kepada ibu-Nya.

Raja Kasih ini tidak hanya mementingkan hal-hal syurgawi sehingga mengabaikan keperluan ibu-Nya. Dia juga menunjukkan kepada kita bahawa Dia taat kepada hukum yang kelima. "Hormatilah ayahmu dan ibumu, supaya lanjut umurmu di tanah yang diberikan Tuhan, Allahmu, kepadamu" (Keluaran 20:12). Dia tidak meninggalkan ibu-Nya yang tua di dunia ini tanpa pertolongan.

Wanita yang tercinta, ibu anda mungkin sudah lupa ingatan dan memerlukan penjagaan yang sungguh teliti; mohonlah kekuatan dan kesabaran syurgawi untuk menjaga dia.

Doa: Raja Kasih, berilah aku kekuatan dan kasih untuk menunaikan misi syurgawi mahupun duniawiku.

## TUHAN MENINGAT KITA

Renungan: **Kejadian 8:1-22**

*Maka Allah mengingat Nuh dan segala binatang liar dan segala ternak, yang bersama-sama dengan dia dalam bahtera itu, dan Allah membuat angin menghembus melalui bumi, sehingga air turun.*

—Kejadian 8:1

Tuhan mengingat kita setiap saat. Wanita tercinta, bukankah jaminan ini menghibur hati kita khususnya apabila kita menyeberangi jambatan keraguan atau mencelup kaki ke dalam sungai baru yang mengalir deras?

Rasa ngeri menyelubungi kalbu Nuh ketika berada dalam bahtera besar. Apabila dia menjengok ke luar jendela bahtera hanya air dan air sahaja. Hanya sejurus, teriakan jirannya meminta pertolongannya, pintu bahtera sudah tertutup kerana air meninggi begitu deras. Entah bila airnya akan surut. Ke arah manakah bahtera yang terapung-apung ini akan pergi?

Allah mengingat Nuh. Dia menghembus angin sehingga semua air surut, ditutupi-Nya langit sehingga hujan lebat berhenti. Bahtera itu terkandas pada pergunungan Ararat. Kemudian Nuh, sekeluarganya dan binatang-binatang keluar dari bahtera itu. "Lalu keluarlah Nuh bersama-sama dengan anak-anaknya dan isterinya dan isteri anak-anaknya (Kejadian 8:18). Nuh kemudian mendirikan mazbah dan mempersembahkan korban kerana Tuhan telah mengingatnya.

Wanita yang disayangi, Allah mengingat kita sebelum kita menyeberangi sungai deras atau berada di tengah-tengahnya. Jangan lupa membina mazbah hidup yang berupa doa dan puji-pujian kepada Allah. Setiap urat rambut dan hal-hal yang terperinci kita diperhatikan oleh Allah. "Dan kamu, rambut kepalamu pun terhitung semuanya. Sebab itu janganlah kamu takut, kerana kamu lebih berharga daripada banyak burung pipit" (Matius 10:30-31).

Yesus, Kekasih jiwaku  
 Ketika Ombak berderu  
 Bahtera hidupku  
 Terombang ambing  
 Engkau mengingatkan  
 Ditenangkan deruannya  
 Ketika aku terperangkap  
 Dalam bahtera keraguan  
 Aku berada dalam dakapan-Mu  
 Engkat mengingatkan

Doa: Bapa Syurgawi, Engkau mengingat setiap detik kehidupanku bahkan setiap urat rambutku.

## TUHAN MENGINGAT SETIAP AIRMATA

Renungan: **Mazmur 56**

*Sengsara Engkaulah yang menghitung-hitung, air mataku Kautaruh ke dalam kirbat-Mu. Bukankah semuanya telah Kaudaftarkan?*

—Mazmur 56:9

Tuntutan kehidupan wanita kadangkala mendatangkan cuaca mendung. Baik semua jenis warna gincu mahupun anting-anting yang tercantik pun tidak dapat mencerahkan wajah muram. Kita mengeluh siapakah yang mengingat segala keluh kesah dan jerih payah kita. Airmata kita bercampuran kopi susu tanpa kita sedari sewaktu kita menghirup kopi pagi.

Raja Daud yang berada dalam keadaan bahaya mengetahui bahawa semua yang dialaminya tidak ditanggung oleh sendiri. Allah yang mengasihinya mengambil berat akan setiap titisan airmatanya sewaktu dia diancam orang Filistin. Sekalipun musuh-musuhnya mengintip, menyerbu, mengamati-amati langkahnya, Allah tetap bersamanya dan mengingat semua kesengsaraannya. “Sengsaraku Engkaulah yang menghitung-hitung, airmataku Kautaruh ke dalam kirbat-Mu. Bukankah semuanya telah kaudaftarkan?” (Mazmur 56:9).

Wanita yang dirundung kegelisahan mungkin mengeluh seperti Raja Daud, “Sekiranya aku diberi sayap merpati, aku akan terbang dan mencari tempat yang tenang” (Mazmur 55:7). Banyak cabaran menyerbu anda pada saat ini sehingga kalau anda ada sayap, anda lebih rela berterbangan ke tempat yang tenang. Tuhan menyertai anda serta mencatat perjalanan hidup anda; Dia menaruh setiap titis airmata dalam kirbat-Nya.

“Tiada pelangi perjanjian pada “hari yang gelap dan berawan” menyinari seterang ini. Allah, Allahku, Allah yang memberi Yesus, mengawal semua peristiwa, dan memerintahnya demi kebajikanmu. “Ketika Aku” kata-Nya, “Mengirim awan di bumi.” Aku tidak menyembunyikan tangan yang menutupi kesempatan yang terbaik di bumi. Akulah yang membawa awan, membimbing kita ke dalamnya, dan dalam rahmat-Nya membimbing kita melaluinya. Kerajaan-Nya memerintah semua. “Pilihan terjatuh pada kita namun semuanya aturan Allah. Dia meletakkan bebannya, membiarkannya berlanjutan, dan akan menyingkirkannya pada waktunya. Berhati-hati mengeluh atas penyebab yang kedua, ia ketidakpercayaan yang terburuk...apabila bait Allah jiwa kita disambar kilat, dan tiang-tiangnya runtuh, “Allah berada dalam Bait Suci-Nya”...Ia bukan perahu yang tidak ada pilot dan tertinggal diterpa badai. Suara Allah di atas air. Hanya ada satu penjelasan, aku akan membungkam mulut, kerana Engkaulah yang melakukannya.” (John MacDuff, *The Rainbow in the Clouds*).

Doa: Allahku, airmataku, kesengsaranku, dan doaku akan dinaikkan kepada-Mu saat airmata mengalir.

## YA BAPA, AMPUNILAH MEREKA!

Renungan: **Lukas 23:34; Yesaya 53:12**

*Ya Bapa, ampunilah mereka, sebab mereka tidak tahu apa yang mereka perbuat. —Lukas 23:34*

Tujuh perpatah terakhir yang disebutkan oleh Tuhan Yesus harus dijadikan sekalung berlian bagi wanita yang ingin menyerupai keindahan Tuhan Yesus. Tuhan Yesus hanya bersabda tujuh perpatah pada saat yang paling seksa dan ia menjadi berlian-berlian yang paling mahal.

Tuhan Yesus telah disalibkan di kayu salib yang berukuran 9-12 kaki. Penyaliban merupakan kematian yang paling ngeri dan seksa. Menurut Leon Morris seorang professor teologi berkata, “Kaki seseorang yang terpaku di kayu salib harus dibengkok dan diputar balikkan dan kemudian diikatkan pada kayu salib melalui paku di lututnya. Keadaan ini menyebabkan kesakitan yang ditanggungkan lebih perih lagi.”

Menurut sejarawan Seneca, mangsa-mangsa yang telah dipakukan akan mengutuk hari kelahiran mereka, mengutuk mereka yang memaku mereka, mengutuk ibu mereka, dan meludahi mereka yang melihat mereka pada waktu itu. Kata-kata daripada orang yang dijatuhkan hukuman salib sungguh biadap sehingga lidah mereka terpaksa dipotong oleh askar.

Suasana yang mewarnai saat terakhir Tuhan Yesus sangat tegang kerana askar-askar yang akan memakukan-Nya sedang berjudi dengan jubah-Nya sebagai suatu penghinaan. Ada pula yang mengolok-olok Tuhan Yesus kerana Dia dikatakan Raja tetapi kini tergantung pada kayu salib. Jalanraya yang menuju ke Kalvari, Golgota, sungguh sibuk dan banyak orang akan bersinggah di sana untuk melihat siapa yang disalibkan dan mereka akan menghamburkan ejekan mereka. Memang menjadi anggapan umum bahawa sesiapa yang disalibkan layak menerima ejekan kerana dia dikutukan oleh Tuhan.


Para Farisi dan guru-guru agama yang menyaksikan kematian Tuhan Yesus menduga Dia akan mengutuk mereka habis-habis. Mereka berfikir segala yang diajarkan oleh Tuhan Yesus mengenai mengasih musuh mereka dan melakukan kebaikan kepada mereka yang membenci kamu akan lenyap begitu sahaja dan lidah-Nya akan dikerat! Saat yang paling pedih dan menyakiti ini membuktikan keilahian Tuhan Yesus dengan seratus peratus kerana setiap perkataan-Nya sempurna. Tuhan Yesus yang kepenuhan Allah bersabda, “Ya Bapa, ampunilah mereka, sebab mereka tidak tahu apa yang mereka perbuat” (Lukas 23:34).

Doa: Tuhan Yesus, aku ingin selalu mengampuni dalam keadaan apa pun dan tidak akan mengeluarkan perkataan-perkataan yang tidak memuliakan nama-Mu.

## TOLONG INGAT AKU JUGA

Renungan: **Lukas 23:43**

*Kata Yesus kepadanya: "Aku berkata kepadamu, sesungguhnya hari ini juga engkau akan ada bersama-sama dengan Aku di dalam Firdaus. —Lukas 23:43*

ua pencuri disalibkan bersama dengan Tuhan Yesus tetapi hanya satu sempat ke syurga.

Seorang daripada pencuri itu berkata, "Engkau adalah Kristus? Selamatkan diri-Mu dan kami" (Lukas 23:39). Salah seorang pencuri meminta agar Tuhan Yesus mengingatnya dan membawa dia bersama-Nya ke syurga. Pencuri ini menyedari bahawa Tuhan Yesus ialah Penyelamat dan dia meminta agar dia dilepaskan dari neraka. Dia memuji kesempurnaan Tuhan Yesus dalam kesakitannya, "Tidakkah engkau takut, juga tidak kepada Allah, sedang engkau menerima hukuman yang sama? Kita memang selayaknya dihukum, sebab kita menerima balasan setimpal dengan perbuatan kita, tetapi orang ini tidak berbuat salah" (Lukas 23:40-41).

Permohonan pencuri itu sungguh tepat kerana tujuan kedatangan Tuhan Yesus persis untuk menyelamatkan pendosa. Pencuri ini meminta agar pintu syurga terbuka untuknya. Pencuri yang di sebelah lagi hanya menghujat dan tidak menyedari bahawa pintu neraka sungguh dekat, dan dia perlu bertaubat segera.

Setelah Tuhan Yesus menyelesaikan karya Penyelamatan di kayu salib masih banyak yang berseru, "Engkau adalah Kristus? Selamatkan diri-Mu dan kami" (Lukas 23:39). Berapakah wanita menyedari hakikat ini, "Kita memang selayaknya dihukum, sebab kita menerima balasan yang setimpal dengan perbuatan kita, tetapi orang ini tidak berbuat sesuatu yang salah" (Lukas 23:41).

Jelas, penyeksaan tidak membuat pencuri yang menghujat ini menyesal malahan lebih berdosa dan angkuh. Pencuri ini sebenarnya sedang menuju ke neraka walaupun Juruselamat hanya di sampingnya. Dia boleh meminta syurga tetapi dia memilih neraka. Pernahkah anda menyampaikan kasih Tuhan kepada seseorang yang sedang menghadapi saat-saat terakhirnya namun dia tetap menyangkal Juruselamat?

Pada saat penderitaan yang paling tenat, Tuhan Yesus tetap berbelas kasihan dan mengampuni pencuri yang meminta syurga. "Kata Yesus kepadanya: "Aku berkata kepadamu, sesungguhnya hari ini juga engkau akan bersama-sama dengan Aku di Firdaus" (Lukas 23:43).

Doa: Ya Tuhan Yesus, terima kasih kerana Engkau telah mengadai nyawa-Mu agar pintu syurga terbuka bagi aku.

## SERUAN KEPADA BAPA-NYA

Renungan: **Matius 27:46**

*Kira-kira jam tiga berserulah Yesus dengan suara nyaring:  
"Eli, Eli, lama sabaktani? Ertinya: Allahku, Allahku,  
mengapa Engkau meninggalkan Aku? —Matius 27:46*

**L**agu indah Afrika bertanya, "Hadirah kau waktu Tuhan Yesus di salib?"

Dari pukul dua belas hingga pukul tiga kegelapan menyelubungi dunia sewaktu Tuhan Yesus tergantung di kayu salib. Tuhan Yesus memasuki penderitaan tenat, duri-duri yang menusuk kepala-Nya melumuri muka-Nya dengan darah. Tiba-tiba seluruh alam menjadi gelap walaupun masih siang. Saat ini sudah dirancang Allah kerana Tuhan Yesus akan menanggung dosa dunia.

Dosa dunia yang ditanggung oleh Tuhan Yesus menyebabkan Dia mengalami kesepian ngeri kerana wajah Bapa-Nya berpaling daripada Anak yang dikasihi-Nya kerana dosa dunia. Keterpisahan menyeksakan batin Tuhan Yesus sehingga Dia berteriak, "Eli, Eli, lama sabaktani" yang bererti Allahku, Allahku, mengapa Engkau meninggalkan Aku?

Perkataan yang diungkapkan oleh Tuhan Yesus telah dinubuatkan Pemazmur. "Allahku, Allahku, mengapa Engkau meninggalkan aku? Aku berseru, tetapi Engkau tetap jauh, dan tidak menolong aku" (Mazmur 22:1). Rasul Paulus menjelaskan, "Dia yang tidak mengenal dosa telah dibuat-Nya menjadi dosa kerana kita supaya dalam Dia kita dibenarkan oleh Allah" (1 Korintus 5:21).

Heidelberg Catechism berkata, "...khusus pada akhir kehidupan-Nya, Dia menanggung dalam tubuh dan jiwa-Nya, amarah Allah terhadap dosa seluruh umat manusia." Nabi Yesaya bernubuat, "Tetapi dia tertikam oleh kerana pemberontakan kita, dia diremukkan oleh kerana kejahatan kita; ganjaran yang mendatangkan keselamatan bagi kita ditimpakan kepadanya, dan oleh bilur-bilur kita menjadi sembuh" (Yesaya 52:5).

Tangisan sengsara-Nya  
Kegelapan ngeri menaungi jiwa-Nya  
Bumi ditutupi kegelapan  
Dunia bergoncang kencang  
Dosa berat meremukkan hati dan tubuh Kristus  
Persekutuan Bapa dan Anak terputus saat itu  
Teriakan ngeri terdengar dari suara-Nya

---

Doa: Tuhan Yesus, aku berterima kasih kerana Engkau menderita ngeri dalam batin dan jasmani demi memikul dosaku.

## TETELESAI

Renungan: **Yohanes 19:28-50**

*Sesudah itu, kerana Yesus tahu, bahawa segala sesuatu telah selesai, berkatalah Dia, supaya genaplah yang ada tertulis dalam Kitab Suci. "Aku haus!" — Yohanes 19:29*

Tuhan Yesus kehilangan banyak darah, tergantung di salib dan di atas salib seluruh keberatan tubuh-Nya terpaut; otot-otot-Nya begitu letih, duri menyebabkan dia sakit kepala, urat-urat-Nya bengkok, semua ini menyebabkan Dia kehausan. Tuhan Yesus berseru, "Aku Haus" (Yohanes 19:29). Saat penderitaan-Nya memuncak juga merupakan saat yang penuh dengan kemenangan. Seruannya "sudah selesai" menandakan kemenangan yang tertinggi bagi penyelamatan manusia.

"Sudah selesai" tidak berarti kini Dia dapat melepaskan Diri-Nya dari saat ngeri. "Sudah selesai" berarti kini saat semua nubuat para nabi sudah digenapi-Nya. Sejak dari generasi ke generasi darah domba tidak dapat menebus dosa manusia kini Domba Allah menghapuskan dosa manusia. "Sebab kamu tahu, bahawa kamu telah ditebus dari cara hidupmu yang sia-sia yang kamu warisi daripada nenek moyangmu itu bukan dengan barang yang fana, bukan pula dengan perak atau emas, melainkan dengan darah yang mahal, iaitu darah Kristus yang sama seperti anak yang tak bernoda dan tak bercacat" (Petrus 1:18-19).

"Sudah selesai" menunjukkan ketaatan Tuhan Yesus kepada Bapa-Nya. Segala urusan Bapa-Nya telah diselesaikan sempurna dari permulaan hingga akhir. Tumpuan-Nya selalu kepada Bapa-Nya walaupun iblis beberapa kali berusaha menyeleweng Tuhan Yesus dari misi salib-Nya.

"Sudah selesai" berarti kini tabir di bait suci yang memisahkan manusia yang berdosa dengan Allah yang kudus dihapuskan. Kini, manusia boleh bersekutu dengan Anak-Nya Tuhan Yesus dan diubah lagi menurut gambaran-Nya. "Dan kita semua mencerminkan kemuliaan Tuhan dengan muka yang tidak berselubung. Dan kerana kemuliaan itu datangnya dari Tuhan yang adalah Roh, maka kita diubah menjadi serupa dengan gambar-Nya, dalam kemuliaan yang semakin besar (2 Korintus 3:18).

Aku menyanyi kematian Juruselamat  
 Dengan nafas terakhir  
 "Sudah selesai"  
 Dia mengegarkan gerbang neraka  
 Dan membuka gerbang syurga  
 Bagi manusia yang dikasihi-Nya

Doa: Tuhan Yesus, puji syukur kunaikkan bagi karya terbesar yang menyelamatkan umat manusia.

## PENGHINAAN

Renungan: **Matius 27:31**

*Marilah kita melakukannya dengan mata tertuju kepada Yesus, yang memimpin kita dalam iman, dan yang membawa iman kita kepada kesempurnaan, yang dengan mengabaikan kehinaan tekun memikul salib ganti sukacita yang disediakan bagi Dia, yang sekarang duduk di sebelah kanan takhta Allah.*

—Ibrani 12:2

Yesus memanggil orang banyak dan para murid-Nya lalu berkata kepada mereka: “Setiap orang yang mahu mengikut Aku, dia harus menyangkal dirinya, memikul salibnya dan mengikut Aku” (Markus 8:34). Memikul salib menjadi perintah penting khususnya bagi anak-anak Allah yang tinggal di suasana yang bermusuhan dengan salib.

“Setelah mengolok-olokkan Dia, mereka menanggalkan jubah daripada-Nya dan mengenakan pakaian-Nya kepada-Nya. Kemudian mereka membawa Dia ke luar untuk disalibkan” (Matius 27:31). Nabi Yesaya bernubuat, “Dia dihina dan dihindari orang, seorang yang penuh kesengsaraan dan yang biasa menderita kesakitan; dia sangat dihina, sehingga orang menutup mukanya terhadap dia dan bagi kita pun dia tidak masuk hitungan” (Yesaya 53:3).

Demikian juga, orang Kristian gereja awal banyak menderita penghinaan kerana mereka tidak menurut gaya hidup budaya semasa. Banyak jamuan sosial di kuil diselitkan unsur-unsur penyembahan berhala. Gladiator yang merupakan penghiburan waktu itu berunsur kekejaman; hamba-hamba, dan orang Kristian dilemparkan dalam gelanggang untuk bergelut dengan binatang liar.

Pada tahun AD 203, di Kartage Afrika, seorang wanita bernama Perpetua dan hamba perempuannya Felicitas telah dihukum mati kerana menjadi Kristian. Pada masa itu penyembahan Raja diwajibkan dan mereka didesak menyembah raja. Kedua-dua wanita ini berpendirian teguh dan rela menerima penghinaan demi Juruselamat mereka. Sekalipun Perpetua baru melahirkan bayi, mereka diseret. Musuhnya memberitahu Perpetua seandainya dia mati tidak ada orang dapat menjaga bapanya yang lanjut usia dan bayinya. Perpetua dan Felicitas setia kepada Tuhan Yesus dan mengambil salib penderitaan mereka. Mereka di masukkan ke dalam gelanggang penghukuman. Kerbau liar dilepaskan untuk meragut nyawa kedua-dua wanita ini.

“Bagiku, aku dekat dengan kekekalan... Jangan takut akan manusia kerana TUHAN ialah terang dan penyelamatanmu” (Samuel Rutherford).

---

Doa: O Tuhan Yesus, saya tidak akan memilih jalan lain selain dari jalan Kalvari.

## KUCH-KUCH HOTA HAI

Renungan: **Lukas 10:25-37**

*Siapakah di antara ketiga orang ini, menurut pendapatmu, adalah sesama manusia daripada orang yang jatuh ke tangan penyamun itu? —Lukas 10:36*

Matahari bersinar terang, Pendeta Charles Fraser Devadason memasang helmet Arainya lalu menyarung sarung tangan hitam, memakai jaket dan kasut but Field Sheer. Pendeta Anglikan yang bergaya ini suka makan angin bersama motosikalnya, Kawasaki GPZ 500. “Matlamat manusia ialah memuliakan dan menikmati-Nya. Puji syukur kepada Penciptaku atas kesegaran rumput!” seru Pendeta Charles.

“Tum paas aye yun muskuraaye, kuch-kuch hota hai,” nyanyi Charles. “Alamak!” seru Charles. Tiba-tiba, kawasaknya tidak menyebut malah berbatuk-batuk lalu berhenti. “Idhu enaa! (apa hal)” seru Charles. Hati Charles melonjak ketika terdengar bunyi truk tol mendekatinya. “Puji Tuhan!” sorak Charles seraya mengesat keringat. “Kawasaki seberat gajah ini, maaf,” kata pemandu truk itu. “Enna? (apa)” seru Charles. Beberapa minit, kereta polis datang, tentu mereka tidak kehabisan akal. “Wah, Kawasaki ini bagai raksasa! Mannikkanum,” kata polis.

Charles tersenyum ketika mendengar “brumm...brum.” Sewaktu dia berpaling melihat, tiga Mat Rempit yang bersarung tangan berhenti dengan motorsikal mereka yang besar. “Kaalai Vanakkam!” (selamat pagi). “Biar kami menolong awak menolak motosikal awak,” kata mereka.

Mereka menolong Pendeta Charles mengheret gajah degilnya. Setiba rumah Charles, mereka kelihatan lelah. “Mari kita ke restoran untuk minum teh tarik dan makan...” ajak Charles dengan gembira. “Tak usahlah...” kata mereka. “Lain kalilah...Nandri,” senyum mereka.

Sewaktu Charles menghirup Nescafe tarik, dia merenungi cerita Tuhan Yesus tentang orang Samaria yang menjadi jiran sejati. Hanya orang Samaria yang dianggap musuh rela menolong mangsa penyamun itu, membalut lukanya, dan membawa dia ke hotel kerana belas kasihan. “Lalu datang seorang Samaria, yang sedang dalam perjalanan, ke tempat itu; dan ketika dia melihat orang itu, tergeraklah hatinya oleh belas kasihan” (Lukas 10:33). Sebaliknya, imam dan orang Lewi melewatinya tanpa menghulurkan pertolongan kerana takut menyusahkan diri.

Alangkah baiknya kalau semua Mat Rempit baik seperti tiga pemuda itu. Segenap tenaga dan hati mereka disalurkan untuk mengasihi Allah dan jiran kita agar hidup kita diperkenan Allah.

Doa: Tuhan Yesus, tolonglah aku menjadi jiran yang sejati dan penuh kasih terhadap sesama insan.

## PERTEMUAN AJAIB

Renungan: **Kisah Para Rasul 9:1-19**

*Jawab Saulus: "Siapakah Engkau Tuhan?" Kata-Nya: "Akulah Yesus yang kauaniaya itu." —Kisah Para Rasul 9:5*

Suatu peristiwa ajaib menjamah hati Brother Lawrence seorang paderi sewaktu dia 18 tahun. Brother Lawrence sedang menghayati keindahan pemandangan pada pertengahan musim dingin, dedaun kering berguguran dan pokok disaluti salji. Dia merenungi edaran musim yang begitu cepat yang segera diganti musim bunga. Sejenak lagi pokok-pokok akan melambai-lambai gembira kerana buah-buahannya berjuntai pada dahannya.

Perasaan akan kasih Tuhan menaunginya dengan ajaib. "Untuk pertama kalinya saya nampak dan menerima pengertian tertinggi mengenai pemeliharaan Allah dan kuasa-Nya yang tidak pernah meninggalkan nyawaku. Pandangan ini telah menyebabkan saya menyangkal segala yang duniawi dan menyalakan kasih meluap-luap bagi Allah," kata Brother Lawrence.

Pertemuan ajaib dengan Allah terjadi dalam kehidupan kita dengan cara yang berbeza-beza. Bagi Brother Lawrence, pertemuan ajaib terjadi dengan begitu lembut dalam jiwanya sewaktu dia sedang menghayati keindahan alam dan pemeliharaan Allah. Bebunga dan tupai-tupai yang akan muncul selepas salji meyakinkannya tentang kasih Allah yang setia.

Bagi Rasul Paulus, pertemuan ajaib dengan Allah terjadi dengan ketara. Dia berada dalam perjalanan untuk menguruskan surat penangkapan orang Kristian dan membawa mereka ke Yerusalem untuk diseksa. "Dalam perjalanannya ke Damsyik, ketika dia sudah dekat kota itu, tiba-tiba cahaya syurgawi memancar dari langit lalu mengelilingi dia. Dia rebah ke tanah dan kedengaranlah olehnya suatu suara yang berkata kepadanya: "Saulus, Saulus, mengapakah engkau menganiaya Aku? Jawab Saulus: 'Siapakah Engkau, Tuhan?' Kata-Nya: 'Akulah Yesus yang kauaniaya itu'" (Kisah Para Rasul 9:3-5).

Wanita yang sabar, anda sudah mengasuh anakmu sebagai menantang minyak dan telah mendidiknya dalam kebenaran firman TUHAN. Kini, dia sudah menjadi remaja tetapi remaja yang aneh-aneh. Anda tidak memahami kenapa kehidupan rohaninya tidak menyala. Berdoa, pertemuan ajaib boleh terjadi bila-bila saja. Berdoa agar Roh Kudus akan membawanya ke saat pertemuan ajaib yang akan mengubah hala kehidupannya. Anugerah ajaib yang manis boleh terjadi di saat yang anda tidak menduga.

Doa: Allahku, aku tahu saat pertemuan ajaib boleh terjadi bila-bila sahaja, aku menyerahkan anggota keluarga yang kukasihi untuk mukjizat ini.

## DUA JALAN

Renungan: **Mazmur 139:13-18**

*Mata-Mu melihat selagi aku bakal anak, dan dalam kitab-Mu semuanya tertulis hari-hari yang akan dibentuk, sebelum ada satupun daripadanya. —Mazmur 139:16*

Sewaktu aku merenungi kehidupanku, aku teringat seorang penyajak Amerika, Robert Frost dan sajaknya, Perjalanan Yang Tidak Ditempuhi. Dalam sajak ini, dia berkata, ‘Satu jalan berpisah menjadi dua jalan dalam hutan dan aku mengambil jalan yang jarang ditempuh dan itu mendatangkan perbezaan luarbiasa.’ Perbezaan itu terjadi apabila saya mendengar panggilan Allah,” kata Nezam Abenezar yang gigih.

Nezam yang dilahirkan di Sungai Petani, tiga hari setelah Darurat, telah dididik dalam takut akan Allah. Dia sudah membaca Firman Tuhan sejak kecil. Ketika dia hanya berumur tujuh tahun, bapanya membawa dia mengunjungi neneknya di India Selatan. Sewaktu dia dan bapanya sedang menunggu keretapi yang akan menghantar mereka ke Madras untuk menaiki kapal ke Pulau Pinang, saat ajaib terjadi. “Ketika aku sedang bermain kucing-kucingan dengan adik aku, saya ternampak kereta api dari hala yang berlawanan...Aku berhenti untuk melihat siapa yang sedang turun dari keretapi itu dan aku begitu mengagumi seorang wanita Eropa yang berpakaian sari putih. Tangannya memegang Alkitab.”

“Abah, siapakah wanita ini?” Ayahnya menjelaskan bahawa mereka ialah wanita dari persatuan Amy Carmicheal. Amy Carmicheal seorang wanita yang cantik jiwanya telah datang ke India untuk memberitakan injil. Dia menyelamatkan gadis-gadis muda yang dipaksa dalam pelacuran. Dia membuka rumah untuk gadis-gadis ini di Dohnavur dan mereka kemudian menjadi mubaligh.

Suatu kehormatan mengalir dalam hati Nezam sehingga dia berimpian menjadi seperti Amy apabila besar. Tuhan sudah memanggil seorang anak kecil ke pelayanan menjaga orang lain pada saat itu. Nezam belajar di Malaysia Bible Seminari lalu memulakan pelayanan Pusat Pemulihan Dadah Wanita di Malaysian Care. Dia bersimpati dengan wanita yang menagih dadah dan yang terlibat dalam pelacuran. Nezam menerima “Guinness Effort Award” kerana perubahan yang dialami oleh wanita-wanita yang tersingkir di bawah bimbingannya.

Ayat yang selalu meneguhkan hatinya ialah, “Bukankah telah diperintahkan kepadamu: kuatkan dan teguhkanlah hatimu? Janganlah kecut dan tawar hati, sebab TUHAN, Allahmu, menyertai engkau, ke mana pun engkau pergi” (Yosua 1:9).

Doa: Allahku, aku ingin mengambil jalan yang jarang ditempuhi, tunjukkan Diri-Mu sehingga keindahan dapat bermekar dalam hidupku.

## SENTUHLAH MEREKA

Renungan: **Matius 9:36-39**

*Melihat orang banyak itu, tergeraklah hati Yesus oleh belas kasihan kepada mereka, kerana mereka lelah dan terlantar seperti domba yang tidak bergembala.*

—Matius 6:36

Ketika Mother Theresa yang nama asalnya, Agnes Gongsha, melayang pandangan ke luar jendela Sekolah St. Mary di Calcutta, hatinya terhisir oleh penderitaan mereka yang termiskin. Kemiskinan yang menyayat hatinya telah mendorong wanita yang bersusuk kecil ini mengambil keputusan penting. Dia mahu melayani Tuhan di kalangan yang termiskin di negara India. Pada tahun 1948, Agnes Gongsha diberi izin daripada pihak atasannya untuk memenuhi panggilan TUHAN.

Adakah Mother Theresa memiliki berjuta ringgit untuk menolong yang termiskin menikmati hidup bahagia? Dia memulakan satu sekolah terbuka bersama dua penolong. Mother Theresa sering dilihat mendorong gerobaknya di tepi jalan untuk mengangkat pesakit lalu dibawanya ke hospital. Semua ini dilakukan tanpa diperhatikan oleh sesiapa pun. Cinta kasihnya mencetuskan banyak orang mengikuti jejaknya untuk mengasihi yang terlantar di lorong-lorong sunyi tanpa diperhatikan.

Mother Theresa berkata, "Saya berfikir seseorang yang tidak dikasihi, tidak dijaga, disingkirkan dan dilupakan oleh semua orang lebih lapar, jauh lebih miskin daripada mereka yang tidak mempunyai makanan." Selain itu, dia juga berpendapat, "Kasih tidak boleh diukur, ia harus diberikan. Kalau anda mahu berita kasih didengar oleh orang lain, anda harus selalu memberinya seperti kalau anda mahu lampu menyala terus, isilah minyaknya."

Pemberitaan Injil Kerajaan Syurga perlu disertai dengan kasih kepada mereka yang tersingkir seperti yang dilakukan Mother Theresa. "Demikianlah Yesus berkeliling ke semua kota dan desa; Dia mengajar dalam rumah-rumah ibadah dan memberitakan Injil Kerajaan Syurga serta melenyapkan segala penyakit dan kelemahan. Melihat orang banyak itu, tergeraklah hati Yesus oleh belas kasihan kepada mereka, kerana mereka lelah dan terlantar seperti domba yang tidak bergembala" (Matius 9:35-36).

Mother Theresa berkata kepada para wanita, "Sentuhlah mereka yang sedang menghembuskan nafas terakhir, mereka yang miskin, mereka yang sepi, dan mereka yang disingkirkan masyarakat menurut anugerah yang telah anda terima, dan janganlah malu atau lambat melakukan pekerjaan yang rendah hati ini."

Doa: Allahku, pakailah tanganku untuk menghulurkan kasih sayang dan pertolongan kepada mereka yang tersingkir.

## LIHAT TAKHTA-NYA

Renungan: **Wahyu 5:1-14**

*Lalu berkatalah seorang daripada tua-tua itu kepadaku:  
 “Jangan engkau menangis! Sesungguhnya, singa dari suku Yehuda,  
 iaitu Daud, telah menang, sehingga Dia dapat membuka  
 gulungan kitab itu dan membuka ketujuh meterainya.”  
 —Wahyu 5:5*

Penglihatan takhta Allah dapat mengubah pandangan kita terhadap dunia yang semakin bergelora. Jendela dunia yang gelap tidak semesti menggelapkan jiwa seseorang wanita yang beriman. Sewaktu Yohanes menulis kitab Wahyu, orang Kristian di Rom hanya bilangan kecil. Raja Domitian bertindak kejam terhadap orang Kristian dan menuntut mereka menyembah dia.

Mata umat Tuhan tidak boleh melayang kepada raja kejam tetapi penglihatan mereka mesti ke takhta indah yang berpermata yaspis, permata sardis, dan yang dilingkupi pelangi yang penuh perjanjian walau dunia mengganas. Yohanes dan masyarakat Kristian perlu melihat Siapa yang berada di takhta itu. “Dan Dia yang duduk di takhta yang berpermata yaspis dan permata sardis; dan suatu pelangi melingkungi takhta itu gilang-gemilang bagaikan zamrud rupanya” (Wahyu 4:3).

Di takhta mulia itu bertakhta singa daripada suku Yehuda yang berasal daripada tunas Daud (Wahyu 5:5). Domba yang sudah disembelih yang menghentikan kuasa maut dengan pengorbanan-Nya berada di takhta itu. Dia yang menang atas syaitan dan maut telah melayakkan rasul Yohanes membuka gulungan kitab dan meterai-meterainya. Singa Yehuda yang juga Domba yang tersembelih menguasai sejarah dunia sekalipun gelora zaman kedengaran suara-suara lain.

Orang Kristian tidak perlu merasa kalah oleh keadaan yang menentang iman mereka. Yang mencatat sejarah hanya Tuhan Allah yang tidak akan dikalahkan kuasa gelap. “Adapun penglihatan tentang petang dan pagi itu, apa yang dikatakan tentang itu adalah benar. Tetapi engkau, sembunyikanlah penglihatan itu, sebab hal itu mengenai masa depan yang masih jauh” (Daniel 8:26). Masa depan gemilang tetap ada bagi yang menyembah Domba Allah.

Irama gempar mungkin mewarnai dunia  
 Nota gemilang yang terakhir  
 Domba Allah di takhta  
 Nota kemuncak-Nya penuh kemenangan

Doa: Allah, ketika aku melayang pandangan ke takhta-Mu, aku melihat Singa dan Domba Allah yang mengarah setiap babak sejarah dunia.

## MELAYANI BUKAN DILAYANI

Renungan: **Lukas 4:18-19**

*Kerana Anak Manusia juga datang bukan untuk dilayani,  
melainkan untuk melayani dan untuk memberikan nyawa-Nya  
menjadi tebusan bagi banyak orang.*

—Markus 10:45

Seerantai cogan kata ibu Isabella Thoburn tertanam dalam sanubarinya sejak dia kecil. Cogan kata yang telah mencetuskan kasih terhadap TUHAN dan manusia dibisikkan ibunya dalam telinganya, “Kita berada di dunia ini bukan untuk dilayani melainkan untuk melayani.” Kalungan mutiara ini tidak pernah meninggalkan Isabella Thoburn dan telah diterapkan dalam hidupnya.

Isabella yang berasal daripada keluarga yang mencintai Allah tinggal di St. Clairsville, Ohio. Ketekunan jiwanya yang cemerlang sudah menyerlah sejak kecil. Keluarga yang mencintai Allah ini mengasuh anak-anak yang rindu melayani TUHAN. Abang Isabella rindu menolong wanita di India dalam bidang pendidikan agar mereka dapat dibebaskan daripada kemelut kemiskinan. Bersama dengan isterinya, mereka berangkat ke India untuk menjadi misionari. Semangat mencipta masa depan baru bagi begitu banyak wanita yang hidup tertindas membara. Di luar dugaan James, isterinya meninggal dunia dan impiannya seakan-akan melesap.

James segera bercadang agar adiknya datang ke India dan menyertainya dalam misi. Isabella teringat apa yang dikatakan oleh ibunya, “Kita di dunia bukan untuk dilayani melainkan untuk melayani.” Tanpa berfikir lama, Isabella berangkat ke India apabila gereja Methodist mendirikan persatuan misi untuk wanita di sana.

Cuaca panas India tidak mematahkan semangat Isabella untuk mengunjungi wanita-wanita di Zenenas. Hatinya begitu tekun melayani wanita India yang sering disingkirkan, tidak dikasihi mahupun dihargai dalam masyarakat. Taraf pendidikan mereka rendah waktu itu. Isabella mencari gadis-gadis kecil, mendidik mereka serta mendirikan sekolah bagi mereka. Kerinduannya untuk membangun harga diri wanita-wanita India ini telah mendorongnya menerbit majalah “Sahabat Wanita.”

Kehidupan Isabella menggambarkan sikap Juruselamat yang dilayaninya. Tuhan Yesus pernah berkata kepada para murid-Nya yang hanya ingin menjadi terkemuka dan tidak ada keikhlasan, “Kerana Anak Manusia juga datang bukan untuk dilayani, melainkan untuk melayani dan untuk memberikan nyawa-Nya menjadi tebusan bagi banyak orang” (Markus 10:45).

Doa: Bapa yang kukasihi, ingatkan aku selalu bahawa aku datang ke dunia ini bukan untuk dilayani melainkan untuk melayani.

## HIDUP YANG BERKARAT

Renungan: **Yehezkiel 24:1-14**

*Oleh sebab itu beginilah firman Tuhan Allah: Celakalah kota yang penuh hutang darah, kualiti yang berkarat di dalamnya dan karatnya tidak hilang darinya! Keluarkan potong demi potong dari dalamnya tanpa memilih-milih.*

— Yehezkiel 24:6

**M**ak Mina yang menjual sup ekor paling enak di kampungnya selalu mencuci periuk belanga sehingga berkilat-kilat. Dia tahu kualiti yang berkarat akan memudaratkan kesihatan pelanggannya. Mina mengambil berat akan kebersihan kerana keracunan makanan boleh membawa maut.

Sewaktu Yehezkiel menyampaikan perumpamaan ini di kota Yerusalem, keadaan umat Tuhan umpama daging yang dimasak dalam kualiti berkarat, dan sudah keracunan. Daging-daging ini dimasak sehingga hangus dan tidak boleh diberikan kepada kucing. Namun, umat Tuhan menyangka kualiti itu emas dan merasa terselamat dalamnya tanpa menyedari mereka akan hangus.

Penumpahan darah menjadi salah satu dosa ngeri di kota ini dan sering dilakukan terang-terangan tanpa ketakutan. Menurut Kitab Kejadian darah yang tertumpah selalu berteriak-teriak dari tanah dan menghantui pembunuhnya. Tuhan berkata kepada Kain, “Apakah yang telah kauperbuat ini? Darah adikmu itu berteriak kepada-Ku dari tanah” (Kejadian 4:10).

Pemimpin-pemimpin yang berfikir mereka daging lembut tanpa menyedari bahawa Tuhan akan menjatuhkan penghukuman atas mereka terlebih dahulu (Yehezkiel 24:5).

Wanita ibarat kualiti dalam keluarga kerana dia yang menjamin suhu kerohanian dan kekudusan keluarga mereka. Kekaratannya akan meracunkan keluarga dan menyebabkan semua orang di keluarganya berkarat. Selidikilah perkara apakah yang mendatangkan keracunan dalam kehidupan rohani anda. Kikiskan semua kekaratannya sebelum ia menebal lalu mengancam diri sendiri dan keluarga anda.

TUHAN, aku tidak mahu tinggi hati

Segala karat dalam jiwaku

Tolong kikiskan

Kasih-Mu bentukkan aku

Biar aku memancarkan kasih setiamu

Biar aku semakin menyerupai Kau

Doa: Allahku, kikiskan segala karat sehingga terang Tuhan Yesus semakin memancar dalam kehidupanku.

## ALAMAK PUPUTAN DAN SANGA!

Renungan: **Yehezkiel 22:17-22**

*“Hai anak manusia, bagi-Ku kaum Israel sudah menjadi sanga; besi dan timah hitam di dalam peleburan; mereka seperti sanga perak.” — Yehezkiel 22:18*

**W**anita bijak, sukakah awak membeli cincin emas yang dibuat daripada tahi emas?

Wanita yang tahan uji imannya akan muncul sebagai emas murni kerana melalui proses peleburan semua kelemahan dikikiskan. Emas yang cantik muncul setelah insan ini dibentuk oleh Tangan Yang Ilahi. Peleburan emas dan perak biasa digunakan dalam Alkitab untuk menjelaskan bahawa penderitaan akan memurnikan insan yang mengasihi-Nya (Yesaya 1:22-25; 1 Petrus 1:7).

Proses peleburan dijalankan terhadap umat Israel tetapi yang muncul hanya sanga perak! Perak dan emas tidak keluar sama sekali tetapi hanya buih-buih hitam dan bahan-bahan tidak berguna terapung-apung. Selama ini mereka yang tinggal di Yerusalem berfikir bahawa mereka emas murni yang berharga kepada Pencipta mereka.

Yeremia juga mengesahkan mereka bukan emas tetapi tahinya. “Sebutkanlah mereka ditolak, sebab Tuhan telah menolak mereka!” (Yeremia 6:30) Api sudah malap namun yang keluar bukanlah emas tetapi timah hitam, tembaga, dan besi! Sia-sianya dan lelah tukang meleburkannya, tembaga tidak akan bertukar menjadi emas walaupun obor api ditingkatkan. “Puputan sudah mengembus, tetapi yang keluar dari api hanya timah hitam, tembaga dan besi. Sia-sia orang melebur terus menerus, tetapi orang yang jahat tidak terpisahkan” (Yeremia 6:29).

Nabi Yesaya juga menyebutkan proses memurnikan perak sebenarnya tindakan TUHAN untuk mentahirkan umat-Nya daripada dosa dan kecacatan. Umat Tuhan tidak murni, mereka bagai perak yang tidak murni dan arak yang bercampuran air. Mereka sudah bersongkol dengan pencuri, menerima suap, mengejar sogok, tidak membela hak anak yatim dan janda-janda. TUHAN bersabda, “Aku akan bertindak terhadap engkau dengan garam soda, dan aku akan menyingkirkan segala timah daripadanya” (Yesaya 1:25).

Tuhan mencari wanita yang ingin ditahirkan sehingga menjadi emas yang memancarkan kemuliaan-Nya dan kalung yang bersemerak emas murni. Dia tidak berminat dengan mereka yang menggembar-gemburkan iman mereka tetapi intisarinnya sanga sahaja.

Doa: Allah Maha Kasih, aku ingin ditahirkan sehingga aku menjadi cincin emas murni yang berlimpah ruah kemuliaan-Mu.

## RAMBUT YANG BERUBAN

Renungan: **Hosea 7:8-11**

*Orang luar memakan habis kekuatannya, tetapi dia sendiri tidak mengetahuinya; juga ia sudah banyak beruban tetapi ia sendiri tidak mengetahuinya. —Hosea 7:9*

**N**abi Hosea melukiskan keruntuhan kerohanian umat Israel bagi orang yang beruban tanpa mengetahuinya, dan kekuatan mereka habis dimakan. Musuh mereka, Syria pada zaman Yehoahaz menyerang Efraim, dan melemahkan mereka (2 Raja-Raja 12:7). Kemudian raja Asyur, Pul memeras upeti daripada raja Menahem (2 Raja-Raja 15:19). Demikian juga banyak pengaruh duniawi mengoyakkan kehidupan rohani seseorang dengan senyap-senyap seandainya mangsanya tidak peka.

Titanik, kapal terbesar berangkat dari Southampton dengan 2,200 penumpang pada pagi cerah tahun 11hb. April 1912. Kecanggihan kapal Titanik sungguh membanggakan dan tiada siapa menduga Titanik akan tenggelam. Kapal Titanik tidak bertabrak dengan kapal lain yang besar tetapi tepi kapal ini dikoyak oleh tunggul ais tanpa disedari kaptenya. Air yang mengalir ke dalam kapal itu menenggelami kapal ini.

Kemerosotan rohani menyelinap masuk satu sudut kehidupan yang terkoyak dengan senyap-senyap.

“Saya yakin dengan seram bahawa dunia ini merupakan punca ancaman terbesar dan tangisan kejahatan kepada agama. Ia bukan dunia dalam satu bentuk sahaja, tetapi dalam pelbagai bentuk, pelbagai daya tarikan dan kuasa, yang memberi pengaruh yang begitu licik dan terselindung dari gereja. Jika serangannya hanya dari satu sudut sahaja, kita akan mengenal serangannya dari pengalaman serangan yang dahulu, dan ia meletakkan kita dalam keadaan berjaga-jaga. Tetapi penyamaran kejahatan seperti dijelaskan oleh Saloma “dalam pelbagai cara yang bergerak, dan tidak diketahui”...anda tidak mengetahui sejauh mana anda sudah berundur daripada Allah, jurangan yang ngeri antara anda dan Allah, jurang antara Yesus dan jiwa anda. Anda tidak tahu berapa langkah harus anda ambil untuk mencicipi lagi yang pernah anda miliki dengan penuh berkat-kehadiran Allah, kesaksian Roh Kudus, kesedaran anda sebagai anak yang diampuni dan status anda sebagai anak angkat” (Octavius Winslow, 1850).

Kalau seseorang rela melangkah kembali kepada Tuhan Yesus, “Rahmat yang bersabda, Allah yang bersenyum, Roh Kudus yang melayang-layang atasmu akan menyingkapkan segala kuasa penyembuhan yang segar yang memulihkan” (Octavius, Winslow).

Doa: Tuhan Yesus, biarlah aku selalu berjalan dekat Engkau agar aku peka terhadap serangan dari pelbagai sudut.

## KRISIS MENCETUSKAN KREATIVITI

Renungan: **Keluaran 2:1-20**

*Jawablah aku, ya TUHAN, sebab kasih setia-Mu baik,  
berpalinglah kepadaku menurut rahmat-Mu yang besar.  
—Mazmur 69:17*

**N**ama Musa bererti “kerana Aku telah menariknya dari air.” Krisis yang dialami oleh ibunya telah mencetuskan kreativiti ilahi mereka. Rahmat Allah telah memberi petunjuk kepada ibu ini agar anak istimewa ini tidak akan pupus seperti yang lain. Sebuah peti pandan, gala-gala dan ter akan digunakan oleh ibu ini untuk meletakkan bayi ini dalamnya lalu diturunkannya ke dalam Sungai Nil. Kakak Musa disuruh memerhatikan apa yang akan terjadi kepada peti ini sewaktu ia terapung-apung di sungai.

Dalam rancangan penyelamatan Allah bagi bayi ini, puteri Firaun dan dayang-dayangnya yang ternampak bayi yang comel ini telah menyelamatkan bayi ini (Keluaran 2:6). Musa didik dalam istana dengan istimewa.

Krisis mencetuskan kreativiti dalam kakak Musa sehingga Musa dapat diasuh oleh keluarga sendiri. Hikmat tiba-tiba datang kepadanya, “Akan kupanggilkah bagi tuan puteri seorang inang penyusu daripada perempuan Ibrani untuk menyusuikan bayi itu bagi tuan puteri?” (Keluaran 2:7). Jus kreatifnya mengalir untuk menyelamatkan bayi yang penting ini sehingga rencana penyelamatan Allah bagi bangsa-Nya tercapai.

Sewaktu anda mengalami satu krisis, berserulah kepada rahmat dan kasih setia Allah yang sering memberi anda kreativiti. Tanpa pertolongan-Nya dan hikmat-Nya, anda mungkin terkandas dalam Sungai Nil. Bimbingan Tuhan membawa kesan yang penting untuk orang lain yang mengikut anda. Tanpa kreativiti ibu Musa, anak ini akan lenyap dan bangsa Ibrani akan pupus di bawah tangan cengkaman Firaun yang kejam. Allah yang Maha Kuasa telah mencetuskan kreativiti dalam situasi ini kerana Musa sudah dipilih untuk memimpin umat ini dari Mesir.

Tuhan Maha Kuasa  
Kami hidup di tengah-tengah  
Begitu banyak cabaran  
Hanya kreativiti ilahi  
Dapat menyelamatkan situasi ini  
Berilah rahmat-Mu  
Kirimkan jawabannya segera

Doa: Saat riak Sungai Nil mengancam, Allahku, aku memohon kreativiti dalam krisis ini sehingga rencana-Mu yang terindah terpancar.

## TIDAK BUTA ROHANI

Renungan: **Yohanes 9**

*Jawab Yesus: "Bukan dia dan bukan juga orang tuanya, tetapi kerana pekerjaan-pekerjaan Allah harus dinyatakan di dalam dia." — Yohanes 9:2*

Ketika Tuhan Yesus sedang melewati seorang buta, para murid-Nya bertanya adakah orang ini atau ibubapanya yang berdosa. Yesus segera menjawab, "Bukan dia dan bukan juga orang tuanya tetapi kerana pekerjaan-pekerjaan Allah harus dinyatakan di dalam dia" (Yohanes 9:2). Tuhan Yesus mengoles tanah pada mata orang buta lalu menyembuhkannya.

Fanny Crosby, pencipta lagu rohani mungkin buta secara jasmani tetapi secara rohani, terang kemuliaan-Nya terpancar melalui lagu-lagunya. Fanny yang buta sejak lahir berkata, "Kebutaan adalah sesuatu yang paling baik yang pernah terjadi kepada diriku. Bagaimana mungkin aku mengharungi hidup yang begitu berguna seandainya aku tidak buta?"

Neneknya mengasuh Fanny dengan sepenuh hati. Gambaran alam dengan alunan kata indah telah diajarnya supaya anak ini tahu menggunakan kata-kata dengan indah. Neneknya membaca Alkitab kepadanya setiap hari dan mengajar dia berdoa. Sejak kecil lagi, Fanny belajar memohon pertolongan daripada Tuhan bagi setiap hal. Gurunya, puan Hawley menolong Fanny menghafal Alkitab. Fanny berjaya menghafal lima bab daripada Alkitab dalam seminggu.

Selain kemahiran merangkai ayat-ayat indah, Fanny dikurniakan dengan kemampuan muzik. Dia sering bermain piano dan kecapi sambil menyanyi dengan suara yang merdu. Setiap lagu rohani tidak akan dikarang tanpa berdoa dengan bersungguh-sungguh. Setiap minggu Fanny menulis tiga lagu rohani untuk penerbitnya. Walaupun matanya buta tetapi jiwanya melihat terang rohani yang manis dan mulia.

Jangan lalui aku  
 Juruselamat yang lemah lembut  
 Dengar tangisan rendah hatiku  
 Sementara yang lain engkau panggil  
 Jangan lalui aku

Biar aku di takhta rahmat-Mu  
 Menemui pelepasan manis  
 Berlutut dalam penyesalan mendalam  
 Tolong ketidakpercayaan aku (Fanny Crosby)

Doa: Celikkan mata rohaniku agar aku dapat menceritakan segala yang indah mengenai Diri-Mu.

## KUASA DOA

Renungan: **Markus 9: 14-29**

*Jawab-Nya kepada mereka: "Jenis ini tidak dapat diusir kecuali dalam berdoa." —Markus 9:29*

“Elia adalah manusia biasa sama seperti kita, dan dia telah bersungguh-sungguh berdoa, supaya hujan jangan turun dan hujan pun tidak turun di bumi selama tiga tahun dan enam bulan. Lalu dia berdoa pula dan langit menurunkan hujan dan bumi pun mengeluarkan buahnya” (Yakobus 5:17-18). Doa Elia bukanlah kata-kata tanpa makna tetapi ia mengalir daripada hati yang yakin sesuatu akan terjadi sewaktu dia berdoa.

Dr. Reuben Torrey dalam ‘The Power of Prayer’ berkata, “Saya percaya apabila iblis berdiri dan melihat gereja hari ini, ia hanya ketawa. Dia melihat betapa pandainya anggota-anggotanya bersandar pada kepandaian mereka, kuasa organisasi mereka dan sarana-sarana yang terancang mahir. Ha, ha, dia ketawa dengan gedung gereja anda yang luar biasa dan organ gereja yang berharga lima puluh ribu, dan pengkhotbah anda yang berkelulusan universiti, koir anda yang disanjung, dan soprano anda yang berbakat, alto, tenor, kuartet yang indah, pengajian Alkitab untuk kaum lelaki yang hebat, persidangan Alkitab dan Sekolah Alkitab serta ibadah penginjilan yang canggih. Semua yang anda sukai, tidak mengganggu iblis. Seharusnya, jangan tinggalkan kuasa Tuhan Allah Maha Kuasa yang boleh ditemu dalam doa sungguh-sungguh. Tekunlah dalam doa serta jangan menerima jawapan ‘tidak’ bagi jawapan anda.”

Para murid Tuhan Yesus berusaha mengusir iblis yang menyebabkan seorang anak tuli dan bisu dari tubuhnya tetapi gagal. Setiap kali, iblis merasuki anak ini, dia akan berbusam, berkertakan dan menjadi kejang. Apabila Tuhan Yesus bersabda, “Hai kau roh yang menyebabkan orang menjadi bisu dan tuli, Aku memerintahkan engkau, keluarlah daripada anak ini dan jangan memasukinya lagi!” (Markus 9:25). Roh bisu itu keluar sambil menggoncang-goncang anak itu dengan hebat.

Tuhan Yesus memberitahu para murid-Nya bahawa jenis roh ini tidak dapat diusirkan tanpa doa. Iblis hanya takut akan kuasa Allah dan bukan suara yang menengking sahaja. Iblis hanya akan menjadi semakin degil seperti keldai dan bermain bagai monyet kalau kita menggunakan kekuatan sendiri untuk mengusirnya. Dia tidak takut akan kuasa yang menguntur kalau suara itu kesuntukan kuasa syurgawi yang hanya diperoleh dalam doa. Kitab Yudas menasihati kita, “Saudara-saudaraku yang kekasih, bangunlah dirimu sendiri di atas dasar imanmu yang paling suci dan berdoalah dalam Roh Kudus” (Yudas 20).

Doa: Roh Kudus, pimpinlah aku dalam doa sehingga kuasa syurgawi dinyatakan dalam diriku.

## PANGGILAN BERPERANG

Renungan: **Efesus 6:10-20**

*Kerana perjuangan kita bukanlah melawan darah dan daging,  
tetapi melawan pemerintah-pemerintah, melawan penguasa-penguasa,  
melawan penghulu-penghulu dunia yang gelap ini,  
melawan roh-roh jahat di udara.*  
—Efesus 6:12

**M**aju askar Kristus  
Maju terus berperang  
Salib panji kita selalu di depan  
Yesus yang memimpin  
Umat-Nya menang  
Mari kita kikis habis kuasa syaitan  
(Arthur Sullivan)

Rasul Paulus cukup berpengalaman melawan iblis yang datang dalam pelbagai bentuk untuk menjejaskan pelayanannya. Bagi rasul Paulus, perjalanan seorang Kristian bukanlah perjalanan yang digambarkan metafora-metafora indah tetapi perjalanan yang berperang senget dengan iblis. Rasul Paulus menasihati jemaah Efesus, “Akhirnya, hendaklah kamu kuat di dalam Tuhan, di dalam kekuatan kuasa-Nya” (Efesus 6:10).

Kita perlu kuat di dalam kuasa Tuhan kerana iblis sedang menentang kita dari pelbagai arah. Petrus mengibaratkan iblis sebagai singa-singa yang mengaum dan yang mencari-cari mangsanya. Iblis boleh tampak sebagai malaikat yang manis dalam pelbagai bentuk dan menyebabkan umat Kristian terpedaya. “Hai itu tidak usah menghairan, sebab iblis pun menyamar sebagai malaikat Terang” (2 Korintus 11:14).

Ajaran lolipop terngiang-ngiang indah mungkin ajaran palsu! Iblis sibuk mencari manusia yang dapat memutar belitkan firman Tuhan, dan hal-hal yang dapat mengusutkan fikiran. Nabi-nabi palsu menekankan anugerah TUHAN dan berkatnya yang berlimpah ruah padahal penghukuman Tuhan berada di ambang pintu. Iblis tahu manusia lebih suka lolipop daripada ubat pahit.

Sebagai askar wanita Kristus, kita tidak boleh masuk dalam peperangan tanpa perlengkapan rohani yang teguh. Si jahat pandai mengeruhkan iman. “Dalam segala keadaan pergunakanlah perisai iman, sebab dengan perisai itu kami dapat memadamkan semua panah api daripada si jahat” (Efesus 6:16). Kita perlu memakai pedang dan ketopong-ketopong iaitu firman Tuhan kerana firman hidup dapat menewaskan penghulu dunia.

---

Doa: Allahku, aku ingin kuasa Roh Kudus dan ketajaman firman Tuhan  
untuk menewaskan segala panah iblis.

## TERJAGALAH! TERJAGALAH!

Renungan: **Yesaya 52:1-9**

*Terjagalah! Terjagalah! Kenakanlah kekuatanmu seperti pakaian, hai Sion! Kenakanlah pakaian kehormatanmu, hai Yerusalem, kota yang kudus! Sebab tidak seorang pun yang tidak bersunat atau yang najis akan masuk lagi ke dalammu.*

—Yesaya 52:1

Mentari Ilahi sudah bersinar di tanah yang membeku dengan salji tebal. Tibalah saat semua salji akan mencair, bebunga bermekar, pepohon melambai-lambai tangannya lagi, dan burung-burung keluar berkicauan. Pemuda-pemudi yang berpakaian cerah melompat-lompat dan menari-nari dengan girang di atas bukit dan menikmati keindahan alam. Rusa-rusa pun melompat dengan bersemangat di tengah-tengah pemandangan yang indah.

Yerusalem yang sudah lama terlena dalam dosa akan dibangunkan dari dosa dan dari keadaan mereka yang terlantar. TUHAN memerintah agar mereka bangun dan berpakaian yang mulia lagi! Negara Mesir membelenggu mereka menjadi hamba, Asyur menindas mereka, dan Babel membawa mereka ke dalam pembuangan. Semua ini akan berakhir dan penduduknya mereka akan bangun kembali. Masa mereka hidup dalam dosa dan kegelapan sudah berakhir.

“Terjagalah, terjagalah!...” (Yesaya 52:1). Tanda pertaubatan pertama ketika mereka bertaubat ialah mereka akan terjaga. Permulaan kebangunan rohani seringkali dimulakan dengan tanda terjaga dan dibebaskan dosa. Ketika Petrus menyedari akan dosanya, segera dia terjaga, menangis dan menyesal, “Maka teringatlah Petrus akan apa yang dikatakan Yesus kepadanya: “Sebelum ayam berkokok, engkau telah menyangkal Aku tiga kali.” Lalu dia pergi ke luar dan menangis dengan sedihnya” (Matius 26:25).

Yerusalem yang dianggap sebagai puteri Sion yang berharga harus menanggalkan baju kotor mereka dan memakai baju kehormatan. Mereka mesti tanggalkan ikatan di leher mereka dan bergembira kerana mereka akan melihat keselamatan dan penghiburan Tuhan semula. Mereka mesti melonjak gembira dan menikmati mentari ilahi kerana mereka sudah dibebaskan dari dosa.

O Wanita, adakah anda hidup dalam dosa dan terlena? Suara Tuhan berkata, “Terjagalah! Terjagalah!” (Yesaya 52:1a). “Kenakanlah kekuatanmu seperti pakaian, hai Sion! Kenakanlah pakaian kehormatanmu, hai, Yerusalem, kota yang kudus! (Yesaya 52:1a). Bangunlah dan menikmati mentari Ilahi yang akan bersinaran terang dalam jiwamu!

Doa: Suara Tuhan memanggil terjagalah dan bangunlah untuk suatu kehidupan yang baru yang kudus.

## TANGAN TUHAN

Renungan: **Yesaya 52:9-15**

*TUHAN telah menunjukkan tangan-Nya yang kudus di depan mata semua bangsa; maka segala ujung bumi melihat keselamatan daripada Allah kita. — Yesaya 52:10*

Tangan Tuhan yang meletakkan langit dan bumi akan menjadi tangan yang menyelamatkan umat Tuhan-Nya. Tangan Tuhan telah menarik Musa dari sungal Nil dan meletakkannya ke dalam gendongan puteri Firaun. Tangan Tuhan meruntuhkan kota Yeriko dan membelah Laut Teberau. Sekalipun tangan kuat musuh-musuh terulur untuk menghancurkan umat Tuhan, Tangan Maha Kuat akan mematahkan segala serangan itu.

Tangan Tuhan dapat menjangkau umat-Nya di mana saja mereka berada dan meruntuhkan tembok masalah mereka. Yesaya menghibur umat Tuhan yang berada dalam pembuangan bahawa Sang Pencipta kita adalah Maha Kuasa dan Maha Kuat. "Arahkanlah matamu ke langit dan lihatlah: siapa yang menciptakan semua bintang itu dan menyuruh segenap tentera mereka keluar, sambil memanggil nama mereka sekaliannya? Satu pun tiada yang tak hadir, oleh sebab Ia Maha Kuasa dan Maha Kuat" (Yesaya 40:26).

Masa depan Yerusalem yang menderita banyak tahun akan diubahkan dan kota itu mesti bangun semula (Yesaya 51:21). Musuh mereka akan dikalahkan dan mereka akan kembali ke tanahair mereka (Yesaya 52:7). Mereka akan menerima berita indah di tengah-tengah reruntuhan mereka bahawa "Allah itu Raja" dan tangan-Nya yang kudus akan menyelamatkan (Yesaya 52:7, 52:10). Berita buruk akan digantikan dengan berita indah, "Betapa indahnya kelihatan dari puncak bukit-bukit kedatangan pembawa berita, yang mengabarkan berita damai dan memberitakan khabar baik, yang mengabarkan berita selamat dan berkata kepada Sion: "Allahmu itu Raja!" (Yesaya 52:7).

Peganglah tangan Tuhan yang Maha Kuasa untuk memberi anda kemampuan mendaki setiap lekuk hidup. Langkah kita mudah tersandung maka kita memerlukan kekuatan Tangan Sang Pencipta. Manusia begitu lemah kalau dibandingkan dengan Sang Pencipta yang Maha Kuasa dan Maha Kuat.

Tuntunlah hamba-Mu, Bapa tuntunlah hamba-Mu  
 Sungguh berat derita ujian dunia  
 Jangan lepaskanku pegang tanganku  
 Hanya TUHAN kekuatanku (Will L. Thompson)

Doa: Allahku, pegang tangan anak-Mu, tuntunlah selalu agar anak-Mu memuliakan nama-Mu di dunia.

## BERJALAN SETIAP SAAT DENGAN TUHAN

Renungan: **Kejadian 5:21-24; Mazmur 118:24**

*Berjalankah dua orang bersama-sama jika mereka belum berjanji?  
—Amos 3:3*

**W**anita yang dikasihi, kita dipanggil berjalan setiap saat dari bumi hingga ke syurga bersama Sang Kekasih. Henokh bergaul akrab dengan Allah dan hidupnya diperkenan oleh Tuhan. Dia hidup bersama-sama Allah dan menyenangkan Allah dalam setiap urusan hidup. “Kerana iman Henokh terangkat, supaya dia tidak mengalami kematian dan dia tidak ditemukan, kerana Allah telah mengangkatnya. Sebab sebelum dia terangkat, dia memperoleh kesaksian bahawa dia berkenan kepada Allah” (Ibrani 11:5).

Kalau dua orang ingin berjalan bersama, mereka mesti sehati dan sefikir. Bagaimanakah sepasang kekasih dapat berjalan bersama-sama kalau mereka tidak bersetuju. “Berjalankah dua orang bersama-sama jika mereka belum berjanji?” (Amos 3:3). Kita bersetuju menurut perintah-Nya, “Dan inilah kasih itu, iaitu bahawa kita harus hidup menurut perintah-Nya. Dan inilah perintah itu, iaitu bahawa kamu harus hidup di dalam kasih sebagaimana telah kamu dengar dari mulanya” (2 Yohanes 6).

Berjalan dengan Allah bererti kita hidup berlainan dengan kelaliman semasa. Henokh yang tinggal di tengah-tengah mereka yang zalim tidak tercemar, sebaliknya dia memberi amaran supaya orang sezamannya mesti bertaubat. “Juga tentang mereka Henokh, keturunan ketujuh daripada Adam, telah bernubuat, katanya: “Sesungguhnya Tuhan datang dengan beribu-ribu orang Kudus-Nya, hendak menghakimi semua orang dan menjatuhkan hukuman atas orang-orang fasik kerana semua fasik, yang mereka lakukan dan kerana semua kata-kata nista, yang diucapkan orang berdosa yang fasik itu terhadap Tuhan” (Yudas 14-15).

Semakin dua sahabat berjalan akrab bersama, semakin mereka memahami kehendak hati sahabatnya. Mutu perjalanan dengan Allah harus kita perhatikan dengan teliti. Brother Lawrence berkata, “Semua perkara berkisar pada penyangkalan anda terhadap segala sesuatu yang tidak membimbing anda kepada Allah... Kita harus selalu memuji, memuja, dan mengasihinya terus menerus untuk kebaikan dan kesempurnaan-Nya yang tak terbatas.”

“Apabila anda mula berjalan bersama Allah, anda perlu berjalan terus bersama-Nya dan seluruh hidup akan menjadi satu jalan panjang — suatu perasaan yang sungguh nikmat” (Etty Hillesum).

Doa: Selangkah lagi lebih dekat dengan Tuhan Maha Kasih dan semakin manis perjalananmu, sekarang dan selama-lamanya.

## MUKJIZAT LAGI

Renungan: **Yosua 10:12-13**

*Maka berhentilah matahari dan bulan pun tidak bergerak,  
sampai bangsa itu membalaskan dendamnya kepada musuhnya.  
Bukankah hal ini telah tertulis dalam Kitab Orang Jujur?  
Matahari tidak bergerak di tengah langit dan lambat-lambat  
terbenam kira-kira sehari penuh. — Yosua 10:13*

Bayangkan, matahari dan bulan telah berdiri di langit sehingga perang **B**erakhir. Ini memampukan Yosua bergerak dari Gilgal ke Gibeon kerana matahari tetap bersinar terang sehingga mereka melaksanakan misi mereka. Perkara ini dipastikan dalam Kitab Jasbar dan Kitab Orang Jujur, sumber luaran selain daripada Alkitab.

Satu tafsiran mengatakan gerhana terjadi. Tafsiran ini tidak terlalu tepat kerana kalau gerhana terjadi, bumi akan menjadi gelap dan ini akan mengganggu misi Yosua. Yang lain pula mentafsir bahawa Yosua telah meminta satu tanda sial kerana menurut astrologi orang Asyur apabila mereka melihat matahari dan bulan berdiri pada waktu yang sama itu alamat kesialan dan mereka akan berlari terkencing-kencing kerana ketakutan.

Sebenarnya mukjizat terjadi lagi. Allah telah memanjang hari itu sehingga umat-Nya berjaya. Allah sudah dari mulanya menentukan Yosua dan umat-Nya akan menang dalam peperangan ini. Apabila Tuhan sudah menentukan kemenangan, betapa besar pun halangan di depan kita, ia akan diatasi-Nya. Tuhan telah menolong Yosua dan pemimpin-pemimpinnya menghadapi halangan lepas halangan dengan mukjizat lepas mukjizat.

Apa itu mukjizat? Mukjizat adalah fenomena luarbiasa yang dilakukan oleh Allah untuk menolong anak-anak Tuhan sehingga mereka memuliakan Allah. Sewaktu kita tidak ada jalan keluar, kita hanya melayang pandangan kita ke Gunung Batu kita untuk kekuatan. Mukjizat masih terjadi pada hari ini kepada umat Tuhan setiap hari dalam pelbagai bentuk.

Kehidupan wanita penuh dengan cabaran yang tidak terduga. Kadangkala kita perlu melayang kepada Tuhan dan berkata, "Tuhan, aku memerlukan satu mukjizat!" Dalam pelayanan dan kehidupan saya kadangkala saya memerlukan Tuhan untuk mendatangkan mukjizat dan berperang bagi saya. "Siapakah yang seperti Engkau, di antara para allah, ya Tuhan; siapakah seperti Engkau, mulia kerana kekudusan-Mu, menakutkan kerana perbuatan-Mu yang masyhur" (Mazmur 15:11). Mukjizat tidak mustahil bagi Allah yang Maha Kuasa, Pencipta Langit dan Bumi, yang meletakkan cakrawala dan bintang serta segala yang hidup di bumi.

Doa: Engkau Penebus yang Maha Kuasa, aku bersyukur atas mukjizat yang terjadi hari ini.

## PAUTAN WANITA

Renungan: **Yeremia 29:1-14**

*Sebab Aku ini mengetahui rancangan-rancangan apa yang ada pada-Ku mengenai kamu, demikianlah firman TUHAN, iaitu rancangan damai sejahtera dan bukan rancangan kecelakaan untuk memberikan kepadamu hari depan penuh harapan.*

— Yeremia 29:11

Pautan teguh bagi seorang wanita hanyalah Tuhan yang Maha Penyayang dan Maha Kuasa. Wanita yang berjalan dengan terjamin adalah mereka yang mempelajari bagaimana mengikat sampan hidup pada Pautan Kukuh, Tuhan Yesus. Kita tidak perlu melihat ke lautan yang gelap dan tertanya-tanya adakah sampan kita dapat berlayar selamat ke seberang.

Yeremia bernubuat bahawa Allah akan menepati janji-Nya kepada umat Tuhan yang berada di pembuangan Babel. Pengharapan mereka berkecaian ketika mendengar Yerusalem sudah jatuh dan bait suci dimusnahkan. Dalam keadaan seperti ini, Yeremia mengirimkan sepucuk surat untuk menghibur dan mengembalikan pengharapan mereka.

Mereka diminta untuk mendirikan rumah di tempat pembuangan, mencari suami atau isteri serta berusaha mendirikan rumahtangga dengan kesejahteraan “Usahakan kesejahteraan kota ke mana kamu Aku buang, dan berdoalah untuk kota itu kepada TUHAN, sebab kesejahteraannya adalah kesejahteraanmu” (Yeremia 29:7).

Penghiburan-Nya ialah, “Sebab Aku ini mengetahui rancangan-rancangan apa yang ada pada-Ku mengenai kamu, demikianlah firman TUHAN, iaitu rancangan kecelakaan, untuk memberikan kepadamu hari depan yang penuh harapan” (Yeremia 29:11). Mereka akan dikumpulkan dari pelbagai tempat di mana mereka diceraiberaikan, itulah perjanjian terindah bagi umat pilihan-Nya. Pautan hati mereka hanyalah janji-Nya yang indah walaupun suasana di depan mata mereka berkecaian.

Walau ombak menerpa  
 Jiwaku terombang gelombang  
 Kutetap dalam dakapan damai  
 Betapa liar ombak berderu  
 Terselamat aku terpaut Pautan Ilahi  
 Perahuku sungguh kecil  
 Kayuku mungkin tidak tahan lasak  
 Namun, anugerah pautan-Nya terjamin

Doa: Tuhan Maha Penyayang, perahuku terpaut pada Pautan Ilahi-Mu dan jiwaku terjamin kerana dalam-Mu ada kesejahteraan.

## DISIPLIN YEREMIA

Renungan: **Yeremia 15:17, 16:2**

*Janganlah engkau masuk ke rumah orang mengadakan perjamuan untuk duduk makan minum dengan mereka.  
—Yeremia 16:8*

Dewaktu Tuhan memanggil Yeremia, dia beralasan, “Ah, Tuhan ALLAH! Sesungguhnya aku tidak pandai berbicara, sebab aku ini masih muda” (Yeremia 1:6). Tuhan meyakinkan Yeremia bahawa Dia akan menyertainya dan membuat dia begitu kuat seperti kota kubu, tiang besi dan tembok tembaga (Yeremia 1:8; Yeremia 1:18-19).

Yeremia terpaksa berkhotbah kepada pendengar yang terbuai dondang sayang oleh nabi palsu. Umat Tuhan datang beribadah namun dalam kehidupan seharian mereka, mereka mencuri, berzina, dan membunuh (Yeremia 7:8-11). Mereka seperti telur busuk daripada yang paling kecil hingga kepada orang dewasa. Segala urusan yang dijalani oleh mereka, tidak ada yang jujur (Yeremia 6:13-15).

TUHAN meletakkan disiplin ketat bagi kehidupan peribadi Yeremia kerana seluruh hidupnya ibarat satu berita. Disiplin Yeremia sebagai seorang nabi termasuk jangan beria-ria (Yeremia 15:17), jangan pergi menonton, berdansa dan sebagainya (Yeremia 16:2). Selain itu, dia tidak boleh beristeri atau beranak demi melambangkan wanita dan anak akan turut menderita ketika Yerusalem jatuh (Yeremia 16:5). Dia tidak boleh masuk ke rumah perkabungan untuk menandakan TUHAN akan menarik damai sejahtera-Nya (Yeremia 16:8). Akhirnya, dia tidak akan menghadiri perjamuan sebagai tanda betapa seram beritanya seakan-akan memberitahu, “Ini bukan masa untuk berkenduri!”

Yeremia bukan sahaja menjalani kehidupan berdisiplin tetapi sebagai nabi, dia menderita. Nabi Yeremia dipukul dan dipenjarakan dalam rumah Tuhan (Yeremia 20:1-2). Dia ditolakkan oleh pendengar ke perigi yang berlumpur (Yeremia 38:6). Dia diolokkan dan dijadikan tawanan sepanjang hari (Yeremia 20:7). Kesengsaraan hidup dan disiplin ketat akan menjadi sebahagian hidupnya sebagai seorang nabi.

Wanita, sejauh manakah kita bersetuju untuk mendisiplin diri demi menunaikan yang diingini oleh Tuhan? R.C. Sproul menegaskan, “Tiada jalan yang cepat dan mudah untuk memupuk kedewasaan rohani. Jiwa yang mencari kematangan rohani yang lebih dalam harus disiapkan untuk tugas yang lama dan sulit. Jika kita hendak mencari kerajaan Allah, kita harus menyangkalkan rumusan apa pun yang menjanjikan kepuasan rohani secara segera.”

Doa: Aku menaikkan syukur kepada Engkau atas disiplin ketat yang Engkau kenakan kepada aku pada zaman yang gelap ini.

## ***Kekudusan: Buah dan Bunga Kehidupan Rohani***



*Bukan untuk melukai kau  
Cabang-Ku yang indah  
Tetapi bagi mengukuh tenagamu  
Agar buahmu yang lebih kaya bergugusan*

*Tangan yang mahir mesti memangkas dan melatih  
Tangan yang membimbing mesti mengangkat kau  
Segera kau akan menghargai sembiluku  
Cantik dan arif*

*Bukan untuk menduka kau, hatiku  
Tuhan Allahmu mendisiplin  
Supaya cabang-Nya yang memesong  
Pada kekuatan-Nya akan terpaut*

*Tiada sekeping daun akan diremuknya  
Tiada ada pucuk yang akan diputuskan  
Hanya untuk mengajar kau bertumbuh  
Baik dan bagus selamanya*

*Jangan melayu, cabang-Ku yang lembut  
Dengan pendekatan-Ku yang berat  
Tibalah penyembuhan musim panas  
Kau akan bertumbuh dan sembuh*

*Jangan mengomel O hatiku yang perih  
Dengan Tuhanmu yang penuh kasih sayang  
Kau akan ketahui tujuan-Nya yang ber hikmat  
Di terang kelak*

***—Octavius Winslow***



## SAAT BERHARGA INI

Renungan: **Wahyu 21:1-4**

*Dan malam tidak akan ada lagi di sana, dan mereka tidak memerlukan cahaya lampu dan cahaya matahari, sebab Tuhan Allah akan menerangi mereka, dan mereka akan memerintah sebagai raja sampai selama-lamanya.*

—Wahyu 22:5



C.S. Lewis, penulis terkenal marah akan Allah ketika isterinya, Joy, meninggal dunia akibat penyakit barah tulang. Isterinya yang tercinta mati dalam dakapannya. C.S. Lewis memegang pena lalu mencurahkan kata-kata perih. “O beginikah Engkau Tuhan? Tuhan, Engkau meletakkan kami di taman bunga, kali lepas kali, Engkau seakan-akan begitu baik hati tetapi sebenarnya Engkau sedang menyiapkan seksaan lain.”

Setelah kesedihannya bersurut, dia melihat dari sudut pandangan lain. Semua fikirannya hanya didasarkan pada apa yang sudah dihilangnya tanpa melihat apa yang pernah diperolehnya. Dia teringat sewaktu mereka baru berkahwin, doktor berkata isterinya hanya mempunyai beberapa minggu tetapi Joy hidup selama tiga tahun lagi. Dia mulai melihat Tuhan sebagai Pemberi dan Joy sebagai pemberian indah Tuhan.

“Joy ialah ibu, anak perempuan, guru, anak murid, teman yang boleh dipercayai, dan teman seperjuangan aku,” kata C.S. Lewis. Dia teringat kata-kata terakhir isterinya, “Awak membuat saya sangat bahagia” sebelum dia berkata kepada pendetanya, “Sekarang, saya damai dalam Tuhan.”

Kehidupan ini hanya sebahagian daripada rancangan mulia Tuhan dalam kehidupan anak-anak-Nya. Segala yang berlaku hanya sebahagian daripada drama-Nya. Kita belum tahu rahsia keindahannya di sebalik pelanginya. Irama perkabungan bukanlah irama terakhir kerana masih ada pagi mulia lagi. “Dan Dia akan menghapus segala air mata dari mata mereka, dan maut tidak ada lagi: tidak akan ada lagi perkabungan, atau ratap tangis, atau dukacita, sebab segala sesuatu yang lama itu telah berlalu” (Wahyu 21:4). Ucapkan syukur atas apa yang pernah anda miliki bersama orang itu.

Bila waktunya tibalah  
Kutinggalkan dunia fana  
Amat gemarlah hatiku  
Aku berjumpa dengan Tuhanku

Bila waktunya tibalah  
Pelitaku terus berseri  
Pintu syurga terbukalah  
Ke dalamnya aku masuki (Fanny Crosby)

Doa: Allahku, apa yang terjadi di bumi ini hanya separuh daripada drama yang belum sampai kemuncaknya yang indah.

## TINGGALKAN YANG LEPAS

Renungan: **Yesaya 43:18-21**

*Lihat Aku hendak membuat sesuatu yang baru, yang sekarang sudah tumbuh, belumkah kamu mengetahuinya? Ya, Aku hendak membuat jalan di padang gurun dan sungai-sungai di padang belantara, untuk memberi minum umat pilihan-Ku. — Yesaya 43:19*

**L**angkah terpenting untuk maju ke masa depan ialah meninggalkan hal-hal purbakala negatif kita. Sikap yang suka menenggelami diri dalam kekurangan masa lampau akan menghambat kemajuan langkah selanjutnya. Kekecewaan, penyesalan, ketidakadilan jangan dibiarkan bermain seperti wayang kulit di layar minda kita sehingga mengundur kita lagi.

Umat Tuhan yang tinggal di pembuangan Babel kini akan berangkat pulang ke tanah perjanjian. Bayangan kekeringan padang belantara dan angin pasir apalagi binatang liar dari hutan seperti serigala dan burung unta yang sedang tersembunyi di belukar-belukar padang belantara akan membuat mereka tinggal dalam tanah pembuangan. Bagaimanakah perasaan menempuh jalan pasir berbelit-belit seperti tiada akhirnya? Perjalanan seperti ini memerlukan iman dan terang tiang awan serta manna syurgawi.

Wanita, tinggalkan ingatan yang tidak baik agar anda dapat melangkah terus. Kosongkan semua pasir yang melekat dalam kasut kita. Tuhan sudah berjalan di depan kita, biar mata anda memandang ke depan. Jangan menoleh ke belakang agar visi ke depan tidak dikaburi. "Firman-Nya: "Janganlah ingat-ingat hal-hal yang dahulu, dan janganlah perhatikan hal-hal dari zaman purbakala!" (Yesaya 43:18).

Masa depan tidak semesti diwarnai cat hitam lama kerana Tuhan ingin berbuat sesuatu yang baru. Keadaan rumit tidak semestinya cat hitam tetapi sebaliknya pelangi dalam tangan-Nya. Biarlah air membanjiri tanah gersang dan bebunga rohani bertumbuh dengan segar.

Tuhan hadir setiap saat  
 Di padang belantara  
 Di tanah gersang  
 Dia berkarya setiap saat  
 Suasana gelap atau terang  
 Sekalipun tidak ada dasarnya  
 Layar masa depan  
 Tetap yang baru  
 Yang terancang akan dipenuhi

Doa: Tuhan, aku melayang pandangan kepada Engkau yang mampu membuat sungai-sungai di padang belantaraku membual dengan air.

## SURAT DARIPADA TUHAN

Renungan: **2 Korintus 3:2-6**

*Kamu adalah surat pujian kami yang tertulis dalam hati kami dan yang dikenal dan yang dibaca oleh semua orang. —2 Korintus 3:2*

**P**asul Paulus merupakan seorang guru, pengkhotbah, pendiri gereja dan penulis yang kreatif. Lambang-lambang yang digunakannya untuk iman memberi pemahaman mendalam bagi pengikut-pengikutnya. Dia menggunakan harta rohani dan bejana tanah untuk melambangkan tubuh yang fana namun kekuatan rohaninya melimpah-limpah (2 Korintus 4). Selain itu, dia menggunakan tubuh kita untuk melambangkan kesatuan jemaah. Pelayanan yang dilakukan oleh pelbagai orang tetap mempunyai kepentingan masing-masing, seorang menabur, seorang menyiram, dan yang lain menuai (1 Korintus 3).

Rasul Paulus menulis kepada jemaah di Korintus bahawa setiap orang yang percaya kepada Kristus adalah surat Kristus. Surat ini tidak ditulis dengan tinta melainkan dengan Roh Kudus yang hidup dan bukan ditulis pada loh-loh batu melainkan ditulis dalam hati mereka. “Kerana telah ternyata, bahawa kamu adalah surat Kristus, yang ditulis oleh pelayanan kami, ditulis bukan dengan tinta, tetapi Roh daripada Allah yang hidup, bukan pada loh-loh batu, melainkan pada loh-loh dalam daging, itu di dalam hati manusia” (1 Korintus 2:3).

Wanita, kita adalah sepucuk surat Kristus yang ditulis untuk dibaca oleh semua orang. Pasti kadangkala ada hari-hari yang tertentu kita pernah membuat kesilapan tetapi kita akan menulisnya dengan lebih indah lagi. Nada keseluruhan surat Kristus dalam diri kita dapat dirasai oleh orang yang mengenal kita sama ada nada munafik atau tulus. Surat berharga ini memberi pengharapan sewaktu tabir dunia semakin ditaburi kecurigaan, kejahatan, pemisahan kaum dan kepalsuan.

Surat apakah yang anda harap dibaca oleh orang yang mengenal kita? Surat yang tertulis kedamaian dan sukacita sejati daripada Kristus Yesus? Surat kita mengisahkan anugerah Tuhan yang telah menyelamatkan kita daripada kebelengguan dosa. Cerita simpati dan kasih kita terhadap mereka yang dalam keperluan juga menjadikan sebahagian tulisan surat kita. Pembaca surat kita perlu sering terharu dengan nada ucapan syukur kita sepanjang masa dan kicauan pengharapan seekor burung pada musim dingin.

Wahai wanita, biarlah surat kita mencerminkan kemuliaan Allah dan kekudusan Allah yang tidak dinikmati oleh dunia yang semakin saling membenci dan mencurigai. Biar surat kita seperti yang dikatakan Piper, “Allah paling dimuliakan apabila saya paling cukup dalam-Nya.”

Doa: Tuhan Penulis jiwaku, aku menyerahkan diriku bagi kertas putih untuk ditulis oleh Diri-Mu menjadi surat yang indah.

## TERHADAP ENKAU SAHAJA

Renungan: **Mazmur 51**

*Terhadap Engkau, terhadap Engkau sajalah aku telah berdosa dan melakukan apa yang Kauanggap jahat, supaya ternyata Engkau adil dalam putusan-Mu, bersih dalam penghukuman-Mu.*

—Mazmur 51:6

Anna mencedok nasi lemak lalu bergegas ke penjara untuk menjengok jirannya yang telah dipenjarakan. Ron, ketua rombongan yang terlibat dalam beberapa perompakan dan pembunuhan ngeri akan dijatuhkan hukuman mati. Anna berusaha menceritakan tentang kasih Allah lagi walaupun Ron sudah menolak beritanya beberapa kali.

“Ron, kita semua berdosa dan jauh daripada kemuliaan Tuhan...” cerita Anna. Ron menguap lagi dan mulai menunjukkan kebosanannya.

Anna bertukar strategi penginjilan dan mulai bercerita dengan gaya berlainan. “Ron, alang sedihnya, awak mangsa keadaan...Seandainya ibu awak tidak meninggalkan keluarga anda dengan lelaki lain dan bapa kamu tidak meninggal dunia...keluarga tidak miskin papa,” kata Anna lagi. Ron tiba-tiba menangis dan bersetuju seratus peratus.

“Ron, awak hanya bersetuju awak mangsa keadaan dan pandai mengasihani diri. Sebenar itu cuma alasan yang kauciptakan untuk menumpulkan hati nurani kau...Kau tidak mahu bersedih atas dosa sendiri dan mengakui bahawa terhadap Allah, Allah sahaja kau sudah berdosa,” jelas Anna dengan tegas kerana ini kesempatan akhir buat Ron.

Pertaubatan bererti kita bersetuju dengan Allah bahawa kita berdosa. Pertukaran fikiran, pertukaran emosi, dan pertukaran arah serta berusaha berpaling daripada dosa tanpa mengasihani diri dan berseru hanya terhadap Allah kita berdosa merupakan langkah pertama untuk hidup baru.

Raja Daud mengakui hanya terhadap Tuhan sahaja dia berdosa dan bertaubat dengan segenap hati. “Daud telah berzina terhada Batseba, membunuh suaminya, dan menutupi dosanya agar rakyatnya tidak tahu. Ya, ia dosa yang ngeri dan hina terhadap manusia, tetapi pengakuan Daud menampakan pengertian yang lebih mendalam. Ia bukan dosa terhadap manusia sahaja. Ia adalah dosa terhadap Tuhan: pelanggaran perintah-Nya, pelanggaran terhadap kehendak-Nya, serangan terhadap mereka yang dicipta dalam gambaran-Nya, dan pokoknya terhadap Tuhan. Oleh kerana itu Daud mengakui, “Terhadap Engkau, terhadap Engkau sajalah aku telah berdosa, dan melakukan apa yang Kauanggap jahat...” (Mazmur 51:6) (Brian G. Hedges).

Doa: Allahku, hanya terhadap Engkau, aku berdosa dan melakukan apa yang dianggap jahat. Ampunilah aku.

## ROTI YANG TIDAK BERAGI

Renungan: **1 Korintus 5:6-7**

*Kerana itu marilah kita berpesta, bukan dengan ragi yang lama, bukan pula dengan ragi keburukan dan kejahatan, tetapi dengan roti yang tidak beragi, iaitu kemurnian dan kebenaran.*

—1 Korintus 5:8

**S**ewaktu membuat roti canai, sedikit ragi akan membuat adonan berkembang ajaib. Sedikit ragi membuat roti telur sehingga mendatangkan kegembiraan sarapan pagi. Sebaliknya, Rasul Paulus menggunakan imej ragi untuk menggambarkan sedikit dosa cepat mencemarkan seluruh tubuh Kristus. Perintah Bahasa Melayu berkata, "Sebab nila setitik, rosak susu sebelanga."

Jemaah Korintus bermegah tentang karunia mereka namun mereka tidak melakukan apa-apa terhadap dosa di tengah-tengah mereka. Mereka berpura-pura buta terhadap dosa percabulan yang terjadi dalam jemaah dan ragi berkembang. Dosa yang wujud dalam jemaah yang tidak ditangani akan mempengaruhi seluruh jemaah menurut rasul Paulus. Pengaruh duniawi sudah masuk ke ambang gereja sehingga kadangkala ragi yang mencemar dibiarkan berkembang.

Dosa bagai ganggren akibat keradangan luka yang meragut nyawa kerana penyakit itu merebak cepat. Untuk menyelamatkan pesakit itu, doktornya mesti memotong bahagian terjangkit. Rasul Paulus dalam ayat 7 berkata, "Buanglah ragi yang lama ini, supaya menjadi adonan yang baru, sebab kamu memang tidak beragi. Sebab anak domba Paskah kita juga disembelih, iaitu Kristus" (1 Korintus 5:6).

Matius 3:8 berkhutbah, "Jadi hasilkanlah buah yang sesuai dengan pertaubatanmu." Penduduk Nineveh menunjukkan pertaubatan yang sungguh-sungguh sehingga mereka menghapuskan dosa daripada kalangan mereka daripada raja, para pembesar sehingga binatang mereka turut berpuasa. "Lalu atas perintah raja dan para pembesarnya orang memaklumkan dan mengatakan di Niniwe demikian, "Manusia dan ternak, lembu sapi dan kambing domba tidak boleh makan apa-apa, tidak boleh makan rumput dan tidak boleh minum air" (Yunus 3: 7).

"Waspadalah, hai saudara-saudara, supaya di antara kamu jangan terdapat seorang yang hatinya jahat dan yang tidak percaya oleh kerana ia murtad daripada Allah yang hidup" (Ibrani 3:12). Kita perlu saling mendukung dan menolong sesama. "Tetapi nasihatilah seorang akan yang lain setiap hari, selama masih dapat dikatakan "hari ini," supaya jangan ada di antara kamu yang menjadi tegar hatinya kerana tipu daya dosa" (Ibrani 3 :13).

Doa: Allahku, aku membuang ragi yang boleh mencemarkan adonan dan merosakkan rancangan Tuhan yang indah bagiku.

## CERMIN AJAIB

Renungan: **2 Korintus 3:12-18**

*Dan kita semua mencerminkan kemuliaan Tuhan dengan muka yang tidak berselubung. Dan kerana kemuliaan itu datangnya daripada Tuhan adalah Roh, maka kita diubah menjadi serupa dengan gambar-Nya, dalam kemuliaan yang semakin besar.*

—2 Korintus 3:18

**N**arcissus menatap wajahnya yang begitu kacak dalam kolam air di bawah pancutan air. “Amboi, cantiknya leher, kulitnya yang begitu putih, rambutnya begitu keriting.” Apabila dia berusaha menyentuh wajah itu, wajah itu segera hilang ke celah-celah bebatu di kolam. Airmatanya menitis ke dalam kolam air. “Kenapa anda selalu menghilangkan diri daripada saya.”

Kalau kita menatap diri sendiri maka kita akan menyedari kita jauh daripada kemuliaan-Nya dan memerlukan perubahan untuk bersepadanan Yesus Kristus.

Rasul Paulus mengatakan kita memerlukan cermin ajaib yang dapat mempercantikkan kita melalui firman-Nya. Apabila kita ingin bertumbuh seperti Yesus, kita menatap wajah Kristus yang mulia dan tidak terselubung dalam firman-Nya. Semakin kita menatap cermin-Nya melalui firman Tuhan dan kehidupan Tuhan Yesus, kita akan menyedari bahawa sifat kita tidak sempurna dan ingin diubah-Nya (2 Petrus 3:18).

“Tujukanlah pandanganmu kepada-Nya, maka mukamu akan berseri-seri, dan tidak akan malu tersipu-sipu” (Mazmur 34:6). Roh Kudus akan semakin mengubah kita sehingga kita dengan berani memancarkan kemuliaan-Nya dan tidak terbelenggu oleh dosa dan tersipu-sipu. Semakin kita berjalan dekat bersama Tuhan Yesus, kemuliaan-Nya tidak semakin pudar tetapi semakin terang.

Intisari kekudusan ialah menyerupai Yesus Kristus — beberapa ahli teologi memanggilnya sebagai bersepadanan dengan Kristus. Apabila kita menjadi seperti Tuhan Yesus kita akan memancar wajah Tuhan Yesus dan kebenaran firman-Nya di dunia. Rasul Paulus memanggil kita untuk mengikut teladannya seperti dia mengikut teladan Tuhan Yesus. “Sebab itu jadilah penurut-penurut Allah, seperti anak-anak yang kekasih” (Efesus 5:1).

“Kekudusan ialah pertumbuhan sihat bagi manusia yang secara moral sudah bercela sehingga dia dapat membentuk diri menurut gambaran Yesus Kristus, manusia yang sempurna” (J.I. Packer).

---

Doa: Roh Kudus, cerahkan hatiku sehingga aku dapat menatap cermin ajaib  
iaitu firman Tuhan dan diubah oleh kemuliaan wajah-Nya.

## MEDITASI

Renungan: **Yosua 1: 7-8; Mazmur 1**

*Janganlah engkau lupa memperkatakan kitab Taurat ini, tetapi renungkanlah itu siang dan malam, supaya engkau bertindak hati-hati sesuai dengan segala yang tertulis di dalamnya, sebab dengan demikian perjalanannya akan berhasil dan engkau akan beruntung.*

–Yosua 1:9

Thomas Watson berkata, “Seorang Kristian yang tidak bermeditasi adalah seperti askar yang tidak bersenjata. Kita akan menghilangkan segala sesuatu dan kebenaran tidak tinggal dengan kita. Hati kita keras dan ingatan kita sungguh licin.” Meditasi firman Allah membawa firman Allah kepada hati kita sehingga segala yang membeku dapat mencair dan memberi transformasi kepada kita.

Yosua seorang panglima yang sangat sibuk, telah dinasihati oleh Allah untuk merenungi firman Allah siang dan malam. Raja Daud sungguh mementingkan meditasi dan tidak akan membiarkan kelopakinya terlelap tanpa mencicipi kehadiran Allah kalau dia tidak bermeditasi. “Sesungguhnya aku tidak akan membiarkan mataku tidur atau membiarkan kelopak mataku terlelap, sampai aku mendapat tempat untuk TUHAN, kediaman untuk yang Maha Kuat dari Yakub” (Mazmur 132:5-6).

Wahai wanita, membaca firman Tuhan tanpa bermeditasinya ibarat mentari pada musim dingin yang tidak menghangatkan apalagi mencairkan hati kita. Betapa banyak wanita tidak mengalami transformasi kerana tidak mengundang meditasi melalui pintu pengertian dan pintu hatinya. Meditasi adalah seperti lelabah yang sedang berusaha menghisap madu yang manis dari bunga.

Kita mungkin banyak membaca firman Tuhan tetapi tidak mencernakannya dengan baik. Membaca firman Tuhan dan tidak bermeditasi serta berdoa atas firman Tuhan umpama seseorang yang makan tanpa mengunyah dan mencernakan apa yang dimakan. “Seorang mungkin membaca banyak tetapi tidak dapat mencernakannya dengan baik” (Richard Baxter).

Allah menasihati Yosua bukan sahaja untuk merenungi firman Tuhan tetapi juga berhati-hati bertindak menurutnya. Meditasi atas firman Tuhan mesti disertakan dengan usaha untuk hidup menurutnya dan melakukan sesuai dengan yang diperintahnya. Bermeditasi dan bertindak bersesuaian dengannya adalah seperti dua adik beradik yang akrab. “Intisari dari persiapan yang diperlukan untuk menyambut kekekalan adalah mempercayai apa yang disabdakan dalam Alkitab dan melakukan yang diperintahkan oleh Alkitab” (Thomas Chalmers).

Doa: O Allahku, aku tidak mahu seperti kayu basah yang tidak pernah dihangatkan oleh firman Tuhan kerana kurang merenungi firman-Mu.

## KETIKA DIKELILINGI MUSUH

Renungan: **Mazmur 3**

*Tetapi Engkau, TUHAN, adalah perisai yang melindungi aku,  
Engkaulah kemuliaanku dan yang mengangkat kepalaku.*

—Mazmur 3:4

Raja Daud dalam Mazmur ini mengalami penderitaan yang paling menyayat hati kerana anaknya sendiri, Absalom mengkhianatinya. Absalom telah memenangi hati rakyat dan menggulingkan bapanya dari takhta dan ingin membunuh bapanya sendiri! Yang melayaninya ketika dia menjadi raja, Ahitopel juga bersama Absalom melawan raja Daud dan ingin membinasa kerajaannya.

Musim sudah berganti, pendukung-pendukung berubah menjadi musuh yang bangkit menyerang raja Daud. “Ya TUHAN, betapa banyaknya lawanku! Banyak orang yang bangkit menyerang aku” (Mazmur 3:2). Raja Daud naik ke gunung, menangi kerana anaknya sendiri melawannya dan rakyat yang dilindunginya akan melawannya. Ahitopel yang berperanan sebagai penyambung lidah baginya pun melawannya sehingga raja Daud mengatakan, “banyak orang yang berkata tentang aku: “Baginya tidak ada pertolongan daripada Allah” (Mazmur 3:3).

Dalam keadaan seperti ini, hanya satu yang setia, Allah yang mengangkat dia daripada tempat penggembalaannya dan menobatnya menjadi raja. Allah yang setia menjadi perisai pada saat yang gelap ini, dan ketika yang paling dekat dengannya tidak boleh dipercayai. Bagi raja Daud yang arif dalam bidang ketenteraan, dia tahu Allah adalah perisai, kubu pertahanan tanduk keselamatan dan kota benteng sekalipun maut mendekati ambang pintunya (Mazmur 18:2; Mazmur 3:4).

Raja Daud kini sudah diragut dari segala kemuliaan yang pernah menjadi bahagiannya ketika menjadi raja tidak hampa. Dia tahu bukanlah takhta, rakyat mahupun tentera yang menjadi kemuliaannya tetapi Allah yang disembahnya. “Engkaulah kemuliaanku dan yang mengangkat kepalaku” (Mazmur 3:4b).

Daud menangis dan berseru dengan lantang serta mengalami penghiburan daripada TUHAN yang Maha Kuat. “Dengan nyaring aku berseru kepada TUHAN, dan Dia menjawab aku dari gunung-Nya yang kudus” (Mazmur 3:5). Keadaan belum berubah tetapi yang penting raja Daud mengalami kehadiran TUHAN pada saat yang ngeri dan sedih. Dengan penuh ketenangan dan beriman, raja Daud tetap baring untuk tidur sekalipun dikepung oleh musuh-musuhnya (Mazmur 3:6). Dengan Allah sebagai perisai, Daud tahu dia dilindungi pada saat ini.

Doa: Kuserahkan segala ketakutan kepada Allah yang menjadi perisaiku ketika musuh menyerang.

## CURAHAN ROH KUDUS

Renungan: **Yoel 2:28**

*Tetapi Musa berkata kepadanya: “Apakah engkau begitu giat mendukung dirimu? Ah, kalau seluruh umat TUHAN menjadi nabi, oleh kerana Tuhan memberi Roh-Nya hinggap kepada mereka!” — Bilangan 11:29*

Tentu pada zaman Musa, setiap umat Tuhan rindu kalau Roh Kudus dapat hinggap ke atas mereka. Semua nabi juga berharap begitu kerana hanya Roh Kudus dapat menulis firman Tuhan dalam batin pendengar-pendengarnya. Nabi-nabi sering berkhotbah, akan tetapi umat Tuhan tetap berhati batu. Yehezkiel berkhotbah kepada orang seperti kalajenking, onak duri, atau tulang kering.

Raja-raja yang seharusnya diurapi Roh Kudus mengecewakan kerana hanya sebilangan kecil mereka diurapi. Pada mula-mulanya, Roh Kudus hinggap pada Raja Saul dan telah bersiap menolong dia memerintah negara Israel menurut kehendak Tuhan. “Maka Roh Tuhan akan berkuasa atasmu; engkau akan kepenuhan bersama-sama dengan mereka dan berubah menjadi manusia lain” (1 Samuel 10:6). Raja Saul yang tidak rela mengikut jalan Tuhan telah menyebabkan Roh Kudus meninggalkannya (1 Samuel 16:14).

Roh Kudus mengurapi Raja Daud sehingga dia memerintah dengan baik, “Samuel mengambil tabung tanduk yang berisi minyak itu dan mengurapi Daud di tengah-tengah saudara-saudaranya. Sejak hari itu dan seterusnya berkuasalah Roh Tuhan atas Daud. Lalu berangkatlah Samuel menuju Rama” (1 Samuel 16:13).

Kebanyakan raja menyembah Baal dan memeraskan rakyat mereka. Mereka seperti gembala yang makan domba. Yehezkiel menjanjikan Gembala Agung iaitu Tuhan Yesus untuk umat Tuhan pada suatu hari. Yesaya bernubuat tunas akan bertumbuh daripada tunas Yesse. Gembala Agung yang dijanjikan ini diurapi dan dipenuhi dengan Roh Kudus.

“Suatu tunas akan keluar dari tunggul Isai,  
Dan taruk yang akan tumbuh dari pangkalnya akan berbuah.  
Roh TUHAN akan ada padanya, roh hikmat dan pengertian,  
Roh nasihat dan keperkasaan, roh pengenalan dan takut akan  
Tuhan” (Yesaya 11:1-2).

Kemudian, Roh Kudus ini sudah dicurahkan kepada gereja awal selepas Tuhan Yesus kembali. Kita mesti memastikan diri kita dipenuhi Roh Kudusnya agar firman Tuhan dapat ditulis dalam hati sehingga kita menurut segala perintah-Nya (Kisah Para Rasul 2:17-19; Yoel 2:28).

Doa: Roh Kudus, aku ingin mazbah hatiku dan keluargaku  
dipenuhi kehangatan Roh Kudus.

## PERSAHABATAN

Renungan: **1 Samuel 18:1-4**

*Ketika Daud habis berbicara dengan Saul, berpadulah jiwa Yonatan dengan jiwa Daud; dan Yonatan mengasihi dia seperti jiwanya sendiri. —1 Samuel 18:1*

Pernahkah anda bertemu dua orang daripada latarbelakang yang sangat berbeza tetapi bersahabat akrab? Yonatan dan Daud memberi kita ilham tentang persahabatan sejati. Yonatan merupakan putra mahkota raja Saul yang tunggal. Dia pewaris dan mempunyai kelayakan tinggi menjadi raja kerana sebagai pahlawan, dia gagah perkasa (2 Samuel 1:22).

Daud merupakan anak bongsu Isai yang berasal daripada suku Yehuda yang tidak terlalu dikenali. Daud tidak segagah perkasa abang-abangnya dan tanggungjawabnya mengembalakan sekawanan domba (1 Samuel 16:6-11). Dia berasal daripada latar belakang sederhana namun Tuhan telah memilihnya. Dengan berani, dia membunuh Goliat dan menewaskan musuh Filistin kerana imannya.

Yonatan memancarkan kemurahan hati seorang sahabat yang rela membahagikan kemewahan hidup. Baju gembala Daud digantikannya dengan jubah, beg gembala digantikan dengan panah dan ikat pinggangnya. Dia melihat kawan ini berpotensi menjadi askar hebat. “Yonatan menanggalkan jubah yang dipakainya, dan memberikannya kepada Daud, juga baju perangnya, sampai pedangnya, panahnya dan ikat pinggangnya” (1 Samuel 18:4).

Kebencian ayahnya, Raja Saul terhadap Daud tidak dapat memisahkan mereka. “Seorang sahabat menaruh kasih setiap waktu, dan menjadi seorang saudara dalam kesukaran” (Amsal 17:17). Sebaliknya, Yonatan berusaha memberi nasihat yang baik kepada ayahnya. “Janganlah raja berbuat dosa terhadap Daud, hambanya, sebab dia tidak berbuat dosa terhadapmu, bukankah apa yang diperbuatnya sangat baik bagimu!” (1 Samuel 19:4b).

Yonatan berusaha melindungi Daud sewaktu nyawanya terancam oleh ayahnya, Raja Saul. Dia telah bersepakat agar Daud menyembunyikan diri lantas dia memberitahu ayahnya bahawa Daud sudah pulang ke kampungnya (1 Samuel 20:6). Dia tidak melihatnya sebagai kesempatan menghapuskan pesaing takhta putera mahkotanya.

Wanita, jangan kita menjalin persahabatan kerana kita berharap keuntungan daripada sahabat kita. Adakah kita lebih berfikir bagaimana kita dapat menolong sahabat kita untuk mencapai keunggulannya sebagai wanita yang berkenan kepada Tuhan?

Doa: Bapa Maha Kasih, ajari aku mengasihi sahabat dengan ikhlas dan menolong mereka bersinar bagi Engkau.

## KEPALSUAN YANG MERUGIKAN

Renungan: **Yohanes 12:1-8**

*Hal itu dikatakannya bukan kerana dia memperhatikan nasib orang-orang miskin, melainkan kerana dia adalah seorang pencuri; dia sering mengambil wang yang disimpan dalam kas yang dipegangnya.*

— Yohanes 12:6

Yudas mencirikan sifat manusia yang suka hidup dalam kepalsuan. Dia murid yang sah dan dipilih Tuhan Yesus dari kota Keriot di Yehuda setelah Dia banyak berdoa. Yudas yang selalu melayani bersama Tuhan Yesus dan para murid-Nya tidak pernah menghargai kasih Tuhan Yesus dan menyimpan satu kepalsuan yang besar. Hatinya memang tidak pernah menyembah Tuhan Yesus bahkan dianggapnya perbuatan Maria mengurapi kaki Tuhan Yesus dengan minyak Narwastu itu pemborosan wang (Yohanes 12:1-8).

Yudas pandai berpura-pura mengasihi orang yang miskin dan berkata alangkah baiknya kalau wang ini dapat diberikan kepada mereka. Di sebalik ini hanya suatu kepalsuan besar, kerana kalau lebih banyak wang dapat masuk tas, lebih banyak dicurinya (Yohanes 12:6). Jiwanya sudah membusuk tetapi mulutnya sungguh manis dan berpura-pura. Kemunafikannya tidak ternampak kerana mulutnya pandai mengoles yang indah.

Yudas tidak menganggap nilai diri dan ketuluskan diri sebagai satu aspek penting dalam sifatnya. Asal keuntungan diri dan kepentingan diri dipertahankan, kerugian betapa besar terhadap orang lain pun tidak menjadi kisah. Orang yang terdekat dengan dirinya pun akan dirugikan demi kepentingan diri.

Tuhan Yesus yang mengasihinya pun dijual kepada musuh-musuh mereka demi wang. Sekalipun dia menyesal, dia tidak mahu bertaubat dan memulakan perjalanan yang baru (Matius 27). Dia memilih jalan maut dengan membunuh diri kerana dia tidak pernah mengasihi diri. Nyawa sendiri pun dianggap murah sahaja dan boleh ditamatkan.

Wanita, sesetengah orang akan hidup dalam kepalsuan seumur hidup mereka. Namanya anak Tuhan tetapi hati mereka tidak pernah mengasihi-Nya dan tidak pernah menghargai penebusan yang dilakukan Tuhan Yesus. Kebaikan mereka kepada orang lain pun ada udang di sebalik batu. Mereka tidak pernah menghargai kebaikan orang yang berbuat baik kepadanya mahupun anugerah Allah dalam hidupnya.

Doa: Allahku, aku ingin memupuk ketulusan dan kasih terhadap Diri-Mu, diriku, dan sesama manusia.

## RAJA MENJADI HAMBAA

Renungan: **Yesaya 9:5; Wahyu 8:1-2; Filipi 2:5-7**

*Yang walaupun dalam rupa Allah, tidak menganggap kesetaraan dengan Allah itu sebagai milik yang harus dipertahankan, melainkan telah mengosongkan diri-Nya sendiri, dan mengambil rupa seorang hamba, dan menjadi sama dengan manusia.*

—Filipi 2:6-7

Yesus disebut Pencipta dalam Kitab Ibrani, "...Oleh Dia Allah telah menjadikan alam semesta" (Ibrani 1:2). Dapatkah anda bayangkan Pencipta langit dan bumi bersedia mengambil rupa seorang hamba?

Yesaya menyebut Dia sebagai Raja Damai, Allah perkasa, Bapa kekal, Penasihat Ajaib. Kitab Wahyu menceritakan empat makhluk bersujud menyembah Yesus, dua puluh empat ketua, dan berlaksa-laksa malaikat, malahan dikatakan bahwa semua makhluk yang di bumi dan di bawah bumi, dan di syurga semuanya bersembah sujud di kaki Yesus. Dalam Kitab Mazmur 2, para raja dan hakim disuruh beribadah dengan takut akan Tuhan dan mencium kaki-Nya dengan gemetar. "Beribadah kepada Tuhan dengan takut dan ciumlah kaki-Nya dengan gemetar (Mazmur 2:11).

Lihat perbezaan ketara pelukisan Tuhan Yesus dalam kitab Filipi. Tuhan Yesus, Raja di atas segala raja itu, yang berkuasa mutlak, mengambil rupa seorang hamba. Dia melayani dengan rendah hati dalam kalangan manusia, dan tidak menekankan hak-Nya dilayani sebagai Raja di atas segala raja. Mesias tidak malu mengambil peranan sebagai tukang kayu dari Nazaret dan anak Yusuf yang miskin.

Sikap Tuhan Yesus berbeza dengan para pengikut-Nya yang mementingkan kebesaran sewaktu melayani. Walaupun Tuhan Yesus sudah mengadakan perjamuan kudus bersama mereka; mereka masih tidak memahami ertinya Tuhan Yesus datang mengosongkan Diri sehingga rela mati di kayu salib. Sebaliknya, mereka bertengkar siapa yang terbesar di antara mereka. Tuhan Yesus dengan tegas bersabda, "Sebab siapakah yang lebih besar: yang duduk makan, atau yang melayani? Bukankah dia yang duduk makan? Tetapi Aku ada di tengah-tengah kamu sebagai pelayan?" (Lukas 22:27).

Berilah aku tempat yang paling rendah  
 Aku tidak mahu tempat yang tinggi  
 Tempat yang lebih rendah  
 Agar aku boleh melihat wajah mulia-Mu  
 Berilah aku tempat yang paling rendah  
 Agar Allah ditinggikan dan disembah

Doa: Biarlah aku melihat teladan-Mu yang mengosongkan Diri-Mu dan merendahkan Diri bahkan mati di kayu salib.

## FRANCES RIDLEY HAVERGAL

Renungan: **Mazmur 34:1-4**

*Hatiku meluap dengan kata-kata indah, aku ingin menyampaikan  
sajakku kepada raja; lidahku ialah pena seorang jurutulis yang mahir.  
—Mazmur 45:1*

Ambil hidupku, biar aku menjadi persembahan-Mu  
Ambil tanganku dan gerakannya  
Menurut nadi kasih-Mu  
Menurut nadi kasih-Mu

Ambil kakiku dan jadikannya  
Cepat dan indah bagi-Mu  
Ambil suaraku dan biarku nyanyi  
Selalu untuk Rajaku (Frances Ridley Havergal, 1836-1879)

Bagi Frances menulis seperti berdoa kerana setiap gerakan kemahiran menulis sajak itu hasil nadi kasih-Nya. Saat menulis lagu mahupun renungan, Frances Ridley Havergal merasa seperti kembali ke sekolah rendah. Setiap ayat harus dibimbing oleh Allah yang menggerakkan jejaringnya. "Saya akan bertanya, apakah yang harus saya tulis selanjutnya? Itulah yang persis saya lakukan," katanya.

Bagi Frances yang berasal dari Worcestershire, England, kemahiran menulis bermula sejak dia masih seorang anak. Dia menyimpan sebuah buku catatan sejak kecil, dan selalu menulis kalau Tuhan menyentuh hatinya. Kemahiran menulis membual seperti sungai mulia yang mengalir dengan dalam apabila dia menyerahkan diri sepenuhnya kepada Tuhan.

Dia percaya setiap anak Tuhan harus tetap berenang dalam sungai mulia dan menyambut penyucian daripada pancuran air Tuhan. Kehidupannya yang mengalir dengan mendalam bersama sungai mulia terbukti dalam karya buku renungannya, "Kept for the Master's Use" dan "Royal Bounty." Walaupun tubuh wanita ini sering sakit, tetap sungai mulia mengalir.

Seperti sungai mulia  
damai Tuhan yang sempurna  
Semakin menang  
Semakin kuat pembualannya  
Sempurna ia mengalir  
Lebih penuh tiap hari  
Sempurna ia membual  
Lebih dalam sepanjangnya... (Frances Havergal)

Doa: Tuhan, biar sungai mulia-Mu mengalir dengan lebih mendalam  
dalam diriku.

## TIGA CINCIN KEBAHAGIAAN

Renungan: **1 Tesalonika 5:16-18**

*"Bersukacitalah senantiasa. Tetaplah berdoa. Mengucap syukurlah dalam segala hal, sebab itulah yang dikehendaki Allah di dalam Kristus Yesus bagi kamu." —1 Tesalonika 5:16-18*



ik Eugenia memiliki tiga cincin yang berharga. Dia bergaya sekali sewaktu menurunkan tandatangannya kerana sinaran cincin permata zamrud menarik perhatian. Cincin safir, rubi dan permata zamrud tidak dapat dibandingkan tiga cincin ilahi. Tiga cincin kebahagiaan yang harus disarungi oleh setiap wanita ialah sukacita, doa, dan ucapan syukur dalam segala hal.

Kalau cincin sukacita tidak disarungi, wanita pasti berwajah cemberut bagai asam kecut. Fikiran kita akan dipenuhi keraguan akan kebaikan Tuhan. Sukacita yang paling sejati berasal daripada sukacita Roh Kudus. "Tetapi buah Roh ialah: kasih, sukacita, damai sejahtera, kesabaran, kemurahan, kebaikan, kesetiaan" (Galatia 5:22). Rasul Paulus ingin kita bersukacita selalu, "Bersukacitalah senantiasa dalam TUHAN! Sekali lagi kukata: Bersukacitalah!" (Filipi 4:4).

Cincin doa perlu disarungi selalu kerana tanpa doa kita tidak dapat bersekutu dengan Allah. Obor hati kita tidak dapat dihangatkan dengan kehadiran-Nya tanpa doa. "Orang Kristian yang tidak berdoa adalah seperti manusia yang tidak memiliki nafas," kata Matthew Henry. William Law berkata, "Dia yang belajar berdoa telah belajar rahsia kehidupan yang suci dan bahagia."

Cincin ucapan syukur akan mengubah sikap kita sehingga kita tidak mencari-cari kekurangan dalam setiap situasi. Sikap mengucap syukur dalam segala hal akan membentasi sikap buruk yang selalu tidak puas atas segala hal. Wanita yang memakai cincin ucapan syukur akan mengucapkan syukur seandainya dia hanya disaji ikan bilis dengan tempe sambal sahaja.

Anda bertanya bagaimana kita dapat mengucapkan syukur kalau banyak penderitaan sepanjang hidupku? Sherwood Wirt berkata, "Tuhan Yesus melihat keburukan dengan jelas, tetapi Dia melihat ganjaran tugas-Nya yang sulit. Dia akan dipulihkan ke tempat-Nya yang sah di tengah-tengah sukacita, dan muzik dan gelak tawa di syurga." Jadi, "Marilah kita melakukannya dengan mata yang tertuju kepada Yesus, yang memimpin kita dalam iman, dan yang membawa iman kita itu kepada kesempurnaan, yang mengabaikan kehinaan tekun memikul salib ganti sukacita yang disediakan bagi Dia, yang sekarang duduk di sebelah kanan takhta Allah" (Ibrani 12:2).

Doa: Allahku, aku ingin selalu bersukacita, berdoa dan bersyukur selalu kerana sumber kebahagiaanku berasal daripada Engkau.

## SEPERTI SAHABATKU

Renungan: **Yohanes 15:14-17**

*Kamu adalah sahabat-Ku, jikalau kamu berbuat apa yang Kuperintahkan kepadamu.  
— Yohanes 15:14*

**S**aat seorang wanita menjalin persahabatan dengan Tuhan Yesus, dia akan menurut dan mengikut Sahabatnya.

Sahabat sering bersukacita atas hal yang sama. Apa yang akan membuat Kristus Yesus gembira, itu jugalah yang akan membuat kita gembira. Tuhan Yesus akan merasa sukacita ketika melihat orang membaca firman-Nya dan menyimpan dalam hati sehingga menghasilkan buahnya. “Yang jatuh di tanah yang baik itu ialah orang, yang setelah mendengar firman itu, menyimpannya dalam hati yang baik dan mengeluarkan buah dalam ketekunan” (Lukas 8:15). Hal ini juga menggembirakan kita apabila kita mengajar seseorang membaca firman Tuhan dan berbuah.

Dia akan bergembira dengan pertaubatan orang yang berdosa. Sewaktu Zakeus bertaubat, dia berkata, “Hari ini telah terjadi keselamatan kepada rumah ini, kerana orang ini pun anak Abraham. Sebab Anak Manusia datang untuk mencari dan menyelamatkan yang hilang” (Lukas 19:9). Apabila seseorang bertaubat, kita akan mengalami kegembiraan syurgawi.

Kita akan turut berdukacita dengan apa yang menduka hati Kristus. Dia berdukacita dengan angkatan generasi yang hanya mementingkan kedangkalan dan mukjizat tanpa ada hati untuk Allah. “Maka mengeluhlah Dia dalam hati-Nya dan berkata: Mengapa angkatan ini meminta tanda? Aku berkata kepadamu, sesungguhnya kepada angkatan ini sekali-kali tidak akan diberi tanda” (Markus 8:12). Sebagai sahabat kita juga berdukacita kerana generasi yang dangkal iman.

Kebencian-Nya menjadi kebencian kita juga. Tuhan Kristus benci segala kepalsuan beribadah khususnya orang yang tampil rohani tetapi tangannya kotor. Camkan nada kebencian Tuhan Yesus, “Celakalah engkau Khorazim! Celakalah engkau Betsaida! Kerana jika di Tirus dan di Sidon terjadi mukzijat-mukzijat yang telah terjadi di tengah-tengah kamu, sudah lama mereka bertaubat dan berkabung” (Matius 11:21). Bencikah kita kalau ibadah kita palsu dan disaluti kemunafikan?

Kawan-Nya akan menjadi kawan kita. Tuhan Yesus pernah memberitahu kita bahawa, “Kamu adalah sahabat-Ku jikalau kamu berbuat apa yang kuperintahkan kepadamu” (Yohanes 15:14). Jadi sesiapa yang menjunjung firman Tuhan dan menerapkannya boleh menjadi kawan kita.

Doa: Allah yang kusembah, aku ingin menyembah Diri-Mu dan mengikut setiap nadi Sahabat ilahiku.

## AMY CARMICHEAL SETIA

Renungan: **1 Samuel 17:37-45**

*Pula kata Daud: "Tuhan yang telah melepaskan aku dari cakar singa dan dari cakar beruang. Dia juga akan melepaskan aku dari tangan orang Filistin itu." Kata Saul kepada Daud: "Pergilah! TUHAN menyertai engkau." —1 Samuel 17: 37*



kawanku, wanita yang dipakai Allah biasanya pernah melayani dalam pelayanan kecil dengan setia. Kepekaan terhadap selok belok pernyataan dan bimbingan Allah hanya dapat dipupuk melalui suatu jangka waktu melalui pelbagai pelayanan.

Walaupun Daud masih muda, dia sudah memperoleh pengalamannya melalui pelayanannya sebagai gembala. Sewaktu musuh yang jauh lebih besar tampil di depan Daud, dia sudah pernah berhadapan dengan cakaran singa dan mengalami kehadiran Allah. "Tuhan yang telah melepaskan aku dari cakar singa dan dari cakar beruang. Dia juga akan melepaskan aku dari tangan orang Filistin itu..." (1 Samuel 17:37). Dia tidak bersandar pada ketopong tembaga, ataupun baju zirah (1 Samuel 17:38). Peralatan yang canggih tidak dapat dibandingkan dengan kuasa Allah yang pernah dialaminya (1 Samuel 17:45).

Demikian juga, Amy Carmicheal dilahirkan pada Disember 16, 1867, telah memulakan satu pelayanan untuk pekerja kilang di gerejanya. Ajaib, pelayanannya menjadi terlalu besar sehingga dia mesti memulakan satu pelayanan khusus untuk melayani gadis-gadis di kilang. Dengan beriman, dia mempercayai Allah akan mencukupi segala keperluan dana dalam pelayanan termasuk membangun satu bangunan. Seumur hidupnya Allah menggunakan dia untuk melayani orang yang terpinggir.

Di negara India, Amy Carmicheal dikenali sebagai "Amma" dalam bahasa Tamil bererti ibu. Mukjizat pelayanannya di India bermula pada Maret 6, 1901 ketika seorang gadis bernama Preena yang baru berumur tujuh tahun berlari ke rumah misinya untuk meminta perlindungan. Amy terkejut bahawa ibu bapa akan menjual anak-anak perempuan mereka kepada pelbagai dewa untuk menjadi pelacur di kuil. Amy begitu bersimpati dengan nasib gadis-gadis ini, dia berjuang untuk menyelamatkan mereka di Dohanavur.

Dia berjuang dengan terlebih dahulu berlutut dan melawan ikatan-ikatan iblis. Banyak kali dia membahayakan nyawanya dan masuk ke dalam kuil untuk menyelamatkan budak-budak lelaki yang dijual kepada dewa-dewa kuil.

---

Doa: Allahku, ajarlah aku setia dalam semua pelayanan kecil agar aku memperoleh pengalaman untuk menerima pelayanan yang besar.

## KEKECEWAAN

Renungan: **Efesus 3:14-19**

*Aku berdoa supaya Dia, menurut kekayaan kemuliaan-Nya,  
menguatkan dan meneguhkan kamu oleh Roh-Nya  
di dalam batinmu. —Efesus 3:16*



wanita yang dikasihi Allah, kekecewaan dapat perlahan-lahan meragut batin kita dan memeras tenaga kita sehingga kita tidak mampu menebarkan sayap kita.

Raja Daud pun pernah merasa tertekan juga dalam kehidupannya. Dia telah mencurahkan perasaannya dalam Mazmur, “Mengapa engkau tertekan, hai jiwaku, dan gelisah di dalam diriku?” (Mazmur 42:6a). Seruan pertolongan dinaikkan oleh Raja Daud kepada Allah Penolongnya. “Selamatkan aku, ya Allah, sebab air telah naik sampai ke leherku! (Mazmur 69:1). Dia merasa bagai tenggelam dalam rawa dan gelombang air.

Dalam keadaan seperti itu raja Daud tetap percaya kesetiaan Allah. “Tetapi aku, aku berdoa kepada-Mu, ya TUHAN, pada waktu Engkau berkenan, ya Allah; demi kasih setia-Mu yang besar jawablah aku dengan pertolongan-Mu yang setia!” (Mazmur 42:14). Juga, Raja Daud dalam keadaan ini hanya berharap kepada Allah. “Berharaplah kepada Allah! Sebab aku akan bersyukur lagi kepada-Nya, penolongku dan Allahku!” (Mazmur 42:6b).

Paulus yang menghadapi rintangan dalam pelayanannya tidak pernah tawar hati berbuat baik dalam pelayanannya. “Janganlah kita jemu-jemu berbuat baik, kerana apabila sudah datang waktunya, kita akan menuai, jika kita tidak menjadi lemah” (Galatia 6:9). Paulus yang banyak kali mengalami tekanan dalam pelayanannya memohon agar kita tidak tawar hati. “Sebab itu aku minta kepadamu, supaya kamu jangan tawar hati melihat kesesakanku kerana kamu kerana kesesakanku itu adalah kemuliaanmu” (Efesus 3:13).

Fred Smith berkata, “Saya percaya kita adalah rajawali yang didorong untuk berterbangan lebih tinggi lagi ketika kita paling kecewa.”

Tersulam rahmat dan damai  
Di tengah-tengah kekecewaan  
Demikianlah corak-Nya  
Setiap titisan dukacita  
Diubah-Nya menjadi kasih setia ilahi  
Aku puja Allah yang membimbingku  
Aku puji Allah yang merancang  
Kerana waktu sukacita pasti tiba

Doa: Bapa Syurgawi, kuatkan batinku agar aku tidak kecewa  
tetapi sebaliknya berterbangan tinggi seperti rajawali.

## PENGALAMAN TEROWONG

Renungan: **Roma 5:3-5**

*Siapa di antaramu yang takut akan TUHAN dan mendengarkan suara hamba-Nya? Jika dia hidup dalam kegelapan dan tidak ada cahaya bersinar baginya, baiklah dia percaya kepada nama TUHAN dan bersandar kepada Allahnya. — Yesaya 50:10*

A nak Tuhan yang berjalan dalam ketaatan kepada Tuhan pun pernah mengalami saat kegelapan bagai berjalan dalam terowong. John Bunyan dalam bukunya “Pilgrim’s Progress” menjelaskan melalui satu lembah gelap. Tempat ini sangat sepi, padang melantaranya penuh tanah gersang, tebing cerun, bayang-bayang maut, kemarau, dan tempat yang gelap gelita.”

John Bunyan berkata kalau seseorang berjalan melalui pengalaman ini, dia bagai berjalan dalam jalan yang sempit. Kalau dia tidak berhati-hati, dia akan jatuh ke dalam parit di kanannya, dan lubang lempur di kirinya. Yesaya menasihati kita yang berjalan dalam terowong untuk bersandar kepada Allah (Yesaya 50:10).

Yeremia yang mengalami banyak penderitaan dalam pelayanannya juga pernah mengalami saat terowong. Dia dilempar ke dalam perigi, dipukul oleh Pasyhur dan diancam maut. Dalam keadaan tertekan, dia berseru, “Ah, Tuhan ALLAH! Sesungguhnya, Engkaulah yang telah menjadikan langit dan bumi dengan kekuatan-Mu yang besar dan dengan lengan-Mu yang terentang. Tiada suatu apa pun yang mustahil untuk-Mu!” (Yeremia 32:17).

Pemazmur menantikan Allah dan bersukacita lagi. “Ya, kerana Dia hati kita bersukacita, sebab kepada nama-Nya yang kudus kita percaya. Kasih setia-Mu, ya TUHAN, kiranya menyertai kami, seperti kami berharap kepada-Mu” (Mazmur 33:21-22). Wanita, berharaplah kepada kasih setia Allah. Bersandarlah kepada Allah dan cahaya akan bersinar lagi.

Rasul Paulus dalam surat Rom berkata, “Dan bukan hanya itu saja. Kita malah bermegah juga dalam kesengsaraan kita, kerana kita tahu, bahawa kesengsaraan itu menimbulkan ketekunan dan ketekunan menimbulkan tahan uji dan tahan uji menimbulkan pengharapan. Dan pengharapan tidak mengecewakan, kerana kasih Allah telah dicurahkan di dalam hati kita oleh Roh Kudus yang telah dikaruniakan kepada kita. Dan pengharapan tidak mengecewakan, kerana kasih Allah telah dicurahkan di dalam hati kita oleh Roh Kudus yang telah dikaruniakan kepada kita” (Roma 5:3-5). “Kita memperoleh lebih banyak daripada Paulus sewaktu dia berada dalam penjara daripada kunjungannya ke syurga yang ketiga” (Andrew Bonar).

Doa: Allah, Pembimbing hidupku, ketika aku berjalan dalam terowong gelap, peganglah aku dan berilah sinaran-Mu.

## KECUAIAN DENGAN PERKATAAN

Renungan: **Amsal 10:19-20**

*Bibir orang benar menggembalakan banyak orang,  
tetapi orang bodoh mati kerana kurang akal budi.*

— *Amsal 10:21*

Seangkaian perkataan yang kita ucapkan boleh mendatangkan padah di luar dugaan kita. Kecuaian perkataan yang kita lontarkan kepada seorang anak boleh meresap ke dalam diri mereka. Emosi mereka terjejas sehingga menciptakan konsep diri yang bercela dan keliru.

“Awak sangat gemuk.”

“Awak sepatutnya dilahirkan sebagai lelaki kerana wajah dan tingkah laku awak memang lebih seperti lelaki.”

“Tomboy.”

“Si Pondan.”

Perkataan-perkataan yang disaluti anggapan salah akan melilit pertumbuhan seorang anak sehingga pengenalannya akan jantina sendiri menjadi keliru. Suara kebohongan semakin lantang apabila dia mendewasa, “Seharusnya aku menjadi seorang lelaki dan bukan perempuan.”

Rev. Tryphena Law yang mengetuai PLUC (*Pursuing Liberty Under Christ*) iaitu singkatan untuk mencari pembebasan dalam Kristus pernah tertusuk panah perkataan yang disaluti kebohongan besar. Dia menasihati, “Jangan mengambil ringan akan kesan pembinaasaan seperti perkataan “samseng” atau “pondan.” Saya merayu kepada orang dewasa agar berhati-hati dengan perkataan mereka khususnya dengan anak-anak. Berusahalah untuk memperkukuhkan identiti mereka dengan perkataan positif serta membina keyakinannya.”

Rev. Tryphena Law berkata, “Bapa memainkan teladan yang penting bagi seorang anak... banyak yang cinta sejenis datang daripada keluarga yang mempunyai ibu yang lebih menguasai dan bapa terlalu lemah, sering tidak berada di rumah atau tidak bertanggungjawab.” Namun menurutnya kadangkala homoseksualiti disebabkan oleh media dan pengaruh teman juga.

Apabila lingkungan gaulan remaja menerima perhubungan cinta sejenis, seorang anak mungkin terpengaruh.

Puji Tuhan. Rev. Tryphena yang dilepaskan daripada kebelengguan ini, dipanggil untuk menolong orang yang menghadapi masalah ini. Visi wanita yang ceria ini ialah memulihkan homoseksual dengan kuasa penyembuhan Tuhan Yesus.

Doa: Allahku, biarlah bibirku mengalir perkataan-perkataan yang boleh membangun identiti benar dalam anakk.

## KECONGKAKAN

Renungan: **Amsal 6:16-17**

*Takut akan TUHAN ialah membenci kejahatan; aku benci kepada kesombongan, kecongkakan, tingkah laku yang jahat, dan mulut yang tipu muslihat. —Amsal 8:13*

Wanita congkak merasa dirinya lebih tinggi dan lebih baik daripada orang lain. Tetapi Allah membenci kesombongan (Amsal 8:13). “Orang yang tinggi hati dan sombong, Aku tidak suka” (Mazmur 101:5); “Setiap orang yang tinggi hati adalah kekejian bagi Tuhan” (Amsal 16:5a). Kecongkakan wanita dalam hati sebenarnya adalah suatu pendewaan terhadap diri sendiri. Kesombongan dijelaskan sebagai dosa yang pertama dalam urutan tujuh dosa yang lain dalam Amsal 6.

Keruntuhan menara Babel disebabkan penduduk ingin mencari nama bagi diri sendiri dan puncaknya-kecongkakan diri. Mereka berkata, “Marilah kita dirikan bagi kita sebuah kota dengan sebuah menara yang puncaknya sampai ke langit, dan marilah kita cari nama, supaya kita jangan terserak ke seluruh bumi” (Kejadian 11:4). Nebukadnezar yang telah meninggikan diri telah direndahkan dan segala kecongkakannya dihancurkan oleh Tuhan. Raja ini berkata kepada diri sendiri, “Bukankah itu Babel yang besar itu, yang dengan kekuatan kuasaku dan untuk kemuliaan kebesaranku telah kubangun menjadi kota kerajaan” (Daniel 4:30).

Sebelum raja ini habis bercakap, suatu suara terdengar dari langit, “engkau akan dihalau dari antara manusia dan tempat tinggalmu akan ada di antara binatang-binatang di padang; kepadamu akan diberikan makanan rumput seperti kepada lembu; dan demikianlah akan berlaku atasmu sampai tujuh masa berlalu, hingga engkau mengakui, bahawa Yang Maha Tinggi berkuasa atas kerajaan manusia dan memberikannya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya!” (Daniel 4:32).

Herodes yang congkak menyamakan dirinya sebagai Allah telah ditampar malaikat Tuhan. “Dan pada suatu hari yang ditentukan, Herodes mengenakan pakaian kerajaan, lalu duduk di atas takhta dan berpidato kepada mereka. Dan rakyatnya bersorak membalasnya: “Ini suara allah dan bukan suara manusia!” Dan seketika itu juga dia ditampar malaikat Tuhan kerana dia tidak memberi hormat kepada Allah; dia mati dimakan cacing-cacing” (Kisah Para Rasul 12: 21-23).

Negara Tirus yang membanggakan diri dan menyanyi lagi keangkuhan akan ditampar dengan lagu ratapan oleh Allah. Mereka akan mengalami padahnya dan kebinasaan kapal yang maha indah ini akan menyebabkan pelaut berteriak dalam ketakutan” (Yehezkiel 27:28).

Doa: Tuhan Yesus, aku mahu selalu melayani Engkau dengan rendah hati kerana segala kemuliaan diberikan kepada Allah.

## PERMATA YANG JARANG

Renungan: **Yesaya 54:11-12; Yeremia 18**

*Aku akan membuat kemuncak-kemuncak tembokmu daripada batu delima, pintu-pintu gerbangmu daripada batu manikam merah dan segenap tembok perbatasanmu daripada batu permata. — Yesaya 54:12*

Sejak zaman dahulu wanita suka akan permata sebagai perhiasan yang berharga. Pada zaman silam permata memang lambang kemuliaan, kekayaan dan keagungan bagi sesetengah wanita. Permata sangat berharga kerana proses pembentukannya memakan berjuta-juta tahun dalam bumi dan suhu tekanan yang luarbiasa. Kalau permata itu dipotong dan dicanai teliti, batunya akan memantul kilauan dan cahaya pelangi. Jelas, permata lebih cantik, lebih tahan lasak, sukar ditemui, harganya mahal, dan pantulan cahayanya jauh lebih indah.

Dalam bukunya “Hinds Feet on High Places” penulis Hannah Hurnard menggambarkan proses pembuatan permata indah oleh Pencipta. “Yang terakhir, dia membimbing aku melalui sebuah tangga ke tingkat paling tinggi. Dalam bilik ini, tersedia sebuah tempat peleburan di mana emas dileburkan dan sanganya disingkirkan. Dalam peleburan itu terdapat beberapa batu kasar dan bebatu yang mengandungi kristal. Semua ini dimasukkan ke dalam peleburan bersuhu tinggi dan dibiarkan buat suatu jangka waktu. Apabila dikeluarkannya, O ternampak permata yang begitu mulia, berkilauan seakan-akan ada api yang menyala di tengah-tengahnya. Apabila seorang yang bernama “Sang Penakut” melihat api itu, dia berseru bahawa dia sedang melihat sesuatu yang terindah. Alkitab King James berbunyi, “Hai yang tertindas, yang dihantam angin badai, yang tidak dihiburkan! Sesungguhnya Aku akan meletakkan alasmu daripada bebatu yang berwarna indah, dan dasar-dasarmu daripada batu nilam” (Yesaya 54:11).

Jelas, saat-saat pembentukan oleh Allah memberi tekanan, tetapi Dia sedang meletakkan yang terindah dalam jiwa sehingga api sentuhan-Nya ternyala dalam hati kita. Sentuhan tangan pembentukan-Nya juga menjamin peletakan asas-asas yang bernilai dalam sifat seorang wanita.

Ketaatan dan kesabaran terhadap saat-saat pembentukan sangat diperlukan untuk menjamin kilauan pelangi. Wanita, Allah yang pernah berkata kepada umat Israel tentang pembentukan wajib ini, juga berkata kepada kita, “Masakan Aku tidak dapat bertindak kepada kamu seperti tukang periuk ini, hai kaum Israel! Demikianlah firman TUHAN. Sungguh, seperti tanah liat di tangan tukang periuk, demikianlah kamu di tangan-Ku, hai kaum Israel” (Yeremia 18:6).

Doa: Aku ingin menjadi permata-Mu yang istimewa; bentuklah aku sehingga aku memantul cahaya-Mu.

## HATI YANG TERTIKAM

Renungan: **Mazmur 77:1-20**

*Sudah lupakah Allah menaruh kasihan, dan ditutup-Nyakah rahmat-Nya kerana murka-Nya.  
—Mazmur 77:10*

**K**ecuriagaan Bavita terhadap Tuhan boleh diisamakan seperti Asaf, pemimpin biduan Mazmur. Minggu itu pelbagai masalah dan kesepian telah melandai kehidupannya. Dia mencurigai Tuhan telah melupakan dirinya sehingga dia terlantar dalam kesepian bagai musafir mendaki gunung dan terterpa angin kencang. Hatinya pilu ketika dia mencurigai tangan Tuhan yang Maha Kasih dan Maha Kuasa sudah berubah dalam kehidupannya.

Biduan Mazmur Asaf pernah merasa begitu dalam kehidupannya. Apabila perjalanan hidupnya diperhadapkan dengan kerikil-kerikil dia berseru, "Inilah yang menikam hatiku, bahawa tangan kanan yang Maha Tinggi berubah" (Mazmur 77:11). Perasaan tertikam hatinya berpunca daripada kecurigaan terhadap Tuhan. Dalam kesepiannya, dia ingat TUHAN sudah lupa akan dirinya. "Sudah lupakah Allah menaruh kasihan atau ditutup-Nyakah rahmat-Nya kerana murka-Nya?" Sela" (Mazmur 77:10).

Kecurigaan biduan Mazmur ini mulai digantikan dengan kepercayaan kepada TUHAN dan tangannya terulur kepada TUHAN, Gembalanya apabila dia duduk merenungi kebaikan Tuhan pada masa lampau. Biduan ini tidak tenggelam dalam perasaan mengasihani diri sendiri dan masalahnya. Dengan sengaja, dia mengimbas kembali tangan TUHAN yang mendatangkan mukjizat. Dengan lengan-Nya, Dia telah menebus biduan dan suku bani Yakub dan Yusuf (Mazmur 77:16). Dia teringat TUHAN berjalan melalui laut tanpa ada jejak (Mazmur 77:20).

Biduan ini mulai menyedari bahawa dia tidak bersendirian menempuh ombak-ombak kehidupannya. Matanya merenungi TUHAN yang Maha Kuasa, Penciptanya, yang hebat. "Awan-awan mencurahkan air, awan gemawan bergemuruh, bahkan anak-anak panah-Mu berterbangan" (Mazmur 77:18). Penciptanya yang hebat dan Maha Kuasa bukan sekadar hebat tetapi Dia juga Gembala yang hangat dan Maha Kasih. "Engkau telah menuntun umat-Mu seperti kawanan domba dengan perantaraan Musa dan Harun" (Mazmur 77:21).

Sewaktu Bavita melayang pandangannya kepada TUHAN seperti Asaf dan bukan kepada dirinya yang begitu kasihan; kehangatan dan kasih Gembala mengalir dalam hatinya sehingga hatinya tidak tertikam lagi dengan kecurigaan.

Doa: Bapa Syurgawi, matakul melayang kepada Engkau sahaja dan bukan pada diriku mahupun kerikil-kerikilku.

## YANG IKHLAS

Renungan: **Mazmur 78:68-72**

*Dia menggembalakan mereka dengan ketulusan hatinya, dan menuntun mereka dengan kecekapan tangannya.*

—Mazmur 78:72

Pada zaman dahulu, raja-raja atau pemimpin-pemimpin negara juga dianggap sebagai gembala. Mereka diharapkan menggembalakan rakyat mereka dengan penuh perhatian dan bukan menyembelih domba-dombanya (Yehezkiel 34). Mereka seharusnya mengikut teladan Gembala Agung seperti yang digambarkan Raja Daud, selalu memperhatikan kesejahteraan semua domba-Nya (Mazmur 23). Allah sungguh kecewa dengan pemimpin-pemimpin dan raja-raja yang mengambil kesempatan atas domba mereka untuk mengemukakan diri. Semua tanah dan harta milik dirampas bagi diri sendiri dan keluarga sendiri sehingga rakyat papa kedana.

Seorang pemimpin yang tulus akan memimpin dengan kemahiran yang mendatangkan kesejahteraan kepada yang miskin. Pemimpin yang beracun memusnahkan sehingga rakyatnya tiada masa depan lagi. Nabi Amos sangat marah dengan jenis pemimpin ini, “Sebab Aku tahu, bahawa perbuatanmu yang jahat banyak dan dosamu berjumlah besar, hai kamu yang menjadikan orang benar terjepit, yang menerima wang suap dan yang mengesampingkan orang miskin di pintu gerbang” (Amos 5:12). “Sebab itu, kerana kamu menginjak-injak orang yang lemah dan mengambil pajak gandum daripadanya...” (Amos 5:11).

Allah telah memilih Raja Daud sebagai gembala kerana Dia tahu raja ini akan menggembalakan domba-dombanya dengan ketulusan hati. Dia melebarkan kerajaan Israel dan mengalahkan musuh-musuh kerajaan-Nya. Raja Daud bukan seperti raja lain yang merampas sehingga rakyat hidup hancur lebur. Akibat kesungguhan Daud dan kesolehannya, Allah telah memilih Yehuda untuk membangun bait suci-Nya. “Dia membangun tempat kudus-Nya setinggi langit, laksana bumi yang didasarkan-Nya untuk selama-lamanya” (Mazmur 78:69).

Wanita, sewaktu Allah memilih anda menjadi pemimpin dalam gereja mahupun dalam masyarakat, adakah anda dengan ikhlas ingin mendatangkan kerajaan Allah di bumi dengan keadilan dan kebaikan? Bolehkah anda meletakkan kesejahteraan dan kemuliaan diri di tempat yang paling rendah dan mementingkan kemuliaan Allah dan kesejahteraan domba-domba-Nya? Pemimpin yang ikhlas akan selalu membenci yang jahat, cintai yang baik dan tegakkan keadilan di pintu gerbangnya (Amos 5:15).

Doa: Allah, Gembala Agung, kami berdoa Engkau akan memberi kami gembala-gembala yang baik yang memerhatikan domba-domba.

## KASIH YANG KEKAL

Renungan: **2 Korintus 5:14,15**

*Dari jauh TUHAN menampakkan diri kepadanya: Aku mengasihi engkau dengan kasih yang kekal, sebab itu Aku melanjutkan kasih setia itu kepadamu. — Yeremia 31:3*

Pautan kasih, itulah kasih Tuhan Yesus Kristus yang abadi terhadap kita sejak jauh lagi sungguh ajaib. Untuk umat Tuhan yang hidup dalam kehampaan, Yeremia menghibur hati mereka bahawa Allah mengasihi mereka dengan kasih yang kekal. Malam akan datang kepada negara ini namun Allah sudah menampakkan kasih-Nya dari jauh lagi. “Dari jauh TUHAN menampakkan diri kepadanya: Aku mengasihi engkau dengan kasih yang kekal, sebab itu Aku melanjutkan kasih setia itu kepadamu” (Yeremia 31:3).

Kasih Tuhan sudah dinampakkan jauh-jauh lagi kepada kita. Sejak Adam dan Hawa jatuh dalam dosa, dari jauh, Allah menampakkan kasih-Nya dan merancangkan Juruselamat yang akan datang kepada manusia. “Aku akan mengadakan permusuhan antara engkau dan perempuan itu, antara keturunanmu dan keturunannya; keturunannya akan meremukkan kepalamu, dan engkau akan meremukkan tumitnya” (Kejadian 3:15).

Allah bersabda kepada Yesaya dan memberitahu rahsia terbesar serta menampakkan kasih-Nya kepada umat manusia dari jauh lagi. “Sebab seorang anak telah lahir untuk kita, seorang putera telah diberikan untuk kita; lambang pemerintahan ada di atas bahunya, dan namanya disebutkan orang: Penasihat Ajaib, Allah yang perkasa, Bapa yang kekal, Raja Damai. Besar kekuasaannya dan damai sejahtera tidak akan berkesudahan, kerana Dia mendasarkan dan mengukuhkan dengan keadilan dan kebenaran dari sekarang sampai selama-lamanya. Kecemburuan TUHAN semesta alam akan melakukan hal ini” (Yesaya 9:5-6).

“Kasih yang Maha Esa dari kekekalan ke kekekalan, tanpa terbatas waktu — berkekalan selama-lamanya. Kasih mahluk hanya kelmarin dan akan melenyap esok, kering bagai sungai pada musim panas, kering apabila diperlukan. Tetapi kasih Tuhan bagai daripada ais gunung batu ais yang menjulang. Kita boleh mengetahui kehangatannya sewaktu Juruselamat berdoa: Biarlah kasih yang Engkau curahkan kepadaku juga berada dalam mereka.” (John Mac Duff, 1850)


“Betapa berharganya kasih setia-Mu, ya Allah! Anak-anak manusia berlingung dalam naungan sayap-Mu” (Mazmur 36:8). Wanita, Allah sudah menampakkan kasih-Nya kepada anda sejak jauh lagi dan tidak pernah berubah kasih setia-Nya dalam setiap perubahan hidup.

Doa: Allah yang kukasihi, aku sujud menyembah Engkau yang mengasihi aku sejak dari jauh lagi.

## SEMAKIN MANIS

Renungan: **Mazmur 92:13-15**

*Pada masa tua pun mereka masih berbuah menjadi gemuk dan segar, untuk memberitakan, bahawa TUHAN itu benar, bahawa Dia gunung batu tidak ada kecurangan pada-Nya. —Mazmur 92:15-16*

 semakin manis tahun-tahun berlalu  
 Lebih kaya  
 Lebih penuh

Lebih dalam

Kasih Yesus semakin manis

Semakin manis tahun-tahun berlalu (Lelia N. Morris)

Bagi anak Allah yang mengasihi TUHAN, semakin tahun-tahun beredar, persekutuan dengan Allah bertambah semakin manis. Kesedaran mereka akan kasih Tuhan, kekayaan pengalaman mereka, dan juga keajaiban Allah dalam kehidupan doa mereka boleh dijadikan kesaksian. “Orang benar akan bertunas seperti pohon kurma, akan tumbuh subur seperti pohon aras di Libanon; mereka yang ditanam di bait TUHAN akan bertunas di pelataran Allah kita” (Mazmur 92:13-14).

Libanon merupakan tempat yang subur pada zaman itu. Air dan hujan yang sering membasahi membuat tempat ini terkenal untuk hutan yang subur. Selain itu, kawasan ini subur untuk tanaman aprikot, anggur, buah zaitun, pohon kurma, pohon aras, dan jagung. Selain itu, kesuburannya juga menyebabkan pohon Cedar yang harum bertumbuh megah dan ranting-ranting merambak. Kesuburan Libanon yang sering dibincangkan dalam Alkitab dan pohon-pohon di sini melambangkan kekuatan. Pohon-pohon buahnya termasyhur pada zaman itu (Mazmur 72:16; Hosea 14:5-7).

Demikian juga, wanita yang berjalan dengan Allah semakin berbuah dan bertunas pada waktu tua.

Puan Lelia Morris pekerja aktif gereja Methodist tetap menulis lagu-lagu rohani selama 15 tahun terakhir hidupnya walaupun dia menjadi buta apabila usia meningkat 50-an. “Sweeter as the years go by” (Semakin manis ketika tahun-tahun berlalu) ditulis pada waktu dia baru menjadi buta. Pada waktu ini, dia menggunakan papan hitam 28 kaki panjangnya dan menulis nota-nota muzik. Dia telah menulis 1000 lagu rohani dan iramanya semakin manis semakin usianya meningkat. Lagu-lagu rohaninya bertambah semakin mantap dan perjalanannya bersama Tuhan semakin yakin. “Rambut putih adalah mahkota yang indah, yang didapat pada jalan kebenaran” (Amsal 16:31).

Doa: Bapa Syurgawi, aku berdoa semakin lanjut usiaku, semakin manis jiwaku kerana Engkau bertambah manis setiap tahun.

## BETAPA MANISNYA!

Renungan: **Mazmur 119**

*Betapa manisnya janji-Mu itu bagi langit-langitku,  
lebih daripada madu bagi mulutku.*

—Mazmur 119:108

Andaikata di taman bunga anda telah ditemui permata-permata berharga yang lama dikuburkan tanpa kesedaran anda, pasti anda akan menggali-gali sepanjang hari. Wanita yang selalu mencari kasih, pimpinan, dan penyembuhan jiwa daripada Allah akan selalu bermeditasi pada firman Tuhan. Baginya, pembacaan firman Tuhan bukan satu kewajiban tetapi keasyikan mencari nikmat bersama TUHAN. Seperti Pemazmur, dia tahu bahawa firman TUHAN akan membuat dia lebih manis dan bijaksana.

Philip P. Bliss dalam lagunya “Wonderful Words of Life” berkumandang, “Nyanyikannya kepadaku berulang lagi-perkataan hidup, biar aku melihat kecantikannya lebih lagi. Firman hidup dan cantik, ajar aku beriman dan bertanggungjawab.”

Edwin Hodder, penulis lirik mengibaratkan membaca firman Tuhan bagi ke taman bunga untuk memetik bebunga yang indah. Bayangkan satu taman bunga yang mempunyai semua bunga yang diciptakan, dan anda boleh memetiknya. Bagaimana perasaan anda? Selanjutnya Edwin berkata, “Firman-Mu bagi bebunga yang cerah dan indah; bagi yang mencari akan memetik sejambak daripadanya. Firman-Nya bagi lombong yang kaya dan permata-permata istimewa tertanam di dalamnya bagi semua penggali.”

Selanjutnya, dia melukiskan firman Tuhan sebagai, “Firman-Mu bagi beribu bintang yang sinarnya memancar untuk membimbing dan menyinari perjalanan musafir. Firman-Mu bagi gudang senjata di mana seorang askar boleh menemukan senjata yang diperlukan untuk berperang sepanjang hidupnya.” Musafir tidak perlu merasa kurang lengkap dalam dunia ini dan takut menghadapi masa depan.

Pemazmur mengibaratkan firman Tuhan bagi madu (Mazmur 119:103); milik pusaknya untuk selama-lamanya (Mazmur 119:111); persembunyian dan perisainya (Mazmur 119:114).

Wanita yang bijak, condongkan hati dan buka mulutmu untuk firman Tuhan (Mazmur 119:112). Jiwa yang dipenuhi dengan firman Tuhan bagi jiwa yang disirami madu dan mendapat jarahan yang besar.

---

Doa: Allah, aku ingin menggali firman Tuhan seperti aku memetik bunga di taman bunga yang indah, atau menggali permata-permata.

## BERLIAN MARY JONES

Renungan: **Mazmur 119:15-16**

*Bukankah firman-Ku seperti api, demikianlah firman TUHAN  
dan seperti palu yang menghancurkan bukit batu.  
— Yeremia 23:29*

**Y**eremia tidak dapat tidak berkhotbah walaupun menghadapi penganiayaan kerana Alkitab bagai api dan palu yang menghancurkan bukit batu dalam jiwanya.

Mary Jones yang hanya mendengar firman Tuhan beberapa kali, rindu memiliki Alkitab Bahasa Welsh. Ibu bapanya penyulam dan mereka sekeluarga mesti membanting tulang bagi sesuap nasi. Sejak kecil, Mary Jones belajar tentang Tuhan daripada ibu bapanya Molly dan Jacob Jones yang walaupun buta huruf tetap mengadakan ibadah keluarga. Keluarga ini tidak mempunyai Alkitab namun setiap kali pendeta mereka berkhotbah, mereka akan menghafalkan ayat-ayatnya dan menggunakannya dalam ibadah keluarga.

Setelah Mary belajar membaca Alkitab dari sekolah yang bergerak, dia berjalan berbatu-batu untuk meminjam Alkitab daripada keluarga orang kaya. Di kampungnya, Alkitab hanya mereka yang kaya mampu memiliki Alkitab. Mary Jones berazam memiliki Alkitab, dia bertabung. Dia meningkat usahanya dengan menjual sayur-sayuran, telur-telur, madu dan sarung kaki kerana impian memiliki firman hidup. Setiap sen akan ditabungnya demi memiliki harta yang indah ini.

Wah, setelah enam tahun, Mary Jones baru mengumpulkan cukup wang untuk membeli Alkitab. Kini, gadis yang berumur lima belas tahun ini akan memiliki harta yang berharga bagi jiwanya. Gurunya segera memberitahu Mary Jones bahawa dia boleh membeli Alkitab di kampung yang kira-kira 40 kilometer dari rumah mereka. Mary berjalan seharian untuk membeli Alkitab. Setiba di sana, Mary Jones menangis tersedu-sedu apabila diberitahu bahawa semua Alkitab sudah dibeli. Impiannya berkecaian dan kerinduannya untuk membacanya terpaksa ditangguhkan.

Apabila lelaki yang menjual Alkitab melihat kesembilan Mary Jones, dia memberinya naskah terakhir yang sudah ditempah. Mary begitu gembira dan berseru, "Tuhan telah menjawab doa saya!" Seluruh penduduk Mary Jones melonjak dengan kegembiraan ketika Mary Jones membawa Alkitab Welsh pulang. Mary Jones meluangkan banyak waktu membaca Alkitab kepada penduduk-penduduk di kampungnya. Sekumpulan orang yang terharu dengan cerita ini memulakan gerakan mulia yang dipanggil Persatuan Alkitab seluruh dunia!

Doa: Firman hidup, nyalakan api kebenaran sehingga aku dapat mengajarnya dengan hidup kepada orang lain.

## VISIKU

Renungan: **Filipi 3:12-16**

*Saudara-saudara, aku sendiri tidak menganggap bahawa aku telah menangkapnya, tetapi yang kulakukan: aku melupakan apa yang telah di belakangku dan mengarahkan diri kepada apa yang di hadapanku. —Filipi 3:13*

Visi seseorang wanita menentukan sama ada hidupnya biasa-biasa saja atau luarbiasa demi Tuhan. Visi Mary Slessor untuk memberitakan injil kepada negara Afrika telah membawa dia ke pantai Kalabar, Afrika Selatan. Tempat ini dikenali sebagai perkuburan orang putih dan hanya orang yang berani mati membawa injil ke sana. Nyawa tidak berharga di kota ini; keluarga yang mempunyai banyak anak akan membiarkan bayi mereka mati di belukar, hamba dan wanita dibunuh tanpa perasaan.

Mary Slessor yang datang dari Skotland berazam untuk mengubah cara kehidupan mereka. Dengan sabar, dia menjelaskan kenapa mereka tidak boleh menyembah tengkorak, kenapa mereka tidak perlu takut akan roh-roh jahat, kenapa nyawa itu berharga, dan kenapa mereka tidak boleh mabuk.

Banyak di antara mereka pengayau namun mereka mulai memahami Mary Slessor. Mary juga terbeban dengan suku Okoyong, dengan berani dia pergi ke kampung mereka. Suku ini sering berperang antara sesama. Tanpa menghiraukan nyawa sendiri, Mama putih ini berdiri di tengah-tengah mereka dan mendamaikan mereka yang bergaduh.

Demikian juga, Rasul Paulus yang bertemu dengan Tuhan secara ajaib berubah daripada pembenci umat Tuhan kepada rasul bervisi. Dia tidak menyembunyikan diri kerana takut akan orang Yahudi lain. Visi dan panggilan barunya telah mendorong dia membawa injil kepada orang kafir, raja-raja, dan orang Yahudi. Dia digelar rasul orang kafir kerana Tuhan memanggil dia untuk berfokus kepada orang kafir. Visinya telah membawanya melintasi batasan kebudayaan dan politik.

Selain itu, dia menulis tiga belas kitab dalam Perjanjian Baru. Langkah dan misi Paulus tidak tergoncang oleh penganiayaan kerana visinya kukuh. Dia dilempari batu, dicambuk tiga kali, dirotan 3 kali, diserangi kelompok pemaarah, menerima ancaman maut, terkandas dalam kapal tiga kali dan terapung-apung dua puluh empat jam, dicaci orang Kristian yang cemburu, dipenjarakan dua tahun tanpa pengadilan, dipatuk ular beracun tetapi misinya tetap berjalan kerana kasihnya akan Tuhan dan visinya yang jelas. Masalah, penganiayaan, kelaparan, penyakit mahupun keganasan kerajaan pada masa itu tidak dapat menghalanginya.

Doa: Allahku, biarlah visiku menolong aku memenuhi segala rencana dan kehendak-Mu bagi kehidupan dan panggilanku.

## NYALAKAN OBOR DOA

Renungan: **Yakobus 5:17-18**

*Elia adalah manusia biasa sama seperti kita, dan dia telah bersungguh-sungguh berdoa, supaya hujan jangan turun, dan hujan pun tidak turun di bumi selama tiga tahun dan enam bulan.*

— Yakobus 5:17

**Y**akobus 5:17 mengingatkan kita bahawa Elia adalah manusia seperti kita namun dia memiliki semangat doa. Doanya menyentuh hati Allah dan mendapat jawapan daripada Allah. Elia tidak akan berhenti berdoa kalau dia tidak melihat hujan membasahi bumi. Berapa kalikah keluarga anda dibasahi oleh hujan doa dan melihat keajaiban Allah?

Sirami anak-anakmu dalam doa yang bersemangat. Anda boleh mengajar anak-anakmu berdoa berdasarkan konsep. Tunjukkan gambar, kasih-Nya setinggi langit dan sedalam lautan yang terdalam. Kekuatan-Nya bagai kota benteng, kesetiannya bagi mentari yang terbit setiap hari. Ajaklah anak-anak anda berdoa bagi anggota-anggota keluarga yang lain dengan bersemangat.

Uskup Tutu pernah berkata, “Kalau hari anda dimulakan dengan cara yang salah, ia tetap pesong. Apa yang saya pelajari ialah membangun lebih awal sedikit dan berusaha berada dalam ketenangan sejam di bawah hadirat Allah, merenungi beberapa perenggan Alkitab; ini mendukung saya. Saya berusaha untuk mengadakan dua atau tiga jam sehari dalam ketenangan...apabila saya naik ke mesin senaman untuk tiga puluh minit, saya akan berdoa syafaat.” Banyak anak semakin kehilangan bara yang bernyala dengan terang kerana sikap berdoa ibu bapa tidak seperti yang digambarkan Uskup Tutu.

“Doa menyelenggarakan rancangan Tuhan dan kita menjadi sambungan antara kehendak-Nya dan pencapaian-Nya di bumi. Banyak hal yang ajaib berlaku, dan kita diberikan kehormatan menjadi saluran Roh Kudus.” (Elisabet Elliot) Banyak anak Tuhan dangkal dalam doa, dan mencapai sedikit keajaiban syurgawi di dunia ini.

Benarkah doa hanya satu tabiat yang membosankan? Canon Lidden berkata, “Biarlah mereka yang sungguh-sungguh berdoa memberi jawapannya. Mereka kadangkala menjawab doa adalah seperti pergelutan bapa leluhur Yakub dengan Kuasa Tidak Kelihatan yang berpanjangan dalam kehidupan yang bersemangat, sehingga lewat malam, atau sehingga fajar menyinsing. Kadangkala mereka menjelaskan doa seperti doa Rasul Paulus, yang sewaktu berdoa melayangkan pandangan kepada Pendoa yang Agung, yang berdoa sehingga darahnya mengalir ke tanah dalam keperihan yang rela menyerah dan berkorban.”

Doa: Tuhan, nafaskan hidup kami, nyalakan obor doa dalam keluarga kami sehingga kami boleh berdoa dengan bersemangat seperti Elia!

## KHAZANAH BERTHARGA

Renungan: **Ulangan 7:1-11**

*Sebab engkau adalah umat yang kudus bagi TUHAN, Allahmu, dari segala bangsa di atas muka bumi untuk menjadi umat kesayangan-Nya.*

—Ulangan 7:6

**K**hazanah bererti sesuatu benda ataupun pengetahuan yang berharga yang anda miliki dan tidak akan diberikan kepada orang lain kerana khazanah ini diwarisi daripada yang dekat hati kita, dan juga akan diturunkan kepada yang dekat hati kita.

Musa mengingatkan umat Tuhan bahawa mereka adalah khazanah Tuhan yang istimewa dan dipilih daripada segala bangsa di dunia ini. Mereka dipanggil untuk hidup kudus dan berlainan daripada bangsa-bangsa di sekelilingnya. Khazanah istimewa ini dimiliki oleh Tuhan dan tidak boleh dicemari dan disia-siakan. Mereka mesti memberi segenap hidup mereka kepada Tuhan kerana mereka umat kesayangan-Nya.

Hidup yang terpisah bererti mereka mesti memastikan agar mereka tidak terlibat dalam aspek kehidupan yang tidak diperkenan Tuhan. Mereka tidak boleh mengikat janji dengan bangsa lain kerana seringkali ini bererti mengikut mereka dalam penyembahan mereka. "...Janganlah engkau mengadakan perjanjian dengan mereka dan janganlah engkau mengasihani mereka" (Ulangan 7:2). Umat Tuhan mesti sentiasa menyedari bahawa mereka hanya dimiliki-Nya, khazanah-Nya.



Urusan kedua yang perlu diperhatikan mereka ialah perkara kahwin-mengahwin dengan bangsa lain. Perkahwinan dengan orang yang tidak seiman akan menyebabkan mereka menyimpang dari jalan yang benar. Mereka harus berhati-hati dan menjaga-jaga agar anak perempuan atau anak lelaki mereka tidak berkahwin dengan mereka yang berbangsa dan beragama lain (Ulangan 7:4).

Sebagai khazanah Tuhan, kita tidak lagi mengikut gaya kehidupan lama kerana kita sudah ditebus daripada kuku cengkaman dosa oleh Tuhan dan perlu hidup dalam terang-Nya. "Tetapi kamulah bangsa yang terpilih, imamat yang rajani, bangsa yang kudus, umat kepunyaan Allah sendiri, supaya kamu memberitakan perbuatan-perbuatan yang besar daripada Dia, yang telah memanggil kamu dari kegelapan kepada terang-Nya yang ajaib" (1 Petrus 2:9). Sebagai khazanah, kita harus menyinari kegelapan dunia bukan terseret ke dalam kebudayaan yang tidak bersepadanan dengan panggilan kita. Jangan membiarkan daya tariknya menghancurkan keistimewaan anda sebagai khazanah Tuhan.

---

Doa: Bapa Syurgawi, aku tahu aku tidak ada hak istimewa lain selain daripada keistimewaan menjadi khazanah-Mu.

## Satu Doa



O Bapa segala makhluk  
Dengan pemeliharaan-Mu yang Ilahi  
Yang menukarkan musim dan waktu  
Yang dengan indah merobohkan kerajaan  
Engkau membinasa Firauan  
Semua kuda dan kereta tenteranya  
Yang begitu angkuh terhadap umat-Mu  
Kau membimbing mereka dengan tangan-Mu  
Tangan-Mu yang penuh dengan belas kasihan  
Menolong umat-Mu yang dikasihi  
mengharungi ombak ganas yang tinggi  
O Allah, Panglima semua tentera dan malaikat  
Engkau mengusir Sennacherib yang menghujat itu  
Menewaskan tenteranya yang beribu-ribu

Engkau mengubah raja Nebukadnezar yang congkak  
Musuh umat-Mu ini menjadi binatang  
Yang meragut rerumput  
Sehingga si kejam ini merasa ngeri


O Bapa yang penuh dengan rahmat dan penuh penghiburan  
Rahmat-Mu yang indah  
Telah memelihara hamba-hamba-Mu di Babel  
Yang dengan sungguh berani dan  
Telah memberi tubuh mereka untuk dilemparkan dalam obor panas  
Kerana mereka tidak mahu menyembah berhala  
Engkau memberi mereka hati sukacita untuk menyanyi  
Dan rambut mereka tidak terbakar

—Rev. John Bradford, 1555

## MEMULIAKAN ALLAH

Renungan: **Roma 1:8-32**

*Langit menceritakan kemuliaan Allah, dan cakrawala  
memberitakan tangan-Nya. —Mazmur 19:1*

iptaan Tuhan yang indah menjadi cermin yang memancarkan kemuliaan Allah yang agung. “Langit menceritakan kemuliaan Allah, dan cakrawala memberitakan tangan-Nya” (Mazmur 19:1). “Binatang Hutan akan memuliakan Aku, serigala dan burung unta, sebab Aku telah membuat air memancar di padang gurun dan sungai-sungai di padang belantara” (Yesaya 43:20).

Matlamat tertinggi setiap manusia yang ditetapkan Tuhan ialah memuliakan Allah sebagai Raja atas segala raja dan Pencipta langit dan bumi, serta menikmati persekutuan-Nya. Kita bagai cermin yang memancarkan kemuliaan Tuhan dalam kehidupan kita. Memuliakan Tuhan termasuk memuliakan-Nya dalam perniagaan kita kerana itu juga ibadah hidup kita.

Raja Daud memuliakan Tuhan dalam setiap aspek kehidupannya. Apabila Tuhan memeriksanya pada waktu malam, tidak ada kejahatan ditemui-Nya pada fikirannya. Apabila Tuhan memeriksa mulutnya, dia tidak pernah berhamburan kata-kata tidak senonoh mahupun tersilap kata. “Bila Engkau menguji hatiku, memeriksanya pada waktu malam dan menyelidiki aku, maka Engkau tidak akan menemui sesuatu kejahatan, mulutku tidak terlanjur” (Mazmur 17:3). Langkahnya juga menelusuri jalan Tuhan dan memuliakan-Nya. “Langkahku tetap mengikuti jejak-Mu, kakiku tidak goyang” (Mazmur 17:5).

Kehidupan yang tidak memuliakan Allah akan menjadikan kita bodoh. Allah bersabda tentang mereka yang hidup bodoh, “Sebab sekalipun mereka mengenal Allah, mereka tidak memuliakan Dia sebagai Allah atau mengucap syukur kepada-Nya. Sebaliknya fikiran mereka menjadi sia-sia dan hati mereka telah menjadi bodoh” (Roma 1:21).

Kehidupan tidak memuliakan bukan jenis kehidupan yang berhikmat kerana kita menjadi bejana yang tidak mulia: pengumpat, pemfitnah, pembenci Allah, kurang ajar, congkak, sombong, pandai dalam segala kejahatan dan kurang dalam kebaikan. Panggilan terbesar ialah memuliakan Allah dalam diri kita, “Sebab Allah yang telah berfirman: “Dari dalam gelap akan terbit terang! “Dia juga yang membuat terang-Nya bercahaya di dalam hati kita, supaya kita beroleh terang dari pengetahuan tentang kemuliaan Allah yang nampak pada wajah Kristus” (2 Korintus 4:6).

Doa: Seperti keindahan alam yang memancarkan kemuliaan,  
biarlah hidupku juga mencerminkan kemuliaan-Mu.

## AKUILAH KEMULIAAN TUHAN

Renungan: **Daniel 4: 28-37**

*Tetapi setelah lewat waktu yang ditentukan, aku, Nebukadnezar, menengadah ke langit, dan akal budiku kembali lagi kepadaku. Lalu aku memuji Yang Maha Tinggi dan membesarkan dan memuliakan Yang Hidup kekal, kerana kekuasaan-Nya ialah kekuasaan yang kekal dan kerajaan-Nya turun temurun. — Daniel 4:34*



Amkan satu pelajaran berharga daripada raja Nebukadnezar yang tinggi hati. Keangkuhan meragut hati raja Nebukadnezar sedang dia berjalan-jalan di atas istananya. Dia mulai memuji diri, “Bukankah itu Babel yang besar itu, yang dengan kekuatan kuasaku dan untuk kemuliaan kebesaranku telah kubangun menjadi kota kerajaan?” (Daniel 4:30)

Belum habis bicara raja Nebukadnezar, suatu suara dari syurga menguntur, “Kepadamu dinyatakan, ya raja Nebukadnezar, bahawa kerajaan telah beralih daripadamu; engkau akan dihalau daripada antara manusia dan tempat tinggalmu akan di antara binatang-binatang di padang: kepadamu akan diberikan makanan rumput seperti kepada lembu, dan demikianlah akan berlaku atasmu sampai tujuh masa berlalu, hingga engkau mengakui, bahawa Yang Maha Tinggi berkuasa atas kerajaan manusia dan memberikannya kepada siapa yang dikehendaki-Nya!” (Daniel 4:32)

Sikap Raja Nebudkadnezar sama seperti umat Allah yang menjadi tinggi hati walaupun Allah sering menampakkan kemuliaan-Nya dalam awam dan tiang api. Nabi Yeremia memberi amaran agar mereka tidak menjadi batu sandungan bagi diri sendiri. “Permuliakanlah TUHAN, Allahmu, sebelum Dia membuat hari menjadi gelap, sebelum kakimu tersandung di atas bukit-bukit yang diliputi senja...” (Yeremia 13: 16a).

Camkan pelajaran daripada Raja Herodes yang mencuri kemuliaan Allah dan menerima padah ngeri. “Dan pada suatu hari yang ditentukan, Herodes mengenakan pakaian kerajaan, lalu duduk di atas takhta dan berpidato kepada mereka. Dan rakyatnya bersorak membalasnya: “Ini suara allah dan bukan suara manusia!” Dan seketika itu juga dia ditampar malaikat Tuhan kerana dia tidak memberi hormat kepada Allah, dia mati dimakan cacing-cacing” (Kisah Para Rasul 12:21-23).

Setelah pelajarannya, Raja Nebukadnezar bersyukur, “Lalu aku memuji Yang Maha Tinggi dan membesarkan dan memuliakan Yang hidup kekal itu, kerana kekuasaan-Nya ialah kekuasaan kekal dan kerajaan-Nya turun-temurun” (Daniel 4: 34).

Doa: Ajarlah aku selalu berjalan rendah hati di bawah Yang Maha Tinggi, hanya Engkau layak menerima semua kemuliaan.

## IKABOD

Renungan: **1 Samuel 4:19-22**

*Dia menamai anak itu Ikabod, katanya: "Telah lenyap kemuliaan dari Israel" kerana tabut Allah telah dirampas. —1 Samuel 4:21*

**I**kabod bererti "Manakah kemuliaannya?" Wanita, pasti anda tidak mahu menamakan bayi anda "Ikabod." Wanita-wanita yang hadir ketika anak menantu Eli melahirkan seorang bayi telah menamakan bayi itu Ikabod untuk menggambarkan keadaan umat TUHAN yang semakin kehilangan kemuliaan Allah. Keadaan keluarga Eli sungguh menyedihkan kerana kedua-dua anaknya Hofni dan Pinehas telah terbunuh oleh Filistin, musuh mereka, dan tabut TUHAN dirampas (1 Samuel 4:17). Isteri Pinehas yang melahirkan seorang anak lelaki meninggal dunia kerana dia mendengar bahawa suaminya terbunuh dan tabut Allah dirampas.

Kemuliaan Tuhan jelas sudah meninggalkan kehidupan umat TUHAN yang sama sekali tidak lagi menjunjung kekudusan TUHAN. Apabila mereka kalah, mereka tidak berlutut berdoa, bertaubat dan diperbaharui oleh TUHAN. Sebaliknya, mereka marah akan Tuhan, "Ketika tentera itu kembali ke perkhemahan, berkatalah para tua-tua Israel: "Mengapa TUHAN membuat kita terpukul kalah oleh orang Filistin pada hari ini? Marilah kita mengambil dari Silo tabut perjanjian TUHAN, supaya Dia datang ke tengah-tengah kita dan melepaskan kita dari tangan musuh kita" (1 Samuel 4:3).

Seharusnya mereka meminta nasihat daripada nabi yang telah dipilih Allah yang bernama Samuel. Tanpa berlengah-lengah lagi, mereka membuat keputusan sendiri dan membawa padah yang buruk sehingga kemuliaan TUHAN meninggalkan mereka. Perhubungan mereka dengan Allah dangkal, mereka tidak melihat punca kekalahan mereka disebabkan kemerosotan kehidupan rohani mereka. Mereka mengaitkannya dengan tempat di mana tabut perjanjian diletakkan bukan perhubungan mereka dengan Tuhan.

Kawanku, adakah kita mengharapkan Allah menyertai kita namun kita tidak pernah menghiraukan kemuliaan-Nya? Ketika TUHAN melihat kehidupan anda, Dia berseru "ikabod" kerana Dia tidak melihat kemuliaan-Nya. Dari segi perniagaan, kemuliaan Tuhan juga sudah lama meninggalkan anda atau berada di gerbang kerana anda banyak mendapat keuntungan melalui rasuah dan tipu muslihat. Sebagai pemimpin, anda tidak memancarkan kemuliaan-Nya tetapi memancarkan toksid yang meracunkan. Seharusnya anda menjadi rumah api bagi yang mengikuti anda, akan tetapi mereka telah menemui nasib buruk dan menjadi kapal karam kerana anda.

Doa: Allahku, biarlah hidupku bagai cermin yang memancarkan kebaikan dan kemuliaan-Mu dalam segala selok-belok kehidupan.

## HATI YANG TERSUNAT

Renungan: **Ulangan 10:12-22**

*Engkau harus takut akan TUHAN, Allahmu, kepada-Nya haruslah Engkau beribadah dan berpaut dan demi nama-Nya haruslah engkau bersumpah. —Ulangan 10:20*

Kasih dan takut akan Tuhan merupakan syarat yang diperlukan dalam ikatan Perjanjian antara Allah dan umat-Nya. Beribadah dengan segenap hati dan minda mereka merupakan satu-satunya ibadah yang diharapkan-Nya. Ini balasan yang diharapkan sepanjang masa daripada umat Allah yang dikeluarkan-Nya dari kebelengguan Mesir. Ibadah mereka harus menyeluruh dan sempurna, ketaatan mereka mesti sempurna dalam segala hal sepanjang masa.

Walau bagaimana pun kasih dan takut akan Tuhan tidak terjadi kalau hati mereka tidak disunat. Musa berperintah, "Sebab itu sunatlah hatimu dan jangan lagi kamu tegar tengkuk" (Ulangan 10:16). Hati mereka mesti disunat daripada segala kepalsuan kerana mereka menyembah Allah kudus yang memilih mereka daripada segala bangsa (Ulangan 10:15). Mereka menyedari Sang Pencipta yang kudus hanya akan menerima hati yang tersunat (Ulangan 10: 14).

Wanita, kita diminta menyerahkan hati yang tersunat sepenuhnya kepada Sang Pencipta untuk kebenaran. "Dan janganlah kamu menyerahkan anggota-anggota tubuhmu kepada dosa untuk dipakai sebagai senjata kelaliman, tetapi serahkan dirimu kepada Allah sebagai orang-orang yang dahulu mati, tetapi yang sekarang hidup. Dan serahkanlah anggota-anggota tubuhmu kepada Allah untuk menjadi senjata-senjata kebenaran" (Roma 6:13).

Wanita, persembahkan diri anda kepada Tuhan dengan hati yang sudah disunat kerana anda terpilih-Nya. "Janganlah kamu menjadi serupa dengan dunia ini, tetapi berubahlah oleh pembaharuan budimu, sehingga kamu dapat membezakan kehendak Allah: apa yang baik, yang berkenan kepada Allah dan yang sempurna" (Roma 12:2).

Terimalah undangan Tuhan untuk menyunatkan hatimu demi menjamin ketaatan yang tuntas. Ingat anda terpilih seperti yang dinasihati rasul Petrus. "Iaitu orang yang dipilih sesuai dengan rencana Allah, Bapa kita, dan yang dikuduskan oleh Roh, supaya taat kepada Yesus Kristus dan menerima percikan darah-Nya. Kiranya kasih karunia dan damai sejahtera makin melimpah atas kamu" (1 Petrus 1:2). Hanya hati yang tersunat dapat menerima segala kejernihan daripada syurga.

Doa: Allahku, aku menyerahkan segenap hatiku yang tersunat kepada Engkau untuk hidup berkenan kepada Engkau.

## ABAH, AKU BIJI MATA-NYA

Renungan: **Ulangan 32:10-14**

*Laksana rajawali menggoyangbangkitkan isi sarangnya,  
melayang-melayang di atas anak-anaknya, mengembangkan sayapnya,  
menampung seekor, dan mendukungnya di atas kepaknya.*

—Ulangan 32:11

**W**anita, anda tidak berjalan sendiri kerana Allah berjalan bersama anda sebagai seorang Bapa berjalan dengan biji mata-Nya. Allah berjalan seperti seorang Bapa yang selalu mengawasi dan memelihara anaknya. Dia mengambil perhatian agar sewaktu anda berjalan dengan Dia, anda belajar banyak daripada bimbingan-Nya.

Musa mengenangi bagaimana Allah telah berjalan bersama umat-Nya, bagai seorang Bapa. Sekalipun umat Israel merentasi padang belantara, suatu perjalanan yang cukup sulit namun Tuhan telah mengelilingi mereka, mengawasi mereka, dan menjaga mereka. “Didapati-Nya dia di suatu negeri di padang gurun, di tengah-tengah ketandusan dan auman padang belantara. Dikelilingi-Nya dia dan diawasi-Nya, dijaga-Nya sebagai biji mata-Nya” (Ulangan 32:10).

Selain itu, ketelitian dalam bimbingan Tuhan digambarkan seperti cara induk Rajawali mengajar anak-anaknya untuk berterbang. Rajawali akan menggoyang serta bangkitkan sarangnya agar anak-anaknya akan berterbang namun induk rajawali akan melayang-layang di atas anak-anaknya. Setelah membiarkan anak-anaknya berterbang sekejap, ia akan mengembangkan sayapnya untuk menampungnya dan mendukung di atas kepaknya (Ulangan 32:11). Induk rajawali ini tahu anaknya baru belajar dan ia tidak ingin anaknya jatuh terhempas ke tanah. Demikian juga, Tuhan menebarkan sayap untuk kita agar kita tidak hancur lebur.

Sewaktu Bapa Syurgawi berjalan bersama dengan mereka; Dia melimpahkan yang terbaik untuk segala keperluan mereka. Mereka menghisap madu dari bebatu, dan minyak juga disediakan bagi mereka. Dadih daripada lembu dan susu daripada kambing berkhasiat juga diberikan kepada mereka bahkan jus anggur yang merah menjadi minuman mereka (Ulangan 32:14). Sebagai Bapa yang menyayangi mereka, Dia tidak bersifat kedekut.

Keyakinan bahawa Bapa Syurgawi berjalan dekat dengan kita memperbolehkan kita berseru: “Tuhan adalah Penolongku. Aku tidak akan takut. Apakah yang dapat dilakukan manusia terhadap aku?” (Ibrani 13:6) Bapa syurgawi akan menebarkan sayapnya dan membiarkan anda berterbang di kepak-Nya.

Doa: Aku terjamin di atas sayap-Mu dan aku bersyukur kepada Engkau yang selalu memelihara dan mengawasi aku.

## ALLAH YANG CEMBURU

Renungan: **Ulangan 32:19-25**

*Mereka membangkitkan cemburu-Ku dengan yang bukan Allah, mereka menimbulkan sakit hati-Ku dengan berhala mereka. Sebab itu Aku akan membangkitkan cemburu mereka dengan yang bukan umat, dan akan menyakiti hati mereka dengan bangsa yang bebal.*

—Ulangan 32:21

Firman Tuhan menggambarkan Allah sebagai kekasih cemburu yang tidak berdiam kalau cinta-Nya dikhianati. Perhubungan umat Tuhan diibaratkan sebagai suami dan isteri yang diikatkan dalam Perjanjian yang setia. “Aku akan menjadikan engkau isteri-Ku untuk selama-lamanya dan Aku akan menjadikan engkau isteri-Ku dalam keadilan dan kebenaran, dalam kasih setia dan kasih sayang” (Hosea 2:18).

Sewaktu TUHAN mengikat perjanjian dengan umat-Nya di Gunung Sinai, dia memperingatkan mereka, “...Sebab Aku, TUHAN, Allahu, adalah Allah yang cemburu...” (Keluaran 20:5). Kecemburuan TUHAN demi kemuliaan dan kekudusan nama-Nya menyebabkan Dia mendisiplin umat-Nya yang menyeleweng dari syarat-syarat perjanjian mereka.

Perbuatan dan hati yang tidak setia menyakiti hati TUHAN yang membawa mereka keluar dari Mesir. Tidak ada dewa lain yang pernah membebaskan mereka dari kebelengguan Mesir dengan pelbagai mukjizat (Ulangan 4:34) selain TUHAN Perjanjian. Penyembahan berhala yang disertai dengan penggunaan ilmu sihir, jampi, mengadakan hubungan dengan roh orang yang mati dan perhubungan seksual dengan lain yang diperlukan oleh sesetengah agama Asia Kuno, semua ini dibenci oleh TUHAN (Ulangan 4:34).

Hati kita tidak boleh menyambut tuan lain kerana Dia Kekasih Tunggal. Kita tidak boleh menjadi hamba TUHAN dan pada waktu yang sama hamba wang (Matius 6:24). Kekasih kudus dan cemburu ini tidak suka akan kewujudan ketamakan, perbuatan cabul, penggunaan kata-kata tidak senonoh, guraun lucu daripada kekasihnya. Mahkotailah cinta Kekasih anda yang cemburu sebagai Kekasih Tunggal kerana ini tuntutan-Nya—segenap minda, jiwa dan hati. Pakailah cincin kesetiaan dan gelang takut akan Allah untuk mengikat perjanjian kasih abadi ini.

Yesus, kasih-Mu tiada batas terhadap aku

Tak dapat diselami fikiranku

Tak dapat dijelaskan lidahku

Satukan hatiku yang penuh ucapan syukur dengan Engkau

Agar kasih-Mu memerintahku tanpa pesaing (Paul Gerhardt)

Doa: Allahu, Kekasih tunggalku, aku tidak akan memperduakan hatiku dan aku memahkotai Engkau dalam hatiku selalu.

## KASIH YANG LUARBIASA

Renungan: **Efesus 3:14-21**

*Aku berdoa, supaya kamu bersama-sama dengan segala orang kudus dapat memahami, betapa lebarnya dan panjangnya dan tingginya dan dalamnya kasih Kristus. — Efesus 3:18*

Airmata Majorie merembes lagi sewaktu dia duduk di tangga rumah yang sunyi. Anak-anaknya sudah kembali ke rumah masing-masing setelah berkabung bersamanya. Dengan lantang, Majorie berdoa, "Tuhan Yesus, saya bersendirian tetapi Engkau bersama aku. Tuhan, aku kehilangan kasih Jimmy tetapi lengan-Mu tetap mendukung aku. Kasih Tuhan Yesus mengalir lebih dalam lagi dalam hatiku." Kehilangan suaminya menolong Majorie memahami betapa lebar, panjang dan tingginya kasih Yesus.

Kasih Tuhan yang lebar mengjangkau semua orang pada segala zaman, "Kerana begitu besar kasih Allah akan dunia ini, sehingga Dia telah mengaruniakan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa, melainkan beroleh hidup yang kekal" (Yohanes 3:16). Kasih Tuhan Yesus begitu dalam sehingga rancangan dan jalan-Nya yang tidak dapat diselami manusia, "O, alangkah dalamnya kekayaan, hikmat dan pengetahuan Allah! Sungguh tak terselidiki keputusan-keputusan-Nya dan sungguh tak terselami jalan-jalan-Nya!" (Roma 11:33).

Kasih Tuhan Yesus telah memenuhi segala untuk kita dan mencapai penyelamatan bagi kita. "Dia yang telah turun, Dia juga yang telah naik jauh lebih tinggi daripada semua langit, untuk memenuhi segala sesuatu" (Efesus 4:10).

Kasih-Nya wujud setiap masa tanpa pernah lenyap bagai lengan yang tidak pernah gagal. "Allah yang abadi adalah tempat perlindunganmu, dan di bawahmu ada lengan-lengan yang kekal. Dia mengusir musuh daripada depanmu dan berfirman: Punahkanlah!" (Ulangan 33:27) Kasih Tuhan akan menyinari kegelapan dan kesedihan batin yang tersembunyi dan mengangkat diri kita.

Majorie berkeputusan memberi kasih-Nya yang selalu mengalir kepada anak-anak yatim yang terlantar. Dia pergi ke rumah anak yatim dua kali seminggu untuk mengajar Bahasa Inggeris dan firman Allah. Anak-anak yatim ini mengalami pengharapan dan kasih daripada Majorie yang mengasihi mereka. "Demikianlah kita ketahui kasih Kristus, iaitu bahawa Dia telah menyerahkan nyawa-Nya untuk kita; jadi kita pun wajib menyerahkan nyawa kita untuk saudara-saudara kita" (1 Yohanes 3:16).

Doa: Tuhan Yesus, jadikan aku saluran kasih-Mu kepada mereka yang lelah, sedih dan memerlukan kasih Tuhan Yesus dalam kehidupan mereka.

## KASIH YANG MEMULIHKAN

Renungan: **Hosea 14:2-9**

*Mereka akan kembali dan diam dalam naungan-Ku dan tumbuh seperti gandum; mereka akan berkembang seperti pohon anggur yang termasyhur seperti anggur Libanon. —Hosea 14:8*

**K**ekurangan kepekaan terhadap keadaan rohani sendiri sering menyebabkan kita tergelincir jauh daripada TUHAN. TUHAN dalam kasih karunia bersabda kepada umat-Nya, "Bertaubatlah, hai Israel, kepada TUHAN, Allahmu, sebab engkau telah tergelincir kerana kesalahanmu" (Hosea 14:2). Secara teliti, Tuhan mengajar anak-Nya untuk bertaubat, "Bawalah sertamu kata-kata penyesalan, dan bertaubatlah kepada TUHAN! Katakanlah kepada-Nya: "Ampunilah segala kesalahan, sehingga kami mendapat yang baik, maka kami akan mempersembahkan pengakuan kami" (Hosea 14:3).

Petrus yang pernah tergelincir dan menyangkal Tuhan Yesus telah diberikan kesempatan untuk bertaubat. Tuhan Yesus memberi dia kesempatan yang kedua, Dia menanyakan Petrus, "Sesudah sarapan Yesus berkata kepada Simon Petrus: "Simon, anak Yohanes, apakah engkau mengasihi Aku lebih daripada mereka ini?" Jawab Petrus kepada-Nya: "Benar Tuhan, Engkau tahu, bahawa aku mengasihi Engkau. "Kata Yesus kepadanya: "Gembalakanlah domba-domba-Ku" (Yohanes 21:15).

Kasih Petrus terhadap Juruselamat-Nya menjamin dia tidak tergelincir lagi malahan dia akan melangkah menjadi tiang gereja.

Petrus kemudian menjadi rasul yang berhasil dan yang bertumbuh seperti gandum dan anggur Libanon. Kegelinciran kakinya tidak bererti ketamatan riwayatnya bersama TUHAN malahan dia lebih berhasil dalam kehidupannya. Setelah khutbahnya pada hari Pentakosta, orang yang dibaptis pada hari itu bertambah menjadi tiga ribu jiwa (Kisah Para Rasul 2:41).

Wahai wanita, "Datanglah sekalipun anda merasa sangat lemah, tunggu dalam hadirat-Nya seperti yang lemah dan yang lumpuh dibawa untuk disirami mentari agar kehangatan dapat mengalir dalamnya. Datanglah dengan semua yang gelap dan dingin dalam anda ke sinaran mentari Allah yang suci dan kasih-Nya yang Maha Kuasa, duduk dan tunggu hanya dalam renungan: Di sini aku berada dalam sinaran mentari kasih-Nya. Seperti matahari yang menghangatkan insan lemah yang mencari secercah sinaran-Nya, demikian juga Allah akan berkarya. Ya, percaya kepada-Nya dengan sepenuhnya. Tunggulah TUHAN! Jangan tawar hati dan Dia akan menguatkan hatimu; tunggu firman TUHAN!" (Andrew Murray).

Doa: Biarlah aku kembali tinggal dalam naungan-Mu dan berbuah semula bagi kerajaan Allah.

## SALING MENANGGUNG BEBAN

Renungan: **Galatia 6:1-10**

*Saudara-saudara, jika seseorang didapati melakukan sesuatu kesalahan, kamu yang bersifat rohani pimpinlah dia ke jalan baik dengan lemah lembut, sambil menjaga dirimu, jangan sampai kamu turut tergoda. —Galatia 6:1*



Race Chapel memang satu-satunya gereja yang bagai keluarga bagi Gordon MacDonald kerana dia sudah menjadi pastornya selama 12 tahun. Akhir-akhir ini, pelayanannya menuntut dia berpergian ke tempat yang lain. Pada bulan Jun, staf pastor Gereja Grace mendengar bahawa Gordon MacDonald telah meletakkan jawatannya sebagai Presiden Intervarsiti kerana dia jatuh dalam dosa perzinaan.

Dr. Judson Carlberg segera menelefon Gordon. Dengan sedih, Gordon mengakui kebenaran berita itu. Dr. Judson berdoa bersama Gordon dan sejak saat itu proses pemulihan dengan Gordon bermula. Dr. Judson membacakan Galatia 6 bersama-sama staf pastornya lalu mereka berdoa bagi Gordon (Galatia 6:1). Mereka juga mengambil keputusan untuk memulihkan Gordon. Gordon merendahkan diri di bawah proses pemulihan yang dirancang oleh gereja Grace selama lapan belas bulan yang dimulakan dengan pengakuan dosa kepada isterinya, Gail.

Anugerah Tuhan Yesus yang mengalir daripada saudara-saudara seiman memulihkan Gordon sehingga dia diberkati dengan pelayanan baru iaitu membawa pengharapan kepada orang yang terluka dan yang tergelincir dalam dosa. Sewaktu saudara seiman ini tersandung kakinya, pemimpin gerejanya tidak dipanggil untuk berkokok sekampung. Mereka yang lebih rohani harus bersikap rendah hati dan bersama pemimpin yang matang menolongnya untuk mengembalikannya ke jalan benar.

Mengheboh-hebohkan dosa saudara seiman tidak dapat memulihkannya ke pangkal jalan. Insan ini tidak berani lagi menginjak ke gerbang gereja lagi. Gereja Grace telah memberi tanggungjawab kepada tiga anggota lelaki untuk menolong Gordon dan Gail mengharungi saat paling susah dan menyembuhkan keretakan mereka sehingga mereka dipulihkan.

“Saudara-saudaraku, jika ada di antara kamu yang menyimpang dari kebenaran dan ada seorang yang membuat dia berbalik, ketahuilah, bahawa barangsiapa membuat orang berdosa berbalik dari jalannya yang sesat, dia akan menyelamatkan jiwa orang itu dari maut dan menutupi banyak dosa” (Yakobus 5:19-20). Kasih dan kesabaran pemimpin-pemimpin gereja Grace telah memulihkan Pastor Gordon sehingga dia menjadi hamba Tuhan yang menolong orang lain yang tersandung dalam dosa ini.

---

Doa: Tuhan Yesus, tolonglah aku berbelas kasihan terhadap saudara-saudari seiman yang tergelincir dalam dosa.

## DIPISAHKAN UNTUK TUHAN

Renungan: **Ezra 9:1-8**

*Ketika aku mendengar perkataan itu, maka aku mengoyakkan pakaianku dan jubahku dan aku mencabut rambut kepalaku dan janggutku dan duduklah aku tertegun. —Ezra 9:1*

**K**enapakah Ezra mengoyakkan jubahnya lalu mencabut rambutnya dan janggutnya? Kehangatan jiwa Ezra demi kekudusan dan kemuliaan TUHAN telah menyebabkan dia banyak mencucur airmata kerana nama TUHAN tercemar akibat kehidupan umat Tuhan yang keruh. Pengaruh kebudayaan asing yang tidak suci selalu mencemari mereka.

Umat-Nya yang baru kembali dari pembuangan, seharusnya hidup suci kerana penglibatan dalam dosa dan pengaruh yang tercemar telah mendatangkan amarah TUHAN. Pembuangan seharusnya menginsafkan mereka untuk hidup baru tetapi mereka mencemari diri lagi.

Adakah kita mengoyakkan pakaian, menangis, dan mencabut rambut kita sewaktu anak-anak kita menganut nilai-nilai dunia ini? Hati seorang anak akan berubah menurut nilai-nilai dunia seandainya mereka tidak diajar berpegang pada nilai-nilai Alkitabiah. Kalau mahasiswa berkumpul kebo, mahasiswa Kristian pun turut mengikut corak yang popular ini tanpa mempertimbangkan piawaian firman Tuhan.

Gaya kehidupan kita akan menjadi bercampur aduk dan relatif kalau kita berenang mengikut arus semasa yang landasannya bukan firman Tuhan. Emosi yang dibuai oleh cinta sering menyebabkan seseorang Kristian memberi penjelasan yang menyeleweng dari piawaian Alkitab.

Beberapa alasan telah dikemukakan untuk mereka yang berkumpul kebo untuk menumpulkan firman Tuhan: "Asal kami saling cinta dan akan berkahwin, perhubungan intim seperti ini tiada masalah." "Semua orang pun melakukannya, jadi ini corak zaman moden mak!" Nilai yang sudah dianggap biasa dan dilakukan banyak orang dalam masyarakat tidak bererti nilai itu tidak bertentangan dengan firman Tuhan.

Ezra begitu sedih ketika melihat umat Tuhan tidak hidup terpisah dan berlainan daripada bangsa lain. Persahabatan umat Tuhan dengan bangsa lain yang tidak menjunjung TUHAN sungguh akrab sehingga mereka bercampur benih. Anak-anak perempuan dan anak-anak lelaki mereka berkahwin dengan bangsa yang tidak seagama dan melemahkan keunikan mereka sebagai umat pilihan Tuhan. Perintah TUHAN tidak diturut dengan segenap hati minda, jiwa dan hati lagi kerana suasana hati sudah keruh dengan pengaruh lain.

Doa: Allahku, kiralah gereja dan para wanita hidup berdasarkan piawaian Alkitab dan tidak terpesong.

## HATI SENDIRI

Renungan: **2 Raja-Raja 23-36**

*Tetapi Yehu tidak tetap hidup menurut hukum TUHAN, Allah Israel, dengan segenap hatinya; dia tidak menjauh dari dosa-dosa Yerobeam yang mengakibatkan orang Israel berdosa pula.*

—2 Raja-Raja 10:31

Raja Yehu menghapuskan semua berhala dan penyembahan Baal di negaranya. Semua yang mencemari kekudusan Tuhan dihapuskannya (kecuali satu tempat yang penting, hatinya sendiri). Di luaran, dia sungguh menjunjung Tuhan dan sanggup melakukan apa sahaja untuk meninggikan nama-Nya. Tiang-tiang rumah Baal dan tembok dirobuhkan tetapi tiang-tiang penghalang tetap berdiri tegak dalam hatinya. Dia pandai menjaga kerajaannya tetapi kerajaannya sendiri tidak terkawal.

TUHAN mengakui perbuatannya benar dan tepat tetapi pada waktu yang sama, TUHAN juga melihat kehidupannya pada keseluruhannya. “Berfirmanlah TUHAN kepada Yehu: “Oleh kerana engkau telah berbuat baik dengan melakukan apa yang benar di mata-Ku, dan telah berbuat kepada keluarga Ahab, tepat seperti dikehendaki hati-Ku, maka anak-anakmu akan duduk di atas takhta Israel sampai keturunan yang keempat. Tetapi Yehu tidak menurut hukum TUHAN Allah Israel, dengan segenap hatinya: dia tidak menjauh dari dosa-dosa Yerobeam yang mengakibatkan Israel berdosa pula” (2 Raja-Raja 10:30-31).

Tuhan Yesus pernah menegur orang Farisi dan ahli-ahli Taurat yang banyak kepura-puraan. “Hai orang Farisi yang buta, bersihkanlah dahulu sebelah dalam cawan itu, maka sebelah luarnya juga akan bersih. Celakalah kamu, hai ahli-ahli Taurat dan orang-orang Farisi, hai kamu orang-orang munafik, sebab kamu sama seperti kuburan yang dilabur putih yang sebelah luarnya memang bersih tampaknya, tetapi yang sebelah dalamnya penuh tulang belulang dan pelbagai jenis kotoran. Demikian jugalah kamu di sebelah luar kamu tampaknya benar di mata orang, tetapi di sebelah dalam kamu penuh kemunafikan dan kedurjanaan” (Matius 23:26-28).

Biar mazbah hatiku hangat  
 Tidak pernah terpisah daripada-Nya  
 Biar segala yang tidak diperkenan-Nya  
 Dihanguskan api kesucian-Nya  
 Segenapnya kepada Yesus Kristus  
 Segala yang manis limpah ruah  
 Mengalir dalam hatiku  
 Takhta hatiku hanya untuk-Nya

Doa: Allah yang kusembah, biarlah kehidupanku tampak benar baik di luar mahupun di dalam dan tiada kemunafikan.

## HITUNG HARI-HARI YANG BERTAMBAH

Renungan: **Mazmur 90:12-14**

*Ajarlah kami menghitung hari-hari kami sedemikian hingga  
kami beroleh hari yang bijaksana.  
—Mazmur 90:12*

Sheila yang berkaca mata hitam sedang berbaring di pasir lembut Port Dickson pada hari jadi yang ketiga puluh tiganya. Dia mengenangi peristiwa-peristiwa kehidupannya yang pahit manis. Mulutnya bermekar apabila dia mengimbas saat pelayanan yang cukup mencabar. Dia merenungi riwayat kehidupan Tuhan Yesus. Pada umur tiga puluh tiga, Dia telah mati di kayu salib dan melakukan satu karya penebusan yang terindah bagi umat manusia.

Hari jadi yang ketiga puluh tiga ini istimewa bagi Sheila, dia mengingat dirinya untuk berjalan dalam perspektif kekekalan. “Ajarlah aku menghitung hari-hariku di dunia ini agar hidup ini tidak sia-sia. Berilah aku kebijaksanaan menguruskan hidupku, ya Allah Bapa,” doa Sheila.

Mazmur 90 dituliskan oleh Musa menjelang akhir perjalanan hidupnya di padang belantara. Kehidupan umat Tuhan yang sia-sia di padang belantara terpahat pada ingatan-Nya. Kubur-kubur kawan-kawannya yang mati kerana kedegilan mereka dan pemberontakan mereka sehingga tidak dapat masuk ke tanah perjanjian memilukan hati Musa. Sepanjang perjalanan mereka begitu mementingkan diri sendiri sehingga mereka buta terhadap berkat yang dikaruniakan-Nya.

Musa berlainan sikap, dia pandai menghitung hari-harinya bagi Tuhan dan hatinya beroleh kebijaksanaan daripada Tuhan.

Musa berdoa kepada Tuhan dan mengakui Tuhanlah tempat perteduhannya sejak turun temurun. “Tuhan, Engkaulah tempat perteduhan kami turun-temurun” (Mazmur 90:1). Sebelum gunung ganang dilahirkan, Tuhan sudah wujud dan Dia layak mengajar kita bagaimana menghitung hari-hari. “Ajarlah kami menghitung hari-hari kami sedemikian hingga kami beroleh hati yang bijaksana” (Mazmur 90:12).

Bijak-bijak hidup berjalan dengan Tuhan Yesus sewaktu berada di dunia ini dan kenyangkan diri dengan kasih-Nya. “Kenyangkanlah kami pada waktu pagi dengan kasih setia-Mu, supaya kami bersorak-sorai dan bersukacita semasa hari-hari kami” (Mazmur 90:14). Hidup dengan rendah hati dan memohon kepada kemurahan Tuhan. “Kiranya kemurahan Tuhan, Allah kami, atas kami, dan teguhkanlah perbuatan tangan kami, ya, perbuatan tangan kami, teguhkanlah itu” (Mazmur 90:17).

Doa: Biar aku mengikut teladan Tuhan Yesus yang mencatat setiap saat yang bererti demi kemuliaan-Mu.

## SUARAKU REDUP

Renungan: **Yesaya 38:1-21**

*Seperti burung layang-layang demikianlah aku menciap-ciap,  
suaraku redup seperti suara merpati, ya Tuhan, pemerasan  
terjadi kepadaku; jadilah jaminan bagiku!*

— Yesaya 38:14

Raja Hizkia berkata suaranya seperti burung layang-layang yang menciap-ciap atau redup seperti burung merpati. Keadaan ini menggambarkan jiwa Raja Hizkia yang merasa tertindih oleh penyakit yang akan mendatangkan maut. Inilah ayat yang dituliskan oleh Raja Hizkia mengenai keadaan dirinya ketika dia sakit dan hampir mati. Itulah keadaannya ketika benang kehidupannya hampir putus pada pertengahan umurnya. Pada waktu ini Raja Hizkia hanya boleh berdoa, "Jadilah jaminan bagiku!" (Yesaya 38:14).

Pada waktu nabi Yesaya memberitahu Raja Hizkia bahawa dia akan mati, dia berpaling ke dinding dan berdoa, "Ah TUHAN, ingatlah kiranya, bahawa aku telah hidup di hadapan-Mu dengan setia dan dengan tulus hati dan bahawa aku telah melakukan apa yang baik di mata-Mu" (Yesaya 38:3).

Pada saat begini, dia bersemuka dengan TUHAN yang selama ini kawan baiknya tetapi kini dia akan bercakap-cakap intim bersama Tuhannya. Dia mencurahkan segala ketakutannya kepada TUHAN tanpa sesuatu yang terpendam dalam hatinya. Segala kesengsaraan perasaannya dicurahkan kepada TUHAN. Dengan berterus terang, dia memberitahu TUHAN bahawa Dia telah menghancurkan semua tulangnya (Yesaya 38:13).

Setelah melewati jangka waktu ini, Raja Hizkia disembuhkan dan dia menyedari bahawa TUHAN yang menyelamatkan. Dia telah diberikan peluang untuk hidup selama lima belas tahun lagi. Perasaan syukurnya telah menyebabkan dia selalu mengingat TUHAN dalam kehidupannya. "TUHAN telah datang menyelamatkan aku! Kami hendak main kecapi, seumur hidup kami di rumah TUHAN" (Yesaya 38:20).

Saat gelap mencengkam aku  
 Yesus, Kekasih Jiwaku  
 Aku tahu Engkau mendekat  
 Tangan ajaib-Mu  
 Menukarkan saat gelap  
 Menjadi saat terang  
 Tangan kasih-Nya  
 Menukar saat ngeri  
 Menjadi saat berkat

Doa: Setiap saat kehidupanku di bawah pemeliharaan kasih-Mu yang tidak berubah walaupun musimnya berubah.

## PENGHARAPAN

Renungan: **Wahyu 14:1-5**

*Dan aku melihat: sesungguhnya, Anak Domba berdiri di Bukit Sion dan bersama-sama dengan Dia seratus empat puluh empat ribu orang dan di dahi mereka tertulis nama-Nya dan nama Bapa-Nya.*

—Wahyu 14:1

Pandangan mulia dan keagungan ini memberi kita pengharapan sewaktu kita berjalan di dunia ini sebagai musafir.

Mata anak Tuhan perlu menembusi masa kini dan melihat jauh ke depan ke Bukit Sion di mana berdiri Anak Domba Allah. Tanggapi segala keindahan-Nya, kemuliaan-Nya dan keagungan-Nya yang akan menguatkan pengharapan anda. Pusat perhatian dan pengharapan semua umat-Nya haruslah tertumpu kepada Domba Allah yang disembelih dan dibangkitkan.

Musafir yang berada dalam perjalanan yang lelah di dunia, layangkan pandangan anda nun jauh di mana Domba Allah bertakhta. Mata rohani yang dapat melihat keterangan masa depan dapat berlomba dan menderita dengan gembira sekalipun penganiayaan semakin ganas. Lagu merdu nun jauh di sana menghibur hati musafir yang menderita sewaktu di dunia.

Yohanes yang berada di Pulau Patmos melihat satu visi syurgawi yang menghibur serta mendorong hatinya dan umat Tuhan yang berada dalam penganiayaan. Visi Domba Allah yang berdiri di Bukit Sion sungguh mulia di tengah-tengah kegelapan. Gunung Sion yang dilihat oleh Yohanes berada di syurga bukan di bumi.

Penulis Ibrani menggambarkan kemeriahannya hari itu. "Tetapi kamu sudah datang ke Bukit Sion, ke kota Allah yang hidup, Yerusalem syurgawi dan kepada beribu-ribu malaikat, suatu kumpulan yang meriah" (Ibrani 12:23). Yohanes melihat di sana berkumpul pengikut-pengikut yang setia dan di dahi mereka tertulis tanda sebagai yang dimiliki-Nya. Lima perkara yang sering digunakan pada waktu itu untuk menjelaskan tanda tersebut "pemilikan," "kesetiaan," "jaminan," "kebergantungan," dan "perlindungan."

Hati musafir yang mendekati akhir perjalanan akan melonjak dengan kegembiraan kerana terdengar nyanyian malaikat-malaikat dan orang salih yang bagai desau air bah dan deru guruh (Wahyu 14:2). Layangkan pandangan anda ke takhta Domba Allah yang mulia ketika berjalan di dunia yang penuh dengan cabaran dan penganiayaan.

Doa: Aku memahkotai Engkau dengan banyak mahkota O Domba Allah yang bertakhta dan memerintah selama-lamanya.

## HARI TUAIAN

Renungan: **Wahyu 14:14-20**

*Dan aku melihat: sesungguhnya, ada suatu awan putih, dan di atas awan itu duduk seorang seperti Anak Manusia dengan sebuah mahkota emas di atas kepala-Nya dan sebilah sabit tajam di tangan-Nya. — Wahyu 14:14*

Pada hari tuaian, Cik Sherry yang telah dituai oleh malaikat didapati bukan gandum tetapi lalang kerana dia salah sebiji benih yang diragut si iblis. Puan Ros dan anak-anak Tuhan yang memiliki tanda kesetiaan kepada Domba Allah dituai sebagai “gandum yang berhasil.” Lalang yang dituai akan dicampakkan ke dalam dapur api kekal (Matius 13:42).

Hari penuaian ini juga dikenali sebagai Hari TUHAN bila semua penentuan dilakukan. “Banyak orang, banyak orang di lembah penentuan! Ya, sudah dekat hari TUHAN di lembah penentuan!” (Yoel 3:14). Hari ini seumpama pukat yang dilabuhkan untuk menangkap pelbagai ikan. Ikan yang baik dimasukkan ke dalam pasu dan yang tidak baik dibuang ke dalam dapur api (Matius 13:47-52). “...Ayunkanlah sabit-Mu itu dan tuailah kerana sudah tiba saatnya untuk menuai; sebab tuaian di bumi sudah masak” (Wahyu 14:15). Tuaian ini termasuk semua suku bangsa di dunia ini.

Hari penghukuman ini umpama kilangan anggur yang menghasilkan jus yang merah. “Lalu malaikat itu mengayunkan sabitnya ke atas bumi, dan memotong buah pohon anggur di bumi dan melemparkannya ke dalam kilangan besar, iaitu murka Allah. Dan buah-buah anggur itu di kilang di luar kota dan dari kilangan itu mengalir darah, tingginya sampai ke kekang kuda dan jauhnya dua ratus mil” (Wahyu 14:19-20).

O kawanku, menjelang hari tuaian banyak orang akan murtad dan mereka akan saling menyerahkan dan saling membenci (Matius 24:10). Kita mesti melangkah dengan berhati-hati dan penuh perhatian kerana si pendurhaka akan datang. “Kedatangan si pendurhaka itu adalah pekerjaan iblis, dan akan disertai rupa-rupa daya jahat terhadap orang yang harus binasa kerana mereka tidak menerima dan mengasihi kebenaran yang dapat menyelamatkan mereka (2 Tesalonika 2:10).

Tak dapat kubayangkan saat ini  
 Apabila dengan perintah-Nya  
 Semua perang akan henti dan badai bertenang  
 Langit bersukacita  
 Terdengar sorak-sorai kemenangan  
 Berlaksa-laksa malaikat akan bernyanyi  
 Tuaian dibawa kepada Anak Domba Allah

Doa: Aku berdoa Engkau akan sentiasa tinggal dalam hidup ini dan aku mahu hidup setia kepada-Mu sehingga Hari Tuaian.

## JALAN RAHSIA

Renungan: **Mazmur 25:1-22**

*...dan banyak suku bangsa akan pergi serta berkata: "Mari naik ke gunung TUHAN ke rumah Allah Yakub, supaya Dia mengajar kita tentang jalan-jalan-Nya dan supaya kita berjalan menemukannya; sebab dari Sion akan keluar pengajaran, dan firman TUHAN dari Yerusalem. —Mikha 4:2*

Pada waktu kecil, aku suka menempuh satu jalan rahsia yang menuju ke rumah nenek sewaktu mengunjunginya. Padang hijau yang dihiasi bebunga yang cantik seperti kenanga, melur dan bunga raya terbentang di sini. Jalan itu berbeza daripada jalan yang biasa dilalui orang lain. Jalan ini menarik lagipula aku suka memetik bunga walaupun kadangkala aku dikejar angsa.

Demikian juga, jalan yang dipilih oleh wanita yang mengasihi Tuhan berbeza daripada jalan-jalan yang lain.

Jalan paling baik ialah jalan yang ditentukan oleh Tuhan Yesus, Pengarang hidup kita. "Bawalah aku berjalan dalam kebenaran-Mu dan ajarlah aku, sebab Engkaulah Allah yang menyelamatkan aku, Engkau kunanti-nantikan sepanjang hari" (Mazmur 25:5). Wanita yang menjunjung perintah-Nya akan mendapati walaupun jalan itu mungkin lebih sempit dan sepi tetapi itu jalan yang terbaik.

Kendatipun jalan Tuhan susah dan tidak mudah ditempuh, itulah jalan yang indah. Setelah penebusan umat Tuhan dari kebelengguan Mesir, jalan yang ditentukan untuk mereka ialah padang belantara. Perjalanan di padang belantara bermaksud mendewasakan iman mereka. Jalan yang membuktikan pemeliharaan Tuhan dan kasih setia Tuhan melalui pemberian manna, makanan dan air sehingga mereka boleh bersandar kepada-Nya selalu.

Awan dan api yang menyuluh perjalanan mereka bermaksud bimbingan Tuhan tidak pernah pudar. Walaupun bekalan makanan yang lumayan dan kekayaan tidak berada di depan mata mereka, pengalaman kebaikan Tuhan menantikan perjalanan mereka. Jalan yang tidak mudah ditempuh memberi mereka ajaran iman akan kasih setia TUHAN.

Dia akan menolong mereka yang merasa seperti sebatang kara dalam perjalanan mereka. "Berpaling kepadaku dan kasihlanilah aku, sebab aku sebatang kara dan tertindas" (Mazmur 25:16). Roh Kudus akan selalu membimbing kita, "iaitu Roh Kebenaran. Dunia tidak dapat menerima Dia, sebab Dia menyertai kamu dan akan diam di dalam kamu" (Yohanes 14:17). Di jalan ini Tuhan Yesus, sahabat setia berjalan bersama kita, nikmatilah kehadiran-Nya.

Doa: Allah Penebusku, ajarilah aku berjalan menurut Jalan-Mu yang berbeza daripada jalan-jalan yang lain.

## ALFA DAN OMEGA

Renungan: **Wahyu 21:1-8**

*Firman-Nya lagi kepadaku: "Semuanya telah terjadi. Akulah Alfa dan Omega. Yang Awal dan Yang Akhir. Orang yang haus akan Kuberi minum dengan cuma-cuma dari mata air kehidupan." — Wahyu 21:6*

Yohanes diberikan penglihatan bahawa Allah adalah Alfa dan Omega: Yang Awal dan Yang Akhir. Keyakinan ini sungguh menghibur umat Kristian yang hidup di tengah-tengah gelombang perubahan besar di dunia. Walaupun dalam penglihatannya, Rasul Yohanes telah melihat begitu banyak pertukaran peristiwa yang mencabar, Allah tetap Alfa dan Omega. Dialah Panglima atas semua panaroma perubahan peristiwa di dunia.

Bumi akan melalui suatu jangka waktu yang begitu sulit bagi seorang wanita yang akan melahirkan bayi. "Sebab kita tahu, bahawa sampai sekarang segala makhluk sama-sama mengeluh dan sama-sama merasa sakit bersalin" (Roma 8:22). Petrus juga mengatakan bumi akan melalui perubahan peristiwa yang dahsyat. Umat Tuhan perlu hidup suci sewaktu menantikan kedatangan Hari Allah (2 Petrus 3:10-13).

Bagi yang hidup salih dan menantikan kepulangan-Nya, mereka boleh bergembira kerana Allah datang bagi pengantin-Nya. "Dan aku melihat kota yang kudus, Yerusalem yang baru, turun dari syurga, dari Allah, yang berhias bagaimana pengantin perempuan yang berdandan untuk suaminya" (Wahyu 21:2).

Bagi yang tinggal menurut falsafah dan gaya semasa masa depannya sungguh menyedihkan. "Tetapi orang-orang penakut, orang-orang yang tidak percaya, orang-orang keji, orang-orang pembunuh, orang-orang sundal, tukang-tukang sihir, penyembah-penyembah berhala dan semua pendusta, mereka akan mendapat bagian mereka di dalam lautan yang menyala-nyala oleh api dan belerang: inilah kematian yang kedua" (Wahyu 21:8).


Di bawah sayap-Nya  
 Aku terlindung selamat  
 Walau malam semakin gelap  
 Ombak mengganas  
 Aku tetap percaya kepada-Nya  
 Aku tahu Dia Alfa dan Omega  
 Segala yang aku alami  
 Hanya saat-saat menjelang  
 Kelahiran yang baru  
 Syurga yang baru

Doa: Pemenang sepanjang zaman, satu-satu pengharapan yang tidak pudar,  
 Alfa dan Omega, Engkaulah pengharapanku.

## ANAK ANGSA MENARI

Renungan: **Galatia 5:22-23**

*Jadilah pengikutku, sama seperti aku juga menjadi pengikut Kristus.  
—1 Korintus 11:1*

 .A. Hatfield pakar pertumbuhan kanak-kanak berkata, “Memang lazimnya kanak-kanak akan meneladani satu tingkat moral dan tingkah laku tertentu kerana itu suatu proses semulajadi. Jika kita tidak mengajar mereka satu maxim pun, dia tetap akan mengembangkan nilai-nilai moral baik betul mahupun salah melalui proses mengenalpasti.” Anak angsa yang baru dilahirkan akan mencorakkan gerak geri menurut objek pertama yang dilihatnya. Seandainya induk angsa tidak berada di sisinya, anak angsa akan mengikut objek apa sahaja yang sedang bergerak.

Satu perpatah yang berguna ialah bagaimana acuan begitulah kuihnya; bagaimana contoh kita, begitulah gubahnya. Teladan ibu akan melahirkan anak yang sedemikian acuan.

Kalau kita rindu anak kita berdoa, nafas doa kita mesti segar selalu.

Kalau kita rindu anak kita bersaksi, kita mesti bersaksi.

Kalau kita ingin anak kita memuliakan Tuhan dalam perbualan mereka, perbualan kita mesti berperisa kasih Allah.

Kalau kita ingin anak kita bersikap adil, kita mestilah bersikap adil terhadap orang lain.

Kalau kita ingin anak kita hangat dalam iman mereka, kita sendiri mesti memiliki kehangatan iman yang membara.

Bagaimana pula perpatah hikmat yang diberikan oleh Dorothy Law?

“Jika seorang anak hidup dalam cacian, dia akan belajar mencaci.

Jika seorang anak hidup dalam permusuhan, dia akan belajar bergaduh.

Jika seorang anak hidup selalu dihina, dia akan menjadi malu.

Jika seorang anak hidup dipermalukan, dia akan merasa bersalah.

Jika seorang anak hidup penuh timbang rasa, dia akan menjadi sabar.

Jika seorang anak hidup dengan galakan, dia akan belajar keyakinan diri.

Jika seorang anak hidup dengan pujian, dia akan belajar menghargai.

Jika seorang anak hidup dengan keadilan, dia akan belajar menjadi adil.

Jika seorang anak hidup dalam jaminan, dia akan belajar beriman.

Jika seorang anak hidup dengan penerimaan dan persahabatan, dia akan mencari kasih dalam dunia ini.” (Dorothy Law Nolte)

Doa: Bapa Syurgawi, penuhilah hidupku dengan kasih-Mu sehingga anak-anakku akan turut berjalan dalam kasih-Mu.

## TUKANG PERIUK

Renungan: **Yeremia 18:1-17**

*Apabila bejana, yang sedang dibuatnya dari tanah liat di tangannya itu, rosak, maka tukang periuk itu mengerjakannya kembali menjadi bejana lain menurut apa yang baik pada pemandangannya.*

— Yeremia 18:4

Kawan-kawan Michelangelo pernah mengejeknya ketika mereka melihat dia mengangkat batu yang berat. “Bolehkah batu ini diukir secantik muka isterimu?” Michelangelo menjawab, “Tunggu, awak akan melihat malaikat muncul daripada batu ini!” Jejarinya mahir dan jiwa seninya mengalir. Dia mengukir rupa Daud, karya yang terkenal.

Ibu, tugas anda jauh lebih sulit, anda sedang mengasuh anak yang mempunyai keperibadian rumit. Salah seorang anak kita mungkin keras kepala dan memiliki kemahuan sendiri yang kuat. Dia akan membanting diri di lantai Giant kalau anda tidak membeli coklat kesukaannya. Seringkali waktu mendidik dia seperti memasuki gelanggang gusti untuk beradu kekuatan.

Proses pembentukan rohani dan keperibadian seorang anak mengambil banyak perhatian, waktu, serta kesabaran luarbiasa. Kita boleh mengambil hikmat ini daripada kesabaran Allah sewaktu Dia membentuk umat Tuhan yang tegar tengku. Apabila ada kegagalan, jangan angkat tangan dan berkata “biarlah anak itu mengambil jalan sendiri, aku tidak mampu mendidik lagi. Aku tidak mahu tahu lagi!” Bejana yang belum sempurna ini memerlukan doamu dan pembentukan tanganmu yang sabar.

Lihat teladan Allah, “Apabila bejana yang dibuatnya daripada tanah liat di tangannya rosak, maka tukang periuk itu mengerjakannya kembali menjadi bejana menurut apa yang baik pada pemandangannya” (Yeremia 18:4). Yeremia mengibaratkan kesabaran Allah seperti tukang periuk yang akan menghasilkan periuk dan pasu yang cantik daripada yang rosak. Berkali-kali, tukang periuk itu akan membentuk tanah liat itu sehingga ia menjadi bejana yang cantik.

Panggilan untuk membentuk seorang anak merupakan panggilan tertinggi, yang tidak dapat dilakukan dengan kebijaksanaan sendiri. “Tetapi apabila di antara kamu ada yang kekurangan hikmat, hendaklah dia memintakannya kepada Allah — yang memberikannya kepada semua orang dengan murah hati dan dengan tidak membangkit-bangkit — maka hal itu akan diberikan kepadanya” (Yakobus 1:5). Pencipta kita bekerja bersama tanah liat-Nya berjam-jam kerana pembentukan tidak akan terjadi tanpa sentuhan peribadi-Nya. Demikian juga, kita semua dalam proses pembentukan-Nya yang sabar dan ajaib.

Doa: Bapa Syurgawi, aku serahkan anakku yang susah dibentuk dalam tangan pembentukan-Mu yang ajaib. Berilah aku hikmat membimbing anakku.

## MEMANAH JAUH

Renungan: **Mazmur 78:1-8**

*Kami tidak hendak sembunyikan kepada anak-anak mereka, tetapi kami akan ceritakan kepada angkatan yang kemudian puji-pujian kepada TUHAN dan kekuatan-Nya dan perbuatan-perbuatan ajaib yang telah dilakukan-Nya. —Mazmur 78:4*

Dalam hal mendidik anak dalam kerohanian, TUHAN ingin ibu bapa memanah lebih jauh. Rancangan TUHAN bukan hanya untuk satu generasi tetapi generasi-generasi yang berikutnya. Seandainya bimbingan rohani satu generasi diabaikan, generasi-generasi berikutnya juga terputus bimbingan daripada keluarganya.

Pemazmur menjelaskan pendidikan rohani begini, "...supaya dikenal oleh angkatan yang kemudian, supaya anak-anak yang akan lahir kelak, bangun dan menceritakannya kepada anak-anak mereka" (Mazmur 78:6) Bimbingan rohani yang bagaimanakah dapat melaksanakan perintah TUHAN ini? Bayi yang belum dilahir pun akan mendapat jaminan bahawa kelak mereka akan dididik dalam TUHAN.

Seorang ibu mesti mempunyai kehidupan rohani dan mazbah peribadinya mesti dinyalakan oleh terang syurgawi. Pembawa pembaruan yang terkenal Perancis, J.H. Merle D' Aubigne memberi cabaran ini: "Saudara-saudariku, adakah mazbah ibadah sudah didirikan dalam hati anda untuk Allah yang hidup dan benar? Adakah anda Bait Allah dan adakah Roh Allah mendiami anda? Jika mazbah tidak didirikan dalam jiwa anda untuk Allah, nescaya mazbah tidak akan wujud dalam keluarga anda."

O wanita, adakah anda mengajak suami anda untuk mendidik anak anda mengenal Allah dan meluangkan waktu menolong anak mencapai matlamat Allah? Martin Luther berkata, "Kalau anda tidak tahu mengajar anak-anakmu Alkitab, janganlah jadi bapa." Anggaplah hal ini dengan serius dan memanah dengan lebih jauh ke generasi berikutnya.

Alkitab mementingkan bimbingan bapa kepada anak-anak mereka, "Dengarkanlah, hai anak-anak, didikan seorang ayah, dan perhatikanlah supaya engkau beroleh pengertian, kerana aku memberikan ilmu yang baik kepadamu; janganlah meninggalkan petunjukku. Kerana ketika aku masih tinggal di rumah ayahku sebagai anak lemah dan sebagai anak tunggal bagi ibuku, aku diajari ayahku, katanya kepadaku: "Biarlah hatimu memegang perkataanku; berpeganglah pada petunjukku, maka engkau akan hidup" (Amsal 4:1-4). Bersama suamimu, hidupkan obor ibadah dan bimbing anak-anakmu sehingga mereka tidak menjadi angkatan pendurhaka tetapi mampu memberi khazanah iman kepada anak mereka (Mazmur 78:8).

Doa: Bapa Syurgawi, berilah aku kebijaksanaan membimbing anak-anakku sehingga generasi-generasi berikut juga menerima berkat-Mu.

## HATI YANG TETAP

Renungan: **2 Raja-Raja 22**

*Dia melakukan apa yang benar di mata TUHAN dan hidup sama seperti Daud, bapa leluhurnya, dan tidak menyimpang ke kanan atau ke kiri.  
—2 Raja-Raja 22:2*

Raja Yosia melayangkan matanya kepada Tuhan seperti yang selalu dilakukan oleh Raja Daud. Banyak raja Israel bermula pemerintahan mereka dengan silap langkah kerana mata mereka melayang kepada kuasa-kuasa besar seperti Asyur, Babel atau Mesir. Raja Yosia tidak memandang ke kanan mahupun ke kiri untuk pertolongan daripada yang paling berkuasa kini. “Dia melakukan apa yang benar di mata Tuhan dan hidup sama seperti Daud, bapa leluhurnya, dan tidak menyimpang ke kanan atau ke kiri” (2 Raja-Raja 22:2).

Raja Yosia menetap dalam hatinya untuk menurut yang diperintahkan Allah. Pada tahun kelapan belas pemerintahannya, dia meminta arah daripada Allah. Allah mengarahnya untuk meneguhkan lagi perjanjian Yehuda dengan-Nya. Pertama, dia mesti mengarahkan penggunaan kewangan untuk memperbaiki rumah Tuhan (2 Raja-Raja 22:4; 2; Tawarikh 34:8). Pada waktu pemerintahannya suatu hal yang sangat penting terjadi, kitab Taurat ditemui, “...Telah kutemukan kitab Taurat itu di rumah TUHAN!” (2 Raja-Raja 22:8). Reformasi dan pembaharuan terjadi kerana dia mencari Allah dan kehendak-Nya bagi rakyatnya.

Raja Yosia mengoyakkan pakaiannya dan berkata, “Pergilah, mintalah petunjuk TUHAN bagiku, bagi rakyat dan bagi seluruh Yehuda, tentang perkataan kitab yang ditemukan ini, sebab hebat kehangatan murka TUHAN, oleh kerana nenek moyang kita tidak mendengarkan perkataan kitab ini dengan berbuat tepat seperti yang tertulis di dalamnya” (2 Raja-Raja 22:13). Raja Yosia ingin rakyatnya turut mengikut Allah dan melakukan yang tepat.

“Setiap kali anda membuat satu pilihan, anda sedang mengubah intipati diri anda. Bahagian yang anda pilih itu akan berubah kepada sesuatu yang berbeza daripada yang asalnya. Dan kalau anda melihat kehidupan anda pada keseluruhannya, dengan semua pilihannya; sepanjang hidup anda, anda sedang mengubah intipati ini... Untuk mengubah menjadi makhluk syurgawi berarti sukacita, damai, pengetahuan dan kuasa. Untuk mengubah menjadi yang lain berarti kegilaan, kengerian, kebodohan, kemarahan, kemandulan pengetahuan dan kesepian kekal. Setiap kita pada setiap saat sedang maju ke salah satu arah” (C.S. Lewis). Raja Yosia memilih menjadi yang menyerupai syurgawi dan telah mendatangkan pembaharuan dan reformasi kepada rakyat dan negaranya.

Doa: Allahku, aku hanya memilih untuk mengikut Engkau sahaja dan kehendak-Mu dalam setiap keputusan hidup.

## TERCANTIK

Renungan: **Yesaya 8:23-9:1-2**

*Ketika Yohanes ditanyakan sama ada dia adalah Mesias yang dinanti-nantikan umat Tuhan dan dinubuatkan para nabi, dia menjawab, "...Aku tidak layak mengurai tali kasut-Nya pun."*

—Yohanes 1:27

Seorang cendekiawan Charles Lamb pernah bertanya kawan-kawanya tentang tindak balas mereka seandainya tokoh-tokoh hebat yang sudah meninggal dunia tiba-tiba berdiri di depan mereka. Dia memberi jawapan yang mengharukan, "Kalau Shakespeare (penulis sastra) masuk, semua orang akan berdiri tetapi kalau Kristus masuk, semua orang akan bersujud dan menyembah-Nya."

Tuhan Yesus memang gambaran manusia yang sempurna, sifat-Nya tiada tolak banding, dan Allah dalam kepenuhannya. Manusia lain pasti ada kelemahan sekalipun yang terhebat. Mereka yang berkemampuan memimpin mungkin cepat panas baran dan yang lemah lembut pula tidak teguh dalam pendirian mereka, adakala mereka diperbodohkan juga.

Tuhan Yesus lemah lembut, rendah hati namun Dia tegas dalam pendirian-Nya terhadap kebenaran. Sekalipun Dia berlemah lembut, Dia memasuki Bait Suci dan membalikkan meja-meja penukar wang yang menyalahgunakan Bait Allah. Dia bersabda, "Telah tersurat, "Rumah-Ku akan dipanggil rumah doa, tetapi kamu telah menjadikannya sarang pencuri" (Matius 21:12-17).

Dia tidak pernah terlanjur dalam perkataan-Nya malahan Dia mencabar sesiapa yang dapat mencari kesalahan-Nya. "Siapakah antaramu yang dapat membuktikan Aku berdosa? Jika Aku berkata benar, mengapa kamu tidak mempercayai-Ku?" (Yohanes 8:46). Dia tidak pernah meminta pengampunan daripada Allah Bapa sekalipun Dia mengajar kita untuk berdoa meminta pengampunan daripada Bapa Syurgawi (Matius 6:11).

Ketika Yesus menampilkan di Galilea, nubuat nabi Yesaya tentang Terang yang terbit di sana telah digenapi. Terang akan terbit dalam setiap jiwa wanita ketika Tuhan Yesus yang indah datang. "Tanah Zebulon, tanah Naftali, dipinggir laut, seberang Sungai Yordan, Galilea, tanah bangsa-bangsa asing. Bangsa yang hidup dalam kegelapan sebab melihat cahaya gemilang. Bagi mereka yang di bawah bayangan maut, Cahaya telah bersinar!" (Matius 4:12-17, Yesaya 8:23).

Doa: Allahku, biar aku bertambah cantik sewaktu aku menatap  
wajah Ros Sharon yang indah.

## BERAPA LAMA LAGI, TUHAN!

Renungan: **Habakuk 1:1-17**

*Berapa lama lagi, TUHAN, aku berteriak, tetapi tidak kaudengar, aku berseru kepada-Mu: "Penindasan!" tetapi tidak Kau tolong?  
—Habakuk 1:1*

Tangisan kepiluan Cik Lee Lang menyebabkan kopi O aku bercampuran airmataku ketika aku mendengar berita. "Kenapa tidak ada jawapan?... Saya tidak dapat menerima bahawa abang saya Beng Hock mati tanpa sebab." Keluarga ini sudah lama menantikan satu jawapan adil. "Kenapa?" seringkali muncul pada bibir kita ketika kita mendengar berita yang mengejutkan.

Kita dapat menyelami perasaan nabi Habakuk yang menangis "Kenapa?" Nabi Habakuk meratap dan menanyakan TUHAN berapa lama harus dia berteriak dalam doa sebelum TUHAN menjawab. Raja Daud juga pernah mengemukakan keluhan yang sama, "Dan jiwaku pun sangat terkejut; tetapi Engkau, TUHAN, berapa lama lagi?" (Mazmur 6:4).

Habakuk bertanya-tanya kenapa TUHAN mengambil begitu lama untuk menjawab doa-Nya. Bukankah ikan besar sedang menelan ikan kecil. Nabi Habakuk menanyakan TUHAN kenapa Dia membiarkan kelaliman berlanjutan di Yehuda. Nabi Habakuk mengemukakan pertanyaan penting, "Mata-Mu terlalu suci untuk melihat kejahatan dan Engkau tidak dapat memandang kelaliman. Mengapa Engkau memandang orang yang berbuat khianat itu dan Engkau berdiam diri, apabila orang Fasik menelan orang yang lebih benar daripada dia?" (Habakuk 1:13)

Nabi Habakuk tidak tahan melihat kelaliman lepas kelaliman terjadi dan orang benar menerima jawapan terbalik. Habakuk juga tidak dapat menerima jawapan hukum tertentu yang wujud pada masa itu. "Itulah sebabnya hukum kehilangan kekuatannya dan tidak pernah muncul keadilan, sebab orang fasik mengepung orang benar; itulah sebabnya keadilan muncul terbalik" (Habakuk 1:2; 3,9; 2:8, 17). Umat Tuhan yang mengendalikan hukum pada masa itu tidak lagi menurut keadilan hukum Musa dan sering memutarbelitkan hukum.

Habakuk bersama dengan umat yang salih di negaranya sedang menangis, "Berapa lama lagi, TUHAN, aku berteriak, tetapi tidak Engkau dengar, aku berseru kepadaMu: "Penindasan!" tetapi tidak Engkau tolong?" (Habakuk 1:2) Sewaktu pelbagai drama sosial muncul di arena masyarakat kita, dan watak-wataknya memakai pelbagai topeng tipu muslihat, anda mungkin merasa lelah dan berkeluh, "Berapa lama lagi, ya TUHAN?"

Doa: Allahku, campur tangan di arena kehidupan masyarakatku dan biarlah keadilan ditegakkan.

## LIHATLAH

Renungan: **Habakuk 1:5-10**

*Sebab sesungguhnya, Akulah yang membangkitkan orang Kasdim, bangsa yang garang dan tangkas itu, yang melintasi lintang bujur bumi untuk menduduki tempat kediaman, yang bukan kepunyaan mereka. —Habakuk 1:6*

**K**etika anak kita berbuat jahat, kita perlu mendisiplinnya dengan sewajarnya agar sikap salih dapat dibentukkan. Allah Habakuk bukan jenis yang membiarkan keadilan diabaikan dan kebenaran diterbalikkan oleh umat-Nya. Selaku Allah, Pencipta, Bapa dan Pembimbing mereka, Dia akan mendisiplin anak-anak-Nya dengan teliti.

Sewaktu penindasan bermaharaja lela, TUHAN mempunyai rancangan disiplin sekira umat-Nya tidak bertaubat. Bangsa Kasdim akan menjadi alat TUHAN untuk mendisiplin umat Tuhan. Bangsa itu dahsyat dan lebih ganas daripada serigala. TUHAN berfirman kepada Habakuk bahawa tidak ada manusia boleh berbuat kejahatan sesuka hati tanpa takut akan campurtangan TUHAN.

Amaran yang sama telah diberikan oleh Yeremia, “Sesungguhnya, Aku akan mendatangkan suatu bangsa dari jauh menyerang kamu, hai kaum Israel, demikianlah firman TUHAN, suatu bangsa dari dahulu kala, suatu bangsa yang tidak engkau kenal bahasanya, dan tidak engkau mengerti apa yang dikatakannya. Tabung panahnya seperti kubur yang ternganga, mereka semuanya adalah pahlawan-pahlawan” (Yeremia 5:15-16). Bangsa yang tidak dikenali mereka akan menjadi alat disiplin kalau mereka tidak mahu bertaubat dan hidup adil.

Ketika umat Tuhan berfikir mereka tetap anak-anak kesayangan Tuhan dan tidak ada hukuman akan terjadi dalam kehidupan mereka, Nabi Amos tanpa segan silu memberitahu mereka yang mengira mereka adalah biji mata-Nya bahawa, “TUHAN mengaum dari Sion dan dari Yerusalem...” (Amos 1:2).

Penulis kitab Ibrani berkata, “Dan sudah lupakah kamu akan nasihat yang berbicara kepada kamu seperti kepada anak-anak: “Hai anakku, janganlah anggap enteng didikan Tuhan, dan janganlah putus asa apabila engkau diperingatkan-Nya, dan Dia menyesah orang yang diakui-Nya sebagai anak. Jika kamu harus menanggung ganjaran; Allah memperlakukan kamu seperti anak. Di manakah terdapat anak yang tidak dihajar oleh ayahnya? Tetapi, jikalau kamu bebas dari ganjaran, yang harus diderita setiap orang, maka bukanlah anak, tetapi anak-anak gampang” (Ibrani 12:5-8).

Doa: Allah yang Maha Kuasa dan Maha Adil, ajarlah aku selalu hidup adil dalam segala urusan dengan orang lain.

## PEKERJAAN KITA

Renungan: **1 Korintus 10:31; Kejadian 1:26, 28**

*Jika engkau makan atau jika engkau minum, atau jika engkau melakukan sesuatu yang lain, lakukanlah semuanya itu untuk kemuliaan Allah. —1 Korintus 10:31*

Puan Ho bersolek manis dan begnya mengayakan sentuhan feminin tetapi wajahnya seperti tertelan assam kecut. Suaminya pula memancarkan wajah seakan-akan dia akan mengharungi Selat Melaka dan kemungkinan besar dia akan terbaham ikan yu. Wajah kita sewaktu kita membangun pagi untuk bekerja menceritakan kebencian kita terhadap pekerjaan.

Pernahkah orang lain terkesan dengan cinta kita akan pekerjaan kita? Tahukah mereka bahawa pekerjaan kita panggilan kudus kita dan suatu penghormatan daripada Allah? Sebaliknya, ketika kita bercakap tentang bos kita, adakah anak-anak kita membayangkan bos kita bagai harimau yang siap menerkam mangsanya. Puan Mawar, rakan sekerja Puan Ho pula seakan-akan pergi menderma kerana menurutnya gajinya tidak setimpal kelulusannya.

Kalau pekerjaan kita dipercayakan oleh Allah kepada kita, kita akan mengundang kehadiran Allah dan kehadiran kerajaan-Nya ketika kita menggoreng ayam penyek atau menolong pelanggan untuk melabur. Kita sedar bahawa sewaktu kita menyulam kain songket, tangan-Nya sedang menyulam bersama kita.

Pertanyaan penting bagi diri kita ialah “Bagaimanakah saya boleh menggunakan bakat yang dikaruniakan oleh Allah bagi kemuliaan Allah dan demi kebaikan sesama manusia?” Sewaktu kita menghadapi suatu cabaran atau ujian daripada pekerjaan adakah buah-buah Roh Kudus seperti kesabaran dan tahan menderita tampak, atau muzik iblis lebih yang berkumandang?

Sebagai pembawa gambaran Allah, kita ditugaskan untuk mencerminkan kemuliaan Allah. Allah mempercayai kita sewaktu dia menciptakan dunia ini dan memberi kita kewibawaan untuk mendatangkan keberhasilan dalam kerja kita. “Allah memberkati mereka, lalu Allah berfirman kepada mereka: “Beranakuculah dan bertambah banyak; penuhilah bumi dan taklukanlah itu, berkuasalah atas ikan-ikan di laut dan burung-burung di udara dan atas segala binatang yang merayap di bumi” (Kejadian 1:28). “Taburkan sederet benih dan anda akan mendapat tuaian. Taburkan sederet pekerja dan anda akan mendapat satu tamadun yang berbudaya” (Lester Dekoster).

Doa: Allahku, aku mahu memuliakan Engkau setiap saat dengan kerja yang kaupercayakan kepadaku.

## BUKAN SEPERTI PEREMUK LAIN

Renungan: **Kejadian 42:20-24**

*Lalu Reuben menjawab mereka: "Bukankah dahulu aku katakan kepadamu: Janganlah kamu berbuat dosa terhadap anak itu! Tetapi kamu tidak mendengarkan perkataanku. Sekarang darahnya dituntut daripada kita." —Kejadian 42:22*

Sikap dan kasih Reuben terhadap adiknya Yusuf membuat dia berlainan keperibadian daripada adik-adiknya. Sekalipun Yusuf bukan dilahirkan oleh ibunya Leah, ini tidak bererti dia perlu bermusuhan dan melakukan kekejian apabila kesempatan timbul. Menjual Yusuf sebagai hamba kepada pedagang tidak pernah terlintas pada benaknya. Tanpa diketahuinya, adik-adiknya telah menjual Yusuf kepada saudagar-saudagar.

Selama ini, Yusuf menangis kerana dia mendengar semua abangnya jahat dan tiada berperikemanusiaan (Kejadian 42:24). Kesedihan yang dihadapi dan dialaminya telah membuat Yusuf menamakan anaknya Manasye yang bererti "aku melupakan segala kesengsaraan dan rumah bakaku" (Kejadian 41:51). Yusuf menangis ketika terdengar apa yang dikatakan Reuben kepada adik-adiknya iaitu, "Bukankah dahulu aku katakan kepadamu. Jangan kamu berbuat dosa terhadap anak itu. Tetapi kamu tidak mendengarkan perkataanku. Sekarang darahnya dituntut daripada kita" (Kejadian 42:22).

Sekalipun ayahnya Yakub paling menyayangi Yusuf, anak sulung ini tetap tidak cemburu. Pakaian warna-warni yang dihadiahkan ayahnya kepada Yusuf tidak menghasutkan Reuben untuk bersongkol dengan adik-adik lain. "Ketika Reuben kembali ke sumur itu, ternyata Yusuf tidak ada di dalam. Lalu dikoyakkan bajunya" (Kejadian 37:30).

Sewaktu kita bekerja di tengah-tengah orang yang licik, adakah kita mengikut arus perdana yang ingin menjatuhkan orang tertentu? Adakah kita seperti Reuben memiliki simpati dan tidak mengikut hasutan orang lain? Hati yang bersimpati tidak akan mengikut arus yang meremukkan orang yang tidak berdosa.

Sikap dan hati kita berlainan daripada peremuk yang menggunakan kelicikan untuk menjatuhkan orang lain. Kita peka kepada kekudusan TUHAN dan tidak akan berdosa kepada TUHAN kerana kita menjunjung perintah-Nya. "Jangan mengucapkan saksi dusta tentang sesamamu" (Keluaran 20:16). Sebaliknya, kita berusaha menolong orang yang memerlukan galakan dan pertolongan kita untuk lebih maju lagi dalam pekerjaannya. Kita tidak mencari perangkap agar dia dijatuhkan pangkatnya.

Doa: Bapa Syurgawi, aku tidak akan mengikut peremuk-peremuk yang merancang perangkap licik bagi orang lain yang tidak bersalah.

## LAYAK MENERIMA PENDERITAAN

Renungan: **2 Korintus 6:4-10**

*Sebagai orang yang berdukacita, namun sentiasa bersukacita; sebagai orang miskin, namun memperkaya orang miskin, sebagai orang tak bermilik, sekalipun kami memiliki segala sesuatu. —2 Korintus 6:10*

Penganiayaan bagi Rasul Paulus bukanlah sesuatu yang dipandang sebagai mala petaka di luar kehendak Allah. Kalau kita ingin memenuhi Amanat Agung, mustahil kita tidak mengalami penganiayaan. Ketika Paulus dan Barnabas memberitakan Injil di Kota Litra, Ikonium dan Antiokia, mereka mempersiapkan hati umat yang percaya dengan mantap.

Mereka menasihati umat Tuhan agar bertekun dalam doa dan memberitahu mereka bahawa mereka harus masuk ke dalam kerajaan Allah melalui banyak kesengsaraan (Kisah Para Rasul 14:22). Rasul Paulus memberitahu Timotius bahawa, “Memang setiap orang yang mahu hidup beribadah di dalam Kristus Yesus akan menderita aniaya” (2 Timotius 3:12). Mereka tidak mengajar pengikut-pengikutnya akan mengalami berkat dan kesenangan sahaja.

Bagi rasul Paulus, penganiayaan tidak mendatangkan dukacita justru sukacita mengalir sederasnya dalam relungan kalbunya. Sukacita dialaminya ketika dia menanggung dera, dihina, diumpat, nyaris mati, dihajar dan mengalami kemiskinan (2 Korintus 2:5-10). Pastor Matthew Henry pernah berkata sukacita TUHAN akan melengkapi kita terhadap serangan musuh-musuh kita. Tanpa sukacita TUHAN, pengharapan, dan kasih akan Tuhan, kita tidak akan dapat bertahan terhadap penganiayaan, penghinaan, penderaan, dan serangan musuh.

“Berbahagialah orang yang dianiaya oleh sebab kebenaran, kerana merekalah yang empunya Kerajaan Syurga” (Matius 5:10). Ketika rasul-rasul dibawa ke Mahkamah Agama dan dilarang mengajar dalam nama Yesus, mereka bersukacita kerana dianggap layak menderita bagi Tuhan. “Rasul-rasul itu meninggalkan sidang Mahkamah Agama dengan gembira, kerana mereka telah dianggap layak menderita penghinaan oleh kerana Nama Yesus” (Kisah Para Rasul 5:41).

Salah satu penganiayaan yang paling teruk terjadi di Gaul dekat Vienne, bahkan Uskup Santo Pontinus mati syahid, pada zaman pemerintahan Marcus Aurelius. Seorang wanita yang bernama Blandina seorang ibu rohani mulia yang selalu memberi ilham kepada orang lain untuk berdoa, dan untuk berdiri teguh dalam Kristus disalibkan seperti Kristus; walaupun tubuhnya kecil dan lemah tetapi Dia menerima kemuliaan di hadirat-Nya.

Doa: Berilah aku kekuatan, Ya Tuhan Yesus, Engkau pernah berjalan di jalan penganiayaan.

## METERAI KELIMA

Renungan: **Wahyu 6:9-11**

*Dan ketika Anak Domba itu membuka meterai yang kelima, aku melihat di bawah mazbah jiwa-jiwa mereka yang telah dibunuh oleh kerana firman Allah dan oleh kerana kesaksian yang mereka miliki.*

—Wahyu 6:9

Ester Ahn Kim mengalami penganiayaan yang dihadapi oleh orang Kristian pada zaman perang dunia II di gunung Namsan. Banyak Kristian di Korea siap menderita kerana mereka tidak mahu menyembah dewa-dewa di kuil. Pendeta yang tidak menurut akan dilemparkan ke dalam penjara dan keluarganya akan melapar kerana bekalan makanan mereka disukat.

Penganiayaan segera datang ke sekolah Ester Kim di pergunungan yang tenang ini. “Ester, kalau awak tidak mahu menurut, tentu banyak masalah akan menimpa kami. Jangan hanya memikirkan dirimu sendiri,” kata guru besar sekolahnya ketika menyuruh anak-anak sekolah untuk menunduk kepada dewa-dewa di kuil Jepun.

Ketika Ester berjalan ke arah kuil di gunung itu, dia berkeputusan bahawa dia tidak akan memuja Amaterasu Omikami kerana dia berpendirian tidak ada yang boleh menggantikan kasihnya terhadap Tuhan Yesus. Ketika berjalan ke sana, dia teringat Daniel dan kawan-kawannya yang tidak mahu memuja raja Babel (Daniel 3:18). “Tunduk dan sembah...” Ester berdiri tegak sementara semua murid menyembah dewa ini dengan patuh.

Hati Ester tenang bagai air lautan luas yang tenang sambil dia melafazkan Yohanes 10. Ester bersedia mati bagi Gembalanya dan tidak menyesal mengambil pendirian ini. Askar-askar datang ke sekolah Ester, menangkapnya dan melemparkan dia ke dalam penjara selama enam tahun.

Kesaksiannya mengharukan banyak orang Korea dan orang Jepun sehingga terang kesaksiannya membawa banyak jiwa kepada Kristus. Orang Kristian di Jepun membuat satu filem mengenai cerita Ester yang mengharukan banyak orang untuk berdiri teguh di tengah-tengah penganiayaan.

Ester seperti Daniel memberi kita teladan anak-anak Tuhan yang hidup kudus sekalipun suasana sekelilingnya berubah. Daniel berkata, “Jika Allah kami yang kami puja sanggup melepaskan kami, maka Dia akan melepaskan kami dari perapian yang menyala-nyala itu, dan dari dalam tanganmu, ya raja; tetapi seandainya tidak, hendaklah tuanku mengetahui, ya raja, bahawa kami tidak akan memuja dewa tuanku, dan tidak akan menyembah patung emas yang tuanku dirikan itu” (Daniel 3:17-18).

Doa: Penganiayaan yang datang mengancam anak-Mu tidak pernah dilakukan tanpa pengetahuan Engkau.

## SUARA YANG BERLAINAN

Renungan: **Yohanes 8:1-11**

*Jawabnya: "Tidak ada, Tuhan." Lalu kata Yesus: "Aku pun tidak menghukum engkau. Pergilah, dan jangan berbuat dosa lagi mulai dari sekarang." — Yohanes 8:11*

 Di manakah suara yang membentak, "Angkat batu, rejamkan dia."

Di manakah suara yang penuh kemarahan, "Dia tidak layak hidup lagi dalam masyarakat kita"

Di manakah batu yang dilontarkan?

Di manakah mereka yang menunding jari?

Lenyap.

Senyap.

Semua suara redup bagai ombak yang reda di lautan yang berderu ganas, hanya kesenyapan yang ajaib. Suara ini sudah disenyapkan oleh Dia yang layak merejamkan semua yang berdiri di sana. Tidak disangka, timbullah satu Suara Ilahi yang berlainan daripada suara lain yang menyinari suasana yang gelap sehingga mata pendosa tercelik. Akhirnya, semua yang ingin merejamnya menyedari mereka tidak layak merejam wanita ini kerana mereka sendiri telah disaluti dosa yang memalukan.

Suara itu bertanya, "Hai perempuan, di manakah mereka? Tidak adakah seorang yang menghukum engkau?" (Yohanes 8:10).

Wanita yang tertangkap basah itu melayangkan pandangannya kepada lelaki yang bermata lembut dan tegas. Segala ketakutannya lenyap dan damai yang luarbiasa mengalir ke susuk tubuh yang menggigil dalam ketakutan. Semua lelaki yang begitu marah dan ganas sudah lenyap entah ke lorong mana. Yang dilihatnya hanya Anak Manusia dan mentari yang menyinari rambut-Nya yang lembut. Wajah-Nya yang lembut memberi pengharapan baru kepada wanita yang digelar keji oleh masyarakatnya.

Wanita itu menjawab, "Tidak ada, Tuhan."

Lalu kata Yesus: "Aku pun tidak menghukum engkau. Pergilah, dan jangan berbuat dosa lagi mulai dari sekarang." Yang layak mengambil batu untuk merejam telah merendahkan Diri-Nya dengan penuh kasih sayang dan berbelas kasihan terhadap pendosa.

---

Doa: Allahku, aku memuji Engkau atas anugerah pengampunan-Mu yang begitu besar.

## SALJI DI KUALA LUMPUR

Renungan: **Matius 9:35-38**

*Demikianlah Yesus berkeliling ke semua kota dan desa; Dia mengajar dalam rumah-rumah ibadah dan memberitakan Injil Kerajaan Syurga serta melenyapkan segala penyakit dan kelemahan. —Matius 9:35*



alaupun lagu-lagu Nam Wee mengundang kontroversi, lirik lagu Salji di Kuala Lumpur menarik perhatian aku.

Lirik lagunya:

Tiba-tiba angin dingin meniup ke atas menara tinggi,  
Kenangan manis berkecaian di lantai,  
Tiba-tiba kesepian kota yang padat ini mencengkam aku,  
Kedinginan membekukan jejariku dan merampas gelak tawa hidupku,  
Aku tidak dapat tidur kerana kenyataan kesepian di sekelilingku,  
Muzik mengundang edaran udara dan menghentikan kebekuan udara  
Angin dingin membeku bilikku  
Aku cuma boleh memejamkan mata untuk melawan kedinginan ini  
Malam sungguh sepi sehingga salji pun turun ke atas Kuala Lumpur

Di lorong-lorong tertentu di Kuala Lumpur, terlantar manusia dalam kedinginan walaupun tiada salji. Di tengah-tengah banyak paradoks negara ini, tersembunyi jiwa yang tenggelam dalam arus-arus dunia mereka sendiri. Mereka ini penagih dadah dan pesakit HIV yang terpinggir oleh masyarakat dan keluarga mereka sendiri. Penghuni-penghuni yang tertimbun salji akan menyambut kasih ilahi sekiranya ada yang menyuluh hati mereka yang membeku.

Ketika Yesus mengelilingi semua kota dan desa, hatinya sering tergerak oleh belas kasihan terhadap mereka yang terlantar seperti domba tanpa gembala di desa mahupun di kota. Kerinduan-Nya ialah menggembalakan mereka dan menyembuhkan mereka yang patah hati. Dia berkata kepada para murid-Nya, “Kerana itu mintalah kepada tuan yang empunya tuaian, supaya Dia mengirimitkan pekerja-pekerja untuk tuaian ini” (Matius 9:38).

Di tengah-tengah hiruk pikuk di Bandar, banyak pemuda-pemudi yang datang dari pedalaman untuk mencari sesuap nasi mungkin merasa kota sungguh dingin, bagai tertimbun salji. Saku selalu berlubang dan pelbagai godaan mengetuk di pintu. Tergerakkah hati kita apabila kita melihat mereka yang hidup dalam kedinginan bagai domba yang terlantar tanpa gembala. Sudikah kita pergi kepada mereka dengan hati yang berbelas kasihan?

Doa: Tuhan Yesus, di mana saja, kota atau rimba, jiwa-jiwa tetap berharga dan penting di mata-Mu, aku rela pergi.

## *Allah Bergerak*

*Allah bergerak dengan cara ghaib  
Keajaiban dilakukan-Nya  
Jejak-Nya diukirkan dalam lautan  
Dia mengedarai atas badai*

*Tak terselami betapa dalamnya gua batu bara  
Dengan kepakaran yang mahir  
Dia menjadikannya khazanah corak-Nya yang cerah  
Dan berkarya kehendak-Nya yang esa*

*Para imam yang takut, beranikan diri  
Awan yang kautakuti  
Besar dengan rahmat dan akan dicurahkan  
Berkat atas kepalamu*

*Jangan menyelami Tuhan dengan akal lemah  
Percayalah kepada anugerah-Nya  
Di sebalik penolakan suatu permintaan  
Tersembunyi senyuman-Nya*

*Tujuannya segera matang  
Bermekar setiap saat  
Kuncupnya mungkin pahit rasanya  
Namun manis bunganya*

*Ketidakpercayaan yang buta buat kau tersandung  
Usaha untuk memahami karyanya akan sia-sia  
Tuhan adalah Penterjemah-Nya sendiri  
Dia akan menjelaskan-Nya*

*— William Cowper*

## SAUH KEKAL

Renungan: **Ibrani 6:19**

*Pengharapan itu adalah sauh yang kuat dan aman bagi jiwa kita,  
yang telah dilabuhkan sampai ke belakang tabir.*

—Ibrani 6:19



kawanku, pengharapan kaum wanita tidak terputus pada tiang rumah, sauh yang menjadi pengharapan jiwa wanita ialah Juruselamatnya, dan kerajaan-Nya yang akan datang. Kita tidak melihat di luar tirai tetapi dengan tenang menatap di sebalik tirai kepada wajah Tuhan Yesus, dan pengharapan kedatangan-Nya.

Sewaktu Allah bersabda kepada Abraham bahawa dia akan menjadi bapa kepada satu negara, Abraham tidak melihat dirinya tua. Abram menantikan perjanjian Allah dengan sabar. “Abraham menanti dengan sabar dan dengan demikian dia memperoleh apa yang dijanjikan kepadanya” (Ibrani 2:15). Pengharapannya diikat pada tiang iman di belakang tabir, yang tidak kelihatan tetapi digenapi tepat masanya.

Pengharapan yang terputus di sebalik tirai memberi Abraham keberanian untuk melangkah ke tempat yang belum diketahuinya. “Kerana iman dia diam di tanah yang dijanjikan itu seolah-olah di suatu tanah asing dan di situ dia tinggal di khemah dengan Ishak dan Yakub yang turut menjadi ahli waris janji yang satu itu” (Ibrani 11:9).

Perjanjian yang diberikan oleh Allah menjadi sauh kepada Abraham bahawa dia akan mendapat zuriat. “Kerana iman dia juga dan Sara beroleh kekuatan untuk menurunkan anak cucu, walaupun usianya sudah lewat, kerana dia menganggap Dia, yang memberi janji itu setia. Itulah sebabnya, maka dari satu orang, malahan orang yang telah mati pucuk, terpancar keturunan besar, seperti bintang di langit dan seperti pasir di tepi laut, yang tidak terhitung banyaknya” (Ibrani 11:11-12).

Sauh kekal kita di sebalik tirai iman dan perjanjian-Nya menolong kita menempuh perjalanan kita dengan tabah. Pengharapan di sebalik tirai memberi cahaya lampu di tengah-tengah kemusykilan hidup. “Dan malam itu tidak akan ada lagi di sana, sebab Tuhan Allah akan menerangi mereka, dan mereka akan memerintah sebagai raja sampai selama-lamanya” (Wahyu 22:5).

Aku labuhkan jiwa di sebalik tirai iman  
Bermekar di bawah mentari perjanjian-Nya  
Pandangan di depanku tidak seindah  
Tapi imanku berlabuh di sebalik tirai ini  
Kepada Juruselamat yang memerintah selama-lamanya

Doa: Tuhan Yesus, sewaktu aku berjalan, biarlah aku melabuhkan imanku  
di sebalik tirai perjanjian-Mu.

## BILA BADAI MENIMPA

Renungan: **Mazmur 46:1-5**

*TUHAN itu baik; Dia adalah tempat pengungsian pada waktu kesusahan;  
Dia mengenal orang-orang yang berlinggung kepada-Nya.*

—Nahum 1:7

Hari ini pantai kelihatan tenang, burung-burung bersantai atas gelombang yang beralun-alun dengan tenang. Sesaat kemudian, kita berlari lingkang pukang kerana gelombang ombaknya semakin meninggi dan suara lautan semakin menganas. Hempasan ngeri semakin mendekati kaki kita sehingga kita tersandung dan jatuh tertiarap.

Kadangkala badai datang dalam jiwa kita tiba-tiba tanpa kita mengundangnya. Ketika badai menerpa, kita perlu bertenang dan memperoleh perlindungan daripada Dia yang berjalan dalam puting beliung dan badai. Ingat, awan adalah debu kaki-Nya. Roda-roda kereta kuda pun tidak setanding jejak kaki-Nya di Lautan Teberau. Itulah Allah kita, tempat perlindungan dan perisai jiwa kita.

Layangkan mata anda kepada Tuhan yang menjadi kubu pertahanan apabila badai menerpa anda. "Allah itu bagi kita tempat perlindungan dan kekuatan, sebagai penolong dalam kesesakan sangat terbukti. Sebab itu kita tidak akan takut, sekalipun bumi berubah, sekalipun gunung-gunung goncang dalam laut; sekalipun ribut dan berbuih airnya, sekalipun gunung-gunung goyang oleh geloranya. Sela" (Mazmur 46:1-2).

Sekalipun badai itu akibat kesalahan anda sendiri, ketika anda berpaling kepada Tuhan dan menyesal, Dia menolong. "Sekalipun Aku telah merendahkan engkau, tetapi Aku tidak akan merendahkan engkau lagi. Sekarang Aku akan mematahkan gandarnya yang memberati engkau, dan aku akan memutuskan belenggu-belenggu yang mengikat engkau" (Nahum 1:13). Berseru kepada-Nya yang dapat mengacungkan tangan untuk membelah air yang menelan anda, dan menolong anda untuk berjalan dalam terang-Nya.


Ingat selalu "Setiap kesedihan pada intipatinya memiliki permata kebenaran; kalau anda mendapatnya dan menabur dalam hati anda, anda akan mendapat tuaian buah-buahnya... Allah mempunyai maksud dalam setiap pahatan-Nya, setiap goresan pisau-Nya. Dia tahu jalan yang diambil-Nya. Tujuan-Nya mungkin tidak selalu jelas kepada kita... Kesedihan adalah satu sekolah. Anda duduk di bangkunya yang keras dan belajar daripada halaman-halaman hitam, yang menjadikan anda bijak. Jangan sia-siakan kesempatan untuk menamatkan pengajian daripadanya." (F.B. Meyer). Sewaktu badai melandai, pegang tangan-Nya dan belajar daripada-Nya.

Doa: Allah Pembelah badai dalam hidupku, aku menerima ajaran permata-Mu saat ini.

## PANAH-PANAH ALLAH

Renungan: **Mazmur 127:3-5**

*Seperti anak-anak panah di tangan pahlawan, demikianlah anak-anak pada masa muda. Berbahagialah orang yang telah membuat penuh tabung panahnya dengan semuanya itu. Dia tidak akan mendapat malu apabila dia berbicara dengan musuh-musuh di pintu gerbang. —Mazmur 127:4-5*

“etiap kali anda ingin sesuatu perubahan, perkara pertama yang anda mesti berbuat ialah meningkatkan tahap anda” (Anthony Robbins). Kebanyakan wanita berusaha meningkatkan kepandaian anak-anak mereka. Anak-anak kecil kini dilengkapi dengan pelbagai kemahiran: menyanyi, bermuzik, berbahasa baru bahkan berkemahiran karate! Meningkatkan kemampuan anak-anak kita untuk mengasihi dan melayani Tuhan jauh lebih penting daripada hanya meningkatkan tahap kepandaian mereka.

Alkitab berkata anak-anak adalah panah-panah di Tangan Pahlawan dan mereka ibarat khazanah keluarga. Pahlawan itu ialah Tuhan Yesus yang kita sembah dan anak-anak kita ialah panah dalam tangan-Nya kalau mereka dilatih baik-baik. Pembuat panah mesti mengasah, menggilap, menumbuk, dan menajam setiap panah agar boleh menang dalam perang.

Samuel belajar melayani sejak kecil bersama Eli sejak kecil lagi. “Samuel yang muda itu menjadi pelayan TUHAN di bawah pengawasan Eli. Pada masa itu firman TUHAN jarang; penglihatan-penglihatan pun tidak sering... Dan Samuel makin besar dan TUHAN menyertai dia dan tidak ada satu pun dari firman-Nya itu yang dibiarkan-Nya gugur” (1 Samuel 1:1, 19).

Raja Daud mengambil alih perang daripada raja Saul untuk menghadapi raksasa, Goliat. Sewaktu Raja Daud masih kecil, dia sudah dengan yakin berkata, “Pula kata Daud: “TUHAN yang telah melepaskan aku dari cakar singa dan dari cakar beruang. Dia juga akan melepaskan aku dari tangan orang Filistin itu.” Kata Saul kepada Daud: “Pergilah! TUHAN menyertai engkau.” (1 Samuel 17:37).

Yosia menjadi raja-raja sewaktu dia baru berumur 8 tahun. Raja Yosia telah menyumbang kepada keteguhan negaranya dengan bantuan ibunya. “Yosia berumur delapan tahun pada waktu dia menjadi raja dan tiga puluh satu tahun lamanya ia memerintah di Yerusalem. Nama ibunya Yedida binti Adaya, dari Bozkat. Dia melakukan apa yang benar di mata TUHAN dan hidup sama seperti Daud, bapa leluhurnya, dan tidak menyimpang ke kanan atau ke kiri” (2 Raja-Raja 22:1-2).

Doa: Allah Bapa, ajarlah aku melatih anak-anakku sehingga mereka bagai panah dalam tangan-Mu yang selalu bersiap untuk berperang bagi-Mu.

## SEMAKIN TERANG

Renungan: **Roma 13:10-14**

*Hari sudah jauh malam, telah hampir siang. Sebab itu marilah kita menanggalkan perbuatan-perbuatan kegelapan dan mengenakan perlengkapan senjata terang!” –Roma 13:12*

Kadangkala sesudah kita menempuh pertengahan perjalanan, kita menyadari diri kita berada dalam hutan yang gelap kerana kita sudah tersesat. Kadangkala kita mungkin berjalan di luar jalur terang Kristus tetapi kita berusaha kembali ke terang itu.

Semakin anak Tuhan berjalan dengan Raja Terang, semakin mereka mengenakan senjata terang dan menanggalkan perbuatan kegelapan. Perjalanan dengan Kristus harus semakin terang dan akraab bukan semakin gelap, dan semakin surut kasih kita. Rasul Paulus ingin orang Kristian semakin dekat dengan Tuhan dan memakai senjata terang-Nya.

Apabila jendela-jendela kehidupan kita terbuka untuk kehadiran Tuhan, setiap sudut gelap akan diterangkan. Serangga-serangga aneh-aneh akan merangkak keluar dan digantikan karunia-karunia dan buah-buah Roh Kudus. Wanita yang membiarkan Kristus bertakhta dalam hatinya akan berkata, “Hari sudah jauh malam, telah hampir siang...” (Roma 13:12a).

Sifat Kristus akan menjadi teladan kita apabila kita menelusuri jalan yang terang. “Tetapi kenakanlah TUHAN Yesus Kristus sebagai perlengkapan senjata terang dan janganlah merawat tubuhmu untuk memuaskan keinginannya” (Roma 13:14). Perhatian dan beban kita lebih terarah kepada urusan Allah di dunia ini bukan urusan memanjakan keinginan diri.

Martin Luther berkata, “Iman ialah sesuatu yang aktif dan berkuasa. Roh Kudus memberi kita iman yang membawa perubahan kepada minda dan tabiat kita. Itu juga suatu proses yang mengubah hati kita. Ia mendatangkan manusia yang baru yang seutuhnya.” Thomas a Kempis berkata, “Firman Kristus mengingatkan kita untuk meneladani kehidupan-Nya dan cara-cara-Nya supaya kita diterangkan dan dibebaskan dari segala kegelapan.”

John Owen berkata, “Kita membunuh dosa dengan mengasihi prinsip kekudusan dan pengudusan dalam jiwa kita. Berusaha untuk meningkat dan menguatkannya dengan bertumbuh dalam anugerah, dan dengan keseringan dan kesetiaan melakukannya dalam setiap pekerjaan, peristiwa, berlimpahan dengan buahnya. Bertumbuh, berlimpah, dan menjadi lebih baik dalam kekudusan secara keseluruhannya, adalah cara yang hebat untuk membunuh dosa.”

Doa: Roh Kudus, penuhi aku dan cerahkan setiap langkah kakiku sehingga aku semakin diperlengkapi senjata terang.

## LAYAK MELAYANI

Renungan: **Amsal 31:16-18, 26**

*Dalam hal ini tidak ada orang Yahudi atau orang Yunani, tidak ada hamba atau orang merdeka, tidak ada hamba atau orang merdeka, tidak ada laki-laki atau perempuan, kerana kamu semua adalah satu di dalam Kristus Yesus.*

—Galatia 3:28

Bagi rasul Paulus, pelayanan tidak membezakan lelaki dan wanita. Baginya, semua orang dalam Tuhan Yesus tidak ada perbezaan status dalam pelayanan. Priscilla, Phoebe, Euodia dan Syntyche giat melayani Allah bersama Rasul Paulus. Rasul Paulus tidak membezakan golongan hamba atau orang merdeka, orang Yunani atau orang Yahudi, laki-laki atau perempuan, anak kecil atau anak remaja.

Pelan ciptaan asal tidak berkata wanita lebih rendah dan tidak penting. Adam dan Hawa diutus untuk berkuasa dan memelihara bumi. “Bertimpuhlah Allah: “Baiklah Kita menjadikan manusia menurut gambar dan rupa Kita, supaya mereka berkuasa atas ikan-ikan di laut dan burung-burung di udara dan atas ternak dan atas seluruh bumi dan atas segala binatang yang melata yang merayap di bumi” (Kejadian 1:26). Tanggungjawab yang diberikan Allah tidak hanya diserahkan ke dalam tangan Adam.

Wanita digambarkan sebagai manusia bijaksana dan arif untuk mengajar keadilan dan kesetiaan dalam kitab Amsal. “Hai para pria, kepadamulah aku berseru, kepada anak-anak manusia kutunjukkan suaraku. Hai orang yang tak berpengalaman tuntutlah kecerdasan, hai orang bebal, mengertilah dalam hatimu. Dengarlah, kerana aku akan mengatakan perkara-perkara yang dalam dan akan membuka bibirku tentang perkara-perkara yang tepat...Segala perkataan mulutku adalah adil, tidak ada yang berbelat-belit atau serong” (Amsal 8:4-8).

Wanita dalam Amsal 31 digambarkan sebagai orang yang bijak, dia membeli sebuah ladang yang diinginkannya, dan menanam kebun anggur. Dia juga pandai mengajar, “Dia membuka mulutnya dengan hikmat, pengajaran yang lemah lembut ada di lidahnya” (Amsal 31:26). Dia bukan jenis wanita yang tidak tahu apa-apa tetapi sebaliknya dia banyak mengurus hal rumahtangga mahupun perniagaan yang mendatangkan berkat bagi keluarga selain pandai mengajar firman-Nya.

Ingat wanita, anda juga diberikan karunia-karunia Roh Kudus untuk melayani-Nya dengan penuh keyakinan dan sukacita. Jangan menghampakan Allah yang mencorakkan anda dengan istimewa untuk kemuliaan-Nya (Mazmur 139: 13-14).

Doa: Bapa Syurgawi, aku menyerahkan bakat yang Kaukarunia kepadaku demi mendatangkan berkat kepada keluargaku dan orang lain.

# HANA

Renungan: **Lukas 2:36-38**

*Dan pada ketika itu juga datanglah ia ke situ dan mengucap syukur kepada Allah dan berbicara tentang Anak itu kepada semua orang yang menantikan kelepasan untuk Yerusalem. —Lukas 2:38*

**M**undar mandir penduduk Nazaret  
Roda gerabak berputar-putar  
Kampung Nazaret  
Sibuk pagi ini

Mesias sudah dilahirkan  
Di tengah-tengah kampung terpinggir ini  
Impian yang dinanti-nantikan  
Bertahun-tahun sudah menjelang  
Yang bermata rohani  
Berhenti dan menyembah  
Juruselamatmu  
Raja atas segala raja  
Sudah berada di kampung ini

Yang buta rohani  
Tetap mundar-mandir dengan gerabak mereka

Hana seorang janda sedang menunggu Mesias yang dijanjikan nabi-nabi sejak zaman dahulu.

Siapakah Hana? “Lagipula di situ ada Hana, seorang nabi perempuan, anak Fanuel daripada suku Asyer. Dia sudah sangat lanjut umurnya. Sesudah kahwin, dia hidup tujuh tahun lamanya bersama suaminya, dan sekarang dia janda dan berumur delapan puluh empat tahun. Dia tidak pernah meninggalkan Bait Allah dan siang malam beribadah dengan berpuasa dan berdoa” (Lukas 2:36-38). Penderitaan kehilangan suami, tidak merabunkan mata rohani dan ibadah Hana. Pengharapannya akan kelahiran Mesias tidak pernah pudar. Doa dan puasanya selalu menyiapkan jiwanya untuk kedatangan berkat Tuhan yang dijanjikan para nabi sejak zaman dahulu.

Dia bersyukur atas kehadiran anak ini dan memberitahu semua orang tentang kelepasan yang dinantikan oleh umat Tuhan. Kepekaan rohani telah memampukan dia menerima Juruselamat ketika Dia dilahirkan di dunia.

Doa: Allahku, tajamkan mata rohaniku untuk melihat wajah-Mu yang mulia dan indah.

## BERILAH TELINGA-MU

Renungan: **Nehemia 1: 1-11**

*Ya Tuhan, berilah telinga kepada doa hamba-hamba-Mu yang rela takut akan nama-Mu, dan biarlah hamba-Mu berhasil hari ini dan mendapat belas kasihan daripada orang ini. —Nehemia 1:11*

**R**. S. Thomas berkata, “Doa ibarat melontar batu kerikil ke pintu syurga untuk menarik perhatian Kekasih.” Wanita, anda boleh terus melontar batu ke pintu syurga sambil anda menguruskan urusan rumah selain dari waktu doa yang ditetapkan.

Nehemia memegang peranan yang penting sebagai juru minuman tetapi dia tidak pernah meninggalkan nafas doanya. Sewaktu dia menguji minuman raja, dia terus berdoa. Status dan pekerjaannya tidak menghalangi dia daripada terus berdoa dan memiliki impian membangun tembok Yerusalem. Jiwa Nehemia selalu direndam dalam doa.

Peranannya di istana sungguh penting namun ini tidak bererti dia mesti melupakan Raja yang Maha Mulia. Walaupun dia tinggal dalam istana yang selesa, hatinya tetap untuk keadaan umat Tuhan di luar istana. “datanglah Hanani, salah seorang daripada saudara-saudaraku dengan beberapa orang dari Yehuda. Aku menanyakan mereka tentang orang Yahudi yang terluput, yang terhindar dari penawanan dan tentang Yerusalem” (Nehemia 1:2).

Dalam istana pun, dia tetap berdoa dengan tekun, berkabung dan masih mengingat perjanjian Tuhan dengan umat-Nya. “Ketika kudengar berita ini, duduklah aku menangis dan berkabung selama beberapa hari. Aku berpuasa dan berdoa ke hadirat Allah semesta langit, kataku: “Ya TUHAN, Allah semesta langit, Allah yang Maha Besar dan dahsyat, yang berpegang pada perjanjian dan kasih setia-Nya terhadap orang yang kasih kepada-Nya dan tetap mengikuti perintah-perintah-Nya” (Nehemia 1:4-5).

Bagaimanakah Nehemia melayani rajanya kalau dia berdoa siang dan malam? Nehemia berdoa kepada Tuhan dalam hatinya terus menerus sambil bekerja. Doa yang tidak terputus-putus mengalir sepanjang hari sehingga rancangan Tuhan bagi umat Tuhan sudah berjaya sebelum diusahakan. Nehemia tidak bergantung pada sumber-sumber manusia atau kekayaan istana untuk menjayakan projek Allah. Allah ialah sumber utama kejayaannya,

“Jika doa yang tak henti-hentinya boleh mengubah kehendak-Nya yang dapat melakukan segala perkara, saya tidak akan berhenti melelahkan-Nya dengan tangisan saya yang tekun,” kata penulis John Milton. Wanita, berapa kalikah doa anda telah mengubahkan situasi dalam kehidupan anda mahupun kehidupan orang lain?

Doa: Roh Kudus, di mana saja aku berada, tolonglah aku menaikkan doa kepada Allah Bapa dengan setia.

## BERDOA TERUS

Renungan: **Nehemia 2:1-10**

*Kerana Allah itu esa dan esa pula Dia yang menjadi pengantara antara Allah dengan manusia, iaitu Kristus Yesus. —1 Timotius 1:5*

Pernahkah anda berdoa, “Tuhan, sendengkan telinga Engkau kepada aku kerana aku perlu berhasil dalam pelayanan ini walaupun betapa mustahil.”

Nehemia berjaya menggunakan kedudukannya sebagai juru minuman untuk mendatangkan perubahan kepada umat Tuhan kerana hidup doanya. Dia berani meminta pertolongan daripada raja kafir kerana dia tahu bahawa Allah Maha Kuasa mampu melakukan yang mustahil. “Ya Tuhan, berilah telinga kepada doa hamba-Mu yang rela takut akan nama-Mu, dan biarlah hamba-Mu berhasil hari ini dan mendapat belas kasihan daripada orang ini.” Ketika itu aku ini juru minuman raja” (Nehemia 2:11).

Nehemia berada dalam sikap doa ketika raja bertanya apa yang diingini (Nehemia 2:5). Berhala-berhala dan tentera-tentera di sekeliling istana itu tidak menawarkan hati Nehemia untuk meminta dengan berani daripada raja dan menurunkan kuasa syurgawi. Permintaan Nehemia mungkin akan menimbulkan kecemburuan daripada pihak-pihak tertentu tetapi Nehemia sudah berdoa kepada Allah semesta alam.

Nehemia selalu membawa seluk beluk urusannya dalam doa kepada Allah yang Maha Esa yang memberi laluan khas dalam projeknya. Allah membimbing dia untuk pergi ke Yerusalem apabila sudah malam di mana hanya beberapa orang dan seekor binatang. Keyakinan Nehemia telah mengilhamkan umat Tuhan yang lain sehingga mereka sehati sejiwa mahu membangun tembok Yerusalem. “...Kami siap membangun!...” (Nehemia 2:18b).

Wanita, undanglah Allah dalam segala urusan hidupmu dengan tidak mengenal lelah sewaktu anda membangunkan tembok keluarga. “Banyak orang yang memegang peranan penting bersikap dingin dan asing terhadap doa. Tidak hairanlah, kalau pelayanan mereka tidak berjaya. Sekalipun banyak orang berdoa dalam gereja, doa mereka hanya menurut acuan tertentu. Doa mereka tenang, tidak berani, kesuntukan api dan tidak berkuasa. Doa jenis ini pun hanya dilakukan oleh beberapa orang dalam persekutuan doa. Mereka yang terkenal di gereja-gereja hebat kita pun bukan jenis orang yang bertabiat doa. Padahal kerja yang dilakukan oleh mereka bergantung pada senjata doa. Fakta ini ibarat negara yang sewaktu menghadapi krisis mengakui bahawa mereka tidak tahu berperang dan kurang kemahiran menggunakan senjata yang diperlukan untuk berperang” (Edward McKendree Bounds).

Doa: Tuhan Yesus, ajar aku menggunakan senjata doaku dalam perang rohaniku demi mencapai kemenangan.

## ALLAH BERPERANG UNTUKMU

Renungan: **Nehemia 4:10-14**

*Kuamati semuanya, lalu bangun berdiri dan berkata kepada para pemuka dan para penguasa dan kepada orang-orang yang lain: "Jangan kamu takut terhadap mereka! Ingatlah kepada Tuhan yang Maha Besar dan dahsyat dan berperanglah untuk saudara-saudaramu, untuk anak-anak lelaki dan anak-anak perempuanmu, untuk isterimu dan rumahmu.*

—Nehemia 4:14

**I**ngatlah kepada Tuhan yang Maha Besar setiap waktu anda sedang berperang rohani bagi keluarga anda yang tercinta. Ketika badai menerpa, berpaling kepada Tuhan yang dahsyat. Panglima Bala Tentera akan berperang bagi anda. Jangan biarkan masalah itu menjadi sumber ancaman anda.

Pekerjaan suami anda mungkin menghadapi masalah seperti rombongan Nehemia yang kekurangan pengangkat dan puing-puingnya sangat banyak. Mereka merasa seakan-akan mahu mengibar bendera putih saja. Berkatalah orang Yehuda: "Kekuatan para pengangkat sudah merosot dan puing semakin banyak. Tak sanggup lagi kami membangun kembali tembok ini!" (Nehemia 4:10). Keadaan ini bertambah tegang lagi ketika Tobia mengejek mereka, "Sekalipun mereka membangun kembali, kalau seekor anjing hutan meloncat dan menyentuhnya, robohlah tembok batu mereka" (Nehemia 4:3).

Mungkinkah segala usaha anda terancam sehingga anda merasa seakan-akan tak sanggup melanjutkan pelayanan ini. Nasihat-nasihat yang anda terima semua kedengaran negatif sehingga anda merasa tertekan. Ingatlah Tuhan pada saat ini dan bersandar kepada-Nya. "Sebab itu marilah kita dengan penuh keberanian menghampiri takhta kasih karunia, supaya kita menerima rahmat dan menemukan kasih karunia untuk mendapat pertolongan kita pada waktunya" (Ibrani 4:16).

Nehemia menasihati umat Tuhan bahawa mereka perlu selalu ingat kepada Tuhan dan membawa segalanya kepada Tuhan. Tuhanlah yang akan menyempurnakan segalanya bagi mereka. "Jangan kamu takut terhadap mereka! Ingatlah kepada Tuhan yang Maha Besar dan dahsyat dan berperanglah untuk saudara-saudaramu, untuk anak-anak lelaki dan anak-anak perempuanmu, untuk isterimu dan rumahmu" (Nehemia 4:14).

Ingat selalu sumber dan bantuan pertolongan datang daripada Pencipta yang Maha Kuasa dan Maha Kuat (Yesaya 40:26-28). "Dia memberi kekuatan kepada yang lelah dan menambah semangat kepada yang tiada berdaya" (Yesaya 40:29).

Doa: Allahku, berilah aku keberanian untuk berdiri teguh di tengah-tengah penganiayaan, ancaman dan serangan terhadap imanku.

## ITU ISAPAN JEMPOLMU BELAKA!

Renungan: **Nehemia 6**

*Lalu aku mengirim utusan kepada mereka dengan balasan: "Aku tengah melakukan suatu pekerjaan yang besar. Aku tidak boleh datang! Untuk apa pekerjaan ini terhenti oleh sebab aku meninggalkannya dan pergi kepada kamu! — Nehemia 6:3*

Pendekatan yang digunakan oleh iblis untuk menghalangi pelayanan kita licik. Dia datang dengan berbulu domba dan suara lembut tetapi juga ancaman maut.

Sanbalat, Tobia, Gesyem, dan beberapa musuh lain berpura-pura mengundang Nehemia mengadakan pertemuan di Lembah Ono. Niat undangan ini ialah menghentikan pembangunan Bait Allah dan niat mencelakakan Nehemia. Nehemia tidak terjebak tipu muslihat mereka kerana panggilannya untuk membangun tembok Rumah Allah sudah tertancap kukuh. Perkara remeh temeh seperti bermesyuarat di Lembah Ono tidak menariknya. Dia berkata, "Aku tengah melakukan suatu pekerjaan yang besar!"

Musuh menggunakan khabar angin untuk mendekati Nehemia. Mereka berkata ada desas desus yang mengabarkan bahawa Nehemia ingin menjadi raja. Mereka menasihati agar Nehemia cepat-cepat berunding dan menyelesaikan perselisihan faham ini. Kalau tidak, semua orang akan memberontak dan ancaman akan datang bertubi-tubi. Nehemia tidak menjawab namun dia mengirimkan jawapan bahawa itu hanya isapan jempol mereka dan mereka sengaja menakung di air keruh (Nehemia 6:8).

Apabila taktik kedua gagal, musuhnya menggunakan ancaman bahawa ada orang mahu membunuh Nehemia dan oleh kerana itu mereka mesti segera bertemu (Nehemia 6:10). Nehemia tetap tidak gagal kerana dia berdoa kepada Allah. "Ya Allahku, ingatlah bagaimana Tobia dan Sanbalat masing-masing telah bertindak! Pun tindakan nabiah Noaja dan nabi-nabi yang lain yang mahu menakut-nakutkan aku" (Nehemia 6:14). Pendirian Nehemia tetap kukuh kerana dia bersandar kepada yang Maha Kuasa walaupun ancaman pembunuhan datang ke telinganya.

Akhirnya, musuh-musuh ini berusaha mengacau umat Tuhan dengan mengirim banyak surat. Musuh-musuhnya berusaha meyakinkan umat Tuhan akan segala kebaikan Tobia agar mereka berpaling daripada kesetiaan terhadap Nehemia. Banyak surat telah dituliskan Tobia untuk menakut-nakutkan Nehemia tetapi tidak sepucuk pun berjaya mengundang Nehemia berhenti sejenak. Betapa licik jerat iblis pun, ia tidak mengoyahkan kakinya kerana Nehemia membawa semuanya dalam doa.

---

Doa: Allahku, telinga dan mataku hanya bertumpu kepada-Mu yang memanggilkmu ke pelayanan ini.

## BINTANG TIMUR DALAM HATI

Renungan: **2 Petrus 1:19-21; 2 Timotius 3:16**

*Dengan demikian kami makin diteguhkan oleh firman yang telah disampaikan oleh para nabi. Alangkah baiknya kalau kamu memperhatikannya sama seperti memperhatikan pelita yang bercahaya di tempat yang gelap sampai fajar menyinsing dan bintang timur bersinar di dalam hatimu. —2 Petrus 1:19*

**W**ahai wanita yang dicintai, kita perlu menyambut kecerahan dan kekekalan dalam hati. Renungi pelita yang bercahaya dalam hati kita sehingga terbit bintang timur.

Petrus menyedari memang sifat resmi manusia yang suka mengikut dongeng-dongeng isapan jempol manusia daripada memperhatikan firman Tuhan, pelita yang bercahaya terang. Pada zaman yang semakin jahat, nilai-nilai moral menjadi semakin relatif dan kabur. Firman Tuhan mesti menjadi bintang timur bukan pemimpin-pemimpin yang tidak menjunjung firman Tuhan, tidak lagi memikul salib dan hanya mengikut rentak semasa.

Guru-guru palsu mengajar doktrin yang bagai kuih lapis yang manis mudah mendapat sambutan hangat tetapi pelita terang ada pada para nabi yang berpegang teguh pada kebenaran. “Dengan demikian kami makin diteguhkan oleh firman yang telah disampaikan oleh para nabi. Alangkah baiknya kalau kamu memperhatikannya sama seperti memperhatikan pelita yang bercahaya di tempat yang gelap sampai fajar menyinsing dan bintang timur terbit bersinar di dalam hatimu” (2 Petrus 1:19).

“Nyanyikannya kepadaku lagi  
 Firman hidup yang indah  
 Biar kulihat keindahannya  
 Firman hidup yang indah  
 Firman yang hidup dan indah  
 Ajar aku iman dan tugas  
 Firman yang indah,  
 Firman yang ajaib  
 Firman ajaib yang hidup.” (Philip P. Bliss 1838-1876)

Firman Tuhan yang tidak direnungi bagai mentari musim panas yang tidak menghangatkan dan mencairkan hati yang membeku. Meditasilah firman Tuhan sehingga fajar menyinsing kerana ingatan kita licin dan hati kita keras, dan kebenaran mudah tergelincir daripada kita. Cernakannya sehingga firman ini menjadi daging dan urat kita. Sambutlah bintang timur firman Tuhan yang tetap dan bukan pengkhotbah yang memberi anda kuih dodol.

Doa: Bapa Syurgawi, ajari aku menikmati firman-Mu sehingga ia menjadi kegirangan dan kesukaan hatiku.

## MENCARI MUKA TUHAN

Renungan: **2 Tawarikh 20:1-15**

*Yosafat menjadi takut, lalu mengambil keputusan untuk mencari TUHAN, dia menyerukan kepada seluruh Yehuda supaya berpuasa.*

—2 Tawarikh 20:3

**T**iupan trompet memberi amaran bahawa serombongan askar yang terdiri daripada perserikatan tiga negara besar akan segera menyerang negara raja Yosafat.

Yosafat tidak melihat badai yang menjulang di depannya tetapi matanya melayang kepada TUHAN yang Maha Kuasa. Dia mencari TUHAN. “Yosafat menjadi takut, lalu mengambil keputusan untuk mencari Tuhan. Dia menyerukan kepada seluruh Yehuda supaya berpuasa. Dan Yehuda berkumpul untuk meminta pertolongan daripada TUHAN. Mereka datang dari semua kota di Yerusalem untuk mencari TUHAN” (2 Tawarikh 19:3-4).

Yosafat yang selalu berjalan bersama TUHAN tahu muka siapa yang harus dicarinya sewaktu serangan besar berada di ambang pintunya. Minda dan hatinya selalu terarah kepada TUHAN bukan sumber lain. “Dan TUHAN menyertai Yosafat kerana dia hidup mengikuti jejak yang dahulu daripada Daud, bapa leluhurnya, dan tidak mencari Baal-Baal” (2 Tawarikh 17:3).

Walaupun dalam krisis, Yosafat ingin hati TUHAN dan cara-Nya dalam saat ini. Yang penting bagi raja ini bukan badai yang mengancam tetapi apa yang dikatakan oleh Tuhan. Ketika raja Ahab mencadang agar rakyat Yosafat dan rakyatnya sama-sama pergi berperang. Yosafat berkata, “Baiklah tanyakan dahulu firman TUHAN” (2 Tawarikh 18:4).

Raja Yosafat tahu TUHAN yang bertakhta di takhta yang tertinggi. Pautan teguhnya pada krisis ini ialah Raja dan Penciptanya. Yosafat mengenal TUHAN sebagai TUHAN bapa leluhurnya, dan cara Dia melakukan mukjizat. “Ya Tuhan, Allah nenek moyang kami, bukankah Engkau Allah di dalam syurga” (2 Tawarikh 20:6a). Dialah TUHAN yang menjadi warisannya adalah TUHAN yang melepaskan mereka dari Mesir, yang memelihara, yang membimbing, dan yang selalu menyertai mereka (2 Tawarikh 20:11).

Yosafat dengan penuh iman berdoa, “...Kuasa dan keperkasaan ada di dalam tangan-Mu, sehingga tidak ada orang yang dapat bertahan melawan Engkau” (2 Tawarikh 20:6b). Yosafat yang mencari TUHAN juga yakin Dia akan bertindak dalam kemenangan. Wahai wanita, saat krisis datang memukul di ambang pintu anda, adakah anda segera mencari wajah TUHAN atau anda meminta pertolongan manusia dengan segera?

Doa: Allah warisanku, aku ingin selalu mencari Engkau dalam setiap situasi kehidupanku.

## POKOK YANG DITANAM DEKAT SUNGAI

Renungan: **Mazmur 1**

*Dia seperti pohon, yang ditanam di tepi aliran air, yang menghasilkan buahnya pada musimnya, dan yang tidak layu daunnya; apa saja yang diperbuatnya berhasil.*

—Mazmur 1:3



ubuk nenekku terletak di tepi sungai dan semua yang pernah ditanamnya berbuah lebat dan berjus manis kerana kebun ini diairi oleh sungai ditepinya.

Anak Tuhan mempunyai sungai yang mengalir dalam batin dan sungai itulah firman Tuhan yang direnung siang malam. Apabila anak Tuhan membiarkan air ilahi mengalir terus menerus dan meminumnya, dia akan mengalami sukacita yang luarbiasa. “Tetapi yang kesukaannya ialah Taurat TUHAN, dan yang merenungkan Taurat itu siang dan malam” (Mazmur 1:2).

Merenungi firman Tuhan bukan pekerjaan sambil kerana sungai itu mesti terus mengalir kalau tidak, pengalaman rohani kita bertakung sahaja. Sebaliknya, “Dia seperti pohon, yang ditanam di tepi aliran air, yang menghasilkan buahnya pada musimnya, dan yang tidak layu daunnya; apa saja yang diperbuatnya berhasil” (Mazmur 1:3).

Orang fasik yang tidak mencintai Tuhan, dan tidak ada sungai yang mengairi batinnya ibarat sekam. Sekam mudah sekali tertiuip oleh setiap angin perubahan mahupun haluan pemikiran berlainan. Sekam mudah terbakar kerana tiada kelembapan. Jiwa kita akan berkedut-kedut seandainya tidak ada sungai ilahi mengalir dalamnya. “Bukan demikian orang fasik: mereka akan menjadi seperti sekam yang ditiupkan angin” (Mazmur 1:4).

Yohanes memberitahu kita bahawa barangsiapa tidak berbuah akan dibuang ke luar seperti ranting yang kering, dan kemudian dicampakkan ke dalam api lalu dibakar (Yohanes 15:6). Pemazmur pun bersetuju bahawa jiwa yang berkedut-kedut sedang menuju ke jalan kebinasaan. “Tetapi TUHAN mengenal jalan orang fasik menuju kebinasaan” (Mazmur 1:6).

Renungan firman Allah dan bermeditasi firman Tuhan sambil berdoa. “Kalau kita mendekati firman Allah sebagai firman yang disabdakan kepada kita, kehadiran Allah dan kehendak-Nya boleh diketahui. Latihan ini (lectio divina) memberi kesempatan di mana cerita saya dan cerita Allah bertemu, dan pada saat ini sesuatu yang mengagumi terjadi. Untuk membaca Alkitab menurut cara ini bererti saya membacanya dengan berlutut, penuh hormat, dan dengan iman yang dalam bahawa Allah mempunyai suatu firman bagi saya untuk situasi saya yang unik ini” (Henri Nouwen).

Doa: O Tuhan, biar firman-Mu mengalir dengan jernih untuk keadaan hidup saya yang unik ini.

## KETUK, KETUK, KETUK

Renungan: **Matius 7:7-11**

*Mintalah, maka akan diberikan kepadamu: carilah, maka kamu akan mendapat; ketuklah, maka pintu akan dibukakan bagimu. —Matius 7:7*

**W**anita yang tahu mengetuk tanpa mengenal lelah membawa banyak kesan dalam kerajaan Allah di bumi. Mereka rajin mengetuk pintu surgawi agar Raja Surgawi membuka pintu duniawi yang tertutup. Dia pergi ke pintu surgawi bersendirian untuk berdoa bagi orang lain dan juga dirinya sendiri kerana dia tahu gunung pun akan menjadi tanah rata kalau dia rajin mengetuk (Zakharia 4:6-7).

Ketukannya pelbagai ragam: permohonan penyembuhan bagi seorang tua di rumah sakit, penghiburan bagi seorang pemuda yang patah hati, pertumbuhan kerohanian anak-anak dan segunung keperluan orang lain. Hanya di biliknya, dia telah meletupkan gunung depresi, gunung ketakutan, dan gunung tabiat buruk bersama Allah yang Maha Kuasa. "...Doa orang yang benar, bila dengan yakin didoakan sangat besar kuasanya" (Yakobus 5:17b).

Di tempat rahsia ini, dia bekerjasama dengan Tuhan untuk mendatangkan anugerah-Nya. "Tetapi jika engkau berdoa, masuklah ke dalam kamarmu, tutuplah pintu dan berdoalah kepada Bapamu yang melihat yang tersembunyi dan membalasnya kepadamu" (Matius 6:6). Dalam bilik doanya dia berperang rohani, mematahkan panah iblis, menjauhkan rencana si jahat atas pekerjaan Tuhan, semuanya hanya dengan nafas doanya.

Berdiri teguh bagai satria berpedang rohani  
 wanita kudus ini berperang  
 dia meleraikan amarah Tuhan terhadap kotanya  
 mengusir semua ujian iblis  
 mengundang pelayanan malaikat-malaikat  
 memberi penghiburan kepada yang sakit  
 meminta pengampunan  
 membuka rumah simpanan hujan  
 membuka laci rahim  
 membungkam mulut singa  
 menghibur hati yang dianiaya  
 menyenangkan Raja  
 mencukupi segala keperluan rumahtangnya  
 mendatangkan anugerah dalam kehidupan orang lain  
 mengundang karya Roh Kudus dalam hati orang salih

Doa: Aku datang ke hadirat-Mu, ajarilah aku setia mengetok sehingga pintu yang tertutup rapat boleh dibuka dengan kuasa-Mu.

## PEMBAHARUAN JIWA

Renungan: **2 Korintus 4:16-18**

*Sebab itu kami tidak tawar hati, tetapi meskipun manusia lahiriah kami semakin merosot, namun manusia batiniyah kami dibaharui dari sehari ke sehari. —2 Korintus 4:16*

Puan Sabrina hari ini mengatur semula semua perabot rumahnya sehingga suaminya terkejut. Namun, kejutan ini mengembirakannya kerana dia suka akan hiasan baru ini. Kebijaksanaan Sabrina menyelak tirai hijau telah mendatangkan suasana mesra alam di rumah mereka sehingga seakan-akan ia terpampang segar di lerengan bukit. Demikian juga, jiwa wanita selalu memerlukan pembaharuan dan kesegaran daripada kehadiran Tuhan dan firman-Nya.

Pembaharuan rohani tidak hanya terjadi sewaktu kita menghadiri kebaktian kebangunan rohani. Ia juga terjadi dari sehari ke sehari, hasil nafas doa dan berkat menghisap madu firman-Nya. Allah akan memperbaharui kita yang rela mencari pembaharuan jiwa daripada-Nya. Tuhan Yesus yang lemah lembut selalu terbuka dan mengundang kita ke hadirat-Nya. Dia bersabda, “Marilah kepada-Ku, semua yang letih lesu dan berbeban berat, Aku akan memberi kelegaan kepadamu” (Mat 11:28-30).

Datang ke hadirat Allah dan biar hati anda disentuh oleh Roh Kudus agar anda tidak lelah dengan tuntutan rumahtangga. Pembaharuan jiwa juga bermakna mengundang kekuatan-Nya dalam batin kita serta menghadirkan-Nya dalam setiap aspek rumahtangga. “Dan pengharapan tidak mengecewakan, kerana kasih Allah telah dicurahkan di dalam hati oleh Roh Kudus yang telah dikaruniakan kepada kita” ( Rom 5:5). Hanya dalam persekutuan dengan-Nya, kekusutan kita alami dihalau daripada jiwa kita.

Seperti pasang surut ombak  
di pantai yang berbentuk rembulan  
dalam hati kami  
datanglah deruan yang membual  
yang datangnya dari lautan mistik  
setengah orang memanggilnya kerinduan  
yang lain menamakannya Allah (William Herbert Carruth)

Apabila pembaharuan jiwa terjadi, kita akan berseru bersama umat Tuhan, “...tanah ini yang sudah lama tinggal tandus menjadi seperti taman Eden, dan kota-kota yang sudah runtuh, sunyi sepi dan musnah, sekarang didiami dan menjadi kubu” (Yehezkiel 36:35).

Doa: Airilah jiwaku yang gersang dan yang memerlukan kehadiran-Mu,  
O Allah.

## BAWA KANAK-KANAK MASUK BERDOA

Renungan: **Yakobus 5:17-18; Lukas 18**

*Kerana itu Aku berkata kepadamu: apa saja yang kamu minta dan doakan, percayalah bahawa kamu telah menerimanya, maka hal itu akan diberikan kepadamu. —Markus 11:24*

**M**artin Luther pernah menyuruh semua orang dewasa keluar lalu mengundang semua anak masuk kebaktian doa. Sewaktu ditanya kenapa dia berbuat demikian, dia berkata kanak-kanak berdoa dengan hati yang penuh kepercayaan bahawa doa mereka akan dijawab Tuhan, sedangkan orang dewasa penuh dengan keraguan.

Wahai wanita, ramai orang berdoa namun mereka tidak pernah diperbaharui, tidak mengalami persekutuan manis dengan Allah, dan tidak ada keinginan sungguh-sungguh sewaktu memohon sesuatu daripada Allah. Charles Spurgeon mengibaratkan sikap begini seperti orang yang pergi ke kedai untuk membeli sesuatu tetapi kebingungan dengan apa yang harus dibelinya, ataupun ia ibarat pemanah yang tidak tahu sasarannya.

Jika doa kita tidak menyalakan semangat dalam hati, ia bukan doa. Kalau anda kurang hikmat, mintalah kepada Allah untuk memohon sesuatu dengan kehendak hati-Nya, dan percaya bersungguh-sungguh akan jawabannya. Jangan seperti perahu yang terombang ambing, atau tangkai yang tertiuip angin.

Jadilah seperti Elia yang berdoa dengan keberanian dan penuh kepercayaan. "Elia adalah manusia biasa sama seperti kita, dan dia telah bersungguh-sungguh berdoa, supaya hujan jangan turun, dan hujan pun tidak turun di bumi selama tiga tahun dan enam bulan. Lalu dia berdoa pula dan langit menurunkan hujan dan bumi pun mengeluarkan buahnya" (Yakobus 5:17-18).

"Dr. Judson meletakkan satu kerajaan granit yang kekal dalam hati orang Burmah. Banyak manusia mempunyai karunia yang lebih besar dan lebih berpendidikan dan pandai, namun mereka tak dapat memberi kesan yang begitu dalam. Karya rohani mereka bagai jejak-jejak di pasir tetapi Dr. Judson berjaya mengukir dalam hati mereka yang keras. Rahsia kesan yang begitu dalam dan bertahan lama disebabkan dia meluangkan banyak waktu untuk berdoa. Dia seakan-akan menyimpan besi yang menyala-nyala dan kemahiran Allah telah membentuknya dengan kuasa yang kekal. Tidak ada manusia boleh melakukan pekerjaan Tuhan kalau dia bukan seorang pendoa, dan seseorang tidak boleh menjadi pendoa kalau dia tidak meluangkan waktu untuk berdoa" (E.M. Bounds).

---

Doa: Allahku, aku percaya segala yang kudoakan saat ini akan dijawab menurut kehendak-Mu yang indah.

## KEHENDAK-MU JADILAH

Renungan: **Matius 22:39-46**

*Ya Bapa-Ku, jikalau Engkau mahu, ambillah cawan ini daripada Aku tetapi bukan kehendak Aku melainkan kehendak-Mulah yang terjadi. —Matius 22:42*

Jambatan di depan anda cukup panjang dan silauan mentari melintasi lembayung mata anda. Untuk menempuh cabaran menyeberangi jambatan sulit ini, anda memerlukan kekuatan bagai besi dalam jiwamu. Adakah anda akan menyeberangi jambatan itu? Tuhan Yesus, Pengantara jiwa anda, pernah melalui saat-saat yang berat juga.

Tuhan Yesus melalui saat ngeri dalam jiwa-Nya di Taman Getsemani. Dia tahu Dia akan menempuh satu saat yang paling sakit dalam misi-Nya di dunia ini. Untuk mencapai kemenangan, Dia mesti menempuh jalan yang penuh penderitaan ke kayu salib. Kayu salib mungkin muncul dalam kolam bayangan mata-Nya dan kesakitan yang mesti di tempuh-Nya mencengkam Dia. Kalau boleh, cawan kesengsaraan ini dielakkan daripada-Nya namun Dia tahu itu rancangan Bapa-Nya.

Tuhan Yesus menjauhkan Diri-Nya daripada murid-murid-Nya lalu berlutut dan mencurahkan ketakutan jiwa-Nya kepada Allah Bapa. "Ya Bapa-Ku jikalau Engkau mahu, ambillah cawan ini daripada Aku; tetapi bukanlah kehendak Aku, melainkan kehendak-Mulah yang terjadi" (Matius 22:42).

Tuhan Yesus selalu bersikap taat kepada Bapa-Nya dan akan menurut setiap kehendak-Nya. Dia tidak mengundur Diri dari kayu salib walaupun awam gelap menyelubungi jiwa-Nya saat itu. Sekalipun saat itu, peluh-Nya menitis bagai darah, kehendak Bapa-Nya tetap diutamakan-Nya.

Taman Getsemani

taman yang dielakkan manusia  
 taman yang diwarni tangisan  
 taman di mana jiwa bergelut  
 dengan jalan yang perlu ditempuh  
 Namun, ini taman yang bererti  
 taman yang memberi makna yang besar  
 taman bersekutu intim dengan Tuhan Yesus  
 taman yang memanggil  
 ketaatan yang tertinggi  
 di tengah-tengah penderitaan  
 taman yang memberi kelayakan  
 mengambil bahagian dalam penderitaan Kristus

Doa: Tuhan Yesus, aku ingin seperti Engkau berdiri teguh sewaktu menghadapi saat kesengsaraan.

## KEPUTUSAN SESAAT

Renungan: **Amsal 6:18**

*Dapatkah orang membawa api dalam gelumbang baju  
dengan tidak terbakar pakaiannya?*

—Amsal 6:27

Allah memberi kita kebebasan mengambil keputusan, akan tetapi orang yang mengasihi Allah akan membawa setiap keputusan kepada Allah. Hati yang songsang akan membuat rencana jahat dan mengundang kecelakaan. “Hati yang membuat rencana-rencana yang jahat, kaki yang segera lari menuju kejahatan” (Amsal 6:18). Orang yang tidak mengasihi Allah membiarkan kapal dihembus angin jahat dan bukan angin Roh Kudus, akibatnya kapal mereka ke lautan gelap yang ngeri.

Terbaring di suatu sudut sepi bilik penjara, Dolly menangis tersedusedu kerana pernah terpengaruh menjalankan rencana jahat. Ketamakan akan wang telah membutakan hatinya sehingga dia menjadi penyeludup dadah tanpa disedari keluarganya. Kini, dia menyedari bahawa sesungguhnya orang yang membawa api dalam gelumbang baju sendiri tidak mungkin dapat mengelakkan diri daripada terbakarnya.

Hati yang sudah membuahkan rencana jahat, cepat membawa langkah seseorang ke arah maut. Hati yang tidak terpaut kepada Allah akan menguling-guling banyak kedengnian, kecemburuan, ketamakan, ketakutan, kelaliman dan pembalasan dendam. Hati yang tamak telah menyebabkan beberapa pemuda mengambil langkah ngeri untuk menipu dan membunuh pelanggan-pelanggan yang berniaga dengan mereka. Kini, mereka meringkuk di penjara menantikan saat hukuman mati.

Selidiki setiap niat hati dan berdoa kepada Allah agar benih-benih jahat dicabut segera. Tawaran dosa mungkin menarik hati tetapi hari pembalasan dosa segera menjelang, api sekam dalam lipatan segera menjilat walaupun neraka belum menjelang. Singkirkan adunan niat jahat dengan segera dan segera berlayar sehaluan dengan Allah.

“Jangan iri hati kepada orang jahat. Jangan ingin bergaul dengan mereka. Kerana hati mereka memikirkan penindasan dan bibir mereka membicarakan bencana” (Amsal 24:1-2). Jauhkan orang yang jahat kerana mereka akan berbuat jahat; sebelum mereka bertindak, hati mereka sudah merancangkannya.

“Anda harus selalu melakukannya; jangan lalaikan sehari pun pekerjaan ini; selalu membunuh dosa atau dosa membunuh kamu” (John Owen). Dosa tidak lelah menggoda kita dengan segala tipu muslihat yang indah tetapi buahnya ialah maut dan perbudakan dalam dosa.

---

Doa: Bapa Syurgawi, saya tidak lagi terhutang kepada dosa tetapi Engkau yang hidup dalam aku.

## DOA DAUD

Renungan: **Mazmur 142**

*Dengan nyaring aku berseru-seru kepada TUHAN,  
dengan nyaring aku memohon kepada TUHAN.  
—Mazmur 142:2*

Ketika Raja Daud tersembunyi dalam gua kerana nyawanya terburu-musuh; dia berdoa dengan nyaring kepada Allah. Kegelapan dan kengerian tidak menutupi jiwanya kerana Daud berdoa dan sinaran ilahi menembusnya. Saat kejahatan mengelilingi anda dan anda seperti dipenjarakan, TUHAN mendengar teriakan anda.

Di mana-mana kita berada pun dan dalam keadaan apapun, kita boleh berseru dengan nyaring kerana Allah Maha Hadir. “Ke mana aku dapat pergi menjauhi roh-Mu, ke mana aku dapat lari dari hadapan-Mu? Jika aku menaruh tempat tidurku di dunia orang mati, di situ pun Engkau” (Mazmur 139:7-8). Kegelapan tidak akan menutupi pandangan kita daripada Allah yang Maha Hadir.

Dalam gua, Daud tetap bersemboyan kasih-Nya dan perlindungannya. “Aku berseru-seru kepada-Mu, ya TUHAN, kataku: “Engkau tempat perlindungan, bahagianku di negeri orang-orang hidup!” (Mazmur 142:6). Sewaktu tidak ada orang dapat bersamanya, dia merasa terjamin kerana Allah bahagiannya. Allah mencarinya, di tempat persembunyian yang jauh daripada manusia.

O wanita, sungguhpah anda menangis kerana tiada yang memahami kegelapan lubuk hatimu. Berbahagialah, TUHAN dapat menerangi lubuk yang terdalam pun. Anda boleh berseru seperti Yunus, “...Aku tenggelam ke dasar bumi; pintunya terpalang di belakangku untuk selama-lamanya. Ketika itulah Engkau naikkan nyawaku dari dalam liang kubur, ya TUHAN, Allahku” (Yunus 2:6).

“Sebab itu TUHAN menanti-nantikan saatnya hendak menunjukkan kasih-Nya kepada kamu sebab itu Dia bangkit hendak menyayangi kamu. Sebab Tuhan adalah Allah yang adil; berbahagialah semua orang yang menanti-nantikan Dia” (Yesaya 30:18).

Francois Penelop pernah berkata, “Apabila kita menangis kepada Allah dalam kesesakan kita, Dia akan menolong kita dengan cara yang tidak kita selami dan dengan cara-cara ajaib: tindakan-Nya ialah menghulurkan pertolongan kepada kita lebih daripada hanya sekadar datang untuk menyelamatkan kita.”

Doa: Allah bentengku, ketika aku berseru nyaring, sedangkan telingamu kepada aku yang berada dalam kegelapan.

## TERHUTANG!

Renungan: **Roma 1:16-17**

*Sebab aku mempunyai keyakinan yang kukuh dalam Injil, kerana Injil adalah kekuatan Allah yang menyelamatkan setiap orang yang percaya, pertama-tama orang Yahudi, tetapi juga orang Yunani.*

—Roma 1:16

**G**udahkan anda menjelaskan hutang anda? Adakah pertanyaan saya mengganggu hati nurani anda?

Rasul Paulus menjelaskan dua jenis hutang yang perlu kita lunaskan dengan manusia: pertama, hutang Injil dan kedua, hutang kasih. Dia berkata, "Janganlah kamu berhutang apa-apa kepada siapa pun juga, tetapi hendaklah kamu saling mengasihi..." (Roma 13:8). Selain itu, Paulus berkata, "Aku terhutang baik kepada orang Yunani, mahupun kepada orang bukan Yunani, kepada orang terpelajar, mahupun kepada yang tidak terpelajar. Itulah sebabnya aku ingin untuk memberitakan Injil kepada kamu juga yang diam di Roma" (Roma 1:15).

John Wesley yang pergi ke Amerika untuk berkhotbah kepada orang India di Georgia tetapi gagal kerana kaedahnya terlalu ketat dan berdisiplin. Setelah itu dia menangis, "Saya pergi ke Amerika untuk membuat orang India bertaubat tetapi siapakah yang akan membuat saya bertaubat?" Ketidakpastian penyelamatannya menyebabkan dia runting sehingga pada suatu hari dia menghadiri ibadah dan mendengar khutbah Martin Luther tentang surat Roma. John Wesley berkata sebelum pukul sembilan ketika Martin Luther menjelaskan tentang perubahan dalam hati melalui iman, kehangatan mengalir dalam hatinya.

John Wesley berkata, "Saya berkeyakinan bahawa saya sudah mempercayai Kristus dan Dia telah menghapus segala dosa saya. Dia telah menyelamatkan saya dari hukum dosa dan maut seraya menjelaskan semua hutang saya." Setelah itu, John Wesley terus menjelaskan hutang injil dan hutang kasih kepada mereka yang diinjilinya.

John Wesley berkhotbah di lapangan dan tempat terbuka. Dia berkata dunia ini adalah mimbar khutbahnya. Dia tidak memilih bulu sewaktu berkhotbah dan pendengarnya terdiri daripada pelombong, penyulam, pemintal, banduan dan orang yang daripada golongan biasa. Dengan kudanya, dia menjelajahi Skotland dan Ireland sejauh 250,000 ribu batu dan menyampaikan 40,000 khutbah. Selain itu, dia menulis buku-buku tafsiran dan menyunting buku klasik dan menulis jurnal sendiri. Bersama dengan abang-abangnya, dia telah menulis beribu lagu-lagu rohani yang menjadi khazanah orang Kristian.

Doa: Tuhan Yesus, tolonglah aku menjelaskan hutang injil dan kasih dengan kuasa-Mu.

## AKU KOSONGKAN BEJANA INI

Renungan: **Filipi 2:1-10**

*Yang walaupun dalam rupa Allah tidak menganggap kesetaraan dengan Allah itu sebagai milik yang harus dipertahankan, melainkan telah mengosongkan diri-Nya sendiri, dan mengambil rupa seorang hamba, dan menjadi sama dengan manusia.*

—Filipi 2:6-7

**W**anita, sediakah anda mengosongkan diri supaya bejana anda boleh mengalir kasih kepada orang lain. Bejana yang kosong mengundang pengaliran kasih dan kebaikan Tuhan Yesus. Pastikan bejana kita tidak hanya diisi dengan hal-hal kesukaan sendiri sehingga Tuhan tidak dapat mengisinya dengan impian-Nya.

Tuhan Yesus tidak mempertahankan hak kesetaraan dengan Allah sebagai sesuatu yang melayakkan Dia hidup mewah sewaktu di dunia ini. Kehidupannya boleh dikatakan miskin tegar kerana serigala ada lubang untuk meletakkan kepala-Nya tetapi Dia tidak ada tempat tinggal yang tetap. Tuhan Yesus tidak memilih hanya tempat yang selesa sewaktu melayani bahkan dalam sampan pun Dia boleh tidur dan kelas-Nya boleh diadakan di bawah pokok. Pengikut-pengikut-Nya tidak makan burung buyung yang sedap tetapi mereka memetik gandum.

Kehidupan Santo Francis Assisi menggambarkan teladan Tuhan Yesus sewaktu Dia berada di dunia. Francis Assisi yang berasal daripada keluarga kaya tidak menganggap keistimewaan ini sebagai sesuatu yang menghalangi dia untuk melayani di kalangan orang yang miskin papa. Bahkan dia telah meninggalkan segala warisan kekayaan dan seperti Tuhan Yesus hidup di kalangan yang miskin dan tersingkir.

Francis akan berkongsi sebuku roti yang diderma kepadanya bersama rakan-rakannya. Kehidupannya tidak hanya terdiri daripada pelayanan tetapi dia kaya dengan waktu renungan dan doa. Kekayaan rohaninya mengalir terus menerus kerana bejananya diisi air hidup bagi mereka yang lapar dalam kehidupan rohani mereka. Banyak jam telah diluangkannya di hadirat Tuhan sehingga dia menjadi terang.

Francis tidak menyembunyikan diri di biara tetapi dia turut hidup serupa dengan dunia yang nyata. Dia mengikut orang yang miskin sewaktu mereka pergi mengemis, mengumpul kayu untuk dapurnya, dan hidup dalam kesederhanaan. Francis seperti Yesus tidak menganggap pesakit kusta sebagai orang jijik tetapi Dia merawat mereka. Dia menjaga anak-anak yatim. Francis dikatakan sangat lemah lembut sehingga burung-burung akan menghinggap di bahunya sewaktu dia berjalan.

Doa: *Bagai bejana yang kosong, aku menyerahkan diriku kepada Engkau; penuhilah aku setiap saat.*

## HATI NURANI YANG TERPELIHARA

Renungan: **1 Timotius 1:18-20; Amsal 13:5-6**

*Kebernanan menjaga orang yang salih jalannya, tetapi kefasikan  
mencelakakan orang berdosa. — Amsal 13:6*

Perentetan masalah akan kita temui kalau kita berpaling dari jalan kebenaran kerana jalan fasik penuh dengan beruang, dan monyet yang mengayut dari satu dahan ke dahan yang lain. Air sungai yang kelihatan tenang, sebenarnya, berbuaya. Jalan selain jalan kebenaran akan menghancurkan buah-buah kebenaran yang bertumbuh segar dalam hati nurani.

Persiapan apakah yang kita lakukan untuk memastikan kita tetap ada pada jalan kebenaran? Bencikan kedustaan dan memelihara hati nurani yang murni kerana tanpa hati nurani murni, iman kita terkandas. Rasul Paulus mengajar Timotius dan menekankan bahawa jalan kebenaran mesti diperjuangkan dengan perjuangan yang baik. Rasul Paulus berkata "... memperjuangkan perjuangan yang baik dengan iman dan hati nurani yang murni" (1 Timotius 1:18).

Himeneus dan Aleksander yang menolak hati nurani yang murni terkandas dalam iman mereka dan terperangkap dalam jerat iblis. Hati nurani kita selalu berbisik dan memberi amaran namun kalau kita menolaknya, iman kita terkandas. Tanpa disedari, jerat iblis sudah memintal laman dalam hidup kita sehingga banyak masalah diundang. Ketika saya tengah-tengah berjalan di hutan, perhatian saya tertarik kepada pepatung belalang yang tertangkap oleh laman lelabah yang tipis tetapi terjaring cangkih.

Jalan kebenaran itu suatu perjuangan yang perlu diusahakan dengan menyeluruh. Kita tidak boleh mengikut sebahagian daripada ajaran-ajaran Alkitab dan tinggalkan yang lain. Kita tidak boleh berkata saya akan menurut perintah Tuhan untuk mengasihi musuhku tetapi saya tetap memabukkan diri. Bolehkah kita menurut semua perintah tetapi kita tetap akan menikmati gurauan genit dan makan rasuah?

Kita mesti mempertahankan hati nurani yang suci dan murni kerana Tuhan Yesus sudah menyucikan kita. Darah lembu jantan dan percikan abu lembu muda pada zaman dahulu hanya menyucikan seseorang secara lahiriah tetapi darah Domba Allah telah menyucikan hati nurani kita. "Betapa lebihnya darah Kristus, yang oleh Roh yang kekal telah mempersembahkan diri-Nya sendiri kepada Allah sebagai persembahan yang tak bercacat, akan menyucikan hati nurani kita dari perbuatan-perbuatan yang sia-sia, supaya kita dapat beribadah kepada Allah yang hidup" (Ibrani 9:14).

Doa: Roh Kudus, berbisiklah kepada hati nuraniku agar aku  
selalu berjalan di jalan kebenaran.

## KENYANGKAN JIWAKU

Renungan: **Mazmur 65:1-5**

*Dari terbitnya sampai kepada terbenamnya matahari terpujilah  
nama TUHAN. —Mazmur 113:3*

Doa menggambarkan kerinduan hati kita kepada TUHAN dan bukan butang untuk menekan kopi atau kapucino. Kalau doa hanya sekadar menekankan butang, doa menjadi tidak bermakna kerana kita tidak mengenal TUHAN secara akrab. Ikatan akrab antara Bapa dan anak tidak wujud kalau ia hanya didasarkan pada permintaan dan tawar menawar sahaja. Anak ini tidak pernah sungguh-sungguh mengenal Bapa-Nya atau mendengar isi hati Bapa-Nya padahal dia tidak berminat.

Pupuklah tabiat berjalan di taman bunga-Nya yang indah dengan perlahan-lahan bersama Bapa Syurgawi. Jangan anda berkata, "TUHAN memahami saya terlalu sibuk dan banyak urusan di dunia ini. Dia tidak kisah kalau langkah-langkah saya tidak kedengaran di tangga syurgawi-Nya." Walau bagaimanapun anda tetap mengharapkan TUHAN akan menyediakan segala keperluan anda dengan berkelimpahan?

Martin Luther pernah berkata "Untuk memiliki TUHAN adalah untuk menyembah-Nya." Raja Daud berkata, "Engkau yang mendengarkan doa. Kepada-Mulah datang semua yang hidup" (Mazmur 65:3). Sikap kita dalam doa mesti seperti Raja Daud atau Martin Luther yang gembira mendekati pelataran-Nya. "Berbahagialah orang yang Engkau pilih dan yang Engkau suruh mendekat untuk diam di pelataran-Mu! Kiranya kami menjadi kenyang dengan segala yang baik di rumah-Mu di bait-Mu yang kudus" (Mazmur 65:5).

Penulis lagu John R. Sweney, 1857 berseru dalam doa:

Naungilah aku Roh Kudus  
Sirami aku dengan hati yang bergetar  
Isilah aku dengan kehadiran-Mu yang kudus  
Datanglah sekarang  
Dan penuhilah aku

George Muller berkata, "Saya hidup dalam suasana doa. Saya berdoa sementara berjalan, sementara berbaring, dan apabila bangun." Santo Lawrence, walaupun memasak seperti yang lain namun di pandangan Bapa-Nya, dia anak yang sungguh istimewa. Santo Lawrence berkata, "Tidak ada cara lain di dunia ini yang sungguh manis dan nikmat selain daripada persekutuan yang terus menerus dengan Allah. Hanya mereka yang melakukannya dan menikmatinya dapat memahaminya."

Doa: Bapa Syurgawi, aku ingin mengenal Engkau bukan hanya dalam bayang-bayang kebenaran tetapi biarlah aku merasa kemanisan-Mu.

## KASIH ALLAH

Renungan: **Yohanes 3:16**

*Dari jauh TUHAN menampakkan diri kepadanya: Aku mengasihimu engkau dengan kasih yang kekal, sebab itu Aku melanjutkan kasih setia-Ku kepadamu. — Yeremia 31:3*

Kasih wanita terhadap anak-anak mereka telah menyebabkan mereka merancang jauh-jauh hari demi masa depan anak mereka. Kasih Allah terhadap umat manusia sudah tampak dari jauh dan dilanjutkan sepanjang sejarah manusia. Nabi Yeremia memberitahu kita bahawa kasih Allah kita sudah tampak dari jauh. "Dari jauh TUHAN menampakkan diri kepadanya..." (Yeremia 31:3).

Kasih-Nya tampak dari jauh apabila Adam dan Hawa jatuh dalam dosa, Dia sudah memberi Perjanjian-Nya. Di taman Eden, Allah sudah bersabda, "Aku akan mengadakan permusuhan antara engkau dan perempuan ini, antara keturunanmu dan keturunannya, keturunannya akan meremukkan kepalamu, dan engkau akan meremukkan tumitnya" (Kejadian 3:15).

Kasih TUHAN tampak kepada Abraham dan telah menjanjikan satu keturunan (Kejadian 12:1-3) dan juga tanah yang istimewa (Kejadian 17:7-8). Allah kemudian menyelamatkan mereka dari negara Mesir dan mengasingkan mereka sebagai bangsa kudus dan khazanah istimewa-Nya (Keluaran 1-15). Dia memilih bangsa ini sebagai bangsa kudus untuk mencerminkan kemuliaan-Nya namun mereka terus memberontak.

TUHAN mengutus nabi-nabi untuk mengejar mereka yang menyeleweng seperti pelacur untuk kembali ke pangkuan kasih-Nya. Namun, mereka berdegil seperti keldai dan kalajenjing. TUHAN akan menghukum mereka, mencerai beraikan mereka namun Dia tetap mengasihimu mereka dan akan memulihkan mereka.

Dari jauh, TUHAN menampakkan kasih-Nya dan memberi perjanjian indah bagi umat TUHAN dan manusia. Kasih-Nya yang tampak dari jauh dan satu permata diselipkan dalam nubuat-nubuat nabi. TUHAN memberi perjanjian bahawa Dia akan mengutus seorang Juruselamat (Yesaya 6:9-13).

Kasih TUHAN tampak dari jauh kepada anda, dan menyelamatkan anda daripada dosa (Yohanes 3:16). Di dunia anda mengalami penderitaan dan penganiayaan namun kasih-Nya tampak dari jauh dan hari perkahwinan Anak Domba akan tiba dengan sorak kemenangan. "Dan dengan suara nyaring mereka berseru: "Keselamatan bagi Allah kami yang duduk di atas takhta dan bagi Anak Domba!" (Wahyu 7:10).

Doa: Allah, Engkau menampakkan kasih-Mu kepadaku sejak jauh lagi dan aku tidak gentar dengan situasiku.

## PERBEZAAN JERAMI DAN GANDUM

Renungan: **Yeremia 23:25-29**

*Nabi yang beroleh mimpi, biarlah menceritakan mimpinya itu, dan nabi yang beroleh firman-Ku biarlah menceritakan firman-Ku itu dengan benar! Apakah sangkut-paut jerami dengan gandum? Demikianlah firman TUHAN. — Yeremia 23:28*



emberi lolipop kepada pendengar lebih mudah daripada menyaji ubat minuman herba pahit.

Nabi-nabi palsu sering menyampaikan khabar yang bertentangan kehendak hati Tuhan. Mereka mewarnai satu gambar yang cerah kepada umat Tuhan yang hidup tidak bersepadanan dengan panggilan mereka. Nabi Yeremia yang selalu ikhlas menyampaikan firman Tuhan merasa kehancuran dalam hati-Nya, tulangnya bergoyah dan dia berdepresi seperti orang mabuk kerana dianiaya kerana kebenaran (Yeremia 23:9).

Manusia lebih senang membayangkan Tuhan menurut imaginasi dan hati mereka. Nabi-nabi palsu pada zaman Yeremia lebih terkenal dan disambut hangat kerana mereka pandai menggoreng bumbu khutbah menurut selera pendengarnya. Mereka memberi dondang sayang kepada mereka yang ingin kesejahteraan: “malapetaka tidak akan menimpa kamu!” (Yeremia 23:17). Sayang sekali, makanan yang diterima oleh mereka adalah jerami bukan gandum asli daripada Allah!

Bagi Yeremia, firman-Nya bagai api yang menyucikan segala kekotoran firman-Nya boleh menghancurkan kedegilan bagai jentera menghancurkan bukit batu. Kalau tidak ada kehancuran tetapi banyak dondang sayang, umat Tuhan akan terendam dalam dosa selama-lamanya (Yeremia 23:29). Keadaan rohani umat TUHAN berada dalam tahap bahaya dan seharusnya nabi-nabi ini bernubuat, “Lihatlah, angin badai TUHAN, yakni kehangatan murka, telah keluar menyambar, angin puting beliung akan turun menimpa kepala orang-orang fasik” (Yeremia 23:19).

“Yang Tertinggi  
Allah yang Mulia  
Cerahkan kegelapan hatiku  
Dan berikan aku, Tuhan  
Iman yang tepat  
Pengharapan yang pasti  
Kebaikan sempurna  
Pengertian dan pengetahuan  
Supaya aku boleh melaksanakan perintah-Mu yang suci dan benar.”  
(Santo Francis Assisi)

Doa: Allahku, biarlah firman-Mu yang kusampaikan dapat memperbaiki reruntuhan iman umat-Mu.

## PENGOCOHAN

Renungan: **2 Korintus 2:12-10**

*Dan supaya aku jangan meninggikan diri kerana pernyataan-pernyataan yang luarbiasa itu, maka aku diberi suatu duri dalam dagingku, iaitu seorang utusan Iblis diutus untuk menggocoh aku, supaya aku jangan meninggikan diri. —2 Korintus 12:7*

**K**alau boleh, kita cuba mengelakkan saat pengocohan agar kita dapat hidup dalam ketenangan. “Jauhkan saat-saat pengocohan ini, ya Tuhan, yang berbelas kasihan” mungkin doa anda.

Rasul Paulus yang dikocoh oleh iblis dan diberikan duri dalam daging menyedari penderitaan ini membawa maksud tertentu. Sebagai rasul yang telah menerima pernyataan-pernyataan luarbiasa, duri ini diutus agar dia tidak menyombongkan diri. Saat ini saat berharga kerana justru saat kelemahan ini, kuasa daripada yang Maha Kuasa akan menaungi rasul Paulus.

Rasul Paulus meminta agar pengocohan itu hilang tetapi duri itu tetap menusuknya. Duri itu mungkin penyakit seperti penyakit mata, ataupun pesaing-pesaing yang cemburu akan Paulus. “Tentang hal itu aku sudah tiga kali berseru kepada Tuhan, supaya utusan iblis itu mundur daripadaku. Tetapi jawab Tuhan kepadaku:” Cukuplah kasih karunia-Ku bagimu, sebab justru dalam kelemahanlah kuasa-Ku menjadi sempurna.” Sebab itu terlebih suka aku bermegah atas kelemahanku, supaya kuasa Kristus turun menaungi aku” (2 Korintus 12:9).

Rasul Paulus berkata, “Kerana itu aku senang dan rela di dalam kelemahan, di dalam seksaan, di dalam kesukaran, di dalam penganiayaan dan keseksaan oleh kerana Kristus. Sebab jika aku lemah, maka aku kuat” (2 Korintus 12:10). Pengocohan ini saat Allah menampi kita seperti petani menampi padi agar semua jerami dihembus angin. Yang tidak berguna bagi jiwa akan ditampikan. Lutut yang bergoyah dikuatkan semula dan perubahan akan terjadi dalam keperibadian kita.

Saat pengocohan boleh menjadi saat penampian bagi kita. Keinginan jahat mungkin menjelajahi hati kita tanpa kesedaran kita sehingga ia diancam atau dihentikan. Penderitaan akan mengocoh keinginan jahat yang terlena tenang. Ia menggambarkan keadaan hati kita yang sebenarnya.

Rasul Paulus memahami dengan mendalam, erti penderitaan dan pengocohan imannya. “Sebab penderitaan ringan yang sekarang ini, mengerjakan bagi kami kemuliaan kekal yang melebihi segala-galanya, jauh lebih besar daripada penderitaan kami” (2 Korintus 4:17).


---

Doa: Datanglah pembaharuan dan pengukuhan dalam jiwaku, ya Allah, sewaktu aku menghadapi pengocohan dalam jiwaku.

## SINARAN BERLIAN

Renungan: **Yeremia 31:31-34**

*Tetapi beginilah perjanjian yang Kuadakan dengan kaum Israel sesudah waktu itu, demikianlah firman TUHAN. Aku akan menaruh Taurat-Ku dalam batin mereka dan menuliskan dalam batin mereka dan menuliskannya dalam hati mereka; maka Aku akan menjadi Allah mereka dan mereka akan menjadi umat-Ku. — Yeremia 31:33*

i tengah-tengah suasana gelap gelita, kitab Yeremia memberi kita satu berlian yang bersinar tengah-tengah kegelapan.

Yeremia mengharukan kita sebagai nabi yang penuh keberanian dan perasaan. Walaupun dia menghadapi begitu banyak penganiayaan dan seakan-akan mencapai sedikit keberhasilan dalam pelayanan, dia tetap tahan lasak. Pelayanannya cukup sulit dari kiri kanan, dia diperhadapkan kesulitan: umat Tuhan yang degil, nabi-nabi palsu yang membawa berita yang bertentangan dan raja-raja yang jahat. Dia melayani hampir empat puluh tahun dan selalu berkhotbah tentang pembaharuan rohani.

Bayangkan kasih umat Tuhan kepada firman Tuhan begitu malap sehingga mereka menghilangkan kitab Taurat. Sewaktu kitab Taurat diketemukan mereka mengalami pembaharuan tetapi mereka hanya hangat-hangat tahi ayam saja pada zaman pemerintahan Yosia. Setelah beberapa edaran waktu timbul raja Yoyakim, raja jahat yang kemudian ditangkap oleh raja Nebukadnezar dan dibawa sebagai tawanan ke Babel. Perserikatan dengan negara-negara kafir oleh raja-raja jahat telah mempengaruhi mereka menyembah berhala lagi.

Yeremia telah berkhotbah dengan penuh keberanian walaupun setiap langkahnya diwarnai oleh penganiayaan. Yeremia berani memberitahu umat Allah bahawa masalah mereka ialah mereka tidak mendengar dengan bersungguh-sungguh, masing-masing menurut hati sendiri. Keberanian Yeremia memampukan dia menegur dan mencabar kejahatan raja Yoyakim tanpa gentar.

Akibat keberaniannya, dia telah diikat dengan tali dan kemudian dimasukkan ke dalam perigi gelap kerana nubuatnya. Namun, di tengah-tengah kegelapan ini, penganiayaan, perkabungan, satu permata bernilai telah bersinar-sinar di mata rohani Yeremia. Yeremia menyampaikan satu permata yang bersinar begitu terang sehingga pancaran sinarannya yang gemilang memancar sampai zaman ini. Yeremia bernubuat bahawa Tuhan akan menuliskan Taurat-Nya dalam hati manusia kerana tanpa sentuhan Tuhan dan Roh-Nya, manusia sulit berubah (Yeremia 31:31-34).

---

Doa: Allahku, ketika aku menghadapi kegelapan dalam pelayananku kerana kedegilan hati manusia, aku tetap ingat berlian yang memancar ini.

## SUMBER KEBESIAN

Renungan: **Yeremia 15:10-21**

*Mengapakah penderitaanku tidak berkesudahan dan lukaku sangat payah, sukar disembuhkan? Sungguh, Engkau seperti sungai yang curang bagiku, air yang tidak dapat dipercayai. — Yeremia 15:18*

Yeremia bertampil bagai singa berani sewaktu mencabar raja dengan mata bertentangan mata, bernubuat melawan nabi-nabi palsu dengan kecaman bergegar, dan berkhotbah berani kepada umat Tuhan tanpa mengecat tembok putih seperti nabi-nabi palsu. Dari manakah dia beroleh sumber kebesiannya?

Sewaktu bersama Allah, Yeremia mencurahkan perasaannya dengan jujur: kekecewaannya, kesedihannya, dan frustrasinya. Yeremia yang disuruh agar jangan menikah tak dapat menangis di bahu seorang isteri, "Darlingku, hari ini nyawaku diancam..." Penghiburan hanya datang daripada TUHAN yang Maha Penyayang.

Di bahu-Nya, Yeremia diperbaharui untuk pelayanan yang penuh cabaran. Luka yang datang bertubi-tubi dibawanya ke hadirat Allah. Sewaktu dia merasa seperti tidak dapat menanggung penderitaannya, dia mengeluh, "Mengapakah, penderitaan tidak berkesudahan dan lukaku sangat payah, sukar disembuhkan? Sungguh, Engkau seperti sungai yang curang bagiku, air yang tidak dapat dipercayai" (Yeremia 15: 18).

Kalau Yeremia tidak berkhotbah, firman Tuhan bagai api membakar dalam tulangnyanya tetapi apabila dia berkhotbah, dia dicela. Dia mengeluh kepada Allah, "Engkau mengetahuinya, ya TUHAN, ingatlah aku dan perhatikanlah aku, lakukanlah pembalasan untukku terhadap orang yang mengejar aku. Janganlah membiarkan aku diambil, kerana panjang sabar-Mu, ketahuilah bagaimana aku menanggung celaan kerana Engkau!" (Yeremia 15:15).

Berita seram Yeremia digambarkan oleh gaya kehidupannya. Dia berkata kepada Tuhan, "Tidak pernah aku duduk beria-ria dalam pertemuan orang yang bersenda gurau: kerana tekanan tangan-Mu aku duduk sendirian, sebab Engkau telah memenuhi aku dengan geram" (Yeremia 15:17). Berita pembinaan yang datang di Yerusalem dan Bait Allah cukup seram sehingga dia tidak berjamuan seperti orang biasa.

Satu-satu tempat jiwanya dapat bersukaria ialah hadirat Allah. Selain itu, Yeremia menikmati firman Allah untuk memperbaharui batinnya (Yeremia 15:16). Wahai wanita, sumber kebesian anda untuk pelayanan yang berat hanya dapat dibentuk dalam persahabatan akrab dengan Allah dan firman-Nya.

Doa: Bapa Syurgawi, dalam hadirat-Mu aku mengalami kemanisan rohani di tengah-tengah seksaan.

## BAHAGIAN TAK TERBINASA

Renungan: **1 Petrus 1:1-7**

*...untuk menerima suatu bahagian yang tidak dapat binasa, yang tidak dapat cemar dan yang tidak dapat layu, yang tersimpan di syurga bagi kamu. —1 Petrus 1:5*

Setengah kawan aku berasal dari negara yang akan menghapuskan orang Kristian yang hangat dalam iman mereka. Sanak saudara mereka tidak mengetahui di mana mereka berada kalau mereka tiba-tiba lenyap. Demikian juga, keadaan gereja awal yang sering menghadapi penganiayaan yang menyayat hati.

Rasul-rasul dalam Perjanjian Baru mengalami penganiayaan kerana iman mereka. Petrus dan Paulus mati syahid di Rom sewaktu penganiayaan terjadi di Rom. Menurut tradisi gereja, Rasul Paulus dipenggal kerana dia seorang rakyat Rom dan tidak boleh disalibkan. Petrus disalibkan terbalik kerana dia menganggap dirinya tidak layak disalibkan seperti Tuhan Yesus.

Raja Nero telah curi-curi membakar kotanya kerana hobinya membangun bangunan baru. Dia telah menaikkan amarah rakyat Rom kerana dia terbakar bangunan berkhazanah. Dia telah menjadikan orang Kristian sebagai kambing hitamnya. Nero melemparkan banyak orang Kristian ke dalam gelanggang binatang dan membiarkan mereka dibunuh oleh kerbau jantan yang mengamuk. Kadangkala mangsa akan dipakaikan kulit binatang lain dan di biarkan bersaing dengan binatang liar.

Di tengah-tengah kesedihan ini, rasul Petrus memberi penghiburan daripada kebenaran firman Tuhan. Ujian yang dihadapi mereka tidak dapat dibandingkan dengan pengharapan mereka yang hidup dan tidak layu melalui percikan darah dan kebangkitan Tuhan Yesus (1 Petrus 1:5).

Hak kerakyatan syurgawi mereka tersimpan di syurga dan tidak dapat dirampas daripada mereka sekalipun mereka mengalami maut. Kelahiran baru mereka sungguh berharga dan sesuatu yang dirindui oleh para nabi. “Keselamatan itulah yang diselidiki dan diteliti oleh nabi-nabi, yang telah bernubuat tentang kasih karunia yang diuntukkan bagimu” (1 Petrus 1:10).

Iman kita yang teruji ini bagai emas yang sudah dimurnikan dan jauh lebih bernilai daripada emas fana. Kita berbahagia kerana kita juga turut mengambil bahagian dalam penderitaan Yesus sewaktu Dia berjalan ke Kalvari dan dipakukan di kayu salib, dan meninggalkan teladan bagi kita. Kesaksian kita sewaktu penderitaan akan memancarkan kemuliaan dan kasih Kristus yang menempuh jalan ini.

Doa: Tuhan Yesus, aku bersyukur kerana penganiayaan tidak dapat merampas warisan syurgawi yang diberikan kepada aku.

## JIKA ENKKAU KEMBALI

Renungan: **Yeremia 15:19-21**

*Aku akan melepaskan engkau dari tangan orang jahat dan membebaskan engkau dari genggamannya orang lalim. — Yeremia 15:21*

Allah mendengar seruan batin Yeremia dari syurga dan menjawab kepada buluh yang terkulai ini. Dia tidak membiarkan Yeremia menderita seperti burung terpercil di atas sotoh tanpa sebarang penghiburan. Allah bercakap dengan dia secara jujur dan menyentuh hatinya sewaktu Yeremia berdoa agar Allah mengambil berat akan dia. Sesungguhnya, dia tidak ditinggalkan Allah tanpa belas kasihan.

Allah ingin Yeremia kembali mempercayai Dia dan bersandar kepada Dia untuk pelayanan yang berat ini. “*Kerana beginilah jawab TUHAN: “Jika engkau mahu kembali, Aku akan mengembalikan engkau menjadi pelayan di hadapan-Ku, dan jika engkau mengucapkan apa yang berharga dan tidak hina, maka engkau akan menjadi penyambung lidah bagi-Ku. Biar pun mereka akan kembali, namun engkau tidak perlu kembali kepada mereka” (Yeremia 15:19). Allah ingin Yeremia menyerahkan diri yang sepenuhnya kepada Dia dan tidak bergoyah.*

Walaupun Yeremia menghadapi banyak penganiayaan, Allah berjanji membuat dia bagai tembok berkubu daripada tembaga. Musuh-musuhnya akan memeranginya tetapi mereka tidak akan mengalahkan Yeremia kerana Allah akan menyelamatkannya. “*Aku akan melepaskan engkau dari tangan orang jahat dan membebaskan engkau dari genggamannya orang lalim” (Yeremia 15:21).*

Yeremia melanjutkan pelayanannya dan menyampaikan firman-Nya dengan setia. Sewaktu Yeremia dipukul oleh imam Pasyhur, dia mengeluh kepada Allah dalam batinnya lagi. “*Lalu Pasyhur memukul nabi Yeremia dan memasungkan dia di pintu gerbang Benyamin yang ada di atas rumah Tuhan” (Yeremia 20:2).*

Yeremia mencurahkan keluh kesah kepada Allah dan berkomunikasi dengan lebih terbuka lagi dalam penderitaannya. “*Engkau telah membujuk aku, ya Tuhan dan aku telah membiarkan diriku dibujuk; Engkau terlalu kuat bagiku dan Engkau menundukkan aku. Aku telah menjadi tertawaan sepanjang hari, semuanya mereka mengolok-olokkan aku” (Yeremia 20:7).*

Yesus sahabat yang setia  
 Setiap keluh kesah  
 Setiap titisan air mata  
 Setiap luka  
 Dibawa dalam doa kepada-Nya

Doa: Allahku, aku serahkan diriku kerana Engkau menyertai aku selalu sewaktu aku menghadapi penganiayaan sebagai penyambung lidah-Mu.

## *Lemah, Tiada Berpengharapan, Tiada Kawan dan Tiada Bahagian*

O Allah yang kekal selama-lamanya  
Air pancuran segala kebahagiaan  
Allah segala anugerah  
Dengan hati yang rindu, kami bersyukur  
Atas anugerah-Mu yang tidak layak kami terima  
Engkau telah mencurahkan cangkir kami sehingga  
Berlimpahan berkat daripada ambang keberadaan kami  
Engkau telah menjadi Pelindung dan Penjaga kami  
Engkau telah melindungi kami dari mara bahaya yang tersembunyi  
Engkau telah menjauhkan mala petaka yang tak kami kelihatan  
Tiada kawan di dunia sanggup mengasihi dan memelihara seperti Kau  
Lemah, tiada berpengharapan, tiada kawan, dan tiada bahagian  
Kami lemparkan diri kepada Dia yang menjadi Penolong,  
Kawan dan Bahagian bagi semua yang mencari-Nya

Kami tidak percaya yang lain kecuali karya-Nya  
Dengan darah-Nya yang membawa damai dan pengampunan  
Rinjiskan ke dalam hati kami yang tercemar  
Sembunyikan kami di sebalik tebing curam  
Dilindungi dengan selamat sehingga kami boleh mencabar dalam kemenangan  
Dengan berkata, "Siapa dapat memisahkan kami daripada kasih Kristus"  
Kami berkabung atas jarak pemisahan daripada Engkau  
Pemisahan kami yang dingin dan kurang peka  
Terhadap kesabaran dan kebaikan yang membawa kami untuk bertaubat

Tuhan tukarkan arah kami, dan arahkan kami kepada Kau  
Tariklah kami dan kami akan mengejar Kau  
Biar setiap fikiran dan rasa sayang  
Dan perasaan dan amarah  
Ditawan  
Sehingga taat kepada Yesus

Biar kami mengasihi apa yang dikasihi-Mu  
Biar kami membenci apa yang dibenci-Mu  
Biar kami tahu kebahagiaan yang murni kerana kekudusan ikhlas  
Biar kami berbahagia menjalankan kehendak-Mu yang kudus

— John Mac Duff

## FAJAR MENYINSING

Renungan: **Hosea 7:3-7**

*Sekaliannya mereka orang berzina bagaikan dapur perapian menyala terus, ketika tukang bakar roti berhenti membesarkan apinya, sementara dia meremas adonan sampai mual oleh ragi.*

—Hosea 7:4

**S**ekiranya umat Tuhan bertaubat dan kembali kepada Kekasih Ilahi, fajar akan menyinsing lagi.

Dosa umat Allah pada zaman nabi Hosea radang bagai ragi dalam adonan roti. Sistem pemerintahan merosot, para raja penuh dengan kebohongan. Istana dan pemimpin mereka disarat dosa yang memalukan. Pembunuhan terjadi kerana perebutan kuasa. Seluruh lapisan masyarakat terlibat dalam kemabukan politik sehingga mereka saling menunding jari, fitnah memfitnah, berdusta dan mendatangkan kesaksian palsu.

Dosa mereka menjilat bagai "...dapur perapian yang menyala terus" (Hosea 7:4). Perapian dosa semakin meningkat suhunya. Mereka tidak menegur raja mereka yang berbuat jahat tetapi sebaliknya memuji-muji dengan kata-kata yang menyenangkan. "Mereka menyukakan raja dengan kejahatan mereka, dan para pemuka dengan kebohongan mereka" (Hosea 7:3). Mata rohani mereka buta terhadap kenajisan dosa pemimpin mereka.

Seruan mereka kepada Tuhan bukan daripada hati ikhlas; mereka mempersembahkan gandum dan anggur namun mereka memberontak terhadap Tuhan (Hosea 7:14). Nabi Hosea merayu agar mereka kembali kepada ketulusan hati dan kemurnian ibadah. Hosea tidak penat merayu mereka dengan pujukan daripada Allah bagai kekasih. "Mari, kita akan berbalik kepada Tuhan, sebab Dialah yang menerkam dan yang akan menyembuhkan kita, yang telah memukul dan yang akan membalut kita" (Hosea 6:1).

Sekiranya mereka rela berbalik kepada Tuhan, Dia akan menghidupkan mereka lagi. "Dia akan menghidupkan kita sesudah dua hari, pada hari ketiga Dia akan membangkitkan kita, dan kita akan hidup di hadapan-Nya" (Hosea 6:2). Allah akan muncul bagai fajar dalam hati mereka. "Marilah kita mengenal dan berusaha sungguh-sungguh mengenal Tuhan; Dia pasti muncul seperti fajar, Dia akan datang kepada kita seperti hujan, seperti hujan pada akhir musim yang mengairi bumi" (Hosea 6:3). Allah mengasihi mereka seperti Hosea mengasihi isterinya yang sumbang. O wanita, biarlah fajar Tuhan menyinsing dalam hati kita kerana ketulusan ibadah kita, dan kepekaan kita terhadap dosa. Jonathan Edwards berkata, "Makin orang kudus mengasihi Tuhan, makin dia berdukacita kerana dosanya."

Doa: Allahku, biarlah fajar merekah dalam hati dan masyarakat kami kerana kami ikhlas beribadah murni.

## BERLUMBA DENGAN RAJIN

Renungan: **Ibrani 12:1-3, 2 Timotius 4:8-16**

*Kerana kita mempunyai banyak saksi, bagaikan awan yang mengelilingi kita, marilah kita menanggalkan semua beban dan dosa yang begitu merintanginya, dan berlumba dengan tekun dalam perlumbaan yang diwajibkan kepada kita. Marilah kita melakukannya dengan mata yang tertuju kepada Yesus.*

— Ibrani 12:1-2a

Kesempatan meraih pingat emas terbuka luas kepada John Stephen Akhwari dalam pertandingan Olimpik. Hati Akhwari melonjak, sejenak lagi, dia akan mencurahkan segala tenaganya demi mengapai suatu kepantasan yang akan membawa kebanggaan kepada negaranya, Tanzania. Apa daya, sewaktu dalam perjalanan ke stadium, kakinya tercedera sehingga dia berjalan tertempang-tempang ke stadium.

Kecederaannya tidak mematahkan semangat pemuda ini untuk bertanding hingga ke garis terakhir. Hanya sedikit penonton yang sedia menonton dia mencapai garis terakhir. Ketika ditanya kenapa dia tetap bertanding. “Negara saya mengutus saya ke sini bukan hanya untuk memulakan perlumbaan melainkan untuk mengakhiri pertandingan,” katanya.

Pelayanan kita bagai suatu pertandingan maraton di arena awam. Sekalipun sedikit orang menyokong kita dalam pertandingan ini, kita bertanding dengan setia. Untuk mengikut pertandingan ini, semua beban harus kita tanggalkan. “Seorang prajurit yang sedang berjuang tidak memusingkan dirinya dengan soal-soal penghidupannya, supaya dengan demikian dia berkenan kepada kemenangannya” (2 Timotius 2:3).

Ketekunan kita dalam perlumbaan menjamin hasil kemenangan yang memuaskan. Petani yang rajin menabur dan membaja menuai pada musim tuaian. Ketekunan rasul Paulus menginjili, melatih dan memuridkan pengikut-pengikutnya menuai hasil yang kaya. Janganlah malas berdoa, malas mengajar, malas memberitakan injil, malas memuridkan pengikut kerana musim cepat beredar dan pertandingan akan berakhir. “Seorang petani yang bekerja keras haruslah yang pertama menikmati hasil usahanya” (2 Timotius 2:6).

Bagi inspirasi pertandingan, D.L. Moody selalu melayang pandangan kepada pahlawan alkitabiah. Menurutnya, Yosua dan Kaleb tidak selalu memandang kepada halangan-halangan perjalanan mereka, kerana mata mereka selalu melayang ke atas. “Iman kita untuk bertanding mesti selalu menyala terang untuk pertandingan yang gigih.

Doa: Tuhan, aku bertanding dengan mata yang tertuju kepada Engkau dan garis terakhir.

## JANGANLAH TAKUT

Renungan: **Mazmur 56:1-14**

*Waktu aku takut, aku percaya kepada-Mu, kepada Allah, yang firman-Nya kupuji, kepada Allah aku percaya, aku tidak takut. Apakah yang dapat dilakukan manusia terhadap aku? —Mazmur 56:3*

Perpatah kesukaan Allah dalam Alkitab ialah “Janganlah takut!” Allah tahu manusia cepat takut dan perlu diyakinkan berulang kali. Sejak zaman Abram, Allah sudah memakai perpatah, “Janganlah takut.” Allah berkata kepada Abram, “Kemudian datanglah firman Tuhan kepada Abram dalam suatu penglihatan. “Janganlah takut Abram, Akulah perisaimu, upahmu akan sangat besar” (Kejadian 15:1).

Allah juga menampakkan diri kepada Ishak dan meyakinkannya agar janganlah takut ketika dia sedang berpindah-pindah. “Lalu pada malam itu, TUHAN menampakkan diri kepadanya serta berfirman, “Akulah Allah ayahmu Abraham, janganlah takut, sebab aku menyertai engkau. Aku akan memberkati engkau dan membuat banyak keturunanmu kerana Abraham hamba-Ku itu” (Kejadian 26:24). Sewaktu Yakub ingin berpindah ke Mesir, Allah meyakinkan dia, “Akulah Allah. Allah ayahmu, janganlah takut pergi ke Mesir, sebab Aku akan membuat engkau menjadi bangsa yang besar di sana” (Kejadian 46:3).

Dari satu generasi ke satu generasi, Allah bersabda, “Janganlah takut” kerana Dia tahu gelora ketakutan. Raja Daud yang membunuh raksasa Goliat pun pernah tercengkam ketakutan ketika musuh memburunya. Sewaktu dia diamat-amati, diintip, dia berulang kali meyakinkan diri bahawa hanya kepada Allah dan firman-Nya saja dia percaya. “Kepada Allah aku percaya, aku tidak takut. Apakah yang dapat dilakukan manusia terhadap aku?” (Mazmur 56:12).

Sewaktu kita dilandai ketakutan kita selalu mengingat bahawa Tuhan yang berkata, “Janganlah takut” juga Maha Hadir. “Dari belakang dan dari depan Engkau mengurung aku, dan Engkau menaruh tangan-Mu ke atasku” (Mazmur 139:5). Ingat doa Santo Patrick: Kristus dengan aku, Kristus dalam aku, Kristus di belakang aku, Kristus di depan aku, Kristus di samping aku, Kristus untuk memenangi aku, Kristus untuk menghibur dan memulihkan aku.

Yesaya bersabda kepada setiap wanita yang takut, “Janganlah takut, sebab Aku menyertai engkau, janganlah bimbang, sebab Aku ini. Allahmu akan meneguhkan, bahkan akan menolong engkau; Aku akan memegang engkau dengan tangan kanan-Ku yang membawa kemenangan” (Yesaya 41:10).

Doa: Allah, benteng dan gunung batuku yang kukuh,  
aku memberi Engkau ketakutanku.

## DAMAI DI TENGAH-TENGAH BADAI

Renungan: **Mazmur 46:1-12**

*Kota Allah, kediaman yang Maha Tinggi, disukakan oleh aliran-aliran sebuah sungai. Allah ada di dalamnya, kota itu tidak akan goncang; Allah akan menolongnya menjelang pagi. —Mazmur 46:5-6*

Mazmur ini terjadi ketika umat Israel menghadapi krisis sewaktu musuh mereka, Asyur mengancam mereka (2 Raja-Raja 18:1-12). Raja Hizkia meminta pertolongan Mesir dan bukan perlindungan Allah Yakub, yang selama ini menjadi Penolong mereka. Tindakan Raja Hizkia dicela, “Celakalah orang yang pergi ke Mesir minta pertolongan, yang mengandalkan kuda-kuda, yang percaya kepada keretanya yang begitu banyak, dan kepada pasukan berkuda yang begitu besar jumlahnya, tetapi tidak memandang kepada yang Maha Kudus, Allah Israel, dan tidak mencari TUHAN” (Yesaya 31:1).

Seharusnya mereka merasa damai kerana kehadiran Allah. Dari sini, air sungai-Nya mengalir dengan tenang jauh dari ancaman terpaan ombak dan amukan gelora yang menerjang jiwa. “Kota Allah, kediaman yang Maha Tinggi, disukakan oleh aliran-aliran sebuah sungai. Allah ada di dalamnya, kota itu tidak akan goncang; Allah akan menolongnya menjelang pagi” (Mazmur 46:5-6).

Tempat berkubu yang tenang ialah Allah yang bersemayam di takhta-Nya, Allah Yakub. “TUHAN, semesta alam menyertai kita, kota benteng kita ialah Allah Yakub. Sela” (Mazmur 46:8). Sewaktu Yakub berada di Betel, jiwanya berada dalam krisis, Allah bersabda, “Sesungguhnya Aku menyertai engkau; ke mana pun engkau pergi, dan Aku akan membawa engkau kembali ke negeri ini, sebab Aku tidak akan meninggalkan engkau, melainkan tetap melakukan apa yang kujanjikan kepadamu” (Kej 28:15).

Pemazmur diundang untuk melihat Sang Penguasa yang mengawal di bumi dan tiada yang dapat meniadakan perlindungan-Nya. “Pergilah, pandanglah pekerjaan TUHAN, yang mengadakan pemusnahan di bumi, yang menghentikan peperangan sampai ke ujung bumi, yang mematahkan busur panah, menumpulkan tombak, membakar kereta-kereta perang dengan api!” (Mazmur 46:9-10).

Mata rohani kita memandang Sang Penguasa yang memberi pengharapan walaupun pada zaman nuklear. Kemuncak gelombang kekejaman yang menerjang jiwa umat-Nya tidak meniadakan fakta bahawa Dia akan menang. “Diamlah dan ketahuilah, bahawa Akulah Allah! Aku ditinggikan di antara bangsa-bangsa, di tinggikan di bumi!” (Mazmur 46:11).

Doa: Ajarlah agar mataku melayang kepada Raja yang bersemayam di takhta-Nya di zaman yang bergelora.

## DESA DEKAT DI HATI-NYA

Renungan: **Matius 9:35-38**

*Demikianlah Yesus berkeliling ke semua kota dan desa;  
Dia mengajar dalam rumah ibadat dan memberitakan Kerajaan Syurga  
serta melenyapkan segala penyakit dan kelemahan.  
—Matius 9:35*

Tuhan Yesus sering berjalan jauh ke desa tanpa mengenal lelah. Dia merantau baik ke kota mahupun desa untuk berkhotbah tanpa memilih bulu. Dalam perjalanan-Nya ke Yerusalem, Yesus menyusur perbatasan Samaria dan Galilea. Ketika Dia memasuki suatu desa datanglah sepuluh orang kusta menemui Dia. Mereka tinggal berdiri agak jauh dan berteriak: “Yesus, Guru, kasihanilah kami!” (Lukas 17:11-12).

Bagi Tuhan Yesus, pelayanan di desa bukanlah sambil lalu sahaja atau hanya misi pada hari cuti. Bagi Tuhan Yesus, penginjilan di desa merupakan kegiatan yang dilakukan terus menerus. Di desa, kemiskinan terus berputar bagai lingkaran kerana kesempatan untuk pendidikan tidak tergapai tetapi injil tetap diberitakan-Nya dengan rajin.

Banyak yang terlucut daripada tangan mereka yang di desa kerana mereka tidak tahu hak mereka. Tuhan Yesus melihat mereka dengan belas kasihan, hati-Nya dekat dengan mereka. Mereka bagai domba-domba yang diserangi serigala-serigala. Siapa yang akan membela hak mereka?

Bangunan gereja di kota semakin besar namun lubang di atap gereja di desa semakin membesar, dan lubang di lantai semakin membesar kerana titisan air hujan. Domba-domba menantikan gembala yang baik untuk menolong mereka.

Tuhan  
Ketika kami berusaha ke sudut dunia yang sepi  
Engkau selalu menyertai kami  
Kami tahu Tuhan  
Engkau bersama mereka yang terpinggir  
Hangatkan hati kami  
Ajar kami hulurkan kasih  
Pertolongan  
Makanan  
Pendidikan  
Dan mencari wajah-Mu  
Pada setiap wajah yang terpinggir  
Di sudut desa yang terpencil

Doa: Di mana saja, desa atau kota, aku tetap mahu mengasihi  
domba-domba sesat yang memerlukan kasih-Mu.

## AKULAH KEBANGKITAN DAN HIDUP

Renungan: **Yohanes 11:17-24**

*Jawab Yesus: "Akulah kebangkitan dan hidup, barangsiapa percaya kepada-Ku, dia akan hidup walaupun sudah mati."*

— Yohanes 11:25

**K**enapa Tuhan Yesus? Kenapa dia meninggalkan aku tanpa pesan? Bagaimana aku mengharungi hari-hari selanjutnya? Bukankah kelmarin baru dia sedang mendengkur di sisi aku? Baru tadi pagi aku baru bersarapan dengannya dan dia masih sedang bergurau.

Tuhan Yesus datang sebagai Sahabat di tengah-tengah kita ketika kita berkabung. Dia datang dengan airmata-Nya, simpati-Nya, belas kasihan-Nya, dan pelukan Sahabat akrab. Kematian Lazarus telah mendatangkan kesedihan kepada Marta dan Maria. Khabar tentang kesakitan Lazarus datang kepada Yesus, Dia sedang melayani di Perea, sebelah Timur Sungai Yordan, namun Tuhan Yesus tetap tinggal dua hari sebelum ke Betania.

Setakat manakah keakraban mereka dengan Tuhan Yesus? Marta telah membuka pintu rumahnya agar Tuhan Yesus dan murid-Nya boleh bertandang untuk makanan (Lukas 10:38). Keramahan mereka sangat penting sewaktu Tuhan Yesus sering ditolak oleh masyarakat-Nya (Markus 6:-16a). Siapakah Maria? Dialah wanita yang telah mengurapi Tuhan Yesus dengan minyak mur dan menyekanya dengan rambutnya. Tentu Tuhan Yesus menganggap mereka sebagai anggota-anggota keluarga-Nya.

Bayangkan perasaan Marta sewaktu dia berkata, "Tuhan, sekiranya Engkau ada di sini, saudaraku pasti tidak mati" (Yohanes 11:21). Ketika Yesus melihat Maria menangis dan juga orang Yahudi yang datang bersama-sama dia, maka masygullah hati-Nya (Yohanes 11:33). Kematian Lazarus bukanlah akhirnya segala cerita dalam keluarga ini kerana saat kemuliaan Allah iaitu saat kebangkitan akan terjadi kepada Lazarus.

Jawapan Tuhan Yesus memberi pengharapan dan keyakinan menghibur kita. Tepat pada saat kematian terjadi, Dia berkata, "Akulah kebangkitan dan hidup; barangsiapa percaya kepada-Ku, dia akan hidup walaupun dia sudah mati, dan setiap orang yang hidup dan yang percaya kepada-Ku, tidak akan mati selama-lamanya. Percayakah engkau akan hal ini?" (Yohanes 11:25-26).

Rasul Paulus menghibur jemaahnya bahawa Yesus telah mati dan telah bangkit, maka kita percaya bahawa mereka yang telah meninggal dalam Yesus akan dikumpulkan Allah bersama-sama dengan Dia. Mereka akan bangkit semula pada suatu hari (1 Tesalonika 4:13-14).

Doa: Allah yang Maha Kuasa, kami bersyukur kerana maut tidak mengalahkan kami kerana suatu hari kebangkitan akan terjadi.

## JANGAN MENCAMPURBAURKAN IMAN

Renungan: **Yesaya 65:1-16**

*Sepanjang hari Aku telah mengulurkan tangan-Ku kepada suku bangsa yang memberontak, yang menempuh jalan yang tidak baik dan mengikuti rancangannya sendiri.*

—Yesaya 65:2

Umat Allah pada zaman Yesaya selalu menyakiti hati Allah tetapi masih mengharapkan Allah mendengar doa mereka. Mereka mempersembahkan korban-korban mereka kepada dewa-dewa lain padahal Allah kekasih mereka yang kudus. Mereka menurut cara sendiri dan mencari dewa-dewa lain untuk rancangan mereka.

Allah sungguh-sungguh berusaha mencelikkan mata mereka, “suku bangsa yang menyakitkan hati-Ku senantiasa di depan mata-Ku, dengan mempersembahkan korban di taman-taman dewa dan membakar korban di atas batu bata” (Yesaya 65:3). Mereka mengikut upacara kafir yang memanggil roh-roh orang mati. “Yang duduk di kuburan-kuburan dan bermalam di dalam gua-gua; yang memakan daging babi dan kuah daging najis ada dalam kualiti mereka” (Yesaya 65: 4).

Campuran ibadah mereka tidak diperkenan Allah malah ibadah jenis ini jijik bagi Allah. Tuhan Allah bersabda, “Menjauhlah, janganlah meraba aku, nanti engkau menjadi kudus olehku. Semuanya ini seperti asap yang naik ke dalam hidung-Ku, seperti api yang menyala sepanjang hari...” (Yesaya 65:5). Ibadah mereka di atas bukit-bukit malahan mendatangkan asap yang menjengkelkan Allah kerana mereka mencemari diri.

Jika anda sudah percaya kepada Tuhan Yesus sebagai Penyelamat dan Allah anda, percayalah dengan segenap hati. Jangan mencari shaman, penilik atau bobolizan untuk memberi anda bimbingan sewaktu anda menghadapi krisis. Jangan menyuruh bomoh bernubuat masa depan anda, atau guru Feng Shui untuk mencorak rekabentuk rumah anda. Pencarian shaman mahupun penilik tidak hanya mengundang penguasaan kuasa gelap yang lebih ngeri dalam kehidupan anda, tetapi juga menyebabkan Allah untuk mengundur Diri-Nya yang kudus.

Menyembah berhala dan merempah-rempahi masakan kepada dewa-dewa akan melukai hati Tuhan. Nabi Yesaya bersabda bahawa perbuatan seperti ini jelas menunjukkan anda telah meninggalkan Allah. “Tetapi kamu yang telah meninggalkan TUHAN, yang telah melupakan gunung-Ku yang kudus, yang menyajikan hidangan bagi dewa Gad dan yang menyuguhkan anggur bercampur rempah bagi dewa Meni” (Yesaya 65:11). Tangan Allah terhulur kepada anda, jangan mencari yang lain dan mendatangkan padah buruk.

Doa: Aku hanya mengikut Engkau Allah yang selalu hadir dalam kehidupanku dan tidak pernah berubah kebaikan-Mu.

## IRAMA INDAH

Renungan: **Lukas 2:8-20**

*Dan tiba-tiba tampaklah bersama-sama dengan malaikat itu sejumlah besar bala tentera syurga yang memuji Allah, katanya: "Kemuliaan bagi Allah di tempat yang Maha Tinggi dan damai sejahtera di bumi di antara manusia yang berkenan kepada-Nya.*

*—Lukas 2:14*

**K**etika Allah mencipta manusia, simfoni syurgawi bergema manis dan Dia merasa sungguh gembira dan puas, "Maka Allah melihat segala yang dijadikan-Nya itu, sungguh amat baik..." (Kejadian 1:31). Muzik yang bergema ini segera berubah ke simfoni yang sedih ketika Adam dan Hawa jatuh ke dalam dosa. Iblis telah menggoda manusia untuk memainkan simfoni lain.

Keretakan simfoni membawa irama sedih namun ia akan digantikan irama gembira dan mulia. Irama indah yang dijanjikan dalam "Aku akan mengadakan permusuhan antara engkau dan perempuan ini, antara keturunanmu dan keturunannya; keturunannya akan meremukkan kepalamu, dan engkau akan meremukkan tumitnya (Kejadian 3:15).

Allah tidak mencanangkan bahawa Dia akan menghapuskan manusia dari permukaan bumi ini. Hati-Nya rindu agar irama indah boleh bergema di kalangan manusia lagi. Dia memilih Tuhan Yesus daripada keturunan Daud untuk menyelamatkan manusia agar lagu syurgawi boleh bergema lagi. Pada hari kelahiran Raja Damai, tampaklah bala tentera syurgawi yang memuji Allah, katanya: "Kemuliaan bagi Allah di tempat yang Maha Tinggi dan damai sejahtera di bumi di antara manusia yang berkenan kepada-Nya" (Lukas 2:14).

Kemuliaan Allah tampak dengan kehadiran malaikat-malaikat seperti Dia selalu menampakkan Diri-Nya dalam Perjanjian Lama (Keluaran 16:10). Kini, kemuliaan tampak kepada segolongan gembala yang rendah hati dan malaikat-malaikat membawa khabar indah kepada mereka. Nubuat nabi Yesaya digenapi, "Pada waktu itu orang akan berkata: "Sesungguhnya, inilah Allah kita, yang kita nanti-nantikan, supaya kita diselamatkan. Inilah TUHAN yang kita nanti-nantikan: marilah kita bersorak-sorai dan bersukacita oleh kerana keselamatan yang diadakan-Nya!" (Yesaya 25:9).

Gembala-gembala mendengar, "Hari ini telah bagimu Juruselamat, iaitu Kristus, Tuhan, di kota Daud" (Lukas 1:11). Tuhan telah turun ke dunia untuk hidup di kalangan manusia dan menjadi Domba Allah bagi penebusan manusia. Lagu dan simfoni yang merdu ini akan digemakan dalam hati setiap insan yang menerima Tuhan Yesus sebagai pemberian yang terindah.

Doa: Lagu dan irama indah ini akan kugemakan setiap hari kepada manusia lain dalam kehidupanku.

## PERSEMBAHAN ISTIMEWA

Renungan: **Matius 2:1-12**

*Maka masuklah mereka ke dalam rumah itu dan melihat Anak itu bersama Maria, ibu-Nya, lalu sujud menyembah Dia. Merekapun membuka tempat harta bendanya dan mempersembahkan persembahan kepada-Nya, iaitu emas, kemenyan dan mur. —Matius 2:11*

Sewaktu kelahiran Tuhan Yesus, orang Majus yang tinggal seribu batu sebelah negara Persia Timur sedang mempelajari bintang. Mereka begitu teruja kerana menurut pengkajian mereka, satu Bintang Istimewa menandakan Raja penting akan dilahirkan di Yerusalem. Mereka membentuk satu kahlifah untuk menyembah Raja ini kerana tirai drama terpenting dalam sejarah manusia terselak.

“Sejumlah besar unta akan menutupi daerahmu, unta-unta muda dari Midian dan Efa. Mereka semua akan datang dari Syeba, akan membawa emas dan kemenyan, serta memberitakan perbuatan masyhur TUHAN” (Yesaya 60:6). Nabi Yesaya sudah bernubuat bahawa TUHAN akan bersabda kepada orang kafir mengenai kelahiran-Nya.

Siapakah yang berkata orang majus ini tidak tahu apa-apa tentang Tuhan Yesus? Hadiah-hadiah yang dipersembahkan oleh para Majus ini melambangkan Penyelamat. Mereka telah membawa emas untuk menyembah-Nya sebagai Raja, kemenyan untuk menyembah keilahian-Nya sebagai Anak Allah, dan mur untuk menghargai kematian-Nya.

Hai wanita segala bangsa  
 Pujilah kasih-Nya  
 Bintang Besar petunjuk  
 Raja Ilahi  
 Sembah Dia  
 Serahkan hatimu  
 Bagai kemenyan  
 Wahyu Tuhan yang istimewa  
 Terbuka kepada segala bangsa

Sesungguhnya tepat nubuat nabi Yesaya, “Bangsa-bangsa berduyun-duyun datang kepada terangmu, dan raja-raja kepada cahaya yang terbit bagimu” (Yesaya 60:3). Tuhan sendiri sudah bernubuat akan hal ini, “Sebab dari terbitnya sampai kepada terbenamnya matahari nama-Ku besar di antara bangsa-bangsa, dan di setiap tempat dibakar dan dipersembahkan korban bagi nama-Ku dan juga korban sajian yang tahir; sebab nama-ku besar di antara bangsa-bangsa, firman TUHAN semesta alam” (Maleakhi 1:11).

Doa: Tuhan Yesus, segala puji syukur kepada Engkau, Raja yang dijanjikan Yesaya dan nabi-nabi yang lain.

## HERODUS

Renungan: **Matius 2: 16-18**

*Terdengarlah suara di Rama, tangis dan ratap yang amat sedih;  
Rahel menangisi anak-anaknya dan dia tidak mahu dihibur,  
sebab mereka tidak ada lagi. —Matius 2:18*

**K**ebanyakan sarjana bersetuju bahawa Tuhan Yesus dilahirkan sewaktu Raja Herodus bertakhta. Raja yang kejam ini begitu takut orang lain akan menggulingkannya dari takhta. Isterinya, Mariamne I, seorang Yahudi Hasmonea, abangnya dan tiga orang lain lagi dibunuh kerana dicuriagai ingin merebut mahkotanya! Apabila Raja Herodus mendengar tentang pengkajian orang Majus, perasaannya gusar. Baginda mengumpulkan sarjana-sarjana agama dan menanyakan mereka tentang tempat kelahiran Raja Yahudi ini.

Sebelum Raja Yahudi ini menaik takhta, dia mesti membunuh-Nya. Raja Herodes mengeluarkan perintah untuk membunuh semua bayi yang berumur dua tahun atau di bawah dua tahun. Namun, Yesus terselamat tetapi Raja Herodus mati beberapa bulan yang akan datang. Hanya setelah kematiannya, malaikat memberitahu Yusuf untuk membawa Maria dan Tuhan Yesus kembali ke Israel.

Raja 'Herodus' sering muncul sepanjang abad. Adolf Hitler yang gila ingin meniadakan orang Yahudi dan mengubah Alkitab agar menurutnya tidak berbau Yahudi. Pahlawan iman yang muncul dengan berani pada zaman ini ialah Bonhoeffer. Di penjara Schoenberg, setiap hari beberapa banduan dijatuhkan hukuman mati namun kini banduan-banduan di sana memiliki pengharapan baru.

"Bonhoeffer!" teriak pegawai penjara. "Tidak! Tidak! Mereka tidak boleh membunuh Bonhoeffer!" teman-teman banduannya menangis dalam ketakutan.

"Inilah ajal kehidupan saya tetapi juga permulaan yang baru," kata Bonhoeffer dengan tenang. Cinta Bonhoeffer akan Tuhan Yesus telah menyebabkan dia berdiri teguh dan menentang kerajaan yang kejam. Hitler yang segila raja Herodus menganggap orang Yahudi, Slavs dan yang berkulit hitam bagai anjing kurap.

Di Sekolah Alkitab, dia mengajar murid-murid-Nya untuk berdiri teguh. Sewaktu ditanya adakah dia pengkhianat negara, Bonhoeffer berkata, "Siapa pengkhianat? Hitler atau saya? Andaikata seorang gila sedang memandu kereta dan melanggar ramai orang, bukankah kita berkewajiban menolong mangsa kemalangan tersebut?"

Doa: Allahku, ajarlah aku berdiri teguh untuk mempertahankan iman aku dan firman Allah.

## KEBANGKITAN ATAU KEJATUHAN

Renungan: **Lukas 2: 21-40**

*dan untuk mempersembahkan korban menurut apa yang difirmankan dalam hukum Tuhan, iaitu sepasang burung tekukur atau dua ekor anak burung merpati. —Lukas 2:24*

Tuhan Yesus dilahirkan dalam masyarakat yang kaya dengan upacara ibadah. Upacara yang penting ialah penyerahan anak sulung kepada Allah. Lapan hari setelah kelahiran-Nya menurut tradisi orang Yahudi, “seperti ada tertulis dalam hukum Taurat: ‘Semua anak laki-laki sulung harus dikuduskan bagi Allah’ (Lukas 2:23). Lapan hari setelah kelahiran-Nya, bayi Tuhan Yesus dibawa ke bait Tuhan untuk diserahkan kepada Bapa-Nya.

Tentu Maria dan Yusuf merasa sedikit rendah hati kerana keluarga yang kaya akan mempersembahkan seekor domba dan seekor burung tekukur. Untuk keluarga miskin, mereka dibenarkan untuk mempersembahkan sepasang burung tekukur dan dua ekor anak burung merpati. Persembahan Domba Allah ini tidak dirayakan dengan meriah. Hanya mata rohani yang dapat menanggapi keistimewaan saat ini dan bayi istimewa ini.

Di Yerusalem, tinggal seorang tua yang bernama Simeon. Dia mengetahui anak sulung yang dibawa ke bait Allah berlainan daripada anak-anak sulung lain. Simeon menatap anak sulung yang istimewa ini serta menyebut bahawa dia akan pergi dengan damai sejahtera, “...kerana matakulah telah melihat keselamatan yang daripada-Mu, yang telah Engkau sediakan di hadapan segala bangsa” (Lukas 2:30-31). Simeon yang tua mungkin rabun tetapi mata rohaninya telah melihat penyelamatan yang akan datang bukan sahaja kepada orang Israel tetapi kepada segala bangsa.

Simeon bernubuat bahawa Dia akan menimbulkan perbantahan dengan kehadiran-Nya yang ilahi. “Sesungguhnya Anak ini ditentukan untuk menjatuhkan atau membangkitkan banyak orang di Israel dan untuk menjadi suatu tanda yang menimbulkan perbantahan” (Lukas 2:34). Pemugut cukai, nelayan, pelacur, dan orang berdosa datang kepada-Nya dan terharu dengan pengampunan dosa yang diterima mereka.

Sebaliknya, kehadiran-Nya yang kudus akan menyebabkan Herodus merancang kejahatan kerana terancam oleh kehadiran-Nya yang berwibawa. Orang Farisi dan orang Saduki menentang-Nya kerana kebenaran-Nya mengores ego dan keangkuhan mereka serta ketelitian mereka yang kesuntukan keikhlasan. Tuhan Yesus hadir di tengah-tengah kita sebagai cermin. Perkataan dan kehidupan-Nya boleh membuat kita bertaubat. Sebaliknya, wanita yang tidak menyukai keilahian-Nya akan membantah Dia kerana keilahian-Nya jelas mencerminkan cacat cela mereka.

Doa: Allahku, biarlah kehadiran Anak-Mu menjadi saat perubahan dan kebangkitan dalam jiwaku.

## MALAM GELAP

Renungan: **Yesaya 55:8-9**

*Sebab rancangan-Ku bukanlah rancanganmu, dan jalanmu bukanlah jalan-Ku, demikianlah firman TUHAN. — Yesaya 55:8*

Angin menderu, langit mendung, dan hampir tidak ada secercah sinaran antara celah dedaun, mulai mendatangkan keraguan kepada kita. Kita mulai gelisah dan merancang menurut kebijaksanaan sendiri sekalipun kita menghafal, “Sebab rancangan-Ku bukanlah rancanganmu, dan jalanmu bukanlah jalan-Ku, demikianlah firman TUHAN” (Yesaya 55:8). Alkitab menggambarkan kebijaksanaan-Nya jauh melampaui akal kita, “Seperti tingginya langit dari bumi, demikianlah tingginya jalan-Ku dari jalanmu dan rancangan-Ku dari rancanganmu” (Yesaya 55:9).

Umat TUHAN pada zaman Yesaya dipanggil untuk meninggalkan cara mereka yang lama dan menerima jalan Tuhan.

Manusia sering tidak berfikir dan bertindak seperti Tuhan. “Fikiran yang Maha Besar yang mencipta dunia, menguasai sejarah negara-negara, dan merancang bagi setiap insan merupakan pandangan yang jauh melampaui batas pengertian manusia. Tambahan pula, cara yang penuh rahmat dan mengasihani daripada Tuhan yang sempurna dan tidak berdosa, yang sedia mengasihani, memilih, menolong, mendukung, dan mengampuni umat yang memberontak jauh melampaui pengertian kita” (Gary V. Smith).

Saat angin menderu dan badai menerpa, kita perlu menantikan TUHAN dan berdoa kerana cara-Nya sungguh berbeza dengan cara kita. Sejauh manakah perbezaannya sehingga kita tidak berani bersandar kepada diri sendiri, dan bertindak menurut kepandaian sendiri. Jarak perbezaannya seperti perbezaan antara langit dan bumi.

Bagaimana pula kalau kita tahu jalan dan rancangan kita jauh berbeza daripada kehendak-Nya? “Carilah TUHAN selama Dia berkenan ditemui; berserulah kepada-Nya selama Dia dekat! Baiklah seorang fasik meninggalkan jalannya, dan orang jahat meninggalkan rancangannya; baiklah Dia kembali kepada TUHAN, maka Dia akan mengasihannya, dan kepada Allah kita, sebab Dia memberi pengampunan dengan limpahnya” (Yesaya 55:6-7).

Tuhan, hatiku tenang di hadirat-Mu  
 Aku tidak minta untuk memahami semuanya  
 Tetapi hanya untuk melangkah lebih yakin  
 Rancangan dan cara-Mu paling indah

Doa: Ketika aku tidak dapat melihat rancangan-Mu yang terindah  
 dalam hidupku, ajarilah aku berjalan dalam iman.

## HARI YANG BARU

Renungan: **Yesaya 43:1-5**

*Sebab TUHAN, Dia sendiri akan berjalan di depanmu, Dia sendiri akan menyertai engkau, Dia tidak akan membiarkan engkau dan tidak akan meninggalkan engkau; janganlah takut dan janganlah patah hati.*

—Ulangan 31:8

Elisabet Eliot merenungi diarinya yang keenam. Belum lagi dia mencatat banyak dalam diari ini, dia perlu menggantikan yang baru. Diari ini ialah diari istimewa kerana semua kenangan perkahwinan manis bersama suaminya, Jim tercatat teliti. Bersama dengan bayinya Valerie, dia telah kembali ke Shandia. Kedai buku tidak berdekatan di sana dan dia terpaksa menggunakan sehalaman yang terjatuh daripada buku catatan lama untuk mencatat yang baru.

Dalam keheningan saat itu, Elisabet membuka buku catatan lama ini untuk mengenangi yang tertulis pada waktu dia baru berumur dua puluh empat tahun. "Tuhan, aku mengaku dengan segenap hatiku bahawa aku milikmu. Saya tidak menuntut hak milik hidupku, masa yang lampau, masa kini mahupun masa depan. Engkau sudah berkata, "Janganlah takut, sebab Aku telah menebus engkau... Aku telah memanggil engkau dengan namamu, engkau ini kepunyaan-Ku... Aku akan menyertai engkau... Sebab Akulah TUHAN, Allahmu, engkau berharga di mata-Ku... Aku ini mengasihi engkau... (Yesaya 43:1-5). Oleh kerana ini, ya Allah dan Tuhanku, Penebus, Kekasih, Kawan, Yang kukasihi penuhilah kehendak-Mu dalam seluruh hidupku di dunia. Betapa singkat, aku tidak tahu, tetapi aku percaya, "Peringatan-peringatan-Mu adalah milik pusakaku untuk selamalamanya, sebab semuanya itu kegirangan hatiku." "Dia akan menjaga nyawamu." (Mazmur 121:7).

Walaupun Elisabet mencucuri banyak airmata tanpa Jim namun Kekasih jiwa menghiburnya. Dialah yang pertama-tama memberi dia hidup membujang, kemudian perkahwinan dan kini pemberian kehidupan baru sebagai janda. "Setiap pemberian yang baik dan setiap anugerah yang sempurna, datangnya dari atas, diturunkan daripada Bapa segala terang; pada-Nya tidak ada perubahan atau bayangan kerana pertukaran" (Yakobus 1:17).

Ya, rumah yang dibina oleh Jim kini lebih kosong namun kehadiran Allah lebih penuh lagi. Saat ini Elisabet menemukan Tuhan yang bersamanya di lembah kekelamannya. Kehadiran Tuhan tampak lebih terang dan kasih-Nya menerangi rumah yang dihuninya.

---

Doa: Tuhan Yesus, aku terhibur kerana Engkau selalu berjalan di depan saya, aku tidak perlu takut.

## JALAN KE KALVARI

Renungan: **Matius 26:45-49**

*Dia dihina dan dihindari orang, seorang yang penuh kesengsaraan dan yang biasa menderita kesakitan; Dia sangat dihina, sehingga orang menutup mukanya terhadap dia dan bagi kita pun dia tidak masuk hitungan. — Yesaya 53:3*

Jalan ke Kalvari jarang dipilih orang kerana jalan ini diwarnai penyiksaan, tangisan dan kepahitan. Jarang ada orang melaporkan kepahitan tetapi berkat dan kesenangan yang berkelimpahan selalu dicari-cari. Bayangkan kesakitan Juruselamat sewaktu menempuh jalan ke Kalvari? Kesakitan jasmani dicambuk, dan kelelahan memikul kayu salib tidak dapat dibandingkan dengan penghinaan jiwa-Nya. Jalan ke Kalvari dimulakan dengan penghinaan dan olokan, cacian dan kata-kata yang kejam.

Kasih Tuhan Yesus terhadap Allah Bapa sewaktu Dia berjalan ke Kalvari seutuh saat Dia mengalami transfigurasi. Kasih-Nya terhadap Bapa Syurgawi tidak terpadam oleh kenegerian maut mahupun anggur asam yang dirasai-Nya. Saat maut pun Dia berseru dengan nyaring dan menyerahkan nyawa-Nya kepada Allah Bapa (Markus 15:37).

Saat pahit ini dirasakan-Nya manis kerana terlukis wajahmu dan syurga dalam benak Tuhan Yesus. “Kerana begitu besar kasih Allah akan dunia ini, sehingga Dia telah mengaruniakan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa, melainkan beroleh kehidupan kekal” (Yohanes 3:16). Kasih akan manusia membuat jalan ke Kalvari menjadi manis.

Tuhan Yesus menyiapkan hatin-Nya sebelum menempuh jalan ke Kalvari, Dia berdoa berjam-jam di Taman Getsemani. Jiwa-Nya sudah berjaga-jaga dan kehendak Allah tetap ditaati-Nya. “Maka Dia maju sedikit, lalu sujud dan berdoa, kata-Nya: “Ya Bapa-Ku, jikalau sekiranya mungkin, biarlah cawan ini lalu daripada-Ku; tetapi janganlah seperti yang Kukehendaki. Melainkan seperti Engkau kehendaki” (Matius 26:39).

Saat ini saat yang paling pahit namun saat terpenting dalam seluruh sejarah manusia. Saat pahit ini mendatangkan takhta selama-lamanya oleh Tuhan Yesus. “Tetapi tentang Anak Dia berkata: “Takhta-Mu, ya Allah, tetap untuk seterusnya dan selamanya, dan tongkat kerajaan-Mu adalah tongkat kebenaran” (Ibrani 1:8). Kasih ilahi terhadap Bapa-Nya dan manusia telah mengubah jalan ke Kalvari menjadi manis dan berharga. Saat seksa ini dirasakan-Nya manis kerana jalan ke Kalvari ialah jalan penggenapan semua yang dikatakan oleh nabi-nabi sejak zaman dahulu (Yesaya 53:3-4).

Doa: Bapa, biarlah aku mengingat Juruselamat menempuh jalan Kalvari dengan penuh ketaatan.

## LEBIH SERING BERKENCAN

Renungan: **Efesus 5:28-33**

*Demikian juga suami harus mengasihi isterinya sama seperti tubuh sendiri: Siapa yang mengasihi isterinya mengasihi diri sendiri.*

—Efesus 5:28

Berkencan tentu membawa kebahagiaan kepada mereka yang sedang dilamun cinta. Kim Sung Hae, isteri Pendeta Yonggi Cho ada ramuan khas bagi pasangan yang sudah berkahwin. Ramuannya bagi suami isteri bukanlah menyaji lebih banyak ‘kimchi’ (makanan tradisional Korea) tetapi sering-sering berkencan. Dia mengajak muridnya, “Kembalilah pada masa dulu dan berkencanlah berdua sahaja tanpa kehadiran anak-anak, dan makan siang bersama-sama...” Itulah nasihat dan pengajaran lemah lembut daripada wanita ini kepada sepasangan muridnya yang lupa berkencan.

“Bagaimana dengan anak-anak ya puan?” tanya muridnya. “Suruh kawan terbaik kau menjaga mereka,” usul Sung Hae.

Kim Sung Hae mendesak murid lelakinya dengan pertanyaan, “Bila tanggal dan waktunya awak akan mengatur waktu berkencan dengan isterimu? Tolong catatkannya dalam diarium bila awak ingin berkencan dengan isterimu.”

Dia berbisik pula kepada murid perempuan yang menjadi isteri murid lelakinya, “Perhatikan penampilanmu sewaktu berkencan. Tak perlulah mengorek-gorek dompet membeli pakaian mahal. Pakaian tidak semestinya mahal tetapi penampilan mesti anggun, rambut merias dan berdandanlah.” Murid perempuannya menyedari bahawa dia sudah lama tidak berdandan kerana sibuk dengan urusan rumah. Kelelahan pada wajahnya dan penampilan baju yang asal-asal tidak dapat diterima oleh Sung Hae.

Ramuan Kim Sung Hae lebih berkesan daripada menyaji ‘kimchi’ atau ‘bulgogi’. Kedua-dua muridnya berkencan di restoran pasta yang pernah dikunjungi mereka sewaktu mereka pertama kali berkencan. Murid perempuannya hampir terjatuh dari kerusi ketika suaminya berkata, “Awak sangat cantik.” Murid perempuan Sung Hae sering memakai baju tidur sewaktu makan bersama suaminya tetapi hari ini dia bagai bunga yang baru bermekar. Hari ini suaminya merasa bertuah memiliki isteri secantik pelakon-pelakon di tempat kerjanya.

Murid Kim Sung Hae yang sudah lama berkahwin lupa berkencan, yang penting untuk perkahwinan mereka. Bagaimana pula dengan anda, wanita anggun? Biarlah kasih Allah yang segar selalu mencantikkan wajahmu dan biarlah usaha berdandan dan keseringan berkencan menyegarkan perkahwinan anda.

Doa: Bapa Syurgawi, sinarilah sinaran kasih-Mu dalam kehidupan aku sehingga aku boleh mendatangkan kasih syurgawi kepada suamiku.

## ISTERI LOT

Renungan: **Kejadian 19:16-19, 29**

*Tetapi isteri Lot, yang berjalan mengikutnya, menoleh ke belakang, lalu menjadi tiang garam. —Kejadian 19: 26*

Intisari kisah ini bukan kesalahan menoleh tetapi keterikatan jiwa isteri Lot dengan kota yang tidak bermoral. Isteri Lot tidak tahu membezakan antara yang penting dan yang remeh. Hatinya masih terikat kepada kota Sodom, dan ini jelas menggambarkan kerohaniannya yang merosot.

Santa Bernard Clairvaux mengenalpasti enam langkah yang boleh mengakibatkan kemerosotan kerohanian dan mengubah kita menjadi tiang garam kalau kita tidak berhati-hati. Yang pertama, sifat ingin tahu yang tidak sihat. Ini bukan ingin tahu yang sihat atau mengambil berat akan orang lain tetapi sikap yang pandai-pandai jaga tepi kain orang lain. Ini menyebabkan kita menjadi mulut tempayan. Yang kedua, minda yang remeh. Orang Kristian seperti ini tidak tahu membezakan antara yang penting dan yang tidak penting. Akibatnya, orang ini sibuk-sibuk sahaja dengan perkara yang kurang penting.

Yang ketiga, penghiburan yang bodoh. Penghiburan ini mengalih pandangan kita dari hidup yang berguna. Yang keempat, suka mengangkut bakul sendiri. Orang ini meluangkan banyak waktu bermegah diri kepada orang lain, dan tidak cukup waktu mengasihi orang lain. Bernard berkata mereka terlalu memuji-muji diri dan memegahkan diri secara berlebihan.

Yang kelima, penghinaan terhadap mereka yang lebih tinggi autoriti daripada dirinya dan sering memberontak, pengakuan tidak ikhlas, membenarkan diri, dan membuat andaian sendiri. Yang terakhir, mereka menghina Allah dengan berdosa secara bebas, tidak sama sekali menghormati Sepuluh Hukum, membentuk tabiat berdosa tanpa penyesalan. Inilah langkah akhir pembinasaan kerohanian seseorang.

Ketika Lot dan keluarganya sudah sampai sebuah kota kecil Zoar, matahari sudah terbit, kota Sodom sudah hangus dan semua ternakan Lot binasa. Isteri Lot terpelesep dan mengalami kebinasaan kerana keterikatannya kepada kesayangan hatinya akan kota Sodom dan Gomorra.

Kemerosotan rohani berpunca daripada hati, cabutnya dan jangan biarkan ia berakar sehingga dosa muncul dari pelbagai sudut seperti yang disebut Santo Bernard. Tuhan Yesus bersabda, "...Kerana yang diucapkan mulutnya, meluap dari hatinya" (Lukas 6:45b).

Doa: Allahku, jagalah hatiku agar tidak menyayangi yang boleh menjerumus aku ke lembah kemerosotan rohani.

## BERSEKUTU BERSAMA-NYA

Renungan: **2 Korintus 5:1-10**

*Kerana kami tahu, bahawa jika khemah tempat kediaman, kita di bumi dibongkar, Allah telah menyediakan suatu tempat kediaman di syurga bagi kita, suatu tempat kediaman kekal, yang tidak dibuat oleh tangan manusia. —2 Korintus 5:1*

Pada waktu sakit, Pemazmur akan berdoa “Jangan tinggalkan aku, ya TUHAN, Allahku, janganlah jauh daripadaku!” (Mazmur 38:22). Doa ini seperti anak sakit yang tidak ingin ditinggalkan ibubapanya —sumber kesayangannya. Selama kita masih berada dalam tubuh fana ini, kita tidak dapat mengelakkan diri daripada penyakit.

Puan Cowman yang terlantar sakit berkata, “Kita dikuatkan dengan kuasa Roh-Nya dalam manusia dalaman kita. Kekuatan itu mengalir terus menerus, persediaan kuasa yang tidak akan dihabisi.” Walaupun tubuh lahiriah kita semakin uzur, tetapi manusia dalamannya semakin kuat dan bersemangat bagi Tuhan. Sewaktu terlantar di katil, dia telah menulis buku renungan “Streams in the Desert” yang mendatangkan berkat kepada berjutaan orang.

Tubuh ini tempat kediaman kita di bumi dan Allah sudah menyediakan kediaman yang kekal di syurga. “Selama kita di dalam khemah ini, kita mengeluh, kerana kita rindu mengenakan tempat kediaman syurgawi di atas tempat kediaman kita yang sekarang itu” (2 Korintus 5:2). Kita tahu ada tempat kediaman yang lebih sempurna berbanding dengan khemah kita.

Blaise Pascal menghargai persekutuan penderitaan Kristus yang dikatakannya bahawa dia hanya menikmati sebahagian kecil. Dia menderita sakit kepala dan meninggal dunia pada umur 39 tahun. Doanya berbunyi begini, “Allah yang Roh-Mu begitu baik dan lembut, kumohon agar aku menurut kehendak-Mu, dalam keberadaanku yang sakit. Aku akan memuliakan Engkau dalam penderitaanku. Satukan kehendakku dengan-Mu dan penderitaanku dengan mereka yang menderita; kumohon penderitaanku juga penderitaan-Mu, disatukan dengan-Mu. Aku hanya mengalami sebahagian kecil penderitaan-Mu. Saya memohon dipenuhi sepenuhnya oleh Engkau dengan kemuliaan seperti kemuliaan yang Engkau diam bersama Bapa dan Roh Kudus sampai selama-lamanya. Amin.”

ED Dobson yang menderita penyakit parah ALS berkata “Pengucapan syukur kepada Allah akan mengarahkan perspektif kita dengan tepat. Aku tidak mahu seluruh hidupku ditenggelami oleh penyakit ini dan aku tidak ingin kehilangan pandangan terhadap apa yang sudah dilakukan oleh Allah untuk diriku, sedang melakukan untuk aku, dan akan melakukan untuk aku.”

Doa: Bapaku, laksanakan kehendak-Mu dan kemuliaan-Mu dalam tubuh yang terbatas ini.

## SINGA MUSIM SALJI

Renungan: **Yesaya 31:1-5**

*Sebab beginilah firman TUHAN kepadaku: Seperti seekor singa atau singa muda menggeram untuk mempertahankan mangsanya...*

—Yesaya 31:4

**S**ewaktu umat Tuhan menghadapi krisis, mata mereka harus melayang kepada Singa yang bertindak pada musim salji. Fokus mereka bukan pada kenyataan kehadiran 185,000 tentera Asyur yang mengancam di ambang pintu mereka. Kepercayaan mereka harus tertumpu kepada Allah yang bertindak bagai burung induk yang melindungi anak-anaknya di sarang.

Raja Hezekiah seharusnya tidak meminta Mesir untuk pertolongan kerana padahnya teruk. “Celakalah orang yang pergi ke Mesir minta pertolongan, yang mengandalkan kuda-kuda, yang percaya kepada keretanya yang begitu banyak, dan kepada pasukan berkuda yang begitu besar jumlahnya, tetapi tidak memandang kepada Maha Kudus, Allah Israel, dan tidak mencari TUHAN” (Yesaya 31:1).

Bagai singa, Allah akan turun untuk berperang bagi mereka. “Sebab beginilah firman TUHAN kepadaku: Seperti seekor singa atau singa muda menggeram untuk mempertahankan mangsanya, dan tidak terkejut mendengar teriakan akan seluruh pasukan gembala yang dikerahkan melawan dia, dan tidak mengalah terhadap keributan mereka, demikianlah TUHAN semesta alam akan turun berperang untuk mempertahankan gunung Sion dan bukitnya” (Yesaya 31:4)

“Seperti burung yang berkepak-kepak melindungi sarangnya, demikianlah TUHAN semesta alam akan melindungi Yerusalem, ya, melindungi dan menyelamatkannya, memelihara dan menjauhkan celaka” (Yesaya 31:5). Wahai wanita, ketika ancaman dan gelora melandai anda, percaya bahawa Singa akan bertindak bagi anda pada musim salji.

Ketika anda takut kerana ancaman yang tertentu, berseru kepada Allah Bapa. “Berserulah seperti Pemazmur juga, “Ya TUHAN, bukit batuku, tempat aku berlindung, perisaiku, tanduk keselamatanku, kota bentengku!” (Mazmur 18:3). Pertolongan, perlindungan, dan kemenangan hanya ada pada tangan Allah Pencipta dunia.

Selalu ingat manusia adalah manusia dan kuda adalah kuda, dan tiada tanding dengan Allah yang Maha Kuasa. Ingat selalu, “Dia membawa aku ke luar ke tempat lapang, Dia menyelamatkan aku, kerana Dia berkenan kepadaku” (Mazmur 18:20).

Doa: Allahku, gelora zaman menerpa tetapi aku berteduh  
di bawah sayap-Mu kerana Engkau Pelindungku.

## BERJALAN DI ATAS AIR

Renungan: **Matius 14:28-30**

*Tetapi ketika dirasanya tiupan angin, takutlah dia dan mulai tenggelam lalu berteriak: "Tuhan, tolonglah aku!"*

—Matius 14:30

Petrus tahu berjalan di atas air itu sesuatu yang mustahil dan bahaya sekali kerana gelombang air ganas boleh menelannya. Tetapi Petrus juga tahu yang sedang berjalan di atas air pada malam itu bukanlah hantu tetapi Tuhan Yesus. "Datanglah!" bukan daripada hantu tetapi Tuhan yang menguasai badai (Matius 14:29). Petrus tidak melihat ombak atau angin yang kencang pada malam itu, mahupun perahunya yang ombang ambing.

Keberanian Petrus tiba-tiba bergoyah apabila dia menyedari akan suasana di lautan pada malam itu. "Tetapi ketika dirasanya tiupan angin, takutlah dia dan mulai tenggelam lalu berteriak: "Tuhan, tolonglah aku!" (Matius 14:30). Angin dan ombak di matanya menarik perhatiannya daripada Tuhan Yesus dan ketakutan mencengkamnya.

Seringkali kita melangkah dengan beriman untuk berjalan di atas air kerana kita tahu Tuhan Yesus yang memanggil kita Maha Kuasa. Apabila pelayanan kita bagai menghadapi satu badai, kita berteriak, "Tuhan, tolong aku!" Ombak seakan-akan akan menelan kita pada saat ini. Kadangkala, apabila kita menyedari keadaan kenyataan di sekeliling kita, langkah kita bergentar.

Ombak dan badai hidup kita mengajar kita untuk lebih memusatkan perhatian kita kepada Tuhan Yesus yang menyuruh kita untuk berjalan di atas air. Pengalaman yang ngeri ini mengajar kita untuk menghulurkan tangan kita kepada Tuhan Yesus dengan lebih beriman lagi.

Suara-suara ombak dan badai akan reda segera apabila anda mendengar suaranya lagi. Segala kegelisahan yang mengancam dan mengganggu perasaan akan berhenti. Di depan anda wajah Tuhan Yesus yang berjalan di atas air akan anda lihat dengan jelas sehingga anda jatuh tersungkur, "Sesungguhnya Engkau Anak Allah" (Matius 14:14:33b).

"Jika anda adalah seperti saya, anda tentu ingin iman yang matang, genap dan bulat. Kita rindu iman yang akan membawa kemuliaan kepada Bapa kita, iman yang berdiri di tengah-tengah badai, satu iman yang menceritakan tentang khazanah hebat dalam mengenal dan mengasihi Allah. Jenis iman ini tidak dapat dibeli daripada kedai boneka. Jenis iman ini akan bertumbuh dalam suasana ujian" (Elyse Fitzpatrick).

Doa: Tuhan Yesus, aku hanya memandang wajah-Mu sewaktu aku terpaksa berjalan di atas air.

## KURANG AIRMATA

Renungan: **Keluaran 2:11-24**

*Allah mendengar mereka mengerang, lalu Dia mengingat kepada perjanjian-Nya dengan Abraham, Ishak dan Yakub.  
—Keluaran 2:24*

**B**uka Alkitab dan kita akan menyedari pelayanan para nabi dan rasul dilakukan dengan banyak tangisan dan doa. Yeremia mencucuri begitu banyak airmata kerana dosa umat Tuhan sehingga satu kitab dikhususkan untuk ratapan yang dinamai kitab Ratapan. Tulisan Alkitab memuat banyak permata dan khazanah kerana detik-detik yang dirakamkan terdiri daripada hati dan tangisan mereka yang dipanggil untuk melayani-Nya.

Allah selalu mempercayai misi-Nya kepada orang yang mengambil berat, dan dengan banyak tangisan dan doa menunaikan panggilan mereka. Bagi Allah, misi bermula dengan hati yang tergores oleh teriakan mereka yang akan diselamatkan-Nya, dan diangkat sebagai harta kesayangan-Nya. Hati Allah terharu apabila Dia mendengar seruan dan teriakan umat Israel yang berada dalam perbudakan dan cengkaman kekejaman (Keluaran 2:23). Allah memanggil orang yang mempunyai hati yang sama.

Misi mengeluarkan umat Tuhan daripada perbudakan dan kemudian pengangkatan sebagai bangsa kudus diberikan kepada Musa yang mengambil berat akan bangsanya (Keluaran 2:11-13). Panggilan-Nya datang kepada Musa yang sanggup meninggalkan segala kemewahan istana dan status demi bangsanya.

Panggilan untuk membangun tembok Yerusalem datang kepada Nehemia yang mengambil berat. Dengan banyak doa dan tangisan, dia memulakan misi yang besar ini. “Ketika kudengar berita ini, duduklah aku menangis dan berkabung selama beberapa hari. Aku berpuasa dan berdoa ke hadirat Allah semesta langit” (Nehemia 1:4).

Panggilan datang ke Daniel yang mengambil berat umat-Nya sehingga dia berkabung dan berpuasa demi bangsanya. Dia yang sedih kerana bangsanya tidak menurut para nabi yang telah dengan setia bersabda. Demikianlah doa Daniel, “Lalu aku mengarahkan mukaku kepada Tuhan Allah untuk berdoa dan bermohon, sambil berpuasa dan mengenakan kain kabung serta abu” (Daniel 9:3).

Misi penting datang kepada Rasul Paulus yang mengasihi. “Aku berhutang baik kepada orang Yahudi, mahupun kepada orang bukan Yunani, baik kepada orang terpelajar, mahupun kepada orang tidak terpelajar” (Roma 1:14).

Doa: Bapa syurgawi, aku bersyukur atas teladan yang diberikan pahlawan-pahlawan Alkitab yang melayani dengan banyak tangisan dan doa.

## KEKUDUSAN

Renungan: **Wahyu 4:1-11**

...*“Kudus, kudus, kuduslah Tuhan Allah, Yang Maha Kuasa, yang sudah ada dan yang ada dan yang akan datang.”* – *Wahyu 4:8b*

Apabila manusia atau makhluk syurgawi melihat kekudusan Allah, mereka tertakjub dengan keagungan dan keindahan kekudusannya. Kekudusan bukanlah salah satu sifat Allah tetapi intipati-Nya pada keseluruhan-Nya. Kekudusan menggambarkan sifat Allah yang tidak ada cacat cela, murni dan sempurna dalam moral-Nya.

Daya tarik kekudusan Allah yang indah dan agung menyebabkan manusia sujud menyembah-Nya. “Berilah kepada TUHAN kemuliaan nama-Nya, bawalah persembahan dan masuklah menghadap Dia! Sujudlah menyembah kepada TUHAN dengan berhiaskan kekudusan” (1 Tawarikh 16:29). Makhluk syurgawi juga tidak berhenti-henti menyembah-Nya yang Maha Kudus, dan kedua puluh empat tua-tua melemparkan mahkota mereka di takhta-Nya (Wahyu 4:10).

Hadirat Allah yang kudus juga menyedarkan manusia akan keberadaannya yang berdosa dan jauh daripada kesempurnaan. Apabila mata memandang kepada kekudusan Tuhan Yesus yang teruji dari segala segi tetapi tidak berdosa, kita tersungkur dan seperti Petrus berkata, “Tuhan, pergilah daripadaku, kerana aku ini seorang yang berdosa” (Lukas 5:8).

Kekudusan Allah menyebabkan kita gentar dan menyedari akan keperluan untuk menanggalkan yang berdosa dan mengenakan yang kudus. Hadirat Allah yang kudus menggalakkan kita untuk lebih dicorakkan untuk menyerupai Tuhan Yesus yang kudus. “...dan mengenakan manusia baru, yang telah diciptakan menurut kehendak Allah di dalam kebenaran dan kekudusan yang sesungguhnya” (Efesus 4:24). Rasul Paulus memberi nasihat menanggalkan yang berdosa seperti orang yang mencuri mesti menanggalkan sikap ini dan mengenakan sikap yang rajin bekerja.

Walaupun Allah kudus: Dia kaya dengan rahmat, kasih, dan belas kasihan bagi pendosa; kaya dengan kuasa untuk menyucikan, mengampuni dan menyelamatkan hingga ke paling teruk; kaya dengan kerelaan untuk menerima mereka yang datang kepada-Nya dalam pertaubatan dan kepercayaan; kaya dengan kemampuan untuk mengubah hati yang paling keras dan sifat yang paling buruk dengan Roh Kudusnya; kaya dengan kesabaran dengan orang yang memiliki iman yang paling lemah; kaya dengan kuasa untuk menolong umat-Nya menentang musuh daripada yang dalam mahupun luar; kaya dengan simpati terhadap mereka yang bersedih dan membawa masalah kepada-Nya...” (J.C. Ryle)

Doa: Kudus, kudus, kudus, Allah Maha Kudus, aku sujud  
menyembah keindahan kekudusan-Mu.

## JIWA ANDA

Renungan: **Lukas 12:16-21**

*Tetapi firman Allah kepadanya: Hai engkau orang bodoh,  
pada malam ini juga jiwamu akan diambil daripadamu,  
dan apa yang telah kausediakan, untuk siapakah itu nanti?*

—Lukas 11:20

Pernahkah anda mendengar kepada jiwa anda? Bayangkan, Tuhan Yesus menanyakan anda tentang keadaan jiwa anda. Apakah jawapan anda pada hari ini atau selama ini? Adakah anda akan berkata, “Nanti Yesus, biar saya mencari jiwa saya?” Selama ini saya terlalu sibuk dan tidak terlalu mengambil tahu tentang jiwa saya. Entahlah jiwaku sedang melepak di mana.

Orang kaya yang disebut oleh Tuhan Yesus berfikir kelimpahan hartanya boleh memuaskan jiwanya. Dia bercakap dengan cara yang merugikan kepada jiwanya. “Sesudah itu aku akan berkata kepada jiwaku: Jiwaku, ada padamu banyak barang, tertimbun untuk bertahun-tahun, lamanya; beristirahatlah, makanlah, minumlah dan bersenang-senanglah!” (Lukas 12:19).

Adakah ini juga bisikan anda kepada jiwa anda?

Orang kaya dalam cerita Tuhan Yesus membuat pra-anggapan yang salah: dia menduga bahawa jiwanya dalam keadaan yang baik dan dia akan hidup bertahun-tahun lagi. Dia menduga kekayaan yang ditimbunnya akan dinikmati bertahun-tahun. Tuhan Yesus memanggil orang sedemikian bodoh kerana dia tidak tahu bahawa pada malam itu juga, jiwanya akan diambil daripadanya (Lukas 11:20).

Seperti orang kaya dalam cerita Tuhan Yesus, banyak orang telah mengabaikan hal-hal yang penting seperti pembacaan firman Tuhan, persekutuan dengan Allah, waktu bersama keluarga kerana terlalu sibuk mencari kekayaan. Kita menjaga simpanan bank kita dan perkembangan perniagaan kita tetapi kita lupa akan penjagaan jiwa kita mahupun perkembangan anak kita.

Wahai wanita, berserulah kepada TUHAN seperti Raja Daud, “Aku menadahkan tanganku kepada-Mu, jiwaku haus kepada-Mu seperti tanah yang tandus. Sela” (Mazmur 143:6). Menangislah dengan rendah hati kepada Allah Bapa, “Berilah saya hari ini roti rohani, selama ini jiwaku gersang.” Augustinus menegaskan, “Engkau telah menciptakan kami untuk Engkau sendiri, dan hati kami resah sampai kami dapat menemukan ketenangan dalam Engkau.”

---

Doa: Bapa Syurgawi, ajarlah aku menjaga jiwaku dan tidak mengabaikannya di hadirat-Mu.

## POIKILOIS

Renungan: **1 Petrus 1:6-9**

*Bergembiralah akan hal itu, sekalipun sekarang ini kamu seketika harus berdukacita oleh pelbagai pencubaan.*

—1 Petrus 1:6

**W**anita, anda tentu mengharapkan berkat yang cantik dan berwarna-warni dicurahkan dalam kehidupan anda. Bagaimana pula kalau ujian datang dalam pelbagai bentuk dan berwarna warni? Adakah yang berwarna warni ini tetap menjadi berkat anda? Petrus berkata, “Sebab adalah kasih karunia, jika seorang kerana sedar akan kehendak Allah menanggung penderitaan yang tidak harus dia tanggung” (1 Petrus 2:19).

Pelbagai warna dalam bahasa Yunani disebut sebagai “poikilois,” — ujian yang beraneka jenis dan warna. Selagi kita tinggal di dunia ini dan masih dalam tubuh kita, kita menghadapi pelbagai jenis ujian. Rasul Perus berkata, “Saudara-saudara yang kekasih, janganlah kamu hairan akan nyala api seksaan yang datang kepadamu sebagai ujian, seolah-olah ada sesuatu yang luarbiasa terjadi atas kamu” (1 Petrus 4:12).

Wahai wanita, patutkah kita berbahagia atas hal begini? Rasul Petrus berkata kita dapat bergembira kerana ujian seperti ini akan menghasilkan iman yang murni. Pencubaan pelbagai warna seperti ini menguji kemurnian iman kita dalam kehidupan kita.

Emas dinilai tinggi oleh manusia dunia namun pada hakikatnya hanya emas yang fana. Iman yang diuji dan didapati murni dianggap lebih bernilai daripada emas kerana ia mempunyai nilai kekekalan. Iman seperti emas mesti dimurnikan oleh api untuk membuktikan kemurniannya. Kita tidak tahu nilai iman kita sebelum kita diuji. Tahukah anda memiliki kasih kalau anda tidak pernah dibenci walaupun anda baik?

Pengujian ini akan memurnikan kita sehingga kita lebih menyerupai Kristus dalam perasaan mahupun fikiran kita. Kita akan bertumbuh dalam kerohanian kita sehingga kita semakin menyerupai Yesus. “Hai anak-anakku, kerana kamu aku menderita sakit bersalin lagi, sampai rupa Kristus menjadi nyata di dalam kamu” (Galatia 4:19). Ingatlah, Tuhan Yesus telah meninggalkan teladan kepada kita sewaktu menderita (1 Petrus 2:21).

“Setiap luka pada hari ini akan menjadi mahkota kelak, dan setiap airmata pada hari ini, akan menjadi permata kelak” (Warren Wiesbe). “Maka kamu, apabila Gembala Agung datang, kamu akan menerima mahkota kemuliaan yang tidak dapat layu” (1 Petrus 5:4).

---

Doa: Aku bergembira dan bersyukur atas segala ujian dalam hidupku yang datang untuk memurnikan imanku, Tuhan Maha Kasihku.

## YANG PAHIT MENJADI MANIS

Renungan: **Keluaran 15:22-27**

*Sampailah mereka ke Maram tetapi mereka tidak dapat meminum air yang di Mara itu, kerana pahit rasanya. Itulah sebabnya dinamai orang tempat itu Mara. —Keluaran 15:23*

Air jernih di kolam menyambut kedatangan umat Tuhan yang berada dalam padang belantara. Namun, ketika mereka mendekati kolam itu dan mencelup tangan mereka untuk minum air, mereka tidak tahan dengan kepahitannya. Angin panas dari padang gurun yang menghembus ke muka mereka menyebabkan mereka panas baran.

Umat Tuhan gagal memepelajari bahawa setiap kejadian pahit dalam padang belantara selalu disertai kemanisan Allah. Kesusahan selalu digantikan berkat dan Allah selalu menyertai mereka. Setiap kali, mereka berhadapan dengan satu masalah, mereka akan bersungut-sungut terus, dan meragukan kebaikan Allah dalam perjalanan mereka ke tanah perjanjian.

Mereka seharusnya berlutut dan berdoa serta menanyakan Allah kenapa mereka dibawa ke kolam air seperti itu, dan menantikan campurtangan-Nya. Dengan menolak yang pahit dalam hidup, kita mungkin kehilangan bahagian yang terbaik dan terpenting untuk pertumbuhan rohani kita. Mereka tidak seperti Tuhan Yesus yang menerima cawan kepahitan di Getsamani kalau itu kehendak Allah Bapa.

Sebenarnya kalau mereka minum air itu seperti yang disediakan TUHAN, usus mereka akan dibersihkan. Biasanya rancangan TUHAN yang seakan-akan tidak masuk akal mempunyai maksud syurgawi yang baik untuk kita.

Rahmat dan kesabaran Allah telah mengubahkan yang pahit bagi mereka untuk menjadi manis lagi. "Musa berseru-seru kepada TUHAN menunjukkan kepada sepotong kayu ke dalam air; lalu air itu menjadi manis. Di sanalah diberikan TUHAN ketetapan-ketetapan dan peraturan kepada mereka dan di sana TUHAN mencuba mereka" (Keluaran 15:25). Di sana TUHAN menguji mereka dan memberi perintah untuk dituruti mereka.

Apabila umat Tuhan diuji, tidak ada sesuatu baik yang mengalir keluar daripada mereka. Bahagian yang pahit mempunyai rahsia pembentukannya. "Seorang Kristian yang tidak mengalami penderitaan selama dua atau tiga tahun, hampir tidak berguna." A.W. Tozer, penulis klasik percaya, "Saya ragu sama ada TUHAN boleh memberkati seseorang dengan besar sebelum dia melukainya dengan mendalam."

Doa: Allahku, ajarilah aku peka terhadap tangan pembentukan-Mu sewaktu menghadapi kepahitan di Mara.

## DI SAYAP RAJAWALI

Renungan: **Ulangan 32:10-12**

*Kamu sendiri telah melihat apa yang Kulakukan kepada orang Mesir,  
dan bagaimana Aku telah mendukung kamu di atas sayap rajawali  
dan membawa kamu kepada-Ku.*

—Keluaran 19:4

Perjalanan di padang belantara bukanlah perjalanan yang boleh direntasi tanpa kemahiran. Tanpa pembimbing yang arif dan yang mengetahui selok belok perjalanan, anda mungkin jatuh ke jurang — akibatnya parah. Musa ialah seorang ketua yang berpengalaman; dia tahu mana wadi, mana sumber air dan makanan. Selain itu, dia tahu di mana tersembunyi musuh-musuh, gua tertentu sangat berbahaya.

Namun, Musa tahu TUHAN adalah Pembimbing terutama dalam padang belantara. Menjelang akhir hidupnya, apabila dia mengimbas kembali, hatinya penuh dengan ucapan syukur. Musa mengingatkan umat Tuhan bahawa walaupun dia telah menjadi pemimpin mereka di padang belantara, TUHAN lah Pembimbing utama.

Musa melihat TUHAN bagi induk rajawali di padang belantara yang memelihara anak-anak-Nya. Burung yang kuat ini membuat sarang-Nya di jurang yang tebing, tersembunyi daripada musuh-musuh. Burung ini dengan teliti membuat sarang dengan ranting dan kemudian meletakkan bulu-bulunya untuk telur yang akan menetas. Kemudian, rajawali ini akan menyediakan makanan bagi mereka.

Di tengah-tengah padang belantara yang tandus dan berderu dengan angin ganas, induk rajawali ini mendukung mereka bagi biji mata-Nya di kepek-Nya (Ulangan 32:10).

Di padang belantara ini, TUHAN menguji dan memurnikan iman mereka. "Laksana rajawali menggoyangkan isi sarangnya, melayang-layang di atas anak-anaknya, mengembangkan sayapnya, menampung seekor, dan mendukungnya di atas kepeknya" (Ulangan 32: 11). Segala ujian yang dialami oleh mereka di padang belantara bermaksud untuk mengajar mereka untuk berterbang tinggi.

TUHAN mengendarai di atas angin panas padang belantara bagi rajawali mengenderai di atas badai panas yang terdiri daripada pepasir panas. Deruan ngeri di padang gurun akibat angin kencang menghasilkan satu puting beliung pasir dalam padang belantara. Rajawali mengendarai atas beliung pasir ini. Wahai wanita, TUHAN membimbing anda dan mengajar anda untuk berterbang sewaktu anda merentasi padang belantara anda.

Doa: Allahku, Engkau berjalanku dan mengajar aku ketika aku merentasi padang belantarku.

## BERMATA BELALANG

Renungan: **Bilangan 14:1-9**

*Demikianlah kita lihat, bahawa mereka tidak dapat masuk oleh kerana ketidakpercayaan mereka. —Ibrani 3:19*

Sepuluh pengintip yang pergi dengan Yosua dan Kaleb mempunyai mata belalang, dan mereka melihat hanya raksasa. Mata mereka berbeza dengan Yosua dan Kaleb yang melihat semuanya daripada pandangan TUHAN.

Mereka telah berjalan melalui tanah Negeb lalu sampai ke Hebron untuk mengintip. Di sana memang ada suku Ahiman, Sesai...keturunan Enak namun mereka selamat. Sewaktu pulang, mereka melalui lembah Eskol dan sempat memotong setandan anggur yang besar, lalu mereka menggandarnya, serta membawa buah delima dan buah ara balik (Bilangan 13:23).

Semua buah yang berjus ini tidak meyakinkan mereka yang mempunyai mata belalang. Mereka jenis yang melihat dalam kesempurnaan selalu hadir sesuatu yang tidak baik. Ya, mereka melihat susu dan madu yang limpah-limpah, tetapi, hanya menurut mereka, ada banyak raksasa besar. Umat Tuhan yang juga mempunyai mata belalang mulai merasa tidak tenteram hati.

Akibat mata belalang mereka, keraguan merebak kepada semua orang dan mereka merasa takut untuk pergi ke tanah yang TUHAN janjikan. Mereka membayangkan mereka akan menjadi tahu dan tempe kalau mereka pergi. Dengan mulut sendiri, sepuluh pengintip mengakui sesuatu yang takut sehingga belalang-belalang lain semua menggigil. "Juga kami lihat di sana orang raksasa, orang Enak yang berasal daripada orang raksasa, dan kami lihat diri kami seperti belalang, dan dengan demikian juga mereka terhadap kami" (Bilangan 14:33).

Semua umat Tuhan yang juga bermata belalang sudah mahu mati. "Ah, sekiranya kami mati di tanah Mesir, atau di padang gurun ini" (Bilangan 14:2b). Mereka yang sudah menempuh padang belantara dan begitu banyak kali TUHAN mengajar mereka namun mereka ingin pulang ke Mesir.

Wahai wanita, janganlah menggunakan mata belalang untuk melihat peristiwa di sekeliling anda. Jangan kata "mati" atau "undur saja" kepada umat Tuhan yang berada dalam suatu ujian tetapi lihatinya daripada sudut mata pandangan TUHAN. Manusia cepat terpengaruh oleh laporan negatif dan mereka condong mendengar daripada suara yang menyeleweng. Kemenangan akan menjadi kekalahan kerana mata belalang melaporkan yang buruk dan mencatatkan belalang-belalang yang lain.

Doa: Ajarilah, aku selalu untuk melihat daripada mata pandangan TUHAN walaupun keadaan mencabar.

## MUSA DI GUNUNG NEBO

Renungan: **Ulangan 32:48-52**

*Naiklah ke atas pergunungan Abarim, ke gunung Nebo, yang di tanah Moab, di tentangan Yerikho, dan pandanglah tanah Kanaan yang Kuberikan kepada orang Israel menjadi miliknya. —Ulangan 32:49*

Bolehkah kita bayangkan perasaan Musa ketika terlantang di gunung Nebo dan memandang tanah Kanaan yang terbentang di depannya? Aku merasa dia mungkin mengimbas pelbagai peristiwa yang dialami bersama dengan umat Tuhan. Rencana Tuhan yang indah bagi generasi tua ini terlepas daripada tangan mereka dan tanah perjanjian hanya boleh dinikmati generasi baru.

Musa mengimbas...

Hanya beberapa batu ke Utara, terbentang gunung ganang yang tanahnya berlimpah dengan susu dan madu. Umat Tuhan yang telah menggembara di padang belantara selama empat puluh tahun ke Tanah Perjanjian, tiba-tiba membuat keputusan yang merugikan mereka. Rencana Tuhan agar mereka menikmati susu dan madu, digantikan dengan kepahitan lagi.

Sewaktu di gunung Nebo, Musa mungkin mengalir airmata ketika dia teringat akan kedegilan umat Tuhan yang memuncak. Dia berusaha meyakinkan mereka agar tidak mengambil keputusan untuk kembali ke Mesir (Bilangan 14:10). Mereka mengancam Musa dan ingin melontarinya dengan batu.

Musa mengimbas...

Betapa retaknya hati Tuhan akibat kedegilan mereka yang telah mengujinya sepuluh kali sekalipun banyak mukjizat dinyatakan kepada mereka. "Semua orang yang telah melihat kemuliaan-Ku dan tanda-tanda mukjizat yang Kuperbuat di Mesir dan di padang gurun, namun telah sepuluh kali mencubai Aku dan tidak mahu mendengarkan suara-Ku" (Bilangan 14:22).

Wahai wanita, apabila anda mengimbas cara anda menguruskan rumahtangga anda, adakah anda berusaha menolong anak-anak anda menurut TUHAN dalam kehidupan mereka.

Di tengah-tengah kesunyian gunung Nebo, jangut dan rambut putih Musa ditiup angin. Bersama dengan TUHAN, dia melihat keindahan tanah perjanjian. Perhubungannya bersama dengan TUHAN lebih penting daripada segalanya.

Doa: Yang terpenting dalam kehidupanku, hanya Engkau dan bimbingan-Mu.

## BERLIAN DALAM KEGELAPAN

Renungan: **Yesaya 8:23-9:2**

*Bangsa yang berjalan di dalam kegelapan telah melihat terang yang besar;  
mereka yang diam di negeri kekelaman, atasnya terang telah bersinar.*

— Yesaya 9:1

Yesaya bernubuat bahawa terang yang besar akan bersinar di tengah-tengah suasana yang kelam pekat. Kerajaan Yehuda yang diserang terus oleh musuh seakan-akan tidak akan bertahan. Pada waktu itu mereka tinggal dan berjalan dalam kegelapan dan kekecewaan kerana segala di tanah mereka punah.

Sebaliknya, Yesaya bernubuat bahawa pengharapan mereka bukanlah seperti layang-layang yang tertiuip angin yang berubah-ubah. Pengharapan mereka bagai pautan yang pasti. Terang besar akan datang dan mendatangkan sukacita serta sorak sorai. Bagai petani yang mendapat tuaiannya pada hari tuaian setelah menantikan hasil tanaman mereka akan melihat kenyataan ini. Bagai askar yang mendapat jarahan mereka akan ketawa dalam sorak sorai.

Yesaya bernubuat dengan terperinci bahawa terang itu akan datang ke tanah Zebulon, Naftali dan daerah sungai Yordan, iaitu daerah yang pertama kali diserang musuh mereka Asyur. Tuhan Yesus secara tepat mengenapi nubuat ini dengan berdiam di Kapernaum. “Dia meninggalkan Nazaret dan diam di Kapernaum, di tepi danau, di daerah Zebulon dan Naftali” (Matius 4:13).

Tuhan Yesus dalam pelayanannya menggenapi nubuat ini, Dialah terang yang besar. Di sinilah bermula terang—Dia memilih para murid-Nya dan mukjizat yang pertama. Kehidupan Tuhan Yesus dan pengajaran-Nya menjadi terang besar bagi umat manusia yang hidup dalam kegelapan sejak kejatuhan Adam dan Hawa.

Di sinilah terang mencerahkan kegelapan yang lama terbeku dalam hati manusia. Bagi mereka yang terbeku oleh kegelapan kebencian, terang-Nya mencairkan. “Tetapi kepada kamu, yang mendengarkan Aku, Aku berkata: Kasihilah musuhmu, berbuatlah baik kepada orang yang membenci kamu;” (Lukas 6:27). Bagi yang khuatir, Dia membawa terang, “Perhatikanlah bunga bakung yang tidak memintal dan tidak menenun, namun Aku berkatamu: Salomo dalam segala kemegahannya pun tidak berpakaian seindah salah satu bunga ini” (Lukas 11:27).

“Kita perlu membangunkan iman kita bukan pada terang yang malap, melainkan pada terang yang tidak pernah gagal” (Oswald Chambers).

Doa: TUHAN, terang besar hidupku, sinarilah hatiku setiap saat.

## PENASIHAT AJAIB

Renungan: **Yesaya 9:3-6**

*...dan namanya disebutkan orang: Penasihat Ajaib, Allah yang Perkasa,  
Bapa yang Kekal, Raja Damai. — Yesaya 9:5b*

Ⓡindukah anda untuk bertemu dengan seorang yang ajaib? Yesaya bernubuat bahawa seorang anak akan dilahirkan untuk kita. Nama-nama yang indah diberikan kepada anak menggambarkan sifat-Nya. Sifat-sifat yang pertama disebutkan sebagai Penasihat Ajaib, diterjemahkan dalam bahasa Inggeris sebagai “Wonderful Counselor.”

Anak ini “wonderful” bererti luarbiasa, tiada tolak tanding, tidak dapat dibayangkan dan ajaib. Anak yang dijanjikan nabi Yesaya telah digenapi dengan kelahiran Tuhan Yesus. Pada Perjanjian Lama, raja selalu ada penasihat untuk menerima petunjuk daripada Tuhan. Selain, mendengar daripada Tuhan, raja Daud juga ada penasihat seperti ini yang dinamai Ahitofel (2 Samuel 16:23).

Raja Daud dikenali sebagai raja yang dekat dengan Allah, dan raja Saloma untuk hikmatnya. Ketika diperhadapkan dengan dua wanita sundal yang berebut untuk satu bayi. Raja Saloma minta dipanggil supaya ibu benar bayi itu akan tampil. Akibat hikmatnya, semua rakyat menjadi takut kerana mereka melihat hikmat Allah padanya (1 Raja-Raja 3:28).

Nabi Yesaya sedang bernubuat seorang anak yang akan menjadi Penasihat yang Ajaib dan tiada tolak banding kerana Dialah Tuhan Yesus. Rasul Paulus menasihati jemaahnya, “Hendaklah perkataan Kristus diam dengan segala kekayaannya di antara kamu, sehingga kamu dengan segala hikmat mengajar dan menegur seorang akan yang lain sambil menyanyikan mazmur, dan puji-pujian dan nyanyian rohani, kamu mengucapkan syukur kepada Allah di dalam hatimu” (Kolose 3:16).

Kita mengikut segala perintah Tuhan Yesus kerana Dia Penasihat Ajaib kerana Dia Maha Tahu. Kita tidak bakal berjalan dalam jalan yang salah kerana nasihat-Nya terbaik. Carilah Tuhan Yesus dalam doa anda dan mendengarlah kepada nasihat dan bimbingan-Nya. Penasihat Ajaib ini melalui pelbagai ujian tetapi tidak pernah berdosa dan memahami manusia (Ibrani 4:15).

Sebagai Penasihat Ajaib, Tuhan Yesus berkata kepada anda, “...Banyak nabi dan raja ingin melihat, dan ingin mendengar apa yang kamu dengar, tetapi tidak mendengarnya (Lukas 10:24). Datanglah ke hadirat-Nya dan menjadi wanita yang semakin berhikmat dalam hidup anda kerana anda mengenal Penasihat Ajaib dengan intim.

Doa: Tuhan Yesus, Penasihat Ajaibku, aku datang ke hadirat-Mu  
untuk hikmat-Mu.

## ALLAH PERKASA

Renungan: **Ulangan 10:17; Yesaya 9:5**

*Kerana di dalam Dialah telah diciptakan segala sesuatu, yang ada di syurga dan yang ada di bumi, yang kelihatan dan yang tidak kelihatan, baik singgasana, mahupun kerajaan baik pemerintah, mahupun penguasa; segala sesuatu diciptakan oleh Dia dan untuk Dia.*

—Kolose 1:16

**A**nak yang dinubuatkan Yesaya bukanlah bayi yang lemah. Dia yang terbaring di palungan ialah Pencipta dan Pemelihara dunia ini. “Dia adalah terlebih dahulu dari segala sesuatu dan segala sesuatu ada di dalam Dia” (Kolose 1:17). Dia adalah seperti dikatakan Musa, “Sebab TUHAN Allahmulah Allah segala allah dan Tuhan segala tuhan, Allah yang besar, kuat, dan dahsyat, yang tidak memandang bulu ataupun menerima suap” (Ulangan 10:17).

Sewaktu kita memandang ke dunia yang bergelora dengan pelbagai berita perang, mata kita harus melayang kepada Allah yang perkasa. Kitab Mazmur 2 bernubuat akan keperkasaan ini, “Engkau akan meremukkan mereka dengan gada besi, memecahkan mereka, seperti tembikar tukang periuk” (Mazmur 2:9). Lambang pemerintahan ada di atas bahu-Nya. Jangan takut kalau badai menerpa di ambang pintu anda.

Ketika anda takut, janganlah mengundur dan menyembunyikan diri. “Ya TUHAN, Allah nenek moyang kami, bukan Engkau Allah di dalam syurga? Bukankan Engkau memerintah atas segenap kerajaan bangsa? Kuasa dan keperkasaan ada di dalam tangan-Mu, sehingga tidak ada orang yang dapat bertahan melawan Engkau” (2 Tawarikh 20:6).

Keperkasaan-Nya mampu mematahkan segala palang dosa yang membelenggu kita. Tuhan Yesus membaca kitab Yesaya kerana nubuat di bawah digenapi-Nya. “Roh Tuhan ada pada-Ku, oleh sebab Dia telah mengurapi Aku untuk menyampaikan khabar baik kepada orang miskin; dan Dia telah mengutus Aku untuk memberitakan pembebasan kepada orang tawanan, dan penglihatan bagi orang buta, untuk membebaskan orang yang tertindas, untuk memberitahukan tahun rahmat Tuhan telah datang” (Lukas 4:18-19).

Allah perkasa ialah Tuhan Yesus yang mematahkan kuasa maut dan memberi kita pengharapan kekal. Allah perkasa dapat membangkitkan kita daripada maut, dan Tuhan Yesus ialah buah pertama bukti kebangkitan. “Akulah kebangkitan dan hidup, barangsiapa percaya kepada-Ku, ia akan hidup walaupun dia sudah mati” (Yohanes 1:25). Keperkasaan-Nya telah memberi kita pengharapan yang hidup dan menerima bahagian kekal.

---

Doa: Terpujilah Allah yang Perkasa dan yang telah memberi pengharapan kekal kepadaku.

## BAPA YANG KEKAL

Renungan: **Yesaya 9:5**

*Keluarga dan kerajaanmu akan kukuh untuk selama-lamanya di hadapan-Ku, takhtamu akan kukuh untuk selama-lamanya. —2 Sam 7:16*

Pemerintahan Anak yang dinubuat oleh Yesaya 9:5 juga disebut sebagai Bapa yang kekal. Yesaya sedang menjelaskan pemerintahan Yesus Kristus yang kekal seperti yang disabdakan oleh TUHAN kepada raja Daud. “Keluarga dan kerajaanmu akan kukuh untuk selama-lamanya di hadapan-Ku, takhtamu akan kukuh untuk selama-lamanya” (2 Samuel 7:16).

Bapa dalam masyarakat Ibrani melambangkan seseorang yang berhikmat, sayang dan yang membimbing dalam keluarga. “Seperti bapa sayang kepada anak-anaknya demikian TUHAN sayang kepada orang yang takut akan Dia” (Mazmur 103:13). Pemerintahan yang disebutkan adalah pemerintahan yang benar dan adil, berbanding dengan pemerintahan zaman Yehuda atau pemerintahan lain yang gelap dan penuh dengan dosa.

Pemerintahan Anak yang memerintah selama-lamanya juga dinubuatkan oleh rasul Yohanes mengenai kerajaan yang akan datang. Yang duduk di atas takhta untuk selama-lamanya ialah Anak Domba. “Kemudian daripada itu aku melihat:sesungguhnya, suatu kumpulan besar orang banyak yang tidak dapat terhitung banyaknya, daripada segala bangsa dan suku dan kaum dan bahasa, berdiri di hadapan takhta dan di hadapan Anak Domba, memakai jubah putih dan memegang daun-daun palem di tangan mereka” (Wahyu 7:9).

Pemerintahan-Nya diwarnai dengan kemuliaan, hikmat dan syukur seperti yang dijelaskan Yesaya—Bapa Kekal. Semua malaikat dan empat makhluk tersungkur menyembah Pemerintah yang Berhikmat ini. “Amin! Puji-pujian dan kemuliaan, dan hikmat, dan syukur, dan hormat dan kekuasaan dan kekuatan bagi Allah kita sampai selama-lamanya! Amin!” (Wahyu 7:12).

Kita milik Raja Kekal  
 Perjanjian-Nya pasti  
 Kita akan berkumpul  
 Di kerajaan-Nya  
 Yang penuh kemuliaan  
 Yang penuh kuasa  
 Yang Maha Perkasa  
 Yang Maha Kudus  
 Yang Maha Adil  
 Takhta Anak Domba Allah

Doa: Jiwaku terpaut pada Engkau dan pemerintahan-Mu yang kukuh selama-lamanya.

## RAJA DAMAI

Renungan: **Yesaya 9:5**

*Dan sementara mereka bercakap-cakap tentang hal-hal itu,  
Yesus tiba-tiba berdiri di tengah mereka dan berkata kepada mereka:  
"Damai sejahtera bagi kamu!" —Lukas 24:36*

**N**abi Yesaya bernubuat bahawa Anak yang dilahirkan untuk kita ialah Raja Damai. Damai ini bukan damai lautan tenang yang segera diburu ombak ganas. Damai yang diberikan oleh Raja ini menyeluruh dan sempurna, serta memulihkan hingga ke corak asalnya. Segala yang retak dipulihkan sehingga damai dan harmoni dengan Allah menjadi nadanya.

Sejak kejatuhan Adam dan Hawa, nada irama harmoni dan damai antara manusia dan Allah telah terjejas. Manusia hidup berasingan dan jauh daripada Allah yang menciptanya. Raja Damai telah membawa kita kembali ke corak asalnya iaitu perdamaian dengan Allah. "Sebab jikalau kita, ketika masih seteru, kita diperdamaikan dengan Allah oleh kematian Anak-Nya, lebih-lebih kita, yang sekarang diperdamaikan, pasti diselamatkan oleh hidup-Nya" (Roma 5:10).

"Sebab itu, kita yang dibenarkan kerana iman, kita hidup dalam damai sejahtera dengan Allah oleh kerana Tuhan kita, Yesus Kristus" (Roma 5:1).

Kristus Pendamai telah membawa kita kepada Bapa-Nya dengan menanggung amarah dosa kita di kayu salib-Nya. Dia membawa "shalom" sehingga kita boleh bersekutu dengan Allah Tritunggal, sumber damai yang melampaui batas pengertian. Hanya Dia yang disalibkan dan dibangkitkan layak berkata "damai sejahtera" kepada kita dengan pengharapan yang nyata.

Kristus sudah bangkit  
 Iman tak berterbang dengan sayap patah  
 Damai bukan dari mata air sementara  
 Semua beban dosa yang kupikul selama ini  
 Dipatahkan oleh Raja Damai yang memegang kunci  
 Kunci yang melepaskan banduan-banduan dosa  
 Hidup lagi aku bersama Raja Muliaku  
 Nada sedih digantikan dengan nada damai  
 Yesus yang bangkit memberi sukacita  
 Damai sejahtera hidup  
 Hati disucikan dan dipulihkan  
 Sungai damai mengalir terus  
 Sejak Raja Damai tinggal dalam hatiku

Doa: Raja Damaiku, aku bersujud menyembah-Mu atas karya ajaib-Mu yang memperdamaikan aku dengan Allah.

## TENANG DEKAT ALLAH

Renungan: **Mazmur 142**

*Carilah TUHAN dan kekuatan-Nya, carilah wajah-Nya selalu!*  
—Mazmur 105:4

Raja Daud sedar keperluannya akan TUHAN setiap saat, dan selalu mencurahkan kesesakannya kepada-Nya. Sewaktu semangatnya lesu, kekuatannya hanya pada TUHAN kerana TUHAN perhatikannya. Ketika dia memandang ke kiri kanan, dia mengeluh tiada yang mencarinya tetapi TUHAN bersamanya.

Demikian juga dengan Puan Annie Sherwoods Hawks yang duduk dalam bayangan kegelapan ketika kehilangan yang paling berharga dalam hidupnya. Lagu yang pernah dikarangnya membanjiri perasaannya yang terluka dan menghiburnya. Dia menyanyi lagu itu untuk menghibur hatinya.

Aku perlu akan Kau setiap saat  
TUHAN yang paling rahmani  
Tiada suara lembut seperti Kau  
Boleh memberi damai

Puan Annie mengimbas pada suatu pagi ketika seperti biasa dia sedang menguruskan kerja rumahtangganya, dia merasa TUHAN sungguh dekat dengannya yang belum pernah dialaminya begitu nyata. Dia pun duduk merenungi bagaimana seseorang boleh hidup dalam kebahagiaan ataupun kesedihan tanpa-Nya. Sewaktu Puan Annie sedang merenunginya, sealunan kata terlintas padanya, "Aku perlukan Kau setiap saat." Segera, Puan Annie berhenti sejenak, menyeret kerusinya dekat jendelanya, membiarkan bayu dan mentari pagi menyinarinya lalu menulis lagu ini.

Aku perlukan Kau, O aku perlukan kau  
Setiap saat aku perlukan kau  
O berkati aku, Juruselamatku  
Aku datang kepada-Mu

Aku perlukan Kau setiap saat  
Dekatlah Kau  
Ujian hilang kuasanya  
Ketika Kau dekat  
Aku perlukan Kau setiap saat  
Ajarilah aku kehendak-Mu  
Dan perjanjian-Mu yang kaya  
Dalamku digenapi

Doa: Aku memerlukan Engkau setiap saat dalam suka duka,  
datanglah dan tinggal bersamaku.

## LEBIH BANYAK BUAH

Renungan: **Yohanes 15:1-8**

*Setiap ranting pada-Ku yang tidak berbuah dipotong-Nya dan setiap ranting yang berbuah, dibersihkan-Nya, supaya ia lebih banyak berbuah. — Yohanes 15:2*

Pekebun dari sewaktu ke sewaktu akan memotong ranting dan mengemaskan bentuk pepohon agar ia akan berbunga dan berbuah dengan lebih lebat. Orang yang tiada kemahiran pertanian mungkin merasa pekebun ini sedang mencedera pepohonnya. Namun, ketika mereka menghidu bau buah yang masak, atau aroma bunga yang bermekar, baru mereka sedar pemangkasan ini demi kebaikan pepohonnya.

Demikian juga, pisau yang digunakan oleh Allah untuk memangkas yang perlu disingkirkan dalam kehidupan kita, sakit tetapi berguna. Allah akan melakukannya dengan penuh hikmat dan kemahadiran kerana Dia mengenal kita dengan intim. Tuhan Yesus sendiri menjelaskan bahawa yang tidak berguna akan dipangkas agar pohon berbuah lebih lebat (Yohanes 15:2).

Kalau seseorang tidak rela menunduk di bawah tangan pemangkas, akhirnya dia menjadi tidak berguna dan akan kehilangan kuasa kehadiran-Nya. Sikap yang angkuh dan rasa dirinya sudah cukup baik akhirnya menyebabkan dia terpelesep dan terjerumus dalam kegelapan. Ranting itu dicampakkan kerana tidak berguna (Yohanes 15:5).

“Kehidupan tidak mudah bagi setiap kita. Tidak ada ranting dapat mengelakkan diri dari pisau pemangkas; tidak ada permata dapat mengelakkan dari roda pengasah, dan tiada anak dapat mengelakkan dirinya dari rotan. Manusia merusing dan mencabar kita sehingga di luar batas kemampuan kita untuk bertahan. Keadaan memberi tekanan kepada kita sehingga tali irama seakan-akan putus. Kita memerlukan kesabaran. Dan kita tidak dapat menjalani hidup seperti ini sehingga kita menyerahkan diri kepada Kristus yang tinggal dalam kita dengan kaya” (F.B. Meyer).

Perintah-Nya ialah rantingku harus berbuah

Memancarkan wajah-Nya

Memberkati orang lain

Ku berikan seluruh hidup kepada-Mu

Kuyakin akan satu hidup berbuah

Berkelimpah, dan bersatu dengan-Nya

Kupeka terhadap pemangkasannya

Berbuah lebat setiap waktu

---

Doa: Aku menyerahkan diriku yang sepenuhnya untuk tinggal dalam diri-Mu yang kaya dengan kasih dan kekudusan.

## BERSINAR DALAM KEGELAPAN

Renungan: **Kisah Para Rasul 16:23-25**

*Hatiku siap, ya Allah, hatiku siap; aku mahu menyanyi,  
aku mahu bermazmur. —Mazmur 57:8*

Rasul Paulus, Timotius, Lukas, Silas dan beberapa orang lain telah pergi ke Filipi setelah menerima visi bahawa orang Makedonia meminta agar, “Menyeberanglah ke mari dan tolonglah kami!” (Kisah Para Rasul 16:9). Setelah memberitakan injil kepada beberapa wanita di sungai, mereka mengusir iblis daripada seorang hamba yang dirasuk roh tenungan.

Tuan-tuan hamba ini menjadi marah kerana kehilangan keuntungan mereka, lalu menuduh mereka pengacau dan mengajar hal yang tidak dapat diterima oleh kebudayaan penduduk Rom. Pembesar-pembesar kota itu mengoyakkan pakaian mereka, mendera mereka dan melemparkan mereka ke dalam penjara.

Rasul Paulus banyak menderita dalam peristiwa ini, “...telah dianiaya dan dihina di Filipi, namun dengan pertolongan Allah, kami memperoleh keberanian untuk memberitakan Injil Allah kepada kamu dalam perjuangan berat” (1 Tesalonika 1:2b).

Penjara itu gelap, busuk, dingin dan tiada lampu atau kemudahan seperti penjara moden. Kaki mereka dibelenggu dengan pasungan yang kuat (Kisah Para Rasul 16:24). Dapatkah anda bayangkan kesakitan yang dialami oleh mereka?

Palang-palang penjara tidak dapat memenjarakan terang dan nyanyian yang selalu memenuhi rasul Paulus dan kawan-kawan lain. Mereka tidak saling bergaduh atas kebodohan membebaskan roh daripada hamba perempuan itu. Sebaliknya, “Tetapi kira-kira tengah malam Paulus dan Silas berdoa dan menyanyikan puji-pujian kepada Allah dan orang hukuman lain mendengarkan mereka” (Kisah Para Rasul 16:25).

Kemuliaan dan sukacita ilahi tetap mengalir dalam keadaan yang paling gelap dan susah. Pengikut-pengikut Kristian sudah tahu, irama yang akan didengar oleh mereka ialah ucapan syukur. Bahkan sewaktu menerima ancaman maut, Paulus berkata, “Tetapi sekalipun darahku dicurahkan pada korban dan ibadah imanmu, aku bersukacita dengan kamu sekalian” (Kisah Para Rasul 2:17). “Awak tidak dapat dibuangkan ke pulau di mana Allah tidak dekat, dan tidak ada hari ataupun malam yang tidak dapat dijangkau oleh Allah. Di gua pun doa yang terbaik didengar. Umat Tuhan tertentu akan bersinar paling cerah dalam kegelapan” (Charles Spurgeon).

---

Doa: Bapa Syurgawi, Engkau Penaungku dan aku mahu menyanyi  
selalu di bawah sayap-Mu.

## *Kau Boleh Menjadi Jawapan Doa*

*Kau boleh—ya—kau—  
Jadi jawapan satu doa  
Banyak pelayanan yang perlu dilakukan;  
Satu ladang untuk dimenangkan;  
Berjutaan sedang berdoa—  
Tangan terangkat, hati berbisik:  
O Tuhan, betapa lama lagi ya  
Sehingga yang benar boleh menawan yang salah?  
Kau—jawapan doa itu.*



*Jadilah jawapan doa—  
Kau—jawapan satu doa  
Dengan melakukan tugas  
Yang diminta Allah  
Dengan keberanian kau,  
Senyuman kau;  
Kekuatan kau dalam ujian;  
Dengan lagu iman yang kaunyanyikan;  
Keceriaan yang kaubatwa;  
Kau boleh—ya—kau  
Jadi jawapan untuk doa.*



*Jadilah jawapan doa—  
Kau—jawapan satu doa;  
Dengan melakukan bahagian kau  
Setiap hari daripada hati  
Seperti bagi Kristus; di merata tempat  
Dengan bahagia melakukan bahagian kau.  
Duit, pelayanan yang kauberi,  
Hidup, kasih—hidup dengan mulia  
Dan kau tentu akan—  
Kau—jawapan doa*

**—A.D. Berkett**